JUZU' KE-8
SURAH
AL-A'RAF

SURAH KE

7

SURAH AL-A'RAF

Surah Tembok Tinggi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

206

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Muqaddimah surah)

Surah al-A'raf diturunkan di Makkah sama seperti Surah al-An'am. Pokok pembicaraan utamanya ialah pokok pembicaraan utama surah-surah Makkiyah iaitu pembicaraan mengenai 'aqidah, tetapi gelanggang pembicaraan yang digunakan oleh dua surah ini merupakan dua gelanggang yang sangat jauh berbeza dalam menangani maudhu' yang sama dan isu yang besar ini.

Setiap surah Al-Qur'an mempunyai syakhsiyah yang tersendiri dan bentuk wajah yang berbeza, juga mempunyai cara dan gaya pengolahan tersendiri di samping mempunyai bidang tersendiri dalam menangani maudhu' yang sama dan isu yang besar ini.

Semua surah Al-Qur'an itu mempunyai titik pertemuan dari segi maudhu' dan matlamat, kemudian masing-masing mengambil bentuk, gaya dan cara tersendiri yang berlainan, di samping menggunakan bidang ikhtisas masing-masing dalam menangani maudhu' ini dan merealisasikan matlamat ini.

Kedudukan surah-surah Al-Qur'an - dalam aspek ini - samalah dengan kedudukan sifat-sifat individu-individu manusia yang dijadikan Allah dengan rupa bentuk yang berbeza-beza. Seluruh mereka dipanggil manusia belaka dan seluruh mereka mempunyai ciri-ciri manusia dan seluruh mereka mempunyai struktur anggota dan fungsi manusia, tetapi mereka mempunyai rupa bentuk yang begitu berbeza di antara satu sama lain. Di antara mereka terdapat pula individu-individu yang mempunyai bentuk-bentuk wajah yang hampir-hampir serupa dan ada pula yang mempunyai bentuk-bentuk wajah yang sama sekali berlainan kecuali dari aspek ciri-ciri umum manusia.

Demikianlah kebiasaan saya melihat dan merasakan surah-surah Al-Qur'an. Demikianlah kebiasaan saya berkomunikasi dengan surah-surah Al-Qur'an setelah sekian lama bersahabat dari bermesra dengannya dan setelah berkomunikasi sekian lama dengan setiap Surah Al-Qur'an mengikut tabi'at, arah tujuan dan rupa bentuk masing-masing.

Oleh sebab itu saya dapati di dalam surah-surah Al-Qur'an ini suatu kejenuhan dengan sebab adanya kepelbagaian bentuk dan gaya, juga menghayati perasaan mesra kerana adanya hubungan peribadi yang rapat dengan surah-surah itu di samping merasakan keni'matan dengan sebab adanya perbezaan bentuk rupa, tabi'at, arah tujuan dan titik tolak.

Surah-surah itu tidak ubah seperti sahabat-sahabat teman. Semuanya setia dan mesra belaka, semuanya merupakan kekasih yang memberi keni'matan. Hati pembaca mendapati pada semua surah itu berbagai-bagai perkara yang menarik minat yang aneh, berbagai-bagai keni'matan yang baru, berbagai-bagai nada pernyataan yang mempengaruhi hati. Ia membuat surah-surah itu mempunyai kecapan dan suasana yang tersendiri.

Menatap sesuatu surah Al-Qur'an dari awal hingga akhir merupakan satu penjelajahan meninjau berbagai-bagai alam, berbagai-bagai pemandangan, berbagai-bagai hakikat, berbagai-bagai pernyataan dan pandangan yang menarik. Ia merupakan suatu penerokaan di pendalaman jiwa manusia dan suatu tinjauan melihat pemandangan-pemandangan alam al-wujud, namun demikian ia juga merupakan satu penjelajahan yang berlain-lainan di dalam setiap surah dan bersama setiap surah.

* * * * * *

Pokok pembicaraan Surah al-An'am ialah 'aqidah dan pokok pembicaraan Surah Al-A'raf juga 'aqidah, tetapi di antara keduanya terdapat perbezaan. Surah al-An'am memperkatakan tentang 'aqidah itu sendiri, iaitu ia membentangkan maudhu' 'aqidah dan hakikatnya, ia menghadapi jahiliyah Arab di zaman itu, juga menghadapi segala jahiliyah yang lain dengan sifatnya sebagai tuanpunya agama yang benar yang mahu menyebarkan kebenaran. Dalam usaha menghadapi jahiliyah ini, ia membawa pernyataan-pernyataan yang mendalam dan berkesan, iaitu pernyataan-pernyataan yang begitu banyak yang telah kami jelaskan secara umum dan secara terperinci dalam muqaddimah Surah al-An'am dalam juzu' yang ke tujuh, juga di dalam juzu' yang ke lapan ini, di mana kita berdiri di hadapan pernyataan-pernyataan itu selama yang dikehendaki Allah.

Jika Surah al-An'am menggunakan methodologi itu dan mengikuti jalan itu, maka kita dapati Surah al-

A'raf pula menggunakan satu cara yang lain dalam menangani maudhu' 'aqidah. Ia membentangkan maudhu' ini dalam bidang yang lain, iaitu dalam bidang sejarah manusia atau dalam bidang perjalanan seluruh manusia yang bermula dari Syurga dan alam al-Mala'ul-A'la kemudian kembali kepada titik tolaknya semula. Di dalam perjalanan yang begitu panjang itu ia menayangkan pergerakan "angkatan iman" dari sejak Adam a.s hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. Ia mempamerkan bagaimana angkatan yang luhur ini membawa 'aqidah ini di sepanjang sejarah, di mana ia menghadapi umat manusia dari satu generasi ke satu generasi, dari satu kaum kepada satu kaum. Rangkaian ayat-ayat ini melukiskan perjalanan angkatan ini dengan teratur bagaimana umat manusia menyambut angkatan itu dan menerima hidayah yang dibawa olehnya, bagaimana angkatan ini berbicara dengan mereka dan bagaimana mereka menentang dan memeranginya, bagaimana alam al-Mala'ul-A'la memerhati dan mengawasi pergerakan angkatan ini dan bagaimana angkatan ini menyusuri jalan-jalannya menuju kepada Allah, dan bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang mendustakan-Nya dan bagaimana hasil yang diterima oleh orang-orang yang beriman di dunia dan di Akhirat.

Itulah satu perjalanan yang amat jauh, tetapi surah ini memotong perjalanan itu seperingkat demi seperingkat dan berhenti sejenak di kebanyakan tempat yang ditandakan dengan alamat-alamat yang jelas di jalan yang telah ditetapkan, iaitu satu jalan yang terang, di mana satu-satu tandanya ditegakkan di sana sini dan titik permulaan dan titik penghabisan jalan itu telah dimaklumkan dan ditetapkan, dan di jalan inilah umat manusia mengaturkan langkah perjalanannya kemudian memotong jalan yang jauh itu untuk kembali ke alam al-Mala'ul-A'la yang menjadi titik tolak perjalanan hidupnya di alam ini.

Umat manusia berlepas dari titik tolak perjalanannya yang diwakili oleh dua orang, iaitu Adam dan isterinya Hawa yang menjadi ibu dan bapa umat manusia. Turut berlepas bersama mereka ialah syaitan yang telah mendapat keizinan Allah untuk menggoda dan menyesatkan mereka dan anak-anak cucu mereka. Kedua-dua mereka dan anak-anak cucu mereka telah diikatkan dengan perjanjian Allah. Kedua-dua mereka bersama anak-anak cucu mereka telah diuji dengan daya kebolehan membuat pilihan sendiri untuk berpegang kuat dengan janji Allah atau tunduk kepada godaan syaitan yang menjadi musuh ketat mereka dan ibu bapa mereka, kerana syaitanlah yang telah mengeluarkan mereka dari Syurga, juga untuk membolehkan mereka mendengar ayat-ayat dari kalam Allah yang dibawa oleh para rasul yang mulia di sepanjang sejarah atau mendengar pujukan-pujukan syaitan yang tidak pernah berhenti memerangi mereka dengan segala angkatan perangnya dan melancarkan serangan terhadap mereka dari kiri dan kanan.

Manusia bertolak dari alam al-Mala'ul-A'la, iaitu bertolak dari sisi Allah Tuhan mereka menuju ke bumi, di mana ia terpaksa bekerja, berusaha, berpenat lelah, bersusah payah, membaiki dan merosak, membangun dan meruntuh, bertanding dan berperang, mengalami kepayahan dan kepenatan yang tiada siapa terhindar darinya baik orang yang jahat mahupun orang yang bahagia. Dan akhirnya dia kembali semula kepada Allah yang telah melepaskan mereka di bumi ini. Kini dia membawa segala hasil amalan yang telah dilakukannya di sepanjang perjalanan yang telah diaturkan itu, iaitu hasil-hasil amalan yang baik dan yang buruk, yang mahal dan yang murah, yang bernilai dan yang tidak bernilai, yang bagus dan yang bejat, yang elok dan yang keji. Ya, mereka kembali di waktu senja hari itu setelah ia hidup bebas lepas di awal hari itu. Di celah-celah rangkaian ayat-ayat surah ini kita dapat melihat manusia terbongkok-bongkok kerana memikul beban-beban yang berat dari apa sahaja jenisnya. Kini dia kembali kepada Tuhan Penciptanya dengan segala amalan yang dibawa bersama dengannya. Ia kelihatan capek kerana terlalu penat berjalan. Sebaik sahaja ia sampai di titik tolaknya ia meletakkan segala apa yang dibawanya itu di hadapan neraca amalan. Di sini ia berdiri dengan hati yang cemas dan takut. Di sini setiap orang kembali membawa hasil amalan masing-masing dengan sendiriannya sahaja. Tiada siapa yang sanggup menolong memikul amalannya walaupun dari keluarga sendiri. Di sini setiap orang masing-masing menghadapi hisab amalannya dan masing-masing menerima balasannya. Rangkaian ayat-ayat surah ini terus mengikuti bondongan-bondongan manusia sepuak demi sepuak menuju ke Syurga atau ke Neraka. Kemudian pintu-pintu Syurga dan Neraka yang terbuka untuk menyambut golongan para perantau dan pengembara itu ditutup. Mereka menjadi perantau dan pengembara di bumi (kemudian pulang kembali):

كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴿٢٩﴾

"Sebagaimana Allah menciptakan kamu pada mulanya, maka demikianlah pula kamu akan kembali kepada-Nya."(29)

فَرِيقًا هَدَىٰ وَفَرِيقًا حَقَّ عَلَيْهِمُ الضَّلَالَةُ ۗ إِنَّهُمُ اتَّخَذُوا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ اللَّهِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٣٠﴾

"Sebahagian (dari kamu) mendapat hidayah dan sebahagian lagi berhak menerima kesesatan, kerana mereka telah memilih syaitan sebagai penaung-penaung selain dari Allah, sedangkan mereka mengira bahawa mereka telah mendapat hidayah."(30)

Di antara waktu limun pagi dan waktu senja (menjelang Qiamat), rangkaian ayat-ayat surah ini menayangkan pertarungan dan perjuangan di antara kebenaran dan kebatilan, di antara hidayah dan kesesatan, di antara kumpulan para rasul bersama

angkatan para Mu'min yang luhur dengan kumpulan manusia yang berlagak angkuh dan bongkak bersama-sama pengikut mereka yang suka menghina dan menyenda. Ia menayangkan pertarungan-pertarungan yang berulang-ulang kali, nasib-nasib kesudahan yang serupa (yang diterima oleh golongan yang beriman dan golongan yang tidak beriman), di mana lembaran-lembaran iman kelihatan berseri-seri gemilang dan lembaran-lembaran kesesatan kelihatan gelap dan tidak bercahaya. Dan seterusnya ia menayangkan dari masa ke semasa nasib kesudahan yang buruk yang menimpa golongan manusia yang tidak beriman, dan di sinilah ayat-ayat itu berhenti sejenak untuk menyampaikan peringatan dan amaran kepada manusia. Perhentian-perhentian itu diatur sedemikian rupa dalam rangkaian ayat-ayat surah. Selepas melalui suatu peringkat perkembangan yang penting, maka rangkaian ayat-ayat itu seolah-olah berhenti untuk memberi sepatah ulasan atau komentar memberi amaran dan peringatan kemudian ia terus berlalu.

Itulah kisah keseluruhan umat manusia dalam perjalanan pergi dan pulangnya, di mana dapat di lihat pergerakan 'aqidah ini di dalam sejarah manusia dan hasil pergerakan itu dalam perjalanan yang jauh itu hingga sampai kepada matlamatnya yang akhir dalam titik tolaknya yang pertama. Ini merupakan satu cara pembentangan maudhu' 'aqidah yang berlainan dari cara yang digunakan oleh Surah Al-An'am, walaupun kedua-dua surah ini kadang-kadang mempunyai titik persamaan dalam penayangan pemandangan-pemandangan golongan yang tidak beriman, pemandangan-pemandangan Qiamat dan pemandangan-pemandangan alam al-wujud. Ia merupakan satu bidang pembentangan yang jelas berbeza dan berlainan dari bidang pembentangan Surah al-An'am.

Kelainan itu sesuai dengan corak pengungkapan di dalam kedua-dua surah itu, kerana pengungkapan di dalam tiap-tiap surah itu disesuaikan dengan methodologinya dalam membentangkan sesuatu maudhu' yang dibicarakannya. Di dalam Surah al-An'am corak pengungkapannya berlangsung seolah-olah seperti aliran gelombang-gelombang yang deras, sementara kehebatan pemandangan-pemandangan yang ditayangkannya selalu memuncak ke tahap cemerlang dan gemilang dan nada-nadanya juga sampai ke tahap bunyi yang amat nyaring, keras dan kuat. Tetapi corak pengungkapan di dalam Surah alA'raf berlangsung dengan langkah-langkah yang tenang, nada yang lembut dan uslub yang tegas dan jelas seolah-olah sama dengan sifat dan keadaan angkatan kafilah yang berjalan jauh selangkah demi selangkah, satu perjalanan demi satu perjalanan sehingga ia pulang kembali, kadang-kadang nada-nadanya kedengaran keras dan meninggi dalam situasi-situasi menyampaikan ulasan dan komentar, tetapi sebentar selepas itu ia kembali kepada langkah-langkahnya yang perlahan dan teratur.

Selain dari itu kedua-dua surah ini merupakan surah-surah Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah.

* * * * * *

Di sini eloklah kita meninjau dan mengkaji methodologi yang diikuti oleh Surah al-A'raf dalam menangani maudhu' 'aqidah dalam bentuk pergerakan 'aqidah ini di dalam arus sejarah manusia.

Kisah 'aqidah ini di dalam sejarah manusia dan kisah perjalanan manusia dari permulaan kejadiannya hingga kepada kepulangannya yang akhir tidaklah dibentangkan oleh surah ini dalam bentuk dan gaya pembentangan cerita, malah ia menayangkan kisah 'aqidah itu dalam bentuk perjuangan dan pertarungannya dengan jahiliyah. Oleh sebab itu ia membentangkan pertarungan ini di dalam berbagai-bagai pemandangan dan situasi. Ia menggunakan pemandangan-pemandangan dan situasi-situasi ini untuk menghadapi kumpulan manusia yang menentang Al-Qur'an dan tentangan mereka dijawab oleh Al-Qur'an dengan kisah yang panjang itu. Al-Qur'an berbicara dengan mereka dengan mengemukakan contoh teladan yang memberi peringatan dan amaran kepada mereka. Al-Qur'an bertempur dengan mereka dalam satu perjuangan yang haqiqi dan hidup. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengemukakan ulasan-ulasan dan komentar-komentar selepas selesai setiap peringkat perjuangan yang asasi. Ulasan-ulasan itu ditujukan kepada kumpulan manusia yang hidup yang diperangi oleh Al-Qur'an, juga ditujukan kepada golongan manusia yang sama dengan mereka dan bersikap seperti mereka di sepanjang sejarah.

Mana-mana kisah yang dikemukakan oleh Al-Qur'an adalah bertujuan untuk menghadapi sesuatu situasi, begitu juga mana-mana hakikat yang dijelaskan oleh Al-Qur'an adalah bertujuan untuk mengubahkan kebatilan. Al-Qur'an bergerak dengan pergerakan yang hidup dan realistik di dalam persekitaran yang realistik dan hidup. Al-Qur'an tidak menjelaskan hakikat-hakikatnya untuk tujuan menungan semata-mata dan tidak pula menceritakan kisah-kisahnya semata-mata dengan tujuan untuk menghayati keni'matan seni.

* * * * * *

Rangkaian ayat-ayat surah ini memusatkan kepada tujuan memberi peringatan dan amaran ketika membuat perhentian-perhentian sejenak untuk mengemukakan ulasan dan komentar, juga memusatkan kepada persoalan titik tolak dan titik kembali manusia sambil membawa kisah-kisah kaum Nuh, kaum Hud, kaum Soleh, kaum Lut dan kaum Syu'ayb dan memberi tekanan yang berat kepada kisah kaum Musa.

Dalam muqaddimah surah ini kami harus mengemukakan contoh-contoh yang ringkas

mengenai tempat-tempat di mana pemusatan dan penekanan itu dilakukan di dalam surah ini.

Surah ini dimulakan begini:

المٓصٓ ﴿١﴾

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ فَلَا يَكُن فِي صَدۡرِكَ حَرَجٞ مِّنۡهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٢﴾

ٱتَّبِعُواْ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُمۡ وَلَا تَتَّبِعُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَۗ قَلِيلٗا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

"Alif, lam, mim, sad (1). (Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad). Oleh itu janganlah ada sesuatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya dengan perantaraannya engkau dapat menyampaikan amaran (kepada manusia) dan supaya menjadi peringatan kepada orang-orang yang beriman (2). Ikutilah segala apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu ikuti pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah. (Malangnya) sedikit sekali kamu mengambil peringatan."(3)

Ayat-ayat surah ini dari detik pertama lagi ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada kaumnya yang dihadapi beliau dengan panduan Al-Qur'an. Selepas itu segala kandungan yang terdapat di dalam surah ini dalam bentuk kisah-kisah, pemerian tentang sejarah perjalanan manusia yang amat jauh dan cerita kepulangannya dari perjalanan yang telah ditetapkan itu dan segala tayangan yang mempamerkan pemandangan-pemandangan di alam buana dan pemandangan-pemandangan pada hari Qiamat adalah dituju secara tidak langsung atau kadang-kadang secara langsung kepada Nabi s.a.w. dan kepada kaumnya sebagai amaran dan peringatan sebagaimana dibayangkan oleh ayat-ayat permulaan yang pendek tadi.

Firman Allah yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ فَلَا يَكُن فِي صَدۡرِكَ حَرَجٞ مِّنۡهُ

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad). Oleh itu janganlah ada sesuatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu"(2)

menggambarkan satu keadaan realiti yang tidak mungkin difahami hari ini kecuali oleh orang yang hidup di dalam jahiliyah dan bertugas mengajak manusia kepada Islam, di mana ia sedar bahawa ia sedang memperjuangkan sesuatu yang amat besar, berat dan penuh dengan kesulitan-kesulitan yang hebat, iaitu berjuang untuk menegakkan 'aqidah, kefahaman, nilai-nilai, neraca pertimbangan, undang-undang dan peraturan. Juga berjuang untuk mewujudkan situasi-situasi yang sama sekali berlainan dari situasi-situasi yang wujud di dalam dunia manusia. Dan dalam waktu yang sama ia dapati jiwa dan akal manusia dicemari oleh kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang kotor dan kefahaman-kefahaman jahiliyah yang karut di samping nilai jahiliyah yang mengongkong kehidupan manusia dan tekanan-tekanannya terhadap undang-undang dan peraturan masyarakat dan terhadap perasaan dan saraf manusia hingga membuat ia merasa bahawa agama yang benar yang dibawa olehnya itu merupakan satu perkara yang aneh dan asing kepada masyarakat, satu perkara yang amat berat dan sukar diterima oleh jiwa dan hati manusia, iaitu satu agama yang mengenakan taklif-taklif dan tugas-tugas yang bertujuan mencetuskan satu revolusi yang menyeluruh terhadap kefahaman-kefahaman, pemikiran-pemikiran, tradisi-tradisi, kedudukan-kedudukan dan pola perhubungan yang dikenali oleh manusia dalam jahiliyah mereka. Oleh sebab itulah ia merasa berat di dalam hatinya untuk mengemukakan agama yang benar dan berat itu kepada manusia. Itulah rasa keberatan dan kesulitan yang diperingatkan Allah kepada Nabi-Nya s.a.w agar perasaan sedemikian tidak wujud di dalam hatinya terhadap kitab suci Al-Qur'an dan agar ia terus berjuang memberi peringatan dan amaran kepada manusia dengan perantaraan Al-Qur'an dan tidak menghiraukan sebarang bantahan, cemuhan, tentangan dan kesulitan yang dihadapi oleh agama yang benar itu.

Oleh sebab urusan penyebaran agama itu begitu berat dan dipandang asing dan seterusnya menimbulkan penentangan terhadap perubahan yang menyeluruh yang ditegakkan oleh agama ini di dalam kehidupan dan kefahaman-kefahaman manusia. Maka ayat-ayat surah ini dari awal-awal lagi memberi amaran yang tegas kepada orang-orang yang tidak beriman dan mengingatkan mereka tentang nasib kesudahan yang buruk yang menimpa kaum-kaum yang tidak beriman di zaman-zaman silam. Ia menyebut keadaan mereka secara umum sebelum ia mengemukakan kisah-kisah mereka dengan terperinci di tempat masing-masing:

وَكَم مِّن قَرۡيَةٍ أَهۡلَكۡنَٰهَا فَجَآءَهَا بَأۡسُنَا بَيَٰتًا أَوۡ هُمۡ قَآئِلُونَ ﴿٤﴾

فَمَا كَانَ دَعۡوَىٰهُمۡ إِذۡ جَآءَهُم بَأۡسُنَآ إِلَّآ أَن قَالُوٓاْ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٥﴾

فَلَنَسۡـَٔلَنَّ ٱلَّذِينَ أُرۡسِلَ إِلَيۡهِمۡ وَلَنَسۡـَٔلَنَّ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٦﴾

فَلَنَقُصَّنَّ عَلَيۡهِم بِعِلۡمٖۖ وَمَا كُنَّا غَآئِبِينَ ﴿٧﴾

وَٱلۡوَزۡنُ يَوۡمَئِذٍ ٱلۡحَقُّۚ فَمَن ثَقُلَتۡ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ﴿٨﴾

وَمَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُم بِمَا كَانُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا يَظْلِمُونَ ﴿٩﴾

"Dan berapa banyak negeri yang telah Kami binasakan, iaitu mereka telah di timpa 'azab Kami pada waktu malam atau ketika mereka sedang beristirehat di waktu tengah hari (4). Maka tidak ada perkataan yang diucapkan mereka ketika mereka di timpakan 'azab Kami melainkan mereka berkata: 'Sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim' (5). Oleh kerana itu Kami akan menyoal umat-umat yang telah diutuskan para rasul kepada mereka dan juga akan menyoal rasul-rasul itu sendiri (6). Kemudian Kami akan menceritakan kepada mereka (segala apa yang dilakukan mereka) mengikut ilmu pengetahuan (Kami yang tepat) dan Kami tidak pernah ghaib (tidak ada) dari mengawasi mereka (7). Dan timbangan amalan pada hari itu adalah timbangan yang benar. Oleh itu sesiapa yang berat timbangan amalannya, maka merekalah orang-orang yang beruntung (8). Dan sesiapa yang ringan timbangan amalannya, maka merekalah orang-orang yang merugikan diri sendiri kerana bertindak zalim terhadap ayat-ayat Kami."(9)

Selepas muqaddimah ini penceritaan kisah pun dimulakan. Ia dimulakan dengan cerita bagaimana Allah menempatkan umat manusia di muka bumi ini dengan kedudukan yang teguh, kerana Allah telah mengadakan di alam buana ini berbagai-bagai ciri dan kesesuaian yang memungkinkan makhluk manusia ini hidup dan mendapat kedudukan yang teguh di bumi ini, juga kerana Allah mengurniakan kepada makhluk manusia ciri-ciri dan kesesuaian-kesesuaian yang secocok dengan alam buana, di samping mengurniakan kebolehan memahami rahsia-rahsia alam dan menggunakannya, juga kebolehan untuk mengambil manfa'at dari tenaga-tenaga alam, potensi-potensi, sumber-sumber simpanan dan makanan-makanannya:

وَلَقَدْ مَكَّنَّـٰكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَـٰيِشَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu di bumi ini dengan kedudukan yang teguh dan di sana Kami jadikan untuk kamu sumber-sumber kehidupan, (tetapi malangnya) sedikit sekali kamu bersyukur."(10)

Kenyataan ini hanya merupakan pendahuluan untuk membentangkan kisah penciptaan kejadian manusia yang pertama dan menggambarkan titik tolak, di mana manusia memulakan perjalanannya yang telah ditetapkan Allah. Penjelasan di dalam surah ini ditekankan pada titik tolak itu di samping membentangkan kisah penciptaan kejadian manusia dan menjadikannya sebagai tempat ulasan dan komentar untuk memberi amaran dan peringatan kepada manusia yang diambil dari pemandangan-pemandangan dan peristiwa-peristiwa yang ditayangkan dalam surah ini, yang mengemukakan pengajaran-pengajaran yang menarik dan pernyataan-pernyataan yang berkesan dan mendalam:

وَلَقَدْ خَلَقْنَـٰكُمْ ثُمَّ صَوَّرْنَـٰكُمْ ثُمَّ قُلْنَا لِلْمَلَـٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ لَمْ يَكُن مِّنَ ٱلسَّـٰجِدِينَ ﴿١١﴾

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ ۖ قَالَ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِى مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

قَالَ فَٱهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَن تَتَكَبَّرَ فِيهَا فَٱخْرُجْ إِنَّكَ مِنَ ٱلصَّـٰغِرِينَ ﴿١٣﴾

قَالَ أَنظِرْنِىٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤﴾

قَالَ إِنَّكَ مِنَ ٱلْمُنظَرِينَ ﴿١٥﴾

قَالَ فَبِمَآ أَغْوَيْتَنِى لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَٰطَكَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿١٦﴾

ثُمَّ لَـَٔاتِيَنَّهُم مِّنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَـٰنِهِمْ وَعَن شَمَآئِلِهِمْ ۖ وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَـٰكِرِينَ ﴿١٧﴾

قَالَ ٱخْرُجْ مِنْهَا مَذْءُومًا مَّدْحُورًا ۖ لَّمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٨﴾

وَيَـٰٓـَٔادَمُ ٱسْكُنْ أَنتَ وَزَوْجُكَ ٱلْجَنَّةَ فَكُلَا مِنْ حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَـٰذِهِ ٱلشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٩﴾

فَوَسْوَسَ لَهُمَا ٱلشَّيْطَـٰنُ لِيُبْدِىَ لَهُمَا مَا وُۥرِىَ عَنْهُمَا مِن سَوْءَٰتِهِمَا وَقَالَ مَا نَهَىٰكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَـٰذِهِ ٱلشَّجَرَةِ إِلَّآ أَن تَكُونَا مَلَكَيْنِ أَوْ تَكُونَا مِنَ ٱلْخَـٰلِدِينَ ﴿٢٠﴾

وَقَاسَمَهُمَآ إِنِّى لَكُمَا لَمِنَ ٱلنَّـٰصِحِينَ ﴿٢١﴾

فَدَلَّىٰهُمَا بِغُرُورٍ ۚ فَلَمَّا ذَاقَا ٱلشَّجَرَةَ بَدَتْ لَهُمَا سَوْءَٰتُهُمَا وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِن وَرَقِ ٱلْجَنَّةِ ۖ وَنَادَىٰهُمَا رَبُّهُمَآ أَلَمْ أَنْهَكُمَا عَن تِلْكُمَا ٱلشَّجَرَةِ وَأَقُل لَّكُمَآ إِنَّ ٱلشَّيْطَـٰنَ لَكُمَا عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٢﴾

قَالَا رَبَّنَا ظَلَمْنَآ أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

قَالَ ٱهْبِطُوا۟ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ ۖ وَلَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٢٤﴾

قَالَ فِيهَا تَحْيَوْنَ وَفِيهَا تَمُوتُونَ وَمِنْهَا تُخْرَجُونَ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dan membentuk rupa kamu, kemudian Kami berfirman kepada para malaikat: 'Sujudlah kepada Adam!' Lalu mereka sujud kecuali Iblis sahaja yang tidak termasuk di dalam golongan yang sujud (11). Allah berfirman: 'Apakah yang telah menghalangkan engkau dari sujud (kepada Adam) sewaktu Aku perintahkan engkau?' Iblis menjawab: 'Aku lebih baik dari dia (Adam) kerana engkau menciptakan aku dari api dan menciptakannya dari tanah.'(12) Allah berfirman: 'Turunlah engkau dari Syurga, engkau tidak sepatutnya berlagak sombong di Syurga ini, oleh itu keluarlah! Sesungguhnya engkau tergolong dalam kumpulan mereka yang hina' (13). Iblis merayu: 'Berilah tempoh kepada aku sehingga hari manusia dibangkitkan kembali' (14). Allah menjawab: 'Sesungguhnya engkau dari golongan mereka yang diberikan tempoh' (15). Iblis berkata: 'Oleh kerana Engkau telah menghukumkan aku menjadi sesat, maka demi sesungguhnya aku tetap menunggu mereka untuk menghalangkan mereka dari jalan-Mu yang lurus' (16). Kemudian aku tetap datang menggoda mereka dari hadapan dan belakang mereka, dari kanan dan kiri mereka dan Engkau tidak dapati kebanyakan mereka bersyukur (17). Allah berfirman: 'Keluarlah engkau dari Syurga ini dengan keadaan hina-dina dan terbuang. Sesungguhnya siapa di antara mereka yang mengikut engkau, nescaya Aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan golongan kamu seluruhnya' (18). Wahai Adam! Tinggallah bersama isterimu di dalam Syurga dan makanlah apa sahaja yang diingini kamu berdua, tetapi janganlah kamu hampiri pokok ini kerana akibatnya akan menjadikan kamu berdua dari golongan mereka yang zalim (19). Lalu syaitan menghasut mereka (memakan buah pokok larangan) dengan tujuan untuk mendedahkan 'aurat mereka yang selama ini terlindung dari mereka, lalu ia berkata: 'Sebenarnya Tuhan kamu tidak melarang kamu mendekati pokok ini melainkan supaya kamu tidak menjadi malaikat atau tidak menjadi dari golongan mereka yang hidup kekal abadi' (20). Dan dia (iblis) bersumpah kepada keduanya: 'Sesungguhnya aku adalah dari mereka yang ingin memberi nasihat kepada kamu berdua' (21). Lalu syaitan memujuk mereka (memakan buah pokok itu) dengan tipudaya (yang licin), setelah mereka memakan buah pokok itu terdedahlah kepada mereka 'aurat mereka dan mulalah mereka menutupinya dengan daun-daun Syurga, lalu Allah menyeru mereka: 'Bukankah Aku telah melarang kamu mendekati pokok itu dan berkata kepada kamu bahawa syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata? (22) Mereka berdua berdo'a: 'Wahai Tuhan kami! Kami telah menzalimi diri kami sendiri dan jika engkau tidak memberi keampunan dan rahmat kasihan belas kepada kami sudah tentu kami jadi dari golongan mereka yang rugi (23). Allah berfirman: 'Turunlah kamu (ke bumi), di mana kamu akan berseteru satu sama lain. Dan di bumi disediakan untuk kamu tempat kediaman dan ni'mat kesenangan untuk satu jangka waktu yang tertentu' (24). Allah berfirman lagi: 'Di bumi kamu hidup dan di bumi juga kamu mati dan dari bumi kelak kamu akan dikeluarkan kembali."(25)

Inilah pemandangan titik tolak penciptaan manusia yang menentukan kesudahan seluruh perjalanannya dan kesudahan seluruh pengembaraannya. Di sini jelas kelihatan tanda-tanda pertama akan tercetusnya pertarungan besar yang tidak akan reda walau sedetik pun di sepanjang perjalanan yang jauh itu di antara syaitan yang memperlihatkan perseteruannya yang terbuka terhadap seluruh anak Adam, dan di sini juga jelas kelihatan titik-titik kelemahan pada keseluruhan manusia, yang menjadi lubang-lubang terbuka yang dapat ditembusi syaitan.

Oleh sebab itu ayat-ayat surah ini menggunakan pemandangan ini sebagai tempat yang sesuai untuk mengemukakan ulasan dan komentar yang panjang, yang bertujuan memberi amaran dan peringatan kepada anak-anak cucu Adam dari peristiwa-peristiwa yang telah berlaku kepada moyang mereka Adam dan Hawa yang menghadapi syaitan selaku musuh mereka yang amat degil. Dan di bawah pemandangan itu, di mana syaitan berdepan dengan Adam dan isterinya yang menjadi ibu bapa manusia, juga di bawah bayangan akibat dari pertarungan pusingan pertama ini, ayat-ayat yang berikut ditujukan kepada anak-anak Adam untuk mengingatkan mereka dari menerima akibat yang seperti ini:

يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ قَدْ أَنزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَٰرِى سَوْءَٰتِكُمْ وَرِيشًا ۖ وَلِبَاسُ ٱلتَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ ۚ ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٢٦﴾

يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ لَا يَفْتِنَنَّكُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ كَمَآ أَخْرَجَ أَبَوَيْكُم مِّنَ ٱلْجَنَّةِ يَنزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوْءَٰتِهِمَآ ۗ إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ ۗ إِنَّا جَعَلْنَا ٱلشَّيَٰطِينَ أَوْلِيَآءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٧﴾

"Wahai anak-anak Adam! Kami telah menurunkan untuk kamu pakaian-pakaian yang menutup 'aurat kamu dan pakaian-pakaian indah untuk perhiasan, tetapi pakaian taqwa itulah pakaian yang paling baik. Itulah sebahagian dari pengajaran-pengajaran Allah supaya mereka mengambil peringatan (26). Wahai anak-anak Adam! Janganlah sekali-kali kamu diperdayakan syaitan sebagaimana ia telah berjaya mengeluarkan ibu bapa kamu dari Syurga, di mana ia menanggalkan pakaian mereka untuk mendedahkan 'aurat mereka. Sesungguhnya dia dan suku sakatnya melihat kamu dari tempat yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami jadikan syaitan-syaitan itu selaku pemimpin-pemimpin kepada orang-orang yang tidak beriman."(27)

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ إِمَّا يَأۡتِيَنَّكُمۡ رُسُلٞ مِّنكُمۡ يَقُصُّونَ عَلَيۡكُمۡ ءَايَٰتِي فَمَنِ ٱتَّقَىٰ وَأَصۡلَحَ فَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ٣٥

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱسۡتَكۡبَرُواْ عَنۡهَآ أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٣٦

"Wahai anak-anak Adam! Jika datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu yang mengislahkan dirinya, nescaya tidak ada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita (35). Dan ada pun orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan bersikap angkuh terhadapnya, merekalah penghuni-penghuni Neraka yang kekal abadi di dalamnya."(36)

Di sini kita harus perhatikan pemandangan bogel atau telanjang selepas Adam dan Hawa melakukan perbuatan yang dilarang dan usaha mereka menutupkan 'aurat mereka dengan daun-daun Syurga, dan di samping itu kita harus perhatikan pula kepada ulasan ayat-ayat tadi yang mengingatkan anak-anak Adam terhadap limpah kurnia Allah yang telah menurunkan pakaian-pakaian yang menutup 'aurat dan pakaian-pakaian cantik yang menjadi perhiasan serta mengingatkan mereka dari angkara tipudaya syaitan yang mahu menanggalkan pakaian-pakaian mereka sebagaimana yang telah dilakukannya kepada moyang mereka Adam dan Hawa. Kita harus perhatikan bahawa babak telanjang dalam kisah Adam dan Hawa serta ulasannya itu adalah disebut sedemikian rupa kerana menghadapi realiti yang wujud dalam masyarakat jahiliyah Arab yang musyrik pada masa itu yang mana kerana terpengaruh kepada dongeng-dongeng dan tradisi-tradisi yang tertentu mereka telah melakukan amalan tawaf di Baitullah dengan keadaan bertelanjang dan mengharamkan beberapa jenis pakaian dan makanan di dalam masa mengerjakan ibadat haji dengan anggapan bahawa segala apa yang dilakukan mereka adalah dari peraturan-peraturan yang disyari'atkan Allah, iaitu Allah telah mengharamkan kepada mereka apa yang mereka haramkan kepada diri mereka. Oleh sebab itulah dalam masa membentangkan kisah penciptaan manusia serta ulasannya disebut sesuatu yang sesuai untuk menghadapi realiti yang wujud dalam jahiliyah Arab, malah lebih tepat dalam setiap jahiliyah, kerana bukankah ciri yang menonjol dari setiap jahiliyah itu ialah berbogel, mendedahkan diri, kurang malu kepada Allah dan kurang bertaqwa?

Hasil perhatian ini memperlihatkan kepada kita salah satu dari ciri-ciri methodologi Al-Qur'an yang wajar difikirkan, iaitu Al-Qur'an tidak menyebutkan sesuatu termasuk kisah-kisah melainkan dengan tujuan untuk menghadapi sesuatu keadaan yang wujud pada masa itu. Oleh sebab Al-Qur'an selalu menghadapi sesuatu keadaan yang tertentu, maka hakikat yang dibicarakannya dan babak kisah yang diceritakannya di mana-mana tempat adalah disebut sekadar yang sesuai dengan keadaan yang wujud yang dihadapi oleh ayat-ayat pada masa itu selaras dengan suasananya.

Kesimpulan ini di samping huraian kami mengenai methodologi Al-Qur'an di dalam muqaddimah Surah al-An'am (juzu' yang ke tujuh) merupakan satu kaedah umum Al-Qur'an, iaitu methodologi Al-Qur'an tidak membentangkan sesuatu yang tidak diperlukan oleh keadaan yang wujud di masa itu. Al-Qur'an tidak menyimpan maklumat-maklumat dan hukum-hukum termasuk kisah-kisah sehingga tiba masa yang benar-benar memerlukannya.

Sekarang, sebelum angkatan kafilah manusia berlepas mengikuti jalannya dan sebelum kafilah itu berdepan dengan para rasul yang membawa hidayat dan sebelum ayat-ayat surah ini menceritakan dengan terperinci bagaimana 'aqidah atau agama Allah ini bergerak bersama sejarah manusia selepas Adam dan isterinya Hawa serta pengalaman mereka yang pertama, maka kini ayat-ayat surah ini dari awal-awal lagi menayangkan pemandangan babak penghabisan perjalanan agung manusia mengikut cara Al-Qur'an yang selalu menayangkan perjalanan manusia yang agung itu dengan tayangan yang merangkul kedua-dua babaknya sekali, iaitu babak perjalanan di alam dunia selaku alam ujian dan babak perjalanan di alam Akhirat selaku alam balasan, seolah kedua-duanya merupakan satu perjalanan yang bersambung-sambung.

Di dalam surah ini kita dapati satu pemandangan hari Qiamat yang paling panjang di antara pemandangan-pemandangan Qiamat yang lain, satu pemandangan yang paling terperinci, paling kaya dengan berbagai-bagai sindiran yang silih berganti dan aneka ragam dialog. Kedudukan pemandangan itu di dalam surah ini adalah selaku ulasan terhadap kisah Adam yang dikeluarkan dari Syurga. Kerana dia dan isterinya terpesona kepada godaan dan tipudaya Iblis, juga selaku peringatan dari Allah kepada anak-anak Adam supaya tidak terpedaya kepada godaan syaitan yang telah mengeluarkan dua ibu bapa mereka dari Syurga, dan seterusnya selaku penjelasan dari Allah kepada mereka bahawa Dia akan mengutuskan rasul-rasul kepada mereka untuk menjelaskan perintah-perintah Allah kepada mereka. Kedudukan pemandangan ini juga tepat dengan apa yang diceritakan oleh rasul-rasul itu. Di sini kita melihat orang-orang yang tunduk dan menyerah kepada syaitan diharamkan dari pulang ke Syurga. Dan di sini juga kita melihat orang-orang yang menentang syaitan dan ta'at kepada Allah telah dikembalikan semula ke dalam Syurga:

وَنُودُوٓاْ أَن تِلۡكُمُ ٱلۡجَنَّةُ أُورِثۡتُمُوهَا بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٤٣

"Dan mereka diseru: 'Itulah Syurga yang dikurniakan sebagai warisan kepada kamu dengan sebab amalan yang telah dilakukan kamu.'"(43)

Kini orang-orang yang merantau jauh itu telah pulang kembali ke dalam Syurga alam ni'mat! Pemandangan Qiamat itu begitu panjang hingga tidak dapat dimuatkan di dalam muqaddimah yang pendek ini dan selepas itu kita akan menghuraikannya dengan terperinci.

Ayat yang berikut menggunakan pemandangan ini sebagai tempat yang sesuai untuk dikemukakan ulasan dan komentar yang memberi amaran dan peringatan kepada orang-orang yang mendustakan Al-Qur'an dan menuntut mu'jizat-mu'jizat untuk membuktikan kebenarannya, dari menerima nasib kesudahan yang amat buruk:

وَلَقَدْ جِئْنَٰهُم بِكِتَٰبٍ فَصَّلْنَٰهُ عَلَىٰ عِلْمٍ هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾

هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّا تَأْوِيلَهُۥ ۚ يَوْمَ يَأْتِى تَأْوِيلُهُۥ يَقُولُ ٱلَّذِينَ نَسُوهُ مِن قَبْلُ قَدْ جَآءَتْ رُسُلُ رَبِّنَا بِٱلْحَقِّ فَهَل لَّنَا مِن شُفَعَآءَ فَيَشْفَعُوا۟ لَنَآ أَوْ نُرَدُّ فَنَعْمَلَ غَيْرَ ٱلَّذِى كُنَّا نَعْمَلُ ۚ قَدْ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٥٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah membawa kepada mereka kitab (Al-Qur'an) yang Kami huraikannya dengan terperinci mengikut ilmu (Kami) untuk menjadi petunjuk dan rahmat kepada golongan yang beriman (52). Tiada apa yang ditunggu-tunggukan mereka kecuali kebenaran yang dinyatakan oleh Al-Qur'an dan pada hari datangnya kebenaran Al-Qur'an, berkatalah orang-orang yang telah melupakannya sebelum ini: Sebenarnya para rasul yang diutuskan oleh Tuhan kami itu telah membawa kebenaran. Alangkah baik bagi kami mendapatkan pemberi-pemberi syafa'at agar mereka memberi syafa'at kepada kami atau kami dikembalikan semula (ke dunia) agar kami dapat melakukan amalan yang berlainan dari amalan yang telah kami lakukannya. Mereka sebenarnya telah merugikan diri sendiri dan tuhan-tuhan yang diada-adakan mereka telah hilang lenyap dari mereka."(53)

* * * * * *

Setelah menempuh perjalanan yang amat jauh itu, iaitu perjalanan dari alam kelahiran ke alam Akhirat, ayat-ayat yang berikut berhenti sebentar untuk mengemukakan ulasan dan komentar yang menjelaskan "hakikat Uluhiyah" dan "hakikat 'Ubudiyah" dengan menayangkan pemandangan-pemandangan alam buana yang menyaksikan hakikat itu mengikut cara penjelasan Al-Qur'an yang menggunakan seluruh alam buana ini sebagai wadah, di mana hakikat ini dapat di lihat dengan jelas kesan-kesannya yang unik, yang melahirkan saranan-saranan yang mendalam di dalam hati apabila hakikat itu diterima dengan hati yang terbuka dan terang. Tujuan asasi dari penjelajahan meninjau pemandangan-pemandangan alam dan rahsia-rahsia di sebalik itu ialah menjelaskan hakikat i'tiqad yang asasi, iaitu seluruh alam buana ini tunduk dan mengaku 'Ubudiyahnya kepada Allah Yang Maha Esa. Hanya Allah sahaja Tuhan yang memelihara dan menguasainya. Oleh sebab itu adalah lebih wajar bagi makhluk manusia agar tidak menjadi suara yang sumbang di dalam lagu alam yang beriman itu dan agar tidak memisahkan dirinya dari pengakuan 'Ubudiyah kepada Allah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan seluruh alam buana ini. Dialah Tuhan Pemelihara semesta alam.

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ يَطْلُبُهُۥ حَثِيثًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ وَٱلنُّجُومَ مُسَخَّرَٰتٍۭ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ أَلَا لَهُ ٱلْخَلْقُ وَٱلْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٥٤﴾

ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

وَلَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَٰحِهَا وَٱدْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى يُرْسِلُ ٱلرِّيَٰحَ بُشْرًۢا بَيْنَ يَدَىْ رَحْمَتِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَقَلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَٰهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنزَلْنَا بِهِ ٱلْمَآءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ مِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ ۚ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ ٱلْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

وَٱلْبَلَدُ ٱلطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُۥ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَٱلَّذِى خَبُثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا ۚ كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dialah yang menjadikan malam menutup hari siang yang bersungguh-sungguh mengejar hari malam. Dan Dialah yang menciptakan matahari, bulan dan bintang-bintang yang dikendalikan dengan perintah-Nya. Ingatlah bahawa Allah memiliki urusan penciptaan dan pemerintahan alam. Maha

Suci Tuhan Pemelihara semesta alam (54). Berdo'alah kepada Tuhan kamu dengan rendah diri dan dengan suara yang perlahan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang pelampau (55). Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi setelah Allah memperbaikinya. Dan berdo'alah kepada Allah dengan perasaan takut dan penuh harapan. Sesungguhnya rahmat Allah itu amat dekat kepada para Muhsinin (56). Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita gembira sebelum turun rahmat-Nya (hujan) sehingga apabila angin itu membawa awan mendung yang sarat dengan air Kami arahkannya ke negeri yang mati (tandus) dan Kami turunkan di sana air hujan lalu Kami mengeluarkan dengan air itu berbagai-bagai pokok buah-buahan. Demikianlah juga Kami mengeluarkan (menghidupkan) orang-orang yang mati semoga kamu mengambil peringatan (57). Dan negeri yang mempunyai tanah yang baik, maka tumbuhan dan tanamannya tumbuh subur dengan keizinan Allah. Dan negeri yang mempunyai tanah yang tidak baik, maka tumbuhan dan tanamannya tidak tumbuh melainkan dalam keadaan bantut. Demikianlah Kami menjelaskan tanda-tanda kekuasaan Kami dengan berbagai cara kepada orang-orang yang bersyukur."(58)

* * * * * *

Kini umat manusia meneruskan perjalanannya dan kisah-kisah para rasul terus berlangsung. Angkatan iman yang luhur terus tampil menyeru golongan-golongan yang sesat, memberi peringatan dan amaran agar mereka tidak menerima nasib kesudahan yang buruk. Sementara golongan manusia yang sesat pula terus berbelit-belit dan berdegil. Mereka menyambut da'wah yang baik itu dengan penuh kedegilan dan penentangan, kemudian mereka bertindak zalim dan kejam. Di sinilah Allah menerajui perjuangan itu selepas para rasul melaksanakan tugas-tugas mereka yang berusaha memberi peringatan dan amaran kepada kaum mereka masing-masing tetapi da'wah mereka disambut oleh kaum mereka dengan kata-kata pendustaan dan dengan sikap yang tidak peduli, kemudian dengan tindakan yang kejam dan gangguan-gangguan yang menyakiti. Seterusnya Allah menerajui perjuangan itu setelah orang-orang yang beriman berpisah dari kaum mereka kerana menjaga 'aqidah dan memilih Allah Yang Maha Esa sahaja serta menyerahkan segala urusan kepada-Nya.

Ayat-ayat yang berikut menayangkan kisah Nuh, kisah Hud, kisah Soleh, kisah Lut dan kisah Syu'ayb bersama-sama kaum mereka masing-masing. Mereka mengemukakan kepada kaum mereka masing-masing satu hakikat yang sama yang tidak berubah dan bertukar ganti, iaitu:

فَقَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓ

"Wahai kaumku, sembahkanlah Allah, tiada Tuhan yang lain bagi kamu selain Allah."(59)

Kaum mereka mempertikai dan membantah konsep bahawa sifat Uluhiyah itu hanya tertentu kepada Allah S.W.T sahaja. Mereka menolak konsep yang menentukan sifat Rububiyah itu hanya kepada Allah sahaja. Mereka juga mempertikaikan tentang persoalan bahawa Allah menghantarkan utusan-Nya dari makhluk manusia untuk membawa agama kepada mereka. Setengah mereka pula mempertikaikan kebenaran bahawa agama mempunyai kaitan dengan urusan hidup keduniaan dan turut campur tangan dalam urusan pentadbiran kewangan dan perniagaan. Pandangan ini sama sahaja dengan pandangan yang dikemukakan pada hari ini oleh setengah-setengah golongan manusia yang hidup di dalam jahiliyah zaman kini mengenai isu yang sama selepas dilalui puluhan abad. Mereka namakan pandangan jahiliyah yang lama ini sebagai pandangan bebas dan progres. Ayat-ayat yang berikut juga menayangkan peristiwa-peristiwa kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum yang menolak da'wah di akhir setiap kisah.

Setiap orang yang meneliti semua kisah yang diceritakan dalam surah ini akan dapati bahawa setiap rasul mengemukakan seruan yang sama kepada kaum mereka iaitu:

فَقَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓ

"Wahai kaumku, sembahkanlah Allah, tiada Tuhan yang lain bagi kamu selain Allah."(59)

Setiap rasul mengemukakan kepada kaum mereka hakikat yang diamanahkan kepada mereka selaku penasihat yang ikhlas yang merasa takut dan bimbang terhadap nasib kaum mereka dari di timpa akibat buruk yang diketahui mereka tanpa disedari oleh kaum mereka, tetapi kaum-kaum itu tidak menghargai nasihat para rasul itu dan tidak pula memikirkan tentang akibat-akibat tindakan mereka. Mereka tidak merasa betapa mendalamnya keikhlasan yang tersemat di dalam hati seorang rasul, iaitu keikhlasan yang bersih dari segala kepentingan peribadi, dan betapa mendalamnya rasa kesedaran seorang rasul terhadap tanggungjawabnya yang besar.

Sebagai contoh di sini cukuplah kita menyebut kisah yang pertama iaitu kisah Nuh dan kisah yang akhir iaitu kisah Syu'ayb di antara kumpulan kisah-kisah yang diceritakan di dalam surah ini, di mana ayat-ayat yang berikut berhenti sejenak selepas menceritakannya untuk mengemukakan ulasan dan komentar:

لَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوۡمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ٥٩

قَالَ ٱلۡمَلَأُ مِن قَوۡمِهِۦٓ إِنَّا لَنَرَىٰكَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٦٠

قَالَ يَٰقَوۡمِ لَيۡسَ بِي ضَلَٰلَةٞ وَلَٰكِنِّي رَسُولٞ مِّن رَّبِّ

ٱلْعَٰلَمِينَ ٦١
أُبَلِّغُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّى وَأَنصَحُ لَكُمْ وَأَعْلَمُ
مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ٦٢
أَوَعَجِبْتُمْ أَن جَآءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ
مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ وَلِتَتَّقُوا۟ وَلَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ٦٣
فَكَذَّبُوهُ فَأَنجَيْنَٰهُ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥ فِى ٱلْفُلْكِ وَأَغْرَقْنَا
ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا
عَمِينَ ٦٤

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu ia berkata: 'Wahai kaumku! Sembahkanlah Allah, tiada Tuhan yang lain bagi kamu selain Allah. Sesungguhnya aku bimbang kamu akan mendapat 'azab pada hari (Qiamat) yang amat besar' (59). Para pemimpin kaumnya berkata: 'Kami sebenarnya memandang engkau berada di dalam kesesatan yang nyata (60). Jawab Nuh: 'Wahai kaumku! Tiada sebarang kesesatan pada aku, tetapi aku adalah seorang rasul dari Tuhan Pemelihara semesta alam' (61). (Tugasku) ialah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhanku dan memberi nasihat kepada kamu dan aku mengetahui dari (wahyu) Allah apa yang tidak diketahui oleh kamu (62). Apakah kamu hairan kerana peringatan dari Tuhan kamu itu datang melalui seorang lelaki dari kalangan kamu untuk memberi amaran kepada kamu, juga supaya kamu bertaqwa dan supaya kamu dicucuri rahmat (63). Mereka telah mendustakannya lain Kami selamatkannya serta orang-orang yang ada bersama dengannya di dalam bahtera itu. Dan Kami tenggelamkan orang-orang yang telah mendustakan ayat-ayat Kami. Sebenarnya mereka adalah satu kaum yang buta (matahatinya)."(64)

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ قَدْ جَآءَتْكُم بَيِّنَةٌ
مِّن رَّبِّكُمْ ۖ فَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ وَلَا
تَبْخَسُوا۟ ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ وَلَا تُفْسِدُوا۟
فِى ٱلْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَٰحِهَا ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ
لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ٨٥
وَلَا تَقْعُدُوا۟ بِكُلِّ صِرَٰطٍ تُوعِدُونَ
وَتَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِهِۦ
وَتَبْغُونَهَا عِوَجًا ۚ وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ كُنتُمْ قَلِيلًا
فَكَثَّرَكُمْ ۖ وَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلْمُفْسِدِينَ ٨٦
وَإِن كَانَ طَآئِفَةٌ مِّنكُمْ ءَامَنُوا۟ بِٱلَّذِىٓ
أُرْسِلْتُ بِهِۦ وَطَآئِفَةٌ لَّمْ يُؤْمِنُوا۟ فَٱصْبِرُوا۟ حَتَّىٰ
يَحْكُمَ ٱللَّهُ بَيْنَنَا ۚ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْحَٰكِمِينَ ٨٧
قَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ لَنُخْرِجَنَّكَ
يَٰشُعَيْبُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَكَ مِن قَرْيَتِنَآ أَوْ لَتَعُودُنَّ
فِى مِلَّتِنَا ۚ قَالَ أَوَلَوْ كُنَّا كَٰرِهِينَ ٨٨
قَدِ ٱفْتَرَيْنَا عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا إِنْ عُدْنَا فِى مِلَّتِكُم بَعْدَ إِذْ
نَجَّىٰنَا ٱللَّهُ مِنْهَا ۚ وَمَا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّعُودَ فِيهَآ إِلَّآ أَن
يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّنَا ۚ وَسِعَ رَبُّنَا كُلَّ شَىْءٍ عِلْمًا ۚ عَلَى ٱللَّهِ
تَوَكَّلْنَا ۚ رَبَّنَا ٱفْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِٱلْحَقِّ وَأَنتَ خَيْرُ
ٱلْفَٰتِحِينَ ٨٩
وَقَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ لَئِنِ ٱتَّبَعْتُمْ
شُعَيْبًا إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ٩٠
فَأَخَذَتْهُمُ ٱلرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دَارِهِمْ جَٰثِمِينَ ٩١
ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ شُعَيْبًا كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا۟ فِيهَا ۚ ٱلَّذِينَ
كَذَّبُوا۟ شُعَيْبًا كَانُوا۟ هُمُ ٱلْخَٰسِرِينَ ٩٢
فَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰقَوْمِ لَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ رِسَٰلَٰتِ
رَبِّى وَنَصَحْتُ لَكُمْ ۖ فَكَيْفَ ءَاسَىٰ عَلَىٰ قَوْمٍ
كَٰفِرِينَ ٩٣

"Kepada penduduk Madyan Kami utuskan saudara mereka Syu'ayb. Ia berkata: Wahai kaumku! Sembahkanlah Allah, tiada Tuhan yang lain bagi kamu selain Allah. Sesungguhnya keterangan yang jelas telah pun datang kepada kamu dari Tuhan kamu, oleh kerana itu hendaklah kamu sempurnakan sukatan dan timbangan dan janganlah kamu kurangi hak manusia mengenai perkara-perkara sukatan dan timbangan mereka. Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi setelah Allah mengislahkannya. Itulah amalan-amalan yang lebih baik kepada kamu jika kamu benar beriman' (85). Dan

janganlah kamu duduk di setiap jalan untuk mengancam dan menghalang orang-orang yang telah beriman dari jalan Allah dan kamu berusaha hendak menjadikan jalan Allah itu satu jalan yang bengkok, dan hendaklah kamu kenangi ni'mat Allah ketika bilangan kamu itu sedikit lalu Allah meramaikan bilangan kamu dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan (86). Dan jika ada segolongan dari kamu yang telah beriman kepada perutusan yang dikirimkan kepadaku dan ada pula segolongan lain yang tidak beriman, maka hendaklah kamu tunggu dan bersabar sehingga Allah membuat keputusan-Nya di antara kita dan Dialah sebaik-baik pengadil.(87) Kata pemimpin-pemimpin yang angkuh dari kaumnya: 'Wahai Syu'ayb! Kami tetap akan mengusir engkau keluar dari negeri kami bersama-sama dengan orang-orang yang telah beriman yang ada bersama kamu atau kamu sanggup kembali semula kepada agama kami. 'Jawab Syu'ayb: 'Apakah kamu akan terus memaksakan kami walaupun kami tidak suka?(88). Sesungguhnya kami telah mengadakan pembohongan terhadap Allah jika kami kembali semula kepada agama kamu setelah Allah menyelamatkan kami darinya. Dan kami tidak wajar sesekali kembali kepada agama kamu kecuali Allah sendiri menghendakinya kerana ilmu Tuhan kami meliputi segala sesuatu. Kami tetap berserah kepada Allah. Ya Tuhan kami! Adililah di antara kami dan kaum kami dengan pengadilan yang benar dan Engkaulah sebaik-baik pengadil (89). Ujar pemimpin-pemimpin yang tidak beriman dari kalangan kaumnya: 'Jika kamu mengikut Syu'ayb, maka sudah tentu kamu akan menjadi orang-orang yang rugi' (90). Lalu mereka di timpa gempa bumi dan mereka menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan di dalam rumah mereka (91). Orang-orang yang telah mendustakan Syu'ayb (yang mati bergelimpangan itu) seolah-olah tidak pernah tinggal di negeri itu. Orang-orang yang telah mendustakan Syu'ayb adalah orang-orang yang rugi (92). Kemudian Syu'ayb meninggalkan mereka seraya berkata: 'Wahai kaumku! Sesungguhnya aku telah pun menyampaikan perutusan-perutusan Tuhanku dan memberi nasihat kepada kamu. Oleh itu bagaimana aku harus merasa sedih terhadap golongan orang-orang yang kafir.'"(93)

Kisah Nabi Nuh dan Nabi Syu'ayb a.s. ini merupakan dua contoh dari sebahagian kisah-kisah para rasul yang sama, sama ada dari segi menggambarkan 'aqidah yang sama yang diamanahkan Allah kepada seluruh rasul-Nya yang diutuskan kepada anak-anak Adam, atau dari segi menggambarkan cara sambutan dan penerimaan para pemimpin yang angkuh dan golongan orang ramai yang lemah terhadap hakikat da'wah ini, atau dari segi menggambarkan kejelasan dan keyakinan yang kuat dan tegas di dalam jiwa para rasul dan pengikut-pengikut mereka, atau dari segi menggambarkan keikhlasan dan hasrat keinginan para rasul itu untuk menyampaikan hidayah kepada kaum mereka, atau dari segi kesanggupan mereka berpisah dari kaum mereka apabila mereka tetap memperlihatkan kedegilan mereka yang akhir, dan seterusnya dari segi tindakan Allah yang menerajui perjuangan itu dan menimpakan 'azab dan malapetaka ke atas golongan pendusta setelah rasul-rasul itu berpisah dari mereka atau setelah rasul-rasul itu menamatkan peringatan dan amaran mereka itu setelah golongan pendusta itu memperlihatkan sikap yang liar, biadab dan degil mempertahankan kepercayaan mereka yang karut.

Di sini rangkaian ayat-ayat yang berikut berhenti seketika untuk mengemukakan ulasan dan komentar untuk menerangkan Sunnatullah dalam mengaturkan keputusankeputusan Ilahi terhadap manusia apabila mereka menolak agama yang dibawa kepada mereka, iaitu mula-mula ia mengenakan kesusahan dan kesengsaraan ke atas mereka semoga pengalaman yang pahit getir dari kesusahan itu dapat menggerakkan hati mereka yang lalai dan menjadikannya insaf, sedar dan menyambut da'wah rasul, tetapi jika mereka tidak dapat digoncang dan disedari dengan kesusahan dan penderitaan, maka Allah akan menguji mereka dengan kesenangan dan kemewahan hidup. Ujian ini lebih berat dari

ujian dengan kesusahan dan kesengsaraan hidup sehingga mereka terkeluar dan tidak sedar terhadap Sunnatullah dan akhirnya mereka dibinasakan Allah secara mendadak di luar kesedaran mereka.

Setelah menerangkan perjalanan Sunnatullah ini, rangkaian ayat yang berikut juga menimbulkan kebimbangan dan kegoyahan di dalam hati mereka terhadap bahaya yang mengancam mereka di sa'at-sa'at kelalaian mereka. Siapa tahu keputusan Allah dan perencanaan-Nya sedang mengawasi mereka untuk melaksanakan Sunnatullah ke atas mereka? Apakah mereka tidak mengambil i'tibar dari kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa umat yang silam ketika mereka berada di rumah mereka dalam keadaan aman damai?:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا فِي قَرۡيَةٖ مِّن نَّبِيٍّ إِلَّآ أَخَذۡنَآ أَهۡلَهَا بِٱلۡبَأۡسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ لَعَلَّهُمۡ يَضَّرَّعُونَ ﴿٩٤﴾ ثُمَّ بَدَّلۡنَا مَكَانَ ٱلسَّيِّئَةِ ٱلۡحَسَنَةَ حَتَّىٰ عَفَواْ وَّقَالُواْ قَدۡ مَسَّ ءَابَآءَنَا ٱلضَّرَّآءُ وَٱلسَّرَّآءُ فَأَخَذۡنَٰهُم بَغۡتَةٗ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ﴿٩٥﴾ وَلَوۡ أَنَّ أَهۡلَ ٱلۡقُرَىٰٓ ءَامَنُواْ وَٱتَّقَوۡاْ لَفَتَحۡنَا عَلَيۡهِم بَرَكَٰتٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ وَلَٰكِن كَذَّبُواْ فَأَخَذۡنَٰهُم بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ﴿٩٦﴾ أَفَأَمِنَ أَهۡلُ ٱلۡقُرَىٰٓ أَن يَأۡتِيَهُم بَأۡسُنَا بَيَٰتٗا وَهُمۡ نَآئِمُونَ ﴿٩٧﴾ أَوَأَمِنَ أَهۡلُ ٱلۡقُرَىٰٓ أَن يَأۡتِيَهُم بَأۡسُنَا ضُحٗى

وَهُمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩٨﴾
أَفَأَمِنُوا مَكْرَ اللَّهِ ۚ فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ اللَّهِ إِلَّا
الْقَوْمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩٩﴾
أَوَلَمْ يَهْدِ لِلَّذِينَ يَرِثُونَ الْأَرْضَ مِن بَعْدِ أَهْلِهَا
أَن لَّوْ نَشَاءُ أَصَبْنَاهُم بِذُنُوبِهِمْ ۚ وَنَطْبَعُ عَلَىٰ
قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾
تِلْكَ الْقُرَىٰ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنبَائِهَا ۚ وَلَقَدْ
جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا
بِمَا كَذَّبُوا مِن قَبْلُ ۚ كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ
الْكَافِرِينَ ﴿١٠١﴾
وَمَا وَجَدْنَا لِأَكْثَرِهِم مِّنْ عَهْدٍ ۖ وَإِن وَجَدْنَا
أَكْثَرَهُمْ لَفَاسِقِينَ ﴿١٠٢﴾

"Dan Kami tidak utuskan seseorang rasul di dalam sebuah negeri melainkan Kami timpakan kesusahan dan kesengsaraan ke atas penduduknya supaya mereka tunduk merendahkan diri (94). Kemudian Kami tukarkan kesusahan itu dengan kesenangan sehingga bilangan mereka bertambah ramai dan kehidupan mereka bertambah mewah lalu mereka berkata: 'Datuk nenek kami juga pernah di timpa kesusahan dan mendapat kesenangan. 'Lalu Kami binasakan mereka secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar (95). Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami bukakan kepada mereka rezeki-rezeki yang berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka telah mendustakan rasul, lalu Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka (96). Apakah penduduk negeri itu merasa aman dari di timpa 'azab Kami di waktu malam ketika mereka sedang tidur nyenyak? (97) Apakah penduduk negeri itu merasa aman dari di timpa 'azab ketika di waktu pagi ketika mereka sedang asyik bermain? (98) Apakah mereka merasa aman dari rancangan pembalasan Allah? Tiada yang merasa aman dari rancangan pembalasan Allah kecuali orang-orang yang rugi (99). Apakah belum jelas kepada orang-orang yang mewarisi negeri itu setelah penduduk-penduduknya dibinasakan Allah bahawa - jika Kami kehendaki - tentulah Kami berkuasa menimpakan malapetaka ke atas mereka kerana dosa-dosa mereka dan menutup matahati mereka menyebabkan mereka tidak lagi mendengar (pengajaran dan nasihat) (100). Itulah negeri-negeri yang telah binasa, yang Kami ceritakan sebahagian dari ceritanya kepadamu. Dan sesungguhnya penduduknya telah didatangi oleh rasul-rasul mereka membawa berbagai-bagai bukti yang nyata, tetapi mereka tidak sekali-kali beriman kepada apa yang telah didustakan mereka sebelum ini. Demikianlah Kami menutup matahati orang-orang yang kafir (101). Dan Kami tidak dapati melainkan kebanyakan mereka tidak menepati janji dan Kami tidak dapati melainkan kebanyakan mereka fasiq belaka."(102)

* * * * * *

Selepas itu rangkaian ayat-ayat surah ini menayangkan kisah Nabi Musa a.s dengan Fir'aun dan kuncu-kuncunya, juga kisah beliau dengan kaumnya Bani Israel dan kisah Musa ini mengambil ruang yang paling banyak yang pernah diambilnya dalam mana-mana surah Al-Qur'an. Sebahagian dari kisah itu ditayangkan di dalam berbagai babak, dan rangkaian ayat-ayat ini juga membuat perhentian di setengah-setengah babak cerita itu untuk mengemukakan ulasan dan komentar di samping membuat perhentian di babak akhir cerita itu untuk mengakhiri surah itu dengan ulasan yang panjang.

Babak-babak cerita Nabi Musa a.s telah pun ditayangkan sebelum ini - mengikut tertib nuzul - di dalam surah-surah al-Muzammil, al-Fajr, al-Qamar dan Qaf dalam bentuk singgungan-singgungan yang pendek. Surah al-A'raf merupakan surah pertama yang menayangkan babak-babak kisah Musa yang panjang dalam skopnya yang luas seperti ini.

Babak kisah pertemuan dengan Fir'aun dalam surah ini mengandungi penjelasan tentang hakikat 'aqidah di samping babak cabaran dan tukang-tukang sihir yang banyak disebut di dalam surah yang lain, juga babak kaum Fir'aun di timpa kemarau, dilanda banjir, diserang belalang, kutu, katak dan darah yang tidak dihuraikan dengan terperinci melainkan di dalam surah ini, juga babak Fir'aun dan kaumnya tenggelam dalam lautan. Selepas itu rangkaian ayat-ayat yang berikut menceritakan kisah Musa dengan kaumnya Bani Israel dan permintaan mereka kepada beliau supaya mengadakan berhala untuk disembah mereka sebagaimana berhala yang disembah oleh satu kaum yang di lihat mereka dalam perjalanan mereka selepas terselamat dari buruan Fir'aun dan menyeberangi lautan, babak perjanjian munajat Musa dengan Allah dan permintaan beliau untuk melihat Allah dan peristiwa gegaran bukit, di mana Musa jatuh pengsan dan peristiwa loh-loh yang diturunkan kepada Musa, juga babak kaum Musa menyembah patung anak lembu semasa beliau tidak ada di kalangan mereka (kerana pergi bermunajat dengan Allah), peristiwa perjanjian munajat dengan Allah untuk kali yang kedua bersama tujuh puluh orang dari kaumnya dan bagaimana mereka disambar petir ketika mereka berkata kepada Musa: "Kami tidak akan beriman kepada engkau sehingga kami dapat melihat Allah secara terang-terangan", juga babak mereka melanggar perintah masuk ke sebuah negeri dan perintah melarang menangkap ikan pada hari sabtu, juga babak mereka diancam dengan mengangkat bukit untuk dihumbankan ke atas mereka yang kelihatan seolah-olah payung. Semua babak ini ditayangkan dengan perincian yang begitu luas, yang membuat kisah Musa a.s. di sini menghabisi satu hizb penuh surah ini.

* * * * * *

Dalam salah satu dari situasi kisah Musa a.s, rangkaian ayat-ayat yang berikut telah memasukkan

pembicaraan mengenai kerasulan nabi yang akhir dan menjelaskan sifat-sifat dan hakikatnya, iaitu ketika Nabi Musa a.s berdo'a kepada Allah mengenai orang-orang yang pengsan dari kaumnya dan memohon agar Allah menurunkan rahmat-Nya. Ia dihuraikan dengan cara yang sedemikian ini, di mana kisah-kisah yang diceritakan itu mempunyai titik-titik keserupaan dengan tujuan untuk mencapai matlamat perjuangan yang diceburi oleh Al-Qur'an.

وَٱخۡتَارَ مُوسَىٰ قَوۡمَهُۥ سَبۡعِينَ رَجُلٗا لِّمِيقَٰتِنَاۖ فَلَمَّآ أَخَذَتۡهُمُ ٱلرَّجۡفَةُ قَالَ رَبِّ لَوۡ شِئۡتَ أَهۡلَكۡتَهُم مِّن قَبۡلُ وَإِيَّٰيَۖ أَتُهۡلِكُنَا بِمَا فَعَلَ ٱلسُّفَهَآءُ مِنَّآۖ إِنۡ هِيَ إِلَّا فِتۡنَتُكَ تُضِلُّ بِهَا مَن تَشَآءُ وَتَهۡدِي مَن تَشَآءُۖ أَنتَ وَلِيُّنَا فَٱغۡفِرۡ لَنَا وَٱرۡحَمۡنَاۖ وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلۡغَٰفِرِينَ ١٥٥

وَٱكۡتُبۡ لَنَا فِي هَٰذِهِ ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ إِنَّا هُدۡنَآ إِلَيۡكَۚ قَالَ عَذَابِيٓ أُصِيبُ بِهِۦ مَنۡ أَشَآءُۖ وَرَحۡمَتِي وَسِعَتۡ كُلَّ شَيۡءٖۚ فَسَأَكۡتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلَّذِينَ هُم بِـَٔايَٰتِنَا يُؤۡمِنُونَ ١٥٦

ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِيَّ ٱلۡأُمِّيَّ ٱلَّذِي يَجِدُونَهُۥ مَكۡتُوبًا عِندَهُمۡ فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِ وَٱلۡإِنجِيلِ يَأۡمُرُهُم بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَىٰهُمۡ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَ وَيَضَعُ عَنۡهُمۡ إِصۡرَهُمۡ وَٱلۡأَغۡلَٰلَ ٱلَّتِي كَانَتۡ عَلَيۡهِمۡۚ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِهِۦ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَٱتَّبَعُواْ ٱلنُّورَ ٱلَّذِيٓ أُنزِلَ مَعَهُۥٓ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٥٧

"Dan Musa telah memilih tujuh puluh orang lelaki dari kaumnya untuk mengadap Kami pada waktu yang telah ditetapkan Kami. Dan ketika mereka digegarkan oleh gempa yang dahsyat. Musa menyeru: Wahai Tuhanku! Jika Engkau kehendaki tentulah Engkau berkuasa membinasakan mereka bersama denganku sebelum ini. Apakah Engkau hendak membinasakan kami dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang bodoh dari kalangan kami? Apa yang telah berlaku itu adalah ujian dari-Mu, yang mana dengannya Engkau sesatkan siapa yang Engkau kehendaki dan memberi hidayah kepada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah pelindung kami, oleh kerana itu kurniakanlah keampunan kepada kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik pemberi keampunan."(155) Dan tuliskanlah untuk kami kebajikan di dunia dan di Akhirat. Sesungguhnya kami telah bertaubat kepada-Mu,' lalu Allah berfirman: 'Azab-Ku akan Ku timpakan ke atas sesiapa yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku merangkuli segala sesuatu. Oleh itu Aku akan tetapkannya kepada orang-orang yang bertaqwa dan menunaikan zakat, juga kepada orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami (156). Iaitu orang-orang yang mengikut rasul (Muhammad), nabi yang ummi, yang mereka dapati namanya tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada pada mereka. Ia menyuruh mereka melakukan amalan yang ma'ruf dan melarang mereka melakukan amalan yang mungkar, ia menghalalkan kepada mereka segala yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala yang buruk, ia membuangkan dari mereka bebanan mereka yang berat dan menghapuskan belenggu-belenggu yang membelenggu mereka. Oleh kerana itu orang yang beriman kepadanya, menolong dan membantunya dan mengikuti nur (Al-Qur'an) yang diturunkan kepadanya, maka merekalah orang-orang yang beruntung."(157)

Di bawah bayangan berita yang benar dari Allah dan janji-Nya yang telah ditetapkan untuk mengutuskan seorang nabi ummi yang akan membawa perutusan-Nya, Allah S.W.T memerintah Rasul-Nya itu supaya mengumumkan hakikat risalah dan da'wah yang dibawa olehnya, hakikat Allah yang mengutuskannya dan asas i'tiqad yang sama yang di perjuangkan oleh sekalian rasul sebelumnya:

قُلۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنِّي رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيۡكُمۡ جَمِيعًا ٱلَّذِي لَهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحۡيِۦ وَيُمِيتُۖ فَـَٔامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ ٱلنَّبِيِّ ٱلۡأُمِّيِّ ٱلَّذِي يُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَكَلِمَٰتِهِۦ وَٱتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمۡ تَهۡتَدُونَ ١٥٨

"Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada seluruh kamu, yang memiliki kerajaan langit dan bumi, tiada Tuhan melainkan hanya Dia yang menghidup dan mematikan. Oleh itu hendaklah kamu beriman kepada Allah dan rasul-Nya nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan segala perintah-Nya dan ikutilah dia supaya kamu mendapat hidayah."(158)

* * * * * *

Kemudian kisah itu meneruskan perjalanannya selepas perhentian ini dengan menceritakan perkara perjanjian, peristiwa mengangkat bukit (ke atas Bani Israel) dan pemeteraian perjanjian dengan mereka.

Dan di bawah bayangan pemeteraian perjanjian dengan Bani Israel diceritakan pula tentang perjanjian yang dimeteraikan dengan fitrah seluruh manusia:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَٰذَا غَٰفِلِينَ ﴿١٧٢﴾

أَوْ تَقُولُوٓا۟ إِنَّمَآ أَشْرَكَ ءَابَآؤُنَا مِن قَبْلُ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِّنۢ بَعْدِهِمْ ۖ أَفَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿١٧٣﴾

"Dan (kenangilah wahai Muhammad!) ketika Tuhanmu memeteraikan perjanjian dengan anak-anak Adam, iaitu zuriat mereka yang dikeluarkan dari belakang mereka dan menjadikan mereka selaku saksi di atas kejadian diri mereka sendiri (seraya berkata): Bukankah Aku Tuhan kamu? Jawab mereka:' Memang benar! Kami mengakui (bahawa Engkaulah Tuhan kami), (perjanjian ini dimeteraikan) supaya kamu tidak mengatakan pada hari Qiamat bahawa Kami sebenarnya tidak menyedari perkara ini (172). Atau supaya kamu tidak mengatakan: 'Sesungguhnya orang-orang tua kamilah yang telah melakukan perbuatan syirik sebelum ini, sedangkan kami adalah anak-anak keturunannya yang datang selepas mereka. Oleh itu apakah wajar Engkau membinasakan kami dengan sebab kesalahan yang telah dilakukan oleh (orang-orang tua kami) yang sesat itu."(173)

Kemudian rangkaian ayat-ayat yang berikut terus mengemukakan berbagai-bagai ulasan dan komentar, di antaranya ialah ulasan, di mana ditayangkan secara langsung selepas ditayangkan pemandangan perjanjian fitrah satu pemandangan yang memperlihatkan seorang yang telah dikurniakan ayat-ayat Allah kepadanya kemudian ia memisahkan diri darinya, iaitu sama dengan Bani Israel dan dengan setiap orang yang dikurniakan Allah ayat-ayat-Nya kemudian ia memisahkan diri darinya. Pemandangan ini - dengan gambaran dan gerak-gerinya, dengan nada dan ulasannya - mengingatkan kita kepada pemandangan-pemandangan di dalam Surah al-An'am dan suasana-suasananya:

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ٱلَّذِىٓ ءَاتَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا فَٱنسَلَخَ مِنْهَا فَأَتْبَعَهُ ٱلشَّيْطَٰنُ فَكَانَ مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿١٧٥﴾

وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَٰهُ بِهَا وَلَٰكِنَّهُۥٓ أَخْلَدَ إِلَى ٱلْأَرْضِ وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ ۚ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرُكْهُ يَلْهَث ۚ ذَّٰلِكَ مَثَلُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا ۚ فَٱقْصُصِ ٱلْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾

سَآءَ مَثَلًا ٱلْقَوْمُ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَأَنفُسَهُمْ كَانُوا۟ يَظْلِمُونَ ﴿١٧٧﴾

مَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِى ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٧٨﴾

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٧٩﴾

"Dan bacalah kepada mereka berita seorang yang telah Kami kurniakan ayat-ayat Kami, kemudian ia memisahkan diri darinya lalu ia diikuti syaitan, maka kerana itu ia termasuk dalam golongan orang-orang yang sesat (175). Jika Kami kehendaki tentulah Kami berkuasa mengangkatkannya dengan ayat-ayat itu, tetapi (sayangnya) dia telah mengabadikan (kecintaannya) kepada dunia dan mengikut hawa nafsunya. Oleh itu bandingannya sama seperti anjing, jika engkau usirnya ia menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah dan jika engkau membiarkannya, ia menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah juga. Itulah bandingan golongan manusia yang suka mendustakan ayat-ayat Kami. Oleh itu ceritakanlah kisah-kisah itu kepada mereka supaya mereka berfikir (176). Amatlah buruk perbandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat kami dan diri mereka sendiri. Mereka telah melakukan perbuatan yang zalim (177). Sesiapa yang diberikan Allah hidayah, maka dialah yang sebenarnya mendapat hidayah dan siapa yang disesatkan Allah, maka merekalah orang-orang yang mendapat kerugian (178). Sesungguhnya Kami telah menjadikan untuk isi Neraka Jahannam kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati tetapi tidak dapat memahami dengannya, mereka mempunyai mata tetapi tidak dapat melihat dengannya, mereka mempunyai telinga tetapi tidak dapat mendengar dengannya. Mereka sama seperti binatang-binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi. Merekalah orang yang tidak sedarkan diri."(179)

Kemudian rangkaian ayat-ayat berikut terus memperkatakan secara langsung tentang masalah-masalah 'aqidah di samping mengemukakan berbagai-bagai bukti yang berkesan dari pemandangan-pemandangan alam buana, juga mengemukakan peringatan terhadap 'azab Allah dan seterusnya mengemukakan kenyataan-kenyataan yang mencubit hati mereka supaya mereka berfikir sedalam-dalamnya tentang diri Rasulullah dan agama yang dibawa olehnya.

وَلِلَّهِ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ فَٱدْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا۟ ٱلَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِىٓ أَسْمَٰٓئِهِۦ ۚ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

وَمِمَّنْ خَلَقْنَا أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِالْحَقِّ وَبِهِ يَعْدِلُونَ ﴿١٨١﴾ وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٢﴾
وَأُمْلِي لَهُمْ إِنَّ كَيْدِي مَتِينٌ ﴿١٨٣﴾
أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا مَا بِصَاحِبِهِم مِّن جِنَّةٍ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١٨٤﴾
أَوَلَمْ يَنظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِن شَيْءٍ وَأَنْ عَسَىٰ أَن يَكُونَ قَدِ اقْتَرَبَ أَجَلُهُمْ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٥﴾
مَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ وَيَذَرُهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٨٦﴾

"Allah mempunyai nama-nama yang paling indah, maka berdo'alah kamu dengan nama-nama itu. Dan tinggalkanlah orang-orang yang menyalahgunakan nama-nama Allah. Mereka akan dikenakan balasan yang setimpal terhadap perbuatan yang telah dilakukan mereka (180). Dan di antara (umat-umat) yang telah Kami ciptakan ialah umat yang memberi hidayah dengan agama yang benar dan dengan agama inilah mereka menegakkan keadilan (181). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami akan Kami tarikkan mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) dari arah yang tidak diketahui mereka (182). Dan Aku memberi tempoh yang cukup kepada mereka. Sesungguhnya rencana pembalasan Aku amat rapi (183). Apakah mereka tidak berfikir bahawa sahabat mereka (Muhammad) itu tidak sekali-kali mengidap penyakit gila. Dia tidak lain melainkan seorang rasul yang menyampaikan amaran yang jelas (184). Apakah mereka tidak melihat dengan teliti kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang telah diciptakan Allàh dan memikirkan kemungkinan dekatnya masa kebinasaan mereka? Oleh itu dengan penjelasan yang mana lagi yang mahu dipercayai mereka selepas penjelasan Allah? (185) Sesiapa yang disesatkan Allah, tiada siapa lagi yang sanggup memberi hidayah kepadanya dan Allah akan membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan."(186)

Kemudian Allah menyuruh Rasul-Nya s.a.w supaya memberitahukan mereka hakikat kerasulan dan batas-batas kemampuan seseorang rasul dalam bidang tugas kerasulan itu. Ini disebabkan kerana mereka meminta Rasulullah s.a.w supaya menentukan dengan tepat masa kedatangan hari Qiamat yang ditakut-takutkan beliau kepada mereka:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ رَبِّي لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ ثَقُلَتْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ اللَّهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾
قُل لَّا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَاسْتَكْثَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٨﴾

"Mereka menanyakan engkau tentang hari Qiamat: 'Bilakah waktu berlakunya? Jawablah: 'Pengetahuan mengenai kedatangan hari Qiamat itu tersimpan di sisi Tuhanku sahaja. Tiada siapa yang dapat menjelaskannya kecuali Dia. Kedatangannya melahirkan akibat yang amat berat di langit dan di bumi. Ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mendadak.' Mereka bertanya kepada engkau seolah-olah engkau benar-benar mengetahui tentang kedatangan hari Qiamat itu. Katakanlah kepada mereka bahawa ilmu pengetahuan tentang kedatangan hari Qiamat itu tersimpan di sisi Allah sahaja, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (187). Katakanlah (wahai Muhammad!): 'Aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu kemanfa'atan kepada diriku dan tidak pula berkuasa menolak sesuatu kemudharatan kecuali apa yang dikehendaki Allah. Jika aku mengetahui urusan ghaib tentulah aku berusaha untuk mendapat sebanyak-banyak kebajikan dan tentulah aku tidak pernah disentuh oleh sesuatu kesusahan. Sebenarnya aku ini tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran dan menyampaikan berita gembira kepada golongan orang-orang yang beriman.'"(188)

* * * * * *

Kemudian ayat yang berikut menggambarkan kepada mereka bagaimana jiwa manusia yang telah memeteraikan perjanjian dengan Allah - yang diterangkan sebelum ini - menyeleweng dari prinsip tauhid yang diikuti oleh fitrahnya, dan mengecam kepercayaan syirik dan sembahan-sembahannya, dan pada akhir ayat yang berikut Allah mengarah Rasulullah s.a.w supaya mencabar mereka dan tuhan-tuhan mereka yang lemah:

قُلِ ادْعُوا شُرَكَاءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنظِرُونِ ﴿١٩٥﴾
إِنَّ وَلِيِّيَ اللَّهُ الَّذِي نَزَّلَ الْكِتَابَ وَهُوَ يَتَوَلَّى الصَّالِحِينَ ﴿١٩٦﴾
وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَكُمْ وَلَا أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٧﴾

وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَسْمَعُوا۟ ۖ وَتَرَىٰهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ وَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٩٨﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): 'Panggillah berhala-berhala yang kamu jadikannya sekutu-sekutu Allah, kemudian lakukanlah tipudaya yang mencelakakanku dan jangan memberi tempoh kepadaku.'"(195) Kerana sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab (Al-Qur'an) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh (196). Dan mereka yang kamu pohon pertolongan selain dari Allah tidak berkuasa menolong kamu dan tidak pula berkuasa menolong diri mereka sendiri (197). Dan jika kamu menyeru mereka (berhala-berhala) supaya menunjukkan kamu ke jalan yang betul nescaya mereka tidak dapat mendengarnya dan engkau memandang mereka melihat kepadamu, sedangkan sebenarnya mereka tidak dapat melihat."(198)

Mulai dari sini hingga ke akhir surah rangkaian ayat-ayat berikut berbicara dengan Rasulullah s.a.w sebagaimana ia berbicara dengan beliau di permulaannya. Ia mengajar Rasulullah s.a.w. bagaimana beliau hendak melayani manusia? Bagaimana beliau hendak meneruskan perjuangan da'wah ini? Bagaimana beliau hendak memohon pertolongan untuk menghadapi kesulitan di jalan perjuangan? Bagaimana beliau hendak mengawal perasaan marah ketika menghadapi kejahatan hati manusia dan angkara tipudaya mereka? Bagaimana beliau dan orang-orang Mu'min mendengar Al-Qur'an? Bagaimana beliau hendak mengingati Allah dan sentiasa berhubung dengan-Nya? Sama seperti para malaikat mengingati Allah di alam al-Mala'ul-A'la:

خُذِ ٱلْعَفْوَ وَأْمُرْ بِٱلْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿١٩٩﴾

وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ ۚ إِنَّهُۥ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٠٠﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ إِذَا مَسَّهُمْ طَٰٓئِفٌ مِّنَ ٱلشَّيْطَٰنِ تَذَكَّرُوا۟ فَإِذَا هُم مُّبْصِرُونَ ﴿٢٠١﴾

وَإِخْوَٰنُهُمْ يَمُدُّونَهُمْ فِى ٱلْغَىِّ ثُمَّ لَا يُقْصِرُونَ ﴿٢٠٢﴾

وَإِذَا لَمْ تَأْتِهِم بِـَٔايَةٍ قَالُوا۟ لَوْلَا ٱجْتَبَيْتَهَا ۚ قُلْ إِنَّمَآ أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ مِن رَّبِّى ۚ هَٰذَا بَصَآئِرُ مِن رَّبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠٣﴾

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

وَٱذْكُر رَّبَّكَ فِى نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ ٱلْجَهْرِ مِنَ ٱلْقَوْلِ بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْـَٔاصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴿٢٠٥﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسْجُدُونَ ۩ ﴿٢٠٦﴾

"Ambillah sikap memberi kemaafan dan suruhlah orang melakukan amalan yang ma'ruf dan berpalinglah dari orang-orang yang jahil (199). Dan jika engkau diganggu godaan dari syaitan, maka hendaklah engkau mencari perlindungan pada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (200). Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa apabila mereka diganggu sesuatu fikiran yang buruk dari syaitan, mereka terus mengingati Allah dan lantas mereka dapat melihat jalan yang benar (201). Sedangkan saudara-saudara syaitan (orang-orang kafir dan fasiq), dibantu oleh syaitan di dalam kegiatan-kegiatan yang sesat itu dan mereka tidak berhenti-henti memberi bantuan itu (202). Dan jika engkau tidak membawa kepada mereka suatu ayat (Al-Qur'an), mereka berkata: 'Mengapa engkau tidak membuat ayat itu sendiri?' Jawablah: 'Sesungguhnya aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepada aku dari Tuhanku. 'Al-Qur'an ini adalah wawasan-wawasan yang bijaksana dari Tuhan kamu, juga sumber hidayah dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman (203). Apabila dibacakan Al-Qur'an, maka hendaklah kamu dengar dan perhatikannya dengan tenang supaya kamu dicucuri rahmat (204). Dan ingatlah Tuhanmu di dalam hatimu dengan rasa rendah diri dan takut dan tanpa menyaringkan suara di waktu pagi dan petang dan janganlah engkau jadi dari golongan orang-orang yang lalai (205). Sesungguhnya para malaikat yang berada di sisi Tuhanmu tidak berlagak angkuh untuk mengabdikan diri kepada-Nya dan mereka sentiasa bertasbih dan sujud kepada-Nya."(206)

* * * * * *

Semoga saringan dan berbagai-bagai petikan surah ini dapat menggambarkan bentuk dan ciri-ciri khusus surah ini yang membezakannya dari saudaranya Surah al-An'am dari segi ciri-ciri, cara pembentangan dan pengolahan dalam maudhu' yang sama iaitu maudhu' 'aqidah.

Kami tangguhkan dahulu pentafsiran ayat-ayat surah ini dan huraiannya yang terperinci mengenai maudhu' 'aqidah yang dibicarakannya sehingga tiba pada tempat pentafsirannya yang terperinci.

Semoga dengan limpah keberkatan dari Allah kita dapat meneruskan pentafsiran itu.

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 9)

الٓمٓصٓ ﴿١﴾

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ فَلَا يَكُن فِي صَدۡرِكَ حَرَجٞ مِّنۡهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٢﴾

ٱتَّبِعُواْ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُمۡ وَلَا تَتَّبِعُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَۗ قَلِيلٗا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

وَكَم مِّن قَرۡيَةٍ أَهۡلَكۡنَٰهَا فَجَآءَهَا بَأۡسُنَا بَيَٰتًا أَوۡ هُمۡ قَآئِلُونَ ﴿٤﴾

فَمَا كَانَ دَعۡوَىٰهُمۡ إِذۡ جَآءَهُم بَأۡسُنَآ إِلَّآ أَن قَالُوٓاْ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٥﴾

فَلَنَسۡـَٔلَنَّ ٱلَّذِينَ أُرۡسِلَ إِلَيۡهِمۡ وَلَنَسۡـَٔلَنَّ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٦﴾

فَلَنَقُصَّنَّ عَلَيۡهِم بِعِلۡمٖۖ وَمَا كُنَّا غَآئِبِينَ ﴿٧﴾

وَٱلۡوَزۡنُ يَوۡمَئِذٍ ٱلۡحَقُّۚ فَمَن ثَقُلَتۡ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ﴿٨﴾

وَمَنۡ خَفَّتۡ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُم بِمَا كَانُواْ بِـَٔايَٰتِنَا يَظۡلِمُونَ ﴿٩﴾

"Alif. Lam. Mim. Sad (1). (Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad). Oleh itu janganlah ada sesuatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya dengan perantaraannya engkau menyampaikan amaran (kepada manusia) dan supaya menjadi peringatan kepada orang-orang yang beriman (2). Ikutilah segala apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu ikuti pimpinan-pimpinan yang lain dari Allah (malangnya) sedikit sekali kamu mengambil peringatan (3). Dan berapa banyak negeri yang telah Kami binasakan, iaitu mereka telah ditimpa 'azab Kami pada waktu malam atau ketika mereka sedang beristirehat di waktu tengahari (4). Maka tidak ada perkataan yang diucapkan mereka ketika mereka ditimpa 'azab Kami melainkan mereka berkata: 'Sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim' (5). Oleh kerana itu Kami akan menyoal umat-umat yang diutuskan para rasul kepada mereka dan juga akan menyoal rasul-rasul itu sendiri (6). Kemudian Kami akan menceritakan kepada mereka (segala apa yang dilakukan mereka) mengikut ilmu pengetahuan (Kami yang tepat) dan Kami tidak pernah ghaib (tidak ada) dari mengawasi mereka (7). Dan timbangan amalan pada hari itu adalah timbangan yang benar. Oleh itu sesiapa yang berat timbangan amalannya, maka merekalah orang-orang yang beruntung (8). Dan sesiapa yang ringan amalannya, maka merekalah orang-orang yang merugikan diri sendiri kerana bertindak zalim terhadap ayat-ayat Kami."(9)

Rahsia Di Sebalik Huruf-huruf Potongan

الٓمٓصٓ ﴿١﴾

"Alif. Lam. Mim. Sad."(1)

Huruf potongan yang dijadikan kata pendahuluan surah ini telah dibicarakan sebelum ini ketika dibicarakan huruf-huruf potongan yang sama di awal Surah al-Baqarah dan awal Surah Aali-Imran. Mengenai tafsiran huruf-huruf potongan ini kami telah memilih pendapat yang mengatakan bahawa huruf-huruf potongan itu memberi isyarat bahawa Al-Qur'an ini adalah digubah dari jenis huruf ا , ب , ت Arab yang digunakan oleh orang-orang Arab, tetapi mereka tidak berupaya menyusun gubahan kata yang sama dengan gubahan kata Al-Qur'an. Ketidakupayaan ini sendiri merupakan suatu bukti bahawa Al-Qur'an bukanlah dari ciptaan atau gubahan manusia. Di hadapan mereka tersedia huruf-huruf dan kalimat-kalimat yang disusun darinya, namun begitu, mereka tidak berupaya menggubahkan satu susunan kalam yang sama dengan Al-Qur'an. Oleh sebab itu, di sana pasti ada satu rahsia yang lain di sebalik huruf-huruf dan kalimat-kalimat itu. Inilah pendapat yang kami pilih secara tarjih bukan secara pasti. Hanya Allah sahaja yang mengetahui maksud sebenar dari huruf-huruf potongan itu.

Berdasarkan pendapat ini dari nahunya dapatlah dikatakan bahawa "**المص**" itu mubtada' dan khabarnya ialah "**كتب أنزل إليك**"dengan erti bahawa huruf-huruf potongan ini dan gubahan kata yang disusun darinya itulah kitab Al-Qur'an yang diturunkan. Begitu juga dapat dikatakan bahawa "**المص**" merupakan suatu isyarat kepada pengertian yang kami telah tarjihkan itu sementara kata-kata "**كتب**" merupakan mubtada' yang tidak disebut khabarnya dan sebutan penuhnya "**هو كتب**" (itulah kitab...) atau "**هذا كتب**" (inilah kitab...).

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ فَلَا يَكُن فِي صَدۡرِكَ حَرَجٞ مِّنۡهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٢﴾

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad) Oleh itu janganlah ada sesuatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya dengan perantaraannya engkau dapat menyampaikan amaran (kepada manusia) dan supaya menjadi peringatan kepada orang-orang yang beriman.(2)

Al-Qur'an Pemberi Amaran Dan Pencabar Budaya Manusia

Al-Qur'an diturunkan kepadamu dengan tujuan untuk memberi amaran dan peringatan. Ia adalah sebuah kitab Ilahi untuk menjelaskan segala hakikat yang benar dan demi menghadapi manusia dengan hakikat-hakikat yang tidak disukai mereka, dan seterusnya untuk mencabar kepercayaan-kepercayaan tradisi, bentuk-bentuk perhubungan yang diadakan manusia dan menentang undang-undang, peraturan-peraturan dan sistem-sistem masyarakat ciptaan manusia. Oleh sebab itu jalan perjuangan Al-Qur'an banyak menghadapi kesulitan. Kesukaran berda'wah dengan Al-Qur'an untuk menyampaikan amaran dan peringatan merupakan suatu realiti yang berdiri teguh. Hakikat ini tidak dapat difahami - sebagaimana telah kami jelaskan dalam kata pengantar surah ini - melainkan oleh seorang yang memperjuangkan kitab Al-Qur'an di dalam situasi yang seperti ini, atau seorang yang mengalami kesulitan menyebarkan ajaran yang benar atau seorang yang berjuang dengan matlamat untuk mewujudkan perubahan yang syumul di dalam prinsip dan akar umbi kehidupan umat manusia atau perubahan yang menyeluruh dalam segala bentuk dan cabang kehidupan manusia, iaitu sama dengan perjuangan Rasulullah s.a.w selaku pembawa Al-Qur'an yang pertama untuk menghadapi jahiliyah yang mengongkongi Semenanjung Tanah Arab dan dunia seluruhnya.

Situasi yang seumpama ini tidak hanya terbatas kepada realiti yang wujud di Semenanjung Tanah Arab dan realiti yang wujud di negeri-negeri sekelilingnya, kerana Islam bukanlah suatu peristiwa sejarah yang berlaku sekali, kemudian apabila sejarah berlalu ia meninggalkan Islam di belakangnya, malah Islam merupakan suatu cabaran yang berkekalan kepada umat manusia sehingga hari Qiamat, ia mencabar dan bersemuka dengan mereka sebagaimana ia telah mencabar dan bersemuka dengan mereka pada kali yang pertama. Ia tetap mencabar dan berkonfrontasi dengan mereka setiap kali mereka menyeleweng dan kembali kepada keadaan hidup yang sama dengan keadaan jahiliyah yang telah dihayati mereka pada kali yang pertama. Memang kebiasaan manusia dari satu masa ke satu masa jatuh dan terbalik songsang dan pulang semula kepada keadaan jahiliyah mereka - satu keadaan kemunduran yang hina dan menyedihkan - dan di waktu inilah Islam tampil ke muka melaksanakan peranannya menyelamatkan mereka sekali lagi dari kemunduran itu dan memimpin mereka ke jalan kemajuan dan tamadun. Dan di sini sekali lagi para pejuang da'wah Islam yang memberi amaran dan peringatan dengan kitab suci Al-Qur'an itu terdedah kepada kesulitan dan kesukaran yang telah dialami oleh Rasulullah s.a.w selaku penda'wah yang ulung. Beliau telah menghadapi manusia di waktu ini untuk mengubahkan keadaan mereka yang terjatuh ke dalam lumpur jahiliyah dan tenggelam dalam kegelapannya, iaitu kegelapan pemikiran dan kefahaman, kegelapan hawa nafsu, kegelapan kezaliman dan kehinaan, kegelapan 'Ubudiyah kepada hawa nafsu, diri sendiri dan kepada hawa nafsu manusia yang berjiwa hamba. Di sinilah pejuang Islam yang mengalami kesukaran dan kesulitan semasa bertindak untuk menyelamatkan manusia dari paya busuk jahiliyah itu dapat mengecapi makna bimbingan Ilahi yang berikut yang ditujukan kepada Nabi s.a.w.:

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ فَلَا يَكُن فِي صَدۡرِكَ حَرَجٞ مِّنۡهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ٢

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad). Oleh itu janganlah ada sesuatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya dengan perantaraannya engkau dapat menyampaikan amaran (kepada manusia) dan supaya menjadi peringatan kepada orang-orang yang beriman"(2)

dan di sini juga dia dapat mengetahui - berdasarkan realiti - siapakah golongan Mu'minin yang wajar mendapat peringatan dari Al-Qur'an dan siapakah golongan bukan Mu'minin yang wajar menerima amaran Al-Qur'an. Dan di sini juga ia melihat Al-Qur'an kembali menjadi kitab suci yang hidup seolah-olah baru sahaja di turun untuk menghadapi satu realiti, di mana dia berjuang bersungguh-sungguh dengan bersenjatakan Al-Qur'an.

Umat manusia pada hari ini berada dalam satu situasi yang sama dengan situasi pada hari kedatangan Nabi Muhammad s.a.w yang membawa kitab suci Al-Qur'an, di mana beliau diperintah oleh Allah agar menyampaikan amaran dan peringatan Al-Qur'an kepada manusia dan agar jangan ada di dalam dadanya sebarang perasaan merasa sulit dan sukar ketika berdepan dengan jahiliyah dengan tujuan untuk mengubahkan jahiliyah itu dari akar umbinya yang mendalam.

Zaman telah beredar kembali kepada keadaan yang sama dengan keadaan zaman permulaan kedatangan agama ini, di mana umat manusia jatuh dan terbalik songsang kepada keadaan jahiliyah yang menyeluruh dan merangkumi segala pokok dan cabang-cabang kehidupan segala dalaman dan luarannya, segala permukaan dan pendalamannya.

Umat manusia pada mulanya telah terbalik songsang dalam tanggapan-tanggapan dan kefahaman-kefahaman yang menyangkut persoalan-persoalan i'tiqad - hingga kepada golongan keturunan Islam, di mana ibubapa dan datuk nenek mereka adalah dari golongan orang-orang yang beriman kepada Islam atau dari golongan Muslimin yang menumpukan keta'atan mereka kepada Allah - kerana gambaran 'aqidah yang sebenar telah dipesongkan di dalam kefahaman dan pengertian mereka terhadapnya di lubuk hati mereka.

Kedatangan Islam Untuk Mewujudkan Sebuah Dunia Yang Baru

Agama ini datang untuk mengubahkan wajah dunia dan membangunkan sebuah dunia baru yang mengi'tirafkan kekuasaan Allah Yang Maha Esa sahaja dan menolak kekuasaan Thaghut atau tuhan-tuhan palsu, sebuah dunia baru yang beribadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dalam ertikata ibadat yang syumul, di mana tiada siapa dari manusia yang disembah di samping menyembah Allah, sebuah dunia baru, di mana Allah menyelamatkan para hamba yang dikehendaki-Nya dari bala menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Maha Esa, sebuah dunia baru di mana dapat dilahirkan manusia yang bebas, mulia dan bersih, iaitu bebas dari belenggu hawa nafsunya dan bebas dari 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah.

Agama ini datang untuk menegakkan prinsip "أشهد أن لا إله إلا الله" (aku mengaku tiada Tuhan melainkan Allah) yang dibawa oleh setiap nabi kepada kaumnya masing-masing di sepanjang sejarah manusia sebagaimana yang dijelaskan oleh surah ini dan surah-surah yang lain dari Al-Qur'anul-Karim. Prinsip pengakuan tiada Tuhan melainkan Allah tidak membawa pengertian yang lain dari pengi'tirafan bahawa hanya Allah sahaja yang mempunyai kuasa Hakimiyah yang menguasai kehidupan manusia di samping mempunyai kuasa Hakimiyah yang tertinggi dalam mengendalikan sistem alam buana. Dialah sahaja yang menguasai alam buana dan manusia dengan sistem qadha' dan qadar-Nya. Dialah sahaja yang berhak menguasai kehidupan umat manusia dengan sistem hidup dan syari'at-Nya.

Berdasarkan prinsip ini seorang Muslim tidak mempercayai bahawa Allah mempunyai kongsi atau sekutu dalam urusan penciptaan, pentadbiran dan pengendalian alam buana. Seorang Muslim juga tidak akan melakukan syi'ar ibadat melainkan untuk Allah semata-mata, dan seorang Muslim tidak akan menerima undang-undang, peraturan-peraturan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan, 'aqidah-'aqidah dan kefahaman-kefahaman melainkan hanya dari Allah sahaja, dan seterusnya seorang Muslim tidak akan membenarkan kepada mana-mana Thaghut dari kalangan manusia mendakwa mempunyai kuasa Hakimiyah dalam mana-mana perkara dalam semua bidang ini di samping Allah.

Inilah prinsip agama Islam dari segi i'tiqad dan di manakah duduknya seluruh manusia sekarang dari i'tiqad ini?

Puak-puak Jahiliyah

Umat manusia telah berpecah-belah kepada berbagai-bagai puak jahiliyah iaitu: Puak mulhid atau aties yang mengingkarkan kewujudan Allah dan kedudukan mereka amat terang tidak memerlukan penjelasan.

Puak musyrik atau paganisme yang beriman kepada kewujudan Tuhan tetapi mereka mempersekutukan-Nya dengan berbagai-bagai Tuhan, dewa dan dewata seperti di India, di negeri-negeri Afrika Tengah dan berbagai-bagai negeri yang lain di dunia.

Puak "Ahlil-Kitab" yang terdiri dari orang-orang Yahudi dan Kristian. Mereka dari sejak dahulu lagi telah mempersekutu-kan Allah dengan menghubungkan anak kepada-Nya dan di samping itu mereka mempersekutukan Allah dengan meletakkan ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka di maqam tuhan yang lain dari Allah, kerana mereka menerima dakwaan mereka yang mengaku mempunyai kuasa Hakimiyah dan menerima undang-undang dan peraturan dari ciptaan mereka walaupun mereka tidak pernah sembahyang, sujud dan ruku' kepada ulama'-ulama' dan paderi-paderi itu. Pada hari ini puak Ahlil-Kitab telah memotong keseluruhan kuasa Hakimiyah Allah dari kehidupan mereka dan menegakkan untuk mereka sistem-sistem yang dinamakan mereka sebagai "sistem kapitalisme, sosialisme dan sebagainya". Mereka seterusnya menegakkan untuk diri mereka peraturan-peraturan pemerintahan, yang mereka namakannya sebagai peraturan "demokrasi" dan peraturan "kediktatoran" dan sebagainya. Dengan peraturan-peraturan ciptaan sendiri itu, mereka keluar dari prinsip agama Allah seluruhnya kepada prinsip pemikiran jahiliyah Greek dan Roman dan lainnya yang menciptakan sendiri undang-undang dan peraturan hidup mereka.

Dan puak yang menamakan diri mereka sebagai "puak Muslim" yang mengikut sistem hidup dan methodologi-methodologi puak Ahlil-Kitab. Puak ini keluar dan menyeleweng dari agama Allah kepada agama manusia, kerana agama Allah ialah sistem hidup undang-undang dan peraturan yang diaturkan oleh Allah untuk mengendalikan kehidupan manusia, sedangkan agama manusia ialah sistem hidup, undang-undang dan peraturan yang diciptakan oleh manusia untuk mengendalikan kehidupan mereka.

Zaman telah beredar kembali kepada keadaan yang sama dengan keadaan zaman di mana agama ini diturunkan kepada manusia dan kini keseluruhan umat manusia telah balik semula kepada budaya jahiliyah dan semua puak-puak jahiliyah tidak mengikut agama Allah. Oleh kerana itu Islam kembali semula untuk menghadapi umat manusia sebagaimana ia telah menghadapinya pada kali yang pertama (di zaman Rasulullah). Islam kembali berjuang untuk mencapai matlamat-matlamat yang sama dengan matlamat-matlamat yang ditujukan olehnya pada kali yang pertama, iaitu pertama, matlamat untuk memasukkan umat manusia ke dalam Islam dari segi i'tiqad dan kefahaman, dan kedua, matlamat untuk memasukkan umat manusia ke dalam agama Allah dari segi peraturan-peraturan hidup dan realiti. Kini pejuang Islam yang memperjuangkan Al-Qur'an menghadapi kesulitan dan kesukaran yang sama yang dialami oleh Rasulullah s.a.w ketika menghadapi umat

manusia di zamannya yang tenggelam dalam paya busuk jahiliyah, yang bermati-matian mempertahankan paya jahiliyah yang busuk, yang sesat di padang gurun jahiliyah dan menyerah kalah kepada godaan syaitan di padang yang tandus itu. Beliau berjuang untuk mencapai matlamat, pertama, menegakkan 'aqidah dan kefahaman di dalam hati dan akal manusia, iaitu 'aqidah dan kefahaman yang dilandaskan di atas prinsip "أشهد أن لا إله إلا الله" dan kedua, matlamat mewujudkan realiti Islamiyah di bumi di mana hanya Allah Yang Maha.Esa sahaja yang disembah dan tiada Tuhan yang lain yang disembah bersama-Nya, juga matlamat merealisasikan kelahiran manusia yang baru di mana manusia bebas dari menyembah sesama manusia dan menyembah hawa nafsunya.

Islam bukanlah suatu peristiwa sejarah yang berlaku sekali kemudian apabila sejarah berlalu ia meninggalkan Islam di belakangnya, malah sekarang Islam di seru memainkan peranannya yang telah dimainkan pada kali yang pertama dalam suasana, keadaan, latar belakang, kedudukan, undang-undang dan peraturan, pemikiran-pemikiran, kepercayaan-kepercayaan, neraca pertimbangan, adat resam dan tradisi-tradisi yang sama yang pernah dihadapinya pada kali yang pertama.

Jahiliyah itu suatu keadaan dan situasi. Ia bukannya suatu tempoh sejarah atau zaman. Jahiliyah yang wujud pada hari ini adalah menjalar di segenap pelosok bumi. Ia wujud pada setiap puak dan kumpulan yang memperjuangkan kepercayaan-kepercayaan, aliran-aliran pemikiran, undang-undang dan peraturan. Ia ditegakkan di atas prinsip "kuasa Hakimiyah manusia untuk manusia" dan menolak prinsip kuasa Hakimiyah Allah yang mutlak ke atas manusia. Ia ditegakkan di atas asas yang menganggap "hawa nafsu manusia" dalam apa sahaja bentuknya sebagai tuhan yang berkuasa dan menolak "syari'at Allah" sebagai undang-undang yang berkuatkuasa. Ia menjelma di dalam berbagai-bagai bentuk rupa, mengguna berbagai-bagai bendera dan lambang, memakai berbagai-bagai nama dan sifat, membentuk berbagai-bagai puak dan aliran, tetapi seluruh bentuk jahiliyah itu berpangkal dari prinsip ini, yang membeza dan menentukan tabi'at dan hakikatnya.

Berdasarkan ukuran yang pokok ini ternyatalah bahawa muka bumi pada hari ini adalah diselubungi jahiliyah, dan kehidupan umat manusia pada hari ini adalah dikuasai oleh budaya jahiliyah. Dan Islam pada hari ini adalah terhenti pada tahap penonjolan kewujudannya, iaitu semata-mata untuk wujud. Para penda'wah Islam pada hari ini sedang memperjuangkan matlamat yang sama yang telah diperjuangkan oleh Nabi Muhammad s.a.w., dan mereka menghadapi situasi yang sama dengan situasi yang dihadapi Rasulullah s.a.w. Mereka diseru supaya mencontohi Rasulullah s.a.w. dalam menyambut perintah Allah yang berikut kepadanya:

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيْكَ فَلَا يَكُن فِي صَدْرِكَ حَرَجٌ مِّنْهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad). Oleh itu janganlah ada sesuatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya dengan perantaraannya engkau menyampaikan amaran (kepada manusia) dan supaya menjadi peringatan kepada orang-orang yang beriman."(2)

Untuk menjelaskan hakikat ini kami kemukakan sedikit huraian yang berikut:

Keseluruhan masyarakat-masyarakat manusia pada hari ini adalah masyarakat jahiliyah. Oleh kerana itu ia boleh disifatkan sebagai masyarakat kolot dan mundur ke belakang, kemudian ia balik semula kepada jahiliyah setelah Islam berusaha menyelamatkannya dari jahiliyah. Pada hari ini Islam diminta menyelamatkan masyarakat-masyarakat ini dari kemunduran dan kepulangan balik kepada jahiliyah dan memimpinnya kembali ke jalan kemajuan dan tamadun dengan berpedomankan nilai-nilai dan neraca pertimbangan Rabbani.

Perbezaan Di Antara Masyarakat Rabbani Muslim Dan Masyarakat Jahiliyah Musyrik

Apabila kuasa Hakimiyah yang tertinggi itu dipulangkan kepada Allah kepada sesuatu masyarakat, di mana tegaknya kedaulatan syari'at Rabbaniyah, maka inilah satu-satunya gambaran masyarakat yang betul, di mana manusia dapat mencapai kebebasan yang sebenar dan sempurna dari 'Ubudiyah hawa nafsu dan 'Ubudiyah kepada sesama manusia, dan inilah satu-satunya gambaran Islam dan tamadun mengikut neraca pertimbangan Allah, kerana tamadun yang dikehendaki Allah bagi umat manusia ialah tamadun yang dibangunkan di atas prinsip asasi yang memberi penghormatan dan kebebasan kepada setiap individu, sedangkan penghormatan dan kebebasan itu tidak mungkin dini'mati dengan wujudnya 'Ubudiyah kepada sesama manusia. Penghormatan dan kebebasan tidak mungkin wujud dalam mana-mana masyarakat jika sebahagian warganya berlagak seperti tuhan, yang mengadakan undang-undang dan peraturan dan menjalankan kuasa Hakimiyah yang tertinggi, sedangkan sebahagian yang lain menjadi para hamba yang tunduk dan patuh kepada tuhan-tuhan manusia itu. Istilah perundangan tidak hanya terbendung pada undang-undang dan peraturan-peraturan malah nilai-nilai, neraca-neraca pertimbangan, akhlak dan tradisi adalah semuanya merupakan perundangan yang dipatuhi oleh warga masyarakat sama ada mereka sedar atau tidak sedar. Mana-mana masyarakat yang mempunyai ciri yang seperti ini adalah dianggap masyarakat yang kolot dan mundur atau mengikut istilah Islam "masyarakat jahiliyah musyrik."

Apabila asas hubungan bermasyarakat di dalam sesuatu masyarakat itu ditegakkan di atas landasan 'aqidah, kefahaman, pemikiran, sistem hidup yang semuanya diturunkan dari Allah, bukannya lahir dari keinginan hawa nafsu seseorang atau dari kehendak dan kemahuan manusia, maka masyarakat ini

disifatkan sebagai masyarakat yang bertamadun dan maju atau menggunakan istilah Islam "Masyarakat Rabbani Muslim", kerana masyarakat ini mewakili ciri-ciri yang paling tinggi pada manusia, iaitu ciri-ciri roh dan intelektual, tetapi apabila asas hubungan bermasyarakat itu ditegakkan di atas landasan bangsa, warna, kaum, negeri dan sebagainya dari tali-tali hubungan yang lain, maka masyarakat ini disifatkan sebagai masyarakat kolot dan mundur atau dengan istilah Islam "Masyarakat Jahiliyah Musyrik", kerana bangsa, warna, kaum dan negeri dan sebagainya dari asas-asas hubungan yang lain tidak mewakili hakikat yang tertinggi pada manusia. Oleh kerana itu manusia tetap manusia tanpa memandang bangsa, warna, kaum dan negeri tetapi ia tidak menjadi manusia tanpa roh dan intelektual!

Di samping itu manusia dengan iradat insaninya yang bebas - selaku ni'mat penghormatan yang paling luhur yang dikurniakan kepada manusia - mempunyai keupayaan untuk mengubahkan 'aqidahnya, kefahamannya, pemikirannya dan cara hidupnya dari kesesatan kepada hidayat dengan perantaraan daya intelektual dan kefahamannya, juga dengan perantaraan persuasi (iqna') dan orientasi, tetapi manusia sama sekali tidak berupaya untuk mengubahkan bangsanya, warnanya dan kaumnya. Ia tidak berupaya untuk menentukan bangsa dan warnanya sebelum ia dilahirkan ke dunia, begitu juga ia tidak berupaya menentukan lebih dahulu kelahirannya dalam suatu kaum atau negeri. Oleh sebab itu masyarakat yang dapat mengumpulkan manusia di atas suatu landasan yang berhubung kait dengan kemahuan mereka yang bebas tidak syak lagi merupakan satu masyarakat yang lebih maju, lebih representatif dan lebih teguh dari masyarakat yang mengumpulkan manusia di atas landasan-landasan yang berada di luar kemahuan dan daya upaya mereka.

Apabila nilai "kemanusiaan insan" merupakan nilai yang tertinggi dalam suatu masyarakat dan apabila "ciri-ciri kemanusiaan" menjadi asas penghormatan dan keraian, maka masyarakat ini disifatkan sebagai masyarakat yang bertamadun dan maju atau mengikut istilah Islam "Masyarakat Rabbani Muslim", tetapi apabila nilai kebendaan - dalam segala bentuknya - menjadi nilai yang tertinggi sama ada dalam bentuk teori seperti teori Marxisme atau dalam bentuk "pengeluaran kebendaan" seperti di Amerika, Eropah dan seluruh masyarakat yang menganggap nilai "pengeluaran kebendaan" sebagai nilai tertinggi, di mana segala nilai dan ciri-ciri insaniyah yang lain boleh digugurkan dan dikorbankan untuk kepentingannya terutama nilai akhlak, maka masyarakat ini disifatkan sebagai masyarakat kolot dan mundur atau menurut istilah Islam "Masyarakat Jahiliyah Musyrik".

Masyarakat Rabbani Muslim tidak memandang rendah kepada "kebendaan" sama ada dalam bentuk teori, kerana benda merupakan bahan yang membentuk kewujudan alam yang menjadi gelanggang hidup kita, atau dalam bentuk "pengeluaran kebendaan" dan mencari keni'matan dengan kebendaan, kerana pengeluaran kebendaan merupakan salah satu dari asas menegakkan khilafah manusia di muka bumi ini mengikut perjanjian Allah dan syaratnya. Mencari keni'matan dari benda yang baik adalah suatu amalan yang diserukan oleh Islam - sebagaimana kita akan lihat nanti dalam penjelasan rangkaian ayat-ayat surah ini - namun demikian Islam tidak menganggap nilai kebendaan itu sebagai nilai yang tertinggi, di mana ciri insaniyah dan nilai-nilainya yang lain boleh digugur dan dikorbankan untuk kepentingannya seperti yang dianggap oleh masyarakat-masyarakat jahiliyah yang menolak Allah atau mempersekutukan Allah.

Apabila nilai-nilai "insaniyah" dan akhlak "insaniyah" sebagaimana dalam neraca pertimbangan Allah - menjadi nilai yang lumrah di dalam sesuatu masyarakat, maka masyarakat ini disifatkan sebagai masyarakat yang bertamadun dan maju atau dengan istilah Islam "Masyarakat Rabbani Muslim". Nilai-nilai "insaniyah" dan akhlak "insaniyah" bukanlah suatu persoalan yang kabur atau cair dan bukan pula merupakan nilai-nilai dan akhlak-akhlak yang berubah-ubah dan tidak stabil sebagaimana yang difikirkan oleh mereka yang ingin mewujudkan kekacauan dalam neraca-neraca pertimbangan supaya di sana tidak ada suatu prinsip yang tetap untuk dirujukkan kepadanya ketika membuat sesuatu pertimbangan dan penilaian. Yang dimaksudkan dengan nilai-nilai dan akhlak di sini ialah nilai-nilai dan akhlak yang mengembang dan menyuburkan dalam jiwa manusia ciri-ciri manusia yang khusus bagi manusia sahaja tidak termasuk haiwan dan diutamakan pada manusia, iaitu ciri-ciri yang menjadikan manusia itu manusia, bukannya nilai-nilai dan akhlak yang mengembang dan menyuburkan aspek-aspek yang disyarikati bersama di antara manusia dan haiwan. Apabila persoalan nilai-nilai dan akhlak ini diletakkan sedemikian rupa, di mana dapat di lihat garis pemisah yang jelas, tegas dan tetap, maka ia tidak lagi menerima usaha-usaha yang mahu mencair dan menghancurkan nilai-nilai itu sebagaimana yang diusahakan secara berterusan oleh golongan yang mendukung aliran pemikiran evolutionisme, dan di waktu ini tidak ada lagi istilah "akhlak pertanian" dan "akhlak perindustrian" juga tidak ada lagi istilah "akhlak kapitalis", "akhlak sosialis", "akhlak marhin", "akhlak borjuis". Di sana tidak ada lagi akhlak-akhlak yang diciptakan oleh persekitaran dan taraf hidup yang dianggap mereka sebagai faktor-faktor berasingan yang muktamad dalam pembentukan-pertumbuhan dan penentuan nilai dan akhlak manusia, malah pola nilai dan akhlak yang wujud di sana hanya "nilai-nilai dan akhlak insaniyah" sahaja mengikut istilah orang-orang Islam yang hidup dalam masyarakat yang bertamadun, atau "nilai-nilai dan akhlak haiwaniyah" jika dapat dipakaikan ungkapan ini sebagai istilah kepada orang-

orang yang hidup dalam masyarakat yang mundur, atau mengikut istilah Islam, di sana hanya wujud dua bentuk nilai dan akhlak sahaja iaitu nilai-nilai dan akhlak Rabbani Islamiyah dan nilai-nilai akhlak kolot jahiliyah.

Masyarakat-masyarakat yang terkongkong kepada nilai-nilai, akhlak-akhlak dan kecenderungan haiwaniyah tidak mungkin disifatkan sebagai masyarakat-masyarakat yang bertamadun walaupun setinggi mana kemajuan industri, ekonomi, sains dan teknologi yang telah dicapai olehnya. Inilah satu ukuran yang tepat untuk mengukur sejauh mana kemajuan yang dicapai oleh manusia itu sendiri.

Di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah moden konsep akhlak telah merosot, iaitu ia tidak lagi mendukung ciri-ciri yang ada hubungan dengan ciri-ciri akhlak yang membezakan manusia dari binatang, kerana di dalam masyarakat-masyarakat ini hubungan-hubungan seks secara haram, malah hubungan-hubungan seks yang abnormal tidak dianggap sebagai akhlak yang buruk. Di sana konsep akhlak hanya terbatas di dalam hubungan-hubungan peribadi, ekonomi dan politik sahaja, kadang-kadang untuk kepentingan negara. Penulis-penulis, wartawan-wartawan, novelis-novelis dan seluruh alat media massa dan wahana orientasi di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah ini secara terus terang menegaskan kepada gadis-gadis, isteri-isteri, pemuda dan pemudi bahawa hubungan seks secara bebas ini bukanlah suatu akhlak yang keji.

Masyarakat-masyarakat yang seumpama ini adalah masyarakat-masyarakat kolot yang tidak bertamadun dari pandangan "insaniyah" dan mengikut ukuran garis kemajuan

manusia. Masyarakat-masyarakat yang seumpama ini juga merupakan masyarakat-masyarakat yang non islamik, kerana garis perjuangan Islam ialah membebaskan manusia dari belenggu hawa nafsunya dan menyuburkan ciri insaniyahnya hingga dapat mengawal dan menguasai keinginan-keinginan haiwaniyahnya.

Kami tidak dapat meneruskan pembicaraan lebih jauh dari ini dalam mengupaskan keperihalan masyarakat-masyarakat manusia yang wujud di masa kini dan sejauh mana ia terbenam di dalam budaya jahiliyah mulai dari i'tiqad hingga kepada akhlak, dan dari kefahaman hingga kepada undang-undang dan peraturan hidup. Kami kira kupasan yang seringkas ini sudah cukup untuk menjelaskan ciri-ciri jahiliyah di dalam masyarakat-masyarakat manusia masa kini, juga untuk menjelaskan hakikat matlamat yang diperjuangkan oleh da'wah Islamiyah pada hati ini dan matlamat yang diperjuangkan oleh para penda'wah kepada agama Allah, iaitu matlamat da'wah pada hari ini ialah untuk menyeru umat manusia sekali lagi supaya menganut agama Islam secara total, iaitu merangkumi 'aqidah, akhlak dan peraturan hidup. Matlamat perjuangan ini adalah sama dengan matlamat perjuangan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Ia mempunyai titik tolak yang sama dengan titik tolak yang telah dimulakan oleh da'wah beliau pada kali yang pertama. Dan perjuangan ini juga menghadapi situasi yang sama dengan situasi yang telah dihadapi oleh Rasulullah s.a.w ketika beliau membentangkan kitab Al-Qur'anul-Karim yang diturunkan Allah kepadanya, di mana Allah berbicara dengan beliau dengan firman-Nya:

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ فَلَا يَكُن فِي صَدۡرِكَ حَرَجٞ مِّنۡهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٢﴾

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad). Oleh itu janganlah ada sesuatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya dengan perantaraannya engkau menyampaikan amaran (kepada manusia) dan supaya menjadi peringatan kepada orang-orang yang beriman."(2)

* * * * * *

Intisari Agama Ialah Menjunjung Perintah

Semasa Allah hadapkan tugas tadi kepada Rasul-Nya, maka dalam waktu yang sama juga Allah hadapkan kepada kaumnya yang ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka bagi kali yang pertama, juga dihadapkan kepada setiap kaum yang dihadapi oleh Islam untuk menyelamatkan mereka dari jahiliyah, iaitu Allah hadapkan kepada mereka perintah supaya menjunjung dan mematuhi segala perintah yang diturunkan di dalam kitab suci Al-Qur'an, di samping mematuhi larangan supaya jangan mengikut pimpinan-pimpinan yang lain dari Allah. Ini ialah kerana pokok persoalan agama ini ialah menjunjung perintah, iaitu siapakah yang harus diikuti manusia di dalam hidup mereka? Jika mereka mengikut dan menjunjung perintah Allah, mereka dikira golongan Muslimin, dan sebaliknya jika mereka mengikut dan menjunjung perintah yang lain dari Allah, mereka dikira golongan Musyrikin. Kedua-dua pendirian ini berbeza dan tidak mempunyai titik pertemuan:

ٱتَّبِعُواْ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُمۡ وَلَا تَتَّبِعُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَۗ قَلِيلٗا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

"Ikutilah segala apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu ikuti pimpinan-pimpinan yang lain dari Allah (malangnya) sedikit sekali kamu mengambil peringatan."(3)

Inilah persoalan asasi agama Islam, iaitu kesanggupan menjunjung segala perintah yang diturunkan Allah itulah Islam atau penyerahan diri kepada Allah atau itulah pengi'tirafan terhadap Rabubiah Allah dan pengakuan bahawa Allah Yang Maha Esa sahaja mempunyai kuasa Hakimiyah yang wajib dijunjung segala perintah dan larangan-Nya dan tiada siapa yang lain dari Allah yang mempunyai kuasa itu. Perbuatan menjunjung perintah pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah itulah perbuatan syirik atau itulah perbuatan menolak pengi'tirafan terhadap

Rububiyah Allah, bagaimana tidak syirik sedangkan kuasa Hakimiyah tidak dikhususkan kepada Allah sahaja?

Dalam ayat yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w menjelaskan bahawa kitab Al-Qur'an itu adalah diturunkan kepada beliau secara peribadi:

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu."(2)

Sementara dalam ayat yang ditujukan kepada manusia menjelaskan bahawa kitab Al-Qur'an itu juga adalah diturunkan kepada mereka dari Allah Tuhan mereka:

ٱتَّبِعُواْ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُمۡ

"Ikutilah segala apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu."(3)

Bagi Rasulullah s.a.w. tujuan kitab Al-Qur'an itu diturunkan kepada beliau ialah supaya beliau beriman kepadanya dan melaksanakan tugas menyampaikan amaran dan peringatan kepada manusia. Sementara bagi manusia pula tujuan diturunkan Al-Qur'an kepada mereka ialah supaya mereka beriman kepadanya, menjunjung segala perintah-Nya dan tidak menjunjung perintah yang lain dari-Nya. Isi perintah di dalam dua ayat itu bertujuan menentukan ikhtisas masing-masing di samping memberi penghormatan, galakan dan perangsang. Oleh kerana itu orang yang diturunkan Al-Qur'an kepadanya dan dipilih sebagai rasul untuk menyampaikan perintah Al-Qur'an dan orang yang dikurniakan ni'mat kebajikan Al-Qur'an yang limpah itu adalah amat wajar mengambil peringatan dan bersyukur dan seterusnya berpegang teguh dengan perintah ini tanpa merasa sulit dan penat.

* * * * * *

Oleh sebab perjuangan agama ini amat besar iaitu mewujudkan perubahan asasi yang sempurna dan syumul di dalam budaya jahiliyah, iaitu perubahan yang merangkumi kefahaman-kefahaman dan pemikiran-pemikirannya, nilai-nilai dan akhlaknya, adat resam dan tradisinya, undang-undang dari peraturan-peraturannya, sosial ekonominya dan hubungan-hubungannya dengan Allah, alam buana dan manusia.

Oleh sebab perjuangan agama ini begitu besar, maka ayat-ayat yang berikut menggoncangkan hati nurani manusia dengan sekuat-kuatnya, membangkitkan dan menggerakkan saraf mereka, menggoncangkan tabi'at-tabi'at mereka yang terumbang-ambing di dalam budaya jahiliyah dan terkongkong kepada kefahaman-kefahaman dan undang-undang dan peraturannya. Ia menggoncangkan mereka dengan menayangkan kisah-kisah kebinasaan umat yang silam yang telah mendustakan agama Allah di samping menayangkan nasib kesudahan yang malang yang diterima mereka di Akhirat:

وَكَم مِّن قَرۡيَةٍ أَهۡلَكۡنَٰهَا فَجَآءَهَا بَأۡسُنَا بَيَٰتًا أَوۡ هُمۡ قَآئِلُونَ ﴿٤﴾
فَمَا كَانَ دَعۡوَىٰهُمۡ إِذۡ جَآءَهُم بَأۡسُنَآ إِلَّآ أَن قَالُوٓاْ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٥﴾
فَلَنَسۡـَٔلَنَّ ٱلَّذِينَ أُرۡسِلَ إِلَيۡهِمۡ وَلَنَسۡـَٔلَنَّ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٦﴾
فَلَنَقُصَّنَّ عَلَيۡهِم بِعِلۡمٍۖ وَمَا كُنَّا غَآئِبِينَ ﴿٧﴾
وَٱلۡوَزۡنُ يَوۡمَئِذٍ ٱلۡحَقُّۚ فَمَن ثَقُلَتۡ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ﴿٨﴾
وَمَنۡ خَفَّتۡ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُم بِمَا كَانُواْ بِـَٔايَٰتِنَا يَظۡلِمُونَ ﴿٩﴾

"Dan berapa banyak negeri yang telah Kami binasakan, iaitu mereka telah di timpa 'azab Kami pada waktu malam atau ketika mereka sedang beristirehat di waktu tengahari (4). Maka tidak ada perkataan yang diucapkan mereka ketika mereka ditimpakan 'azab Kami melainkan mereka berkata: 'Sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim (5). Oleh kerana itu Kami akan menyoal umat-umat yang telah diutuskan para rasul kepada mereka dan juga akan menyoal rasul-rasul itu sendiri (6). Kemudian Kami akan menceritakan kepada mereka (segala apa yang dilakukan mereka) mengikut ilmu pengetahuan (Kami yang tepat) dan Kami tidak pernah ghaib (tidak ada) dari mengawasi mereka (7). Dan timbangan amalan pada hari itu adalah timbangan yang benar. Oleh itu sesiapa yang berat timbangan amalannya, maka merekalah orang-orang yang beruntung (8). Dan sesiapa yang ringan timbangan amalannya, maka merekalah orang-orang yang merugikan diri sendiri kerana bertindak zalim terhadap ayat-ayat Kami (9)."

Peristiwa-peristiwa kebinasaan yang telah menimpa umat yang silam merupakan sebaik-baik peringatan dan pemberi amaran. Hakikat-hakikat ini telah digunakan oleh Al-Qur'an sebagai bukti-bukti yang berkesan dan memberi saranan, juga sebagai pengetuk-pengetuk yang menggerakkan hati manusia yang lalai.

Memang banyak negeri yang telah dibinasakan Allah dengan sebab menolak agama Allah. Mereka dibinasakan di waktu malam dalam keadaan tidak sedar dan lalai, juga di waktu tengahari ketika mereka sedang beristirehat untuk tidur dan bersenang-senang:

وَكَم مِّن قَرۡيَةٍ أَهۡلَكۡنَٰهَا فَجَآءَهَا بَأۡسُنَا بَيَٰتًا

أَوْ هُمْ قَآئِلُونَ ﴿٤﴾

"Dan berapa banyak negeri yang telah Kami binasakan, iaitu mereka telah di timpa 'azab Kami pada waktu malam atau ketika mereka sedang beristirehat di waktu tengahari."(4)

Masa tidur di waktu malam dan di waktu tengahari merupakan masa-masa lalai, beristirehat dan bersenang-senang. Oleh sebab itu 'azab dan malapetaka yang ditimpakan pada waktu-waktu ini amat dahsyat dan hebat kesannya di samping lebih kuat mendorong manusia agar mengambil perhatian, berhati-hati dan berwaspada.

Tetapi apakah yang telah berlaku? umat-umat yang ditimpakan 'azab dan malapetaka di sa'at-sa'at kelalaian dan bersenang-senang itu tidak berkata dan mendakwa apa-apa selain dari mengaku salah:

فَمَا كَانَ دَعْوَىٰهُمْ إِذْ جَآءَهُم بَأْسُنَآ إِلَّآ أَن قَالُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٥﴾

"Maka tidak ada perkataan yang diucapkan mereka ketika mereka di timpa 'azab Kami melainkan mereka berkata: 'Sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim."(5)

Seseorang itu boleh mendakwa segala apa sahaja selain dari mengaku salah, tetapi ketika berada dalam situasi dilanda malapetaka, maka orang-orang yang seperti ini berada dalam satu keadaan yang tidak membolehkan mereka membuat dakwaan selain dari mengaku salah: "Sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim". Mereka menghadapi satu situasi yang sungguh menakut dan ngeri hingga tidak ada lagi usaha yang paling jauh selain dari mengaku salah dan berdosa kerana melakukan perbuatan syirik.

Kezaliman yang dimaksudkan mereka di dalam ayat ini ialah perbuatan syirik terhadap Allah, dan manakah satu perbuatan yang lebih zalim dari perbuatan mempersekutukan Allah, sedangkan Allah menciptakan mereka?

Ketika pemandangan ini sedang ditayangkan di dunia, di mana orang-orang yang mendustakan agama Allah telah ditimpakan 'azab-Nya hingga mereka mengaku ketika melihat 'azab itu bahawa mereka telah bersalah kerana melakukan perbuatan syirik terhadap Allah, dan ketika mereka sedar dan mengetahui kebenaran agama Allah, tetapi malangnya kesedaran dan pengakuan itu tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka, penyesalan dan taubat mereka tidak dapat menghalangkan 'azab Allah, kerana penyesalan itu telah terlewat dari waktunya dan jalan taubat juga telah pun terputus setelah turunnya 'azab Allah.

Ketika pemandangan ini sedang ditayangkan di dunia, tiba-tiba rangkaian ayat-ayat yang berikut mengalihkan pembicaraannya, di mana ia terus memindahkan para pendengarnya ke alam Akhirat tanpa berhenti dan tanpa garis senggang. Pita tayangan itu bersambung terus menjangkau garis zaman dan tempat menghubungkan alam dunia dengan alam Akhirat, menyambung 'azab dunia dengan 'azab Akhirat, di mana dalam sekelip mata sahaja kita berdepan dengan situasi yang berikut:

فَلَنَسْـَٔلَنَّ ٱلَّذِينَ أُرْسِلَ إِلَيْهِمْ وَلَنَسْـَٔلَنَّ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٦﴾

"Oleh kerana itu Kami akan menyoal umat-umat yang diutuskan para rasul kepada mereka dan juga akan menyoal rasul-rasul itu sendiri."(6)

Pengungkapan bergambar yang menarik seperti ini merupakan salah satu ciri dari ciri-ciri Al-Qur'an, di mana seluruh perjalanan di alam dunia digulung dalam sekelip mata sahaja untuk disambungkan alam dunia dengan alam Akhirat dan untuk disambungkan permulaan dengan kisah penamatnya.

Tiba-tiba orang-orang yang mendustakan agama Allah yang ditimpakan 'azab di dunia itu berdiri di alam Akhirat dan berada di sini untuk disoal, dihisab dan dihukum. Pengakuan yang bersalah yang dilakukan mereka di dunia ketika melihat 'azab Allah yang ditimpakan ke atas mereka di dunia itu belum lagi cukup.

Di sini mereka disoal kembali di hadapan khalayak ramai yang berhimpun di Mahsyar pada hari yang amat besar itu:

فَمَا كَانَ دَعْوَىٰهُمْ إِذْ جَآءَهُم بَأْسُنَآ إِلَّآ أَن قَالُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٥﴾

فَلَنَسْـَٔلَنَّ ٱلَّذِينَ أُرْسِلَ إِلَيْهِمْ وَلَنَسْـَٔلَنَّ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٦﴾

"Maka tidak ada perkataan yang diucapkan mereka ketika mereka di timpa 'azab Kami melainkan mereka berkata: 'Sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim (5). Oleh kerana itu Kami akan menyoal umat-umat yang diutuskan para rasul kepada mereka dan juga akan menyoal rasul-rasul itu sendiri."(6)

Itulah soal siasat yang sangat halus, ia melibatkan semua umat yang diutuskan para rasul kepada mereka di samping melibatkan para rasul itu sendiri. Di sini seluruh cerita itu dibentangkan semula di hadapan khalayak ramai, di mana segala rahsia yang sulit dan halus itu didedahkan dengan terperinci. Umat-umat yang didatangi para rasul itu disoal dan mereka mengaku, kemudian para rasul pula disoal dan mereka memberi jawapan yang jelas, kemudian Allah Yang Maha Mengetahui sendiri menceritakan segala perbuatan mereka yang dicatat dengan hemat tetapi telah dilupai mereka. Allah menceritakannya dengan ilmu pengetahuan-Nya Yang Maha Halus kerana Dia hadir dan melihat segala sesuatu dan tidak pernah ghaib dan menghilangkan diri dari segala sesuatu. Ini adalah satu penjelasan ringkas yang memberi kesan peringatan dan amaran yang mendalam.

وَٱلْوَزْنُ يَوْمَئِذٍ ٱلْحَقُّ

"Dan timbangan amalan pada hari itu adalah timbangan yang benar."(8)

Di alam Akhirat tidak ada penipuan dalam timbangan, tidak ada kekeliruan dalam hukuman dan tidak ada perdebatan tentang kesahihan hukuman dan timbangan.

فَمَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٨﴾

"Oleh itu sesiapa yang berat timbangan amalnya, maka merekalah orang-orang yang beruntung."(8)

Amalannya didapati berat dalam neraca timbangan Allah yang menimbang dengan tepat, maka balasannya ialah keberuntungan, dan tidak ada keberuntungan yang lebih besar dari keselamatan dari 'azab Neraka dan selamat pulang kembah ke Syurga di akhir pengembaraan yang amat jauh dan penjelajahan yang amat panjang.

وَمَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُم بِمَا كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يَظْلِمُونَ ﴿٩﴾

"Dan sesiapa yang ringan amalannya, maka merekalah orang-orang yang merugikan diri sendiri kerana bertindak zalim terhadap ayat-ayat Kami."(9)

Amalannya di dapati ringan dalam neraca timbangan Allah yang adil dan tidak pernah salah. Akibatnya mereka telah merugikan diri sendiri dan apakah yang akan diperolehi mereka selepas ini?

Setiap orang berusaha untuk mengumpulkan kebaikan bagi dirinya sendiri dan apabila ia merugikan diri sendiri, maka apakah lagi yang akan tinggal disisinya?

Mereka telah merugikan diri sendiri dengan sebab mereka menolak ayat-ayat Al-Qur'an, "mereka bertindak zalim terhadap ayat-ayat Kami". Istilah "zalim" di dalam Al-Qur'an sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini adalah dipakai dengan makna syirik atau kekufuran. Firman Allah:

إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya perbuatan syirik itu suatu kezaliman yang amat besar."

(Surah Luqman: 13)

Di sini kita tidak mahu membabitkan diri di dalam pembicaraan mengenai tabi'at timbangan dan hakikat neraca timbangan itu sebagaimana yang dilakukan oleh pendebat-pendebat yang berfikir dengan mentaliti yang tidak Islamiyah di dalam sejarah pemikiran Islam, kerana cara tindakan-tindakan Allah seluruhnya adalah di luar keserupaan dan bandingan, kerana Allah S.W.T tidak ada tolok bandingnya. Di sini cukuplah kami menjelaskan hakikat dari maksud ayat tadi, iaitu proses hisab pada hari itu adalah dilaksanakan dengan adil dan betul. Tiada seorang pun yang dizalimi walaupun seberat zarah dan tiada suatu amalan pun yang dikurangi, diabai dan disia-siakan.

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 25)

وَلَقَدْ مَكَّنَّٰكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَٰيِشَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

وَلَقَدْ خَلَقْنَٰكُمْ ثُمَّ صَوَّرْنَٰكُمْ ثُمَّ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ لَمْ يَكُن مِّنَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿١١﴾

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ ۖ قَالَ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِى مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

قَالَ فَٱهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَن تَتَكَبَّرَ فِيهَا فَٱخْرُجْ إِنَّكَ مِنَ ٱلصَّٰغِرِينَ ﴿١٣﴾

قَالَ أَنظِرْنِىٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤﴾

قَالَ إِنَّكَ مِنَ ٱلْمُنظَرِينَ ﴿١٥﴾

قَالَ فَبِمَآ أَغْوَيْتَنِى لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَٰطَكَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿١٦﴾

ثُمَّ لَءَاتِيَنَّهُم مِّنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَٰنِهِمْ وَعَن شَمَآئِلِهِمْ ۖ وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَٰكِرِينَ ﴿١٧﴾

قَالَ ٱخْرُجْ مِنْهَا مَذْءُومًا مَّدْحُورًا ۖ لَّمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٨﴾

وَيَٰٓـَٔادَمُ ٱسْكُنْ أَنتَ وَزَوْجُكَ ٱلْجَنَّةَ فَكُلَا مِنْ حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَٰذِهِ ٱلشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾

فَوَسْوَسَ لَهُمَا ٱلشَّيْطَٰنُ لِيُبْدِىَ لَهُمَا مَا وُۥرِىَ عَنْهُمَا مِن سَوْءَٰتِهِمَا وَقَالَ مَا نَهَىٰكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَٰذِهِ ٱلشَّجَرَةِ إِلَّآ أَن تَكُونَا مَلَكَيْنِ أَوْ تَكُونَا مِنَ ٱلْخَٰلِدِينَ ﴿٢٠﴾

وَقَاسَمَهُمَآ إِنِّى لَكُمَا لَمِنَ ٱلنَّٰصِحِينَ ﴿٢١﴾

فَدَلَّىٰهُمَا بِغُرُورٍ ۚ فَلَمَّا ذَاقَا ٱلشَّجَرَةَ بَدَتْ لَهُمَا سَوْءَٰتُهُمَا وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِن وَرَقِ ٱلْجَنَّةِ ۖ وَنَادَىٰهُمَا رَبُّهُمَآ أَلَمْ أَنْهَكُمَا عَن تِلْكُمَا ٱلشَّجَرَةِ وَأَقُل لَّكُمَآ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لَكُمَا عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٢﴾

قَالَا رَبَّنَا ظَلَمْنَآ أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

قَالَ ٱهْبِطُوا۟ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ ۖ وَلَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٢٤﴾

قَالَ فِيهَا تَحْيَوْنَ وَفِيهَا تَمُوتُونَ وَمِنْهَا تُخْرَجُونَ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu di bumi ini dengan kedudukan yang teguh dan di sana Kami jadikan untuk kamu sumber-sumber kehidupan, (tetapi malangnya) sedikit sekali kamu bersyukur (10). Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dan membentuk rupa kamu, kemudian Kami berfirman kepada para malaikat: 'Sujudlah kepada Adam! Lalu mereka sujud kecuali Iblis sahaja yang tidak termasuk di dalam golongan yang sujud (11). Allah berfirman: Apakah yang telah menghalangkan engkau dari sujud (kepada Adam) sewaktu Aku perintahkan engkau? Iblis menjawab: 'Aku lebih baik dari dia (Adam) kerana Engkau telah menciptakan aku dari api dan menciptakannya dari tanah' (12). Allah berfirman: Turunlah engkau dari Syurga, engkau tidak sepatutnya berlagak sombong di Syurga ini, oleh itu keluarlah. Sesungguhnya engkau tergolong dalam kumpulan mereka yang hina (13). Iblis merayu: 'Berilah tempoh kepadaku sehingga hari manusia dibangkitkan kembali' (14). Allah menjawab: Sesungguhnya engkau dari golongan mereka yang diberikan tempoh (15). Iblis berkata: 'Oleh kerana Engkau telah menghukumkan aku menjadi sesat, maka demi sesungguhnya aku tetap menunggu mereka untuk menghalangkan mereka dari jalan-Mu yang lurus' (16). Kemudian aku tetap datang menggoda mereka dari hadapan dan belakang mereka, dari kanan dan kiri mereka dan Engkau tidak dapati kebanyakan mereka bersyukur (17). Allah berfirman: Keluarlah engkau dari Syurga ini dengan keadaan hina dina dan terbuang. Sesungguhnya siapa di antara mereka yang mengikut engkau, nescaya Aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan golongan kamu seluruhnya (18). Wahai Adam! Tinggallah bersama isterimu di dalam Syurga dan makanlah apa sahaja yang diingini kamu berdua, tetapi janganlah kamu hampiri pokok ini kerana akibatnya akan menjadikan kamu berdua dari golongan mereka yang zalim (19). Lalu syaitan menghasut mereka (memakan buah pokok larangan) dengan tujuan untuk mendedahkan 'aurat mereka yang selama ini terlindung dari mereka, lalu ia berkata: 'Sebenarnya Tuhan kamu tidak melarang kamu mendekati pokok ini melainkan supaya kamu tidak menjadi malaikat atau tidak menjadi dari golongan mereka yang hidup kekal abadi' (20). Dan dia (Iblis) bersumpah kepada keduanya: 'Sesungguhnya aku adalah dari mereka yang ingin memberi nasihat kepada kamu berdua' (21). Lalu syaitan memujuk mereka (memakan buah pokok itu) dengan tipudaya (yang licin), setelah mereka memakan buah pokok itu terdedahlah kepada mereka 'aurat mereka dan mulalah mereka menutupinya daun-daun Syurga, lalu Allah menyeru mereka: Bukankah Aku telah melarang kamu mendekati pokok itu dan berkata kepada kamu bahawa syaitan itu adalah musuh ketat kamu yang nyata? (22) Mereka berdua berdo'a: 'Wahai Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri dan jika engkau tidak memberi keampunan dan rahmat kasihan belas kepada kami sudah tentu kami jadi dari golongan mereka yang rugi' (23). Allah berfirman:Turunlah kamu(kebumi), dimana kamu akan berseteru satu sama lain. Dan di bumi disediakan untuk kamu tempat kediaman dan ni'mat kesenangan untuk satu jangka waktu yang tertentu (24). Allah berfirman lagi: Di bumi kamu hidup dan di bumi juga kamu mati dan dari bumi kelak kamu akan dikeluarkan kembali."(25)

Kisah Penempatan Manusia Di Bumi

Dari sinilah manusia memulakan pengembaraannya yang amat jauh. Ia dimulakan Allah dengan menempatkan makhluk manusia di bumi sebagai satu hakikat yang mutlak sebelum kisah umat manusia bermula dengan terperinci.

وَلَقَدْ مَكَّنَّٰكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَٰيِشَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu di bumi ini dengan kedudukan yang teguh dan di sana Kami jadikan untuk kamu sumber-sumber kehidupan, (tetapi malangnya) sedikit sekali kamu bersyukur."(10)

Allah Pencipta bumi dan Pencipta manusia telah menciptakan jenis manusia di bumi dengan kedudukan yang teguh. Dia juga yang melengkapkan bumi dengan berbagai-bagai ciri-ciri dan penyesuaian-penyesuaian yang banyak untuk membolehkan manusia hidup di bumi, mendapat bekalan-bekalan makanan yang cukup dan membantu kehidupannya melalui punca-punca rezeki dan kehidupan yang wujud di bumi.

Allah telah menjadikan bumi sebagai satu tempat kediaman yang baik dan sesuai untuk perkembangan umat manusia dengan kesesuaian udaranya, strukturnya, saiznya, jarak jauhnya dari matahari dan bulan, peredarannya di sekeliling matahari, kecondongan kedudukannya di atas paksinya, kederasan pusingannya dan sebagainya dari berbagai-bagai penyesuaian yang membolehkan manusia hidup dengan selesa di bumi.

Di samping itu Allah telah mengadakan di bumi ini berbagai-bagai rezeki, berbagai-bagai kekuatan dan tenaga alam yang membolehkan pertumbuhan manusia dan perkembangan hayatnya di samping mengembang dan memajukan kehidupannya.

Allah telah menciptakan makhluk manusia sebagai penghulu makhluk-makhluk yang ada di bumi ini, di mana manusia dikurniakan keupayaan menunduk dan menggunakan makhluk-makhluk itu, kerana Allah telah melengkapkan makhluk manusia dengan ciri-ciri

kesediaan, dan bakat-bakat kebolehan untuk mengenal dan mengetahui sebahagian dari undang-undang alam dan menggunakannya untuk mengisikan keperluan-keperluan mereka.

Jika tidak kerana Allah menempatkan makhluk manusia di bumi dengan penyesuaian-penyesuaian dan sumber-sumber rezeki dan tenaga-tenaga alam itu tentulah manusia yang lemah itu tidak dapat "menakluk alam" seperti yang diungkapkan oleh penganut jahiliyah dahulu dan sekarang, dan tentulah manusia dengan kekuatan peribadinya tidak mampu menghadapi kekuatan-kekuatan alam yang besar, yang berdaya menghancur dan membinasakan itu.

Kefahaman dan pemikiran jahiliyah Greek dan Roman itulah yang mencorakkan kefahaman dan pemikiran jahiliyah di zaman moden. Kefahaman dan pemikiran itulah yang menggambarkan alam buana sebagai musuh manusia, dan menggambarkan kekuatan-kekuatan alam sebagai kekuatan yang menentang kewujudan manusia dan pergerakannya, dan seterusnya menggambarkan manusia berada dalam satu pertarungan dengan kekuatan-kekuatan alam dengan keupayaan dan tenaga dirinya sahaja, di samping menggambarkan setiap kejayaan membongkar undang-undang alam dan kejayaan menggunakan undang-undang alam sebagai kejayaan "menakluk alam" dalam pertarungan di antara alam dan makhluk manusia.

Itulah kefahaman dan pemikiran yang karut dan buruk.

Jika undang-undang alam itu menentang dan berseteru dengan manusia, mencari peluang untuk mengganyangnya dan menghalangkan gerak langkahnya, sedangkan di belakang kekuatan alam itu pula tidak ada iradat Ilahi yang mengendalikan perjalanan alam - sebagaimana yang difikirkan mereka - tentulah manusia tidak mungkin wujud sama sekali. Jika tidak, bagaimana ia mungkin wujud? Bagaimana ia mungkin wujud dalam sebuah alam yang berseteru dengannya dan tanpa iradat Ilahi yang mentadbirkan di belakangnya? Manusia tentulah tidak berupaya meneruskan hidupnya jika kekuatan-kekuatan alam yang besar itu menentang gerak langkahnya, dan jika kekuatan-kekuatan alam itu pula - mengikut sangkaan mereka - mengendalikan dirinya sendiri tanpa satu kekuatan yang lain di belakang kekuatannya?.

Hanya kefahaman Islam sahaja yang dapat menyelesaikan persoalan-persoalan yang halus ini, kerana kefahaman Islam mengikatkan persoalan-persoalan ini kepada satu prinsip yang syumul dan selaras, iaitu Allah menciptakan alam buana dan Dialah juga yang menciptakan manusia. Justeru itu dengan iradat dan hikmat kebijaksanaan-Nya, Dia menjadikan tabi'at alam ini dalam satu keadaan yang membolehkan manusia wujud di bumi ini. Dia melengkapkan manusia dengan kesediaan dan bakat-bakat kebolehan yang memungkinkan manusia dapat mengetahui sebahagian dari undang-undang alam dan menggunakannya untuk memenuhi keperluan hidupnya. Inilah pentafsiran selaras yang sesuai untuk mentafsirkan ciptaan Allah yang menciptakan segala sesuatu dengan ciptaan yang sebaik-baiknya. Allah tidak menciptakan makhluk-makhluk-Nya bersengketa, berseteru dan berbalah di antara satu sama lain.

Di bawah naungan kefahaman ini manusia dapat hidup di sebuah alam yang mesra dan bersahabat baik dan di bawah pengawasan kekuatan dan kuasa pentadbiran Ilahi yang bijaksana, manusia dapat hidup dengan hati yang tenang dan jiwa yang lapang, di samping dapat menghayun langkah yang tetap untuk melaksanakan tugas khalifah Allah di alam bumi dengan sikap yang yakin bahawa pelaksanaan tugas itu mendapat bantuan dan pertolongan dari Allah. Seterusnya dengan kefahaman ini manusia dapat berhubung dengan alam dengan semangat kasih mesra dan semangat persahabatan. Ia bersyukur kepada Allah setiap kali ia menemui sesuatu rahsia dari rahsia-rahsia alam dan setiap kali ia berjaya mengetahui sesuatu undang-undang dari undang-undang alam yang dapat membantunya dalam usaha melaksanakan tugas khilafahnya atau dapat meningkatkannya setingkat lagi ke tahap kemajuan, kerehatan dan kesenangan yang baru.

Kefahaman ini tidak menghalang manusia dari bergerak dan berusaha untuk mengetahui rahsia-rahsia dan undang-undang alam, malah sebaliknya ia menggalakkan manusia dan mengisi hatinya dengan keyakinan dan ketenteraman, kerana manusia bergerak dan berhadapan dengan sebuah alam yang menawarkan persahabatan yang baik dan tidak bakhil memperlihatkan rahsia-rahsianya dan menghulurkan bantuan dan pertolongan kepadanya. Ia bukannya berdepan dengan sebuah alam yang berseteru dan menunggu-nunggu peluang untuk mengganyangnya, menghalangkan gerak langkah dan menghancurkan impian dan cita-citanya.

Tragedi Pemikiran Eropah

Tragedi besar teori wujudiyah (existentialisme) ialah kefahamannya yang malang dan buruk yang menggambarkan tabi'at kewujudan alam - malah tabi'at kewujudan kelompok manusia itu sendiri - berlawanan dengan kewujudan individu manusia, iaitu ia menghala dengan tekanannya yang amat berat ke arah menghapuskan kewujudan manusia. Itulah satu kefahaman yang malang, yang sudah tentu akan menimbulkan keadaan suka menyisihkan diri, ketidakwujudan atau nihilisme, di samping mewujudkan keadaan atau reaksi tidak peduli, memberontak dan sikap keindividuan. Kedua-dua keadaan dan reaksi itu adalah membayangkan kegelisahan yang menyeksakan, kesengsaraan jiwa dan akal, pengembaraan di padang gurun yang

menyesatkan, iaitu padang gurun memberontak atau padang gurun ketidakwujudan.

Tragedi ini bukannya tragedi teori wujudiyah (existentialisme) sahaja di antara aliran-aliran pemikiran Eropah, malah tragedi ini merupakan tragedi seluruh aliran pemikiran Eropah termasuk semua mazhab dan trendnya, malah ia merupakan tragedi seluruh jahiliyah di seluruh zaman dan tempat. Tetapi tragedi ini dapat disekat dan dibataskan oleh Islam dengan perantaraan 'aqidahnya yang syumul, yang mencetuskan dalam pemikiran manusia kefahaman yang betul terhadap alam dan kuasa tadbir Ilahi yang ada di sebaliknya.

Manusia selaku anak bumi dan selaku anak alam adalah diciptakan Allah dari unsur bumi. Allah menempatkannya di bumi ini dan membekalkan kepadanya sumber-sumber rezeki dan kehidupan di bumi ini, di samping memberi kemudahan-kemudahan dengan menyerahkan kunci ilmu pengetahuan kepada manusia. Seterusnya Allah jadikan undang-undang alam sesuai dengan kewujudan manusia. Undang-undang ini membantu manusia setelah ia mengetahuinya dengan jelas dan memudahkan kehidupannya.

Tetapi malangnya manusia sangat sedikit bersyukur kepada Allah. Ini disebab kerana mereka tenggelam di dalam jahiliyah dan justeru itu mereka tidak mengetahui, tetapi hinggakan orang-orang yang mengetahui sekalipun tidak juga dapat menyempurnakan kewajipan bersyukur terhadap ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada mereka. Masakan mereka berupaya menunaikan kewajipan bersyukur kepada Allah dengan sempurna jika tidak kerana Allah sudi menerima kesyukuran sekadar yang mampu dizahirkan oleh mereka. Kedua-dua golongan yang mengetahui dan yang tidak mengetahui itu menepati maksud ayat:

"Sedikit sekali kamu bersyukur."(10)

* * * * * *

Kisah Penciptaan Adam

Selepas itu Al-Qur'an memulakan kisah manusia dengan peristiwa-peristiwanya yang menarik, ia dimulakan dengan mengumumkan kelahiran manusia dalam satu perhimpunan yang hebat di ruang alam Al-Mala'-ul-A'la yang luas saujana. Ia diumumkan oleh Allah Pemerintah dan Penguasa Yang Maha Agung, Maha Perkasa, Maha Mulia dan Maha Besar untuk menambahkan penghormatan kepada Adam. Perhimpunan itu dihadiri oleh para malaikat dan di antaranya ialah Iblis walaupun dia bukan dari jenis malaikat. Ia disaksikan oleh langit dan bumi dan segala sesuatu yang telah diciptakan Allah. Ia merupakan suatu peristiwa agung di dalam sejarah alam ini:

وَلَقَدْ خَلَقْنَٰكُمْ ثُمَّ صَوَّرْنَٰكُمْ ثُمَّ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ لَمْ يَكُن مِّنَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿١١﴾

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ ۖ قَالَ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِى مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

قَالَ فَٱهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَن تَتَكَبَّرَ فِيهَا فَٱخْرُجْ إِنَّكَ مِنَ ٱلصَّٰغِرِينَ ﴿١٣﴾

قَالَ أَنظِرْنِىٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤﴾

قَالَ إِنَّكَ مِنَ ٱلْمُنظَرِينَ ﴿١٥﴾

قَالَ فَبِمَآ أَغْوَيْتَنِى لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَٰطَكَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿١٦﴾

ثُمَّ لَءَاتِيَنَّهُم مِّنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَٰنِهِمْ وَعَن شَمَآئِلِهِمْ ۖ وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَٰكِرِينَ ﴿١٧﴾

قَالَ ٱخْرُجْ مِنْهَا مَذْءُومًا مَّدْحُورًا ۖ لَّمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dan membentuk rupa kamu, kemudian Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kepada Adam! Lalu mereka sujud kecuali Iblis sahaja yang tidak termasuk di dalam golongan yang sujud (11). Allah berfirman: Apakah yang telah menghalangkan engkau dari sujud (kepada Adam) sewaktu Aku perintahkan engkau? Iblis menjawab: 'Aku lebih baik dari dia (Adam) kerana Engkau menciptakan aku dari api dan menciptakannya dari tanah' (12). Allah berfirman: Turunlah engkau dari Syurga, engkau tidak sepatutnya berlagak sombong di Syurga ini, oleh itu keluarlah. Sesungguhnya engkau tergolong dalam kumpulan mereka yang hina (13). Iblis merayu: 'Berilah tempoh kepadaku sehingga hari manusia dibangkitkan kembali' (14). Allah menjawab: Sesungguhnya engkau dari golongan mereka yang diberikan tempoh (15). Iblis berkata: 'Oleh kerana Engkau telah menghukumkan aku menjadi sesat, maka demi sesungguhnya aku tetap menunggu mereka untuk menghalangkan mereka dari jalan-Mu yang lurus' (16). Kemudian aku tetap datang menggoda mereka dari hadapan dan belakang mereka, dari kanan dan kiri mereka dan Engkau tidak dapati kebanyakan mereka bersyukur (17). Allah berfirman: Keluarlah engkau dari Syurga ini dengan keadaan hina dina dan terbuang. Sesungguhnya sesiapa di antara mereka yang mengikut engkau, nescaya Aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan golongan kamu seluruhnya."(18)

Inilah pemandangan yang pertama, yang amat menarik dan penting. Kami lebih dahulu memilih tayangan pemandangan kisah ini dan menangguhkan ulasan dan huraian saranan-saranannya hingga selesai tayangan ini.

وَلَقَدْ خَلَقْنَٰكُمْ ثُمَّ صَوَّرْنَٰكُمْ ثُمَّ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ لَمْ يَكُن مِّنَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dan membentuk rupa kamu, kemudian Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kepada Adam! Lalu mereka sujud kecuali Iblis sahaja yang tidak termasuk di dalam golongan yang sujud."(11)

Kata-kata "الخلق" bererti "ciptaan" dan kata-kata "التصوير" bermakna "membentuk rupa dan menentukan ciri-ciri". Mencipta dan membentuk rupa merupakan dua darjat dalam proses penciptaan bukannya dua fasa, kerana perkataan "ثمّ" (kemudian) dalam ayat ini bukan untuk menyampaikan pengertian tertib masa, tetapi untuk menyampaikan pengertian peningkatan kepada yang lebih tinggi, kerana proses pembentukan rupa itu lebih tinggi darjatnya dari kewujudan semata-mata. Ini bererti bahawa kewujudan diciptakan bagi bahan mentah dan kata-kata "التصوير" dimaksudkan dengan pembentukan rupa yang tertentu yang lebih tinggi dari darjat-darjat kewujudan semata-mata. Seolah-olah Allah berfirman: "Kami tidak kurniakan kepada kamu kewujudan semata-mata tetapi kami jadikan kewujudan kamu itu mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri yang tinggi." Ini samalah dengan firman-Nya:

ٱلَّذِىٓ أَعْطَىٰ كُلَّ شَىْءٍ خَلْقَهُۥ ثُمَّ هَدَىٰ ﴿٥٠﴾

"Tuhan yang telah memberikan kepada tiap-tiap sesuatu penciptaan yang sesuai dengannya, kemudian Ia memberi hidayat dan petunjuk."

(Surah Taha: 50)

Maksudnya tiap-tiap sesuatu itu diberikan ciri-ciri dan fungsinya ketika diciptakannya kemudian diberi hidayat dan petunjuk untuk membolehkannya melaksanakan fungsi-fungsi ini. Di sana tidak ada senggang masa di antara penciptaan dan pemberian ciri-ciri, fungsi-fungsi dan hidayat ke arah melaksanakannya. Pengertian ini tidak berbeza jika diertikan "hidayat" di sini dengan makna memberi petunjuk kepadanya untuk menuju kepada Tuhannya ketika ia diciptakan. Demikianlah ciptaan Adam ia dijadikan dengan rupa bentuk yang tertentu dan dikurniakan kepadanya ciri-ciri insaniyah ketika ia diciptakan. Kata-kata "ثمّ" (kemudian) dalam ayat ini untuk menyampaikan pengertian peningkatan darjat bukan untuk menyampaikan pengertian senggang masa mengikut tarjih kami.

Walau bagaimana pun, keseluruhan nas-nas Al-Qur'an mengenai penciptaan Adam dan kelahiran bangsa manusia membuktikan dengan kuat bahawa pengurniaan ciri-ciri insaniyah dan fungsi-fungsinya yang tersendiri kepada makhluk manusia itu adalah dilakukan serentak dengan penciptaannya, di samping membuktikan bahawa kemajuan dan perkembangan yang berlaku di dalam sejarah manusia ialah kemajuan di dalam aspek kelahiran ciri-ciri insaniyah ini, kesuburannnya, keterlatihannya dan pengalamannya yang tinggi yang diperolehinya, ia bukannya kemajuan dalam aspek kewujudan manusia, sebagai hasil dari evolusi jenis-jenis kejadian hingga berakhir kepada kelahiran manusia sebagaimana didakwakan oleh pendukung aliran Darwinisme.

Kelemahan Teori Evolusi

Wujudnya fasa-fasa yang berkembang maju dari haiwan mengikut tertib masa yang berlandaskan bukti-bukti penggalian (excavations) yang menjadi asas pegangan teori evolusi adalah suatu andaian sahaja bukannya suatu hakikat yang diyakinkan kebenarannya, kerana anggaran umur-umur batu di lapisan-lapisan bumi itu sendiri merupakan suatu andaian semata-mata samalah dengan anggaran umur-umur bintang yang di-asaskan pada pancaran cahayanya, dan andaian itu tidak menghalangkan kemungkinan timbulnya andaian-andaian yang lain yang boleh meminda atau mengubahkan andaian itu.

Tetapi, jika umur-umur batu itu diyakini benar sekalipun, maka di sana tidak ada yang menghalang adanya jenis-jenis haiwan di zaman-zaman yang silih berganti itu, di mana setengah-setengah jenisnya lebih maju dari setengah-setengah jenis yang lain kerana dipengaruhi oleh tekanan situasi-situasi yang wujud di bumi di masa itu dan sejauh mana tekanan itu memungkinkan wujudnya jenis haiwan yang sesuai dengan situasi yang wujud itu untuk meneruskan hidupnya, kemudian setengah-setengah jenis haiwan itu pupus apabila situasi yang wujud itu berubah dan tidak memungkinkannya untuk terus hidup, tetapi ini juga tidak semestinya membuat setengah-setengah jenis haiwan itu berubah kembang lebih maju dari yang lain. Hasil-hasil penggalian Darwin dan penggalian-penggalian selepasnya tidak mampu membuktikan lebih dari ini. Ia tidak mampu membuktikan dengan yakin bahawa jenis haiwan ini berubah kembang lebih maju dari segi fizikal dari jenis sebelumnya dari segi masa berdasarkan bukti lapisan batu-batu di mana jenis itu ditemui. Ia hanya membuktikan bahawa di sana ada sejenis haiwan yang lebih maju perkembangannya dari jenis yang didapati sebelumnya dari segi masa. Hal ini dapat ditafsirkan seperti yang kami telah katakan tadi, iaitu situasi yang dominan di bumi di masa itu memungkinkan wujudnya jenis itu dan apabila situasi yang dominan itu berubah, maka ia menjadi situasi yang sesuai untuk kemunculan jenis yang lain lalu muncullah jenis yang lain, juga ia menjadi situasi yang sesuai untuk menolong menghapuskan jenis yang lain yang hidup sebelumnya di dalam situasi yang lain lalu ia menjadi pupus.

Kejadian Insan Suatu Kejadian Yang Unik Dan Berasingan Dari Kejadian-kejadian Yang Lain

Berdasarkan keterangan ini nyatalah bahawa penciptaan jenis manusia adalah suatu penciptaan yang berasingan[1]. Manusia diciptakan di satu zaman di mana Allah mengetahui bahawa situasi bumi di waktu, itu memungkinkan jenis manusia hidup, subur dan berkembang maju. Inilah yang ditegaskan oleh kumpulan ayat-ayat yang memperkatakan tentang penciptaan dan kelahiran manusia.

Keunikan manusia dari segi biologi dan psikologi, dari segi mental dan spiritual telah memaksa pengikut-pengikut Darwinisme di zaman moden termasuk golongan yang menolak kewujudan Tuhan secara total mengakui hakikat ini. Ini merupakan bukti yang kuat terhadap keunikan penciptaan manusia dan ia tidak bercampur dengan jenis haiwan yang lain dalam bentuk evolusi fizikal.

Iblis Bukan Dari Jenis Malaikat

Walau bagaimanapun, Allah Yang Maha Tinggi, Maha Mulia dan Maha Agung sendiri mengumumkan kelahiran manusia dalam satu majlis perhimpunan para malaikat di alam Al-Mala'-ul-A'la:

وَلَقَدْ خَلَقْنَٰكُمْ ثُمَّ صَوَّرْنَٰكُمْ ثُمَّ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ لَمْ يَكُن مِّنَ ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dan membentuk rupa kamu, kemudian Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kepada Adam! Lalu mereka sujud kecuali Iblis sahaja yang tidak termasuk di dalam golongan yang sujud."(11)

Malaikat adalah salah satu dari makhluk Allah. Mereka mempunyai ciri-ciri dan fungsi-fungsi yang tertentu. Kita tidak mengetahui hakikat mereka melainkan sekadar cerita mereka yang diberitakan Allah kepada kita. Kami telah menghuraikan keperihalan mereka yang diberitakan Allah kepada kita secara umum dalam pembicaraan yang silam juzu' yang ke tujuh) dari tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini. Iblis juga merupakan salah satu dari makhluk Allah yang berlainan dari makhluk malaikat berdasarkan keterangan Allah:

كَانَ مِنَ ٱلْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِۦٓ

"Iblis itu adalah dari jenis jin lalu dia menderhaka terhadap perintah Tuhannya."

(Surah al-Kahfi: 50)

Jin juga salah satu dari makhluk Allah dan kita juga tidak mengetahui hakikat mereka melainkan sekadar keperihalan mereka yang diberitakan Allah kepada kita. Kami juga telah menghuraikan keperihalan mereka yang diberitakan Allah kepada kita secara umum di tempat yang lain dalam juzu' (yang kelapan) ini juga. Di dalam surah ini Allah akan menerangkan bahawa Iblis adalah diciptakan dari api, dan di sini jelaslah dengan penuh yakin bahawa Iblis bukan dari jenis malaikat walaupun dia diperintah sujud kepada Adam dalam kumpulan para malaikat dalam perhimpunan agung itu, di mana Allah selaku pemerintah Yang Maha Agung dan Maha Mulia mengumumkan kelahiran makhluk insan yang unik itu.

Adapun para malaikat iaitu makhluk yang tidak pernah melanggar perintah Allah dan sentiasa menjunjung segala suruhan-Nya, mereka terus sujud kepada Adam demi mematuhi perintah Allah. Mereka sujud tanpa teragak-agak dan tanpa diganggu perasaan takbur. Mereka tidak pernah berfikir untuk melanggar perintah atas sesuatu sebab dan kefahaman apa sekalipun. Inilah tabi'at malaikat, sifat-sifat dan tugas mereka. Di sini dapatlah di lihat dengan jelas betapa tingginya darjat makhluk insan ini di sisi Allah dan betapa tingginya darjat keta'atan dan kepatuhan para hamba Allah yang dikenali dengan nama malaikat itu.

Sementara makhluk Iblis pula enggan menta'ati perintah Allah S.W.T supaya sujud kepada Adam. Sekejap lagi kita akan mengetahui apakah perasaan yang berkecamuk di dalam hatinya, apakah kefahaman yang mengongkong pemikirannya hingga menghalangkannya dari menjunjung perintah Allah, sedangkan dia sedar bahawa Allah itulah Tuhannya, Penciptanya, Penguasanya dan Pengawas seluruh alam buana, dan semuanya ini tidak pernah diragui dan dipertikaikan olehnya.

Tiga Contoh Kepatuhan Dari Makhluk Allah

Begitu juga kita dapati di dalam pemandangan ayat ini tiga contoh kepatuhan dari makhluk Allah, iaitu pertama, contoh keta'atan yang mutlak dan penyerahan diri yang amat mendalam. Kedua, contoh penderhakaan yang mutlak dan keangkuhan yang melampau. Ketiga ialah tabi'at manusia, dan kita akan mengetahui ciri-ciri dan sifat-sifat tabi'atnya yang mempunyai dua hala (hala yang baik dan hala yang jahat) dalam ulasan yang akan datang. Keta'atan dari tabi'at yang pertama ialah keta'atan yang tulus kepada Allah, dan peranan tabi'at ini dalam situasi ini telah berakhir dengan menunjukkan kepatuhan yang mutlak kepada Allah. Sementara dua tabi'at yang tinggal lagi itu akan kita ketahui ke manakah ia menjurus.

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ ۖ قَالَ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِى مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Allah berfirman: Apakah yang telah menghalangkan engkau dari sujud (kepada Adam) sewaktu Aku perintahkan engkau? Iblis menjawab: 'Aku lebih baik dari dia (Adam) kerana Engkau menciptakan aku dari api dan menciptakannya dari tanah.'"(12)

---

[1] *Ya'ni bukan dari hasil evolusi - Penterjemah*

Walaupun Iblis diperintah sujud kepada Adam, namun dia merasa mempunyai pandangannya sendiri. Dia merasa berhak menghukumkan dirinya mengikut sebab atau rasional yang dipandang oleh dirinya sendiri walaupun dia telah menerima perintah dari Allah. Sepatutnya apabila nas atau perintah yang tegas telah wujud, maka pendapat atau pandangan sendiri harus diketepikan dan perintah Allah harus dijunjung dan dilaksanakannya. Iblis Laknatullahi 'alayhi bukannya tidak mengetahui bahawa Allah itu Tuhan Yang Maha Pencipta, Maha Penguasa, Maha Agung, Maha Pemberi Rezeki dan Maha Pentadbir di mana tiada suatu pun yang berlaku di alam ini melainkan dengan keizinan dan kuasa-Nya, tetapi dia tidak mematuhi dan melaksanakan perintah Allah yang dikeluarkan kepadanya dengan menggunakan logik dari pemikirannya sendiri:

قَالَ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِى مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Iblis menjawab: 'Aku lebih baik dari dia (Adam) kerana Engkau telah menciptakan aku dari api dan menciptakannya dari tanah.'"(12)

Hukuman segera yang diterima Iblis ialah:

قَالَ فَٱهْبِطْ مِنْهَا فَمَا يَكُونُ لَكَ أَن تَتَكَبَّرَ فِيهَا فَٱخْرُجْ إِنَّكَ مِنَ ٱلصَّٰغِرِينَ ﴿١٣﴾

"Allah berfirman: 'Turunlah engkau dari Syurga, engkau tidak sepatutnya berlagak sombong di Syurga ini, oleh itu keluarlah. Sesungguhnya engkau tergolong dalam kumpulan mereka yang hina."(13)

Ilmunya tentang kekuasaan dan kebesaran Allah tidak memberi suatu faedah kepadanya dan i'tiqadnya tentang kewujudan Allah dan sifat-sifat-Nya juga tidak berguna kepadanya. Begitu juga setiap orang yang menerima perintah Allah kemudian merasa dirinya mempunyai hak untuk menimbangkan perintah itu sama ada boleh diterima atau ditolak, atau merasa mempunyai kuasa Hakimiyah di atas sesuatu persoalan yang telah diputuskan oleh Allah sebelum ini dengan tujuan untuk menolak keputusan Allah di dalam persoalan itu. Itulah perbuatan kufur yang dilakukan dengan penuh pengetahuan dan kepercayaan. Iblis menolak perintah Allah bukan kerana dia tidak mengetahui siapa Allah dan bukan pula kerana dia tidak percaya kepada kekuasaan dan kebesaran Allah.

Oleh sebab itu Iblis diusir dari Syurga, diusir dari rahmat-Nya, dikenakan kutukan dan dituliskan dengan nasib yang hina.

Dendam Iblis

Tetapi Iblis yang jahat dan keras kepala itu tidak dapat melupakan Adam sebagai orang yang menjadi punca pengusiran dan kemurkaan Allah terhadapnya. Dia tidak mahu menyerah bulat kepada nasib yang malang tanpa membalas dendam, kemudian dengan penuh azam dia mahu melaksanakan fungsinya mengikut tabi'at jahat yang menjadi sifatnya yang tulen:

قَالَ أَنظِرْنِىٓ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٤﴾

قَالَ إِنَّكَ مِنَ ٱلْمُنظَرِينَ ﴿١٥﴾

قَالَ فَبِمَآ أَغْوَيْتَنِى لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَٰطَكَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿١٦﴾

ثُمَّ لَءَاتِيَنَّهُم مِّنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَٰنِهِمْ وَعَن شَمَآئِلِهِمْ ۖ وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَٰكِرِينَ ﴿١٧﴾

"Iblis merayu: 'Berilah tempoh kepadaku sehingga hari manusia dibangkitkan kembali' (14). Allah menjawab: Sesungguhnya engkau dari golongan mereka yang diberikan tempoh (15). Iblis berkata: 'Oleh kerana Engkau telah menghukumkan aku menjadi sesat, maka demi sesungguhnya aku tetap menunggu mereka untuk menghalangkan mereka dari jalan-Mu yang lurus (16). Kemudian aku tetap datang menggoda mereka dari hadapan dan belakang mereka, dari kanan dan kiri mereka dan engkau tidak dapati kebanyakan mereka bersyukur."(17)

Itulah keputusan dan perencanaan Iblis yang mutlak untuk melakukan tindakan jahat dan menyesatkan manusia. Dengan tindakan-tindakan itu Iblis mendedahkan ciri-ciri tabi'at jahatnya yang utama iaitu tabi'at jahat yang bukannya berlaku kebetulan dan bukanlah pula bersifat sementara, malah ia merupakan satu tabi'at jahat yang asli, sengaja dan degil.

Di samping itu gambaran ayat itu merupakan gambaran personifikasi terhadap konsep-konsep aqliyah dan harakat-harakat psikologi di dalam pemandangan-pemandangan yang hidup dan terpampang di hadapan mata.

Iblis memohon kepada Allah supaya memberi tempoh lanjutan kepadanya sehingga hari manusia dibangkitkan, kerana dia benar-benar tahu bahawa apa yang dipohonkannya itu tidak mungkin dicapai melainkan dengan iradat dan kudrat Allah. Tempoh lanjutan yang dipohonkannya itu diperkenankan Allah, tetapi setakat masa yang tertentu di sisi Allah sebagaimana diterangkan di dalam satu surah yang lain. Mengikut keterangan dari berbagai-bagai riwayat, yang dimaksudkan dengan masa yang tertentu itu ialah masa tiupan Sangkakala yang pertama, di mana penghuni-penghuni langit dan bumi mati semuanya kecuali mereka yang dikehendaki Allah. Jadi, tempoh lanjutan yang dipohonkan Iblis itu hanya diperkenankan setakat masa tiupan Sangkakala yang pertama sahaja bukan sehingga manusia dibangkitkan kembali.

Di sini Iblis dengan angkuh dan bongkak mengumumkan - setelah permohonannya untuk hidup lama itu diperkenankan Allah - bahawa ia akan

membalaskan tindakan Allah yang telah menghukumkannya menjadi sesat dengan sebab ia melanggar perintah dan berlagak angkuh dengan usaha-usaha menggoda dan menyesatkan makhluk insan yang dimuliakan Allah, iaitu makhluk yang menjadi punca berlakunya tragedi ke atasnya, di mana dia dilaknatkan Allah dan diusir dari rahmat-Nya. Keazaman Iblis untuk menyesatkan manusia itu diungkapkannya dengan kata-katanya yang tegas seperti yang diceritakan Al-Qur'an:

لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَٰطَكَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿١٦﴾

"Maka demi sesungguhnya aku tetap menunggu mereka untuk menghalangkan mereka dari jalan-Mu yang lurus."(16)

ثُمَّ لَءَاتِيَنَّهُم مِّنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَٰنِهِمْ وَعَن شَمَآئِلِهِمْ

"Kemudian aku tetap datang menggodakan mereka dari hadapan dan belakang mereka dari kanan dan kiri mereka."(17)

Dia menyatakan tekadnya untuk menghalangkan Adam dan zuriatnya dari jalan Allah yang lurus. Dia akan menghalang sesiapa sahaja dari mereka yang ingin menjalani jalan itu. Jalan menuju kepada Allah bukanlah jalan yang bersifat fizikal, kerana Allah S.W.T Yang Maha Suci dari bertempat. Oleh sebab itu nyatalah bahawa jalan yang dimaksudkan itu ialah jalan keimanan dan keta'atan yang membawa kepada keredhaan Allah. Dia berazam akan datang menggoda manusia dari setiap penjuru "dari hadapan dan belakang mereka, dari kanan dan kiri mereka" untuk menghalangkan mereka dari keimanan dan keta'atan.

Pemandangan ini adalah satu pemandangan yang sungguh hidup seolah-olah kelihatan jelas di hadapan mata bagaimana Iblis bertindak mengepung manusia dalam usahanya yang berterusan untuk menyesatkan manusia agar mereka tidak mengenal Allah Taala dan tidak bersyukur kepada-Nya kecuali segolongan kecil dari mereka yang terlepas dari godaan Iblis dan menyambut da'wah Rasul:

وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَٰكِرِينَ ﴿١٧﴾

"Dan Engkau tidak dapati kebanyakan mereka bersyukur."(17)

Di dalam ayat ini disebut "perkara kesyukuran" untuk diselaraskan dengan kenyataan di awal surah (ayat 10) yang berbunyi: "**Sedikit sekali kamu bersyukur.**" Ini bertujuan untuk menerangkan sebab kecilnya jumlah orang-orang yang bersyukur dan untuk mendedahkan siapakah pendorong yang sebenar dan tersembunyi (yang membuat kebanyakan manusia tidak bersyukur) dan pendorong tidak lain melainkan Iblis yang menghalangkan mereka dari bersyukur. Dialah yang menunggu di sepanjang jalan untuk, menyekat mereka dari bersyukur agar peringatan ini menyedarkan umat manusia terhadap musuh mereka yang tersembunyi, yang bekerja keras menolak mereka dari jalan hidayat supaya mereka berwaspada dan berhati-hati setelah mengetahui punca penyakit yang mengakibatkan kebanyakan mereka tidak bersyukur.

Permintaan Iblis telah diperkenankan, kerana Allah mahu manusia memilih sendiri jalan yang hendak ditempuhinya sebab fitrah manusia telah dilengkapkan dengan kesediaan-kesediaan dan daya kebolehan untuk memilih jalan yang baik dan jalan yang jahat, mereka dilengkapkan dengan daya intelektual yang kuat di samping dibantukan dengan peringatan dan amaran dari para rasul, juga dikawal dan dibetulkan dengan pengajaran-pengajaran agama ini. Allah mahu manusia terdedah kepada hidayat dan kesesatan dan mahu mencetuskan di dalam jiwanya pertarungan di antara motif-motif yang baik dan motif-motif yang jahat hingga pertarungan itu berakhir kepada salah satu dari dua akibat yang penghabisan itu, di mana manusia berhak menerima hukuman dari Sunnatullah dan di mana kehendak masyi'ah Allah terlaksana dengan ujian itu sama ada manusia mendapat hidayat atau sesat. Berlandaskan Sunnatullah yang berjalan mengikut kehendak masyi'ah Allah yang bebas inilah terlaksananya hidayat atau kesesatan.

Tetapi di sini Al-Qur'an tidak menjelaskan bahawa Allah memperkenankan janji-janji atau ancaman-ancaman Iblis Laknatullhi 'alayhi terhadap manusia sebagaimana Allah telah memperkenankan permohonannya yang meminta tempoh lanjutan itu. Al-Qur'an hanya mendiamkan diri mengenai perkara itu dan terus mengumumkan pengusiran dari Syurga dan rahmat-Nya dengan keadaan yang hina dina dan menjanjikan bahawa Allah akan memenuhi Neraka dengan-Nya bersama-sama para pengikutnya dari kalangan manusia yang telah disesatkan olehnya:

"Allah berfirman: 'Keluarlah engkau dari Syurga ini dengan keadaan hina dina dan terbuang. Sesungguhnya sesiapa di antara mereka yang mengikut engkau, nescaya Aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan golongan kamu seluruhnya."(18)

Manusia Yang Mengikut Syaitan

Kalangan manusia yang mengikut syaitan kadang-kadang mereka mengikutinya dari segi ma'rifatnya terhadap Allah dan dari segi i'tiqadnya terhadap Uluhiyah Allah tetapi menolak kuasa Hakimiyah Allah dan keputusan-Nya dan mendakwa mempunyai hak untuk mengkaji semula keputusan dan perintah-perintah Allah dengan mengguna logik pemikiran sendiri sama ada perintah-perintah itu boleh dilaksana atau tidak boleh dilaksana. Kadang-kadang kalangan manusia mengikut syaitan supaya disesatkan olehnya dari menemui jalan Allah. Kedua-dua bentuk ikutan ini dikira mengikut syaitan belaka, dan balasan

mengikut syaitan ialah disumbat di dalam Neraka Jahannam bersama-sama syaitan.

Allah telah memberi kepada Iblis dan suku sakatnya peluang untuk menyesatkan manusia, dan Allah telah mengurniakan kepada Adam dan zuriatnya peluang membuat pilihan (di antara jalan kebaikan dan jalan kejahatan) sebagai batu ujian. Kehendak iradat Allah mahu menguji, dan dengan ujian itu Allah jadikan insan satu makhluk yang unik, iaitu satu makhluk yang bukan dari jenis malaikat dan bukan pula dari jenis syaitan, kerana makhluk insan mempunyai peranan yang berlainan di alam ini, iaitu bukan peranan malaikat dan bukan pula peranan syaitan.

* * * * * *

Kisah Penciptaan Hawa

Setelah pemandangan ini berakhir diiringi pula satu pemandangan yang lain di dalam ayat yang berikut:

وَيَٰٓـَٔادَمُ ٱسۡكُنۡ أَنتَ وَزَوۡجُكَ ٱلۡجَنَّةَ فَكُلَا مِنۡ حَيۡثُ شِئۡتُمَا وَلَا تَقۡرَبَا هَٰذِهِ ٱلشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٩

"Wahai Adam! Tinggallah bersama isterimu di dalam Syurga dan makanlah apa sahaja yang diingini kamu berdua, tetapi janganlah kamu hampiri pokok ini kerana akibatnya akan menjadikan kamu berdua dari golongan mereka yang zalim (19)".

Selepas Iblis diusir dari Syurga, Allah S.W.T. menoleh kepada Adam dan isterinya. Di waktu ini sahaja kita mengetahui Adam mempunyai isteri. Kita tidak mengetahui bagaimana isterinya tiba-tiba datang. Nas Al-Qur'an yang ada pada kita dan nas-nas seumpamanya di dalam Al-Qur'anul-Karim tidak sedikit memperkatakan tentang rahsia kemunculan isterinya yang tersembunyi itu. Segala riwayat yang menceritakan penciptaan Hawa dari tulang rusuknya itu bercampur aduk dengan dongeng Bani Israel yang tidak dapat kita jadikannya sebagai pegangan yang kuat. Apa yang dapat dikatakan sebagai pendapat yang muktamad ialah Allah telah menjadikan untuk Adam seorang isteri yang sebangsa dengannya. Kedua-duanya menjadi sepasang suami isteri. Memang telah menjadi Sunnatullah di dalam tiap-tiap makhluk yang diciptakannya iaitu makhluk-makhluk itu diciptakan Allah secara berpasang-pasangan. Firman Allah:

"Dan dari tiap-tiap sesuatu kejadian Kami ciptakan secara berpasangan supaya kamu mengingati (kekuasaan-Ku)."

(Surah az-Zariat: 49)

Dari sini jelaslah bahawa ciptaan secara berpasangan itu merupakan Sunnatullah yang berlaku di alam ini. Ia merupakan dasar dalam setiap makhluk yang diciptakan Allah. Oleh itu apabila kita mengikuti Sunnatullah ini, maka dapatlah kita tegaskan bahawa penciptaan Hawa itu berlaku tidak lama selepas diciptakan Adam dan penciptaan itu berlaku dengan cara yang sama dengan penciptaan Adam.

Walau bagaimana pun ayat yang berikut ditujukan kepada Adam dan isterinya untuk berpesan kepada kedua-duanya supaya sentiasa mematuhi perintah Allah di dalam kegiatan hidup mereka, juga untuk memulakan tarbiyah dan menyediakan diri mereka supaya dapat melaksanakan peranan asasi mereka yang menjadi matlamat dan tujuan makhluk insan ini diciptakan Allah, iaitu mereka diciptakan untuk memainkan peranan khalifah di muka bumi ini sebagaimana dijelaskan di dalam ayat Surah al-Baqarah:

وَإِذۡ قَالَ رَبُّكَ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ خَلِيفَةٗۖ

"Dan kenangilah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di muka bumi ini."

(Surah al-Baqarah : 30)

وَيَٰٓـَٔادَمُ ٱسۡكُنۡ أَنتَ وَزَوۡجُكَ ٱلۡجَنَّةَ فَكُلَا مِنۡ حَيۡثُ شِئۡتُمَا وَلَا تَقۡرَبَا هَٰذِهِ ٱلشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٩

"Wahai Adam! Tinggallah bersama isterimu di dalam Syurga dan makanlah apa sahaja yang diingini kamu berdua, tetapi janganlah kamu hampiri pokok ini kerana akibatnya akan menjadikan kamu berdua dari golongan mereka yang zalim."(19)

Al-Qur'an tidak menjelaskan apakah jenis pokok itu, kerana penjelasan yang seperti itu tidak menambahkan sesuatu tentang hikmat larangannya dan ini menunjukkan bahawa larangan itu sendiri yang menjadi tujuan dan matlamat, kerana Allah telah membenarkan keduanya meni'mati ni'mat-ni'mat yang halal dan berpesan kepada keduanya supaya menjauhkan diri dari benda-benda yang terlarang. Di sana pastilah ada sesuatu yang terlarang supaya dapat dipelajari oleh makhluk insan agar ia tidak bertindak di luar batas dan supaya ia melatihkan kemahuan atau daya iradatnya yang wujud dalam tabi'at semulajadinya agar iradatnya itu dapat mengawal dan menguasai keinginan-keinginan dan hawa nafsunya agar ia terus memerintah hawa nafsunya dan bukan diperintah nafsunya seperti haiwan. Inilah ciri yang membezakan manusia dari binatang dan inilah ciri yang merealisasikan makna "insan".

Iblis Menggoda Adam Dan Hawa

Kini Iblis mula memainkan peranan tulennya. Makhluk insan yang unik ini, yang diberikan Allah penghormatan yang setinggi-tingginya, yang diumumkan kelahirannya di alam Al-Mala'-ul-A'la dalam satu perhimpunan yang hebat, di mana para malaikat diperintah supaya sujud kepadanya dan

seluruh mereka menjunjung perintah itu kecuali iblis dan keengganan ini menyebabkan Iblis dikeluarkan dari Syurga dan diusir dari alam Al-Mala'ul A'la, makhluk insan ini sebenarnya mempunyai dua tabi'at dan dua kesediaan, iaitu ia boleh menjurus ke arah kebaikan dan boleh pula menjurus ke arah kejahatan. Ia mempunyai titik-titik kelemahan yang tertentu yang boleh ditonton dan ditarik hidungnya selama ia tidak menjunjung perintah Allah, dan dari titik-titik kelemahan ini ia dapat diperangkap dan ditembusi. Ia mempunyai keinginan-keinginan hawa nafsu, dan dari keinginan-keinginan ini ia boleh ditonton dengan mudah.[2]

Iblis terus mempermain-main dan membelai keinginan-keinginan hawa nafsunya:

فَوَسْوَسَ لَهُمَا ٱلشَّيْطَٰنُ لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُۥرِيَ عَنْهُمَا مِن سَوْءَٰتِهِمَا وَقَالَ مَا نَهَىٰكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَٰذِهِ ٱلشَّجَرَةِ إِلَّآ أَن تَكُونَا مَلَكَيْنِ أَوْ تَكُونَا مِنَ ٱلْخَٰلِدِينَ ﴿٢٠﴾ وَقَاسَمَهُمَآ إِنِّي لَكُمَا لَمِنَ ٱلنَّٰصِحِينَ ﴿٢١﴾

"Lalu syaitan menghasut mereka (memakan buah pokok larangan) dengan tujuan untuk mendedahkan 'aurat mereka yang selama ini terlindung dari mereka, lalu ia berkata: 'Sebenarnya Tuhan kamu tidak melarang kamu mendekati pokok ini melainkan supaya kamu tidak menjadi malaikat atau tidak menjadi dari golongan mereka yang hidup kekal abadi' (20). Dan dia (Iblis) bersumpah kepada keduanya: 'Sesungguhnya aku adalah dari mereka yang ingin memberi nasihat kepada kamu berdua."(21)

Kita tidak mengetahui bagaimana cara syaitan bertindak melakukan bisikan-bisikan yang jahat itu, kerana kita tidak mengetahui hakikat syaitan yang membolehkan kita mengetahui cara-cara ia bertindak. Begitu juga kita tidak mengetahui bagaimana ia menghubungi manusia dan bagaimana cara ia menyesatkannya, tetapi melalui penjelasan Al-Qur'an yang benar, yang merupakan satu-satunya sumber muktamad di sisi kita dalam memahami urusan-urusan ghaib seperti ini, kita dapat memahami bahawa godaan dan hasutan syaitan yang mendorong manusia ke arah kejahatan itu adalah mulai dari titik-titik kelemahan semulajadi manusia dan kelemahan ini boleh diselamat dan dipelihara dengan keimanan dan Zikrullah dan di waktu ini tipudaya syaitan akan menjadi lemah dan tidak berkesan.

Demikianlah syaitan membisikkan godaannya kepada Adam dan Hawa dengan tujuan untuk mendedahkan 'aurat mereka yang selama ini terlindung dari mereka. Mereka mempunyai 'aurat, tetapi ia terlindung dan mereka tidak pernah melihatnya, dan kita akan mengetahui dari ayat-ayat yang berikut bahawa 'aurat itu ialah fizikal yang perlu dilindungi dengan tutupan fizikal. Seolah-olah itulah 'aurat mereka, tetapi syaitan sudah tentu tidak mendedahkan tujuannya kepada mereka. Dia datang menggoda mereka dari saluran keinginan nafsunya yang mendalam:

وَقَالَ مَا نَهَىٰكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَٰذِهِ ٱلشَّجَرَةِ إِلَّآ أَن تَكُونَا مَلَكَيْنِ أَوْ تَكُونَا مِنَ ٱلْخَٰلِدِينَ ﴿٢٠﴾

"Lalu (Iblis) berkata: 'Sebenarnya Tuhan kamu tidak melarang kamu mendekati pokok ini melainkan supaya kamu tidak menjadi malaikat atau tidak menjadi dari golongan mereka yang hidup kekal abadi."'(20)

Demikianlah syaitan membelai keinginan-keinginan insan yang tersembunyi. Dia, hidup kekal tidak mati atau dia ingin hidup dengan usia yang panjang seolah-olah kekal tidak mati dan dia ingin mempunyai kerajaan yang tidak mempunyai batas umur yang tertentu.

Mengikut satu qira'ah "ملكين" (malikayn) dengan lam baris di bawah (raja). Qira'ah ini disokong oleh satu nas yang lain di dalam Surah Taha (120):

هَلْ أَدُلُّكَ عَلَىٰ شَجَرَةِ ٱلْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ ﴿١٢٠﴾

"Apakah engkau suka aku tunjukkan kepada kamu pokok (yang membolehkan engkau) hidup kekal abadi dan memperolehi kerajaan yang utuh tidak musnah."

(Surah Taha : 120)

Berdasarkan qira'ah ini syaitan menggoda manusia supaya mengingini kerajaan yang kekal dan usia yang kekal abadi. Kedua-duanya merupakan dua keinginan yang paling kuat pada manusia hingga dapat kita katakan bahawa keinginan seks itu sendiri merupakan sarana untuk merealisasikan keinginan hidup yang kekal melalui kesinambungan zuriat dari satu generasi ke satu generasi.

Berdasarkan qira'ah yang pertama "ملكين" (malakayn) (malaikat) dengan "ل" baris di atas, syaitan menggoda manusia supaya melepaskan dirinya dari belenggu jasad seperti para malaikat, dan mengingini hidup yang kekal. Tetapi qira'ah yang pertama "ملكين" dengan lam baris di bawah, walaupun tidak masyhur, adalah lebih sesuai dengan ayat dalam Surah Taha dan dengan arah tujuan tipudaya syaitan yang menggoda manusia mengikut keinginan semulajadinya.

Oleh sebab Iblis yang terkutuk itu tahu bahawa Allah melarang Adam dan Hawa dari mendekati pokok itu dan larangan ini meninggalkan kesan yang berat dan kuat di dalam hati mereka, maka untuk menggugatkan kesan itu, Iblis telah menggunakan taktik bersumpah untuk memberi keyakinan kepada mereka di samping taktik merangsangkan keinginan mereka, iaitu ia bersumpah meyakinkan mereka bahawa apa yang dikatakannya itu adalah satu nasihat yang ikhlas darinya untuk kebaikan mereka:

---

[2] *Lihat fasal "Kisah Adam" dalam buku "*منهج الفن الإسلامي*" karangan Muhammad Qutb.*

وَقَاسَمَهُمَآ إِنِّى لَكُمَا لَمِنَ ٱلنَّٰصِحِينَ ﴿٢١﴾

"Dan dia (Iblis) bersumpah kepada keduanya: 'Sesungguhnya aku adalah dari mereka yang ingin memberi nasihat kepada kamu berdua."(21)

Kerana didesak oleh keinginan nafsu dan terpengaruh kepada sumpah Iblis yang melemahkan hati, Adam dan Hawa terlupa kepada hakikat bahawa Iblis itu musuh ketat mereka yang tidak mungkin menunjukkan jalan yang baik kepada mereka, mereka juga lupa bahawa setiap perintah Allah wajib dipatuhi sama ada mereka mengetahui atau tidak mengetahui sebab dan hikmatnya, dan seterusnya lupa bahawa segala sesuatu itu tidak berlaku melainkan dengan takdir dan perencanaan Allah, oleh kerana itu jika Allah tidak merencanakan hidup yang kekal dan kerajaan yang utuh tidak musnah untuk mereka, maka sudah tentu mereka tidak mungkin mencapainya.

Semua hakikat ini telah dilupakan Adam dan Hawa dan mereka terus menyambut godaan Iblis:

فَدَلَّىٰهُمَا بِغُرُورٍ ۚ فَلَمَّا ذَاقَا ٱلشَّجَرَةَ بَدَتْ لَهُمَا سَوْءَٰتُهُمَا وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِن وَرَقِ ٱلْجَنَّةِ ۖ وَنَادَىٰهُمَا رَبُّهُمَآ أَلَمْ أَنْهَكُمَا عَن تِلْكُمَا ٱلشَّجَرَةِ وَأَقُل لَّكُمَآ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لَكُمَا عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٢﴾

"Lalu syaitan memujuk mereka (memakan buah pokok itu) dengan tipudaya (yang licin), setelah mereka memakan buah pokok itu terdedahlah kepada mereka 'aurat mereka dan mulalah mereka menutupinya dengan daun-daun Syurga, lalu Allah menyeru mereka: Bukankah Aku telah melarang kamu mendekati pokok itu dan berkata kepada kamu bahawa syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata."(22)

Tipudaya Iblis telah berjaya menghasilkan akibat yang buruk kepada Adam dan Hawa, iaitu ia berjaya menurunkan mereka dari kedudukan menjunjung perintah Allah kepada kedudukan melanggarkan perintah Allah, ia berjaya menurunkan mereka dari martabat yang tinggi kepada martabat yang rendah:

فَدَلَّىٰهُمَا بِغُرُورٍ ۚ

"Lalu syaitan memujuk mereka (memakan buah pokok itu) dengan tipudaya (yang licin)."(22)

Kini mereka merasa bahawa mereka mempunyai 'aurat setelah 'aurat itu terdedah kepada mereka, sedangkan selama ini ia terlindung dari mereka. Oleh sebab itu mereka dengan segera mengumpulkan daun-daun Syurga dan mencantumkan-nya, kemudian mereka meletakkan daun yang dicantumkan itu ke atas 'aurat mereka yang terdedah itu untuk menutupnya. Ini membayangkan bahawa 'aurat itu ialah anggota kemaluan yang membuat fitrah manusia merasa malu apabila terdedah. Manusia tidak sanggup mendedahkan auratnya kecuali fitrahnya rosak kerana pengaruh jahiliyah!

وَنَادَىٰهُمَا رَبُّهُمَآ أَلَمْ أَنْهَكُمَا عَن تِلْكُمَا ٱلشَّجَرَةِ وَأَقُل لَّكُمَآ إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لَكُمَا عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٢﴾

"Lalu Allah menyeru mereka: Bukankah Aku telah melarang kamu mendekati pokok itu dan berkata kepada kamu bahawa syaitan itu adalah musuh ketat kamu yang nyata."(22)

Kini Adam dan Hawa (terus menyesal) apabila mendengar seruan Allah yang mengecam perbuatan mereka yang melanggar perintah dan mengabaikan nasihat-Nya. Persoalan tentang bagaimana Adam dan Hawa mendengar seruan Allah, maka ia adalah sama dengan persoalan Allah berbicara dengan Adam dan Hawa bagi kali yang pertama, juga persoalan Allah berbicara dengan para malaikat dan Iblis, semuanya merupakan urusan-urusan ghaib di luar pengetahuan kita. Apa yang kita tahu ialah pembicaraan yang seperti itu telah berlaku dan Allah bebas melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Ketika berdepan dengan seruan Allah, terdedahlah satu aspek yang lain di dalam tabi'at makhluk insan yang unik ini, iaitu dia sering lupa dan sering membuat kesilapan. Dia mempunyai kelemahan yang menjadi pintu masuk syaitan ke dalam hatinya. Dia tidak selamanya mematuhi perintah dan tidak selamanya bertindak lurus, tetapi dia menyedari kesalahannya dan mengetahui kegelincirannya, dia menyesal dan meminta pertolongan dan keampunan dari Allah, dia kembali ke pangkal jalan dan bertaubat dan dia tidak berdegil dalam maksiat seperti syaitan, dan apabila dia memohon pertolongan dari Allah, maka pertolongan itu bukanlah bertujuan untuk meneruskan maksiatnya.

قَالَا رَبَّنَا ظَلَمْنَآ أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

"Mereka berdua berdo'a: Wahai Tuhan kami! Kami telah menzalimi diri kami sendiri dan jika Engkau tidak memberi keampunan dan rahmat kasihan belas kepada kami sudah tentu kami jadi dari golongan mereka yang rugi."(23)

Itulah ciri istimewa makhluk insan yang menghubung-kannya dengan Allah dan membuka pintu-pintu menuju kepada Allah, iaitu ia mengakui kesalahannya, ia menyesal, ia memohon ampun, ia merasa lemah dan meminta pertolongan dan rahmat dari Allah dan dia yakin bahawa dia tidak mempunyai daya upaya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan dari Allah dan rahmat-Nya, dan jika tidak, maka dia akan tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang rugi.

Di sini tamatlah ujian pertama yang dilalui dan dialami makhluk manusia, di mana terdedahnya ciri-

ciri agung makhluk insan. Kini dengan berbekalkan kesedaran terhadap ciri-ciri kebolehannya yang tersembunyi ini, dia bersedia untuk melaksanakan peranan ikhtisasnya mengendalikan urusan khilafah di bumi dan memasuki medan pertarungan menentang musuhnya syaitan yang tidak akan redha dan berhenti buat selamanya:

قَالَ ٱهْبِطُوا۟ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ ۖ وَلَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٢٤﴾

قَالَ فِيهَا تَحْيَوْنَ وَفِيهَا تَمُوتُونَ وَمِنْهَا تُخْرَجُونَ ﴿٢٥﴾

"Allah berfirman: Turunlah kamu (kebumi), di mana kamu akan berseteru satu sama lain. Dan di bumi disediakan untuk kamu tempat kediaman dan ni'mat kesenangan untuk satu jangka waktu yang tertentu (24). Allah berfirman lagi: Di bumi kamu hidup dan di bumi juga kamu mati dan dari bumi kelak kamu akan dikeluarkan kembali."(25)

Kisah Adam Dan Hawa Turun Ke Bumi

Kini seluruh mereka turun ke bumi, tetapi mereka turun di mana? Di manakah Syurga itu? Ini adalah dari urusan ghaib, kita tidak mempunyai maklumat yang lebih jauh dari apa yang diberitakan kepada kita oleh Allah satu-satunya pihak yang memegang kunci urusan ghaib. Oleh itu sebarang percubaan untuk membongkarkan urusan ghaib ini selepas putusnya wahyu dari langit adalah satu percubaan yang gagal, begitu juga sebarang sangkalan dan pendustaan terhadap urusan ghaib dengan berlandaskan kefahaman-kefahaman biasa manusia sekarang dan ilmu pengetahuan mereka yang dibina di atas andaian-andaian itu adalah satu perbuatan bongkak dan angkuh. Oleh sebab itu ilmu manusia yang sedemikian rupa dikira melewati bidang keupayaannya apabila ia cuba mengharungi urusan-urusan ghaib tanpa alat dan sarana, dan dikira berlagak angkuh apabila ia menolak dan menyangkal segala urusan ghaib, sedangkan urusan ghaib mengelilingi mereka dari segenap jurusan. Rahsia-rahsia yang masih tersembunyi dan majhul mengenai "benda" yang menjadi bidang kajian mereka adalah berkali-kali lebih banyak dari rahsia-rahsia "benda" yang diketahui mereka.[3]

Seluruh mereka turun ke bumi belaka: Adam dan isterinya Hawa, Iblis dan suku sakatnya. Mereka turun, untuk bertarung dan bermusuh di antara satu sama lain, mereka turun untuk meneruskan perjuangan di antara dua tabi'at dan dua makhluk, satunya mempunyai tabi'at jahat semata dan satu lagi mempunyai kesediaan yang boleh menjurus ke arah kebaikan dan menjurus ke arah kejahatan, mereka turun untuk menyempurnakan kehendak ujian Allah, dan seluruh perencanaan Allah berlaku mengikut kehendak yang bebas.

Kehendak Allah telah memutuskan agar Adam dan zuriatnya tinggal di bumi dan membina kedudukan yang teguh di sana serta meni'mati segala ni'mat yang disediakan Allah di alam bumi. Iradat Allah juga telah memutuskan agar makhluk insan hidup di bumi dan mati di bumi, dan dari bumi juga mereka akan dikeluarkan untuk kebangkitan semula supaya mereka kembali kepada Allah dan menerima balasan Syurga atau Neraka di akhir perjalanan dan pengembaraan agung mereka.

Di sini berakhirlah pusingan pertama perjalanan makhluk insan dan diiringi pula oleh berbagai-bagai pusingan perjalanan yang lain di mana perjuangan insan akan mendapat kematangan selama mereka berlindung pada Allah dan akan mengalami kekalahan selama mereka tunduk kepada godaan musuh-Nya.

* * * * * *

Asas Kefahaman Islam Terhadap Kejadian Alam Dan Manusia

Sebenarnya ini bukannya suatu kisah, malah suatu penjelasan terhadap hakikat insan untuk memperkenalkan kepada mereka hakikat tabi'at dan kejadian diri mereka sendiri, juga hakikat alam yang melingkungi mereka, hakikat takdir dan perencanaan Allah yang mengendalikan kehidupan mereka, hakikat sistem hidup yang diredhai Allah untuk mereka, hakikat ujian Allah yang ditempuh oleh mereka dan hakikat nasib kesudahan yang menunggu mereka. Semuanya ini merupakan hakikat-hakikat yang turut bekerjasama menjelaskan "asas-asas kefahaman Islam".

Berikut kami cuba menyaringkan hakikat-hakikat itu sekadar yang dibenarkan oleh methodologi tafsiran Fi Zilal ini dan kami tinggalkan huraiannya secara terperinci untuk dibicarakan dalam satu kajian khusus mengenai "ciri-ciri kefahaman Islam dan asas-asasnya".

Kesesuaian Di Antara Tabi'at Alam Dan Kejadian Makhluk Insan

• Hakikat pertama yang kami ambil inspirasinya dari kisah penciptaan makhluk insan - sebagaimana telah kami tegaskan sebelum ini - ialah wujudnya keselarasan di antara tabi'at alam dan kejadian makhluk insan, keselarasan di antara perencanaan Ilahi yang merangkumi alam dan manusia, iaitu perencanaan Ilahi yang membuat kelahiran makhluk insan sebagai suatu kelahiran yang memang telah direncanakan Allah bukannya sesuatu mendadak atau luar dugaan. Ia sama seperti perencanaan Ilahi yang mewujudkan keselarasan di antara alam dan manusia sebagai suatu dasar.

Orang yang tidak mengenal Allah S.W.T. dan tidak meletakkan Allah pada kedudukan yang wajar akan mengukurkan perencanaan-perencanaan Allah dan perbuatan-perbuatan-Nya dengan ukuran manusia yang kerdil. Oleh sebab itu apabila mereka membuat kajian dan dapati makhluk insan sebagai salah satu

---

[3] *Lihat huraian ayat "* وعنده مفاتح الغيب لا يعلمها إلا هو *"dalam juzu' yang ketujuh.*

dari makhluk-makhluk yang wujud di bumi ini, dan dapati planet bumi tak ubah seperti sebiji debu dalam lautan alam buana yang luas lalu mereka berkata: "Tidak masuk akal untuk mengatakan bahawa di sebalik kejadian manusia ada sesuatu tujuan, apatah lagi untuk mengatakan bahawa manusia mempunyai suatu kedudukan istimewa di dalam sistem alam buana ini. Setengah mereka pula menganggap bahawa kewujudan manusia adalah suatu kewujudan yang mendadak dan di luar dugaan. Dan seluruh alam di sekelilingnya menentang kewujudannya dan seluruh kewujudan hayat. Pandangan-pandangan yang seperti ini tidak lebih dari andaian-andaian yang berpunca dari salah ukur, iaitu mengukur perencanaan-perencanaan Allah dan perbuatan-perbuatan-Nya dengan menggunakan ukuran-ukuran manusia yang kerdil.

Sebenarnya jika manusia memiliki kerajaan alam buana yang amat besar ini tentulah dia tidak memberi perhatiannya kepada bumi yang kecil ini dan kepada makhluk-makhluk hidup yang bergerak di atasnya, kerana perhatian manusia tidak mampu mengambil berat terhadap segala sesuatu yang wujud di alam buana yang amat luas ini, juga tidak mampu merencana dan mentadbirkan segala sesuatu yang ada padanya, di samping tidak mampu menyelaraskan di antara segala sesuatu yang wujud padanya, tetapi Allah S.W.T ialah Tuhan yang tidak terluput dari ilmu-Nya sesuatu yang seberat atom sama ada di langit atau di bumi. Dialah Empunya yang memiliki kerajaan alam buana yang amat besar ini, di mana tiada sesuatu yang dapat berdiri melainkan dengan perhatian dan ri'ayah-Nya dan tiada sesuatu pun yang wujud padanya melainkan dengan kehendak masyi'ah-Nya. Cuma yang menjadi penyakit manusia apabila dia menyeleweng dari hidayat Allah dan berfikir bebas mengikut hawa nafsunya ialah ia lupakan Allah sebagai Empunya alam buana ini dan dia menanggap Allah mengikut hawa nafsunya dan mengukur perencanaan-perencanaan Allah dan perbuatan-perbuatan-Nya dengan ukuran manusia yang kerdil, kemudian dia berlagak angkuh. dan mengatakan pandangan hawa nafsunya itu sebagai hakikat yang benar!

Andaian-andaian Ahli Sains Yang Meleset

Ujar Sir James Jeans - sebagai contoh kefahaman-kefahaman manusia yang sesat - dalam buku "Alam Buana Yang Menjadi Teka-Teki"[4]:

"Sewaktu kita berdiri di bumi kita yang seni - yang saiznya laksana sebiji pasir yang amat kecil - dalam usaha kita untuk membongkar dan mengetahui tabi'at alam buana yang mengelilingi kita di angkasa raya dan lautan zaman, juga untuk mengetahui tujuan adanya bumi kita ini, dari detik pertama lagi kita merasa seakan-akan takut dan cemas. Bagaimana alam buana tidak menimbulkan perasaan takut dan cemas kepada kita, sedangkan jarak-jarak jauhnya begitu sayup dan tidak mampu dijangkau oleh akal kita dan ia telah dilalui abad-abad yang begitu lama yang tidak mampu ditanggapkan oleh kita? Sejarah manusia menjadi begitu pendek seolah-olah sekelip mata sahaja jika dibandingkan dengan sejarah alam buana yang begitu panjang. Ia benar-benar menakut dan mencemaskan kita, Ia membuat kita merasa begitu sepi kerana kita mengetahui betapa kecilnya bumi kita di angkasa raya yang amat luas itu. Saiznya tidak melebihi satu juzuk dari satu juta juzuk dari salah satu biji-biji pasir yang wujud di dalam lautan alam buana ini!.... Tetapi yang paling ditakuti dari alam buana ini ialah nampaknya ia tidak memberi apa-apa perhatian kepada hayat seperti hayat kita, seolah-olah sentimen-sentimen kita, cita-cita dan hasrat kita, kerja-kerja kita, kesenian-kesenian kita dan agama-agama kita semuanya asing dari sistem dan perencanaannya, malah mungkin benar jika kita katakan bahawa perhubungan di antara alam buana dengan hayat seperti hayat kita ialah perhubungan perseteruan yang amat kuat, kerana angkasa raya alam di kebanyakan bahagiannya adalah begitu dingin hingga, ke tahap yang membekukan segala jenis hidup-hidupan, begitu juga kebanyakan benda yang wujud di angkasa raya alam adalah begitu panas hingga ke tahap yang tidak memungkinkan wujudnya hayat. Seterusnya angkasa raya alam buana sentiasa dilintasi oleh berbagai-bagai jenis radiasi yang tidak kunjung melanggar bintang-bintang yang bergayutan di sana, dan mungkin kebanyakan radiasi-radiasi itu berseteru dengan hayat dan memusnahkannya.

Inilah sifat alam buana, di mana kita telah dilontarkan oleh keadaan, dan jika tidak benar untuk mengatakan bahawa kelahiran kita di alam buana ini adalah berlaku dengan sebab sesuatu kesilapan yang telah berlaku di sana, maka tidak kurang tidak benarnya jika dikatakan ia berlaku sebagai suatu kebetulan."

Sebelum ini telah kami nyatakan bahawa andaian yang mengatakan bahawa alam buana ini memusuhi kelahiran hayat di samping andaian yang mengatakan bahawa di sebalik kelahiran hayat tiada suatu perencanaan dan pentadbiran dari mana-mana kuasa yang tidak dikenali, kemudian selepas itu berlaku kelahiran hayat, sebagai andaian-andaian yang tidak dapat diterima oleh akal makhluk yang berakal, apatah lagi akal orang yang berilmu, jika tidak bagaimana hayat boleh lahir di alam yang memusuhinya, apatah lagi jika diandaikan bahawa di sana tidak ada satu kuasa yang tidak dikenali yang mengaturkan perencanaannya. Apakah hayat itu lebih kuat dari alam buana hingga ia boleh lahir tanpa persetujuannya dan walaupun alam buana memusuhi hayat berdasarkan struktur kejadiannya? Apakah makhluk insan ini - misalnya - sebelum ia lahir lebih kuat dari alam buana yang telah wujud itu dan justeru itu ia dapat muncul begitu sahaja di alam buana walaupun tidak direstukan oleh alam buana?

Itulah kefahaman-kefahaman yang tidak wajar diberi perhatian. Jika andaian ahli-ahli sains itu berpada sekadar menjelaskan kepada kita hal kejadian-kejadian alam yang ada sejauh yang dapat diketahui mereka melalui sarana-sarana yang ada pada mereka tanpa memasuki ke dalam andaian-andaian metafizikal yang tidak berasas, maka tentulah

---

[4] *Buku asal dalam bahasa Inggeris berjudul "The Mysterious Universe", 1930. - Penyemak*

mereka boleh disifatkan sebagai orang-orang yang telah memainkan peranan mereka yang betul - walaupun belum cukup - untuk memperkenalkan kepada manusia keadaan alam yang ada di sekeliling mereka, tetapi malangnya mereka telah melewati daerah alam pengetahuan yang aman dan terus memasuki padang gurun andaian-andaian dan tekaan-tekaan tanpa sebarang pemandu selain hawa nafsu insan yang kerdil.

Alhamdulillah kita umat Muslimin - dengan hidayat Allah - dapat melihat dan merenungi alam buana yang amat besar ini, tanpa merasa takut dan cemas sebagaimana yang telah disifatkan oleh Sir James Jeans, malah kita merasa begitu hebat dan hormat terhadap Pencipta alam ini, kita dapat menghayati keagungan dan keindahan terjelma di dalam setiap ciptaan-Nya, kita merasa tenang, tenteram dan kasih mesra terhadap alam yang baik yang telah diciptakan Allah, kemudian Allah ciptakan kita di dalamnya dengan hubungan yang selaras dan harmonis. Kebesaran alam dan kehalusan struktur kejadiannya menakjubkan kita, tetapi kita tidak merasa takut dan cemas, kita tidak merasa sepi dan hilang diri dan tidak pula menduga akan dilanda kemusnahan, kerana Tuhan kita dan Tuhan alam adalah sama iaitu Allah. Kita berinteraksi dengan alam dengan cara yang selesa, kasih mesra dan yakin di alam ini juga kita berharap mendapat rezeki kita, makanan-makanan kita, sumber kehidupan kita dan keni'matan-keni'matan hidup kita di samping berharap agar kita tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang bersyukur kepada Allah:

وَلَقَدْ مَكَّنَّٰكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعَٰيِشَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu di bumi ini dengan kedudukan yang teguh dan di sana Kami jadikan untuk kamu sumber-sumber kehidupan, (tetapi malangnya) sedikit sekali kamu bersyukur."(10)

Kedudukan Terhormat Makhluk Insan Di Alam Ini

• Hakikat kedua yang diambil inspirasinya dari kisah penciptaan manusia ialah kedudukannya yang terhormat di alam-alam makhluk yang hidup dan peranannya yang amat besar yang diserahkan kepadanya, juga ufuk-ufuk dan bidang-bidang yang amat luas sebagai wadah kegiatan dan harakatnya dan seterusnya kepelbagaian jenis-jenis alam yang berinteraksi dengannya dalam lingkungan 'Ubudiyahnya kepada Allah Yang Maha Esa. Semua kedudukan ini betul-betul bertentangan dengan kefahaman aliran-aliran falsafah sensualisme, positivisme dan materialisme yang menolak nilai manusia selaku faktor asasi yang berpengaruh di alam buana dan meletakkan seluruh kepentingan kepada benda dan kesan-kesannya yang pasti, juga bertentangan dengan kefahaman aliran evolutionisme yang menghubungkan makhluk insan dengan alam haiwan dan mengabaikan ciri-ciri insaniyahnya yang membezakan manusia dari haiwan, di samping bertentangan dengan kefahaman aliran psychoanalysis ciptaan Freud yang menggambarkan insan tenggelam dalam lumpur nafsu seks hingga ia tidak dapat meluhur dan membersihkan dirinya dari nafsu itu kecuali melalui saluran yang berlumpur itu sendiri. Tetapi kedudukan terhormat bagi makhluk insan yang unik itu tidak sampai ke tahap meletakkan insan sebagai tuhan sebagaimana percubaan yang dilakukan oleh aliran-aliran falsafah zaman enligtenment, malah yang dimaksudkan dengan kedudukan itu ialah kedudukan yang benar dan saksama di dalam kefahaman Islam yang sahih.

Allah telah mengisytiharkan kelahiran makhluk insan yang unik ini dalam satu perhimpunan universal yang dibentangkan oleh alam Al-Mala'-ul-A'la, dan kelahirannya - mengikut tarjihan kami dari berbagai-bagai nas Al-Qur'an bukan mengikut kepastian kami - adalah kelahiran yang berasingan (bukannya kelahiran dari hasil evolusi dari alam haiwan - Penyalin). Allah telah mengisytiharkan kelahirannya yang agung itu di alam Al-Mala'-ul-A'la dan alam buana seluruhnya. Mengikut keterangan ayat yang lain di dalam Surah al-Baqarah, Allah telah mengisytiharkan perlantikan-nya sebagai khalifah Allah di bumi sejak ia diciptakan. Ujian Allah yang pertama yang dilalui oleh makhluk insan di dalam Syurga merupakan langkah penyediaan diri dan persiapan pertama untuk memikul tugas khilafah itu. Di samping itu ayat-ayat Al-Qur'an yang lain dari berbagai-bagai surah turut mengisytiharkan bahawa Allah telah menjadikan alam buana - bukannya alam bumi sahaja - sebagai pembantu insan dalam melaksanakan tugas khilafahnya, iaitu Allah menundukkan segala kejadian di langit dan di bumi untuk faedah dan kegunaannya.

Begitu juga kita dapat melihat dengan jelas betapa besarnya peranan yang ditentukan Allah kepadanya, kerana kerja membangun, mengimarah, memerintah sebuah planet dengan pemerintahan Allah walaupun sebesar mana saiz planet itu adalah suatu kerja yang amat besar.

Satu perkara yang jelas dari kisah ini, juga dari keterangan berbagai-bagai nas Al-Qur'an ialah makhluk insan adalah satu makhluk yang unik bukan sahaja di bumi malah di seluruh alam buana semuanya. Alam-alam yang lain seperti alam malaikat, alam jin dan lain-lain alam yang tidak diketahui melainkan Allah adalah masing-masing mempunyai tugas-tugas yang berlainan, begitu juga makhluk-makhluk yang lain itu diciptakan dengan tabi'at-tabi'at yang lain, yang sesuai dengan tugas-tugas ini. Hanya manusia sahaja yang unik dengan ciri-ciri dan tugas-tugas yang dapat difahamkan dari firman Allah:

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا ٱلْإِنسَٰنُ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah (Kami) kepada langit, bumi dan gunung-ganang, tetapi mereka enggan memikulnya dan takut kepada tanggungjawab lalu dipikul oleh manusia. Sesungguhnya manusia amat zalim dan jahil."

(Surah al-Ahzab: 72)

Di sini jelaslah bahawa manusia adalah satu makhluk yang unik di seluruh alam buana dengan ciri-cirinya yang tertentu dan di antaranya ialah tabi'at zalim dan jahil. Di samping memiliki kebebasan memilih secara relatif, kebolehan mencapai ilmu ma'rifat yang semakin tinggi, memiliki iradat dan kemahuan sendiri, kebolehan berlaku adil dan kebolehan mengetahui sama seperti kebolehan berlaku zalim dan bertabi'at jahil. Kesediaan dan kebolehan menjurus kepada dua hala itu sendiri merupakan sifat istimewa insan yang menjadikannya satu makhluk yang unik.

Semua ciri-ciri ini menolak pandangan rendah terhadap makhluk insan dengan alasan kerana ia tinggal di sebuah planet yang kecil dibandingkan dengan saiz alam buana yang amat besar, kerana nilai saiz bukanlah merupakan segala sesuatu. Nilai akal yang boleh menerima ilmu pengetahuan, nilai iradat yang memberi kebebasan dalam lingkungan 'Ubudiyah kepada Allah dan nilai kebolehan membuat pilihan dan tarjih sendiri yang menjadi ciri-ciri makhluk insan adalah mengatasi nilai saiz planet yang dijadikan asas pandangan untuk mengukur nilai makhluk insan dan peranannya sebagaimana yang dilakukan oleh Sir James Jeans dan tokoh-tokoh yang seumpamanya.

Bidang-bidang Perhubungan Manusia Yang Amat Luas

Kedudukan penting yang diberikan oleh kisah penciptaan insan dan berbagai-bagai nas Al-Qur'an kepada makhluk manusia itu tidak hanya terbatas kepada peranannya yang memerintah bumi dengan ciri-cirinya yang unik itu, tetapi gambaran kedudukannya yang penting itu dapat di lihat dengan sempurna apabila diperhatikan kepada pelosok-pelosok, ufuk-ufuk dan bidang-bidang alam buana yang menjadi gelanggang pergerakannya dan alam-alam yang berinteraksi dengannya.

Makhluk insan membuat hubungan secara langsung dengan Allah Tuhannya Yang Maha Besar yang telah menciptakan dengan tangan kekuasaan-Nya dan mengumumkan kelahirannya di alam Al-Mala'-ul-A'la dan seluruh alam buana dengan firman-Nya. Allah telah mengurniakannya hidup di dalam Syurga, di mana ia diberi kebebasan makan apa sahaja buah-buahan yang disukainya kecuali buah dari pokok yang terlarang, kemudian Allah telah mengurniakannya tugas memerintah bumi dengan perintahnya. Di samping itu Allah telah mengajarnya asas ilmu pengetahuan sebagaimana diceritakan di dalam ayat Surah al-Baqarah:

وَعَلَّمَ ءَادَمَ ٱلْأَسْمَآءَ كُلَّهَا

"Dan Allah telah mengajar Adam seluruh nama-nama kejadian."

(Surah al-Baqarah : 31)

Maksudnya - menurut hemat kami - ialah mengajar kepandaian melambangkan sesuatu dengan kata-kata dan nama-nama yang tertentu. Kepandaian ini menjadi asas untuk membolehkan manusia mengadakan pertukaran ilmu pengetahuan dan menyebarkannya kepada jenis manusia seluruhnya sebagaimana telah dijelaskan di dalam Surah Al-Baqarah. Allah juga telah menyampaikan pesanannya kepada Adam semasa di dalam Syurga dan selepasnya di samping mengurniakan bakat-bakat kebolehan dan kesediaan-kesediaan yang menjadi ciri-ciri manusia yang unik. Kemudian Allah mengutuskan para rasul dari kalangan mereka sendiri untuk membawa hidayat Allah di samping mewajibkan ke atas diri-Nya rahmat kasihan belas untuk memaafkan kesalahannya dan menerima taubatnya dan sebagainya dan ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada makhluk insan yang unik di seluruh alam buana.

Kemudian manusia mempunyai perhubungan dengan alam malaikat. Allah telah memerintah para malaikat sujud kepada Adam dan menjadikan sebahagian dari mereka sebagai penjaga dan pengawal manusia. Allah menurunkan para malaikat kepada golongan manusia Mu'min yang berikrar: Allah Tuhan kami, kemudian mereka bersikap lurus dan jujur untuk mengukuhkan pendirian mereka dan menyampaikan berita gembira kepada mereka, juga kepada golongan mujahidin yang berjuang kerana Sabilillah untuk membantu dan menyampaikan berita gembira kepada mereka, dan seterusnya Allah menghantar para malaikat (dalam masa pertempuran dengan orang-orang kafir) untuk membunuh mereka dan meragut nyawa mereka sambil mengancam dan menyiksakan mereka dan sebagainya dari hubungan-hubungan yang wujud di antara malaikat dan manusia di dunia dan Akhirat.

Makhluk insan juga mempunyai tali perhubungan dengan makhluk jin yang soleh dan yang jahat, dan baru sebentar tadi kita telah menyaksikan pertarungan dan pertentangan pertama yang telah berlaku di antara Adam dan syaitan, iaitu pertarungan yang akan berlarutan hingga ke hari Qiamat. Begitu juga perhubungan manusia dengan golongan jin yang soleh telah disebut di dalam nas-nas Al-Qur'an yang lain. Kadang-kadang makhluk jin itu diperalatkan untuk membantu kerja-kerja manusia sebagaimana yang berlaku di dalam kisah Nabi Sulaiman a.s.

Manusia juga membuat hubungan dengan alam fizikal terutama bumi dan planet-planet serta bintang-bintang yang dekat selaku khalifah Allah di bumi ini, di mana segala kuasa dan tenaga alam, segala sumber rezeki dan simpanan-simpanan alam ditundukkan Allah kepada eksploitasi makhluk insan. Di samping itu manusia mempunyai kesediaan dan kebolehan

semulajadi untuk membuka dan membongkarkan setengah-setengah rahsia alam fizikal, juga untuk mengetahui setengah-setengah undang-undangnya yang dapat membantu manusia melaksanakan tugasnya yang besar di bumi ini. Oleh sebab itu manusia membuat hubungan dengan semua makhluk yang hidup di alam bumi ini. Akhirnya dengan tabi'at dua halanya atau "double nature" dan dengan bakat-bakat dan kebolehan-kebolehan semulajadinya, makhluk insan dapat bergerak dari dalam dirinya ke ruang-ruang alam yang amat jauh, di mana ia dapat menaiki dan bermi'raj ke alam-alam yang tinggi yang melewati darjat-darjat malaikat apabila ia menumpukan seluruh 'Ubudiyahnya hingga ke mercunya. Begitu juga makhluk insan boleh menurunkan dirinya hingga ke bawah taraf binatang apabila ia bertuhankan hawa nafsunya dan membuang ciri-ciri insaniyahnya dan bergelumang di dalam lumpur haiwaniyah. Dan di antara dua ruang ini terbentang jarak-jarak jauh yang lebih besar dari jarak-jarak jauh yang wujud di antara langit dan bumi di alam fizikal ini. Semua kelebihan ini tidak ada pada makhluk yang lain dari makhluk insan sebagaimana disarankan oleh kisah penciptaan insan dan berbagai-bagai nas Al-Qur'anul-Karim.

Titik Kelemahan Manusia

• Hakikat yang ketiga: Di samping keunikan makhluk insan atau dengan sebab keunikannya, manusia adalah makhluk yang lemah dalam setengah-setengah struktur kejadiannya hingga ia dapat ditonton dan diheret kepada kejahatan dan menjatuhkan dirinya ke darjat yang sebawahnya kerana mengikut hawa nafsunya. Titik kelemahannya yang pertama ialah kecintaannya kepada hidup yang kekal dan kecintaannya kepada kuasa. Ia berada dalam keadaan yang paling lemah dan berada pada tahap yang paling rendah apabila ia menjauhkan dirinya dari hidayat Allah dan menyerahkan diri kepada hawa nafsunya atau mengaku kalah kepada syaitan musuhnya yang amat degil yang telah berikrar untuk menyesatkannya dengan segala daya upaya dan dengan segala sarana yang tercapai olehnya.

Oleh sebab itu dengan limpah rahmat-Nya Allah tidak membiarkan makhluk insan dipimpin oleh fitrahnya sahaja dan dipandu oleh akalnya sahaja, malah Dia mengutuskan rasul-rasul kepada mereka untuk memberi amaran dan peringatan sebagaimana akan diterangkan dalam ayat selanjutnya ketika mengulas kisah penciptaan manusia. Pengiriman rasul merupakan batu asas keselamatan bagi umat manusia, iaitu selamat dari kongkongan hawa nafsu mereka, iaitu dengan melepaskan diri dari kongkongan nafsu dan berlari mencari perlindungan Allah, juga selamat dari musuh mereka yang mengguna taktik mengundur dan menghilangkan diri apabila mereka menyebut nama Allah dan mengingati rahmat dan kemurkaan-Nya, ganjaran dan balasan-Nya.

Semuanya itu berguna untuk menguatkan dan mengukuhkan iradat manusia supaya ia dapat mengatasi kelemahan dan keinginan hawa nafsunya. Latihan awal yang diterima manusia di dalam Syurga ialah Allah telah mengadakan pokok larangan supaya tidak didekatinya. Ini bertujuan untuk mengukuhkan iradatnya agar ia dapat mempergunakannya ketika menghadapi kelemahan diri dan godaan syaitan. Walaupun ia gagal dalam percubaan pertama di dalam Syurga, namun pengalaman itu dapat dijadikan modal pengajaran di masa akan datang.

Dengan limpah rahmat-Nya juga Allah jadikan pintu taubat terbuka kepadanya pada setiap masa. Setelah lupa ia teringat kembali dan setelah tergelincir ia bangkit kembali dan setelah tersesat jalan ia bertaubat. Pintu taubat sedia terbuka kepadanya dan Allah sentiasa bersedia untuk menerima taubatnya dan untuk mema'afkan kesalahannya. Apabila manusia bersikap jujur dengan kebaikan dan berdiri teguh di atas jalan Allah nescaya Allah gantikan segala kejahatannya dengan kebaikan dan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda kepadanya mengikut kesukaan-Nya. Allah tidak pernah menjadikan kesalahannya yang pertama di dalam Syurga itu sebagai laknat yang berkekalan di atasnya dan di atas zuriatnya, kerana di sana tidak ada kesalahan atau dosa yang abadi dan tidak ada dosa yang diwarisi turun temurun. Kesalahan yang dilakukan oleh seseorang tidak boleh ditanggung oleh orang lain.

Dalam kefahaman Islam, hakikat ini dapat menyelamatkan manusia dari bebanan dongeng dosa yang diwarisi turun temurun yang menjadi asas pemikiran dan kefahaman gereja-gereja Kristian. Dan di atas konsep inilah ditegakkan berbagai-bagai peraturan dan upacara ibadat di samping berbagai-bagai dongeng dan kepercayaan tahyul, iaitu kepercayaan bahawa dosa yang dilakukan oleh Adam itu tetap ditanggung oleh umat manusia dan dosa itu seolah-olah laknat yang dibebankan ke atas belakang manusia sehingga Tuhan menjelmakan dirinya dengan rupa anak manusia (al-Masih) lalu disalib dan menanggung 'azab keseksaan untuk menebus dosa yang diwarisi turun temurun itu. Dan oleh sebab itulah ditulis keampunan kepada setiap orang yang bersatu dengan Al-Masih yang telah mengorbankan darahnya untuk menebuskan dosa Adam yang diwarisi oleh umat manusia.

Sedangkan di dalam kefahaman Islam persoalan kesalahan yang dilakukan Adam itu adalah jauh lebih mudah dari kepercayaan dan kefahaman Kristian, iaitu Adam telah terlupa lalu melakukan kesalahan kemudian dia telah bertaubat dan memohon keampunan Allah dan Allah telah menerima taubatnya dan mema'afkan kesalahannya dan dengan ini berakhirlah kisah dosa yang pertama yang dilakukan Adam dan tidak ada apa-apa lagi yang tinggal selain dari hasil pengalaman yang berguna, yang dapat membantu umat manusia dalam

perjuangan mereka menentang godaan syaitan di sepanjang zaman hidup mereka.

Alangkah mudahnya dan alangkah jelasnya dan gampangnya persoalan ini di dalam 'aqidah Islam.

• Hakikat yang keempat ialah pertarungan manusia dengan syaitan itu adalah satu pertarungan yang serius, pertarungan yang berakar umbi, pertarungan yang berterusan dan rakus.

Pertarungan Dengan Syaitan

Dari kisah penciptaan manusia ternyata betapa degilnya keazaman syaitan untuk memburu manusia dalam segala keadaan. Dia berazam menyerang manusia dari segenap jurusan dan menurut jejak manusia pada setiap detik waktu:

قَالَ فَبِمَآ أَغْوَيْتَنِى لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَٰطَكَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿١٦﴾ ثُمَّ لَءَاتِيَنَّهُم مِّنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ وَعَنْ أَيْمَٰنِهِمْ وَعَن شَمَآئِلِهِمْ ۖ وَلَا تَجِدُ أَكْثَرَهُمْ شَٰكِرِينَ ﴿١٧﴾

"Iblis berkata: 'Oleh kerana Engkau telah menghukumkan aku menjadi sesat, maka demi sesungguhnya aku tetap menunggu mereka untuk menghalangkan mereka dari jalan-Mu yang lurus.'(16) Kemudian aku tetap datang menggoda mereka dari hadapan dan belakang mereka, dari kanan dan kiri mereka dan Engkau tidak dapati kebanyakan mereka bersyukur."(17)

Syaitan yang terkutuk itu telah memilih untuk melaksanakan tipudaya ini dan memohon agar ia diberi tempoh lanjutan yang amat panjang untuk melakukan tipudaya ini. Dia telah membuat pilihan ini sambil memohon kepada Allah agar mema'afkan kesalahannya yang telah menderhaka secara terbuka sedangkan dia mendengar perintah Allah secara berdepan, kemudian dia menjelaskan kepada Allah bahawa dia akan menunggu manusia di jalan Allah agar mereka dapat melaluinya dan akan menyerang mereka dari segenap penjuru untuk menghalangkan mereka dari mendapat hidayat Allah.

Dia akan menyerang dan mendatangi manusia dari titik-titik kelemahan mereka dan menerusi pintu-pintu keinginan nafsu mereka. Tiada apa yang dapat melindungkan manusia dari godaan syaitan melainkan dengan berperisaikan keimanan, Zikrullah, berwaspada terhadap godaan dan bisikannya yang jahat, mengawal dan menguasai keinginan hawa nafsunya dan menundukkannya kepada hidayat Allah.

Pertarungan dengan syaitan adalah pertarungan yang asasi. Itulah pertarungan menentang nafsu dengan mematuhi hidayat, pertarungan menentang keinginan-keinginan syahwat dengan menegakkan iradat. Itulah perjuangan menentang kejahatan dan kefasadan di bumi, di mana syaitan-syaitan membimbing kawan-kawan setianya dari kalangan manusia supaya menundukkan syari'at Allah kepada kepentingan dunia. Itulah pertarungan dalam hati dan pertarungan di alam kenyataan, iaitu dua pertarungan yang bersambungan bukannya dua pertarungan yang berasingan dan syaitanlah yang mendalangi dua pertarungan ini.

Pemerintah-pemerintah para Taghut yang memerintah negeri-negeri di bumi ini untuk menundukkan manusia kepada kuasa: Hakimiyah mereka, kepada undang-undang ciptaan mereka, kepada nilai-nilai dan ukuran yang ditetapkan mereka dan menolak kuasa Hakimiyah Allah, undang-undang Allah, nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang diambil dari agama Allah, mereka adalah syaitan-syaitan, manusia yang menerima ilham dari syaitan-syaitan dan makhluk jin. Pertarungan dengan para Taghut itu adalah pertarungan dengan syaitan itu sendiri bukannya pertarungan yang terpisah jauh dari pertarungan dengan syaitan.

Demikianlah pertarungan agung yang berlarutan panjang dan rakus itu berpusat di dalam pertarungan dengan syaitan itu sendiri dan dengan kawan-kawan setianya dari kalangan manusia. Seorang Muslim merasa ketika berjuang menentang keinginan hawa nafsunya, ketika menentang para Taghut yang menjadi sahabat-sahabat setia syaitan yang berkuasa di bumi, ketika menentang pengikut-pengikut dan kuncu-kuncu mereka dan ketika berjuang menentang kejahatan dan konsep bebas lepas dari agama yang diwujudkan mereka di bumi di sekeliling mereka, seorang Muslim merasa ketika mengharungi semua perjuangan ini bahawa dia hanya mengharungi satu perjuangan sahaja, iaitu perjuangan menentang syaitan yang serius, kejam dan rakus, kerana di dalam perjuangan-perjuangan ini musuhnya tetap berazam meneruskan perjuangannya dan oleh sebab itu perjuangan menentang syaitan berlarutan hingga ke hari Qiamat dalam segala bentuk dan bidang.

Perasaan Malu Berbogel

• Pada akhirnya kisah penciptaan manusia dan ulasan-ulasannya yang akan dihuraikan nanti — menunjukkan adanya satu perasaan yang tersemat di dalam tabi'at dan fitrah semulajadi manusia, iaitu perasaan malu berbogel atau mendedahkan auratnya:

فَوَسْوَسَ لَهُمَا ٱلشَّيْطَٰنُ لِيُبْدِىَ لَهُمَا مَا وُۥرِىَ عَنْهُمَا مِن سَوْءَٰتِهِمَا

"Lalu syaitan menghasut mereka (memakan buah pokok larangan) dengan tujuan untuk mendedahkan 'aurat mereka yang selama ini terlindung dari mereka."(20)

فَدَلَّىٰهُمَا بِغُرُورٍ ۚ فَلَمَّا ذَاقَا ٱلشَّجَرَةَ بَدَتْ لَهُمَا سَوْءَٰتُهُمَا وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِن وَرَقِ ٱلْجَنَّةِ ۖ

"Lalu syaitan memujuk mereka (memakan buah pokok itu) dengan tipudaya (yang licin). Setelah mereka makan buah pokok itu terdedahlah kepada mereka 'aurat mereka dan mulalah mereka menutupinya dengan daun-daun Syurga."(22)

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ قَدۡ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكُمۡ لِبَاسٗا يُوَٰرِي سَوۡءَٰتِكُمۡ وَرِيشٗاۖ وَلِبَاسُ ٱلتَّقۡوَىٰ ذَٰلِكَ خَيۡرٞۚ ذَٰلِكَ مِنۡ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ

"Wahai anak-anak Adam! Kami telah menurunkan untuk kamu pakaian-pakaian yang menutup 'aurat kamu dan pakaian-pakaian indah untuk perhiasan, tetapi pakaian taqwa itulah pakaian yang paling baik. Itulah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah."(26)

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ لَا يَفۡتِنَنَّكُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ كَمَآ أَخۡرَجَ أَبَوَيۡكُم مِّنَ ٱلۡجَنَّةِ يَنزِعُ عَنۡهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوۡءَٰتِهِمَآۚ

"Wahai anak-anak Adam! Janganlah sekali-kali kamu diperdayakan syaitan sebagaimana ia telah Berjaya mengeluarkan ibubapa kamu dari Syurga, di mana ia menanggalkan pakaian mereka untuk mendedahkan 'aurat mereka."(27)

Semua ayat-ayat ini menyarankan betapa pentingnya persoalan menutup 'aurat ini dan betapa mendalamnya ia tersemat di dalam fitrah manusia. Pakaian dan menutup, 'aurat merupakan perhiasan manusia dan penutupan 'aurat fizikal mereka sebagaimana taqwa merupakan pakaian dan penutupan 'aurat-'aurat jiwa mereka.

Fitrah yang sihat menaruh perasaan segan dan jijik terhadap pendedahan 'aurat sama ada 'aurat fizikal atau 'aurat jiwa. Ia memberi perhatian yang berat untuk menutup dan melindunginya. Orang-orang yang berusaha membogelkan tubuh badan dari pakaian dan membogelkan jiwa dari taqwa dan dari perasaan malu kepada Allah dan kepada manusia, orang-orang yang menggunakan kekuatan lisan, mata pena dan media massa untuk membogelkan manusia dengan berbagai-bagai bentuk dan cara kesyaitanan yang keji, merekalah orang-orang yang mahu menanggal dan merampas ciri-ciri semulajadi insan dan ciri-ciri insaniyahnya, iaitu ciri-ciri yang menjadikan insan itu insan, dan merekalah yang mahu menyerahkan manusia kepada musuhnya syaitan dan kepada kehendak syaitan yang mahu menanggalkan pakaiannya dan mendedahkan auratnya, merekalah orang-orang yang melaksanakan rancangan-rancangan Zionis yang jahat untuk menghancurkan insaniyah dan menyebarkan konsep bebas lepas di kalangan manusia supaya mereka tunduk kepada kerajaan Zionis tanpa sebarang penentangan setelah menghapuskan nilai-nilai insaniyah mereka.

Berbogel merupakan fitrah semulajadi haiwan. Manusia tidak cenderung berbogel kecuali jika ia menurunkan dirinya ke darjat yang lebih rendah dari darjat manusia. Pandangan yang menanggap berbogel sebagai suatu kecantikan merupakan pandangan yang menterbalik-songsangkan adirasa manusia. Suku-suku kaum yang mundur di negeri Afrika tengah dahulu hidup dengan keadaan berbogel dan apabila Islam membawa masuk hadharahnya ke kawasaan-kawasaan ini, maka gejala pertama dari hadharah Islam itu ialah menutup 'aurat mereka yang bogel itu. Tetapi di dalam jahiliyah moden yang "progresif" manusia menjatuhkan diri mereka ke dalam gaung yang dalam, di mana Islam telah menyelamatkan suku-suku kaum yang mundur darinya dan memindahkan mereka ke taraf hadharah dalam erti kata yang difahami oleh Islam yang mahu menyelamatkan ciri-ciri insaniyah dan berusaha menonjol dan menguatkannya. Kebogelan jiwa dari perasaan malu dan taqwa – yang dilaungkan oleh berbagai-bagai suara dan digembar-gemburkan para penulis dan media massa – merupakan suatu kejatuhan yang terbalik-songsang dan suatu perkembalian semula kepada jahiliyah bukannya merupakan suatu kemajuan dan ketamadunan seperti yang mahu disarankan oleh media massa syaitan yang terlatih itu.[5]

Kisah penciptaan manusia yang termuat di dalam Al-Qur'an membayangkan nilai-nilai dan ukuran-ukuran semulajadi ini di samping menjelaskannya dengan sebaik-baik penjelasan. Syukurlah kepada Allah yang telah membimbing kita ke arah-Nya dan menyelamatkan kita dari bisikan syaitan dan dari lumpur jahiliyah.

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 34)

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ قَدۡ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكُمۡ لِبَاسٗا يُوَٰرِي سَوۡءَٰتِكُمۡ وَرِيشٗاۖ وَلِبَاسُ ٱلتَّقۡوَىٰ ذَٰلِكَ خَيۡرٞۚ ذَٰلِكَ مِنۡ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ لَعَلَّهُمۡ يَذَّكَّرُونَ ٢٦

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ لَا يَفۡتِنَنَّكُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ كَمَآ أَخۡرَجَ أَبَوَيۡكُم مِّنَ ٱلۡجَنَّةِ يَنزِعُ عَنۡهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوۡءَٰتِهِمَآۚ إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمۡ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ مِنۡ حَيۡثُ لَا تَرَوۡنَهُمۡۗ إِنَّا جَعَلۡنَا ٱلشَّيَٰطِينَ أَوۡلِيَآءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ ٢٧

وَإِذَا فَعَلُواْ فَٰحِشَةٗ قَالُواْ وَجَدۡنَا عَلَيۡهَآ ءَابَآءَنَا وَٱللَّهُ أَمَرَنَا بِهَاۗ قُلۡ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَأۡمُرُ بِٱلۡفَحۡشَآءِۖ أَتَقُولُونَ عَلَى

---

[5] *Sila semak huraian yang telah silam mengenai pengertian hadharah dalam juzu' ini dalam fasiran ayat* "كتب أنزل إليك فلا يكن في صدرك حرج"

اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾
قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ ۖ وَأَقِيمُوا وُجُوهَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ ۚ كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴿٢٩﴾
فَرِيقًا هَدَىٰ وَفَرِيقًا حَقَّ عَلَيْهِمُ الضَّلَالَةُ ۗ إِنَّهُمُ اتَّخَذُوا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ اللَّهِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٣٠﴾
يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾
قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ ۚ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾
قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَن تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَن تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾
وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ ۖ فَإِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾

"Wahai anak-anak Adam! Kami telah menurunkan untuk kamu pakaian-pakaian yang menutup 'aurat kamu dan pakaian-pakaian indah untuk perhiasan, tetapi pakaian taqwa itulah pakaian yang paling baik. Itulah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah supaya mereka mengambil peringatan (26). Wahai anak-anak Adam! Janganlah sekali-kali kamu diperdayakan syaitan sebagaimana ia telah memperdaya dan mengeluarkan ibubapa kamu dari Syurga, di mana ia menanggalkan pakaian mereka untuk mendedahkan 'aurat mereka. Sesungguhnya dia dan suku sakatnya melihat kamu dari tempat yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami jadikan syaitan-syaitan itu selaku pemimpin-pemimpin kepada orang-orang yang tidak beriman (27). Dan apabila mereka melakukan perbuatan yang keji (berbogel ketika tawaf), mereka berkata: 'Kami dapati datuk nenek kami melakukannya dan Allah juga telah menyuruh kami melakukannya.' Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya Allah sama sekali tidak pernah menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji. Apakah patut kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya?(28). Katakanlah: Tuhanku menyuruh berlaku adil, dan hadapilah wajah kamu kepada Allah setiap kali kamu mengerjakan ibadat dan hendaklah kamu menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya. Sebagaimana Allah telah menciptakan kamu pada permulaan, maka begitulah juga kamu akan kembali kepada-Nya (29). Sebahagian dari kamu diberikan Allah hidayat dan sebahagian yang lain ditimpakan kesesatan, kerana mereka mengambil syaitan-syaitan sebagai pemimpin-pemimpin mereka selain Allah dan mereka menyangka bahawa mereka mendapat hidayat (30). Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian-pakaian kamu yang cantik setiap kali kamu memasuki masjid (untuk mengerjakan ibadat). Dan makan dan minumlah (sesuka kamu), tetapi janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai pelampau-pelampau (31). Katakanlah: Siapakah yang mengharamkan pakaian-pakaian cantik dari ciptaan Allah yang dikeluarkan untuk para hamba-Nya dan (siapakah yang mengharamkan) rezeki-rezeki yang baik? Katakanlah: Semua ni'mat itu adalah disediakan Allah untuk orang-orang yang beriman (dan orang-orang yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia tetapi ni'mat-ni'mat itu disediakan khusus untuk orang-orang yang beriman sahaja pada hari Qiamat. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami secara terperinci kepada golongan yang mengetahui (32). Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji sahaja sama ada yang lahir dan yang batin, juga perbuatan menceroboh tanpa alasan yang benar dan perbuatan kamu mempersekutui Allah dengan sesuatu yang tidak pernah diturunkan Allah sebarang hujah (yang membenarkannya) dan perbuatan kamu mengata-ngatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya (33). Setiap umat ditentukan ajal mereka masing-masing. Oleh sebab itu apabila tiba ajal mereka, mereka tidak dapat menundakannya dan tidak pula dapat mendahulukannya."(34)

Inilah salah satu tempat perhentian kisah dalam surah ini untuk diberi ulasan dan komentar, iaitu satu perhentian yang panjang selepas adegan yang pertama kisah penciptaan manusia yang agung itu. Di dalam surah ini terdapat tempat-tempat perhentian yang seumpama ini pada setiap bahagian kisah seolah-olah dikatakan kepada para pembaca: Berhentilah sebentar di sini untuk merenungi dan memikirkan contoh teladan yang terdapat di bahagian ini sebelum kita meneruskan perjalanan kita yang agung ini.

Inilah tempat perhentian sebentar sebelum menghadapi banyak perjuangan di antara syaitan dan manusia yang telah kelihatan tanda-tandanya, iaitu berhenti sebentar untuk memberi amaran dan peringatan terhadap cara-cara tipudaya syaitan dan pintu-pintu yang akan dimasukkannya, dan untuk mengetahui rancangan yang diaturnya dalam berbagai bentuk dan rupa.

Mengikut methodologi Al-Qur'an, ia tidak mengemukakan suatu bimbingan melainkan dengan tujuan untuk menghadapi suatu realiti yang wujud, begitu juga ia tidak menceritakan sesuatu kisah

melainkan kisah itu mempunyai tempatnya di dalam realiti pergerakan Islamiyah.

Al-Qur'an – sebagaimana telah kami katakan – tidak menghidangkan kisah-kisah semata-mata dengan tujuan untuk menghayati keni'matan seni, begitu juga Al-Qur'an tidak menjelaskan sesuatu hakikat semata-mata dengan tujuan teori. Sifat Islam yang realistik dan serius itulah yang membuat segala bimbingan dan penjelasannya bertujuan untuk menghadapi situasi-situasi yang benar-benar wujud dan mencabar pergerakan Islam. Realiti jahiliyah Arab telah menjadi sasaran ulasan dan komentar yang dikemukakan di sini setelah tamat bahagian pertama kisah penciptaan manusia yang agung ini. Kaum Quraysy telah mendakwa mempunyai hak-hak tertentu ke atas kaum Musyrikin Arab yang lain yang dating mengunjungi Baitullah. Mereka jadikan Baitullah sebagai rumah berhala-berhala dan para penjaganya. Mereka tegakkan hak-hak itu di atas tanggapan-tanggapan dan kepercayaan-kepercayaan tertentu yang didakwa oleh mereka sebagai kepercayaan-kepercayaan dari agama Allah. Mereka merumuskan hak-hak itu dalam bentuk undang-undang dan peraturan yang didakwa oleh mereka sebagai undang-undang dan peraturan agama Allah dengan tujuan untuk menundukkan kaum Musyrikin Arab yang lain. Mereka mengadakan jawatan-jawatan penjaga berhala, kahin-kahin dan ketua-ketua sama seperti yang diadakan lebih kurang oleh setiap jahiliyah. Kaum Quraysy juga menamakan diri mereka dengan satu nama khas iaitu nama al-Hums dan mendakwa mempunyai hak-hak tertentu yang tidak dimiliki oleh seluruh orang-orang Arab. Di antara hak-hak itu yang mengenai peraturan tawaf ialah mereka sahaja yang mempunyai hak melakukan tawaf dengan pakaian yang dipakai mereka, sedangkan kaum-kaum Arab yang lain tidak boleh melakukan tawaf dengan pakaian yang telah dipakai oleh mereka sebelum ini, malah mereka pasti meminjam baju-baju dari kaum al-Hums untuk melakukan tawaf atau membuat pakaian baru yang belum dipakai sebelum ini, jika tidak, mereka pasti melakukan tawaf dengan membogelkan diri termasuk kaum perempuan.

Ujar Ibn Kathir dalam tafsirnya: "Orang-orang Arab – selain kaum Quraysy – tidak boleh melakukan tawaf di Baitullah dengan pakaian yang dipakai mereka dengan alasan mereka tidak boleh melakukan tawaf dengan pakaian yang dipakai mereka dalam mengelakkan perbuatan-perbuatan maksiat terhadap Allah. Sementara kaum Quraysy iaitu kaum al-Hums boleh melakukan tawaf dengan pakaian yang dipakai mereka. Sesiapa yang diberi pakaian pinjam oleh kaum al-Hums dia boleh melakukan tawaf dengan pakaian itu, dan sesiapa yang mempunyai pakaian yang baru ia boleh melakukan tawaf dengan pakaian itu dan selepas tawaf pakaian itu hendaklah dibuang dan tiada siapa pun yang memilikinya. Dan siapa yang tidak mempunyai pakaian yang baru dan tidak pula diberi pakaian pinjam oleh kaum al-Hums, maka hendaklah ia mengelakkan tawaf dengan bertelanjang bogel, dan jika ia seorang perempuan, maka ia juga diwajib mengelakkan tawaf dengan bertelanjang bogel dan meletakkan sesuatu di atas kemaluannya sekadar lebih kurang melindunginya. Kebanyakan perempuan mengelakkan tawaf di waktu malam dengan berbogel. Peraturan ini hanya direka dan diada-adakan mereka dan mengikut amalan datuk nenek mereka. Di samping itu mereka percaya bahawa amalan datuk nenek mereka adalah berlandaskan perintah dan syari'at Allah, tetapi dakwaan itu telah disangkal oleh Allah:

وَإِذَا فَعَلُوا۟ فَٰحِشَةً قَالُوا۟ وَجَدْنَا عَلَيْهَآ ءَابَآءَنَا وَٱللَّهُ أَمَرَنَا بِهَا ۗ

"Dan apabila mereka melakukan perbuatan yang keji (berbogel ketika tawaf), mereka berkata: Kami dapati datuk nenek kami melakukannya dan Allah juga telah menyuruh kami melakukannya."(28)

Dakwaan ini telah dijawab Allah:

قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ ۖ

"Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya Allah sama sekali tidak pernah menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji."(28)

Maksudnya: Perbuatan berbogel semasa mengerjakan tawaf itu adalah satu perbuatan yang keji dan Allah tidak menyuruh kamu melakukan perbuatan yang seperti itu:

أَتَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

"Apakah patut kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya."(28)

Maksudnya: Apakah kamu patut sandarkan kepada Allah perkataan-perkataan yang kamu tidak mengetahui kesahihannya?

قُلْ أَمَرَ رَبِّى بِٱلْقِسْطِ ۖ وَأَقِيمُوا۟ وُجُوهَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَٱدْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ۚ

"Katakanlah: Tuhanku menyuruh berlaku adil dan hadapilah wajah kamu kepada Allah setiap kali kamu mengerjakan ibadat dan hendaklah kamu menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya".(29)

Maksudnya: Allah menyuruh kamu beristiqamah di dalam ibadat kepada-Nya dan mengikuti rasul-rasul-Nya yang dibuktikan kebenaran mereka dengan mu'jizat, iaitu mengikut ajaran-ajaran dan peraturan-peraturan yang dibawa mereka dari Allah serta mengikhlaskan amalan ibadat itu kepada Allah semata-mata, kerana sesuatu amalan itu tidak diterima Allah kecuali ia mengumpulkan dua rukun amalan ibadat iaitu pertama: Hendaklah amalan ibadat itu betul mengikut syari'at, dan kedua: Hendaklah amalan ibadat itu ikhlas kepada Allah iaitu bersih dari syirik.

Untuk mencabar realiti jahiliyah yang menyentuh peraturan ibadat, tawaf, pakaian dan makanan yang

didakwa mereka sebagai peraturan dari syari'at Allah, sedangkan ia bukannya dari syari'at Allah... untuk mencabar realiti inilah Al-Qur'an mengemukakan ulasan-ulasan di atas kisah penciptaan manusia yang pertama itu, di mana disebut perkara kebebasan makan buah-buahan Syurga kecuali pokok yang terlarang, perkara pakaian khususnya, perkara godaan syaitan yang memujuk Adam dan isterinya supaya memakan buah larangan, perihal perasaan malu semulajadi yang dialami Adam dan Hawa ketika 'aurat mereka terdedah dan bagaimana mereka tergesa-gesa menutup 'aurat yang terdedah itu dengan daun-daun Syurga.

Peristiwa-peristiwa yang disebut dalam penciptaan Adam dan ulasan pertama mengenainya merupakan penjelasan untuk mencabar realiti yang wujud dalam jahiliyah Arab di masa itu. Kisah penciptaan Adam disebut di berbagai-bagai tempat dan Surah Al-Qur'an untuk menghadapi situasi-situasi yang lain, di mana disebut beberapa adegan dan pemandangan dari kisah itu, kemudian diiringi pula dengan pernyataan-pernyataan dan komentar-komentar yang mencabar situasisituasi yang lain itu dan semuanya adalah benar. Huraian Al-Qur'an yang terperinci untuk menghadapi realiti manusia itulah yang memerlukan pemilihan (babak kisah) dan keselarasan di antara babak-babak kisah-kisah yang dibentangkan di setiap tempat itu dengan keadaan suasana dan maudhu' yang dibicarakan di setiap tempat itu.[6]

* * * * * *

Hakikat Kesalahan Adam Dan Hawa

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ قَدۡ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكُمۡ لِبَاسٗا يُوَٰرِي سَوۡءَٰتِكُمۡ وَرِيشٗاۖ وَلِبَاسُ ٱلتَّقۡوَىٰ ذَٰلِكَ خَيۡرٞۚ ذَٰلِكَ مِنۡ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ لَعَلَّهُمۡ يَذَّكَّرُونَ ٢٦

"Wahai anak-anak Adam! Kami telah menurunkan untuk kamu pakaian-pakaian yang menutup 'aurat kamu dan pakaian-pakaian indah untuk perhiasan, tetapi pakaian taqwa itulah pakaian yang paling baik. Itulah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah supaya mereka mengambil peringatan."(26)

Seruan ini dibuat selepas ditayangkan satu pemandangan kisah itu; iaitu pemandangan bogel dan keterdedahan 'aurat dan usaha untuk menutupnya dengan daun-daun Syurga sebagai akibat dari kesalahan Adam dan Hawa melanggar perintah Allah, iaitu kesalahan memakan buah larangan Allah, tetapi kesalahan ini bukanlah kesalahan atau dosa yang diambil dari dongeng yang tersebut dalam (Kitab Suci!) yang penuh dengan kefahaman-kefahaman kesenian Barat yang diambil dari dongeng-dongeng itu dan dari saranan-saranan Freud yang beracun. Kesalahan Adam itu bukanlah pula kesalahan memakan "pokok ilmu pengetahuan" sebagaimana diceritakan oleh dongeng-dongeng Kitab Suci Perjanjian lama, dan kerana kecemburuan dan kebimbangan Allah S.W.T. terhadap manusia dari memakan buah pokok hayat yang boleh membawa manusia menjadi salah satu dari tuhan sebagaimana yang didakwa oleh dongeng-dongeng itu.[7] Seterusnya kesalahan Adam itu bukanlah pula kesalahan kerana mengadakan hubungan kelamin sebagaimana yang dikhayalkan oleh imaginasi kesenian Eropah yang sentiasa berlegar di sekitar kegiatan seks yang kotor untuk mentafsirkan segala kegiatan hidup manusia sebagaimana yang diajarkan oleh Freud dari bangsa Yahudi itu. Untuk menghadapi pemandangan bogel selepas Adam dan Hawa melakukan kesalahan melanggar perintah Allah, juga untuk menghadapi kebogelan yang diamalkan oleh kaum Musyrikin Arab yang berada dalam jahiliyah (ketika mengerjakan tawaf), ayat tadi menyebut dalam seruannya tentang ni'mat Allah kepada manusia iaitu ni'mat pakaian yang menutup 'aurat yang terbuka, dan sehubungan dengan ni'mat pakaian ini Allah telah mengajar, memberi kemudahan (dengan mengadakan bahan-bahan pakaian) dan mengadakan undang-undang memakai pakaian kepada mereka, kemudian dengan penutupan 'aurat itu pakaian menjadi suatu perhiasan yang cantik menggantikan kebogelan yang buruk dan keji. Oleh sebab itulah Allah mengungkapkan di dalam ayat tadi dengan perkataan " أنزلنا" (kami menurunkan) yakni Kami memperundangkannya dalam wahyu (yang diturunkan-Nya kepada manusia). Kata-kata "اللباس " (pakaian) kadang-kadang dipakai dengan pengertian pakaian yang menutup 'aurat iaitu pakaian dalam, dan kata-kata, "الرياش" (hiasan) kadang-kadang dipakai dengan pengertian pakaian yang membalut dan menghiaskan tubuh iaitu pakaian luar, di samping dipakai dengan pengertian kehidupan yang mewah, ni'mat dan harta kekayaan. Semuanya merupakan pengertian-pengertian yang saling merangkumi satu sama lain:

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ قَدۡ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكُمۡ لِبَاسٗا يُوَٰرِي سَوۡءَٰتِكُمۡ وَرِيشٗاۖ

"Wahai anak-anak Adam! Kami telah menurunkan untuk kamu pakaian-pakaian yang menutup 'aurat kamu dan pakaian-pakaian indah untuk perhiasan."(26)

Di dalam ayat ini juga disebut tentang "pakaian taqwa" dan disifatkannya sebagai pakaian "yang paling baik":

وَلِبَاسُ ٱلتَّقۡوَىٰ ذَٰلِكَ خَيۡرٞۚ ذَٰلِكَ مِنۡ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ

---

[6] *Lihat bab* "القصة في القرآن" *dalam buku* "التصوير الفني في القرآن"

[7] *Lihat bab* "تيه وركام" *bahagian pertama buku* "خصائص التصور الإسلامي ومقوماته"

"(Tetapi) pakaian taqwa itulah pakaian yang paling baik. Itulah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah."(26)

Ujar Abdul Rahman ibn Aslam: "Apabila seseorang itu bertaqwa kepada Allah, maka Allah akan menutup auratnya, maka itulah pakaian taqwa." Di sini terdapat hubungan yang rapat di antara pakaian untuk menutup 'aurat yang disyari'atkan Allah dengan taqwa. Kedua-duanya pakaian belaka. Pakaian taqwa menutup 'aurat hati manusia dan menghiaskannya, dan pakaian lahir pula menutup 'aurat-'aurat badan manusia dan menghiaskannya. Kedua-duanya mempunyai hubungan yang rapat dan saling merangkumi satu sama lain. Dari perasaan ketaqwaan terhadap Allah dan malu kepada-Nya lahir perasaan memandang buruk dan perasaan malu terhadap badan yang bogel dan telanjang. Mereka yang tidak merasa malu dan bertaqwa kepada Allah tidak merasa segan untuk berbogel dan menyeru orang ramai kepada membogel dan menelanjangi diri mereka dari perasaan malu dan taqwa dan membogelkan diri dari pakaian dan mendedahkan 'aurat.

Usaha Zionisme Ke Arah Mengembangkan Budaya Bogel

Menutup tubuh badan kerana malu itu bukan hanya merupakan suatu istilah dan adat masyarakat sebagaimana didakwa oleh propagandis-propagandis yang diperalatkan untuk menghapuskan sifat malu dan kesopanan manusia dengan tujuan untuk menghancurkan ciri-ciri insaniyah mereka mengikut perancangan jahat Yahudi yang terkandung di dalam protokol-protokol cendikiawan Zionis. Malah sifat malu itu adalah sifat semulajadi yang diciptakan Allah di dalam jiwa manusia, dan di samping itu ia juga merupakan suatu peraturan yang diturunkan Allah kepada manusia. Allah telah mengadakan berbagai-bagai kemudahan dan rezeki di bumi untuk memungkinkan manusia melaksanakan peraturan itu.

Dan Allah telah mengingatkan anak-anak Adam terhadap ni'mat-Nya kepada mereka, iaitu ni'mat dalam bentuk mengadakan peraturan pakaian dan menutup tubuh badan dengan tujuan untuk memelihara ciri insaniyah mereka dari terjatuh ke dalam adat kebiasaan binatang, juga dalam bentuk mengadakan kemudahan-kemudahan untuk membolehkan manusia menciptakan pakaian-pakaian mereka:

لَعَلَّهُمۡ يَذَّكَّرُونَ ﴿٢٦﴾

"Supaya mereka mengambil peringatan."(26)

Di sini setiap Muslim dapat menghubungkan di antara kempen besar-besaran (hari ini) yang ditujukan untuk menghapuskan perasaan malu dan akhlak sopan manusia dengan menyeru mereka secara terbuka ke arah budaya mendedah tubuh atas nama perhiasan, hadharah dan fesyen baru dengan perancangan Zionis yang mahu menghancurkan ciri insaniyah mereka dan mempercepatkan keruntuhan akhlak mereka supaya mereka mudah diperalatkan oleh kerajaan Zionis. Di samping itu ia juga boleh menghubungkan di antara semua perancangan ini dengan perancangan yang ditujukan untuk menghapuskan saki baki agama ini yang masih tinggal dalam bentuk sentimen-sentimen yang kabur di dalam lubuk hati manusia. Lihatlah! Hinggakan sentiment yang kabur ini juga mahu dihapuskan mereka melalui kempen-kempen yang jahat dan lucah yang mengajak manusia ke arah budaya membogelkan jiwa dan tubuh badannya yang diperjuangkan oleh penulis-penulis dan agensi-agensi yang bekerja untuk syaitan-syaitan Yahudi di merata tempat di dunia! Hiasan "insaniyah" ialah hiasan menutup 'aurat badan, sedangkan hiasan "haiwaniyah" ialah hiasan bertelanjang, tetapi malangnya umat manusia pada hari ini telah mundur kembali kepada jahiliyah yang akan membawa mereka ke alam binatang. Oleh sebab itu mereka tidak lagi mengingati ni'mat Allah dengan memelihara ciri-ciri insaniyah mereka:

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ لَا يَفۡتِنَنَّكُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ كَمَآ أَخۡرَجَ أَبَوَيۡكُم مِّنَ ٱلۡجَنَّةِ يَنزِعُ عَنۡهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوۡءَٰتِهِمَآۚ إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمۡ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ مِنۡ حَيۡثُ لَا تَرَوۡنَهُمۡۗ إِنَّا جَعَلۡنَا ٱلشَّيَٰطِينَ أَوۡلِيَآءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٢٧﴾

وَإِذَا فَعَلُواْ فَٰحِشَةً قَالُواْ وَجَدۡنَا عَلَيۡهَآ ءَابَآءَنَا وَٱللَّهُ أَمَرَنَا بِهَاۗ قُلۡ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَأۡمُرُ بِٱلۡفَحۡشَآءِۖ أَتَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٢٨﴾

قُلۡ أَمَرَ رَبِّي بِٱلۡقِسۡطِۖ وَأَقِيمُواْ وُجُوهَكُمۡ عِندَ كُلِّ مَسۡجِدٖ وَٱدۡعُوهُ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَۚ كَمَا بَدَأَكُمۡ تَعُودُونَ ﴿٢٩﴾

فَرِيقًا هَدَىٰ وَفَرِيقًا حَقَّ عَلَيۡهِمُ ٱلضَّلَٰلَةُۚ إِنَّهُمُ ٱتَّخَذُواْ ٱلشَّيَٰطِينَ أَوۡلِيَآءَ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَيَحۡسَبُونَ أَنَّهُم مُّهۡتَدُونَ ﴿٣٠﴾

"Wahai anak-anak Adam! Janganlah sekali-kali kamu diperdayakan syaitan sebagaimana ia telah memperdaya dan mengeluarkan ibubapa kamu dari Syurga, di mana ia menanggalkan pakaian mereka untuk mendedahkan 'aurat mereka. Sesungguhnya dia dan suku sakatnya melihat kamu dari tempat yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami jadikan syaitan-syaitan itu selaku pemimpin-pemimpin kepada orang-orang yang tidak

beriman (27). Dan apabila mereka melakukan perbuatan yang keji (berbogel ketika tawaf), mereka berkata: 'Kami dapati datuk nenek kami melakukannya dan Allah juga telah menyuruh kami melakukannya. Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya Allah sama sekali tidak pernah menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji. Apakah patut kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya? (28) Katakanlah: Tuhanku menyuruh berlaku adil dan hadapilah wajah kamu kepada Allah setiap kali kamu mengerjakan ibadat dan hendaklah kamu menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya. Sebagaimana Allah telah menciptakan kamu pada permulaan, maka begitulah juga kamu akan kembali kepada-Nya (29). Sebahagian dari kamu diberikan Allah hidayat dan sebahagian yang ditimpakan kesesatan, kerana mereka mengambil syaitan-syaitan sebagai pemimpin-pemimpin mereka selain Allah dan mereka menyangka bahawa mereka mendapat hidayat."(30)

Inilah seruan yang kedua yang ditujukan kepada anak-anak Adam di tempat perhentian sebentar untuk mendengar komentar terhadap kisah penciptaan ibubapa mereka Adam dan Hawa dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di antara keduanya dengan syaitan, iaitu komentar terhadap adegan bogel, di mana kedua-duanya telah terjerumus dalam situasi itu dengan sebab lupa kepada perintah Allah dan mendengar hasutan dan pujuk rayu musuh mereka yang jahat.

Seruan ini dapat difahami dengan huraian kami yang telah lepas mengenai tradisi-tradisi jahiliyah Arab tentang adat berbogel semasa mengerjakan tawaf di Baitullah dengan sangkaan bahawa segala adat dan tradisi yang diamalkan oleh datuk nenek mereka adalah dari perintah dan syari'at Allah.

Seruan yang pertama mengingatkan anak-anak Adam dengan menayangkan pemandangan Adam dan Hawa yang mengalami akibat kerana mendengar hasutan syaitan, di samping mengingatkan mereka kepada ni'mat Allah yang telah menurunkan peraturan pakaian yang menutup 'aurat dan pakaian cantik untuk menghiaskan diri mereka. Sementara seruan yang kedua pula adalah bertujuan untuk mengingatkan manusia umumnya dan kaum Musyrikin yang dihadapi Islam khususnya agar mereka tidak menyerahkan diri mereka kepada syaitan dalam cara-cara hidup, peraturan-peraturan dan tradisi-tradisi yang diikuti mereka agar mereka tidak terjerumus ke dalam tipudaya syaitan sebagaimana yang telah berlaku kepada ibubapa mereka Adam dan Hawa sehingga ia berjaya mengeluarkan mereka dari Syurga dan menanggalkan pakaian mereka untuk mendedahkan 'aurat mereka. Oleh sebab itu perbuatan berbogel yang diamalkan oleh mereka dan oleh setiap jahiliyah dahulu dan sekarang adalah dari angkara tipudaya syaitan. Ia merupakan perbuatan melaksanakan kehendak perancangan musuh ketat mereka syaitan yang berazam menyesatkan Adam dan zuriat keturunannya. Pembogelan diri merupakan sebahagian dari pertarungan yang tidak pernah reda di antara manusia dan syaitan. Oleh sebab itu anak-anak Adam tidak seharusnya membiarkan diri mereka ditipu syaitan atau membiarkan syaitan mencapai kemenangan di dalam perjuangan dan membiarkan syaitan menyumbat mereka ke dalam Neraka di akhir perjalanan hidup mereka.

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ لَا يَفۡتِنَنَّكُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ كَمَآ أَخۡرَجَ أَبَوَيۡكُم مِّنَ ٱلۡجَنَّةِ يَنزِعُ عَنۡهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوۡءَٰتِهِمَآۚ

"Wahai anak-anak Adam! Janganlah sekali-kali kamu diperdayakan syaitan sebagaimana ia telah memperdaya dan mengeluarkan ibubapa kamu dari Syurga, di mana ia menanggalkan pakaian mereka untuk mendedahkan 'aurat mereka."(27)

Syaitan Pemimpin Orang-orang Yang Tidak Beriman

Untuk menambahkan lagi kewaspadaan mereka dan merangsang kebimbangan mereka, Allah menerangkan kepada mereka bahawa syaitan dan suku sakatnya boleh melihat mereka, sedangkan mereka tidak dapat melihatnya. Ini bermakna syaitan lebih mampu menipu dan memperdayakan mereka dengan cara-caranya yang halus dan licin. Oleh sebab itu mereka perlu bersikap lebih hati-hati dan melipat gandakan kehematan dan kesedaran mereka supaya mereka tidak menjadi mangsa kelalaian mereka:

إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمۡ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ مِنۡ حَيۡثُ لَا تَرَوۡنَهُمۡۗ

"Sesungguhnya dia dan suku sakatnya melihat kamu dari tempat yang kamu tidak dapat melihat mereka."(27)

Kemudian ayat ini diakhiri dengan satu pernyataan yang menarik dan membangkitkan rasa waspada iaitu Allah telah merencanakan untuk menjadikan syaitan-syaitan itu sebagai pemimpin-pemimpin kepada orang-orang yang tidak beriman. Alangkah malangnya nasib orang yang menjadikan musuh ketatnya sebagai pemimpinnya. Sudah tentu musuh ketatnya itu akan berusaha menguasainya, memperdayakan dan mengheretnya ke mana sahaja ia suka tanpa mendapat sebarang pertolongan dan sebarang perlindungan dari Allah:

إِنَّا جَعَلۡنَا ٱلشَّيَٰطِينَ أَوۡلِيَآءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٢٧﴾

"Sesungguhnya Kami jadikan syaitan-syaitan itu selaku pemimpin-pemimpin kepada orang-orang yang tidak beriman."(27)

Itulah satu hakikat yang benar... iaitu syaitan bertindak selaku pemimpin kepada orang-orang yang tidak beriman sebagaimana Allah bertindak selaku Pemimpin dan Penaung kepada orang-orang yang beriman. Inilah satu hakikat yang amat berat yang membawa akibat-akibat yang sangat besar. Ia disebut begini secara mutlak. Kemudian Al-Qur'an menghadapi kaum Musyrikin dengan menggunakan hakikat ini sebagai satu realiti. Di sini kita dapat

melihat bagaimana sifat kepimpinan syaitan itu dan bagaimana ia bertindak dan mempengaruhi kefahaman, pemikiran dan kehidupan manusia.

Inilah salah satu dari contohnya:

وَإِذَا فَعَلُوا۟ فَٰحِشَةً قَالُوا۟ وَجَدْنَا عَلَيْهَآ ءَابَآءَنَا وَٱللَّهُ أَمَرَنَا بِهَا

"Dan apabila mereka melakukan perbuatan keji (berbogel ketika tawaf), mereka berkata: 'Kami dapati datuk nenek kami melakukannya dan Allah juga telah menyuruh kami melakukannya.'"(28)

Inilah yang dilakukan dan diumumkan oleh kaum Musyrikin Arab apabila mereka melakukan amalan berbogel semasa mengerjakan tawaf di Baitullah, termasuk kaum perempuan mereka. Mereka mendakwa amalan berbogel itu memang diperintah oleh Allah. Amalan ini dahulunya dilakukan oleh datuk nenek mereka, kemudian menjadi tradisi yang diwarisi mereka dari datuk nenek mereka.

Tetapi walaupun mereka menganut kepercayaan syirik, namun mereka tidak berlagak angkuh seperti orang-orang dizaman-zaman jahiliyah moden yang mencemuhkan agama dengan kata-kata yang sombong: "Apakah ada kaitan agama dengan urusan kehidupan?" Mereka mendakwa mempunyai hak dan kuasa selain dari Allah untuk menciptakan undang-undang dan peraturan, nilai-nilai dan ukuran-ukuran, adat dan tradisi. Kaum Musyrikin Arab hanya melakukan pembohongan, iaitu mereka membuat undang-undang dan peraturan kemudian mendakwa bahawa undang-undang dan peraturan itu dari perintah Allah. Mungkin mereka pengikut jahiliyah moden lebih jahat dan buruk kerana menipu orang-orang yang masih mempunyai saki baki kepercayaan terhadap Allah hingga mereka menyangka peraturan yang palsu itu sebagai peraturan dari Allah, tetapi walau bagaimanapun, namun kaum Musyrikin Arab itu tidaklah seangkuh dan sesombong orang-orang dari jahiliyah moden yang mendakwa mempunyai hak dan kuasa selain dari Allah untuk menggubalkan undang-undang dan peraturan untuk manusia mengikut apa yang difikirkannya lebih sesuai dengan kepentingan mereka.

Allah Tidak Pernah Menyuruh Seseorang Melakukan Kejahatan

Allah S.W.T memerintah Nabi-Nya s.a.w supaya bertindak menolak pembohongan yang diada-adakan mereka terhadap Allah dan menjelaskan tabi'at syari'at Allah yang bencikan segala perbuatan yang keji. Adalah tidak layak bagi Allah menyuruh manusia melakukan perbuatan yang keji:

قُلْ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ ۖ أَتَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya Allah sama sekali tidak pernah menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji. Apakah patut kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya."(28)

Maksudnya, Allah tidak pernah menyuruh manusia melakukan perbuatan yang keji. Erti perkataan "الفاحشة" ialah setiap perbuatan jahat yang melewati batas. Perbuatan berbogel termasuk dalam erti kata "الفاحشة", iaitu satu perbuatan yang tidak pernah disuruh oleh Allah. Bagaimana mungkin Allah menyuruh manusia melakukan perbuatan yang menceroboh undang-undang-Nya? Atau menyuruh manusia melanggar perintah-Nya supaya memakai pakaian yang menutup 'aurat dan supaya mempunyai perasaan malu dan taqwa? Siapakah yang memberitahu mereka bahawa Allah menyuruh begitu? Perintah-perintah dan undang-undang Allah bukanlah dibuat secara dakwaan, malah semua perintah dan undang-undang Allah dirakamkan di dalam kitab-kitab suci yang diturunkan kepada para rasul-Nya dan di sana tidak ada satu sumber yang lain dari kitab-kitab suci-Nya untuk mengetahui perintah dan undang-undang Allah. Tiada siapa pun yang boleh mendakwa sesuatu undang-undang sebagai undang-undang dari Allah kecuali dengan berlandaskan kitab suci Allah dan penyampaian Rasulullah. Ilmu yang diyakini adalah dibuktikan dengan kalam Allah, yang menjadi landasan bagi siapa yang ingin memperkatakan tentang agama Allah. Jika tidak, kekacauan akan berlaku apabila setiap orang itu bebas mengemukakan pendapat-pendapat nafsunya kemudian mendakwakannya sebagai ajaran agama Allah.

Persamaan Jahiliyah Di Setiap Zaman Dan Tempat

Jahiliyah itu tetap jahiliyah. Ia tetap memelihara ciri-ciri aslinya. Setiap kali manusia pulang kembali kepada jahiliyah, mereka melahirkan percakapan yang sama dan mereka dikongkongi oleh kefahaman-kefahaman yang serupa walaupun berjauhan masa dan tempat. Dalam jahiliyah moden yang dihayati kita sekarang ini, tidak berhenti-henti munculnya manusia pembohong yang mendakwa hasil dari pemikiran nafsunya sebagai syari'at Allah, juga tidak berhenti-henti munculnya manusia angkuh dan tidak malu mengingkarkan perintah-perintah dan larangan-larangan agama yang bersandarkan nas-nas yang kukuh. Dia berkata dengan sombong: Agama tidak mungkin jadi begitu, agama tidak menyuruh begini atau agama tidak melarang perkara itu sambil mengeluarkan alasan-alasan dari nafsunya.

"Apakah patut kamu mengatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya."(28)

Setelah mengecam dakwaan mereka yang mengatakan Allah telah menyuruh mereka melakukan perbuatan ini, maka ayat yang berikut menjelaskan kepada mereka bahawa apa yang disuruh Allah adalah kebalikan dari apa yang dilakukan mereka. Allah menyuruh manusia berlaku adil dan saksama

dalam segala perkara bukan bertindak keterlaluan dan melewati batas. Allah menyuruh manusia bersikap jujur dan berdiri teguh di atas syari'at Allah dalam mengerjakan amal ibadat dan melaksanakan syi'ar-syi'ar agama. Begitu juga Allah menyuruh manusia mengambil amalan-amalan mereka dari keterangan-keterangan yang tercatit di dalam kitab suci yang diturunkan kepada Rasul-Nya s.a.w. Allah tidak menjadikan persoalan ini dalam keadaan kucar-kacir, di mana setiap orang boleh bercakap mengikut hawa nafsunya, kemudian mendakwa apa yang dikatakannya itu sebagai kehendak dari Allah dan di samping itu Allah menyuruh manusia menumpukan seluruh keta'atannya kepada Allah sahaja dan menunjukkan 'Ubudiyah yang sempurna kepadanya. Seseorang tidak boleh ta'at kepada seseorang yang lain kerana tubuhnya:

قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ ۖ وَأَقِيمُوا وُجُوهَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ ۚ

"Katakanlah: Tuhanku menyuruh berlaku adil dan hadapilah wajah kamu kepada Allah setiap kali kamu mengerjakan ibadat dan hendaklah kamu menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya."(29)

Inilah perkara-perkara yang diperintahkan Allah. Ia berlawanan dengan apa yang diamalkan mereka dan bertentangan dengan amalan mereka yang mengikut datuk nenek mereka dan mengikut undang-undang dan peraturan yang diciptakan oleh manusia seperti mereka sambil mendakwa bahawa Allah menyuruh mereka mengikut peraturan itu. Ia bertentangan dengan amalan mereka yang bertelanjang dan mendedahkan 'aurat semasa mengelakkan tawaf, sedangkan Allah telah membangkitkan ni'matnya kepada anak-anak Adam bahawa Dia telah menurunkan peraturan memakai pakaian yang menutup 'aurat dan pakaian cantik sebagai perhiasan diri mereka. Ia juga bertentangan dengan amalan syirik yang dilakukan mereka dengan mengikut dua sumber perundangan yang berlainan bagi urusan kehidupan dan urusan ibadat mereka.

Masa Kepulangan Manusia Kepada Allah

Selepas pernyataan ini ayat yang berikut mengemukakan peringatan dan amaran serta menunjukkan dari jauh ke arah hari kepulangan kepada Allah setelah berakhirnya tempoh yang ditentukan kepada mereka untuk menghadapi ujian Allah di dunia ini, juga ke arah pemandangan mereka yang pulang kepada Allah dalam bentuk dua kumpulan, iaitu kumpulan yang mengikut perintah Allah dan kumpulan yang mengikut perintah syaitan:

كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴿٢٩﴾

"Sebagaimana Allah telah menciptakan kamu pada permulaan, maka begitulah juga kamu akan kembali kepada-Nya."(29)

فَرِيقًا هَدَىٰ وَفَرِيقًا حَقَّ عَلَيْهِمُ الضَّلَالَةُ ۗ إِنَّهُمُ اتَّخَذُوا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ اللَّهِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٣٠﴾

"Sebahagian dari kamu diberikan Allah hidayat dan sebahagian yang lain ditimpakan kesesatan, kerana mereka mengambil syaitan-syaitan sebagai pemimpin-pemimpin mereka selain Allah dan mereka menyangka bahawa mereka mendapat hidayat."(30)

Ini adalah satu tangkapan gambar yang menarik, kerana ia dapat mengumpulkan sekaligus titik tolak perjalanan yang agung itu dan titik penghabisannya dan titik pulang di penghabisan:

كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ﴿٢٩﴾

"Sebagaimana Allah telah menciptakan kamu pada permulaan, maka begitulah juga kamu akan kembali kepada-Nya."(29)

Mereka telah memulakan perjalanan dalam dua kumpulan: Kumpulan Adam dan isterinya dan kumpulan syaitan dan suku sakatnya. Begitu juga mereka akan kembali dalam dua kumpulan: Kumpulan yang ta'at akan kembali bersama ibubapa mereka Adam dan Hawa iaitu kumpulan Muslimin yang beriman kepada Allah dan menjunjung perintah Allah dan kumpulan penderhaka akan kembali bersama syaitan dan suku sakatnya. Allah akan penuhkan Neraka dengan kumpulan ini kerana mereka saling bersetia kawan dengan Iblis dan di samping itu mereka menyangka bahawa merekalah kumpulan yang mendapat hidayat.

Allah memberi hidayat kepada mereka yang memberi keta'atan kepada-Nya dan menyesatkan mereka yang memberi kesetiaan kepada syaitan. Kini kedua-dua kumpulan itu kembali kepada Allah:

فَرِيقًا هَدَىٰ وَفَرِيقًا حَقَّ عَلَيْهِمُ الضَّلَالَةُ ۗ إِنَّهُمُ اتَّخَذُوا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ مِن دُونِ اللَّهِ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُم مُّهْتَدُونَ ﴿٣٠﴾

"Sebahagian dari kamu diberikan Allah hidayat dan sebahagian yang lain ditimpakan kesesatan, kerana mereka mengambil syaitan-syaitan sebagai pemimpin-pemimpin mereka selain Allah dan mereka menyangka bahawa mereka mendapat hidayat."(30)

Kini mereka pulang dalam satu detik yang sekaligus mengumpulkan permulaan dan penghabisan perjalanan mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang tidak terdapat dalam uslub yang lain darinya.

* * * * * *

Hubungan Tradisi-tradisi Jahiliyah Dengan Syirik

Di tempat perhentian ini juga diulangkan seruan yang ditujukan kepada anak-anak Adam sebelum menyambung perjalanan yang amat jauh di jalan yang telah ditentukan itu:

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾ قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ ۚ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian-pakaian kamu yang cantik setiap kali kamu memasuki masjid (untuk mengerjakan ibadat). Dan makan dan minumlah (sesuka kamu) tetapi janganlah kamu melampau, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai pelampau-pelampau (31). Katakanlah: Siapakah yang mengharamkan pakaian-pakaian cantik dari ciptaan Allah yang dikeluarkan untuk para hamba-Nya dan (siapakah yang mengharamkan) rezeki-rezeki yang baik? Katakanlah: Semua ni'mat itu adalah disediakan Allah untuk orang-orang yang beriman (dan orang-orang yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia, tetapi ni'mat-ni'mat itu disediakan khusus untuk orang-orang yang beriman sahaja pada hari Qiamat. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami secara terperinci kepada golongan yang mengetahui (32). Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji sahaja sama ada yang lahir dan yang batin, juga perbuatan menceroboh tanpa alasan yang benar dan perbuatan kamu mempersekutui Allah dengan segala sesuatu yang tidak pernah diturunkan Allah sebarang hujah (yang membenarkannya) dan perbuatan kamu mengata-ngatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya."(33)

Ayat-ayat ini merupakan keterangan-keterangan sokongan untuk menjelaskan hakikat-hakikat asasi 'aqidah Islam dalam menghadapi realiti kaum Musyrikin Arab yang berada di dalam jahiliyah, juga dalam menghadapi kisah penciptaan manusia yang agung. Seruan itu dibuat dalam bentuk seruan yang ditujukan kepada anak-anak Adam seluruhnya.

Yang paling jelas dari hakikat-hakikat ini ialah wujudnya pertalian di antara perbuatan mereka yang mengharamkan rezeki-rezeki yang baik yang dikeluarkan Allah kepada para hamba-Nya tanpa keizinan dan penguatkuasaan dari Allah, dengan amalan syirik yang menjadi sifat orang yang melakukan pengharaman itu dan mengata-ngatakan terhadap Allah sesuatu yang tidak diketahui mereka di samping membuat dakwaan-dakwaan yang palsu.

Allah menyeru mereka supaya menghiaskan diri mereka dengan pakaian-pakaian yang diturunkan Allah kepada mereka ketika hendak mengerjakan sesuatu ibadat dan di antaranya ialah ibadat tawaf yang dikerjakan mereka dengan keadaan bogel. Mereka telah mengharamkan memakai pakaian ketika mengerjakan tawaf, sedangkan Allah tidak pernah mengharamkannya, malah pakaian itu merupakan ni'mat Allah yang dikurniakan kepada para hamba-Nya. Mereka sewajarnya menyembah Allah dengan menjunjung perintah memakai pakaian yang diturunkan kepada mereka bukan menanggalkan pakaian dan berbogel:

يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang cantik setiap kali kamu memasuki masjid (untuk mengerjakan ibadat)."(31)

Di samping itu juga Allah menyeru mereka supaya meni'mati makanan dan minuman yang baik tanpa berlebihlebihan dan melampau:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

"Dan makan dan minumlah (sesuka kamu) tetapi janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai pelampau-pelampau."(31)

Menurut riwayat, di zaman itu terdapat perbuatan mengharamkan makanan-makanan tertentu di samping perbuatan mengharamkan memakai pakaian dan pengharaman ini adalah dari rekaan kaum Quraysy.

Tersebut di dalam Sahih Muslim daripada Hisyam daripada 'Urwah daripada bapanya katanya: "Semua orang-orang Arab mengerjakan tawaf dengan keadaan bogel kecuali kaum Hums, iaitu kaum Quraysy dan keturunannya. Mereka mengerjakan tawaf dengan bertelanjang kecuali mereka yang diberikan pakaian oleh kaum Hums, iaitu yang lelaki memberi pakaian mereka kepada lelaki dan yang perempuan memberi pakaian mereka kepada perempuan. Kaum Hums tidak keluar dari kawasan Muzdalifah dan orang-orang Arab yang lain sampai di 'Arafah. Kata kaum Hums: 'Kami penduduk al-Haram. Oleh sebab itu tidak harus bagi seorang Arab mengelakkan tawaf kecuali dengan memakai pakaian kami, dan apabila dia masuk ke negeri kami ia tidak seharusnya makan kecuali makanan kami." Oleh sebab itu mana-mana orang Arab yang tidak mempunyai sahabat di Makkah yang dapat meminjamkan pakaian kepadanya, maka ia boleh memilih salah satu dari dua pilihan ini iaitu mengerjakan tawaf dengan bertelanjang atau

mengerjakan tawaf dengan memakai pakaiannya sendiri tetapi dengan syarat apabila ia selesai mengerjakan tawafnya, hendaklah ia membuangkan pakaian itu dan tiada siapa yang boleh mengambilnya dan pakaian itu dipanggil 'pakaian buangan.'"

Tersebut di dalam tafsir al-Qurtubi yang bernama "الجامع لاحكام القرآن":

Menurut cerita, orang-orang Arab dalam jahiliyah tidak makan makanan yang berlemak pada hari-hari mereka mengerjakan ibadat haji. Mereka berpada dengan makan sedikit dan mereka mengerjakan tawaf dengan bertelanjang lalu diturunkan ayat berikut kepada mereka:

خُذُوا۟ زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟

"Pakailah pakaian-pakaian kamu yang cantik setiap kali kamu memasuki masjid (untuk mengerjakan ibadat) dan makan dan minumlah (sesuka kamu) tetapi janganlah kamu melampaui batas."(31)

Yakni janganlah kamu melampaui batas hingga mengharamkan makanan yang tidak diharamkan kepada kamu.

Maksud dari perbuatan melampau ialah melakukan sesuatu dengan melewati batas atau mengharamkan sesuatu yang halal. Kedua-duanya dikira melampau batas belaka mengikut perhitungan masing-masing.

Ni'mat-ni'mat Yang Baik Disediakan Untuk Para Mu'minin Di Dunia Dan Di Akhirat

Al-Qur'an tidak berhenti setakat menyeru mereka memakai pakaian-pakaian yang baik pada setiap kali memasuki masjid untuk mengelakkan ibadat, malah mengecam perbuatan mereka mengharamkan pakaian dan rezeki yang baik yang telah dikeluarkan Allah kepada para hamba-Nya. Memanglah satu perbuatan yang keji jika seorang itu mengharamkan – dengan menggunakan fikirannya – sesuatu yang telah dicipta dan dihalalkan Allah kepada mereka sama ada berupa pakaian, hiasan atau rezeki-rezeki yang baik, kerana hukum haram dan halal mengenai sesuatu itu pastilah ditentukan oleh syari'at dari Allah:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِىٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ

"Katakanlah: Siapakah yang mengharamkan hiasan-hiasan yang cantik dari ciptaan Allah yang dikeluarkan untuk para hamba-Nya dan mengharamkan rezeki-rezeki yang baik?"(32)

Kemudian kecaman itu diiringi dengan penjelasan bahawa pakaian-pakaian yang cantik dan rezeki-rezeki yang baik itu adalah diperuntukkan Allah kepada orang-orang yang beriman kerana mereka beriman kepada Allah yang menciptakan pakaian dan rezeki itu walaupun orang-orang yang lain dari mereka (golongan yang tidak beriman) juga turut meni'mati ni'mat-ni'mat itu di dunia ini, tetapi di Akhirat kelak ni'mat-ni'mat yang seperti itu hanya diperuntukkan khusus kepada mereka sahaja dan tidak lagi disyarikati oleh orang-orang yang tidak beriman:

قُلْ هِىَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ

"Katakanlah: Semua ni'mat itu adalah disediakan Allah untuk orang-orang yang beriman (dan orang yang tidak beriman) di dalam kehidupan dunia dan khususnya disediakan untuk orang-orang yang beriman sahaja pada hari Qiamat."(32)

كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

"Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami secara terperinci kepada golongan yang mengetahui."(32)

Perkara-perkara Sebenar Yang Diharamkan Allah

Hanya orang-orang yang mengetahui hakikat agama ini sahaja yang dapat mengambil manfa'at dari penjelasan ini.

Perkara-perkara yang sebenar yang diharamkan Allah bukannya pakaian yang sederhana dan bukan pula makanan dan minuman yang sederhana, malah yang diharamkan Allah ialah perbuatan-perbuatan keji yang menjadi amalan mereka.

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّىَ ٱلْفَوَٰحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَٱلْإِثْمَ وَٱلْبَغْىَ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَأَن تُشْرِكُوا۟ بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ سُلْطَٰنًا وَأَن تَقُولُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji sahaja sama ada yang lahir dan yang batin, juga perbuatan menceroboh tanpa alasan yang benar dan perbuatan kamu mempersekutui Allah dengan segala sesuatu yang tidak pernah diturunkan Allah sebarang hujah (yang membenarkannya) dan perbuatan kamu mengata-ngatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya."(33)

Maksudnya, yang diharamkan Allah ialah perbuatan-perbuatan yang keji yang melewati batas-batas Allah sama ada perbuatan itu dapat di lihat manusia atau tersembunyi, dan perbuatan-perbuatan yang berdosa iaitu secara umumnya ialah perbuatan-perbuatan yang melanggar perintah Allah, juga perbuatan menceroboh tanpa hak yang benar, iaitu tiap-tiap perbuatan yang melanggar hak dan keadilan – sebagaimana yang diterangkan Allah – juga perbuatan mempersekutukan Allah dengan segala sesuatu yang Allah tidak pernah memberi sebarang kuasa dan keizinan. Di antara amalan syirik yangmenjadi realiti dalam masyarakat jahiliyah Arab khususnya dan masyarakat-masyarakat jahiliyah yang

lain umumnya ialah menerima pihak-pihak yang lain dari Allah menciptakan undang-undang dan peraturan hidup untuk mereka dan mempraktikkan hak-hak istimewa Uluhiyah, juga melakukan pembohongan-pembohongan terhadap Allah mengenai sesuatu yang tidak diketahui mereka seperti perbuatan mereka yang menghalal dan mengharamkan sesuatu kemudian mereka mendakwakannya sebagai perintah dari Allah tanpa berasaskan ilmu dan keyakinan.

Di antara cerita yang menarik tentang keadaan kaum Musyrikin yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka dan dikecam di dalam ayat (32) tadi ialah cerita yang dikemukakan oleh al-Kalbi katanya:

"Apabila orang-orang Islam memakai pakaian semasa mengerjakan ibadat tawaf di Baitullah, maka orang-orang Musyrikin telah mencela dan mengecam mereka lalu Allah menurunkan ayat (32) itu."

Lihatlah bagaimana hebatnya kefahaman jahiliyah mempengaruhi kaum Musyrikin Arab. Mereka tergamak mengerjakan ibadat tawaf dengan bertelanjang. Fitrah semulajadi mereka telah rosak dan menyeleweng dari fitrah yang sihat sebagaimana Allah menggambarkan fitrah Adamdan Hawa yang merasa begitu malu ketika terdedah 'aurat mereka di dalam ayat (22) yang lepas. Mereka mencela dan mencemuh kaum Muslimin yang mengerjakan ibadat tawaf dengan memakai pakaian yang menutup 'aurat, sedangkan pakaian itu merupakan ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia, kerana Allah mahu menjadikan manusia makhluk yang terhormat dan berpakaian kemas yang melindungi 'aurat mereka, juga supaya ciri-ciri fitrah insaniyah mereka berkembang subur dengan selamat dan seterusnya supaya makhluk manusia berbeza dari haiwan yang telanjang dan bogel baik dari segi jasmani mahupun dari segi rohani. Apabila mereka melihat orang-orang Islam bertawaf di Baitullah dengan memakai pakaian yang disyari'atkan Allah mengikut fitrah yang diciptakan Allah, mereka terus mencela orang-orang Islam itu.

Demikianlah pengaruh jahiliyah terhadap pemikiran manusia. Ia merosakkan fitrah, adirasa, kefahaman, nilai-nilai dan neraca pertimbangan mereka. Pengaruh jahiliyah masa kini terhadap pemikiran manusia sama dengan pengaruh jahiliyah kaum Musyrikin Greek, sama dengan pengaruh jahiliyah kaum Musyrikin Roman, sama dengan pengaruh jahiliyah kaum Musyrikin Parsi, malah sama dengan pengaruh jahiliyah kaum-kaum Musyrikin lain di setiap zaman dan tempat.

Pengaruh jahiliyah zaman kini juga membawa manusia ke arah mendedah dan membogelkan tubuh badan manusia dari pakaian, membogelkan jiwa mereka dari perasaan taqwa dan malu, kemudian mereka mendakwa bahawa budaya mendedahkan 'aurat itu sebagai budaya kemajuan, budaya hadharah dan budaya pembaharuan, sedangkan wanita kaum Muslimin yang berpakaian kemas yang menutup 'aurat dan bersopan santun dicemuh dan dicap sebagai wanita kolot, wanita-wanita tradisional dan wanita-wanita kampungan! Pemesongan tetap pemesongan, penyelewengan dari fitrah tetap penyelewengan, keterbalikan ukuran tetap keterbalikan, keangkuhan tetap keangkuhan. Apakah ini sifat-sifat jahiliyah yang saling diwarisi mereka dari satu generasi ke satu generasi? Sebenarnya pendukung jahiliyah adalah golongan manusia yang pelampau dan zalim.

Begitu juga apakah bezanya perbuatan berbogel, menyeleweng dari fitrahnya, berkelakuan seperti binatang dan berlagak angkuh itu dengan perbuatan syirik dan dengan orang-orang yang berlagak sebagai tuhan yang lain dari Allah yang mengadakan undang-undang dan peraturan untuk mengendalikan kehidupan manusia?

Tuhan-tuhan Fesyen Dan Solekan Badan

Jika kaum Musyrikin Arab menerima budaya telanjang dari orang yang berlagak sebagai tuhan-tuhan di bumi yang mengeksploitasikan kejahilan mereka dan memperbodohkan akal fikiran mereka untuk menjaga hak ketuanan mereka di Semenanjung Tanah Arab, dan jika kaum-kaum Musyrikin di dalam jahiliyah-jahiliyah zaman lama menerima ajaran-ajaran yang karut dari para kahin, penjaga-penjaga rumah kuil dan pembesar-pembesar mereka, maka kaum Musyrikin lelaki dan perempuan pada hari ini juga menerima ajaran-ajaran yang karut dari orang-orang yang berlagak sebagai tuhan di bumi yang tidak dapat ditolak oleh mereka.

Gedung-gedung fesyen, pereka-pereka fesyen, pakar-pakar solek dan kedai-kedai solek merupakan tuhan-tuhan yang berada di sebalik kegilaan fesyen dan solekan tubuh yang berlebih-lebihan hingga menyebabkan kaum wanita dan kaum lelaki di dalam jahiliyah moden pada hari ini berada dalam keadaan tidak sedarkan diri. Tuhan-tuhan fesyen dan solekan badan inilah yang mengeluarkan dekri-dekri dan perintah-perintah mengamalkan budaya mendedahkan tubuh seperti haiwan yang dipatuhi sepenuhnya oleh mereka. Tuhan-tuhan fesyen dan solekan badan inilah yang menentukan sama ada fesyen-fesyen pakaian baru tahun ini sesuai dengan susuk badan wanita atau tidak, dan sama ada petua-petua solekan badan itu sesuai atau tidak sesuai dengan mereka. Semuanya itu akan diikuti kaum wanita dengan penuh kepatuhan, jika tidak, mereka akan dicemuh dan dipandang tidak kemaskini oleh sektor wanita-wanita budaya hayawani yang patuh kepada fesyen-fesyen yang baru itu. Siapakah yang berada di sebalik gedung-gedung fesyen, kedai-kedai solek? Siapakah yang berada di belakang kegilaan berpakaian yang mendedahkan 'aurat dan di belakang filem-filem, gambar-gambar, novel-novel, cerita-cerita, majalah-majalah dan akhbar-akhbar yang memperjuangkan budaya lucah dan mendedahkan tubuh badan sehingga setengahnya menjangkau ke tahap menjadi wadah-wadah pelacuran yang bergerak.

Siapakah yang berada di belakang kegiatan-kegiatan ini semua? Dalang yang berada di sebalik kegiatan ini ialah kaum Yahudi. Itulah kegiatan kaum Yahudi yang berlagak sebagai tuhan ke atas keperluan kaum wanita yang begitu lemah seolah-olah kumpulan haiwan yang tidak dapat mengawal diri. Mereka telah berjaya mencapai matlamat-matlamat mereka melalui kegiatan melepaskan arus kegilaan dan keghairahan mendedah 'aurat di serata tempat di dunia. Itulah matlamat perjuangan mereka untuk melalaikan seluruh dunia dengan aktiviti-aktiviti gila-gilaan itu dan menabur bibit-bibit keruntuhan jiwa dan akhlak di sebaliknya, dan seterusnya untuk merosakkan fitrah manusia dan menjadikan bahan mainan pereka-pereka fesyen dan alat-alat solek, malah sekaligus itu juga mereka berjaya mencapai matlamat-matlamat kemajuan ekonomi mereka melalui pembelanjaan para pengguna yang berlebihan membeli kain-kain, alat-alat solek dan melalui berbagai-bagai industri yang hidup dan subur dengan kegilaan dan keghairahan terhadap fesyen dan solekan ini.

Persoalan pakaian tidak terasing dari peraturan dan sistem hidup yang diatur oleh Allah, oleh sebab itu ayatayat yang dikemukakan di sini menghubungkan di antara persoalan ini dengan persoalan iman dan syirik. Ia mempunyai kaitan dengan syari'at dan dengan sebab-sebab berikut:

Pertama, ia berkait rapat dengan konsep Rububiyah dan penentuan pihak yang berwenang mengadakan peraturan-peraturan tertentu bagi manusia dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan pakaian yang membawa kesan yang mendalam kepada akhlak, ekonomi dan kepada berbagai-bagai bidang kehidupan. Ia mempunyai kaitan rapat dengan strategi menonjolkan ciri-ciri insaniyah pada makhluk manusia dan mendominasikan sifat insan di atas sifat haiwan.

Jahiliyah memesong dan menyelewengkan kefahaman, pemikiran-pemikiran, adirasa, nilai-nilai dan akhlak manusia kerana ia memandang pendedahan 'aurat secara haiwan itu sebagai suatu tanda kemajuan, dan memandang budaya berpakaian kemas yang menutup 'aurat yang menjadi fitrah semulajadi manusia sebagai tanda kemunduran dan kekolotan. Inilah kemuncak pemesongan terhadap fitrah dan ciri insaniyah manusia.

Dalam kalangan kita terdapat golongan yang bermentaliti jahiliyah yang menonjolkan pertanyaan: Apa hubungan agama dengan pakaian? Apa kaitan agama dengan pakaian perempuan? Apa kaitan agama dengan solekan? itulah pemesongan fitrah yang menimpa golongan manusia yang dipengaruhi jahiliyah di setiap zaman dan tempat.

Oleh sebab persoalan pakaian yang pada lahirnya di lihat sebagai persoalan kecil, sedangkan yang sebenar ia merupakan satu persoalan yang amat penting di dalam neraca pertimbangan Allah dan di dalam perhitungan Islam kerana hubungkaitnya yang rapat dengan persoalan tauhid dan syirik. Dan yang kedua kerana hubungkaitnya yang rapat dengan kebaikan fitrah insan, kebaikan akhlak, kebaikan asyarakatnya dan kebaikan kehidupannya atau dengan kerosakan segala-galanya itu, maka ayat yang berikut mengulas persoalan ini dengan suatu pernyataan yang kuat dan berkesan yang biasanya dikemukakan di dalam perbincangan-perbincangan mengenai persoalan-persoalan 'aqidah yang besar, ia mengulas dengan memberi peringatan kepada anak-anak Adam bahawa masa hidup mereka di muka bumi ini adalah terhad dan ditentukan dengan tempoh yang terbatas, di mana jika tempoh yang ditentukan itu telah matang, maka ia tidak boleh dipercepat atau ditundakan walau sesa'at pun:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ ۖ فَإِذَا جَاءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾

"Setiap umat ditentukan ajal mereka masing-masing. Oleh sebab itu apabila tiba ajal mereka, mereka tidak dapat menundakannya dan tidak pula dapat mendahulukannya."(34)

Itulah salah satu hakikat pokok dari hakikat-hakikat 'aqidah Islamiyah yang dikemukakan oleh ayat ini untuk menggerakkan hati manusia yang lalai dan tidak bersyukur supaya sedar dan tidak tertipu dengan kelanjutan usia mereka.

Tempoh atau ajal yang ditentukan itu ialah sama ada ajal seseorang manusia yang diputuskan hayatnya dengan kematian yang dikenali umum atau ajal setiap umat dari umat-umat manusia, iaitu tempoh kekuasaan, kekuatan dan pemerintahan mereka yang ditentukan Allah kepada mereka. Kedua-dua ajal ini (ajal individu dan ajal umat) adalah tempoh yang terbatas kepada mereka yang tidak boleh dipercepatkan dan tidak boleh ditundakan walau sebentar sekali pun.

* * * * * *

Persamaan Methodologi Di Dalam Surah Al-A'raf Dan Surah Al-An'am

Sebelum kami tinggalkan pusingan ini eloklah kami rakamkan titik-titik keserupaan yang menarik dalam methodologi Al-Qur'an ketika menghadapi jahiliyah dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan binatang-binatang sembelihan, nazar-nazar dan hukum-hukum halal dan haramnya yang disebut dalam Surah Al-An'am, dan ketika ia menghadapi jahiliyah dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan pakaian dan makanan yang dibicarakan dalam surah ini.

Mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan sembelihan dan nazar yang melibatkan binatang-binatang ternakan dan buah-buahan, Al-

Qur'an memulakan pembicaraannya dengan menceritakan tradisi-tradisi yang diamalkan oleh orang-orang Arab dalam jahiliyah dan dakwaan mereka yang palsu terhadap Allah bahawa tradisi-tradisi itu adalah dari peraturan-peraturan yang disyari'atkan Allah, kemudian Al-Qur'an mencabar mereka mengemukakan dalil-dalil yang menjadi sandaran mereka yang menunjukkan bahawa Allah telah mengharamkan apa yang diharamkan mereka dan menghalalkan apa yang dihalalkan mereka:

أَمْ كُنتُمْ شُهَدَآءَ إِذْ وَصَّىٰكُمُ ٱللَّهُ بِهَٰذَا ۚ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا لِّيُضِلَّ ٱلنَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٤﴾

"Atau apakah kamu hadir ketika Allah menyampaikan perintah pengharaman ini kepada kamu. Siapakah yang lebih zalim dari orang yang melakukan pembohongan terhadap Allah untuk menyesatkan manusia tanpa berlandaskan ilmu pengetahuan. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada kaum yang zalim."

(Surah Al-An'am : 144)

Kemudian Al-Qur'an mengecam perbuatan mereka yang cuba melepaskan diri dengan merujukkan persoalan ini kepada kehendak keputusan dan perintah Allah, iaitu dengan mengatakan bahawa Allah menyuruh mereka melakukan perbuatan syirik ini dalam bentuk menjalankan kuasa Hakimiyah yang menjadi ciri Uluhiyah. (Firman Allah dalam Surah Al-An'am):

سَيَقُولُ ٱلَّذِينَ أَشْرَكُوا۟ لَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَآ أَشْرَكْنَا وَلَآ ءَابَآؤُنَا وَلَا حَرَّمْنَا مِن شَىْءٍ ۚ كَذَٰلِكَ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ حَتَّىٰ ذَاقُوا۟ بَأْسَنَا ۗ قُلْ هَلْ عِندَكُم مِّنْ عِلْمٍ فَتُخْرِجُوهُ لَنَآ ۖ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ أَنتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ ﴿١٤٨﴾ قُلْ فَلِلَّهِ ٱلْحُجَّةُ ٱلْبَٰلِغَةُ ۖ فَلَوْ شَآءَ لَهَدَىٰكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٤٩﴾ قُلْ هَلُمَّ شُهَدَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ ٱللَّهَ حَرَّمَ هَٰذَا ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَلَا تَشْهَدْ مَعَهُمْ ۚ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ وَهُم بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١٥٠﴾

"Orang-orang yang mempersekutukan Allah akan berkata: Jika Allah kehendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukan-Nya dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu apa pun. Demikian juga orang-orang yang sebelum mereka telah berdusta sehingga mereka telah pun mengecapi 'azab keseksaan Kami. Katakanlah kepada mereka: Adakah kamu mempunyai ilmu pengetahuan hingga kamu sanggup mengeluarkan (buktinya) kepada Kami? Sebenarnya kamu tidak mengikut kecuali hanya sangkaan sahaja dan kamu sebenarnya tidak mengemukakan apa-apa kecuali berbohong sahaja (148). Katakanlah: Allah mempunyai hujah yang kuat dan jelas. Jika Allah kehendaki tentulah Dia memberi hidayat kepada kamu sekalian (149). Katakanlah (kepada mereka): Bawalah saksi-saksi kamu yang mengaku menyaksi sendiri bahawa Allah telah mengharamkan makanan-makanan yang diharamkan kamu ini dan jika mereka tampil memberi kesaksian (secara dusta) maka janganlah engkau turut memberi kesaksian bersama mereka (membenarkan kesaksian mereka) dan janganlah engkau ikut hawa nafsu orang-orang yang tidak beriman kepada hari Qiamat dan mereka pula menyamakan Tuhan dengan makhluk.(150)

(Surah Al-An'am : 148 – 150)

Dan setelah selesai menyangkal dakwaan mereka yang dusta dan salah itu, Allah tujukan firman-Nya kepada mereka: Marilah! Aku hendak menjelaskan kepada kamu perkara yang sebenar yang diharamkan Allah kepada kamu dan perkara yang sebenar yang diperintahkan Allah kepada kamu melalui satu-satunya sumber yang betul dan muktamad mengenai persoalan ini, iaitu persoalan yang tidak boleh diambil keterangan dari sumber yang lain darinya:

قُلْ تَعَالَوْا۟ أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ ۖ أَلَّا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا ۖ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَٰنًا ۖ وَلَا تَقْتُلُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُم مِّنْ إِمْلَٰقٍ ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ ۖ وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلْفَوَٰحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ۖ وَلَا تَقْتُلُوا۟ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾

"Katakanlah (kepada mereka): Marilah aku bacakan kepada kamu, iaitu janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun. Dan hendaklah kamu memberi layanan yang baik kepada dua ibubapa. Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan, kerana Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka, dan janganlah kamu menghampiri perbuatan-perbuatan yang keji baik yang zahir mahupun yang batin, dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan suatu sebab yang benar. Itulah perkara-perkara yang telah diperintahkan Allah kepada kamu supaya kamu memahaminya..."

(Surah Al-An'am : 151)

dan ayat selanjutnya.

Di dalam surah ini juga Al-Qur'an menggunakan cara yang sama dan langkah-langkah yang serupa, iaitu mula-mula ia menyebut perbuatan mereka yang keji iaitu perbuatan berbogel ketika mengelakkan ibadat tawaf dan perbuatan syirik dalam bentuk menjalankan kuasa Hakimiyah yang menghalal dan mengharamkan pakaian dan makanan, di samping mengingatkan mereka terhadap tragedi bogel atau terdedah 'aurat yang dialami oleh ibubapa mereka dalam Syurga kerana terpengaruh kepada hasutan dan tipu daya syaitan, juga mengingatkan mereka terhadap ni'mat Allah yang telah menurunkan peraturan memakai pakaian dan hiasan-hiasan yang cantik. Kemudian ia mengecam dakwaan mereka yang mengatakan bahawa peraturan haram dan halal yang ditetapkan mereka itu adalah peraturan yang diperintah dan disyari'atkan Allah:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ ٱللَّهِ ٱلَّتِىٓ أَخْرَجَ لِعِبَادِهِۦ وَٱلطَّيِّبَٰتِ مِنَ ٱلرِّزْقِ ۚ قُلْ هِىَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۗ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

"Katakanlah: Siapakah yang mengharamkan pakaian-pakaian cantik dari ciptaan Allah yang dikeluarkan untuk para hamba-Nya dan (siapakah yang mengharamkan) rezeki-rezeki yang baik? Katakanlah: Semua ni'mat itu adalah disediakan Allah untuk orang-orang yang beriman (dan orang-orang yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia tetapi ni'mat-ni'mat itu disediakan khusus untuk orang-orang yang beriman sahaja pada hari Qiamat. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami secara terperinci kepada golongan yang mengetahui."(32)

Di sini Allah menunjukkan (bahawa penjelasan Al-Qur'an) adalah berlandaskan ilmu diyakini kebenarannya bukan berlandaskan sangkaan dan andaian yang mereka jadikannya sebagai asas untuk menegakkan agama mereka dan syi'arnya, ibadat-ibadat dan peraturan-peraturan hidup mereka. Dan setelah selesai menyangkal dakwaan-dakwaan mereka yang palsu terhadap peraturan-peraturan yang diamalkan mereka, Al-Qur'an kembali pula untuk menjelaskan perkara-perkara yang sebenar yang diharamkan Allah:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّىَ ٱلْفَوَٰحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَٱلْإِثْمَ وَٱلْبَغْىَ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَأَن تُشْرِكُوا۟ بِٱللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِۦ سُلْطَٰنًا وَأَن تَقُولُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji sahaja sama ada yang lahir dan yang batin, juga perbuatan menceroboh tanpa hak yang benar dan perbuatan kamu mempersekutui Allah dengan segala sesuatu yang tidak pernah diturunkan Allah sebarang hujah (yang membenarkannya) dan perbuatan kamu mengata-ngatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya"(33)

sebagaimana ia menjelaskan kepada mereka sebelum ini perkara yang sebenar yang diperintahkan Allah mengenai pakaian dan makanan bukan seperti apa yang didakwakan mereka yang dihubungkan kepada Allah itu:

يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ خُذُوا۟ زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian-pakaian kamu yang cantik setiap kali kamu memasuki masjid (untuk mengerjakan ibadat). Dan makan dan minumlah (sesuka kamu) tetapi janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai pelampau-pelampau."(31)

Kedua-dua cara menghadapi jahiliyah itu telah menghubungkan seluruh persoalan itu dengan persoalan iman dan syirik, kerana persoalan ini pada prinsipnya ialah persoalan kuasa Hakimiyah dan siapakah yang wajar melaksanakan kuasa itu dalam kehidupan manusia, juga ia merupakan persoalan 'Ubudiyah manusia dan kepada siapakah 'Ubudiyah itu harus ditumpukan? Itulah persoalan yang sama. Cara-cara dan langkah-langkah pengolahannya juga sama, Sadaqallahu al-'Azim (amatlah benar Allah Yang Maha Agung):

وَلَوْ كَانَ مِنْ عِندِ غَيْرِ ٱللَّهِ لَوَجَدُوا۟ فِيهِ ٱخْتِلَٰفًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

"Dan seandainya Al-Qur'an itu datang dari yang lain dari Allah nescaya mereka akan dapati banyak percanggahan."

(Surah an-Nisa': 82)

Kesatuan atau persamaan methodologi pengolahan nampak jelas ditekankan oleh Al-Qur'an dan lebih nyata ditonjolkan apabila kita mengkaji tabi'at Surah al-An'am dan tabi'at Surah al-A'raf serta dua bidang pembicaraan yang berlainan yang mengolahkan persoalan 'aqidah. Kelainan bidang pembicaraan tidak menghalangkan penggunaan methodologi pengolahan yang sama untuk menghadapi jahiliyah di dalam persoalan-persoalan yang asasi. Maha Suci Allah yang menurunkan Al-Qur'an ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 53)

يَٰبَنِىٓ ءَادَمَ إِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ ءَايَٰتِى ۙ فَمَنِ ٱتَّقَىٰ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٥﴾

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱسْتَكْبَرُوا۟ عَنْهَآ أُو۟لَٰٓئِكَ

أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٣٦﴾

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِآيَاتِهِ ۚ أُولَٰئِكَ يَنَالُهُمْ نَصِيبُهُمْ مِنَ الْكِتَابِ ۖ حَتَّىٰ إِذَا جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا يَتَوَفَّوْنَهُمْ قَالُوا أَيْنَ مَا كُنْتُمْ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ ۖ قَالُوا ضَلُّوا عَنَّا وَشَهِدُوا عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿٣٧﴾

قَالَ ادْخُلُوا فِي أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ فِي النَّارِ ۖ كُلَّمَا دَخَلَتْ أُمَّةٌ لَعَنَتْ أُخْتَهَا ۖ حَتَّىٰ إِذَا ادَّارَكُوا فِيهَا جَمِيعًا قَالَتْ أُخْرَاهُمْ لِأُولَاهُمْ رَبَّنَا هَٰؤُلَاءِ أَضَلُّونَا فَآتِهِمْ عَذَابًا ضِعْفًا مِنَ النَّارِ ۖ قَالَ لِكُلٍّ ضِعْفٌ وَلَٰكِنْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾

وَقَالَتْ أُولَاهُمْ لِأُخْرَاهُمْ فَمَا كَانَ لَكُمْ عَلَيْنَا مِنْ فَضْلٍ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٣٩﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَاسْتَكْبَرُوا عَنْهَا لَا تُفَتَّحُ لَهُمْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَلَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّىٰ يَلِجَ الْجَمَلُ فِي سَمِّ الْخِيَاطِ ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُجْرِمِينَ ﴿٤٠﴾

لَهُمْ مِنْ جَهَنَّمَ مِهَادٌ وَمِنْ فَوْقِهِمْ غَوَاشٍ ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِي الظَّالِمِينَ ﴿٤١﴾

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٤٢﴾

وَنَزَعْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِنْ غِلٍّ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ ۖ وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ ۖ لَقَدْ جَاءَتْ رُسُلُ رَبِّنَا بِالْحَقِّ ۖ وَنُودُوا أَنْ تِلْكُمُ الْجَنَّةُ أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

وَنَادَىٰ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابَ النَّارِ أَنْ قَدْ وَجَدْنَا مَا وَعَدَنَا رَبُّنَا حَقًّا فَهَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا ۖ قَالُوا نَعَمْ ۚ فَأَذَّنَ مُؤَذِّنٌ بَيْنَهُمْ أَنْ لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ ﴿٤٤﴾

"Wahai anak-anak Adam! Jika datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu menceritakan ayat-ayat-Ku kepada kamu, maka barang siapa yang bertaqwa dan mengislahkan dirinya, maka tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita (35). Dan adapun orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan bersikap angkuh terhadapnya, maka merekalah penghuni-penghuni Neraka yang kekal abadi di dalamnya (36). Siapakah yang lebih zalim dari mereka yang mengada-ngadakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayat-Nya? Mereka akan menerima habuan mereka yang telah ditetapkan Allah di dalam kitab (Luh Mahfuz) hingga apabila datang kepada mereka malaikat-malaikat utusan Kami untuk mengambil nyawa mereka dan bertanya kepada mereka: Di manakah tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah? Jawab mereka: 'Tuhan-tuhan itu telah hilang lenyap dari kami' dan mereka sendiri mengaku bahawa mereka adalah orang-orang yang kafir (37). Allah berfirman: Masuklah kamu sekalian ke dalam Neraka bersama umat-umat yang telah berlalu sebelum kamu yang terdiri dari jin dan manusia. Setiap kali masuknya sesuatu umat ke dalam Neraka mereka mengutuk saudara mereka (yang telah menyesatkan mereka) sehingga apabila seluruh mereka berkumpul di dalam Neraka, berkatalah golongan yang kemudian dari mereka kepada golongan yang dahulu: "Wahai Tuhan kami, merekalah orang-orang yang telah menyesatkan kami. Oleh sebab itu kenakanlah ke atas mereka 'azab keseksaan Neraka yang berlipat ganda.' Lalu Allah berfirman: Setiap golongan dari kamu akan dikenakan 'azab keseksaan yang berlipat ganda, tetapi kamu tidak mengetahui (38). Dan berkatalah pula golongan yang masuk dahulu di antara mereka kepada golongan yang masuk kemudian: 'Kamu tidak mempunyai apa-apa kelebihan yang mengatasi kami. Oleh itu rasalah 'azab keseksaan dengan sebab dosa-dosa yang dilakukan kamu' (39). Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan bersikap angkuh terhadapnya tidak akan dibuka pintu-pintu langit kepada mereka. Dan mereka tidak akan dapat masuk ke dalam Syurga sehingga unta dapat masuk ke dalam lubang jarum. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang melakukan kesalahan (40). Untuk mereka disediakan hamparan dari api Neraka dan di atas mereka disediakan selimut dari api Neraka dan demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang zalim (41). Dan adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh – Kami tidak mentaklifkan seorang melainkan sekadar kemampuannya – merekalah penghuni Syurga yang kekal abadi di dalamnya (42). Dan Kami cabutkan segala perasaan hasad dengki yang tersemat di dalam dada mereka dan di bawah mereka mengalir sungai-sungai Syurga dan mereka berkata: 'Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah memberi hidayat kepada kami ke Syurga ini dan kami tidak akan mendapat hidayat jika Allah tidak memberi hidayat kepada kami. Sesungguhnya (kami mengaku) rasul-rasul Tuhan kami telah membawa pengajaran yang benar.

Kemudian mereka diseru: Itulah Syurga yang diwariskan kepada kamu kerana amalan-amalan soleh yang dilakukan kamu' (43). Dan para penduduk Syurga berseru kepada penghuni-penghuni Neraka: 'Sesungguhnya kami dapati bahawa segala apa yang dijanjikan Allah itu adalah benar dan apakah kamu juga dapati bahawa segala apa yang dijanjikan Allah kepada kamu itu benar?' Jawab mereka: 'Ya, benar.' Lalu seorang penyeru (dari kalangan malaikat) mengumumkan di antara kedua-dua golongan ini: Allah timpakan laknat ke atas orang-orang yang zalim."(44)

ٱلَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا وَهُم بِٱلْـَٔاخِرَةِ كَـٰفِرُونَ ﴿٤٥﴾
وَبَيْنَهُمَا حِجَابٌ ۚ وَعَلَى ٱلْأَعْرَافِ رِجَالٌ يَعْرِفُونَ كُلًّۢا بِسِيمَىٰهُمْ ۚ وَنَادَوْا۟ أَصْحَـٰبَ ٱلْجَنَّةِ أَن سَلَـٰمٌ عَلَيْكُمْ ۚ لَمْ يَدْخُلُوهَا وَهُمْ يَطْمَعُونَ ﴿٤٦﴾
وَإِذَا صُرِفَتْ أَبْصَـٰرُهُمْ تِلْقَآءَ أَصْحَـٰبِ ٱلنَّارِ قَالُوا۟ رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٤٧﴾
وَنَادَىٰٓ أَصْحَـٰبُ ٱلْأَعْرَافِ رِجَالًا يَعْرِفُونَهُم بِسِيمَىٰهُمْ قَالُوا۟ مَآ أَغْنَىٰ عَنكُمْ جَمْعُكُمْ وَمَا كُنتُمْ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٤٨﴾
أَهَـٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَقْسَمْتُمْ لَا يَنَالُهُمُ ٱللَّهُ بِرَحْمَةٍ ۚ ٱدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ لَا خَوْفٌ عَلَيْكُمْ وَلَآ أَنتُمْ تَحْزَنُونَ ﴿٤٩﴾
وَنَادَىٰٓ أَصْحَـٰبُ ٱلنَّارِ أَصْحَـٰبَ ٱلْجَنَّةِ أَنْ أَفِيضُوا۟ عَلَيْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ أَوْ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ ۚ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ حَرَّمَهُمَا عَلَى ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٥٠﴾
ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَهْوًا وَلَعِبًا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ فَٱلْيَوْمَ نَنسَىٰهُمْ كَمَا نَسُوا۟ لِقَآءَ يَوْمِهِمْ هَـٰذَا وَمَا كَانُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿٥١﴾
وَلَقَدْ جِئْنَـٰهُم بِكِتَـٰبٍ فَصَّلْنَـٰهُ عَلَىٰ عِلْمٍ هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾
هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّا تَأْوِيلَهُۥ ۚ يَوْمَ يَأْتِى تَأْوِيلُهُۥ يَقُولُ ٱلَّذِينَ نَسُوهُ مِن قَبْلُ قَدْ جَآءَتْ رُسُلُ رَبِّنَا بِٱلْحَقِّ فَهَل لَّنَا مِن شُفَعَآءَ فَيَشْفَعُوا۟ لَنَآ أَوْ نُرَدُّ فَنَعْمَلَ غَيْرَ ٱلَّذِى كُنَّا نَعْمَلُ ۚ قَدْ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٥٣﴾

"Iaitu orang-orang yang menghalangkan manusia dari agama Allah dan mengingini agar jalan itu menjadi bengkok, dan mereka tidak percaya (kafir) kepada hari Akhirat (45). Dan di antara Syurga dan Neraka itu terdapat tembok pemisah, dan di atas tembok itu terdapat orang-orang yang mengenal kedua-dua penghuni Syurga dan penghuni Neraka dengan tanda-tanda mereka masing-masing. Dan mereka berseru kepada penghuni-penghuni Syurga: 'Selamat sejahtera ke atas kamu.' Mereka belum lagi memasuki Syurga, sedangkan mereka amat menginginginya (46). Dan apabila pandangan mereka dialihkan ke arah penghuni-penghuni Neraka mereka berkata: 'Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau tempatkan Kami bersama orang-orang yang zalim' (47). Lalu orang-orang yang berada di kemuncak tembok itu memanggil orang-orang yang mereka kenal dengan tanda-tanda mereka dengan berkata: 'Kini segala harta yang kamu kumpul dan sikap kamu yang angkuh (terhadap da'wah) tidak memberi faedah kepada kamu' (48). Itukah orang-orang yang kamu telah bersumpah bahawa mereka tidak akan mendapat sebarang rahmat dari Allah? (Lalu mereka dipersilakan): Masuklah ke dalam Syurga, tiada apa-apa kebimbangan terhadap kamu dan tidak pula kamu akan berdukacita (49). Penghuni-penghuni Neraka berseru kepada penghuni-penghuni Syurga: 'Tolong limpahkan kepada kami sedikit air atau sedikit makanan yang telah dikurniakan Allah kepada kamu'. Jawab mereka: 'Sebenarnya Allah telah mengharamkan kedua-duanya (air dan makanan) kepada orang-orang yang kafir' (50). Iaitu orang-orang yang telah menjadikan agama mereka sebagai hiburan dan main-mainan. Dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia, oleh sebab itu pada hari ini (Qiamat) Kami lupakan mereka sebagaimana mereka lupakan pertemuan mereka dengan hari Qiamat ini dan juga kerana mereka mengingkar ayat-ayat Kami (51). Sesungguhnya Kami telah membawa kepada mereka kitab (Al-Qur'an) yang Kami huraikan dengan terperinci mengikut ilmu (Kami) untuk menjadi petunjuk dan rahmat kepada golongan yang beriman (52). Tiada apa yang ditunggu-tunggukan mereka kecuali kebenaran yang dinyatakan oleh Al-Qur'an dan pada hari datangnya kebenaran Al-Qur'an, berkatalah orang-orang yang telah melupakannya sebelum ini: 'Sebenarnya para rasul yang diutuskan oleh Tuhan kami itu telah membawa kebenaran. Alangkah baiknya bagi kamu mendapatkan pemberi-pemberi syafa'at agar mereka memberi syafa'at kepada kami atau kami dikembalikan semula (ke dunia) agar kami dapat melakukan amalan-amalan yang berlainan dari amalan yang telah kami lakukannya. Mereka sebenarnya telah merugikan diri sendiri dan tuhan-tuhan yang diada-adakan mereka telah hilang lenyap dari mereka."(53)

Sekarang selepas melakukan perhentian yang panjang untuk maksud mengulas kisah penciptaan manusia yang pertama, juga untuk maksud menghadapi realiti jahiliyah Arab di sebaliknya dan realiti jahiliyah umat manusia seluruhnya mengenai persoalan menutup tubuh badan dengan pakaian dan menutup jiwa dengan pakaian taqwa dan hubungan

semua persoalan ini dengan persoalan 'aqidah Islam yang agung itu....

Persoalan Menerima Dan Mengikut Perintah

Sekarang satu seruan baru ditujukan kepada anak-anak Adam, iaitu seruan yang berkaitan dengan persoalan pokok 'aqidah Islam yang mengikat persoalan pakaian di dalam perhentian yang lepas, iaitu persoalan menerima perintah dan mengikut perintah dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan syi'arnya, undang-undang dan peraturan-peraturan agama, juga bersangkutan dengan semua urusan kehidupan, undang-undang dan peraturannya dengan tujuan untuk menentukan pihak atau sumber di mana mereka seharusnya menerima perintah, iaitu menerima perintah-perintah Allah dari para rasul yang menyampaikan perintah-perintah dari Allah. Di atas asas sama ada seorang itu menerima atau tidak menerima perintah itulah, maka ia dihisab dan dikenakan balasan di akhir perjalanan hayatnya yang dibentangkan dalam ayat-ayat berikut di pusingan ini:

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ إِمَّا يَأۡتِيَنَّكُمۡ رُسُلٞ مِّنكُمۡ يَقُصُّونَ عَلَيۡكُمۡ ءَايَٰتِي فَمَنِ ٱتَّقَىٰ وَأَصۡلَحَ فَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ٣٥

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱسۡتَكۡبَرُواْ عَنۡهَآ أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٣٦

"Wahai anak-anak Adam! Jika datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu menceritakan ayat-ayat-Ku kepada kamu, maka barang siapa yang bertaqwa dan mengislahkan dirinya, maka tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita (35). Dan adapun orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan bersikap angkuh terhadapnya, maka merekalah penghuni-penghuni Neraka yang kekal abadi di dalamnya."(36)

Perjanjian Di antara Allah Dan Adam Serta Anaknya

Inilah perjanjian Allah dengan Adam dan anak-cucunya dan inilah juga syarat Allah yang melantikkannya sebagai khalifah di bumi yang diciptakan-Nya, di mana Dia telah menentukan sumber-sumber makanan, melantikkan bangsa manusia memegang teraju pemerintahan dan mengurniakan kepadanya, sebagai khalifah-Nya, kedudukan yang teguh untuk melaksanakan peranannya mengikut syarat dan kehendak perjanjian itu, jika tidak, maka seluruh amalannya di dunia ditolak dan tidak diterima oleh-Nya. Amalan yang dilakukan tanpa mengikut perjanjian itu adalah amalan yang tidak dilakukan oleh seorang Muslim yang menyerahkan dirinya kepada Allah, sedangkan di Akhirat pula amalan itu dikira sebagai dosa yang dibalas dengan Neraka dan orang-orang yang melakukan amalan itu tidak diterima darinya sebarang bayaran tebusan dosa.

فَمَنِ ٱتَّقَىٰ وَأَصۡلَحَ فَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ٣٥

"Maka barang siapa yang bertaqwa dan mengislahkan dirinya, maka tiada sebarang kebimbangan terhadap mereka dan tidak pula mereka akan berdukacita."(35)

Ini ialah kerana taqwa dapat menjauhkan mereka dari dosa-dosa dan perbuatan-perbuatan yang keji. Dan sekeji-keji perbuatan ialah perbuatan syirik terhadap Allah, perbuatan merampas kuasa Allah dan perbuatan mengaku mempunyai ciri-ciri Uluhiyah Allah dan seterusnya kerana taqwa membimbing mereka ke arah kebaikan, keta'atan dan keamanan dari segala kebimbangan dan kepada kepuasan hati terhadap nasib kesudahan hidupnya.

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱسۡتَكۡبَرُواْ عَنۡهَآ أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ٣٦

"Dan adapun orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan bersikap angkuh terhadapnya, maka merekalah penghuni-penghuni Neraka yang kekal abadi di dalamnya."(36)

Ini ialah kerana perbuatan mendustakan ayat-ayat Allah dan enggan mematuhi perjanjian dan syarat Allah akan mengakibatkan mereka diseret bersama penaung mereka Iblis ke dalam Neraka, di mana terlaksananya janji Allah:

لَّمَن تَبِعَكَ مِنۡهُمۡ لَأَمۡلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنكُمۡ أَجۡمَعِينَ ١٨

"Sesungguhnya siapa yang mengikut engkau di antara mereka nescaya aku akan penuhkan Neraka Jahannam dengan golongan kamu seluruhnya."(18)

* * * * * *

Dari sini ayat-ayat yang berikut mula menayangkan pemandangan ketika hampir menghadapi kematian di penghujung tempoh ajal yang disebut di akhir pusingan yang lepas:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٞۖ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمۡ لَا يَسۡتَـٔۡخِرُونَ سَاعَةٗ وَلَا يَسۡتَقۡدِمُونَ ٣٤

Setiap umat ditentukan ajal mereka masing-masing. Oleh sebab itu apabila tiba ajal mereka, mereka tidak dapat menundakannya dan tidak pula dapat mereka mendahulukannya.(34)

Al-Qur'an Dan Pemandangan-pemandangan Qiamat

Kemudian ditayang pula pemandangan perhimpunan di padang Mahsyar dan hisab, pemandangan pengadilan dan balasan. Tayangan ini seolah-olah satu penjelasan yang terperinci bagi keterangan secara umum tentang orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang yang bersikap angkuh, juga merupakan satu penggambaran ajal yang telah ditentukan itu mengikut cara Al-Qur'an yang unik yang menayangkan suatu pemandangan itu dengan

gambaran yang hidup dan bergerak, yang dapat di lihat dan disaksikan oleh pembaca Al-Qur'an atau pendengarnya dengan seluruh hati dan jiwanya.

Methodologi Al-Qur'an begitu jelas memberi perhatian kepada pemandangan-pemandangan Qiamat, pemandangan kebangkitan semula dan hisab, pemandangan ni'mat dan 'azab. Pemandangan alam ghaib yang dijanjikan Allah kepada manusia itu tidak lagi merupakan sebuah alam yang diterangkan dengan kata-kata sahaja, malah diberi gambaran yang dapat dihayati pancaindera iaitu gambaran yang hidup dan bergerak, gambaran yang jelas dan terpampang di hadapan mata hingga pemandangan-pemandangan alam ghaib itu dapat dihayati sepenuhnya oleh orang-orang Islam, di mana mereka melihat pemandangan-pemandangannya dan terpengaruh dengannya dan kadang-kadang menyebabkan hati mereka berdebar dan kulit-kulit badan mereka menggerunyut, kadang kala hati mereka dilanda perasaan cemas dan takut dan kadang-kadang diselubungi rasa tenang dan tenteram, dari jauh mereka seolah-olah ternampak jolokan api Neraka dan dipupuk hembusan bayu dari Syurga. Oleh sebab itu orang-orang Islam mengenali alam itu dengan sempurnanya sebelum tibanya hari Qiamat yang dijanjikan Allah itu, Orang-orang yang mengkaji perkataan-perkataan yang diungkapkan oleh orang Islam dan perasaan yang diluahkan mereka terhadap alam ghaib itu akan merasa bahawa orang-orang Islam menghayati alam ghaib itu dengan penghayatan yang lebih mendalam dari hidup mereka di alam dunia ini. Mereka berpindah ke alam Akhirat yang ghaib itu dengan seluruh hati dan perasaan mereka sama seperti seseorang itu berpindah dari sebuah rumah ke sebuah rumah yang lain atau dari satu negeri ke satu negeri yang lain di dalam kehidupan dunia yang nyata ini. Dalam tanggapan mereka alam Akhirat yang ghaib itu bukanlah sebuah alam di masa depan, malah ia merupakan sebuah alam kenyataan yang dapat di lihat dan dihayati di masa kini.

Mungkin pemandangan-pemandangan yang ditayangkan di sini merupakan pemandangan-pemandangan Qiamat yang paling panjang di dalam Al-Qur'an, paling padat dengan berbagai pergerakan, berbagai-bagai senario yang silih berganti dan berbagai-bagai jenis dialog. Ia ditayangkan begitu hidup dan menghairankan manusia bagaimana Al-Qur'an dapat menggambarkan pemandangan-pemandangan itu dengan kata-kata, sedangkan ia tidak dapat digambarkan kepada hati melainkan dengan perantaraan melihat dengan mata kasar. Pemandangan-pemandangan itu ditayangkan di dalam surah ini – sebagaimana telah kami nyatakan – dengan tujuan untuk memberi ulasan dan komentar kepada kisah Adam yang dikeluarkan dari Syurga bersama isterinya Hawa kerana kedua-duanya telah terpedaya kepada hasutan dan godaan Iblis, juga dengan tujuan untuk mengingatkan anak cucu Adam agar tidak terpengaruh kepada godaan syaitan yang telah berjaya mengeluarkan dua ibubapa mereka dari Syurga. Dengan kisah ini juga Allah mengingatkan anak cucu Adam dari mengikuti saranan-saranan yang dibisikkan oleh musuh lama mereka syaitan dan mengancam untuk meletakkan mereka di bawah naungan syaitan jika mereka memilih untuk mengikut syaitan dan bukannya mengikut para rasul yang akan diutuskan Allah kepada mereka untuk membawa hidayat dan syari'at-Nya. Kemudian Al-Qur'an mula menayangkan pemandangan kedatangan maut dan pemandangan-pemandangan Qiamat secara iringan terus tanpa disenggang dan dipisahkan oleh sesuatu masa. Dan segala apa yang digambarkan di dalam pemandangan-pemandangan itu tepat dengan apa yang diceritakan oleh para rasul, di mana orang-orang yang mengikut syaitan diharamkan pulang kembali ke dalam Syurga kerana digoda syaitan yang telah berjaya mengeluarkan ibubapa mereka darinya, sementara orang-orang yang tidak menjadi pak turut syaitan dan mematuhi peraturan dan mematuhi perintah Allah dikembalikan semula ke dalam Syurga dan diseru oleh para malaikat:

أَن تِلْكُمُ ٱلْجَنَّةُ أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

"Itulah Syurga yang diwariskan kepada kamu kerana amalan-amalan soleh yang dilakukan kamu."(43)

Seolah-olah itulah kepulangan para Muhajirin dan perkembalian para perantau ke alam Syurga yang penuh ni'mat. Di dalam keselarasan yang wujud di antara kisah Adam yang silam dengan ulasan-ulasan selepasnya dan pemandangan-pemandangan Qiamat yang bersambung-sambung dari awal hingga akhir terdapat keindahan gambaran yang amat menarik. Kisah itu bermula di alam al-Mala'-ul-'Ala disaksikan oleh khalayak malaikat, semasa Allah menciptakan Adam dan isterinya dan menempatkan mereka di dalam Syurga, kemudian mereka diperdayakan syaitan dan akibatnya mereka tergelincir dari martabat keta'atan dan 'Ubudiyah yang sempurna dan tulen, lalu mereka dikeluarkan dari Syurga. Babak ini juga berlaku di alam al-Mala'-ul-'Ala disaksikan oleh khalayak malaikat, dan di sini permulaan kisah bertaut dengan akhir kisah dan di antara keduanya diselangi masa hidup di dunia dan pemandangan kedatangan maut di akhirmasa hidup itu. Cerita di bahagian ini selaras pula dengan cerita di bahagian awal dan bahagian akhir.

Sekarang marilah kita meninjau pemandangan-pemandangan yang menarik itu.

* * * * * *

Apabila Maut Datang

Kini kita sedang berada di hadapan pemandangan kedatangan maut yang sedang mencabut nyawa orang-orang yang telah melakukan pembohongan terhadap Allah serta mendakwa kononnya kepercayaan-kepercayaan dan cara-cara ibadat yang

diwarisi dari datuk nenek mereka, juga tradisi-tradisi dan hukum-hukum dari ciptaan mereka adalah dari perintah Allah, juga pemandangan kedatangan maut yang sedang mencabut nyawa orang-orang yang menolak ayat-ayat Allah yang telah di bawa oleh para rasul, sedangkan ayat-ayat itu merupakan syari'at Allah yang diyakini kebenarannya. Mereka mengutamakan sangkaan dan andaian dari hakikat dan ilmu pengetahuan yang diyakini kebenarannya. Mereka telah memperolehi habuan keni'matan dunia yang telah ditetapkan Allah kepada mereka, dan mereka juga telah melalui tempoh percubaan yang telah ditentukan Allah sebagaimana mereka telah mendapat habuan dari ayat-ayat Allah yang disampaikan kepada mereka oleh para rasul-Nya:

فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ
بِآيَاتِهِ ۚ أُولَٰئِكَ يَنَالُهُمْ نَصِيبُهُم مِّنَ الْكِتَابِ ۖ حَتَّىٰ
إِذَا جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا يَتَوَفَّوْنَهُمْ قَالُوا أَيْنَ مَا كُنتُمْ
تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ ۖ قَالُوا ضَلُّوا عَنَّا وَشَهِدُوا عَلَىٰ
أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿٣٧﴾

"Siapakah yang lebih zalim dari mereka yang mengadang-adakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayat-Nya? Mereka akan menerima habuan mereka yang telah ditetapkan Allah di dalam kitab (Lauh Mahfuz) hingga apabila datang kepada mereka malaikat-malaikat utusan Kami untuk mengambil nyawa mereka dan bertanya kepada mereka: Di manakah tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah? Jawab mereka: 'Tuhan-tuhan itu telah hilang lenyap dari kami' dan mereka sendiri mengaku bahawa mereka adalah orang-orang yang kafir."(37)

Ya, kita sedang berada di hadapan pemandangan yang menggambarkan orang-orang yang telah mengadakan pembohongan-pembohongan terhadap Allah atau menolak ayat-ayat Allah itu sedang didatangi malaikat utusan dari Allah untuk mengambil nyawa mereka, dan di sini berlakunya dialog di antara mereka dengan malaikat itu:

قَالُوا أَيْنَ مَا كُنتُمْ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ ۖ

"Di manakah tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah?"(37)

Maksudnya, di manakah dakwaan-dakwaan kamu yang dusta terhadap Allah? Dan di manakah tuhan-tuhan yang kamu jadikan penaung-penaung kamu di dunia dan terpesona kepada mereka hingga kamu menolak ajaran-ajaran Allah yang disampaikan oleh para rasul-Nya? Di manakah tuhan-tuhan itu sekarang di sa'at yang gawat ini, di mana nyawa kamu sedang dicabut? Di manakah penaung kamu yang dapat menyelamatkan kamu dari maut atau sekurang-kurangnya menundakan tempoh maut barang sesa'at dari masa yang telah ditetapkan Allah?

Mereka tidak mempunyai jawapan yang lain dari jawapan berikut. Mereka tidak dapat mengelak dari jawapan itu dan tidak pula dapat berdolak-dalik:

قَالُوا ضَلُّوا عَنَّا

"Jawab mereka: Tuhan-tuhan itu telah hilang lenyap dari kami."(37)

Maksudnya tuhan-tuhan itu telah menghilangkan diri dari kami dan pergi entah ke mana. Kami tidak tahu tempat kediaman mereka dan tiada suatu jalan yang dapat mereka datang kepada kami. Alangkah ruginya para hamba yang tidak dapat ditemui oleh tuhan-tuhan mereka dan tidak dapat pula dibantu oleh tuhan-tuhan itu di sa'at yang amat gawat, ini dan alangkah sia-sianya tuhan-tuhan yang tidak dapat menemui para hamba-Nya di dalam sa'at-sa'at yang sulit seperti ini!

وَشَهِدُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿٣٧﴾

"Dan mereka sendiri mengaku bahawa mereka adalah orang-orang yang kafir."(37)

Demikianlah juga kita dapat melihat keadaan mereka sebelum ini di dalam rangkaian ayat-ayat surah ini ketika mereka ditimpa 'azab keseksaan Allah di dunia ini:

فَمَا كَانَ دَعْوَاهُمْ إِذْ جَاءَهُم بَأْسُنَا إِلَّا أَن قَالُوا
إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٥﴾

"Maka tidak ada perkataan yang diucapkan mereka ketika mereka ditimpakan 'azab Kami melainkan mereka berkata: Sebenarnya kami adalah orang-orang yang zalim."(5)

* * * * * *

Setelah tamatnya pemandangan kehadiran maut, maka kita berhadapan pula dengan pemandangan selepasnya iaitu pemandangan mereka yang dimatikan itu sedang berada di dalam Neraka. Ayat-ayat berikut tidak menyebut apa tentang masa di antara keduanya atau masa di antara mati dan kebangkitan semula di perhimpunan di Mahsyar, seolah-olah orang-orang yang dimatikan itu diambil dari dunia dan terus dimasukkan ke dalam Neraka!

قَالَ ادْخُلُوا فِي أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُم مِّنَ الْجِنِّ
وَالْإِنسِ فِي النَّارِ ۖ كُلَّمَا دَخَلَتْ أُمَّةٌ لَّعَنَتْ أُخْتَهَا ۖ
حَتَّىٰ إِذَا ادَّارَكُوا فِيهَا جَمِيعًا قَالَتْ أُخْرَاهُمْ
لِأُولَاهُمْ رَبَّنَا هَٰؤُلَاءِ أَضَلُّونَا فَآتِهِمْ عَذَابًا ضِعْفًا
مِّنَ النَّارِ ۖ قَالَ لِكُلٍّ ضِعْفٌ وَلَٰكِن لَّا تَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾
وَقَالَتْ أُولَاهُمْ لِأُخْرَاهُمْ فَمَا كَانَ لَكُمْ عَلَيْنَا مِن

فَضْلٍ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٣٩﴾

"Allah berfirman: Masuklah kamu sekalian ke dalam Neraka bersama umat-umat yang telah berlalu sebelum kamu yang terdiri dari jin dan manusia. Setiap kali masuknya sesuatu umat ke dalam Neraka mereka mengutuk saudara mereka (yang telah menyesatkan mereka) sehingga apabila seluruh mereka berkumpul di dalam Neraka, berkatalah golongan yang kemudian dari mereka kepada golongan yang dahulu: 'Wahai Tuhan kami, merekalah orang-orang yang telah menyesatkan kami. Oleh sebab itu kenakanlah ke atas mereka 'azab keseksaan Neraka yang berlipat ganda.' Lalu Allah berfirman: Setiap golongan dari kamu akan dikenakan 'azab keseksaan yang berlipat ganda, tetapi kamu tidak mengetahui (38). Dan berkatalah pula golongan yang masuk dahulu di antara mereka kepada golongan yang masuk kemudian: 'Kamu tidak mempunyai apa-apa kelebihan yang mengatasi kami. Oleh itu rasalah 'azab keseksaan dengan sebab dosa-dosa yang dilakukan kamu.'(39)

Pertengkaran Di Dalam Neraka

قَالَ ادْخُلُوا فِي أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُم مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ فِي النَّارِ

"(Allah berfirman): Masuklah kamu sekalian ke dalam Neraka bersama umat-umat yang telah berlalu sebelum kamu yang terdiri dari jin dan manusia."(38)

Maksudnya, berkumpullah kamu bersama-sama rakan-rakan dan teman-teman setia kamu dari jin dan manusia di sini di dalam Neraka. Bukankah Iblis telah menderhaka kepada Allah dan dialah yang telah menyebabkan Adam dan isterinya dikeluarkan dari Syurga dan dialah yang menghasut dan memperdayakan anak cucu Adam? Bukankah Iblis telah dijanjikan Allah untuk disumbat bersama-sama golongan manusia yang telah disesatkan olehnya di dalam Neraka? Jika begitu, maka masuklah kamu sekalian di dalam Neraka sama ada kamu dari angkatan dahulu atau dari angkatan kemudian. Seluruh kamu adalah rakan-rakan setia terhadap satu sama lain dan seluruh kamu sama sahaja.

Di dunia umat-umat, kelompok-kelompok dan puak-puak ini mempunyai ikatan setia terhadap satu sama lain, di mana angkatan yang kemudian mengikut angkatan yang dahulu, yang menjadi pemimpinnya memberi bimbingan dan arahan kepada golongan yang menjadi pengikut. Tetapi marilah kita melihat keadaan mereka di hari Qiamat, kesetiaan telah bertukar kepada perasaan dendam yang meluap-luap terhadap satu lain, mereka bertengkar dan bergaduh:

كُلَّمَا دَخَلَتْ أُمَّةٌ لَّعَنَتْ أُخْتَهَا

"Setiap kali masuknya sesuatu umat ke dalam Neraka, mereka mengutuk saudara mereka (yang telah menyesatkan mereka)."(38)

Alangkah malangnya nasib kesudahan, di mana anak mengutuk bapanya dan pengikut-pengikut melaknatkan pimpinan-pimpinan mereka!

حَتَّىٰ إِذَا ادَّارَكُوا فِيهَا جَمِيعًا

"Sehingga apabila seluruh mereka berkumpul di dalam Neraka...."(38)

di mana angkatan kemudian bercantum dengan angkatan yang dahulu, yang jauh bersua dengan yang dekat, maka pergaduhan dan pertengkaran yang sengit mula tercetus:

قَالَتْ أُخْرَاهُمْ لِأُولَاهُمْ رَبَّنَا هَٰؤُلَاءِ أَضَلُّونَا فَآتِهِمْ عَذَابًا ضِعْفًا مِّنَ النَّارِ

"Berkatalah golongan yang kemudian dari mereka kepada golongan yang dahulu: Wahai Tuhan kami! Merekalah orang-orang yang telah menyesatkan kami. Oleh sebab itu kenakan ke atas mereka 'azab keseksaan Neraka yang berlipat ganda."(38)

Demikianlah bermulanya kisah lucu dan tragedi mereka. Pemandangan ini menggambarkan rakan-rakan dan sahabat-sahabat setia bertukar menjadi musuh-musuh yang menuduh dan mengutuk satu sama lain. Mereka memohon kepada Allah agar mengenakan seberat-berat balasan ke atas sahabat-sahabat setia mereka. Mereka akhirnya memohon kepada Allah yang dahulunya mereka mengatakan bermacam-macam pembohongan terhadap-Nya dan menolak ayat-ayat-Nya. Kini pada hari ini mereka benar-benar kembali kepada Allah dan mengangkatkan do'a mereka kepada-Nya, dan do'a itu telah disambut Allah, tetapi bagaimana sambutan itu:

قَالَ لِكُلٍّ ضِعْفٌ وَلَٰكِن لَّا تَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾

"Lalu Allah berfirman: Setiap golongan dari kamu akan dikenakan 'azab keseksaan yang berlipat ganda, tetapi kamu tidak mengetahui."(38)

Maksudnya, 'azab keseksaan Neraka yang berlipat ganda yang dipohonkan kamu itu akan dikenakan ke atas kamu dan mereka seluruhnya. Golongan yang dipohon supaya dikenakan 'azab keseksaan Neraka yang berlipat ganda ke atas mereka seolah-olah merasa gembira atas kegagalan golongan yang cuba meletakkan kesalahan ke atas bahu mereka dan berkata sinis: Kita semua sama-sama berhak menerima 'azab keseksaan yang berlipat ganda itu:

وَقَالَتْ أُولَاهُمْ لِأُخْرَاهُمْ فَمَا كَانَ لَكُمْ عَلَيْنَا مِن فَضْلٍ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْسِبُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan berkatalah pula golongan yang masuk dahulu di antara mereka kepada golongan yang masuk kemudian: Kamu tidak mempunyai apa-apa kelebihan yang mengatasi kami. Oleh itu rasalah 'azab keseksaan dengan sebab dosa-dosa yang dilakukan kamu."(39)

Dengan ini berakhirlah pemandangan yang memberi sindiran yang pedih itu untuk diiringi dengan suatu pernyataan yang tegas mengenai nasib

kesudahan buruk yang tidak akan berubah itu. Pernyataan ini dibuat sebelum ditayangkan pemandangan orang-orang yang beriman yang berada di dalam Syurga yang penuh ni'mat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَٱسۡتَكۡبَرُواْ عَنۡهَا لَا تُفَتَّحُ لَهُمۡ أَبۡوَٰبُ ٱلسَّمَآءِ وَلَا يَدۡخُلُونَ ٱلۡجَنَّةَ حَتَّىٰ يَلِجَ ٱلۡجَمَلُ فِي سَمِّ ٱلۡخِيَاطِۚ وَكَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡمُجۡرِمِينَ ﴿٤٠﴾ لَهُم مِّن جَهَنَّمَ مِهَادٞ وَمِن فَوۡقِهِمۡ غَوَاشٖۚ وَكَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan bersikap angkuh terhadapnya tidak akan dibuka pintu-pintu langit kepada mereka. Dan mereka tidak akan dapat masuk ke dalam Syurga sehingga unta dapat masuk ke dalam lubang jarum. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang melakukan kesalahan (40). Untuk mereka disediakan hamparan dari api Neraka dan di atas mereka disediakan selimut dari api Neraka dan demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang zalim."(41)

Dengan pemandangan yang menarik ini anda boleh berdiri bebas dengan daya kefahaman anda, iaitu pemandangan unta yang hendak meluluskan dirinya di lubang jarum. Apabila lubang jarum yang sempit itu dibuka untuk dilalui unta yang besar, maka itulah satu-satunya waktu yang dapat anda tunggu untuk melihat pintu-pintu langit dibuka untuk menyambut para pendusta itu dan untuk diterima do'a dan taubat mereka walaupun masanya telah terlewat supaya mereka dapat memasuki Syurga yang penuh ni'mat itu, tetapi sekarang sebelum unta dapat memasuki lubang jarum mereka terpaksa berada di sini di dalam Neraka, di mana seluruh mereka bertemu dan berkumpul melemparkan tuduhan dan kutukan terhadap satu sama lain dan menuntut kepada Allah agar mengenakan 'azab keseksaan yang seberat-beratnya ke atas golongan yang dianggap bertanggungjawab menyesatkan mereka, dan seluruh mereka menerima 'azab keseksaan yang berlipat ganda yang dipohonkan itu.

وَكَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡمُجۡرِمِينَ ﴿٤٠﴾

"Dan demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang melakukan kesalahan."(40)

Kemudian anda boleh melihat keadaan mereka di dalam Neraka:

لَهُم مِّن جَهَنَّمَ مِهَادٞ وَمِن فَوۡقِهِمۡ غَوَاشٖۚ

"Untuk mereka disediakan hamparan dari api Neraka dan di atas mereka disediakan selimut dari api Neraka."(41)

Maksudnya, hamparan yang dihampar di bawah mereka ialah hamparan api Neraka dan selimut untuk menyelimuti badan mereka ialah selimut dari api Neraka:

وَكَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤١﴾

"Dan demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang zalim."(41)

Orang-orang yang zalim ialah orang-orang yang melakukan kesalahan, dan orang-orang yang zalim juga bererti orang-orang Musyrikin yang mendustakan ayat-ayat dan mengadakan pembohongan-pembohongan terhadap Allah. Semuanya merupakan sifat-sifat yang sama ertinya di dalam pengungkapan Al-Qur'an. Sekarang marilah pula kita melihat pemandangan orang-orang yang beriman:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَا نُكَلِّفُ نَفۡسًا إِلَّا وُسۡعَهَآ أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلۡجَنَّةِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٤٢﴾ وَنَزَعۡنَا مَا فِي صُدُورِهِم مِّنۡ غِلّٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهِمُ ٱلۡأَنۡهَٰرُۖ وَقَالُواْ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي هَدَىٰنَا لِهَٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهۡتَدِيَ لَوۡلَآ أَنۡ هَدَىٰنَا ٱللَّهُۖ لَقَدۡ جَآءَتۡ رُسُلُ رَبِّنَا بِٱلۡحَقِّۖ وَنُودُوٓاْ أَن تِلۡكُمُ ٱلۡجَنَّةُ أُورِثۡتُمُوهَا بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿٤٣﴾

"Dan adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh – Kami tidak mentaklifkan seorang melainkan sekadar kemampuannya – merekalah penghuni Syurga yang kekal abadi di dalamnya (42). Dan Kami cabutkan segala perasaan hasad dengki yang tersemat di dalam dada mereka dan di bawah mereka mengalir sungai-sungai Syurga dan mereka berkata: 'Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah memberi hidayat kepada kami ke Syurga ini dan kami tidak akan mendapat hidayat jika Allah tidak memberi hidayat kepada kami. Sesungguhnya (kami mengaku) rasul-rasul Tuhan kami telah membawa pengajaran yang benar.' Kemudian mereka diseru: Itulah Syurga yang diwariskan kepada kamu kerana amalan-amalan soleh yang dilakukan kamu."(43)

Amalan Sahaja Tidak Dapat Memasukkan Seseorang Ke Dalam Syurga

Mereka ialah orang-orang yang beriman dan mengelakkan amalan-amalan yang soleh sekadar kemampuan mereka, kerana mereka tidak dibebankan dengan kewajipan-kewajipan mengerjakan amalan yang soleh melainkan sekadar keupayaan mereka. Merekalah orang-orang yang dapat pulang kembali ke dalam Syurga mereka. Merekalah yang berhak menjadi penghuni-penghuni Syurga dengan keizinan dan limpah kurnia dari Allah. Mereka mewarisi Syurga dengan rahmat Allah dan amalan yang soleh yang disertakan dengan iman sebagai balasan kerana mereka mengikut da'wah para rasul dan melawan godaan syaitan, juga sebagai

balasan kerana mereka menjunjung perintah Allah Yang Agung dan Maha Pengasih dan menentang saranan-saranan syaitan musuh lama mereka yang ketat. Jika tidak kerana rahmat Allah tentulah amalan yang dilakukan sekadar daya upaya mereka tidak cukup untuk mewarisi Syurga. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

لن يدخل أحدا منكم الجنة عمله

"Amalan seseorang dari kamu itu tidak akan dapat memasukkannya ke dalam Syurga."

قالوا : ولا أنت يا رسول الله ؟ قال : ولا أنا إلا أن يتغمدني الله برحمة منه وفضل

Lalu mereka bertanya: "Walaupun anda sendiri, wahai Rasulullah?" Jawab beliau: "Ya, walaupun aku sendiri kecuali Allah merangkuliku dengan rahmat dan limpah kurnia dari-Nya."

(Dikeluarkan oleh Muslim)

Di sana tidak ada percanggahan dan pertentangan di antara firman Allah dan sabda Rasulullah s.a.w di dalam perkara ini, kerana beliau tidak bercakap mengikut kehendak hawa nafsunya. Segala perdebatan yang timbul di sekitar persoalan ini di antara puak-puak Islam adalah suatu perdebatan yang tidak berlandaskan kefahaman yang betul terhadap agama ini, malah merupakan perdebatan yang didorongkan oleh hawa nafsu. Allah telah sedia mengetahui kelemahan-kelemahan manusia, di mana amalan-amalan mereka sahaja tidak mencukupi untuk mewajarkannya mendapat ni'mat Syurga atau untuk mewajarkannya mendapat sesuatu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada mereka di dunia. Oleh sebab itu Allah mewajibkan diri-Nya bersifat rahmat dan kasihan belas dan bersedia menerima amalan-amalan mereka yang tidak sempurna dan lemah itu, dan mewajibkan seseorang itu mendapatkan Syurga dengan amalan itu sebagai rahmat dan limpah kurnia dari-Nya. Oleh itu mereka berhak mendapat balasan Syurga dengan amalan mereka yang soleh, tetapi dengan limpah rahmat dari Allah.

Tiada Dendam Di Dalam Syurga

Di samping itu, jika golongan pendusta-pendusta yang berdosa, zalim, kafir dan mempersekutukan Allah itu saling kutuk mengutuk satu sama lain di dalam Neraka, saling bergaduh, bertengkar, meluahkan dendam kesumat yang mendidih di dalam hati mereka setelah sekian lama mereka bersetia kawan di dunia, maka golongan yang beriman dan mengelakkan amalan yang soleh pula tinggal di dalam Syurga dengan hubungan persaudaraan yang mesra dan saling berkasih sayang di antara satu sama lain dan diselubungi suasana aman damai dan setia:

وَنَزَعۡنَا مَا فِي صُدُورِهِم مِّنۡ غِلّٖ

"Dan Kami cabutkan segala perasaan hasad dengki yang tersemat di dalam dada mereka."(43)

Oleh kerana mereka manusia dan hidup sebagai manusia, maka dalam kehidupan mereka di dunia kadang-kadang tercetus pertelingkahan di antara mereka yang menimbulkan kemarahan dan hasad dengki yang tersimpan di dalam hati. Walaupun perasaan-perasaan itu dapat ditahan dan dikawal, namun kesan-kesannya masih tertinggal di dalam hati.

Ujar al-Qurtubi dalam tafsirnya الجامع لاحكام القرآن, sabda Rasulullah s.a.w:

الغل على أبواب الجنة كمبارك الإبل قد نزعه الله من قلوب المؤمنين

"Perasaan hasad dengki ditinggalkan di pintu-pintu Syurga sama seperti unta ditinggalkan di tempat-tempat hentiannya. Perasaan dendam kesumat itu dicabutkan Allah dari hati orang-orang yang beriman."

Mengikut riwayat dari Ali r.a katanya: Aku harap aku, 'Uthman, Talhah dan az-Zubayr termasuk dalam golongan mereka yang disebutkan Allah di dalam ayat:

وَنَزَعۡنَا مَا فِي صُدُورِهِم مِّنۡ غِلّٖ

"Dan Kami cabutkan segala perasaan hasad dengki yang tersemat di dalam dada mereka."(43)

Jika penghuni Neraka dibakar api dari bawah dan dari atas mereka, maka penghuni Syurga hidup dalam keadaan penuh selesa, di mana sungai-sungai mengalir di bawah mereka dan seluruh suasana dihembusi bayu yang lembut:

تَجۡرِي مِن تَحۡتِهِمُ ٱلۡأَنۡهَٰرُۖ

"Dan di bawah mereka mengalir sungai-sungai Syurga."(43)

Jika penghuni Neraka sibuk bercakaran di antara sesame mereka, maka penghuni Syurga pula sibuk dengan ucapan-ucapan memuji dan mengakui ni'mat dan rahmat Allah:

وَقَالُواْ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي هَدَىٰنَا لِهَٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهۡتَدِيَ لَوۡلَآ أَنۡ هَدَىٰنَا ٱللَّهُۖ لَقَدۡ جَآءَتۡ رُسُلُ رَبِّنَا بِٱلۡحَقِّۖ

"Dan mereka berkata: Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah memberi hidayat kepada kami ke Syurga ini dan kami tidak akan mendapat hidayat jika Allah tidak memberi hidayah kepada kami. Sesungguhnya (kami mengaku) rasul-rasul Tuhan kami telah membawa pengajaran yang benar."(43)

Jika penghuni Neraka itu diseru dengan penuh penghinaan:

قَالَ ٱدۡخُلُواْ فِيٓ أُمَمٖ قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلِكُم مِّنَ ٱلۡجِنِّ وَٱلۡإِنسِ فِي ٱلنَّارِۖ

"Masuklah kamu sekalian ke dalam Neraka bersama umat-umat yang telah berlalu sebelum kamu yang terdiri dari jin dan manusia"(38)

maka penghuni-penghuni Syurga pula diseru dengan ucapan alu-aluan yang penuh hormat:

وَنُودُوٓا۟ أَن تِلْكُمُ ٱلْجَنَّةُ أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

"Kemudian mereka diseru: Itulah Syurga yang diwariskan kepada kamu kerana amalan soleh yang dilakukan kamu."(43)

Itulah keadaan yang bertentangan yang wujud di antara penghuni Syurga dan penghuni Neraka.

Kemudian Al-Qur'an meneruskan tayangan (pemandangan alam Syurga dan Neraka) dan membawa kita berdepan dengan satu pemandangan yang menyambung pemandangan yang silam, di mana penghuni-penghuni Syurga hidup tenteram di tempat-tempat kediaman yang disediakan untuk mereka dan penduduk-penduduk Neraka yakin dengan nasib kesudahan hidup mereka yang malang, tiba-tiba penduduk Syurga memanggil penduduk Neraka dan bertanya kepada mereka sama ada mereka dapati 'azab keseksaan yang dijanjikan Allah sekian lama itu benar:

وَنَادَىٰٓ أَصْحَـٰبُ ٱلْجَنَّةِ أَصْحَـٰبَ ٱلنَّارِ أَن قَدْ وَجَدْنَا مَا وَعَدَنَا رَبُّنَا حَقًّا فَهَلْ وَجَدتُّم مَّا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا ۖ قَالُوا۟ نَعَمْ ۚ فَأَذَّنَ مُؤَذِّنٌۢ بَيْنَهُمْ أَن لَّعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٤٤﴾
ٱلَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا وَهُم بِٱلْـَٔاخِرَةِ كَـٰفِرُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan para penduduk Syurga berseru kepada penghuni-penghuni Neraka: 'Sesungguhnya kami dapati bahawa segala apa yang dijanjikan Allah itu adalah benar dan apakah kamu juga dapati bahawa segala apa yang dijanjikan Allah kepada kamu itu benar?' Jawab mereka: 'Ya, benar.' 'Lalu seorang penyeru (dari kalangan malaikat) mengumumkan di antara kedua-dua golongan ini: 'Allah timpakan laknat ke atas orang-orang yang zalim' (44). Iaitu orang-orang yang menghalangkan manusia dari agama Allah dan mengingini agar jalan itu menjadi bengkok, dan mereka tidak percaya (kafir) kepada hari Akhirat."(45)

Pernyataan ini mengandungi sindiran dan penghinaan yang pahit, kerana sebenarnya orang-orang yang beriman tetap percaya kepada 'azab keseksaan yang dijanjikan Allah itu sebagaimana mereka yakin terhadap ni'mat-ni'mat Syurga yang dijanjikan kepada mereka, tetapi mereka sengaja bertanya (untuk menghinakan mereka). Mereka hanya menjawab dengan sepatah perkataan sahaja iaitu 'Ya!" jawapan itu berakhir setakat ini dan dialog di antara mereka terus putus:

فَأَذَّنَ مُؤَذِّنٌۢ بَيْنَهُمْ أَن لَّعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٤٤﴾

"Lalu seorang penyeru (dari kalangan malaikat) mengumumkan di antara dua golongan itu: 'Allah timpakan laknat ke atas orang-orang yang zalim."(44)

ٱلَّذِينَ يَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا وَهُم بِٱلْـَٔاخِرَةِ كَـٰفِرُونَ ﴿٤٥﴾

"Iaitu orang-orang yang menghalangkan manusia dari agama Allah dan mengingini agar jalan itu menjadi bengkok, dan mereka tidak percaya (kafir) kepada hari Akhirat."(45)

Dalam ayat ini pengertian dari perkataan "orang-orang yang zalim" itu telah dijelaskan dengan pengertian yang sama dengan pengertian "orang-orang yang kafir", iaitu mereka yang menghalangkan manusia dari jalan Allah dan mereka mahukan jalan yang bengkok dan tidak lurus dan mereka tidak percaya (kafir) kepada hati Akhirat. Pemerian "dan mengingini agar jalan itu menjadi bengkok" menyarankan tujuan yang sebenar yang dikehendaki oleh orang-orang yang menghalangkan manusia dari jalan Allah, iaitu mereka mahukan jalan yang bengkok dan bukannya jalan yang lurus, mereka mahukan cara hidup yang berbelit-belit bukannya cara hidup yang lurus dan jujur. Gambaran dari kejujuran itu hanya satu sahaja, iaitu gambaran berjalan di atas jalan Allah, mengikut sistem dan undang-undang yang diatur oleh Allah. Selain dari jalan yang tunggal ini, maka jalan yang lain adalah bengkok belaka. Itulah keinginan mereka mencari jalan yang bengkok dan keinginan itu bertemu pula dengan sikap mereka yang kufur terhadap hari Akhirat, kerana seseorang yang beriman kepada hati Akhirat dan yakin akan bertemu dengan Allah tidak akan menghalangkan manusia dari jalan Allah dan tidak akan menyeleweng dari jalan Allah dan syari'at-Nya. Inilah gambaran haqiqi jiwa manusia yang mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang lain dari syari'at Allah. Inilah gambaran yang mendedahkan hakikat jiwa manusia yang mengingini jalan yang bengkok dan menyifatkannya dengan sifat dalaman yang betul.

* * * * * *

Siapakah Penghuni Al-A'raf?

Kemudian ayat-ayat yang berikut mengalihkan pandangan kita kepada pemandangan dari luar iaitu kepada Tembok al-A'raf yang memisahkan di antara Syurga dan Neraka, di mana terdapat kumpulan orang-orang yang mengenal penghuni-penghuni Syurga dan penghuni-penghuni Neraka melalui tanda-tanda yang ada pada mereka. Mari kita melihat siapa mereka? Dan apakah hubungan mereka dengan penghuni Syurga dan penghuni-penghuni Neraka?

وَبَيْنَهُمَا حِجَابٌ ۚ وَعَلَى ٱلْأَعْرَافِ رِجَالٌ يَعْرِفُونَ كُلًّۢا

بِسِيمَٰهُمْ ۚ وَنَادَوْا۟ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ أَن سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ ۚ لَمْ يَدْخُلُوهَا وَهُمْ يَطْمَعُونَ ﴿٤٦﴾
وَإِذَا صُرِفَتْ أَبْصَٰرُهُمْ تِلْقَآءَ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ قَالُوا۟ رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٧﴾
وَنَادَىٰٓ أَصْحَٰبُ ٱلْأَعْرَافِ رِجَالًا يَعْرِفُونَهُم بِسِيمَٰهُمْ قَالُوا۟ مَآ أَغْنَىٰ عَنكُمْ جَمْعُكُمْ وَمَا كُنتُمْ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٤٨﴾
أَهَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَقْسَمْتُمْ لَا يَنَالُهُمُ ٱللَّهُ بِرَحْمَةٍ ۚ ٱدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ لَا خَوْفٌ عَلَيْكُمْ وَلَآ أَنتُمْ تَحْزَنُونَ ﴿٤٩﴾

"Dan di antara Syurga dan Neraka itu terdapat tembok pemisah dan di atas tembok itu terdapat orang-orang yang mengenal kedua-dua penghuni Syurga dan penghuni Neraka dengan tanda-tanda mereka masing-masing. Dan mereka berseru kepada penghuni-penghuni Syurga: 'Selamat sejahtera ke atas kamu.' Mereka belum lagi memasuki Syurga, sedangkan mereka amat mengingininya (46). Dan apabila pandangan mereka dialihkan ke arah penghuni-penghuni Neraka mereka berkata: 'Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau tempatkan kami bersama orang-orang yang zalim (47). Lalu orang-orang yang berada di kemuncak tembok itu memanggil orang-orang yang mereka kenal dengan tanda-tanda mereka dengan berkata: 'Kini segala harta yang kamu kumpul dan sikap kamu yang angkuh (terhadap da'wah) tidak memberi faedah kepada kamu' (48). Itukah orang-orang yang kamu telah bersumpah bahawa mereka tidak akan mendapat sebarang rahmat dari Allah? (Lalu mereka dipersilakan): Masuklah ke dalam Syurga, tiada apa-apa kebimbangan terhadap kamu dan tidak pula kamu akan berdukacita."(49)

Mengikut riwayat-riwayat, orang-orang yang berdiri di atas Tembok al-A'raf yang memisahkan daerah Syurga dan Neraka itu ialah sekumpulan manusia yang mempunyai amalan-amalan yang sama berat di antara amalan yang baik dan amalan yang tidak baik. Amalan-amalan itu tidak dapat membawa mereka ke Syurga bersama-sama penghuni Syurga dan tidak pula membawa mereka ke Neraka bersama-sama penghuni Neraka. Mereka berada di tengah sempadan menunggu limpah kurnia Allah dan mengharapkan rahmat-Nya. Mereka kenal penghuni-penghuni Syurga melalui tanda-tanda tertentu yang ada pada mereka, iaitu mungkin melalui wajah-wajah mereka yang putih berseri, atau melalui cahaya yang memancar di hadapan dan di kanan mereka. Mereka juga kenal penghuni-penghuni Neraka melalui tanda-tanda tertentu yang ada pada mereka, iaitu mungkin melalui wajah-wajah mereka yang hitam dan masam kusam atau melalui tanda yang dipalitkan di atas batang hidung mereka yang berlagak angkuh dan takbur di dunia sebagaimana diterangkan dalam Surah al-Qalam:

سَنَسِمُهُۥ عَلَى ٱلْخُرْطُومِ ﴿١٦﴾

"Kami akan tandakan di atas belalainya (batang hidungnya)."

(Surah al-Qalam : 16)

Kini penduduk-penduduk Tembok al-A'raf itu melafazkan ucapan salam kepada penduduk-penduduk Syurga. Mereka lafazkan ucapan itu dengan penuh hormat agar Allah memasukkan mereka ke dalam Syurga bersama-sama orang-orang yang dikenali itu. Dan jika mata mereka terpandang penghuni-penghuni Neraka, iaitu mata mereka dipalingkan kepada penduduk Neraka di luar kehendak mereka, maka mereka terus memohon perlindungan Allah agar nasib kesudahan mereka tidak ditempatkan bersama penghuni Neraka itu:

وَبَيْنَهُمَا حِجَابٌ ۚ وَعَلَى ٱلْأَعْرَافِ رِجَالٌ يَعْرِفُونَ كُلًّۢا بِسِيمَٰهُمْ ۚ وَنَادَوْا۟ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ أَن سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ ۚ لَمْ يَدْخُلُوهَا وَهُمْ يَطْمَعُونَ ﴿٤٦﴾
وَإِذَا صُرِفَتْ أَبْصَٰرُهُمْ تِلْقَآءَ أَصْحَٰبِ ٱلنَّارِ قَالُوا۟ رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٧﴾

"Dan di atas Tembok al-A'raf itu terdapat orang-orang yang mengenal kedua-dua penghuni Syurga dan penghuni Neraka dengan tanda-tanda mereka masing-masing. Dan mereka berseru kepada penghuni Syurga: Selamat ke atas kamu! Mereka belum lagi memasuki sedangkan mereka amat mengingininya (46). Dan apabila pandangan mereka dialihkan ke arah penghuni-penghuni Neraka mereka berkata: 'Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau tempatkan kami bersama orang-orang yang zalim."(47)

Kemudian mereka ternampak beberapa orang dari tokoh-tokoh penderhaka yang dikenali mereka dengan tanda-tanda mereka lalu mereka melontarkan kecaman kepada tokoh-tokoh itu:

وَنَادَىٰٓ أَصْحَٰبُ ٱلْأَعْرَافِ رِجَالًا يَعْرِفُونَهُم بِسِيمَٰهُمْ قَالُوا۟ مَآ أَغْنَىٰ عَنكُمْ جَمْعُكُمْ وَمَا كُنتُمْ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿٤٨﴾

"Lalu orang-orang yang berada di kemuncak tembok itu memanggil orang-orang yang mereka kenal dengan tanda-tanda mereka dengan berkata: Kini segala harta yang kamu kumpul dan sikap kamu yang angkuh (terhadap da'wah) tidak memberi faedah kepada kamu."(48)

Maksudnya, kini kamu berada di dalam Neraka. Segala kekayaan yang kamu kumpul, di dunia tidak memberi apa-apa faedah kepada kamu dan segala tingkah laku kamu yang angkuh dan sombong tidak juga berguna kepada kamu. Kemudian mereka mengingatkan tokoh-tokoh itu tentang kata-kata cemuhan dan penghinaan yang mereka luahkan kepada orang-orang yang beriman di dunia iaitu mereka menuduh orang-orang Mu'min sebagai

orang-orang yang sesat yang tidak akan mendapat rahmat dari Allah:

أَهَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَقۡسَمۡتُمۡ لَا يَنَالُهُمُ ٱللَّهُ بِرَحۡمَةٍۚ

"Itukah orang-orang Mu'min yang kamu telah bersumpah bahawa mereka tidak akan mendapat sebarang rahmat dari Allah?"(49)

Maksudnya, lihatlah di mana orang-orang Mu'min itu sekarang, dan apakah ucapan yang ditujukan kepada mereka?

ٱدۡخُلُواْ ٱلۡجَنَّةَ لَا خَوۡفٌ عَلَيۡكُمۡ وَلَآ أَنتُمۡ تَحۡزَنُونَ ﴿٤٩﴾

"(Lalu mereka dipersilakan): Masuklah ke dalam Syurga, tiada apa-apa kebimbangan terhadap kamu dan tidak pula kamu akan berdukacita."(49)

* * * * * *

Pada akhirnya kita mendengar satu suara yang penuh harapan datang dari arah Neraka memohon pertolongan:

وَنَادَىٰٓ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِ أَصۡحَٰبَ ٱلۡجَنَّةِ أَنۡ أَفِيضُواْ عَلَيۡنَا مِنَ ٱلۡمَآءِ أَوۡ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُۚ

"Penghuni-penghuni Neraka berseru kepada penghuni-penghuni Syurga: Tolong limpahkan kepada kami sedikit air atau sedikit makanan yang telah dikurniakan Allah kepada kamu."(50)

Kemudian kita menoleh ke satu arah yang lain untuk mendengar satu jawapan yang memberi peringatan yang pedih:

قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ حَرَّمَهُمَا عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿٥٠﴾ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَهۡوٗا وَلَعِبٗا وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَاۚ

"Jawab mereka: Sebenarnya Allah telah mengharamkan kedua-duanya (air dan makanan) kepada orang-orang yang kafir, iaitu orang-orang yang telah menjadikan agama mereka sebagai hiburan dan mainan dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia."(50-51)

Sampai di sini tiba-tiba suara manusia hilang menyepi dan yang kedengaran hanya suara Allah Yang Maha Perkasa, Maha Mulia, yang memegang teraju kerajaan alam, dan pemerintahan:

فَٱلۡيَوۡمَ نَنسَىٰهُمۡ كَمَا نَسُواْ لِقَآءَ يَوۡمِهِمۡ هَٰذَا وَمَا كَانُواْ بِـَٔايَٰتِنَا يَجۡحَدُونَ ﴿٥١﴾

"Oleh sebab itu pada hari ini (Qiamat) Kami lupakan mereka sebagaimana mereka lupakan pertemuan mereka dengan hari Qiamat ini dan juga kerana mereka mengingkarkan ayat Kami."(51)

وَلَقَدۡ جِئۡنَٰهُم بِكِتَٰبٖ فَصَّلۡنَٰهُ عَلَىٰ عِلۡمٍ هُدٗى وَرَحۡمَةٗ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ﴿٥٢﴾

هَلۡ يَنظُرُونَ إِلَّا تَأۡوِيلَهُۥۚ يَوۡمَ يَأۡتِي تَأۡوِيلُهُۥ يَقُولُ ٱلَّذِينَ نَسُوهُ مِن قَبۡلُ قَدۡ جَآءَتۡ رُسُلُ رَبِّنَا بِٱلۡحَقِّ فَهَل لَّنَا مِن شُفَعَآءَ فَيَشۡفَعُواْ لَنَآ أَوۡ نُرَدُّ فَنَعۡمَلَ غَيۡرَ ٱلَّذِي كُنَّا نَعۡمَلُۚ قَدۡ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ وَضَلَّ عَنۡهُم مَّا كَانُواْ يَفۡتَرُونَ ﴿٥٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah membawa kepada mereka kitab (Al-Qur'an) yang Kami huraikan dengan terperinci mengikut ilmu (Kami) untuk menjadi petunjuk dan rahmat kepada golongan yang beriman (52). Tiada apa yang ditunggu-tunggakan mereka kecuali kebenaran yang dinyatakan oleh Al-Qur'an, dan pada hari datangnya kebenaran Al-Qur'an berkatalah orang-orang yang telah melupakannya sebelum ini: 'Sebenarnya para rasul yang diutuskan oleh Tuhan kami itu telah membawa kebenaran. Alangkah baiknya bagi kami mendapatkan pemberi-pemberi syafa'at agar mereka memberi syafa'at kepada kami atau kami dikembalikan semula (ke dunia) agar kami dapat melakukan amalan-amalan yang berlainan dari amalan yang telah kami lakukannya. Mereka sebenarnya telah merugikan diri sendiri dan tuhan-tuhan yang diada-adakan mereka telah hilang lenyap dari mereka.'"(53)

Demikianlah pemandangan itu silih berganti, datang dan pergi. Seketika berada di alam Akhirat dan seketika pula berada di alam dunia, seketika bersama-sama orang-orang yang sedang di'azab di dalam Neraka di mana mereka dilupai kerana mereka lupakan pertemuan dengan hari Qiamat dan mengingkarkan ayat-ayat Allah, di dunia mereka telah menerima kitab suci Allah yang menerangkan segala sesuatu dengan terperinci dan jelas. Kitab itu dihuraikan mengikut ilmu Allah yang syumul, tetapi mereka tinggalkannya kerana lebih suka mengikut hawa nafsu dan kepercayaan-kepercayaan yang karut. Dan seketika pula bersama mereka juga, tetapi semasa mereka masih berada di alam dunia menunggu hasil kebenaran yang dinyatakan oleh kitab suci itu di samping menunggu akibat dari amaran-Nya kerana mereka telah pun diberi amaran akan menerima akibatnya, yang kini di lihat mereka telah menjadi realiti dalam pemandangan ini.

Itulah detik-detik yang menarik di dalam pemandangan yang ditayangkan itu yang tidak dapat digubah melainkan oleh Al-Qur'an yang mengagumkan ini.

Demikianlah berakhirnya pameran pemandangan yang besar itu dengan ulasannya yang selaras dengan permulaannya untuk mengingatkan manusia terhadap hari Qiamat dan pemandangannya, juga untuk memberi amaran kepada mereka supaya jangan mendustakan ayat-ayat Allah dan para rasul-Nya dan jangan menunggu hingga melihat hasil kebenaran apa yang telah dijelaskan oleh kitab Allah, kerana hasil kebenarannya telah pun ditayangkan di dalam pemandangan ini, di mana mereka tidak mendapat kesempatan untuk bertaubat dan tidak mendapat pertolongan ketika di timpa kesusahan, dan

seterusnya tidak mendapat peluang untuk kembali beramal di dunia sekali lagi.

Ya, demikianlah berakhirnya pameran yang menarik ini dan kita kembali sedar setelah terpesona dengan pemandangan menarik yang di lihat oleh kita. Dan dari pemandangan itu kita kembali semula ke alam dunia yang sedang dihayati kita sekarang setelah menempuh satu perjalanan yang amat jauh pergi dan pulang. Itulah perjalanan hidup insan seluruhnya, perjalanan ke Mahsyar, perjalanan ke upacara hisab dan balasan selepasnya. Dan sebelum ini kita telah pun mengikuti perjalanan kisah penciptaan manusia yang pertama dan kisah perjalanannya turun ke bumi dan kisah perjalanannya di bumi.

Demikianlah Al-Qur'anul-Karim membawa hati manusia mengembara dan melintas zaman-zaman dan tempat-tempat yang amat jauh untuk menunjukkan kepada mereka apa yang telah, sedang dan akan berlaku dan semuanya itu dicerita di dalam beberapa sa'at yang pendek supaya mereka mengambil pengajaran dan mendengar amaran rasul-Nya:

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيْكَ فَلَا يَكُن فِى صَدْرِكَ حَرَجٌ مِّنْهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾ ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad). Oleh itu janganlah ada sesuatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya dengan perantaraannya engkau menyampaikan amaran (kepada manusia) dan supaya menjadi peringatan kepada orang-orang yang beriman (2). Ikutilah segala apa yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu ikuti pimpinan-pimpinan yang lain dari Allah (malangnya) sedikit sekali kamu mengambil peringatan."(3)

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 58)

Penjelajahan Di Alam Dunia

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ يَطْلُبُهُۥ حَثِيثًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ وَٱلنُّجُومَ مُسَخَّرَٰتٍۭ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ أَلَا لَهُ ٱلْخَلْقُ وَٱلْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٥٤﴾ ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾ وَلَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَٰحِهَا وَٱدْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾ وَهُوَ ٱلَّذِى يُرْسِلُ ٱلرِّيَٰحَ بُشْرًۢا بَيْنَ يَدَىْ رَحْمَتِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَقَلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَٰهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنزَلْنَا بِهِ ٱلْمَآءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ مِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ ۚ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ ٱلْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾ وَٱلْبَلَدُ ٱلطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُۥ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَٱلَّذِى خَبُثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا ۚ كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari lalu Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan cepat dan menciptakan matahari, bulan dan bintang, semuanya tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah bahawa Dialah yang menerajui urusan penciptaan dan pentadbiran alam buana, Maha Berkatlah Allah yang memelihara semesta alam (54). Berdo'alah kepada Tuhan kamu dengan rendah diri dan dengan suara yang perlahan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang pelampau (55). Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi setelah Allah mengislahkannya dan berdo'alah kepada-Nya dengan perasaan takut dan penuh harapan. Sesungguhnya rahmat Allah itu amat dekat kepada para Muhsinin (56). Dan Dialah yang melepaskan angin selaku berita gembira menjelang turun rahmat-Nya (hujan) sehingga apabila angin itu membawa awan mendung, maka Kami halakannya ke negeri yang tandus, lalu Kami turunkan hujan dan dengan perantaraannya Kami mengeluarkan segala jenis buah-buahan. Seperti itulah juga Kami kelak akan mengeluarkan orang-orang yang mati supaya kamu mengambil pengajaran (57). Dan negeri yang subur akan keluar tumbuh-tumbuhan dengan keizinan Allah, dan negeri yang tidak subur maka tumbuh-tumbuhan tidak keluar melainkan dengan keadaan yang sukar. Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat Kami dengan berbagai-bagai cara kepada golongan orang-orang yang bersyukur.(58)

Selepas melakukan penjelajahan luas yang melintasi zaman-zaman yang amat jauh dari permulaan kejadian manusia hingga pulang ke alam Akhirat, ayat-ayat bahagian ini membawa manusia kepada satu penjelajahan yang lain pula, iaitu penjelajahan di dalam hati alam buana dan di lembaran alam yang terbentang lebar di depan mata, di mana ditayangkan kisah penciptaan langit dan bumi selepas ditayangkan kisah penciptaan manusia. Ayat-ayat ini menarik pandangan dan mata hati manusia supaya meneliti isi kandungan alam ini dan rahsia-rahsianya, memerhati gejala-gejalanya yang lahir dan merenungi segala keadaannya, memerhati malam yang dikejar siang

silih berganti di cakerawala yang terus beredar itu, memerhati matahari, bulan dan bintang-bintang yang tunduk kepada perintah Allah, memerhati angin-angin yang berputar di udara, memindahkan awan-awan yang membawa hujan ke tempat-tempat yang tandus dengan perintah Allah, lalu bumi yang tandus itu mengeluarkan segala macam buah-buahan.

Itulah penjelajahan-penjelajahan di dalam kerajaan Allah yang dilakukan oleh ayat-ayat ini selepas kisah penciptaan manusia, selepas pengembaraan alam dunia dan alam Akhirat, selepas pembicaraan mengenai masalah mengikut syaitan dan keengganan mengikut para rasul Allah, selepas pendedahan kefahaman-kefahaman jahiliyah yang karut dan tradisi-tradisi yang diciptakan oleh manusia tanpa keizinan dari Allah dan syari'at-Nya. Tujuan ayat-ayat ini membuat penjelajahan-penjelajahan itu ialah untuk mengembalikan manusia kepada Tuhannya yang sebenar yang telah mencipta alam al-wujud dan menundukkannya di bawah kehendak dan kudrat-Nya, Tuhannya yang telah memerintah dan mengendalikan alam ini dengan undang-undang dan perencanaan-Nya dan Tuhannya yang menerajui urusan penciptaan dan pentadbiran alam semesta.

Ayat-ayat ini mengemukakan pernyataan yang kuat dan mendalam tentang 'Ubudiyah seluruh alam ini kepada Allah selaku Penciptanya. Ia membuat manusia yang enggan menunjukkan 'Ubudiyahnya kepada Allah sebagai satu makhluk yang sombong di alam ini, dan membuat makhluk yang sombong ini kelihatan begitu ganjil dan asing di alam ini.

Di bawah bayangan-bayangan ini dan dengan nada pernyataan ini Allah menyeru mereka:

ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

وَلَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَـٰحِهَا وَٱدْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

"Berdo'alah kepada Tuhan kamu dengan rendah diri dan dengan suara yang perlahan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang pelampau (55). Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi setelah Allah mengislahkannya. Dan berdo'alah kepada Allah dengan perasaan takut dan penuh harapan. Sesungguhnya rahmat Allah itu amat dekat kepada para Muhsinin."(56)

Konsep keta'atan dan 'Ubudiyah manusia yang mutlak kepada Allah merupakan cabang dari keislaman dan 'Ubudiyah seluruh alam kepada Allah.

Konsep menumpukan keta'atan kepada Allah dan konsep pengakuan manusia terhadap 'Ubudiyahnya kepada Allah merupakan cabang dari keislaman seluruh alam al-wujud kepada Allah dan cabang dari 'Ubudiyah seluruh alam al-wujud kepada kekuasaan Allah. Inilah saranan yang menjadi matlamat methodologi Al-Qur'an untuk ditanamkan di dalam hati manusia. Mana-mana hati atau akal manusia yang memerhati dengan penuh kesedaran kejadian alam buana ini dan rahsia-rahsia yang tersembunyi dan gejala-gejalanya yang mengungkapkan rahsia-rahsianya yang terpendam itu, tentulah ia akan mendapat kesan-kesan yang tidak dapat ditolak dan tentulah ia akan diharui perasaan yang kuat bahawa di sana ada kuasa ghaib yang mentadbir dan merencana, yang menerajui urusan penciptaan dan pentadbiran alam ini. Kesedaran ini merupakan langkah pertama untuk mendorongkan hati ke arah menyambut da'wah Allah dan menyerah diri kepada kekuasaan-Nya yang dipatuhi oleh seluruh alam al-wujud ini.

Oleh sebab itu methodologi Al-Qur'an menggunakan alam al-wujud ini sebagai bidangnya yang pertama untuk menjelaskan hakikat Uluhiyah dan meletakkan manusia sebagai hamba kepada Allah Yang Maha Esa serta menyedarkan seluruh hati dan jiwanya dengan hakikat 'Ubudiyah itu hingga ia mencapai rasa 'Ubudiyah yang haqiqi dengan menyerahkan dirinya kepada Allah dengan penuh kepercayaan dan keyakinan, di mana ia merasa bahawa segala sesuatu dan segala yang hidup di sekelilingnya adalah dari makhluk Allah yang mempunyai hubungan yang harmonis dengannya.

Dalil 'aqliyah bukan satu-satunya matlamat yang ditujukan oleh methodologi Al-Qur'an ketika ia memperlihatkan 'Ubudiyah seluruh alam kepada Allah Yang Maha Esa dan ketika ia menggambarkan bagaimana seluruh alam ini tunduk dan patuh kepada perintah dan keputusan Allah dengan penuh kerelaan, dengan perasaan yang selesa dan, dengan keinsafan yang halus dan mendalam. Malah di sebalik dalil 'aqliyah itu ada satu matlamat yang lain, iaitu methodologi Al-Qur'an mahu mewujudkan rasa perkongsian dan rasa harmonis, rasa yakin dan selesa kerana berada bersama angkatan iman yang menyeluruh.

Itulah peranaan 'Ubudiyah yang terbit dari hati yang penuh rela, bukan kerana dipaksa dan ditekan, malah perasaan itu adalah digerakkan - sebelum menerima perintah dan taklif - oleh perasaan kasih mesra, rasa yakin dan rasa harmonis dengan seluruh alam buana, oleh kerana ia tidak pernah berfikir untuk mengelakkan diri dari perintah dan tekanan, malah ia berbuat begitu kerana memenuhi keinginan semulajadinya yang mahu menyerahkan diri kepada Allah dengan cara yang selesa dan tenang, iaitu penyerahan diri yang mutlak kepada Allah dan menolak keta'atan kepada yang lain dari Allah, penyerahan diri yang luhur kepada Allah Pemelihara semesta alam.

Penyerahan diri inilah yang menggambarkan konsep keimanan, dan rasa keimanan dan 'Ubudiyah inilah yang merealisasikan konsep keislaman, semangat dan roh keislaman. Ia merupakan satu asas yang pasti ditegakkan sebelum menerima taklif dan perintah dan sebelum melaksanakan syi'ar-syi'ar ibadat dan

sebelum menjunjung undang-undang dan peraturan Allah. Oleh sebab itulah ia diberikan perhatian yang amat besar di dalam methodologi Al-Qur'anul-Hakim supaya batu asasnya ini di tegak dan ditanam sedalam-dalamnya di dalam hati manusia.

* * * * * *

Akal Manusia Tidak Berupaya Memikirkan Tentang Zat Allah

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ يَطْلُبُهُۥ حَثِيثًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ وَٱلنُّجُومَ مُسَخَّرَٰتٍۭ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ أَلَا لَهُ ٱلْخَلْقُ وَٱلْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٥٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari lalu Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan cepat menciptakan matahari, bulan dan bintang, semuanya tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah bahawa Dialah yang menerajui urusan penciptaan dan pentadbiran alam buana, Maha Berkatlah Allah yang memelihara semesta alam."(54)

'Aqidah tauhid dalam Islam sama sekali-kali tidak memberi ruang kepada mana-mana pemikiran dan kefahaman manusia terhadap zat Allah S.W.T. dan terhadap cara tingkahlaku atau af'al-Nya, kerana tiada suatu pun yang setanding dan sebanding dengan Allah S.W.T. Oleh sebab itulah pemikiran dan daya kefahaman manusia tidak mendapat ruang untuk menciptakan sesuatu gambaran mengenai zat Allah S.W.T. kerana segala kefahaman manusia adalah dibentuk dalam batas-batas ruang lingkup yang dapat ditangkap oleh akal manusia dari segala sesuatu yang ada di sekelilingnya. Dan oleh kerana tiada sesuatu yang setanding dan sebanding dengan zat Allah S.W.T., maka dengan sendirinya daya kefahaman manusia tidak mampu sama sekali untuk membentuk sesuatu gambaran yang tertentu bagi zat Allah S.W.T., dan apabila ia tidak mampu membentuk gambaran mengenai zat Allah Yang Maha Tinggi, maka dengan sendirinya pula ia tidak mampu membentuk gambaran mengenai cara-cara semua tingkahlaku-Nya (af'al-Nya). Oleh sebab itu manusia tidak mempunyai jalan yang lain dari menggunakan bidang penelitian dan pemerhatian-nya terhadap kesan-kesan tingkahlaku Allah (af'al-Nya) ke atas kejadian-kejadian alam yang wujud di sekitarnya. Inilah satu-satunya bidang (yang boleh diteroka oleh intelektual manusia).

Dari sini timbulnya bermacam-macam pertanyaan yang seumpama ini: Bagaimana caranya Allah menciptakan langit dan bumi? Bagaimana cara Allah bersemayam di atas 'Arasy? Dan bagaimana rupa bentuk 'Arasy yang disemayami Allah S.W.T.? Pertanyaan-pertanyaan yang seumpama ini merupakan pertanyaan-pertanyaan kosong dan tidak bermakna kerana ia bertentangan dengan asas i'tiqad Islam. Percubaan untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang seumpama ini merupakan percubaan yang kosong yang tidak mungkin dilakukan oleh orang yang sejak dari awal lagi mengetahui asas i'tiqad Islam. Di sana terdapat dalam sejarah Islam beberapa kumpulan Islam yang cuba membincangkan pertanyaan-pertanyaan ini kerana dijangkiti pengaruh pemikiran falsafah Greek.

Makna Jangka Masa Enam Hari Langit Dan Bumi Diciptakan Allah

Masa enam hari Allah menciptakan langit dan bumi itu merupakan suatu urusan ghaib yang tidak disaksikan oleh sesiapa pun baik manusia mahupun mana-mana makhluk Allah yang lain:

مَّآ أَشْهَدتُّهُمْ خَلْقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَا خَلْقَ أَنفُسِهِمْ

"Aku tidak pernah menghadirkan mereka untuk menyaksikan penciptaan langit dan bumi dan tidak pula penciptaan diri mereka sendiri."

(Surah al-Kahfi: 51)

Segala pendapat manusia mengenai penciptaan langit dan bumi ini tidak berlandaskan kepada punca-punca yang diyakini kebenarannya.

Mungkin yang dimaksudkan dengan enam hari itu ialah enam fasa atau enam peringkat, dan mungkin pula dimaksudkan dengan enam hari itu ialah hari-hari di sisi Allah yang tidak boleh diukur dengan hari-hari di zaman kita yang berlandaskan kepada pergerakan-pergerakan bumi dan matahari yang belum lagi wujud sebelum diciptakan langit dan bumi, atau mungkin pula dimaksudkan dengan suatu yang lain lagi. Oleh itu tiada siapa pun yang boleh berkata dengan pasti tentang maksud kata-kata "enam hari" di sini. Semua pentafsiran mengenai persoalan-persoalan enam hari itu merupakan pendapat-pendapat yang tidak melebihi darjat tekaan dan andaian sahaja dengan menggunakan nama "sains". Ia merupakan percubaan yang sewenang-wenang yang berpunca dari jiwa yang tewas dan kalah kepada "sains", sedangkan pendapat sains dalam bidang ini tidak melebihi darjat sangkaan dan andaian sahaja.

Marilah kita ketepikan sahaja perbahasan-perbahasan ini yang tidak menambahkan sesuatu apa pun kepada tujuan ayat ini, supaya kita dapat bersama-sama ayat-ayat yang indah ini meneruskan pengembaraan yang menarik ini ke merata pelosok alam yang terbentang di hadapan mata kita untuk menyelami rahsia-rahsia yang tersembunyi.

* * * * * *

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ يَطْلُبُهُۥ حَثِيثًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ وَٱلنُّجُومَ مُسَخَّرَٰتٍۭ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ أَلَا لَهُ ٱلْخَلْقُ وَٱلْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٥٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari lalu Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan cepat dan menciptakan matahari, bulan dan bintang, semuanya tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah bahawa Dialah yang menerajui urusan penciptaan dan pentadbiran alam buana, Maha Berkatlah Allah yang memelihara semesta alam."(54)

Maksudnya, Allah yang menciptakan alam nyata yang besar dan gemilang ini, yang menguasai, mentadbir dan mengendalikan alam buana dengan perencanaan-Nya yang rapi, yang melindungi malam dan siang yang mengiringinya dengan pantas dan silih berganti dalam satu peredaran yang berterusan, di mana malam mengejar siang dan siang mengejar malam, Allah yang menciptakan matahari, bulan dan bintang-bintang yang patuh kepada perintah-Nya, Allah yang mencipta, menguasai, mengendali dan mentadbirkan segala urusan semesta alam itu adalah Tuhan kamu. Dia satu-satunya yang layak menjadi Tuhan kamu yang sanggup mendidik kamu dengan agama, menghimpun dan menyatupadukan kamu dengan peraturan-peraturan, mengadakan undang-undang untuk kamu dengan keizinan-Nya dan mengadili kamu dengan syari'at-Nya. Dialah satu-satunya Tuhan yang menerajui penciptaan dan pengurusan alam buana. Tiada pencipta yang lain bersama-Nya dan tiada pemerintah yang lain bersama-Nya. Inilah persoalan yang menjadi matlamat tayangan dan penjelasan ayat-ayat ini, iaitu persoalan Uluhiyah, Rububiyah dan Hakimiyah yang tertentu kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Itulah persoalan 'Ubudiyah manusia kepada Allah di dalam undang-undang dan peraturan hidup mereka. Inilah maudhu' yang dibicarakan oleh ayat-ayat surah ini yang diolahkan dalam persoalan pakaian dan makanan, juga seperti yang dibicara dan diolahkan oleh Surah al-An'am dalam persoalan-persoalan binatang ternakan, tanam-tanaman, syi'ar-syi'ar ibadat dan nazar-nazar.

Matlamat besar yang ditujukan oleh ayat-ayat ini tidak seharusnya melupakan kita untuk berhenti sebentar merenungi keindahan pemandangan-pemandangan yang ditayangkan itu, di samping merenungi ungkapan-ungkapannya yang hidup, harakat-harakatnya yang cergas dan saranan-saranannya yang menarik. Keindahan pemandangan-pemandangan itu selaras dengan matlamat besar yang menjadi sasarannya.

Gambaran Alam Yang Menghidupkan Akal Dan Perasaan Manusia

Peredaran kefahaman dan perasaan bersama peredaran malam dan siang di dalam cakerawala yang sentiasa beredar, di mana malam mengejar siang dan siang mengejar malam adalah satu peredaran yang membuat jiwa terpaksa mengikutinya dan turut beredar bersamanya, terpaksa ikut memerhatikan perlumbaan raksasa di antara malam dan siang dengan hati yang berdebar dan nafas yang termengah-mengah, seluruhnya membuat seseorang itu dalam keadaan siap-siaga, bersedia, berharap dan menunggu-nunggu.

Keindahan harakat pemandangan-pemandangan dan kelincahannya dan penggambaran malam dan siang sebagai seorang insan yang sedar, mempunyai kemahuan dan tujuan merupakan satu tahap keindahan penggambaran dan pengungkapan yang tidak dapat dicapai oleh kesenian manusia.

Kekerapan dan kebiasaan kita melihat kejadian-kejadian alam telah membunuh keindahannya di dalam hati kita. Ia membuat pandangan kita kepada kejadian-kejadian itu sebagai pandangan yang bodoh yang tidak bermakna dan pandangan kosong yang tidak bererti, tetapi di sini kekerapan dan kebiasaan itu hilang diganti oleh realiti pemandangan baru yang indah seolah-olah pemandangan itu baru pertama kali di lihat oleh fitrah manusia, kerana malam dan siang di dalam ayat ini tidak digambarkan sebagai gejala alam yang biasa dan berulang-ulang kali, malah kedua-duanya digambarkan sebagai makhluk hidup yang bernyawa, mempunyai kemahuan dan tujuan, mempunyai hubungan yang mesra dengan manusia dan turut menyertai manusia di dalam kegiatan hidup, kegiatan bertarung, berlawan dan berlumba yang menjadi ciri hayat.

Begitulah juga matahari, bulan dan bintang-bintang digambarkan dalam ayat ini sebagai makhluk-makhluk hidup yang mempunyai roh, yang mampu menerima perintah Allah dan melaksanakannya, yang tunduk kepada kehendak Allah dan berjalan mengikut perintah-Nya, juga sebagai makhluk yang patuh kepada Allah, yang bersedia menerima dan menyambut perintah, yang akan pergi ke mana sahaja di arah sama seperti makhluk-makhluk insan yang hidup menjunjung perintah Allah.

Di sinilah hati nurani manusia bergerak dan menggelentar dengan penuh terharu untuk turut menyambut da'wah dan menyertai angkatan makhluk-makhluk yang hidup yang telah menyambut da'wah Allah. Dan di sinilah juga terletaknya pengaruh-pengaruh madah Al-Qur'an yang tidak terdapat pada madah manusia. Ia berbicara dengan fitrah manusia dengan kekuatan pengaruh kalam Allah yang amat mengetahui pintu-pintu hati manusia dan rahsia-rahsia fitrahnya.

* * * * * *

Apabila ayat-ayat ini sampai di sini, maka jiwa manusia pun bergerak dan menggelentar dengan penuh terharu kerana melihat pemandangan-pemandangan alam yang hidup, sedangkan selama ini ia melihat pemandangan itu dengan pandangan yang bodoh yang tidak membawa apa-apa erti. Kini ia melihat dengan jelas bagaimana makhluk-makhluk yang besar itu memperlihatkan keta'atan dan 'Ubudiyah kepada kekuasaan dan perintah Allah, dan ketika inilah ia menumpukan seluruh hatinya kepada Allah Tuhan makhluk-makhluk yang besar itu untuk berdo'a kepada-Nya dengan penuh khusyu', untuk menjunjung Rububiyah Allah terhadap mereka dan mematuhi batas-batas 'Ubudiyah mereka kepada Allah: Iaitu tidak menceroboh kuasa Allah dan tidak melakukan kerosakan di bumi dengan meninggalkan syari'at Allah dan mengikut hawa nafsu mereka setelah Allah mengislahkan bumi dengan undang-undang dan peraturan agamanya:

ٱدۡعُواْ رَبَّكُمۡ تَضَرُّعٗا وَخُفۡيَةًۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُعۡتَدِينَ ﴿٥٥﴾

وَلَا تُفۡسِدُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ بَعۡدَ إِصۡلَٰحِهَا وَٱدۡعُوهُ خَوۡفٗا وَطَمَعًاۚ إِنَّ رَحۡمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٞ مِّنَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿٥٦﴾

"Berdo'alah kepada Tuhan kamu dengan rendah diri dan dengan suara yang perlahan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang pelampau (55). Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi setelah Allah mengislahkannya. Dan berdo'alah kepada Allah dengan perasaan takut dan penuh harapan. Sesungguhnya rahmat Allah itu amat dekat kepada para Muhsinin."(56)

Itulah perintah yang dikeluarkan dalam suasana yang paling sesuai dengan keadaan jiwa yang baik supaya mereka berdo'a dan kembali kepada Allah dengan khusyu' dan rendah diri, dengan suara yang lembut dan perlahan bukan dengan laungan yang kuat dan bertepuk tangan, kerana berdo'a dengan perasaan rendah diri dan dengan suara yang lembut itu adalah lebih sesuai dengan kebesaran Allah dan dengan hubungan-Nya yang dekat dengan para hamba-Nya.

Mengikut sebuah hadith yang dikeluarkan oleh Muslim dengan isnadnya dari Abu Musa katanya: Kami bersama Rasulullah s.a.w dalam satu persafiran - dalam riwayat yang lain dalam satu peperangan - tiba-tiba orang ramai bertakbir dengan suara yang lantang, lalu Rasulullah s.a.w berseru:

يا أيها الناس أربعوا على أنفسكم إنكم لستم تدعون أصم
ولا غائبا إنكم تدعون سميعا قريبا وهو معكم

"Wahai manusia! Kasihanlah kepada diri kamu. Sesungguhnya kamu bukannya berdo'a kepada yang tuli dan bukan pula kepada yang ghaib, malah kamu berdo'a kepada Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Hampir kepada kamu."

Perasaan yang penuh iman terhadap kebesaran dan kehampiran Allah itulah yang ditekankan di sini oleh methodologi Al-Qur'an, di mana ia menjelaskan dalam bentuk harakatnya yang sebenar ketika berdo'a kepada Allah, kerana orang-orang yang benar-benar merasa kebesaran Allah akan merasa segan dan malu melaungkan do'anya dengan suara yang tinggi. Begitu juga orang yang merasakan kehampiran Allah tidak mempunyai sesuatu alasan yang mewajarkannya menggunakan suara yang keras untuk berdo'a kepada Allah.

Di bawah bayangan pemandangan berdo'a kepada Allah dengan khusyu' dan rendah diri, ayat yang berikut mengemukakan larangan terhadap perbuatan menceroboh kuasa Allah dalam bentuk perbuatan mereka dalam jahiliyah yang mendakwa mempunyai kuasa Hakimiyah, iaitu kuasa membuat undang-undang dan keputusan-keputusan yang hanya dimiliki oleh Allah, di samping melarang mereka melakukan kerosakan di bumi kerana menurut hawa nafsu, sedangkan bumi telah diislahkan Allah dengan undang-undang syari'at-Nya. Orang yang berdo'a kepada Allah Yang Maha Dekat dengan khusyu' dan rendah diri, dengan suara yang rendah dan perlahan tidak akan menceroboh kuasa Allah dan tidak akan melakukan perbuatan-perbuatan yang membawa kepada kerosakan di bumi Allah setelah diislahkan-Nya. Di antara dua perasaan ini terdapat hubungan dalaman yang rapat dalam struktur jiwa dan perasaan. Methodologi Al-Qur'an sentiasa menurut debaran hati dan keharuan-keharuan perasaan manusia. Itulah methodologi ciptaan Allah yang mengetahui rahsia insan yang diciptakan-Nya dan Dia adalah Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu-Nya.

وَٱدۡعُوهُ خَوۡفٗا وَطَمَعًاۚ

"Dan berdo'alah kepada-Nya dengan perasaan takut dan penuh harapan"(56)

iaitu takut kepada kemurkaan dan hukuman-Nya dan penuh harapan untuk mendapat keredhaan dan ganjaran dari-Nya.

إِنَّ رَحۡمَتَ ٱللَّهِ قَرِيبٞ مِّنَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya rahmat Allah itu amat dekat kepada para Muhsinin"(56)

iaitu orang-orang yang menyembah Allah seolah-olah mereka melihat-Nya dan jika mereka tidak dapat melihat-Nya, maka Allah tetap melihatnya, sebagaimana pengertian ihsan yang dijelaskan oleh hadith Nabi s.a.w.

* * * * * *

Sekali lagi ayat yang berikut membentangkan lembaran alam kepada hati manusia, tetapi lembaran ini selalu sahaja di lihat manusia dengan hati yang bodoh dan kosong tanpa mendengar bisikannya dan merasa kesannya. Itulah lembaran alam yang dibuka ketika rahmat Allah disebut di dalam ayat yang lepas,

iaitu satu contoh rahmat Allah dalam bentuk air hujan yang turun dan tumbuhan yang subur atau dalam bentuk hayat yang mendenyut selepas mati dan tidak bergerak.

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَاحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقَلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

"Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita gembira sebelum turun rahmat-Nya (hujan) sehingga apabila angin itu membawa awan mendung yang sarat dengan air Kami arahkannya ke negeri yang mati (tandus) dan Kami turunkan di sana air hujan lalu Kami mengeluarkan dengan air itu berbagai-bagai pokok buah-buahan. Demikianlah juga Kami mengeluarkan (menghidupkan) orang-orang yang mati semoga kamu mengambil peringatan."(57)

Itulah kesan-kesan dari tindakan Rububiyah Allah di alam, iaitu kesan-kesan penciptaan, kekuasaan, pentadbiran dan perencanaan Allah. Semuanya adalah dari ciptaan Allah, yang tiada Tuhan bagi manusia selain-Nya. Dialah Tuhan yang mencipta dan memberi rezeki melalui sebab-sebab dan punca-punca yang diciptakan-Nya dengan rahmat-Nya untuk faedah para hamba-Nya.

Setiap waktu angin bertiup dan setiap waktu pula angin membawa awan dan setiap tempoh tertentu air hujan turun dari awan dan semua hubungan ini berlaku dengan ciptaan Allah mengikut hakikat yang sebenar. Inilah satu perkara baru yang dihidangkan oleh Al-Qur'an dalam pemandangan yang hidup dan bergerak seolah-olah dapat di lihat dengan mata.

Allahlah yang melepaskan angin untuk menyampaikan berita gembira bahawa rahmat Allah tidak lama lagi akan tiba. Angin-angin itu bertiup mengikut undang-undang Allah yang diaturkan untuk alam ini, alam yang tidak mungkin menciptakan diri sendiri kemudian mengadakan undang-undang untuk mengendalikan dirinya, tetapi kefahaman Islam ditegakkan di atas 'aqidah bahawa setiap peristiwa yang berlaku di alam - walaupun ia berlaku mengikut undang-undang yang telah ditetapkan Allah - adalah berlaku mengikut undang-undang dengan satu perencanaan khas yang di wujud dan di zahirkan Allah ke alam kenyataan. Perintah Ilahi yang qadim berhubung dengan perjalanan undang-undang ini tidak bercanggah dengan wujudnya perencanaan khas bagi setiap peristiwa yang berlaku mengikut undang-undang itu. Pelepasan atau penghantaran angin merupakan salah satu dari peristiwa-peristiwa alam yang berlaku mengikut satu perencanaan khas.[8]

Angin yang membawa awan juga berlaku mengikut undang-undang Allah di alam ini, tetapi ia berlaku dengan satu perencanaan khas. Kemudian dengan perencanaan khas itu Allah mengarahkan awan-awan itu menuju ke tempat-tempat atau negeri-negeri yang tandus di kawasan padang gurun atau di kawasan-kawasan kering, di mana awan-awan itu melepaskan hujan dan ini juga mengikut satu perencanaan khas dari Allah. Kemudian dengan perantaraan air hujan itu Allah mengeluarkan berbagai jenis buah-buahan - ini juga mengikut satu perencanaan khas dari-Nya dan semuanya itu berlaku mengikut undang-undang yang diatur oleh Allah sesuai dengan tabi'at alam dan tabi'at hayat.

Kefahaman Islam dalam aspek ini menolak unsur keserampangan dan kebetulan dalam segala peristiwa yang berlaku di alam ini mulai dari peristiwa kewujudan dan kelahiran sehingga kepada setiap pergerakan, setiap perubahan dan setiap pertukaran yang berlaku kepadanya, sebagaimana ia menafikan unsur Jabriyah yang automatik yang menggambarkan alam sebagai sebuah robot yang siap dibuat oleh tukang-tukangnya yang telah melengkapkannya dengan peraturan-peraturan yang boleh membuat robot itu bergerak sendiri secara jabriyah dan automatik mengikut peraturan-peraturan yang buta itu.

Perencanaan Khas Di Samping Undang-undang Yang Tetap

Kefahaman Islam menetapkan bahawa penciptaan itu berlaku dengan kehendak dan perencanaan Allah, kemudian ia menetapkan pula kewujudan undang-undang yang tetap dan sentiasa berkuat kuasa, tetapi di samping itu ia menetapkan adanya perencanaan khas dari Allah bagi setiap pergerakan undang-undang itu dan setiap kali berlakunya undang-undang itu. Itulah perencanaan khas yang melahirkan pergerakan dan menjalankan undang-undang mengikut kehendak iradat Allah yang bebas di sebalik undang-undang yang tetap itu.

Kefahaman Islam merupakan satu kefahaman yang hidup dan dinamis. Ia menghapuskan masa bodoh atau ketidak pedulian hati, iaitu masa bodoh automatik dan Jabriyah. Ia membuat hati sentiasa waspada dan siap siaga. Setiap kali berlakunya sesuatu peristiwa atau sesuatu pergerakan mengikut undang-undang Allah, hati ini terus bergerak melihat perencanaan Allah yang dikuatkuasakan-Nya dan melihat tangan kudrat Allah yang menciptakannya, ia bertasbih memuji dan mengingati Allah serta bermuraqabah dengan-Nya. Ia tidak memandang

---

[8] *Lihat huraian dalam buku* " خصائص التصور الإسلامي ومقوماته" *dalam bab-bab ini* – "حقيقة الألوهية" , "حقيقة الكون" , "حقيقة الإنسان" *dalam bahagian yang kedua buku ini.*

peristiwa itu dengan sikap masa bodoh automatik dan tidak pula melupakan-Nya.

Inilah kefahaman yang menghidupkan hati, menggerakkan akal dan menghubungkan dengan kuasa penciptaan Allah yang sentiasa bertindak di samping mendorongkannya bertasbih memuji Allah yang hadir pada setiap detik, pada setiap harakat dan pada setiap peristiwa yang berlaku di sepanjang waktu malam dan siang.

Demikianlah ayat yang berikut menghubungkan di antara hakikat hayat yang muncul dengan kehendak iradat Allah dan perencanaan-Nya di bumi ini dan hakikat alam Akhirat yang juga wujud dengan kehendak iradat Allah dan perencanaan-Nya, sama dengan cara yang di lihat oleh manusia pada kejadian tumbuh-tumbuhan yang hidup di alam ini:

كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ ٱلْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

"Seperti itulah juga Kami akan mengeluarkan orang-orang yang mati supaya kamu mengambil pengajaran."(57)

Mu'jizat hayat mempunyai satu tabi'at di sebalik berbagai-bagai rupa bentuk dan keadaan sekitarnya. Inilah yang disarankan oleh ayat ini. Sebagaimana Allah mengeluarkan hayat dari benda yang mati di bumi ini, maka begitulah juga Allah mengeluarkan hayat dari orang-orang yang mati di akhir perjalanan. Kehendak iradat yang menyebar hayat di dalam berbagai-bagai rupa dan bentuk kejadian-kejadian yang hidup di bumi ini, maka kehendak iradat yang sama juga yang memulangkan hayat kepada orang-orang yang mati. Perencanaan yang diatur untuk mengeluarkan hayat dari benda-benda yang mati, merupakan perencanaan yang sama yang diatur untuk menyerapkan hayat pada orang-orang yang telah mati.

"Supaya kamu mengambil pengajaran."(57)

Manusia lupa kepada hakikat yang jelas ini dan terus menenggelamkan diri di dalam berbagai-bagai kesesatan dan kepercayaan yang karut.

Kemudian ayat yang berikut menamatkan pembicaraan di merata pelosok alam yang bertujuan meneroka rahsia-rahsianya dengan mengemukakan satu perbandingan di antara hati yang baik dengan hati yang tidak baik. Perbandingan ini diambil dari suasana pemandangan yang ditayangkan ini untuk menyelaras dan mengimbangkan pemandangan-pemandangan, tabi'at-tabi'at dan hakikat-hakikat yang telah dibentangkan itu:

وَٱلْبَلَدُ ٱلطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُۥ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ ۖ وَٱلَّذِى خَبُثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا ۚ كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

"Dan negeri yang subur akan keluar tumbuh-tumbuhan dengan keizinan Allah, dan negeri yang tidak subur, maka tumbuh-tumbuhan tidak keluar melainkan dengan keadaan yang sukar, demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat Kami dengan berbagai-bagai cara kepada golongan yang bersyukur."(58)

Di dalam Al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w., hati yang baik ini dibandingkan dengan bumi yang baik dan tanah yang subur, sementara hati yang tidak baik pula dibandingkan dengan bumi yang tidak baik dan tanah yang tidak subur, kedua-duanya merupakan tempat tumbuhnya tanaman dan tempat yang menghasilkan buah-buahan. Hatilah yang menumbuhkan niat-niat, perasaan-perasaan, emosi-emosi, sambutan-sambutan, kecenderungan-kecenderungan dan keazaman-keazaman yang melahirkan tindakan-tindakan dan kesan-kesan di dalam realiti kehidupan. Ia sama seperti bumi yang menumbuhkan aneka tanaman dan mengeluarkan aneka buah-buahan yang berbagai-bagai rasa, warna dan jenis.

وَٱلْبَلَدُ ٱلطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُۥ بِإِذْنِ رَبِّهِۦ

"Dan negeri yang subur akan keluar tumbuhannya dengan keizinan Allah."(58)

Negeri yang baik ialah negeri yang subur, penuh kebajikan dan kemudahan.

وَٱلَّذِى خَبُثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا

"Dan negeri yang tidak subur, maka tumbuh-tumbuhan tidak keluar melainkan dengan keadaan yang sukar."(58)

Yakni keluar dengan keadaan yang tidak menyenangkan, keluar dengan keadaan yang sukar dan sulit.

Hidayat Allah, ayat-ayat Al-Qur'an, pengajaran dan nasihat yang baik turun ke dalam hati sama seperti turunnya air hujan ke dalam bumi, kerana hati yang baik itu sama dengan bumi yang baik yang sentiasa membuka pintunya dan menyambut kedatangan air dan terus subur mengeluarkan hasil-hasil tanaman yang baik, sebaliknya jika hati ini rosak dan jahat, maka ia sama dengan negeri-negeri dan tempat-tempat yang mempunyai tanah tidak baik, gersang dan keras, hati itu dipenuhi kejahatan, kemungkaran, kerosakan dan kemudharatan dan menghasilkan duri-duri dan keadaan-keadaan yang menyakiti masyarakat sama seperti hasil-hasil yang tidak baik yang dikeluarkan oleh bumi yang bermasalah.

كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

"Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat Kami dengan berbagai-bagai cara kepada golongan orang-orang yang bersyukur."(58)

Kesyukuran itu terbit dari hati yang baik. Ia membuktikan hati itu mempunyai penerimaan yang baik dan perasaan yang baik. Kepada golongan yang bersyukur dan menyambut baik inilah dijelaskan ayat-

ayat Allah, kerana golongan Inilah yang dapat mengambil manfa'at darinya, yang layak menerimanya dan mengislahkan diri mereka, dengannya.

Kesyukuran merupakan persoalan yang banyak disebut dalam surah ini sama seperti ia menyebut amaran dan peringatan. Kita telah menemui ungkapan-ungkapan ini di dalam ayat-ayat yang silam dan kita akan menemuinya di dalam ayat-ayat yang akan datang. Pendeknya persoalan kesyukuran merupakan ciri-ciri perawakan surah ini sama dengan ungkapan amaran dan peringatan.

(Kumpulan ayat-ayat 59 - 93)

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ
يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥٩﴾

قَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِهِۦٓ إِنَّا لَنَرَىٰكَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٦٠﴾

قَالَ يَٰقَوْمِ لَيْسَ بِى ضَلَٰلَةٌ وَلَٰكِنِّى رَسُولٌ مِّن رَّبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦١﴾

أُبَلِّغُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّى وَأَنصَحُ لَكُمْ وَأَعْلَمُ
مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦٢﴾

أَوَعَجِبْتُمْ أَن جَآءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ
مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ وَلِتَتَّقُوا۟ وَلَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٦٣﴾

فَكَذَّبُوهُ فَأَنجَيْنَٰهُ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥ فِى ٱلْفُلْكِ وَأَغْرَقْنَا
ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا
عَمِينَ ﴿٦٤﴾

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ
مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٦٥﴾

قَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦٓ إِنَّا لَنَرَىٰكَ فِى
سَفَاهَةٍ وَإِنَّا لَنَظُنُّكَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٦٦﴾

قَالَ يَٰقَوْمِ لَيْسَ بِى سَفَاهَةٌ وَلَٰكِنِّى رَسُولٌ مِّن رَّبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٧﴾

أُبَلِّغُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّى وَأَنَا۠ لَكُمْ نَاصِحٌ أَمِينٌ ﴿٦٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu ia berseru: Wahai kaumku, sembahlah Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain Allah. Sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpakan 'azab keseksaan hari (Qiamat) yang amat besar (59). Pemimpin-pemimpin kaumnya berkata: Sebenarnya kami memandang engkau berada di dalam kesesatan yang amat nyata (60). Jawab Nuh: Wahai kaumku, tiada padaku sebarang kesesatan apa pun, tetapi aku adalah seorang utusan dari Tuhan yang memelihara semesta alam (61). Aku (ditugas) menyampaikan perutusan-perutusan Tuhanku dan memberi nasihat kepada kamu dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui oleh kamu (62). Apakah kamu merasa hairan kerana datangnya kepada kamu peringatan dari Tuhan kamu melalui seorang lelaki dari golongan kamu untuk memberi amaran kepada kamu agar kamu bertaqwa supaya kamu diberikan Allah rahmat? (63) Lalu mereka mendustakannya, kemudian Kami selamatkannya serta orang-orang yang bersama dengannya di dalam bahtera dan Kami tenggelamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Sebenarnya mereka adalah satu kaum yang buta mata hatinya (64). Dan (Kami telah utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud. Dia berseru: 'Wahai kaumku sembahlah Allah. Tiada Tuhan bagi kamu selain Allah. Mengapakah kamu tidak mahu bertaqwa? (65) Berkatalah pemimpin-pemimpin kaumnya yang kafir: Sebenarnya kami memandang engkau berada dalam suatu kebodohan dan sebenarnya kami menganggapkan engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang berdusta (66). Jawab Hud: Wahai kaumku, tiada pada aku sebarang kebodohan apa pun, tetapi aku adalah seorang utusan dari Allah Yang Memelihara semesta alam (67). Aku (ditugas) menyampaikan perutusan-perutusan Tuhanku dan aku adalah seorang penasihat yang jujur kepada kamu.(68)"

أَوَعَجِبْتُمْ أَن جَآءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ
مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ ۚ وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ جَعَلَكُمْ
خُلَفَآءَ مِنۢ بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ وَزَادَكُمْ فِى ٱلْخَلْقِ
بَصْۜطَةً ۖ فَٱذْكُرُوٓا۟ ءَالَآءَ ٱللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾

قَالُوٓا۟ أَجِئْتَنَا لِنَعْبُدَ ٱللَّهَ وَحْدَهُۥ وَنَذَرَ مَا كَانَ
يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا ۖ فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ
ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٧٠﴾

قَالَ قَدْ وَقَعَ عَلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ رِجْسٌ
وَغَضَبٌ ۖ أَتُجَٰدِلُونَنِى فِىٓ أَسْمَآءٍ سَمَّيْتُمُوهَآ
أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّا نَزَّلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ
فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿٧١﴾

فَأَنجَيْنَٰهُ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَقَطَعْنَا
دَابِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا ۖ وَمَا كَانُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٧٢﴾
وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ قَدْ جَآءَتْكُم بَيِّنَةٌ
مِّن رَّبِّكُمْ ۖ هَٰذِهِۦ نَاقَةُ ٱللَّهِ لَكُمْ ءَايَةً ۖ
فَذَرُوهَا تَأْكُلْ فِىٓ أَرْضِ ٱللَّهِ ۖ وَلَا تَمَسُّوهَا
بِسُوٓءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٣﴾
وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَآءَ مِنۢ بَعْدِ عَادٍ
وَبَوَّأَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ تَتَّخِذُونَ مِن سُهُولِهَا
قُصُورًا وَتَنْحِتُونَ ٱلْجِبَالَ بُيُوتًا ۖ فَٱذْكُرُوٓا۟
ءَالَآءَ ٱللَّهِ وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٧٤﴾
قَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ لِلَّذِينَ
ٱسْتُضْعِفُوا۟ لِمَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ أَتَعْلَمُونَ أَنَّ
صَٰلِحًا مُّرْسَلٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۚ قَالُوٓا۟ إِنَّا بِمَآ أُرْسِلَ
بِهِۦ مُؤْمِنُونَ ﴿٧٥﴾
قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا بِٱلَّذِىٓ ءَامَنتُم
بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿٧٦﴾
فَعَقَرُوا۟ ٱلنَّاقَةَ وَعَتَوْا۟ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِمْ وَقَالُوا۟
يَٰصَٰلِحُ ٱئْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ
ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٧٧﴾

"Apakah kamu merasa hairan kerana datangnya kepada kamu peringatan dari Tuhan kamu melalui seorang lelaki dari kalangan kamu untuk memberi amaran kepada kamu. Ingatlah kamu sewaktu Allah menjadikan kamu selaku khalifah-khalifahnya di bumi selepas kaum Nuh dan menambahkan kekuatan dan kejaguran tubuh badan kamu. Oleh itu kenangilah ni'mat-ni'mat Allah supaya kamu mendapat keberuntungan (69). Mereka berkata: Apakah kamu datang kepada kami supaya kami hanya menyembah Allah sahaja dan meninggalkan sembahan-sembahan yang biasa disembah oleh datuk nenek kami. Bawalah 'Azab yang engkau ancamkan kami itu jika engkau dari orang-orang yang benar (70). Jawab Hud: 'azab ini pasti akan menimpa kamu. Apakah kamu mahu berdebat dengan aku tentang nama-nama berhala sembahan kamu yang telah dinamakan kamu dan datuk nenek kamu itu, sedangkan Allah tidak pernah menurunkan sebarang hujjah mengenainya? Oleh itu tunggulah 'azab itu dan aku juga dari orang-orang yang turut menunggu bersama kamu (71). Kemudian Kami selamatkan Hud serta orang-orang yang ada bersamanya dengan rahmat dari Kami dan Kami telah menghapuskan seluruh mereka yang telah mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka sama sekali tidak pernah termasuk dalam golongan yang beriman (72). Dan (Kami utuskan) kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh. Ia berseru kepada mereka: Sembahlah Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Sesungguhnya bukti yang nyata telah datang kepada kamu dari Tuhan kamu. Inilah Unta Allah sebagai satu bukti untuk kamu (terhadap kebenaranku). Biarkanlah Unta ini makan di bumi Allah (dengan bebas) dan janganlah kamu takutkan sesuatu yang tidak baik terhadapnya nanti kamu di timpa 'azab yang amat pedih (73). Ingatlah kamu sewaktu Allah menjadikan kamu selaku khalifah-khalifah-Nya selepas kaum 'Ad dan memberi tempat kediaman yang baik kepada kamu di bumi ini, di mana kamu mendirikan istana-istana di dataran-datarannya dan kamu memahat gunung-ganang untuk dijadikan rumah-rumah. Oleh itu kenangilah ni'mat-ni'mat Allah dan janganlah kamu bertindak sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi (74). Ujar pemimpin-pemimpin yang bersikap angkuh dari kaumnya kepada orang-orang yang dianggap lemah yang telah beriman di antara mereka: Tahukah kamu bahawa Soleh itu diutuskan dari Tuhannya? Jawab mereka: Sebenarnya kami percaya kepada apa yang dibawa oleh Soleh dari Tuhannya (75). Jawab mereka yang bersikap angkuh ini: Sebenarnya kami pula tidak percaya kepada apa yang telah dipercayai kamu (76). Lalu mereka menyembelih Unta itu dan melanggar perintah Tuhanku mereka dan mereka berkata: Wahai Soleh, bawalah 'azab yang engkau, ancamkan kami jika engkau benar dari utusan-utusan yang dihantarkan Allah.(77)"

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دَارِهِمْ جَٰثِمِينَ ﴿٧٨﴾
فَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰقَوْمِ لَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ رِسَالَةَ
رَبِّى وَنَصَحْتُ لَكُمْ وَلَٰكِن لَّا تُحِبُّونَ ٱلنَّٰصِحِينَ ﴿٧٩﴾
وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ مَا سَبَقَكُم
بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٠﴾
إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ
ٱلنِّسَآءِ ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿٨١﴾
وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوٓا۟
أَخْرِجُوهُم مِّن قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ أُنَاسٌ
يَتَطَهَّرُونَ ﴿٨٢﴾

فَأَنجَيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥٓ إِلَّا ٱمْرَأَتَهُۥ كَانَتْ مِنَ ٱلْغَٰبِرِينَ ﴿٨٣﴾

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٨٤﴾

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ قَدْ جَآءَتْكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ ۖ فَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ وَلَا تَبْخَسُوا۟ ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ وَلَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَٰحِهَا ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٨٥﴾

وَلَا تَقْعُدُوا۟ بِكُلِّ صِرَٰطٍ تُوعِدُونَ وَتَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِهِۦ وَتَبْغُونَهَا عِوَجًا ۚ وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ كُنتُمْ قَلِيلًا فَكَثَّرَكُمْ ۖ وَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٨٦﴾

"Kemudian mereka ditimpa gempa bumi dan mereka rebah mati bergelimpangan di rumah mereka (78). Kemudian Soleh meninggalkan mereka dan berkata: Wahai kaumku, aku telah pun menyampaikan perutusan Tuhanku dan aku telah memberi nasihat kepada kamu, tetapi kamu tidak menyukai orang-orang yang memberi nasihat (79). (Dan Kami utuskan) Lut dan kenangilah ketika ia berkata kepada kaumnya: Mengapakah kamu melakukan perbuatan (liwat) yang keji itu, yang belum pernah dilakukan sebelum kamu oleh sesiapa pun dari umat-umat manusia (80). Sesungguhnya kamu melakukan hubungan kelamin dengan lelaki untuk melepaskan nafsu kamu bukannya dengan kaum perempuan, sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau (81). Tiada jawapan dari kaumnya selain dari kata mereka: Usirkan mereka ini dari negeri kamu. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berlagak suci (82). Lalu Kami selamatkan Lut bersama-sama pengikutnya kecuali isterinya yang termasuk di dalam golongan yang tertinggal (yang dibinasakan) (83). Dan Kami timpakan hujan batu ke atas mereka. Oleh itu lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang berdosa (84). (Dan Kami utuskan) kepada penduduk Madyan saudara mereka Syu'ayb. Ia berseru kepada mereka: Wahai kaumku, sembahlah Allah tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Sesungguhnya bukti yang nyata telah datang kepada kamu dari Tuhan kamu. Oleh itu sempurnakanlah sukatan dan timbangan dan janganlah kamu kurangi sukatan dan timbangan barang-barang manusia dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi setelah Allah mengislahkannya. Itulah amalan yang lebih baik bagi kamu jika kamu beriman (85). Dan janganlah kamu duduk (menunggu) di setiap jalan untuk mengancam dan menghalangkan orang-orang yang beriman dari jalan Allah dan kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok. Ingatlah ketika bilangan kamu masih sedikit lalu Allah membanyakkan bilangan kamu dan lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan.(86)"

وَإِن كَانَ طَآئِفَةٌ مِّنكُمْ ءَامَنُوا۟ بِٱلَّذِىٓ أُرْسِلْتُ بِهِۦ وَطَآئِفَةٌ لَّمْ يُؤْمِنُوا۟ فَٱصْبِرُوا۟ حَتَّىٰ يَحْكُمَ ٱللَّهُ بَيْنَنَا ۚ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿٨٧﴾

قَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ لَنُخْرِجَنَّكَ يَٰشُعَيْبُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَكَ مِن قَرْيَتِنَآ أَوْ لَتَعُودُنَّ فِى مِلَّتِنَا ۚ قَالَ أَوَلَوْ كُنَّا كَٰرِهِينَ ﴿٨٨﴾

قَدِ ٱفْتَرَيْنَا عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا إِنْ عُدْنَا فِى مِلَّتِكُم بَعْدَ إِذْ نَجَّىٰنَا ٱللَّهُ مِنْهَا ۚ وَمَا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّعُودَ فِيهَآ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّنَا ۚ وَسِعَ رَبُّنَا كُلَّ شَىْءٍ عِلْمًا ۚ عَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا ۚ رَبَّنَا ٱفْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِٱلْحَقِّ وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْفَٰتِحِينَ ﴿٨٩﴾

وَقَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ لَئِنِ ٱتَّبَعْتُمْ شُعَيْبًا إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿٩٠﴾

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دَارِهِمْ جَٰثِمِينَ ﴿٩١﴾

ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ شُعَيْبًا كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا۟ فِيهَا ۚ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ شُعَيْبًا كَانُوا۟ هُمُ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٩٢﴾

فَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰقَوْمِ لَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّى وَنَصَحْتُ لَكُمْ ۖ فَكَيْفَ ءَاسَىٰ عَلَىٰ قَوْمٍ كَٰفِرِينَ ﴿٩٣﴾

"Jika ada segolongan dari kalangan kamu beriman kepada perutusan Allah, yang aku diutus untuk membawanya dan segolongan yang lain pula tidak beriman, maka hendaklah kamu bersabar hingga Allah mengadili (siapakah yang benar)

di antara kami dan Dialah sebaik-baik Pengadil (87). Ujar pemimpin-pemimpin yang berlagak angkuh dari kaumnya: Wahai Syu'ayb, kami akan menghalaukan engkau keluar bersama mereka yang beriman dari negeri kami atau engkau kembali semula kepada agama kami. Syu'ayb berkata: Apakah kamu akan bertindak begitu walaupun kami tidak menyukainya?(88). Sesungguhnya kami telah melakukan pembohongan terhadap Allah jika kami kembali semula kepada agama kamu setelah Allah menyelamatkan kami darinya. Sekali-kali tidaklah wajar bagi kami kembali semula kepadanya kecuali Allah Tuhan kami menghendakinya, kerana ilmu Tuhan kami meliputi segala sesuatu. Kepada Allah kami berserah. Wahai Tuhan kami, berilah keputusan di antara kami dan kaum kami dengan keputusan-Mu yang benar kerana Engkaulah sebaik-baik Pemberi keputusan (89). Dan berkatalah orang-orang yang kafir dari kaumnya: Jika kamu mengikut Syu'ayb tentulah kamu akan menjadi orang-orang yang rugi (90). Kemudian mereka ditimpa gempa bumi dan jadilah mereka rebah mati - bergelimpangan di rumah-rumah mereka (91). Orang-orang yang mendustakan Syu'ayb seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di negeri itu. Orang-orang yang mendustakan Syu'ayb merekalah orang-orang yang rugi (92). Kemudian Syu'ayb meninggalkan mereka dan berkata: Wahai kaumku, aku telah pun menyampaikan kepada kamu perutusan Tuhanku dan aku telah memberi nasihat kepada kamu. Oleh itu bagaimana aku harus bersedih terhadap kaum yang kafir?(93)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Angkatan Iman Yang Dikepalai Para Rasul

Kini kita bersama angkatan iman. Inilah bendera-bendera, lencana-lencana dan batu-batu tanda jalan yang dilaluinya. Angkatan ini mencabar manusia di dalam perjalanannya yang panjang di planet bumi ini. Ia mencabar manusia setiap kali mereka menyimpang dari jalan yang benar dan menyeleweng dari jalan Allah yang lurus atau mengikut jalan-jalan yang simpang-siur kerana didorong dan didesak oleh keinginan-keinginan hawa nafsu yang dipimpin syaitan yang mahu melepaskan dendam dan geramnya dan merealisasikan ancamannya untuk mengheret anak-anak Adam ke Neraka Jahannam dengan perantaraan keinginan-keinginan hawa nafsu mereka. Angkatan ini berdepan dengan manusia dengan membawa hidayat Allah, membawa nur, mengipas bau Syurga, mengingatkan mereka dari di selar angin Neraka yang panas dan dari digoda musuh lama syaitan yang terkutuk.

Struktur Kejadian Manusia Yang Canggih

Kini kita berada di depan sesuatu pemandangan yang menarik, pemandangan pertarungan manusia yang amat mendalam menghadapi gelombang-gelombang kehidupan di sepanjang jalan... sejarah manusia berlangsung dalam satu persengkarutan yang amat canggih, kerana makhluk insan yang mempunyai dua tabi'at dan struktur kejadian yang canggih yang terjadi dari dua unsur yang amat jauh yang dicantum padukan oleh kudrat dan perencanaan Allah, iaitu unsur tanah yang menjadi asal kejadiannya dan unsur tiupan roh dari Allah... makhluk yang sedemikian sifatnya meneruskan perjalanannya di dalam sejarah bersama berbagai-bagai faktor yang bersengkarut begitu canggih... ia meneruskan perjalanannya dengan tabi'atnya yang sedemikian rupa dan berinteraksi dengan berbagai-bagai ufuk dan alam yang telah kami huraikan di dalam kisah penciptaan Adam... iaitu ia berinteraksi dengan hakikat Ilahiyah atau dengan kehendak iradat-Nya, dengan perencanaan-Nya, dengan kudrat kuasa-Nya, dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya dan lain-lain lagi... ia berinteraksi dengan alam tinggi dan para malaikat, berinteraksi dengan Iblis dan suku sakatnya, berinteraksi dengan alam buana yang nyata, dengan undang-undangnya dan undang-undang Allah yang menerajuinya, berinteraksi dengan makhluk-makhluk yang bernyawa di bumi, berinteraksi dengan sesama mereka, berinteraksi dengan seluruh ufuk-ufuk dan seluruh alam dengan tabi'at yang sedemikian rupa, dengan bakat-bakat, potensi-potensi dan kesediaan-kesediaan yang sesuai dan yang bercanggah dengan ufuk-ufuk dan alam ini.

Dalam lautan pertalian dan perhubungan yang bersengkarut ini manusia menjalani sejarahnya dengan segala kekuatan dan kelemahan dirinya dengan bimbingan taqwa dan hidayat Allah, dengan hubungannya dengan alam ghaib dan alam nyata, dengan interaksinya dengan unsur kebendaan yang wujud di alam buana dan dengan kekuatan-kekuatan rohaniyah, dengan interaksinya dengan perencanaan-perencanaan Allah di akhir perjalanannya, dan dari segala macam interaksi inilah manusia membentuk sejarahnya, dan berlandaskan hubungan-hubungan yang bersengkarut inilah ditafsirkan sejarahnya.

Para ilmuan yang mentafsirkan sejarah insan dengan pentafsiran yang berteraskan semata-mata "ekonomi" atau "politik" atau "biologi" atau "roh" atau "jiwa" atau "akal" adalah melihat manusia dengan pandangan yang bersahaja, kerana mereka melihat manusia dari satu aspek sahaja dari aspek-aspek berbagai-bagai faktor lain yang bersengkarutan dan berbagai-bagai alam yang berjauhan yang diinteraksikan oleh manusia, sedangkan dari seluruh interaksi inilah terbentuknya sejarah manusia. Pentafsiran Islam yang mentafsirkan sejarah merupakan satu-satunya pentafsiran yang merangkul lautan interaksi luas ini kerana ia melihat manusia dari semua interaksi ini.[9]

Di sini kita berada di hadapan pemandangan lautan interaksi yang benar. Kita telah pun menyaksi pemandangan kelahiran manusia, di mana terkumpulnya seluruh alam, seluruh ufuk dan seluruh unsur yang nampak dan yang tidak nampak berinteraksi dengan manusia sejak detik pertama kelahirannya. Kita juga telah melihat makhluk manusia dengan segala bakat, potensi dan kesediaan

---

[9] *Lihat bab* "حقيقة الإنسان" *dalam buku* " خصائص التصور الإسلامي ومقوماته", *bahagian kedua.*

semulajadinya yang asasi. Kita telah melihat bagaimana insan dimuliakan di alam tinggi, di mana para malaikat di perintah sujud kepadanya, kita telah menyaksi bagaimana Allah Pencipta Yang Maha Agung mengumumkan hari kelahiran manusia. Kita telah melihat titik kelemahannya selepas itu dan bagaimana Iblis musuhnya menggunakan titik kelemahan itu untuk memperdayakannya, dan akhirnya kita telah menyaksi bagaimana ia turun ke bumi, di mana ia mula berinteraksi dengan unsur-unsur alam bumi dan undang-undang alam buana.

Kita telah menyaksi bagaimana makhluk insan ini turun ke bumi dengan hati yang beriman kepada Allah, dengan beristighfar kepada Allah, dengan berikrar menjunjung perjanjian menjadi khilafah Allah di bumi, iaitu perjanjian mengikut segala perintah Allah dan tidak tunduk kepada godaan syaitan dan hawa nafsu. Ia turun ke bumi dengan berbekalkan pengalamannya yang pertama dalam hidupnya.

Setelah dibawa zaman sekian jauh dan dipukul gelombang-gelombang lautan kesesatan ke sana ke mari, setelah faktor-faktor yang bersengkarut itu mempengaruhi jiwa raganya dan seluruh alam di sekelilingnya mempengaruhi realiti hidupnya dan hati nuraninya, maka dalam pelajaran ini kita dapat melihat pula bagaimana mahluk insan itu telah dibawa oleh faktor-faktor yang bersengkarut itu kepada jahiliyah!

Sebenarnya insan bertabi'at lupa dan kini ia telah lupa, ia juga bertabi'at lemah dan kini ia telah lemah. Dia boleh ditewaskan syaitan dan kini ia telah tewas dan sekali lagi ia pasti diselamatkan.

Dahulu dia turun ke bumi sebagai insan yang mendapat hidayat, bertaubat dan menyembah Allah Yang Maha Esa, tetapi sekarang kita dapatinya telah menjadi sesat, sanggup mengadakan pembohongan terhadap Allah dan mempersekutukan Allah?

Dia telah dipukul ombak-ombak yang besar di lautan, tetapi di sana masih ada tanda atau pedoman dalam perjalanannya, di sana masih ada pengajaran rasul yang dapat mengembalikannya semula kepada Allah. Rahmat Allah yang limpah terhadap makhluk insan tidak akan meninggalkannya tercapek seorang diri.

Kini di dalam surah ini kita bertemu dengan angkatan iman dan di dalam barisan angkatan ini kita lihat bendera-bendera dan panji-panji diangkat dan dikibarkan oleh para rasul-Nya yang mulia, iaitu Nuh, Hud, Syu'ayb, Musa, dan Muhammad semoga Allah cucurkan rahmat kesejahteraan ke atas mereka sekalian.... kita melihat bagaimana kumpulan-kumpulan dari angkatan yang mulia ini - dengan arahan dan bimbingan Allah - berusaha untuk menyelamatkan umat manusia dari terhumban di dalam gaung yang dalam kerana mereka telah dipimpin ke arahnya oleh syaitan dan para pembantunya dari syaitan-syaitan manusia yang terdiri dari tokoh-tokoh yang enggan mengikut pengajaran Allah yang benar, yang di wujud di setiap zaman, di samping itu juga kita melihat situasi-situasi perjuangan dan pertarungan di antara hidayat dan kesesatan, di antara kebenaran dengan kebatilan, di antara para rasul yang mulia dengan syaitan jin dan manusia. Kemudian kita melihat kebinasaan-kebinasaan golongan-golongan pendusta dan keselamatan orang-orang yang beriman pada setiap peringkat perjuangan itu setelah diberi peringatan dan amaran yang cukup.

Kisah-kisah para anbiya' di dalam Al-Qur'an tidak selama-lamanya diceritakan mengikuti garis sejarah, tetapi di dalam surah ini ia diceritakan mengikut garis sejarah, kerana surah ini menayangkan perjalanan angkatan manusia sejak kelahirannya yang pertama lagi, dan serentak itu juga ia menayangkan angkatan iman yang berjuang untuk menyampaikan hidayat Allah dan berusaha menyelamatkan mereka setiap kali mereka tersesat dari jalan Allah atau setiap kali seluruh mereka dipimpin oleh syaitan ke arah kebinasaan agar mereka pada akhirnya akan diseret ke dalam Neraka.

Semasa kita berhenti sebentar di hadapan pemandangan umum yang menarik ini, kita dapat memerhatikan pedoman-pedoman jalan yang jelas, yang elok kita saringkan di sini sebelum kita meneruskan pentafsiran nas-nas surah ini:

Kesatuan Agama Samawi

• Makhluk manusia memulakan perjalanannya dengan keadaan beriman, mengikut hidayat Allah dan mentauhidkan Allah, kemudian mereka melencong ke arah jahiliyah yang sesat dan mensyirikkan Allah kerana dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor yang bersengkarut di dalam susunan kejadian manusia ini sendiri, juga bersengkarut di dalam berbagai-bagai alam dan unsur yang saling berhubung kait dengan manusia. Di waktu inilah mereka didatangi oleh seorang rasul yang diutus oleh Allah membawa hakikat keimanan yang di junjung oleh mereka sebelum mereka tersesat jalan dan mempersekutukan Allah. Hasil dari perjuangan rasul ini, maka orang yang memilih kesesatan menerima akibat kebinasaan dan orang yang beriman hidup dengan selamat. Golongan manusia yang selamat ialah golongan yang kembali kepada hakikat keimanan yang tunggal, iaitu mereka beriman kepada Allah Yang Maha Esa dan menyerah seluruh jiwa raga mereka kepada Allah Yang Maha Esa. Mereka mendengar dan mematuhi seruan rasul yang telah ditujukan kepada mereka:

يَـٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَـٰهٍ غَيۡرُهُۥٓ

"Wahai kaumku, sembahlah Allah! Tiada Tuhan bagi kamu selain Dia."(59)

Itulah hakikat keimanan yang tunggal, yang menjadi tapak asas seluruh agama Allah dan diperjuangkan oleh seluruh rasul yang bersilih ganti di sepanjang zaman. Setiap rasul yang datang membuat seruan yang sama kepada kaumnya, kemudian mereka diperdayakan oleh syaitan menyebabkan mereka lupa

hakikat keimanan ini dan tersesat darinya. Akhirnya mereka mempersekutukan Allah dengan berbagai-bagai tuhan palsu yang berlainan mengikut berbagai-bagai corak jahiliyah. Di atas asas hakikat keimanan yang benar inilah berlakunya pertarungan di antara kebenaran dan kebatilan, dan di atas asas yang sama juga Allah membinasakan golongan manusia yang ingkar dan menyelamatkan golongan manusia yang beriman. Ayat-ayat di dalam bahagian ini menggunakan ungkapan yang sama ketika menceritakan da'wah yang dilafazkan oleh seluruh rasul yang diutus Allah dengan bahasa ibunda mereka masing-masing, iaitu ia menyatukan ungkapan da'wah yang digunakan oleh setiap rasul dan menyatukan terjemahannya dengan ungkapan yang sama:

يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ

"Wahai kaumku, sembahlah Allah! Tiada Tuhan bagi kamu selain Dia."(59)

Penyatuan ungkapan itu untuk menegakkan konsep kesatuan agama samawi – di sepanjang sejarah - sehingga kepada bentuk lafaz ungkapannya, kerana ungkapan ini cukup halus untuk menggambarkan hakikat agama samawi itu, juga kerana menggunakan ungkapan yang sama di dalam ayat-ayat di bahagian ini menggambarkan kesatuan agama samawi dengan gambaran secara fizikal. Semuanya dapat memenuhi tujuan methodologi Al-Qur'an untuk menjelaskan sejarah 'aqidah samawi.

Berlandaskan penjelasan itu ternyatalah betapa jauhnya perbezaan methodologi "kajian perbandingan agama-agama" dengan methodologi Al-Qur'an, iaitu di sana tidak ada proses kembang unsur atau evolusi yang berlaku kepada kepercayaan-kepercayaan agama dan tindakan memasukkan agama Allah dalam teori kembang unsur atau proses evolusi itu adalah bertentang dengan hakikat yang dijelaskan oleh Allah S.W.T., kerana agama, Allah - sebagaimana yang kita lihat di dalam Al-Qur'an - adalah selama-lamanya diungkapkan dengan satu hakikat sahaja dan digambarkan dengan kata-kata yang sama sahaja iaitu:

يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ

"Wahai kaumku, sembahlah Allah! Tiada Tuhan bagi kamu selain Dia."(59)

Dan Tuhan yang diseru kepada-Nya oleh sekalian rasul itu ialah Tuhan yang memelihara semesta alam, yang menghisab amalan manusia pada hari Qiamat yang agung. Di sana tidak ada rasul yang diutuskan Allah yang menyeru manusia kepada menyembah tuhan sesuatu qabilah atau tuhan sesuatu umat atau tuhan sesuatu bangsa, begitu juga di sana tidak ada rasul dari Allah yang menyeru manusia kepada menyembah dua tuhan atau beberapa tuhan, dan seterusnya di sana tidak ada rasul dari Allah yang menyeru manusia menyembah Totem, atau menyembah bintang, atau menyembah roh, atau menyembah berhala. Begitu juga di sana tidak ada agama dari Allah yang tidak mempercayai alam Akhirat sebagaimana yang didakwa oleh pengkaji-pengkaji yang menamakan diri mereka sebagai pakar-pakar agama ketika mereka memperkatakan berbagai bentuk jahiliyah kemudian mendakwa bahawa kepercayaan-kepercayaan yang didokong oleh jahiliyah-jahiliyah itu sebagai agama-agama yang dikenali di zaman-zaman itu dan tidak di zaman-zaman yang lain.

Sekalian rasul-rasul itu datang seorang demi seorang membawa kepercayaan tauhid yang bersih, memperkenalkan Rububiyah Tuhan semesta alam. Menjelaskan adanya hisab terhadap amalan manusia di dunia pada hari Qiamat, tetapi penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di dalam persoalan-persoalan 'aqidah akibat bertembung dengan jahiliyah yang timbul selepas setiap kedatangan agama dari Allah kerana dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor yang bersengkarut begitu canggih dalam struktur kejadian manusia itu sendiri, juga di dalam berbagai alam yang mempunyai hubung kait dengan manusia, dan jahiliyah itu di wujud di dalam berbagai-bagai bentuk kepercayaan-kepercayaan jahiliyah, maka kepercayaan-kepercayaan inilah yang dikaji oleh para pengkaji agama-agama kemudian mereka mendakwa bahawa kepercayaan-kepercayaan itu merupakan garis yang semakin meninggi di dalam proses kembang unsur atau evolusi agama-agama itu.

Walau bagaimana pun, inilah penjelasan Allah S.W.T. yang wajar diikut terutama oleh mereka yang menulis tentang maudhu' ini ketika membentangkan 'aqidah Islamiyah atau ketika mempertahankannya. Tetapi bagi mereka yang tidak mempercayai Al-Qur'an, maka tinggalkan sahaja mereka bersama pendapat yang dianuti mereka. Hanya Allah sahaja yang memberi penjelasan yang benar dan Dialah sebaik-baik pihak yang membuat penjelasan yang muktamad.

• Setiap seorang rasul dari para rasul yang diutuskan Allah kepada manusia telah datang kepada kaumnya setelah mereka menyeleweng dari kepercayaan tauhid yang telah ditinggalkan oleh rasul mereka yang terdahulu. Angkatan anak Adam yang pertama merupakan angkatan yang berpegang kukuh dengan kepercayaan tauhid terhadap Allah Tuhan semesta alam - sama seperti 'aqidah yang dipegang oleh Adam dan isterinya kemudian mereka menyeleweng dari kepercayaan tauhid kerana terpengaruh kepada faktor-faktor yang telah kami jelaskan sebelum ini - sehingga datang Nabi Nuh a.s. menyeru mereka kembali kepada kepercayaan tauhid sekali lagi, iaitu mentauhidkan Allah Tuhan semesta alam. Kemudian mereka dilanda banjir besar, di mana golongan yang menolak da'wah telah ditenggelami banjir dan golongan yang beriman terselamat dari malapetaka itu. Setelah itu bumi dipenuhi angkatan yang mentauhidkan Tuhan semesta alam, sebagaimana

yang diujar oleh Nabi Nuh a.s. dan angkatan anak cucu mereka. Kemudian setelah mereka dilalui zaman yang panjang, mereka menyeleweng pula kepada jahiliyah sebagaimana yang telah berlaku kepada angkatan sebelum mereka sehingga apabila tiba zaman kedatangan Nabi Hud, maka golongan manusia yang menolak da'wah Hud dibinasakan habis-habisan dengan ribut taufan yang dahsyat. Kemudian kisah yang sama berulang lagi. Demikianlah seterusnya.

Setiap seorang rasul dari angkatan para rasul yang diutuskan kepada kaumnya masing-masing berseru:

يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓ

"Wahai kaumku, sembahlah Allah! Tiada Tuhan bagimu selain Dia."(59)

Dan setiap rasul berkata kepada kaumnya: Sebenarnya aku adalah penasihat yang jujur kepada kamu, untuk menerangkan kepada mereka betapa beratnya tanggungjawab beliau dan betapa seriusnya akibat yang diketahuinya akan menimpa mereka di dunia dan Akhirat kerana mengikut jahiliyah, dan seterusnya betapa tinggi keinginan dan hasratnya untuk menyampaikan hidayat Allah kepada kaumnya kerana dia dari mereka dan mereka dari dia. Dan setiap kali datangnya rasul, maka para pemimpin dan pembesarnya tampil menentang da'wah yang benar itu dan menolak untuk menyerahkan diri mereka kepada Allah Tuhan semesta alam. Mereka menolak konsep 'Ubudiyah dan keta'atan yang dikhususkan kepada Allah sahaja. Konsep ini merupakan tapak asas bagi seluruh agama samawi. Di sinilah setiap rasul secara terus terang dan lantang menampilkan pengajaran yang benar kepada para Taghut yang sewenang-wenang. Setelah itu kaumnya berpecah kepada dua golongan yang terpisah di antara satu sama lain atas prinsip 'aqidah, di mana terputusnya hubungan kaum dan hubungan kekeluargaan dan digantikan dengan hubungan 'aqidah sahaja. Dengan ini satu kaum telah berpecah kepada dua golongan yang terasing, yang tidak ada hubungan kekeluargaan dan lain-lain hubungan yang sama dengannya. Di waktu inilah berlakunya keputusan Allah yang memisahkan di antara golongan kaum yang menerima hidayat dan golongan yang memilih kesesatan, dan seterusnya menimpakan 'azab ke atas golongan kaum yang angkuh dan menolak da'wah Allah dan menyelamatkan golongan kaum yang ta'at dan menyerah diri sepenuhnya kepada Allah. Undang-undang Allah tidak pernah bertindak melaksanakan pemisahan itu sebelum sesuatu kaum itu berpecah kepada dua golongan yang berasingan di antara satu sama lain atas prinsip 'aqidah, dan sebelum penganut-penganut dan pendokong-pendokong 'aqidah itu mengisytiharkan 'Ubudiyah mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, dan sebelum mereka menentang para Taghut dengan keimanan mereka, dan sebelum mereka mengumumkan perpisahan dengan kaum mereka yang memilih kesesatan ini. Perkembangan seperti inilah yang dapat disaksikan dalam sejarah da'wah Allah di sepanjang sejarah.

Hakikat Yang Ditekankan Dalam Setiap Da'wah Rasul

• Penekanan atau pemusatan dalam setiap da'wah rasul adalah ditumpukan kepada satu perkara sahaja, iaitu menyeru manusia mengabdikan diri mereka kepada Allah Yang Maha Esa, iaitu kepada Tuhan semesta alam dan mencabut semua kuasa yang di dakwa oleh para Taghut. Inilah tapak asas kehidupan manusia, dan tanpa prinsip ini tiada sesuatu yang baik dapat diwujudkan dalam kehidupan mereka. Al-Qur'an tidak memberi huraian lain yang terperinci kecuali sedikit sahaja selepas menjelaskan tapak asas 'aqidah yang menjadi teras kepada semua agama yang dibawa oleh sekalian rasul. Ini kerana segala huraian yang terperinci selepas dijelaskan tapak asas 'aqidah Islam itu merupakan huraian tapak asas itu sendiri dan bukannya merupakan sesuatu yang terkeluar darinya. Kedudukan pentingnya tapak asas 'aqidah Islam ini di dalam neraca pertimbangan Allah itulah yang membuat methodologi Al-Qur'an menonjolkan dalam ayat-ayat ini dan menyebutkannya secara khusus semasa menayangkan pemandangan angkatan iman atau angkatan para anbiya' itu, malah ia ditonjolkan di dalam Al-Qur'an seluruhnya. Di sini kami tegaskan sekali lagi - sebagaimana kami telah tegaskan dalam kata pengantar dalam Surah al-An'am bahawa tapak asas 'aqidah inilah yang menjadi pokok pembicaraan semua surah-surah Makkiyah di samping menjadi pokok pembicaraan surah-surah Madaniyah apabila dibentangkan sesuatu persoalan yang berkaitan dengan perundangan dan arahan.

Agama Islam mempunyai "hakikat" di samping mempunyai methodologi untuk membentangkan hakikat ini dan methodologi dalam agama ini tidak kurang dari segi keaslian dan keperluannya dari hakikat yang terkandung di dalamnya. Oleh sebab itu kita harus mengetahui hakikat asasi yang dibawa oleh agama ini. Begitu juga kita harus mengikut methodologi yang digunakannya untuk membentangkan hakikat ini. Di dalam methodologi ini hakikat tauhid Uluhiyah ditonjol, disebut khusus, diulang dan ditegaskan sedemikian jelas. Di sinilah dapat dimengertikan mengapa tapak asas 'aqidah ini ditegaskan, diulang, ditonjol dan disebut khusus sedemikian rupa di dalam kisah-kisah surah ini.

Kisah-kisah para rasul ini menggambarkan tabi'at keimanan dan tabi'at kekufuran di dalam jiwa manusia. Ia membentangkan berulang-ulang kali contoh hati yang bersedia untuk beriman, di samping berulang-ulang kali membentangkan contoh hati yang bersedia untuk menjadi kafir. Orang-orang yang beriman kepada setiap rasul itu tidak terdapat di dalam hati mereka perasaan angkuh dan sombong untuk menyerahkan diri kepada Allah dan menta'ati rasul-Nya. Mereka tidak merasa hairan dan pelik apabila Allah memilih di antara mereka seorang yang diangkat menjadi utusan-Nya untuk menyampaikan

perintah dan amaran-Nya kepada mereka, tetapi orang-orang yang kafir dan menolak setiap rasul itu adalah orang-orang yang berbangga dengan dosa-dosa yang dilakukan mereka dan enggan menyerahkan kuasa di dalam tangan mereka, yang dirampaskan dari Allah Tuhan yang menerajui urusan penciptaan dan pentadbiran, di samping enggan menerima da'wah Allah yang ditugaskan menyampaikannya kepada salah seorang dari mereka. Mereka adalah dari golongan elit yang terdiri dari pemerintah-pemerintah, pembesar-pembesar, orang-orang kenamaan dan orang-orang yang berpengaruh di kalangan sesuatu kaum. Dari sini kita dapat mengetahui kompleks jiwa mereka terhadap agama ini iaitu kompleks ingin berkuasa dan memegang kuasa Hakimiyah. Golongan itu selama-lamanya merasa bahawa tujuan yang terkandung dalam seruan rasul yang ditujukan kepada mereka:

يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓ

"Wahai kaumku, sembahlah Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain Dia" (59)

Juga dalam pernyataannya:

وَلَٰكِنِّي رَسُولٞ مِّن رَّبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٦١

"Tetapi aku adalah seorang rasul dari Tuhan yang memelihara semesta alam."(61)

ialah untuk menegakkan konsep Uluhiyah yang tunggal dan Rububiyah yang syumul yang bertujuan untuk mencabutkan kuasa dari tangan mereka yang dirampaskan dari Allah itu dan memulangkan semula kuasa itu kepada pemiliknya yang sebenar, iaitu mengembalikannya semula kepada Tuhan semesta alam. Inilah perkara yang ditentang dan dilawan mereka sehingga mereka dibinasakan Allah. Kompleks jiwa ingin berkuasa ini telah membawa mereka kepada tahap, di mana angkatan baru enggan mengambil i'tibar dari kebinasaan yang telah menimpa angkatan lama, malah mereka terus berjalan menuju kebinasaan dan seterusnya menuju ke jalan Neraka Jahannam. Peristiwa-peristiwa kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum yang ingkarkan da'wah rasul - sebagaimana dibentangkan oleh kisah-kisah para rasul ini - adalah berlaku mengikut satu undang-undang yang tidak berubah, iaitu ia berlaku apabila mereka lupa ayat-ayat Allah dan menyeleweng dari jalan-Nya, apabila mereka memandang sepi kepada amaran rasul, apabila mereka enggan menunjukkan 'Ubudiyah yang mutlak kepada Allah Yang Maha Esa dan enggan tunduk kepada Tuhan semesta alam, apabila mereka terpedaya dengan kesenangan dan kemewahan-kemewahan, apabila mereka mempersenda-sendakan amaran rasul dan mencabar agar disegerakan 'azab yang diancamkan kepada mereka, apabila mereka bertindak zalim dan menindas orang-orang yang beriman, apabila orang-orang yang beriman memperlihatkan pendirian yang teguh dan memisahkan diri dari kaum mereka yang sesat dengan berlandaskan 'aqidah. Selepas itu berlakulah kebinasaan yang ditimpakan Allah ke atas mereka mengikut undang-undang Allah di sepanjang sejarah.

• Pada akhirnya Taghut yang mendokong kebatilan itu tidak sanggup melihat kewujudan kebenaran dalam apa bentuk sekali pun ketika kebenaran mahu hidup berasingan dari kebatilan dan menyerahkan nasib kesudahan keduanya kepada keputusan Allah. Kedudukan yang seumpama ini tidak dapat diterima oleh kebatilan, malah kebatilan akan terus bertindak memburu dan menentang kebenaran. Syu'ayb a.s. pernah berkata kepada kaumnya:

وَإِن كَانَ طَآئِفَةٞ مِّنكُمۡ ءَامَنُواْ بِٱلَّذِيٓ أُرۡسِلۡتُ بِهِۦ وَطَآئِفَةٞ لَّمۡ يُؤۡمِنُواْ فَٱصۡبِرُواْ حَتَّىٰ يَحۡكُمَ ٱللَّهُ بَيۡنَنَاۚ وَهُوَ خَيۡرُ ٱلۡحَٰكِمِينَ ٨٧

"Dan jika ada segolongan dari kalangan kamu beriman kepada perutusan Allah, yang aku diutuskan untuk membawanya dan segolongan yang lain pula tidak beriman, maka hendaklah kamu tunggu dan bersabar sehingga Allah mengadili (siapakah yang benar) di antara kami dan Dialah sebaik-baik Pengadil."(87)

Tetapi mereka tidak menerima rancangan ini. Mereka tidak sanggup melihat kebenaran hidup dan bernafas-nafas begitu juga mereka tidak sanggup melihat adanya segolongan manusia yang tunduk kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan menentang kuasa para Taghut:

قَالَ ٱلۡمَلَأُ ٱلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ مِن قَوۡمِهِۦ لَنُخۡرِجَنَّكَ يَٰشُعَيۡبُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَكَ مِن قَرۡيَتِنَآ أَوۡ لَتَعُودُنَّ فِي مِلَّتِنَاۚ

"Kata pemimpin-pemimpin yang berlagak angkuh dari kaumnya: "Wahai Syu'ayb, kami akan menghalaukan engkau keluar dari negeri bersama mereka yang beriman, atau engkau kembali semula kepada agama kami."'(88)

Sampai di sini Syu'ayb pula berkata dengan terus terang menyatakan pendirian yang benar menolak tawaran yang dikemukakan oleh kumpulan Taghut itu:

قَالَ أَوَلَوۡ كُنَّا كَٰرِهِينَ ٨٨

"Syu'ayb berkata: 'Apakah kamu akan bertindak begitu walaupun kami tidak menyukainya."(88)

قَدِ ٱفۡتَرَيۡنَا عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا إِنۡ عُدۡنَا فِي مِلَّتِكُم بَعۡدَ إِذۡ نَجَّىٰنَا ٱللَّهُ مِنۡهَاۚ

"Sesungguhnya kami telah melakukan pembohongan terhadap Allah jika kami kembali semula kepada agama kamu setelah Allah menyelamatkan kami darinya."(89)

Kenyataan ini bertujuan supaya para penda'wah agama Allah mengetahui dan sedar bahawa pertarungan menentang golongan Taghut merupakan suatu kewajipan yang telah difardhukan ke atas mereka. Tidak ada faedah sedikit pun untuk cuba mengelak dan menjauhi pertarungan itu. Golongan Taghut tidak akan membiarkan mereka begitu kecuali mereka meninggalkan agama mereka secara keseluruhan dan kembali semula kepada agama para Taghut yang sesat itu setelah Allah selamatkan mereka darinya. Mereka telah diselamatkan Allah dari kesesatan agama itu sebaik sahaja hati mereka mencabutkan keta'atan dan 'Ubudiyah mereka kepada para Taghut dan menumpukan 'Ubudiyah mereka kepada Allah Yang Maha Esa. Oleh sebab itu tiada jalan untuk melarikan diri dari memasuki pertarungan melawan para Taghut dengan penuh kesabaran menunggu keputusan Allah setelah memisahkan diri dari golongan yang sesat itu dan berikrar bersama Syu'ayb:

عَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا ۚ رَبَّنَا ٱفْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِٱلْحَقِّ وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْفَٰتِحِينَ ﴿٨٩﴾

"Kepada Allah kami berserah. Wahai Tuhan Kami! Berilah keputusan di antara kami dan kaum kami dengan keputusan-Mu yang benar dan Engkaulah sebaik-baik Pemberi keputusan."(89)

Kemudian berlakulah Sunnatullah menurunkan 'azab keseksaan yang berlaku dengan sebabnya setiap kali di sepanjang sejarah.

Kami rasa cukuplah setakat ini sahaja huraian mengenai pedoman-pedoman yang penting di jalan kisah-kisah Al-Qur'an sehingga kami huraikan nas-nas itu dengan terperinci.

* * * * * *

Perjalanan angkatan iman yang dikepalai oleh para rasul yang mulia itu telah di dahului - mengikut penjelasan rangkaian ayat-ayat ini - oleh angkatan iman dari seluruh alam buana yang diceritakan secara langsung di dalam ceraian ayat yang lepas:

إِنَّ رَبَّكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ يُغْشِى ٱلَّيْلَ ٱلنَّهَارَ يَطْلُبُهُۥ حَثِيثًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ وَٱلنُّجُومَ مُسَخَّرَٰتٍۭ بِأَمْرِهِۦٓ ۗ أَلَا لَهُ ٱلْخَلْقُ وَٱلْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٥٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Dialah yang menjadikan malam menutup hari siang yang bersungguh-sungguh mengejar hari malam. Dan Dialah yang menciptakan matahari, bulan dan bintang-bintang yang dikendalikan dengan perintah-Nya. Ingatlah bahawa Allah memiliki urusan penciptaan dan pemerintahan alam. Maha Suci Tuhan Pemelihara semesta alam."(54)

Keta'atan dan 'Ubudiyah kepada Allah yang telah menciptakan langit dan bumi, yang bersemayam di atas 'Arasy, yang menggerakkan malam mengejarkan siang, yang memperedarkan matahari, bulan, bintang dengan perintah-Nya dan yang memegang teraju urusan penciptaan dan pentadbiran seluruh alam, merupakan satu-satunya objektif da'wah yang diserukan oleh seluruh rasul kepada seluruh umat manusia setiap kali mereka diperdaya dan disesatkan oleh syaitan dari jalan Allah, iaitu ia mengembalikan manusia semula kepada jahiliyah di dalam berbagai-bagai bentuk dan rupa, yang mana seluruhnya bercirikan amalan dan kepercayaan mempersekutukan Rububiyah Allah dengan yang lain dari Allah.

Methodologi Al-Qur'an seringkali menghubungkan di antara 'Ubudiyah alam buana kepada Allah dengan seruan kepada manusia agar menyelaraskan diri mereka dengan alam yang menjadi gelanggang tempat mereka menjalani kehidupan, iaitu menyeru manusia agar menyerahkan diri kepada Allah sebagaimana seluruh alam buana menyerahkan diri kepada-Nya, kerana seluruh alam adalah bergerak dengan perintah Allah. Pernyataan yang menunjukkan hakikat alam buana ini adalah cukup untuk menggerak dan menyedarkan hati manusia atau merangsangkannya dari dalam agar turut serta di dalam kegiatan ibadat yang menyerahkan diri kepada Allah supaya ia tidak menjadi makhluk sumbang dalam sistem alam ini.

Para rasul yang mulia itu sama sekali tidak mengajak manusia kepada sesuatu perkara yang ganjil, malah mereka mengajak manusia ke arah mendokong prinsip yang menjadi tapak asas seluruh alam buana dan ke arah hakikat yang tertanam di dalam dhamir alam buana itu, iaitu satu hakikat yang sama dengan hakikat yang tertanam di dalam fitrah manusia. Itulah hakikat yang diseru oleh fitrah manusia apabila ia tidak diselewengkan oleh keinginan hawa nafsu atau tidak diheretkan syaitan jauh dari hakikat semulajadinya yang bersih.

Inilah sentuhan atau tanggapan yang dapat di ambil dari urutan ayat-ayat dalam surah ini mengikut susunan urutannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 59 - 64)

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥٩﴾

قَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِهِۦٓ إِنَّا لَنَرَىٰكَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٦٠﴾

قَالَ يَٰقَوۡمِ لَيۡسَ بِي ضَلَٰلَةٞ وَلَٰكِنِّي رَسُولٞ مِّن رَّبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٦١
أُبَلِّغُكُمۡ رِسَٰلَٰتِ رَبِّي وَأَنصَحُ لَكُمۡ وَأَعۡلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ٦٢
أَوَعَجِبۡتُمۡ أَن جَآءَكُمۡ ذِكۡرٞ مِّن رَّبِّكُمۡ عَلَىٰ رَجُلٖ مِّنكُمۡ لِيُنذِرَكُمۡ وَلِتَتَّقُواْ وَلَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ٦٣
فَكَذَّبُوهُ فَأَنجَيۡنَٰهُ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥ فِي ٱلۡفُلۡكِ وَأَغۡرَقۡنَا ٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَآۚ إِنَّهُمۡ كَانُواْ قَوۡمًا عَمِينَ ٦٤

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu ia berkata: "Wahai kaumku, sembahkanlah Allah! Tiada Tuhan yang lain bagi kamu selain Dia. Sesungguhnya Aku bimbang kamu akan ditimpakan 'azab keseksaan hari (Qiamat) yang amat besar' (59). Pemimpin kaumnya berkata: 'Sebenarnya kami memandang engkau berada di dalam kesesatan yang nyata' (60). Jawab Nuh: 'Wahai kaumku, tiada padaku sebarang kesesatan apa pun, tetapi aku adalah seorang utusan dari Tuhan Pemelihara semesta alam' (61). (Tugasku) ialah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhanku dan memberi nasihat kepada kamu dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui oleh kamu (62). Apakah kamu merasa hairan kerana datangnya kepada kamu peringatan dari Tuhan kamu melalui seorang lelaki dari kalangan kamu untuk memberi amaran kepada kamu, agar kamu bertaqwa supaya kamu diberikan Allah rahmat (63). Lalu mereka mendustakannya, kemudian Kami selamatkannya serta orang-orang yang ada bersama dengannya di dalam bahtera itu. Dan Kami tenggelamkan orang-orang yang telah mendustakan ayat-ayat Kami. Sebenarnya mereka adalah satu kaum yang buta (matahatinya)."(64)

Kisah para nabi hanya disebut secara ringkas sahaja di sini, iaitu tanpa huraian yang terperinci sebagaimana yang disebut di dalam surah-surah Al-Qur'an yang lain melalui rangkaian ayat-ayat yang memerlukan kepada huraian yang panjang itu seperti huraian-huraian yang disebut di dalam Surah Hud dan Surah Nuh, kerana tujuan penceritaan itu di sini ialah untuk menggambarkan ciri-ciri kisah yang menjadi batu pedoman di jalan perjuangan para rasul yang telah kami ulaskan sebentar tadi, iaitu menggambarkan tabi'at 'aqidah Islam, cara penyampaian, cara sambutan kaum terhadap da'wahnya, di samping menggambarkan hakikat-hakikat perasaan seorang rasul dan bagaimana amaran Allah itu direalisasikan. Oleh sebab itulah dalam kisah-kisah itu hanya di sebut babak-babak yang bersangkutan dengan ciri-ciri itu sahaja mengikut methodologi kisah-kisah Al-Qur'an.

لَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوۡمِهِۦ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya."(59)

Pengutusan itu dilakukan mengikut Sunnatullah yang mengirim setiap rasul dan kalangan kaumnya sendiri dan dengan bahasa ibundanya sendiri supaya mudah diterima oleh hati orang-orang yang belum lagi rosak fitrah semulajadi mereka, juga untuk menyenangkan manusia untuk saling memahami dan mengenal satu sama lain, walaupun orang yang telah rosak fitrah semulajadi mereka merasa hairan dan pelik terhadap perjalanan Sunnatullah itu. Mereka enggan menyambut da'wah rasul dan merasa begitu angkuh dan sombong untuk beriman kepada seorang manusia yang sama dengan mereka. Mereka menuntut agar Allah mengirim rasul dari jenis malaikat. Permintaan ini hanya sesuatu dalihan semata-mata, sedangkan yang sebenarnya mereka tidak akan menyambut hidayat Allah walaupun hidayat itu disampaikan kepada mereka melalui sarana apa pun.

Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya dan dia telah menyeru mereka dengan ungkapan yang sama dengan ungkapan yang dilafazkan oleh setiap rasul:

فَقَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓ

"Lalu dia berseru: Wahai kaumku, sembahlah Allah! Tiada Tuhan bagi kamu selain Allah."(59)

Itulah seruan yang tidak pernah berubah-ubah. Itulah tapak asas 'aqidah, di mana 'aqidah tidak mungkin wujud tanpa tapak asas ini. Ia merupakan tunggak kehidupan insaniyah yang tidak mungkin ditegakkan di atas landasan yang lain. Ia merupakan penjamin bagi kesatuan hala, kesatuan matlamat dan kesatuan perhubungan umat. Ia merupakan prinsip yang memperbebaskan umat manusia dari 'Ubudiyah kepada hawa nafsu dan dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia di samping merupakan penjamin yang dapat mengatasi segala keinginan hawa nafsu dan mengatasi panji-panji dan ancaman-ancaman dari syaitan.

Agama Allah adalah satu sistem hidup yang berasaskan bahawa seluruh kuasa yang mengendalikan seluruh kehidupan manusia adalah di miliki Allah. Inilah makna mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan makna tiada Tuhan bagi manusia selain Allah. Pengi'tirafan kuasa Allah itu mesti dalam bentuk i'tiqad dan kepercayaan bahawa Rububiyah Allah meliputi seluruh alam buana dan seluruh alam ini adalah dicipta dan ditadbirkan dengan kudrat dan perencanaan Allah, juga dalam bentuk i'tiqad dan kepercayaan bahawa Rububiyah Allah meliputi seluruh manusia dan seluruh mereka adalah diciptakan Allah dan seluruh urusan hidup mereka dikendalikan dengan kudrat dan perencanaan Allah, atau dalam ungkapan yang setarap,

pengi'tirafan kuasa Allah itu hendaklah dalam bentuk kepercayaan bahawa Rububiyah Allah itu harus menguasai seluruh kegiatan hidup amali manusia di alam kenyataan, dan seluruhnya harus dilandaskan di atas landasan syari'at Allah dan perintah-Nya dan seterusnya dalam bentuk menumpukan seluruh syi'ar ibadat kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Seluruhnya itu merupakan seberkas kepercayaan yang padu, yang tidak boleh dipecah-pecahkan kerana jika dipecah-pecahkan ia akan berubah kepada syirik, iaitu menyembah sembahan-sembahan yang lain di samping menyembah Allah atau tanpa menyembah Allah.

Nuh a.s. telah mengemukakan seruan yang sama ini kepada kaumnya di samping memberi amaran kepada mereka terhadap akibat buruk yang akan menimpa orang-orang yang menolak da'wah Allah. Beliau memberi nasihat kepada mereka dengan kebimbangan seorang saudara terhadap saudaranya dan dengan keikhlasan seorang penasihat terhadap kaum keluarganya:

إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ٥٩

"Sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa 'azab keseksaan hari (Qiamat) yang amat besar."(59)

Di sini kita dapat melihat bahawa agama Allah yang dibawa oleh Nuh - iaitu satu agama yang paling tua di dalam sejarah - adalah mengandungi kepercayaan kepada hari Akhirat, kepercayaan kepada hisab dan balasan pada hari Qiamat yang amat besar. Nuh menaruh kebimbangan terhadap kaumnya yang terancam kepada 'azab Allah. Demi-kianlah kita dapat melihat perbezaan di antara kenyataan methodologi-methodologi pakar-pakar kajian agama-agama yang meraba-raba di dalam gelap dan pengikut-pengikut mereka yang tidak mengetahui methodologi Al-Qur'an.

Bagaimana pula cara penerimaan golongan kaum Nuh yang menyeleweng dan sesat terhadap da'wah Nuh yang bersih dan lurus itu?

قَالَ ٱلۡمَلَأُ مِن قَوۡمِهِۦٓ إِنَّا لَنَرَىٰكَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ٦٠

"Pemimpin-pemimpin kaumnya berkata: 'Sebenarnya kami memandang engkau berada di dalam kesesatan yang nyata.'"(60)

Perkataan ini sama dengan perkataan kaum Musyrikin Arab kepada Nabi Muhammad s.a.w bahawa dia telah terkeluar dari agama Ibrahim. Demikianlah seorang yang telah terjerumus begitu jauh di dalam kesesatan akan mengira sesiapa yang menyerunya kepada hidayat Allah sebagai orang yang sesat. Begitulah juga halnya dengan orang yang terlalu angkuh dan sombong setelah fitrah semulajadinya rosak dan musnah. Orang-orang yang seperti inilah menyebabkan terbaliknya neraca pertimbangan, runtuhnya peraturan-peraturan dan maharajalelanya hawa nafsu selama neraca pertimbangan itu bukan neraca pertimbangan Allah yang tidak pernah menyeleweng dan berat sebelah.

Apakah Pandangan Jahiliyah Zaman Moden Terhadap Pandangan Orang-orang Yang Beriman?

Apa kata jahiliyah sekarang kepada orang-orang yang menerima hidayat Allah? Ia sifatkan mereka sebagai orang-orang yang sesat dan berjanji akan menyambut baik apabila orang-orang yang menerima hidayat itu kembali semula kepada paya jahiliyah dan bergelimang di dalam lumpurnya.

Apa kata jahiliyah sekarang kepada gadis yang tidak mahu mendedahkan 'aurat tubuhnya? Apa kata jahiliyah kepada pemuda yang memandang kotor kepada daging badan wanita yang terdedah? Ia namakan keengganan dan pandangan mereka yang bersih itu sebagai pandangan "kolot", pandangan ketinggalan zaman, jumud dan kekampungan. Selanjutnya jahiliyah akan berusaha dengan menggunakan segala cara dan wahana bimbingan dan media massa untuk membenamkan pendirian dan pemandangan mereka yang bersih di dalam lumpur, di mana jahiliyah sekarang bergelimang dalam payanya yang busuk itu.

Apa kata jahiliyah kepada orang-orang yang tidak berminat atau tidak tertarik kepada kegilaan pertandingan-pertandingan bola sepak atau kegilaan menonton filem-filem wayang, televisyen dan sebagainya atau kegilaan menari, majlis-majlis kesukaan dan hiburan yang kosong? Jahiliyah sifatkan orang-orang ini sebagai manusia-manusia beku, manusia kurungan, manusia kasar dan tidak berbudaya, dan jahiliyah akan terus berusaha menarik mereka kepada budaya-budaya remeh-temehnya itu untuk menghabiskan umur mereka.

Jahiliyah tetap jahiliyah. Tiada perubahan yang berlaku kepada jahiliyah kecuali dari segi bentuk dan rupa sahaja.

Dalam ayat yang berikut Nabi Nuh a.s. menafikan tuduhan kaumnya yang menganggap beliau sesat. Beliau menjelaskan kepada mereka hakikat da'wah dan sumbernya. Da'wah yang dibawa oleh beliau bukan dari ciptaan dan rekaan hawa nafsunya, malah ia adalah seorang rasul yang diutuskan Allah Tuhan semesta alam. Ia membawa agama atau perutusan Allah kepada mereka. Ia membawa nasihat dan amanah Allah dan ia mengetahui apa yang tidak diketahui oleh mereka. Dia dapati Allah sentiasa berada di dalam hatinya dan sentiasa berhubung dengannya, sedangkan mereka yang tidak beriman terhijab darinya:

قَالَ يَٰقَوۡمِ لَيۡسَ بِي ضَلَٰلَةٞ وَلَٰكِنِّي رَسُولٞ مِّن رَّبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٦١

أُبَلِّغُكُمۡ رِسَٰلَٰتِ رَبِّي وَأَنصَحُ لَكُمۡ وَأَعۡلَمُ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ٦٢

"Jawab Nuh: 'Wahai kaumku, tiada padaku sebarang kesesatan apa pun, tetapi aku adalah seorang utusan dari

Tuhan yang memelihara semesta alam (61). (Aku ditugas) ialah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhanku dan memberi nasihat kepada kamu dan aku mengetahui dari Allah apa yang tidak diketahui oleh kamu."(62)

Di sini (dalam ayat berikut) kita dapati satu kekosongan dalam urutan ayat-ayat ini, seolah-olah kaum Nuh merasa pelik dan hairan kerana Allah memilih utusan dari jenis manusia dari kalangan mereka sendiri untuk membawa perutusan-Nya kepada kaumnya, mereka juga merasa pelik bahawa utusan ini memperolehi ilmu dari Allah yang tidak diperolehi oleh orang-orang yang lain yang tidak dipilih Allah. Kekosongan itu dibuktikan oleh keterangan ayat ini:

أَوَعَجِبْتُمْ أَن جَآءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ وَلِتَتَّقُوا۟ وَلَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٦٣﴾

"Apakah kamu merasa hairan kerana datangnya peringatan dari Tuhan kamu melalui seorang lelaki dari kalangan kamu untuk memberi amaran kepada kamu, agar kamu bertaqwa supaya kamu diberikan Allah rahmat."(63)

Pemilihan ini tidak menimbulkan sebarang takjub, kerana seluruh kejadian insan itu menakjubkan belaka. Ia dapat berinteraksi dengan alam-alam seluruhnya, ia juga dapat berhubung dengan Allah kerana dalam struktur kejadiannya terdapat roh ciptaan Allah yang ditiupkan pada dirinya. Oleh itu apabila Allah memilih utusan-Nya dari kalangan mereka - dan Allah amatlah mengetahui siapakah yang layak untuk membawa perutusan-Nya - maka sudah tentu utusan yang dipilih itu dapat menerima perutusan itu, kerana Allah telah melengkapkan dirinya dengan kebolehan untuk berhubung dan menerima perutusan dari Allah dengan perantaraan roh yang merupakan rahsia Ilahi yang seni yang memberi makna insan kepada manusia dan menjadi asas penghormatan Allah kepada makhluk insan yang mempunyai struktur kejadian yang menakjubkan itu.

Kemudian Nuh menjelaskan matlamat risalah yang dibawa oleh beliau:

لِيُنذِرَكُمْ وَلِتَتَّقُوا۟ وَلَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٦٣﴾

"Untuk memberi amaran kepada kamu, agar kamu bertaqwa supaya kamu diberikan Allah rahmat."(63)

Maksudnya, amaran itu bertujuan untuk menggerakkan perasaan taqwa di dalam hati agar mereka pada akhirnya mendapat rahmat Allah dan Nuh tidak mendapat sesuatu apa di sebalik itu, dan tidak pula mempunyai apa-apa muslihat dan apa-apa matlamat peribadi selain dari matlamat luhur (untuk kebaikan manusia).

Tetapi apabila fitrah manusia rosak hingga ke tahap yang tertentu, maka ia tidak lagi dapat berfikir dan mengambil pengajaran dengan betul dan segala amaran dan peringatan tidak memberi apa-apa kesan kepadanya:

فَكَذَّبُوهُ فَأَنجَيْنَٰهُ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥ فِى ٱلْفُلْكِ وَأَغْرَقْنَا ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا عَمِينَ ﴿٦٤﴾

"Lalu mereka mendustakannya, kemudian Kami selamatkannya serta orang-orang yang bersama dengannya di dalam bahtera itu. Dan Kami menenggelamkan orang-orang yang telah mendustakan ayat-ayat Kami. Sebenarnya mereka adalah satu kaum yang buta (matahatinya)."(64)

Kita telah pun melihat bagaimana mereka buta kepada hidayat Allah, kepada nasihat yang baik dan amaran yang ikhlas. Dengan matahati yang buta inilah mereka menolak da'wah Nuh, dan dengan fikiran yang buta inilah mereka menerima nasib kesudahan mereka yang malang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 65 - 72)

Roda sejarah terus berputar dan rangkaian ayat-ayat Al-Qur'an terus disambung dan kini kita sedang berdepan dengan 'Ad kaum Nabi Hud a.s:

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٦٥﴾ قَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦٓ إِنَّا لَنَرَىٰكَ فِى سَفَاهَةٍ وَإِنَّا لَنَظُنُّكَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٦٦﴾ قَالَ يَٰقَوْمِ لَيْسَ بِى سَفَاهَةٌ وَلَٰكِنِّى رَسُولٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٧﴾ أُبَلِّغُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّى وَأَنَا۠ لَكُمْ نَاصِحٌ أَمِينٌ ﴿٦٨﴾ أَوَعَجِبْتُمْ أَن جَآءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ ۚ وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَآءَ مِنۢ بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ وَزَادَكُمْ فِى ٱلْخَلْقِ بَصْۜطَةً ۖ فَٱذْكُرُوٓا۟ ءَالَآءَ ٱللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾ قَالُوٓا۟ أَجِئْتَنَا لِنَعْبُدَ ٱللَّهَ وَحْدَهُۥ وَنَذَرَ مَا كَانَ يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا ۖ فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٧٠﴾

قَالَ قَدْ وَقَعَ عَلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ رِجْسٌ وَغَضَبٌ ۖ أَتُجَادِلُونَنِي فِي أَسْمَاءٍ سَمَّيْتُمُوهَا أَنتُمْ وَآبَاؤُكُم مَّا نَزَّلَ اللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَانٍ ۚ فَانتَظِرُوا إِنِّي مَعَكُم مِّنَ الْمُنتَظِرِينَ ﴿٧١﴾ فَأَنجَيْنَاهُ وَالَّذِينَ مَعَهُ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَقَطَعْنَا دَابِرَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا ۖ وَمَا كَانُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٧٢﴾

"Dan (Kami telah utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud. Dia berseru: Wahai kaumku, sembahlah Allah. Tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapakah kamu tidak mahu bertaqwa? (65) Berkatalah pemimpin-pemimpin kaumnya yang kafir: Sebenarnya kami memandang engkau berada dalam kebodohan dan sebenarnya kami menganggapkan engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang berdusta (66). Jawab Hud: Wahai kaumku, tiada padaku sebarang kebodohan apa pun, tetapi aku adalah seorang utusan dari Allah Yang Memelihara semesta alam (67). Aku (ditugas) menyampaikan perutusan-perutusan Tuhanku dan aku adalah seorang penasihat yang jujur kepada kamu (68). Apakah kamu merasa hairan kerana datangnya kepada kamu peringatan dari Tuhan kamu melalui seorang lelaki dari kalangan kamu untuk memberi amaran kepada kamu. Ingatlah kamu sewaktu Allah menjadikan kamu selaku khalifah-khalifah-Nya di bumi selepas kaum Nuh dan menambahkan kekuatan dan kejaguran tubuh badan kamu. Oleh itu kenangilah ni'mat-ni'mat Allah supaya kamu mendapat keberuntungan (69). Mereka berkata: Apakah kamu datang kepada kami supaya kami hanya menyembah Allah sahaja dan meninggalkan sembahan-sembahan yang biasa disembah oleh datuk nenek kami. Bawalah 'azab yang engkau ancamkan kami itu jika engkau dari orang-orang yang benar.(70) Jawab Hud! 'azab ini pasti akan menimpa kamu. Apakah kamu mahu berdebat dengan kami tentang nama-nama berhala sembahan kamu yang telah dinamakan kamu dan datuk nenek kamu itu, sedangkan Allah tidak pernah menurunkan sebarang hujjah mengenainya? Oleh itu tunggulah 'azab itu dan aku juga dari orang-orang yang turut menunggu bersama kamu (71). Kemudian Kami selamatkan Hud serta orang-orang yang ada bersamanya dengan rahmat dari Kami dan Kami telah menghapuskan seluruh mereka yang telah mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka sama sekali tidak pernah termasuk dalam golongan yang beriman."(72)

Risalah yang dibawa Hud sama dengan risalah Nuh, dialognya dengan kaumnya juga sama dan akibat kebinasaan yang diterima oleh kaumnya juga sama. Itulah perjalanan Sunnatullah. Itulah undang-undang Allah yang lazim dan itulah undang-undang Allah yang sama.

Kaum 'Ad adalah dari zuriat keturunan Nabi Nuh a.s. dan dari zuriat mereka yang terselamat bersama beliau di dalam bahtera. Menurut satu riwayat bilangan mereka ialah tiga belas orang. Tidak syak lagi bahawa anak-anak cucu dari orang-orang Mu'min yang selamat bersama beliau di dalam bahtera itu adalah berpegang dengan agama Nuh a.s., iaitu agama Islam. Mereka menyembah Allah Yang Maha Esa dan tiada Tuhan bagi mereka selain Allah. Mereka beri'tiqad Allah itulah Tuhan semesta alam kerana Nuh telah menerangkan hakikat ini kepada mereka:

وَلَٰكِنِّي رَسُولٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٦١﴾

"Tetapi aku adalah seorang utusan dari Tuhan Yang Memelihara semesta alam."(61)

Apabila mereka dilalui zaman-zaman yang begitu lama, dan hidup bertaburan di merata pelosok bumi dan menerima berbagai-bagai godaan syaitan dan dipimpin oleh hawa nafsu terutama nafsu ingin berkuasa dan cintakan keni'matan-keni'matan hidup mengikut kehendak nafsu mereka yang bebas bukan mengikut syari'at Allah, maka kaum Hud kembali mengingkarkan da'wah nabi Hud yang menyeru mereka supaya menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja:

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۗ قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٦٥﴾

"Dan (Kami telah utuskan) kepada kaum 'Ad saudara mereka Hud. Dia berseru: Wahai kaumku sembahlah Allah. Tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapakah kamu tidak mahu bertaqwa?"(65)

Perkataan yang dikatakan Hud itu sama dengan perkataan yang diucapkan Nuh sebelum ini dan perkataan ini telah ditolak kaum Nuh lalu mereka ditimpa malapetaka banjir yang membinasakan mereka. Kemudian Allah gantikan mereka dengan kaum 'Ad. Di dalam surah ini tidak disebut di manakah tempat tinggal kaum 'Ad ini, tetapi di dalam surah yang lain kita dimaklumkan bahawa mereka tinggal di al-Ahqaf iaitu kawasan cangkat pasir di perbatasan negeri Yaman. Ia terletak di antara al-Yamamah dan Hadhramaut. Kaum 'Ad menurut jejak kaum Nuh, mereka tidak mengambil pengajaran dan contoh teladan dari akibat-akibat buruk yang telah menimpa kaum-kaum yang mengikut jalan sesat yang sedang dilalui mereka. Oleh sebab itulah Nabi Hud a.s. menyambung percakapannya:

أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٦٥﴾

"Mengapakah kamu tidak mahu bertaqwa"(65)

untuk mengecam sikap mereka yang tidak takut dan bertaqwa kepada Allah, juga tidak takut kepada nasib kesudahan yang amat ngeri itu.

Seolah-olah para pemimpin dan pembesar kaum Hud merasa terlalu berat kerana adanya seorang dari kaum mereka yang menyeru mereka kepada agama Allah dan mengecam mereka kerana tidak mahu bertaqwa kepada Allah. Mereka memandang orang-orang itu sebagai seorang yang kurang akal dan tolol, yang bertindak di luar batas dan tidak mengerti menilai keadaan. Oleh kerana itu mereka tanpa silu malu terus menuduh nabi mereka Hud sebagai

seorang bodoh dan pembohong. Tuduhan itu dibuat secara sembarangan tanpa berlandaskan fikiran dan bukti:

قَالَ يَٰقَوْمِ لَيْسَ بِي سَفَاهَةٌ وَلَٰكِنِّي رَسُولٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦٧﴾

أُبَلِّغُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّي وَأَنَا۠ لَكُمْ نَاصِحٌ أَمِينٌ ﴿٦٨﴾

"Jawab Hud: Wahai kaumku, tiada padaku sebarang kebodohan apa pun, tetapi aku adalah seorang utusan dari Allah Yang Memelihara semesta alam (67). Aku (ditugas) menyampaikan perutusan-perutusan Tuhanku dan aku adalah seorang penasihat yang jujur kepada kamu."(68)

Hud menafikan tuduhan bodoh dan bohong itu dengan cara yang jujur sama seperti Nuh menafikan tuduhan sesat. Dan sama seperti Nabi Nuh juga, Hud menjelaskan kepada kaumnya tentang sumber dan tujuan da'wah agama yang dibawa olehnya di samping menjelaskan kejujurannya dalam menyampaikan da'wah dan nasihatnya kepada mereka. Semuanya dinyatakan kepada mereka dengan rasa kemesraan seorang penasihat dan dengan keikhlasan seorang rasul yang amanah.

Tentulah kaum Hud merasa hairan dan pelik sama seperti yang dirasakan oleh kaum Nuh sebelum ini terhadap pemilihannya sebagai utusan Allah dan terhadap agama yang dibawa olehnya. Oleh sebab itu Hud mengulangkan pernyataan yang telah dikemukakan oleh Nuh sebelumnya seolah-olah kedua-duanya satu roh dalam dua peribadi:

أَوَعَجِبْتُمْ أَن جَآءَكُمْ ذِكْرٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنكُمْ لِيُنذِرَكُمْ ۚ

"Apakah kamu merasa hairan kerana datangnya kepada kamu peringatan dari Tuhan kamu melalui seorang lelaki dari kalangan kamu untuk memberi amaran kepada kamu."(69)

Kemudian Hud menambahkan lagi dengan mengingat-kan mereka kepada realiti hidup mereka yang telah dijadikan Allah sebagai khalifah-khalifah yang berkuasa di bumi selepas kaum Nuh yang binasa itu, dan bagaimana Allah mengurniakan kepada mereka kekuatan dan kejaguran tubuh badan sesuai dengan kedudukan dan kehidupan mereka di kawasan pergunungan itu di samping mengurniakan kuasa pemerintahan kepada mereka:

وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَآءَ مِنۢ بَعْدِ قَوْمِ نُوحٍ وَزَادَكُمْ فِى ٱلْخَلْقِ بَصْۜطَةً ۖ فَٱذْكُرُوٓا۟ ءَالَآءَ ٱللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٦٩﴾

"Ingatlah kamu sewaktu Allah menjadikan kamu selaku khalifah-khalifah-Nya di bumi selepas kaum Nuh dan menambahkan kekuatan dan kejaguran tubuh badan kamu. Oleh itu kenangilah ni'mat-ni'mat Allah supaya kamu mendapat keberuntungan."(69)

Pengurniaan Allah yang melantik mereka selaku khalifah-khalifah di samping pengurniaan kekuatan dan kejaguran tubuh badan itu sepatutnya dibalaskan dengan kesyukuran dan menjauhkan diri dari sifat angkuh dan menyelamatkannya dari menerima nasib kesudahan yang buruk yang telah menimpa kaum-kaum yang terdahulu, sedangkan mereka tidak pernah berjanji dengan Allah untuk memberhentikan pelaksanaan Sunnatullah yang tidak pernah berubah itu, iaitu undang-undang yang berjalan mengikut peraturan dan perencanaan yang ditentukan. Apabila disebut ni'mat, maka dengan sendirinya menyarankan agar hikmat itu dibalaskan dengan kesyukuran. Perbuatan mensyukuri ni'mat diikuti oleh usaha-usaha memelihara sebab-sebab yang membawa ni'mat itu dan justeru itulah kesyukuran menghasilkan keberuntungan di dunia dan Akhirat.

Tetapi apabila fitrah menyeleweng, maka ia tidak lagi berfikir, mengambil contoh teladan dan peringatan, dan inilah yang telah berlaku kepada pemimpin-pemimpin kaum Hud yang berbangga dengan dosa-dosa yang dilakukan mereka, yang suka bertengkar dan berdebat, yang mencabar agar 'azab Allah yang diancamkan kepada mereka ditimpakan ke atas mereka dengan segera. Mereka merasa amat berat untuk menerima nasihat Hud dan justeru itu mereka mempersenda-sendakan amarannya:

قَالُوٓا۟ أَجِئْتَنَا لِنَعْبُدَ ٱللَّهَ وَحْدَهُۥ وَنَذَرَ مَا كَانَ يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا ۖ فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٧٠﴾

"Mereka berkata: Apakah kamu datang kepada kami supaya kami hanya menyembah Allah sahaja dan meninggalkan sembahan-sembahan yang biasa disembah oleh datuk nenek kami. Bawalah 'azab yang engkau ancamkan kami itu jika engkau dari orang-orang yang benar."(70)

Mereka berkata begitu seolah-olah Hud mengajak mereka melakukan sesuatu yang tidak baik, yang tidak sanggup didengar dan difikirkan mereka:

أَجِئْتَنَا لِنَعْبُدَ ٱللَّهَ وَحْدَهُۥ وَنَذَرَ مَا كَانَ يَعْبُدُ ءَابَآؤُنَا ۖ

"Apakah kamu datang kepada kami supaya kami hanya menyembah Allah sahaja dan meninggalkan sembahan-sembahan yang biasa disembah oleh datuk nenek kami?"(70)

Ini adalah satu pemandangan yang menyedihkan, di mana hati dan akal telah dikuasai dan diperhambakan oleh realiti adat dan tradisi yang telah merampas ciri insaniyah semulajadi dan merampas kebebasan berfikir dan beri'tiqad yang membuat mereka menjadi

abdi kepada adat dan tradisi, hamba kepada kebiasaan dan resaman, hamba kepada hawa nafsu sendiri dan kepada hawa nafsu orang-orang yang sama sependirian dengan mereka. Pendeknya pengaruh realiti adat dan tradisi menutup segala pintu ilmu pengetahuan dan segala jendela untuk dimasuki cahaya.

Demikianlah kaum yang sesat itu meminta disegerakan 'azab yang diancamkan kepada mereka untuk mengelakkan diri dari menghadapi kebenaran, malah untuk melarikan diri dari memikirkan kekarutan dan keremehan kepercayaan yang telah mengabdikan mereka. Mereka berkata kepada nabi mereka yang jujur dan ikhlas:

فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٧٠﴾

"Bawalah 'azab yang engkau ancamkan kami itu jika engkau dari orang-orang yang benar."(70)

Oleh sebab itulah cabaran mereka mendapat jawapan yang tegas dan segera dari Hud a.s.:

قَالَ قَدْ وَقَعَ عَلَيْكُم مِّن رَّبِّكُمْ رِجْسٌ وَغَضَبٌ ۖ أَتُجَٰدِلُونَنِى فِىٓ أَسْمَآءٍ سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّا نَزَّلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿٧١﴾

"Jawab Hud! 'azab itu pasti akan menimpa kamu. Apakah kamu mahu berdebat dengan kami tentang nama-nama berhala sembahan kamu yang telah dinamakan kamu dan datuk nenek kamu itu, sedangkan Allah tidak pernah menurunkan sebarang hujjah mengenainya? Oleh itu tunggulah 'azab itu dan aku juga dari orang-orang yang turut menunggu bersama kamu."(71)

Beliau telah menyampaikan kepada mereka akibat kemurkaan yang telah diberitakan Allah kepadanya, iaitu akibat yang tetap akan menimpa mereka tanpa dapat dielakkan lagi. Tiada siapa yang dapat menahan 'azab Allah dan kemurkaan-Nya yang menyertai 'azab itu. Dan di samping berita 'azab yang diminta mereka supaya dipercepatkan itu beliau menjelaskan pula betapa karutnya kepercayaan dan kefahaman-kefahaman mereka:

أَتُجَٰدِلُونَنِى فِىٓ أَسْمَآءٍ سَمَّيْتُمُوهَآ أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُم مَّا نَزَّلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ

"Apakah kamu mahu berdebat dengan kami tentang nama-nama berhala sembahan kamu yang telah dinamakan kamu dan datuk nenek kamu itu, sedangkan Allah tidak pernah menurunkan sebarang hujjah mengenainya?"(71)

Maksudnya, segala yang disembahkan kamu itu tidak mempunyai sebarang hakikat. Ia hanya berupa nama-nama yang direka oleh kamu dan datuk nenek kamu. Ia tidak pernah disyari'at dan diizinkan Allah. Oleh sebab itu ia tidak mempunyai asas dan alasan dan kamu juga tidak mempunyai apa-apa bukti untuk mempertahankannya. Ungkapan:

مَّا نَزَّلَ ٱللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَٰنٍ ۚ

"Allah tidak pernah menurunkan sebarang hujjah mengenainya"(71)

yang berulang-ulang disebut di dalam Al-Qur'an adalah suatu ungkapan yang menjelaskan suatu hakikat yang pokok iaitu setiap perkataan atau pernyataan atau undang-undang atau peraturan atau adat atau kefahaman yang tidak diturun atau disyari'atkan Allah adalah mempunyai nilai yang ringan, kesan yang lemah dan cepat hilang. Ia diterima oleh fitrah manusia dengan pandangan yang enteng. Sebaliknya jika pernyataan itu datang dari Allah, maka ia mempunyai pengaruh yang kuat, berat dan mantap dan akan menembusi lubuk hati kerana pengaruh dan kuat kuasa yang diwujudkan Allah padanya.

Berapa banyak kata-kata dan pernyataan-pernyataan yang menarik, berapa banyak aliran-aliran pemikiran dan teori-teori, berapa banyak kefahaman-kefahaman yang cantik, berapa banyak undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditegakkan dengan segala kekuatan sanjungan dan sokongan, tetapi semuanya larut dan hancur apabila berdepan dengan pernyataan dari Allah yang mempunyai kuat kuasanya dari Allah.

Oleh sebab itu Hud mencabar kaumnya dengan keyakinan dan kepercayaan yang kukuh:

فَٱنتَظِرُوٓا۟ إِنِّى مَعَكُم مِّنَ ٱلْمُنتَظِرِينَ ﴿٧١﴾

"Oleh itu tunggulah 'azab itu dan aku juga dari orang-orang yang turut menunggu bersama kamu."(71)

Keyakinan dan kepercayaan inilah yang menjadi asas kekuatan yang dirasai oleh penda'wah agama Allah. Ia yakin bahawa kebathilan itu lemah, tidak mempunyai pengaruh dan nilai biar pun bagaimana ia mendabik dada dan berlagak angkuh di samping yakin kepada kekuatan kebenaran yang ditegakkan dengan kuat kuasa dari Allah.

Masa menunggu 'azab itu tidak lama. Sebagaimana dijelaskan oleh ayat yang berikut:

فَأَنجَيْنَٰهُ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥ بِرَحْمَةٍ مِّنَّا وَقَطَعْنَا دَابِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا ۖ وَمَا كَانُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٧٢﴾

"Kemudian Kami selamatkan Hud serta orang-orang yang ada bersamanya dengan rahmat dari Kami dan Kami telah menghapuskan seluruh mereka yang telah mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka sama sekali tidak pernah termasuk dalam golongan yang beriman."(72)

'Azab itu telah menghapuskan mereka habis-habisan. Tiada seorang pun yang selamat. Itulah maksud dari istilah " وقطعنا دابر القوم" (Kami binasakan mereka hingga kepada orang yang berada di akhir barisan mereka).

Demikianlah tergolongnya satu lagi lembaran sejarah kaum yang telah menolak da'wah Allah dan terserlahnya kebenaran amaran seorang rasul apabila peringatannya tidak dihirau dan dimanfa'atkan mereka. Ayat-ayat dalam rangkaian ini tidak menghuraikan secara terperinci sebagaimana yang dihuraikan di dalam surah-surah yang lain tentang malapetaka yang telah menghapuskan kaum Hud itu. Oleh sebab itu kami berhenti setakat keterangan ayat ini sahaja sebagai tayangan segera yang ringkas dan kami tidak membuat huraian terperinci kerana di sana terdapat tempat-tempat huraian terperinci di dalam nas-nas surah ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 73 - 84)

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا ۗ قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ ۖ قَدْ جَاءَتْكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ ۖ هَٰذِهِ نَاقَةُ اللَّهِ لَكُمْ آيَةً ۖ فَذَرُوهَا تَأْكُلْ فِي أَرْضِ اللَّهِ ۖ وَلَا تَمَسُّوهَا بِسُوءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

وَاذْكُرُوا إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَاءَ مِن بَعْدِ عَادٍ وَبَوَّأَكُمْ فِي الْأَرْضِ تَتَّخِذُونَ مِن سُهُولِهَا قُصُورًا وَتَنْحِتُونَ الْجِبَالَ بُيُوتًا ۖ فَاذْكُرُوا آلَاءَ اللَّهِ وَلَا تَعْثَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٧٤﴾

قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا مِن قَوْمِهِ لِلَّذِينَ اسْتُضْعِفُوا لِمَنْ آمَنَ مِنْهُمْ أَتَعْلَمُونَ أَنَّ صَالِحًا مُّرْسَلٌ مِّن رَّبِّهِ ۚ قَالُوا إِنَّا بِمَا أُرْسِلَ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٧٥﴾

قَالَ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا إِنَّا بِالَّذِي آمَنتُم بِهِ كَافِرُونَ ﴿٧٦﴾

فَعَقَرُوا النَّاقَةَ وَعَتَوْا عَنْ أَمْرِ رَبِّهِمْ وَقَالُوا يَا صَالِحُ ائْتِنَا بِمَا تَعِدُنَا إِن كُنتَ مِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٧٧﴾

فَأَخَذَتْهُمُ الرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ جَاثِمِينَ ﴿٧٨﴾

فَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَا قَوْمِ لَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ رِسَالَةَ رَبِّي وَنَصَحْتُ لَكُمْ وَلَٰكِن لَّا تُحِبُّونَ النَّاصِحِينَ ﴿٧٩﴾

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh. Ia berseru kepada mereka: Sembahlah Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Sesungguhnya bukti yang nyata telah datang kepada kamu dari Tuhan kamu. Inilah Unta Allah sebagai satu bukti untuk kamu (terhadap kebenaranku). Biarkanlah Unta ini makan di bumi Allah (dengan bebas) dan janganlah kamu lakukan sesuatu yang tidak baik terhadapnya nanti kamu ditimpa 'azab yang amat pedih.'(73) Ingatlah kamu sewaktu Allah menjadikan kamu selaku khalifah-khalifah-Nya selepas kaum 'Ad dan memberi tempat kediaman yang baik kepada kamu di bumi ini, di mana kamu mendirikan istana-istana di dataran-datarannya dan kamu memahat gunung-ganang untuk dijadikan rumah-rumah. Oleh itu kenangilah ni'mat-ni'mat Allah dan janganlah kamu bertindak sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi (74). Ujar pemimpin-pemimpin yang bersikap angkuh dari kaumnya kepada orang-orang yang dianggap lemah yang telah beriman di antara mereka: Tahukah kamu bahawa Soleh itu diutuskan dari Tuhannya? Jawab mereka: Sebenarnya kami percaya kepada apa yang dibawa oleh Soleh dari Tuhannya (75). Jawab mereka yang bersikap angkuh ini: Sebenarnya kami pula tidak percaya kepada apa yang telah dipercayai kamu (76). Lalu mereka menyembelih Unta itu dan melanggar perintah Tuhan mereka dan mereka berkata: Wahai Soleh, bawalah 'azab yang engkau ancamkan kami jika engkau benar dari utusan-utusan yang dihantarkan Allah (77). Kemudian mereka di timpa gempa bumi dan mereka rebah mati bergelimpangan di rumah mereka (78). Kemudian Soleh meninggalkan mereka dan berkata: Wahai kaumku, aku telah pun menyampaikan perutusan Tuhanku dan aku telah memberi nasihat kepada kamu, tetapi kamu tidak menyukai orang-orang yang memberi nasihat."(79)

Ini satu lagi lembaran dari lembaran-lembaran kisah manusia yang berlaku di dalam lautan peristiwa-peristiwa sejarah. Ini satu lagi peristiwa manusia berpatah balik ke dalam lembah jahiliyah. Ini satu lagi adengan dari adegan-adegan pertarungan di antara kebenaran dan kebathilan, dan ini satu lagi kebinasaan yang baru dari kisah-kisah kebinasaan kaum-kaum yang mendustakan da'wah rasul:

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا ۗ قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ

"Dan (Kami utuskan) kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh. Ia berseru kepada mereka: Sembahlah Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain Dia."(73)

Ayat ini menonjolkan pengakuan 'Ubudiyah yang sama yang dengannya dimulakan penciptaan makhluk insan dan kepadanya ia kembali. Ayat ini juga menggunakan methodologi yang sama mengenai cara i'tiqad, arah tujuan, cara persemukaan dan penyampaian.

Dan ayat yang berikut menambahkan cerita mu'jizat yang dikurniakan kepada Nabi Soleh a.s. apabila diminta oleh kaumnya sebagai bukti di atas kebenaran da'wahnya:

قَدْ جَآءَتْكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ ۖ هَٰذِهِۦ نَاقَةُ ٱللَّهِ لَكُمْ ءَايَةً ۖ

"Sesungguhnya bukti yang nyata telah datang kepada kamu dari Tuhan kamu. Inilah Unta Allah sebagai satu bukti untuk kamu (terhadap kebenaranku)."(73)

Unta Mu'jizat Nabi Soleh

Penjelasan ayat berakhir di sini sahaja. Ia bertujuan membuat tayangan segera tentang da'wah Soleh yang sama (dengan da'wah para rasul yang silam), juga tentang akibat beriman dengannya dan akibat mendustakannya. Ia tidak menceritakan tentang kaum Soleh yang menuntut beliau menunjukkan mu'jizat, malah ia tiba-tiba mengumumkan wujudnya mu'jizat itu selepas beliau berda'wah. Begitu juga rangkaian ayat-ayat ini tidak menceritakan dengan panjang lebar tentang Unta mu'jizat itu selain dari menyatakan bahawa Unta itu adalah suatu bukti dari Allah dan ia disebut sebagai "Unta Allah" yang menjadi tanda kekuasaan Allah. Dari namanya yang dihubungkan dengan nama Allah itu menunjukkan bahawa Unta itu bukanlah seekor Unta biasa atau menunjukkan bahawa Unta itu dikeluarkan untuk mereka dengan cara yang luar biasa yang mewajarkannya menjadi bukti dari Allah, atau namanya yang dihubungkan dengan nama Allah itu menjadikan Unta itu membawa makna yang besar di samping menjadikan bukti kebenaran terhadap kenabian Soleh. Kami tidak ingin menambah sesuatu yang tidak disebut oleh sumber yang benar ini. Oleh itu marilah kita teruskan dengan ayat-ayat selanjut dan hidup di bawa bayangannya:

فَذَرُوهَا تَأْكُلْ فِىٓ أَرْضِ ٱللَّهِ ۖ وَلَا تَمَسُّوهَا بِسُوٓءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٣﴾

"Biarkanlah Unta ini makan di bumi Allah (dengan bebas) dan janganlah, kamu lakukan sesuatu yang tidak baik terhadapnya nanti kamu di timpa 'azab yang amat pedih."(73)

Maksudnya, Unta itu ialah Unta Allah. Oleh sebab itu biarkanlah ia makan di bumi Allah dengan bebas tanpa diganggu oleh sesiapa. Jika tidak, maka itulah alamat kamu akan ditimpa malapetaka.

Selepas mengemukakan mu'jizat dan memberi amaran terhadap akibat yang buruk, Soleh a.s. memberi nasihat kepada kaumnya supaya berfikir dengan teliti terhadap akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang silam dan bersyukur kepada Allah atas ni'mat pengurniaan-Nya yang telah menjadikan mereka para khalifah yang berkuasa di bumi selepas kaum-kaum yang telah dibinasakan itu:

وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ جَعَلَكُمْ خُلَفَآءَ مِنۢ بَعْدِ عَادٍ وَبَوَّأَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ تَتَّخِذُونَ مِن سُهُولِهَا قُصُورًا وَتَنْحِتُونَ ٱلْجِبَالَ بُيُوتًا ۖ فَٱذْكُرُوٓا۟ ءَالَآءَ ٱللَّهِ وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٧٤﴾

"Ingatlah kamu sewaktu Allah menjadikan kamu selaku khalifah-khalifah-Nya selepas kaum 'Ad dan memberi tempat kediaman yang baik kepada kamu di bumi ini, di mana kamu mendirikan istana-istana di dataran-datarannya dan kamu memahat gunung-ganang untuk dijadikan rumah-rumah. Oleh itu kenangilah ni'mat-ni'mat Allah dan janganlah kamu bertindak sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi."(74)

Penjelasan ayat-ayat ini tidak menyebut di mana letaknya negeri kaum Thamud, tetapi di dalam surah yang lain disebut bahawa negeri mereka ialah di al-Hijr yang terletak di antara Hijaz dan Syam. Dari peringatan yang dikemukakan oleh Soleh a.s. kepada kaum Thamud, kita dapat melihat kesan-kesan ni'mat pemerintahan dan kedudukan yang teguh yang dini'mati mereka di negeri itu, di samping dapat melihat keadaan negeri yang dihayati mereka, iaitu negeri yang mempunyai kawasan-kawasan tanah datar dan bukit-bukit. Mereka membina bangunan-bangunan istana di kawasan tanah datar dan memahat bukit-bukit untuk dijadikan rumah-rumah kediaman. Itulah ciri tamadun dan kemajuan negeri mereka yang diungkapkan di dalam ayat yang pendek ini. Soleh a.s. mengingatkan Thamud terhadap ni'mat pemerintahan yang dikurniakan Allah kepada mereka selepas 'Ad walaupun mereka tidak tinggal di negeri 'Ad itu sendiri, di sini ternyata bahawa kaum Thamud telah membangun tamadun mereka di dalam sejarah selepas tamadun yang dibangunkan oleh 'Ad, dan daerah kuasa geopolitik mereka melewati sempadan negeri al-Hijr. Ini bererti mereka telah menjadi pemerintah-pemerintah yang teguh dan kuat di negeri itu. Nabi Soleh melarang mereka dari bertindak sewenang-wenang melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat dan zalim kerana berbangga dengan kekuatan dan kekuasaan mereka yang teguh dan mereka seharusnya mengambil pengajaran dan i'tibar dari malapetaka kebinasaan yang telah menimpa kaum 'Ad sebelum mereka.

Di sini juga kita dapati ruang kosong (atau potongan) dalam penjelasan ayat ini untuk meringkaskan cerita, iaitu segolongan kaum Thamud telah beriman kepada da'wah Soleh dan segolongan lagi menolak dan berlagak angkuh. Golongan pembesar dan ketua-ketua kaum merupakan golongan yang menolak da'wah Soleh kerana kesan da'wah itu akan melucutkan kekuasaan mereka di negeri itu dan mengembalikan mereka kepada kekuasaan Allah Yang Maha Esa yang menguasai semesta alam. Dan sudah tentu golongan ini berusaha untuk menindas dan menggugatkan keimanan

golongan yang beriman yang telah mencabut belenggu kuasa-kuasa palsu dari leher mereka dengan mengabdikan diri mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Ini bererti mereka telah membebaskan diri mereka dari perhambaan kepada sesama manusia.

Demikianlah kita melihat golongan atasan yang bongkak dari kaum Soleh berusaha menindas dan mengancam golongan Mu'minin yang lemah:

قَالَ ٱلۡمَلَأُ ٱلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ مِن قَوۡمِهِۦ لِلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُواْ لِمَنۡ ءَامَنَ مِنۡهُمۡ أَتَعۡلَمُونَ أَنَّ صَٰلِحٗا مُّرۡسَلٞ مِّن رَّبِّهِۦۚ

"Ujar pemimpin-pemimpin yang bersikap angkuh dari kaumnya kepada orang-orang yang dianggap lemah yang telah beriman di antara mereka: Tahukah kamu bahawa Soleh itu diutuskan dari Tuhannya?"(75)

Pertanyaan ini jelas bertujuan mengancam dan menakutkan orang-orang yang beriman, di samping bertujuan menyangkal keimanan mereka dan mempersenda-sendakan pendirian mereka kerana percaya kepada dakwaan Soleh kononnya ia diutuskan dari Tuhannya.

Tetapi golongan yang dianggap lemah itu tidak lagi lemah, kerana keimanan mereka kepada Allah telah mencurahkan kekuatan di dalam hati mereka, mengisikan kepercayaan dalam jiwa mereka dan keyakinan dalam pemikiran mereka. Mereka begitu yakin kepada pegangan dan kepercayaan mereka, oleh sebab itu apakah gunanya ancaman dan ugutan para pembesar itu? Apakah gunanya sendaan dan sangkalan golongan elite yang angkuh itu?

قَالُوٓاْ إِنَّا بِمَآ أُرۡسِلَ بِهِۦ مُؤۡمِنُونَ ٧٥

"Sebenarnya kami percaya kepada apa yang dibawa oleh Soleh dari Tuhannya."(75)

Justeru itu golongan elite dengan terus terang mengumumkan pendirian mereka yang mengandungi ugutan dan ancaman:

قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُوٓاْ إِنَّا بِٱلَّذِيٓ ءَامَنتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ٧٦

"Jawab mereka yang bersikap angkuh ini: Sebenarnya kami pula tidak percaya kepada apa yang telah dipercayai kamu."(76)

Walaupun Soleh mengemukakan bukti kebenaran yang menghilangkan segala keraguan, tetapi sebenarnya yang menjadi masalah kepada golongan elite bukannya kerana kekurangan bukti untuk mempercayai kebenarannya, malah yang menjadi pokok masalah mereka ialah keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa itu menggugatkan kuasa mereka. Kompleks kuasa Hakimiyah atau nafsu ingin kuasa yang bertunjang begitu mendalam di dalam hati manusia itulah rangsangan dan anjuran syaitan yang memimpin golongan manusia yang sesat dengan menarik tali hidung gila kuasa.

Apa yang dikatakan mereka terus diikuti dengan tindakan yang nekad. Mereka bertindak menceroboh Unta yang didatangkan kepada mereka sebagai bukti dari Allah untuk menunjukkan kebenaran da'wah Nabi Soleh a.s. walaupun mereka telah diberi amaran agar tidak melakukan sesuatu gangguan terhadap Unta itu supaya mereka tidak ditimpa 'azab keseksaan yang dahsyat:

فَعَقَرُواْ ٱلنَّاقَةَ وَعَتَوۡاْ عَنۡ أَمۡرِ رَبِّهِمۡ وَقَالُواْ يَٰصَٰلِحُ ٱئۡتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٧٧

"Lalu mereka menyembelih Unta itu dan melanggar perintah Tuhan mereka dan mereka berkata: Wahai Soleh, bawalah 'azab yang engkau ancamkan kami jika engkau benar dari utusan-utusan yang dihantarkan Allah."(77)

Itulah sifat angkuh yang menemani perbuatan derhaka. Tindakan mereka yang melanggar perintah itu diungkapkan dengan perkataan "عتوا" (bertindak liar, luar batas dan angkuh) untuk menonjolkan sifat yang angkuh dan perasaan jiwa yang bongkak ketika mereka bertindak melanggar perintah Allah. Perkataan itu juga bertujuan untuk menggambarkan cabaran mereka yang meminta agar mereka di timpakan malapetaka yang diancamkan itu dengan segera di samping menggambarkan sifat mereka yang tidak bersopan santun terhadap rasul yang memberi amaran yang benar kepada mereka.

Ayat yang berikut tidak berlengah-lengah dan bercakap banyak lagi untuk mengumumkan kesudahan cerita mereka:

فَأَخَذَتۡهُمُ ٱلرَّجۡفَةُ فَأَصۡبَحُواْ فِي دَارِهِمۡ جَٰثِمِينَ ٧٨

"Kemudian mereka ditimpa gempa bumi dan mereka rebah mati bergelimpangan di rumah mereka."(78)

Gempa dan rebah mati bergelimpangan merupakan balasan yang setimpal kepada sikap yang angkuh dan bongkak, kerana gempa melahirkan perasaan takut dan cemas, dan rebah bergelimpangan menggambarkan kelemahan dari bergerak. Alangkah setimpalnya balasan orang yang bertindak di luar batas itu merasa cemas dan orang yang menceroboh itu mengalami kelemahan yang tidak dapat berbuat apa-apa. Itulah balasan dan nasib kesudahan yang amat tepat yang diungkapkan melalui gambaran yang hidup.

Setelah meninggalkan mereka dalam keadaan rebah dan mati bergelimpangan, maka ayat yang berikut pula menggambarkan keadaan Soleh yang telah di dusta dan dicabarkan itu:

فَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰقَوْمِ لَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ رِسَالَةَ رَبِّي وَنَصَحْتُ لَكُمْ وَلَٰكِن لَّا تُحِبُّونَ ٱلنَّٰصِحِينَ ٧٩

"Kemudian Soleh meninggalkan mereka dan berkata: Wahai kaumku, aku telah pun menyampaikan perutusan Tuhanku dan aku telah memberi nasihat kepada kamu, tetapi kamu tidak menyukai orang-orang yang memberi nasihat."(79)

Itulah pengakuan terhadap amanah Soleh a.s. menyampaikan segala pengajaran Allah dan kejujuran beliau memberi nasihat yang ikhlas kepada kaumnya, juga merupakan pernyataan terhadap kebersihan beliau dari tanggungjawab berlakunya malapetaka yang di timpakan mereka ke atas diri sendiri dengan berlagak angkuh dan bertindak liar mendustakan da'wah Soleh a.s.

Demikianlah tamatnya sebuah kisah dari kisah-kisah kaum yang menolak rasul-rasul yang diutuskan Allah dan terlaksananya amaran Allah ke atas golongan manusia yang mempersenda-sendakan da'wah rasul-Nya setelah diberi peringatan dan amaran yang cukup.

Roda sejarah terus berputar ligat membawa kita ke zaman Ibrahim a.s., tetapi penjelasan ayat-ayat yang berikut tidak menceritakan kisah Ibrahim, kerana tujuannya di sini ialah mengemukakan cerita kebinasaan kaum-kaum yang mendustakan rasul dan da'wahnya sesuai dengan pernyataan yang dibentangkan di permulaan ayat:

وَكَم مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَٰهَا فَجَآءَهَا بَأْسُنَا بَيَٰتًا أَوْ هُمْ قَآئِلُونَ ٤

"Dan berapa banyak negeri yang telah Kami binasakan, iaitu mereka telah di timpa 'azab Kami pada waktu malam atau ketika mereka sedang beristirehat di waktu tengahari."(4)

Kisah Nabi Lut

Kisah-kisah yang diceritakan di sini merupakan huraian yang terperinci bagi keterangan umum ayat tentang kebinasaan penduduk negeri-negeri yang menolak da'wah Rasul yang menyampaikan peringatan dan amaran kepada mereka. Kaum Ibrahim tidak dibinasakan Allah, kerana beliau tidak memohon kepada Allah supaya membinasakan mereka, malah beliau hanya berhijrah meninggalkan mereka dan sembahan-sembahan mereka. Cuma yang diceritakan dalam ayat berikut ialah kisah Nabi Lut a.s. anak saudara kepada Nabi Ibrahim a.s. yang semasa dengan beliau, di mana dibentangkan cerita mereka diberi amaran, cerita mereka mendustakan Rasul, kemudian cerita mereka dibinasakan Allah selaras dengan kisah-kisah di dalam rangkaian ayat-ayat ini mengikut cara Al-Qur'an:

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ مَا سَبَقَكُم بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ٨٠

إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ ٱلنِّسَآءِ ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ٨١

وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوٓا۟ أَخْرِجُوهُم مِّن قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ أُنَاسٌ يَتَطَهَّرُونَ ٨٢

فَأَنجَيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥٓ إِلَّا ٱمْرَأَتَهُۥ كَانَتْ مِنَ ٱلْغَٰبِرِينَ ٨٣

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُجْرِمِينَ ٨٤

"(Dan Kami utuskan) Lut dan (kenangilah) ketika ia berkata kepada kaumnya: Mengapakah kamu melakukan perbuatan (liwat) yang keji itu, yang belum pernah dilakukan sebelum kamu oleh sesiapa pun dari umat-umat manusia (80). Sesungguhnya kamu melakukan hubungan kelamin dengan lelaki untuk melepaskan nafsu kamu bukannya dengan kaum perempuan, sebenarnya, kamu adalah satu kaum yang pelampau (81). Tiada jawapan dari kaumnya selain dari kata mereka: Usirkan mereka ini dari negeri kamu. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berlagak suci (82). Lalu Kami selamatkan Lut bersama-sama pengikutnya kecuali isterinya yang termasuk di dalam golongan yang tertinggal (yang dibinasakan) (83). Dan Kami timpakan hujan batu ke atas mereka. Oleh itu lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang berdosa."(84)

Keinginan Seksual Dan Fungsinya Dalam Kesinambungan Manusia

Kisah kaum Lut mendedahkan kepada kita sejenis penyelewengan fitrah insan yang abnormal. Ia mendedahkan satu persoalan lain yang bukan persoalan Uluhiyah atau persoalan tauhid, yang menjadi pokok pembicaraan kisah-kisah yang lepas, tetapi persoalan penyelewengan itu sebenarnya bukanlah satu persoalan yang jauh dari persoalan Uluhiyah dan tauhid, kerana asas kepercayaan kepada Allah Yang Maha Esa dengan sendirinya membawa penganutnya kepada kewajipan mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan-Nya. Kehendak Sunnatullah telah memutuskan untuk menciptakan manusia dalam bentuk lelaki dan perempuan, dan keduanya merupakan dua belahan badan dari "satu diri", dan dengan dua belahan badan ini ia dapat mencapai kesempurnaan dan kesepaduannya. Kehendak Sunnatullah juga telah memutuskan bahawa kesinambungan makhluk insan ini berlangsung dengan perantaraan beranak-pinak yang berlangsung pula dengan perantaraan hubungan kelamin di antara lelaki dan perempuan. Oleh sebab itulah – mengikut Sunnatullah – kedua-dua lelaki dan perempuan itu dijadikan dalam bentuk

yang sesuai untuk pertemuan dan hubungan itu, dan sesuai untuk melahirkan zuriat dengan perantaraan hubungan itu. Kedua-duanya dilengkapkan dengan tubuh badan dan jiwa yang sesuai untuk hubungan itu. Kelazatan seks yang dialami keduanya dalam hubungan itu telah dijadikan begitu mendalam, dan keinginan untuk melakukan hubungan itu telah dijadikan begitu kuat untuk menjamin kedua-duanya melakukan hubungan itu agar terlaksana kehendak Allah untuk melanjutkan keturunan manusia, dan supaya keinginan seks yang kuat dan kelazatannya yang mendalam itu menjadi pendorong sebagai ganjaran terhadap kesulitan-kesulitan menjaga zuriat yang akan ditanggung oleh kedua-duanya selepas itu seperti kesulitan mengandung, bersalin, menyusu, mencari nafkah, mengasuh, mendidik, menjaga dan memelihara anak-anak mereka. Dan seterusnya supaya kewujudan zuriat itu menjamin kedua-duanya tetap hidup bersama-sama dalam keluarga untuk memelihara anak-anak mereka yang masih kecil yang terpaksa melalui masa asuhan dan pembelaan yang lebih panjang dari anak-anak haiwan dan memerlukan penjagaan dan penyediaan yang lebih panjang dari generasi lama.

Inilah Sunnatullah, di mana kewajipan memahaminya dan mempraktikkannya mengikut kehendak-kehendak yang digaris olehnya adalah mempunyai hubungan yang rapat dengan asas kepercayaan kepada Allah, kepada hikmat kebijaksanaan-Nya dan kepada kehalusan pentadbiran dan perencanaan-Nya. Oleh sebab itu penyelewengan dari Sunnatullah itu berkait rapat dengan penyelewengan dari 'aqidah Islam dan dari sistem hidup yang diatur oleh Allah.

Kaum Lut Perintis Hubungan Sejenis

Penyelewengan keinginan seks dari keinginan fitrah yang normal itu dapat di lihat dengan jelas dalam kisah kaum Lut, sehingga Lut sendiri mengatakan kepada mereka bahawa mereka adalah peneroka-peneroka pertama dalam keinginan seks yang ganjil yang tidak dijadikan Allah di dalam fitrah manusia, dan sebelum ini tidak ada manusia yang mendahului mereka dalam penyelewengan seks yang keji itu:

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ مَا سَبَقَكُم بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٠﴾ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ ٱلنِّسَآءِ ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿٨١﴾

"(Dan Kami utuskan) Lut dan (kenangilah) ketika ia berkata kepada kaumnya: Mengapakah kamu melakukan perbuatan (liwat) yang keji itu, yang belum pernah dilakukan sebelum kamu oleh sesiapa pun dari umat-umat manusia (80). Sesungguhnya kamu melakukan hubungan kelamin dengan lelaki untuk melepaskan nafsu kamu bukannya dengan kaum perempuan, sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau.(81)

Sifat melampau atau keterlaluan yang dicapkan Lut terhadap kaumnya ialah perbuatan mereka yang melewati batas sistem hidup yang diatur oleh Allah dalam bentuk keinginan seks semulajadi yang normal, juga perbuatan mereka yang membazirkan tenaga hayat yang dikurniakan Allah kepada mereka agar mereka dapat melaksanakan peranan mereka dalam mengekalkan kesinambungan umat manusia dan perkembangan hayat, tiba-tiba mereka mencurah dan membuang tenaga hayat pada tempat yang tidak menghasilkan kesuburan zuriat atau pembiakkan keturunan. Mereka membuang tenaga itu semata-mata untuk melepaskan nafsu seks yang tidak normal, kerana Allah telah menjadi kelazatan seksual semulajadi yang betul itu ialah untuk merealisasikan Sunnatullah yang tabi'i. Oleh kerana itu apabila ada orang yang mencari kelazatan seks yang bertentangan dengan Sunnatullah, maka nyatalah perbuatan ini suatu perbuatan yang abnormal, suatu penyelewengan seks dan suatu kerosakan tabi'at semula jadi sebelum ianya merupakan kerosakan akhlak, dan kedua-duanya sama sahaja dari segi hakikat, kerana apa yang dinamakan akhlak Islamiyah ialah akhlak fitriyah atau tabi'at semula jadi yang bersih, yang tidak menyeleweng dan rosak.

Struktur fizikal perempuan – sama dengan struktur kejiwaan – itulah yang menghasilkan kelazatan seks semula jadi yang sebenar bagi kaum lelaki di dalam hubungan seks yang bertujuan bukan semata-mata untuk melepaskan keinginan seks. Malah kelazatan dalam hubungan seks merupakan satu rahmat dan ni'mat dari Allah, kerana ia telah menjadikan usaha untuk merealisasikan undang-undang dan kehendak masyi'ah-Nya dalam mewujudkan kesinambungan hidup manusia itu dibalaskan dengan kelazatan seks yang selaras dengan kesulitan-kesulitan menanggung beban kewajipan. Adapun struktur fizikal lelaki dalam hubungan dengan lelaki – maka ia tidak menghasilkan kelazatan seks semula jadi yang sihat, malah ia didahulukan oleh perasaan jijik dan kotor yang menghalangkan nafsu keinginan pada orang yang mempunyai fitrah yang sihat.

Eropah Dan Amerika Merupakan Lubuk Penyelewengan Homeseksual

Tabiat kefahaman 'aqidah dan sistem hidup yang berlandaskan kefahaman itu mempunyai kesan yang kuat dalam persoalan seks ini. Kini jahiliyah moden yang bertapak di negeri-negeri Eropah dan Amerika merupakan tempat-tempat wabak, di mana berkembangnya penyelewengan seks yang abnormal itu dengan cara yang begitu pesat, dan punca penyelewengan itu tidak lain melainkan kerana penyelewengan dari 'aqidah yang betul dan dari sistem hidup yang berlandaskan 'aqidah itu.

Di sana terdapat kempen-kempen yang meluas dari alat-alat atau agen-agen yang diarahkan oleh kaum

Yahudi di merata dunia ini untuk menghancurkan kehidupan insaniyah umat-umat yang lain dari bangsa Yahudi dengan menyebarkan kefahaman-kefahaman dan kegiatan-kegiatan yang meruntuhkan 'aqidah dan akhlak. Alat-alat dan agen-agen ini membuat kempen-kempen yang meluas bahawa pengasingan kaum wanita yang tidak bercampur dengan kaum lelaki itulah yang bertanggungjawab melahirkan hubungan keji homoseksual yang meluas di dalam berbagai-bagai masyarakat pada hari ini, sedangkan bukti-bukti yang nyata amat menjolok mata, kerana di negeri-negeri Eropah dan Amerika tidak terdapat satu pun halangan yang menyekat percampuran dan pergaulan yang bebas di antara kaum lelaki dan kaum perempuan sama seperti kebebasan yang terdapat di alam haiwan, namun begitu kejahatan homoseksual yang abnormal itu meningkat setinggi peningkatan kebebasan pergaulan di antara lelaki dan perempuan dan tidak pernah kurang. Kegiatan homoseksual yang abnormal itu tidak hanya berlaku di antara sesama lelaki sahaja, malah berlaku di antara sesama perempuan. Sesiapa yang tidak puas hati dengan bukti-bukti yang menjolok mata itu bolehlah membaca buku "Perilaku Seks Pada Kaum Lelaki" dan "'Perilaku Seks Pada Kaum Perempuan", iaitu laporan yang disusun oleh Alfred C. Kinsey seorang penulis Amerika.[10] Namun begitu agen-agen yang diarahkan oleh kaum Yahudi masih terus berbohong dan menghubungkan kejahatan homoseksual itu kepada peng-asingan atau perselindungan kaum wanita untuk melaksanakan kehendak-kehendak protokol Zionis dan perakuan-perakuan Kongres Penda'wah-Penda'wah Kristian.[11]

Marilah kita kembali kepada kisah kaum Lut, di mana kita akan melihat penyelewengan itu sekali lagi dalam jawapan mereka kepada Nabi Lut a.s.:

وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوٓاْ أَخْرِجُوهُم مِّن قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ أُنَاسٌ يَتَطَهَّرُونَ ﴿٨٢﴾

"Tiada jawapan dari kaumnya selain dari kata mereka: Usirkan mereka ini dari negeri kamu. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berlagak suci."(82)

Sungguh hairan! Apakah orang-orang yang mempunyai nafsu yang suci itu pasti diusir keluar dari negeri itu supaya yang tinggal di sana hanya golongan manusia yang bernafsu cemar dan kotor sahaja?

Tetapi hal ini tidak perlu dihairankan. Lihat sahaja apakah yang sedang dilakukan jahiliyah moden? Bukankah ia juga memburu orang-orang yang bernafsu bersih yang enggan turut bergelumang di dalam lumpur kejahatan seksual yang menenggelamkan masyarakat-masyarakat jahiliyah dan menamakan perbuatan yang jahiliyah ini sebagai cara hidup yang progresif dan sebagai usaha untuk menghancurkan belenggu-belenggu yang mengongkong kaum perempuan dan kaum lelaki. Bukankah ia memburu mereka dalam bidang rezeki mereka, jiwa mereka, harta mereka, pemikiran-pemikiran mereka dan kefahaman-kefahaman mereka? Ia tidak sanggup melihat mereka hidup dalam keadaan yang suci kerana ia hanya mengalu-alukan orang-orang yang bernafsu cemar dan kotor sahaja! Itulah rasional jahiliyah di setiap masa.

Kemudian ayat yang berikut terus menayangkan bahagian akhir cerita kaum Lut tanpa huraian panjang sama seperti cerita-cerita yang disebut di dalam ayat-ayat yang lain:

فَأَنجَيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥٓ إِلَّا ٱمْرَأَتَهُۥ كَانَتْ مِنَ ٱلْغَٰبِرِينَ ﴿٨٣﴾
وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٨٤﴾

"Lalu Kami selamatkan Lut bersama-sama pengikutnya kecuali isterinya yang termasuk di dalam golongan yang tertinggal (yang dibinasakan).(83) Dan Kami timpakan hujan batu ke atas mereka. Oleh itu lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang berdosa."(84)

Golongan yang diancam oleh penderhaka-penderhaka telah diselamatkan Allah. Peristiwa kebinasaan itu merupakan keputusan pengadilan Allah di antara dua golongan kaum Lut yang dilandaskan di atas asas 'aqidah dan sistem hidup yang betul, tetapi malangnya isteri Nabi Lut a.s. selaku orang yang paling dekat dengan beliau tidak terselamat dari kebinasaan itu, kerana ia tinggal bersama-sama golongan kaum Lut yang dibinasakan Allah dan mempunyai hubungan yang sehaluan dengan mereka dalam bidang kepercayaan dan cara hidup.

Mereka telah ditimpa hujan ribut yang dahsyat yang membinasakan mereka. Air hujan yang lebat dan kuat itu telah membersihkan negeri Lut dari kekotoran dan lumpur kejahatan seks yang dihayati mereka sampai mati itu. Walau bagaimanapun, satu lagi lembaran kisah manusia-manusia yang menolak da'wah Rasul dan melakukan kejahatan-kejahatan yang keji telah di tamat dan di gulungkan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 85 - 93)

Kisah Nabi Syu'ayb

Kini kita tiba pada lembaran kisah terakhir dari lembaran-lembaran kisah kaum-kaum yang menolak

[10] *Sexual Behavior In The Human Male (1948) dan Sexual Behavior In The Human Female.(1953)*

[11] *Lihat buku "هل نحن مسلمون؟" dan buku "التطور والثبات في حياة البشرية" oleh Muhammad Qutb.*

rasul dalam zaman-zaman sejarah yang lampau itu, iaitu kisah penduduk-penduduk negeri Madyan dan saudara mereka Nabi Syu'ayb a.s.:

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۗ قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُ ۖ قَدْ جَاءَتْكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ ۖ فَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٨٥﴾

وَلَا تَقْعُدُوا بِكُلِّ صِرَاطٍ تُوعِدُونَ وَتَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِهِ وَتَبْغُونَهَا عِوَجًا ۚ وَاذْكُرُوا إِذْ كُنتُمْ قَلِيلًا فَكَثَّرَكُمْ ۖ وَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُفْسِدِينَ ﴿٨٦﴾

وَإِن كَانَ طَائِفَةٌ مِّنكُمْ آمَنُوا بِالَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ وَطَائِفَةٌ لَّمْ يُؤْمِنُوا فَاصْبِرُوا حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ بَيْنَنَا ۚ وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ ﴿٨٧﴾

قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا مِن قَوْمِهِ لَنُخْرِجَنَّكَ يَا شُعَيْبُ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَكَ مِن قَرْيَتِنَا أَوْ لَتَعُودُنَّ فِي مِلَّتِنَا ۚ قَالَ أَوَلَوْ كُنَّا كَارِهِينَ ﴿٨٨﴾

قَدِ افْتَرَيْنَا عَلَى اللَّهِ كَذِبًا إِنْ عُدْنَا فِي مِلَّتِكُم بَعْدَ إِذْ نَجَّانَا اللَّهُ مِنْهَا ۚ وَمَا يَكُونُ لَنَا أَن نَّعُودَ فِيهَا إِلَّا أَن يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّنَا ۚ وَسِعَ رَبُّنَا كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا ۚ عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا ۚ رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ ﴿٨٩﴾

وَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن قَوْمِهِ لَئِنِ اتَّبَعْتُمْ شُعَيْبًا إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَاسِرُونَ ﴿٩٠﴾

فَأَخَذَتْهُمُ الرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ جَاثِمِينَ ﴿٩١﴾

الَّذِينَ كَذَّبُوا شُعَيْبًا كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا فِيهَا ۚ الَّذِينَ كَذَّبُوا شُعَيْبًا كَانُوا هُمُ الْخَاسِرِينَ ﴿٩٢﴾

فَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَا قَوْمِ لَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ رِسَالَاتِ رَبِّي وَنَصَحْتُ لَكُمْ ۖ فَكَيْفَ آسَىٰ عَلَىٰ قَوْمٍ كَافِرِينَ ﴿٩٣﴾

"(Dan Kami utuskan) kepada penduduk Madyan saudara mereka Syu'ayb. Ia berseru kepada mereka: Wahai kaumku, sembahlah Allah tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Sesungguhnya bukti yang nyata telah datang kepada kamu dari Tuhan kamu, oleh itu sempurnakanlah sukatan dan timbangan dan janganlah kamu kurangi sukatan dan timbangan barang-barang manusia dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi setelah Allah mengislahkannya. Itulah amalan yang lebih baik bagi kamu jika kamu beriman (85). Dan janganlah kamu duduk (menunggu) di setiap jalan untuk mengancam dan menghalangkan orang-orang yang beriman dari jalan Allah dan kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok. Ingatlah ketika bilangan kamu masih sedikit lalu Allah membanyakkan bilangan kamu dan lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan (86). Jika ada segolongan dari kalangan kamu beriman kepada perutusan Allah, yang aku diutus untuk membawanya dan segolongan yang lain pula tidak beriman, maka hendaklah kamu bersabar hingga Allah mengadili (siapakah yang benar) di antara kami dan Dialah sebaik-baik Pengadil (87). Ujar pemimpin-pemimpin yang berlagak angkuh dari kaumnya: Wahai Syu'ayb, kami akan menghalaukan engkau keluar bersama mereka yang beriman dari negeri kami atau engkau kembali semula kepada agama kami. Syu'ayb berkata: Apakah kamu akan bertindak begitu walaupun kami tidak menyukainya? (88) Sesungguhnya kami telah melakukan pembohongan terhadap Allah jika kami kembali semula kepada agama kamu setelah Allah menyelamatkan, kami darinya, sekali-kali tidaklah wajar bagi kami kembali semula kepadanya kecuali Allah Tuhan kami menghendakinya, kerana ilmu Tuhan kami meliputi segala sesuatu. Kepada Allah kami berserah. Wahai Tuhan kami, berilah keputusan di antara kami dan kaum kami dengan keputusan-Mu yang benar kerana Engkaulah sebaik-baik Pemberi keputusan (89). Dan berkatalah orang-orang yang kafir dari kaumnya: Jika kamu mengikut Syu'ayb tentulah kamu akan menjadi orang-orang yang rugi (90). Kemudian mereka ditimpa gempa bumi dan jadilah mereka rebah mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka (91). Orang-orang yang mendustakan Syu'ayb seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di negeri itu. Orang-orang yang mendustakan Syu'ayb merekalah orang-orang yang rugi (92). Kemudian Syu'ayb meninggalkan mereka dan berkata: Wahai kaumku, aku telah pun menyampaikan kepada kamu perutusan Tuhanku dan aku telah memberi nasihat kepada kamu. Oleh itu bagaimana aku harus bersedih terhadap kaum yang kafir?(93)

Kita dapati kisah Syu'ayb a.s. ini agak panjang dibandingkan dengan kisah-kisah seumpamanya di dalam surah ini, kerana kisah ini selain dari menyentuh persoalan 'aqidah, ia memuat juga sedikit persoalan urusan muamalah walaupun ceritanya terus ditayangkan mengikut secara ringkas sahaja dalam rangkaian ayat-ayat ini.

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ ۖ

"(Dan Kami utuskan) kepada penduduk Madyan saudara mereka Syu'ayb. Ia berseru kepada mereka: Wahai kaumku, sembahlah Allah tiada Tuhan bagi kamu selain Dia."(85)

Itulah asas da'wah yang tidak pernah berubah dan bertukar. Selepas itu dimulakan dengan sekelumit huraian mengenai kerasulan nabi yang baru itu:

قَدْ جَآءَتْكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ ۖ

"Sesungguhnya bukti yang nyata telah datang kepada kamu dari Tuhan kamu."(85)

Penjelasan ayat ini tidak menghuraikan apakah jenis bukti yang nyata itu sebagaimana yang dihuraikannya di dalam kisah Nabi Soleh a.s. Dan kita juga tidak mengetahuinya secara pasti berdasarkan keterangan-keterangan di dalam surah-surah yang lain, tetapi ayat ini menunjukkan di sana terdapat bukti yang nyata yang dibawa untuk membuktikan kebenaran pengakuan Syu'ayb bahawa beliau adalah utusan yang diutuskan Allah. Berdasarkan bukti yang nyata inilah Syu'ayb menyuruh mereka supaya berurusniaga dengan sukatan dan timbangan yang betul dan sempurna, di samping melarang mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan masyarakat dan memberhentikan perbuatan menghalang dan menahan orang-orang di jalan-jalan, juga perbuatan menindas orang-orang yang beriman supaya meninggal agama yang dipilih mereka dengan penuh kerelaan itu:

فَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ وَلَا تَبْخَسُوا۟
ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ وَلَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
بَعْدَ إِصْلَٰحِهَا ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن
كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٨٥﴾
وَلَا تَقْعُدُوا۟ بِكُلِّ صِرَٰطٍ تُوعِدُونَ
وَتَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِهِۦ
وَتَبْغُونَهَا عِوَجًا ۚ وَٱذْكُرُوٓا۟ إِذْ كُنتُمْ قَلِيلًا
فَكَثَّرَكُمْ ۖ وَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٨٦﴾

"Oleh itu sempurnakanlah sukatan dan timbangan dan janganlah kamu kurangi sukatan dan timbangan barang-barang manusia dan janganlah kamu melakukan kerosakan di bumi setelah Allah mengislahkannya. Itulah amalan yang lebih baik bagi kamu jika kamu beriman.(85) Dan janganlah kamu duduk (menunggu) di setiap jalan untuk mengancam dan menghalangkan orang-orang yang beriman dari jalan Allah dan kamu hendak menjadikannya jalan yang bengkok. Ingatlah ketika bilangan kamu masih sedikit lalu Allah membanyakkan bilangan kamu dan lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan."(86)

Dari larangan-larangan ini kita dapat mengambil kesimpulan bahawa kaum Syu'ayb adalah kaum Musyrikin yang tidak menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja, malah mereka mempersekutukan-Nya dengan kuasa-kuasa manusia yang lain. Mereka tidak berpandu dalam urusan mu'amalah dengan peraturan-peraturan Allah yang adil, malah mereka menggunakan peraturan urusan mu'amalah dari ciptaan mereka sendirian. Barangkali dalam amalan inilah mereka terjerumus ke dalam perbuatan syirik. Oleh sebab itulah mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang curang dalam urusan jual beli mereka dan perbuatan-perbuatan yang merosakkan ketenteraman masyarakat. Mereka menghalangkan orang-orang di jalan-jalan dengan tujuan untuk menindas orang-orang yang menerima hidayat Allah dan menekan orang-orang yang beriman supaya meninggalkan agama mereka. Mereka menghalangkan orang ramai dari jalan Allah yang lurus, mereka menentang dan membencikan prinsip kejujuran yang wujud di jalan Allah. Mereka mahukan jalan yang lurus itu menjadi bengkok dan menyeleweng dari prinsip kejujuran seperti yang ditegakkan di dalam sistem hidup yang diaturkan Allah.

Nabi Syu'ayb a.s. memulakan da'wahnya dengan menyeru kaumnya supaya menyembah Allah Yang Maha Esa sahaja dan mengkhususkan ciri Uluhiyah itu kepada Allah sahaja, menumpukan keta'atan kepada Allah sahaja, dan justeru itu wajib dipercayai bahawa segala kuasa mengenai segala urusan hidup manusia itu hanya diterajui oleh Allah sahaja.

Dari asas dan prinsip inilah Nabi Syu'ayb a.s. memulakan da'wah kepada kaumnya, kerana beliau mengetahui bahawa dari asas dan prinsip inilah lahirnya segala undang-undang dan peraturan hidup manusia, juga lahirnya segala dasar-dasar perilaku-perilaku, akhlak dan urusan muamalah. Dan segala-galanya tidak akan berlangsung dengan betul kecuali asas dan prinsip ini dipatuhi dengan jujur.

Sewaktu menyeru kaumnya supaya menumpukan keta'atan kepada Allah Yang Maha Esa dan membangunkan kehidupan mereka di atas sistem hidup yang lurus, yang diatur oleh Allah, juga sewaktu melarang mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan ketenteraman masyarakat kerana didorong oleh keinginan nafsu yang jahat setelah Allah membetulkan masyarakat dengan syari'at-Nya, Syu'ayb a.s. mengemukakan

pernyataan-pernyataan yang menarik dan penuh saranan. Beliau mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka:

وَٱذۡكُرُوٓاْ إِذۡ كُنتُمۡ قَلِيلٗا فَكَثَّرَكُمۡۖ

"Ingatlah ketika bilangan kamu sedikit lalu Allah membanyakkan bilangan kamu."(86)

Kemudian beliau menakutkan mereka dengan akibat kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum yang melakukan kerosakan-kerosakan di bumi:

وَٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ٨٦

"Dan lihatlah bagaimana akibat yang menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan."(86)

Demikianlah Syu'ayb a.s. mahu kaumnya bersikap adil dan toleran agar mereka tidak menindas orang-orang yang telah menerima hidayat Allah supaya meninggalkan agama mereka, juga agar mereka tidak menghalang dan mengancam orang-orang yang beriman di setiap jalan yang dilalui mereka, dan agar mereka bersabar menunggu keputusan Allah terhadap dua golongan itu walaupun mereka tidak berhasrat untuk menjadi golongan yang beriman:

وَإِن كَانَ طَآئِفَةٞ مِّنكُمۡ ءَامَنُواْ بِٱلَّذِيٓ أُرۡسِلۡتُ بِهِۦ وَطَآئِفَةٞ لَّمۡ يُؤۡمِنُواْ فَٱصۡبِرُواْ حَتَّىٰ يَحۡكُمَ ٱللَّهُ بَيۡنَنَاۚ وَهُوَ خَيۡرُ ٱلۡحَٰكِمِينَ ٨٧

"Jika ada segolongan dari kalangan kamu beriman kepada perutusan Allah, yang aku diutus untuk membawanya dan segolongan yang lain pula tidak beriman, maka hendaklah kamu bersabar hingga Allah mengadili (siapakah yang benar) di antara kami dan Dialah sebaik-baik Pengadil."(87)

Beliau telah menawar kepada mereka satu cadangan yang paling adil. Beliau kini telah berada di titik penghabisan yang tidak memberi ruang kepada beliau untuk berpatah balik walau setapak pun, iaitu berada di titik menunggu, bersabar sejenak dan hidup bersama tanpa gangguan, masing-masing bebas dengan agama yang dianutinya sehingga Allah memberi keputusan-Nya kerana Dialah sebaik-baik Pengadil.

Tetapi para Taghut tidak mahu keimanan itu wujud dan bertapak di bumi dalam bentuk jamaah Mu'minin yang menolak dan enggan tunduk kepada mereka. Mereka sedar bahawa kewujudan jama'ah Mu'minin yang tidak ta'at melainkan kepada Allah, yang tidak mengi'tiraf kuasa-kuasa yang lain dari kuasa Allah, yang tidak mengendalikan kehidupan mereka dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang lain dari undang-undang dan peraturan Allah, dan tidak mengikut sistem hidup yang lain dari sistem hidup yang diturunkan Allah.... mereka sedar bahawa kewujudan jamaah Mu'minin yang seperti ini akan mengancam kuasa para Taghut walaupun jama'ah itu hidup sendirian dan berasingan dari mereka dan menyerahkan para Taghut kepada keputusan Allah apabila tiba waktunya.

Para Taghut telah mengambil keputusan yang tegas untuk memerangi jama'ah Mu'minin walaupun jama'ah itu telah membuat keputusan untuk tidak bertarung dan berperang dengan mereka, kerana kewujudan kebenaran itu sendiri menggugatkan kebathilan dan mencetuskan pertentangan dengan kebathilan. Itulah proses Sunnatullah yang pasti berlaku.

قَالَ ٱلۡمَلَأُ ٱلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ مِن قَوۡمِهِۦ لَنُخۡرِجَنَّكَ يَٰشُعَيۡبُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مَعَكَ مِن قَرۡيَتِنَآ أَوۡ لَتَعُودُنَّ فِي مِلَّتِنَاۚ

"Ujar pemimpin-pemimpin yang berlagak angkuh dari kaumnya: Wahai Syu'ayb, kami akan menghalaukan engkau keluar bersama mereka yang beriman dari negeri kami atau engkau kembali semula kepada agama kami."(88)

Demikianlah mereka berkata dengan penuh angkuh dan sombong dan menyatakan keazaman mereka yang tidak berganjak untuk melancarkan pertarungan yang tidak akan menerima gencatan senjata dan konsep hidup bersama.

Tetapi kekuatan 'aqidah tidak gugup dan tergugat di hadapan ancaman dan ugutan. Syu'ayb a.s. telah berada di titik akhir yang tidak memberi ruang untuk beliau berundur walau setapak pun, iaitu beliau berada di titik akhir iaitu saling damai atau hidup bersama dan setiap orang harus diberi kebebasan menganut agama yang disukainya dan menta'ati kuasa yang dikehendakinya sementara menunggu keputusan dan pengadilan Allah terhadap dua golongan itu. Seorang rasul yang menyampaikan da'wah tidak mungkin berundur setapak pun dari titik akhir itu walaupun ditekan dan diancam oleh para Taghut, dan seandainya beliau berundur, maka bererti beliau telah menyerah dan mengkhianati seluruh agama yang benar itu. Oleh sebab itu apabila para pembesar dan ketua-ketua kaum yang angkuh itu menerima tawaran beliau dengan memberi kata dua untuk mengusir beliau dan pengikut-pengikutnya keluar dari negeri itu atau kembali semula kepada agama asal mereka, beliau mengumumkan pendiriannya yang tegas bahawa beliau tetap berpegang dengan agamanya yang benar dan tidak akan kembali kepada agama syirik mereka yang merugikan manusia itu, sedangkan Allah telah pun menyelamatkannya dari agama itu. Beliau tetap berlindung pada Allah selaku satu-satunya Pelindung dan Penaungnya, di mana beliau sentiasa memohon pertolongan dan bantuan-Nya, sentiasa merayu agar Allah memenuhi janji-Nya untuk memberi kemenangan kepada agama-Nya yang benar dan kepada para penganutnya:

قَالَ أَوَلَوْ كُنَّا كَارِهِينَ ﴿٨٨﴾

"Apakah kamu akan bertindak begitu walaupun Kami tidak menyukainya?"(88)

قَدِ افْتَرَيْنَا عَلَى اللَّهِ كَذِبًا إِنْ عُدْنَا فِي مِلَّتِكُمْ بَعْدَ إِذْ نَجَّانَا اللَّهُ مِنْهَا ۚ وَمَا يَكُونُ لَنَا أَنْ نَعُودَ فِيهَا إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّنَا ۚ وَسِعَ رَبُّنَا كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا ۚ عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا ۚ رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ ﴿٨٩﴾

"Sesungguhnya kami telah melakukan pembohongan terhadap Allah jika kami kembali semula kepada agama kamu setelah Allah menyelamatkan kami darinya, sekali-kali tidaklah wajar bagi kami kembali semula kepadanya kecuali Allah Tuhan kami menghendakinya, kerana ilmu Tuhan kami meliputi segala sesuatu. Kepada Allah kami berserah. Wahai Tuhan kami, berilah keputusan di antara kami dan kaum kami dengan keputusan-Mu yang benar kerana Engkaulah sebaik-baik Pemberi keputusan."(89)

Dalam kata-kata yang ringkas ini ternampak jelas hakikat keimanan itu dan bagaimana rasa kecapannya di dalam hati para penganutnya, di samping ternampak jelas hakikat jahiliyah dan rasa kecapannya yang menjijikkan. Begitu juga kita dapat melihat pemandangan yang indah itu di dalam hati Syu'ayb selaku seorang rasul, iaitu peman-dangan hakikat Ilahiyah yang terserlah di dalam hati beliau.

قَالَ أَوَلَوْ كُنَّا كَارِهِينَ ﴿٨٨﴾

"Syu'ayb berkata: Apakah kamu akan bertindak begitu walaupun Kami tidak menyukainya?"(88)

Beliau menyangkal perkataan mereka yang jahat. itu:

لَنُخْرِجَنَّكَ يَا شُعَيْبُ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَكَ مِنْ قَرْيَتِنَا أَوْ لَتَعُودُنَّ فِي مِلَّتِنَا ۚ

"Wahai Syu'ayb, kami akan menghalaukan engkau keluar bersama-sama mereka yang beriman dari negeri kami atau engkau kembali semula kepada agama kami."(88)

Maksudnya, apakah kamu akan memaksa kami kembali kepada agama kamu yang dibencikan kami, sedangkan Allah telah pun menyelamatkan kami darinya?

قَدِ افْتَرَيْنَا عَلَى اللَّهِ كَذِبًا إِنْ عُدْنَا فِي مِلَّتِكُمْ بَعْدَ إِذْ نَجَّانَا اللَّهُ مِنْهَا ۚ

"Sesungguhnya kami telah melakukan pembohongan terhadap Allah jika kami kembali semula kepada agama kamu setelah Allah menyelamatkan kami darinya."(89)

Orang yang kembali semula kepada agama Taghut dan kepada jahiliyah yang tidak memberi keta'atan yang mutlak kepada Allah Yang Maha Esa sahaja yang membenarkan manusia menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah dan mengi'tirafkan tuhan-tuhan palsu itu sebagai mempunyai kuasa seperti kuasa Allah.... orang yang kembali kepada agama ini setelah Allah mengurniakan kebajikan yang limpah kepadanya, setelah Allah menunjukkan jalan yang betul kepadanya, setelah memberi hidayat kepada agama yang benar dan menyelamatkannya dari perhambaan kepada sesama manusia, bererti telah membuat satu pengakuan yang dusta terhadap Allah dan agama-Nya, iaitu pengakuan yang membawa erti bahawa dia tidak mendapat sebarang kebaikan di dalam agama Allah dan kerana itulah ia meninggalkan agama ini dan kembali semula kepada agama Taghut atau sekurang-kurangnya membawa erti bahawa agama Taghut mempunyai hak untuk wujud dan mempunyai kuasa yang legal dan kewujudannya tidak bertentangan dengan keimanan kepada Allah, oleh sebab itulah ia kembali mengi'tirafkan agama Taghut itu setelah ia beriman kepada Allah. Ini tidak syak lagi merupakan satu pengakuan yang amat berat lebih berat dari pengakuan orang yang tidak pernah mengenal agama yang benar dan tidak pernah mengibarkan panji-panji Islam. Ia merupakan pengakuan yang mengi'tirafkan panji-panji kezaliman dan pencerobohan merampas kuasa Allah dalam mengendalikan kehidupan insan.

Nabi Syu'ayb a.s. juga mengencam ugutan kaumnya yang pelampau yang mahu mengembalikan beliau dan orang-orang yang beriman kepada agama syirik mereka, sedangkan Allah telah menyelamatkan mereka dari kekarutan agama itu.

وَمَا يَكُونُ لَنَا أَنْ نَعُودَ فِيهَا

"Sekali-kali tidaklah wajar bagi kami kembali semula kepadanya."(89)

Beban-beban Murtad Yang Tidak Mungkin Ditanggung Oleh Seorang Mu'min

Maksudnya, sekali-kali bukannya kerja kami, malah sekali-kali tidak seharusnya bagi kami untuk kembali kepada agama yang karut itu. Beliau berkata begitu di hadapan ancaman dan ugutan yang biasa dilakukan oleh para Taghut di setiap negeri terhadap jama'ah Muslimin yang mengumumkan penentangan mereka terhadap kuasa Taghut dan keta'atan mereka yang mutlak kepada Allah Yang Maha Esa sahaja tanpa mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun.

Beban kesulitan menyelamatkan diri dari 'Ubudiyah kepada Taghut dan memberi keta'atan yang mutlak kepada Allah Yang Maha Esa sahaja – biar bagaimana besar dan berat sekalipun – adalah lebih kecil dan lebih ringan dari beban-beban kesulitan 'Ubudiyah kepada Taghut, kerana beban-beban 'Ubudiyah kepada para Taghut adalah suatu perbuatan yang amat keji walaupun nampak selamat, aman dan tenteram dari segi untuk hidup, dari segi kedudukan

dan pencarian rezeki. Ia merupakan beban-beban kesulitan yang lambat dan perlahan dan lama masanya. Ia merupakan beban-beban kesulitan yang menekan insaniyah manusia itu sendiri. Oleh sebab itu "insaniyah" ini tidak lagi wujud, kerana insan telah menjadi hamba kepada insan dan tidak ada 'Ubudiyah yang lebih buruk dari 'Ubudiyah manusia kepada undang-undang dan peraturan yang diciptakan oleh manusia. Tidak ada 'Ubudiyah yang lebih buruk dari 'Ubudiyah hati manusia kepada kehendak iradat seorang manusia yang lain atau kepada keredhaan dan kemurkaannya. Tidak ada 'Ubudiyah yang lebih buruk dari 'Ubudiyah menggantungkan nasib seorang manusia kepada keinginan dan kehendak-kehendak nafsu seorang manusia yang lain yang sama dengannya. Tidak ada 'Ubudiyah yang lebih buruk dari 'Ubudiyah dicucuk tali hidung atau dipasang tali pacu yang ditarik sesuka hati oleh seorang insan yang lain.

Tetapi perkara 'Ubudiyah ini tidak terhenti setakat pengertian-pengertian yang halus ini sahaja, malah ia menurun lebih rendah lagi sehingga orang-orang yang hidup di bawah kekuasaan para Taghut ini terpaksa mengorbankan harta kekayaan mereka yang tidak dilindungi undang-undang dan pagar-pagar keselamatan, juga terpaksa mengorbankan anak-anak mereka yang dididik dan diasuh oleh Taghut mengikut – kehendak-kehendak mereka berlandaskan kefahaman-kefahaman, pemikiran-pemikiran, konsep-konsep, akhlak-akhlak, tradisi-tradisi dan adat-adat tertentu yang dikehendaki mereka, malah jiwa dan hidup mereka sendiri turut terkongkong. Mereka dikorbankan untuk kepentingan nafsu mereka, dan di atas timbunan tengkorak-tengkorak dan reputan-reputan anggota mereka ditegakkan bendera-bendera kemuliaan dan kebanggaan para Taghut. Dan pada akhirnya mereka terpaksa mengorbankan maruah mereka, di mana bapa tidak mempunyai kuasa untuk menahan anak gadisnya dari menjadi mangsa pelacuran seperti yang dikehendaki oleh para Taghut sama ada dalam bentuk perkosaan secara langsung sebagaimana yang telah berlaku secara meluas di sepanjang sejarah atau dalam bentuk mendidik anak-anak gadis itu mengikut kefahaman dan konsep-konsep tertentu yang membuat anak-anak gadis menjadi objek seks yang halal di bawah slogan-slogan tertentu dan memberi jalan yang mudah kepada mereka melacurkan diri di bawah mana-mana perlindungan. Orang yang berfikir dapat meni'mati keselamatan terhadap harta kekayaannya, terhadap maruahnya, terhadap hidupnya, terhadap anak-anaknya lelaki dan perempuan, di bawah pemerintahan para Taghut selain pemerintahan Allah adalah seorang yang hidup dalam fikiran yang karut atau orang yang hilang kepekaannya terhadap realiti hidup.

'Ubudiyah kepada Taghut mempunyai beban yang amat besar yang melibatkan jiwa, maruah dan harta kekayaan. Walaupun seberat mana beban-beban kewajipan 'Ubudiyah kepada Allah, namun ia lebih menguntung dan lebih saksama walaupun ditimbang dengan neraca hidup di dunia ini apatah lagi ia mempunyai nilai yang amat besar di dalam neraca Allah.

Masalah Masyarakat Ialah Masalah Kepimpinan

Ujar Abul 'Ala al-Maududi dalam buku "Asas-asas Akhlak Dalam Pergerakan Islamiyah"[12]:

"Setiap orang yang mempunyai wawasan yang minima tentang masalah-masalah hidup umat manusia tentu menyedari bahawa masalah yang menjadi asas kepada isu baik buruk urusan hidup manusia ialah masalah kepimpinan urusan hidup manusia dan siapakah yang memegang kepimpinan itu. Persoalan ini sama dengan yang kita lihat pada perjalanan keretapi, iaitu ia tidak berjalan melainkan ke arah yang dipandu oleh pemandunya dan para penumpang mahu tidak mahu terpaksa meneruskan perjalanan mereka ke arah itu. Begitulah juga keretapi tamadun manusia terpaksa berjalan ke arah yang ditujukan oleh mereka yang memegang kemudi tamadun itu. Satu hakikat yang amat jelas ialah keseluruhan umat manusia sama sekali tidak berupaya untuk tidak ikut berjalan di atas rel yang telah diatur oleh para pemimpin yang memegang seluruh sarana dan sumber kuasa di bumi ini, menerajui seluruh urusan-urusan, memegang kuasa mutlak dalam pentadbiran urusan manusia, di mana orang ramai meletakkan keselamatan jiwa dan harapan-harapan mereka kepada para pemimpin ini. Mereka juga menguasai alat-alat pembentukan fikiran-fikiran dan teori-teori dan meletakkannya dalam acuan-acuan yang dikehendaki mereka. Di tangan merekalah terletak urusan membentuk tabi'at individu-individu, membentuk sistem masyarakat dan menentukan nilai-nilai akhlak. Oleh sebab itu jika para pemimpin itu terdiri dari tokoh-tokoh yang beriman kepada Allah dan memperhitungkan hisab Allah, maka tidak syak lagi seluruh sistem hidup akan berjalan di jalan yang baik dan betul dan golongan orang-orang yang berakhlak buruk dan jahat dapat kembali kepada ajaran-ajaran agama dan dapat membetulkan diri mereka, begitu juga kebaikan-kebaikan akan tumbuh dan bertambah subur. Di waktu itu keberkesanan masyarakat setidak-tidaknya dapat mengawal pertumbuhan kejahatan jika ia tidak dapat menghapus dan mengikiskan kesan-kesan kejahatan itu. Tetapi jika teraju dan kuasa kepimpinan itu berada dalam tangan pemimpin-pemimpin yang menyeleweng dari ajaran-ajaran Allah dan Rasul-Nya, yang menjadi pendorong hawa nafsu, terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang jahat dan zalim, maka tidak syak lagi seluruh sistem hidup masyarakat itu akan berjalan di jalan yang zalim, keji dan keterlaluan, dan bibit-bibit kerosakan dan kucar-kacir akan

---

[12] الأسس الأخلاقية في الحركة الإ سلامية

menjalar ke dalam fikiran-fikiran, teori-teori, ilmu pengetahuan, kesusasteraan, politik, kemajuan, tamadun, akhlak, urusniaga, keadilan dan seluruh undang-undang dan peraturan. Pertumbuhan kejahatan akan terus subur dan bertambah buruk.

"Satu hakikat yang jelas ialah tuntutan pertama agama Allah kepada manusia ialah mereka harus memasuki ke dalam 'Ubudiyah kepada Allah dengan seluruh jiwa raga mereka dan menumpukan seluruh keta'atan dan kepatuhan kepada Allah semata-mata sehingga tidak ada di leher mereka seutas rantai perhambaan pun kepada yang lain dari Allah. Di samping itu agama Allah menuntut mereka agar tidak memakai undang-undang yang lain dalam kehidupan mereka selain dari undang-undang yang telah diturunkan Allah dan dibawa oleh Rasul-Nya yang ummi dan mulia s.a.w. Kemudian Islam menuntut mereka supaya menghapuskan segala perbuatan yang merosakkan ketenteraman masyarakat, membanteras segala kejahatan dan kemungkaran yang membawa kemurkaan Allah Taala kepada mereka. Matlamat-matlamat yang luhur ini tidak mungkin dicapai selama teraju kepimpinan umat manusia dan kemudian pentadbiran urusan kehidupan mereka di bumi ini berada dalam tangan pemimpin-pemimpin yang sesat dan tidak beriman kepada Allah, di mana penganut-penganut Islam dan pejuang-pejuangnya terpaksa menyerah kalah kepada mereka, terpaksa mengikut dan tunduk kepada kuasa mereka, yang zalim, terpaksa beribadat dan berzikir di sudut-sudut tempat-tempat ibadat mereka yang terpisah dari dunia dan hal-ehwalnya dan terpaksa mengambil kesempatan-kesempatan dan jaminan-jaminan yang disedekahkan kepada mereka oleh pemimpin-pemimpin yang zalim itu. Dari sini ternyatalah betapa penting di wujudnya kepimpinan yang soleh dan sistem hidup yang betul dan menjadikannya sebagai matlamat-matlamat dan asas-asas agama. Sebenarnya seseorang Mu'min tidak dapat mencapai keredhaan Allah dalam apa sahaja amalannya jika ia lupa dan cuaikan kewajipan mewujudkan kepimpinan yang soleh dan menegakkan sistem hidup yang benar. Apakah mereka tidak melihat penjelasan Al-Qur'an dan Al-Sunnah yang menyebut tentang jamaah Mu'minin yang wajib ditegakkan dan wajib dipatuhi sehingga seorang itu wajib dibunuh jika ia keluar dari jama'ah walaupun sekecil seurat rambut, walaupun ia berpuasa, mendirikan solat dan mengakui dirinya sebagai Muslim. Hal ini tidak mempunyai suatu sebab yang lain melainkan kerana tujuan dan matlamat agama yang haqiqi ialah menegakkan sistem hidup yang benar, mewujudkan kepimpinan yang betul dan mengukuhkan tiang-tiang asasnya di bumi. Pencapaian semua matlamat ini adalah bergantung kepada kekuatan jama'ah Muslimin. Orang-orang yang berusaha menggugatkan kekuatan jama'ah Muslimin dan meruntuhkannya bererti melakukan jenayah terhadap Islam dan penganut-penganutnya, iaitu satu jenayah yang tidak boleh dihapuskan dengan ibadat solat dan tidak pula dapat diperbetulkan dengan pengakuan tauhid.

"Di samping itu lihatlah pula kepada 'jihad' yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan darjat yang luhur di dalam Islam hingga Al-Qur'an mengecap orang-orang yang enggan dan merasa keberatan untuk berjihad sebagai orang-orang yang munafiq, ini disebabkan kerana 'jihad' merupakan perjuangan yang berterusan dan tak kunjung berhenti untuk menegakkan sistem hidup yang betul yang tiada lain darinya. Al-Qur'an telah menjadikan jihad sebagai neraca pertimbangan yang menentukan keimanan seseorang dan keikhlasannya kepada agama. Dengan kata-kata yang lain, sesiapa yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya tidak mungkin merasa redha terhadap penguasaan sistem hidup yang batil atau tidak mungkin berdiam diri dari mengorbankan jiwa dan harta bendanya untuk menegakkan sistem hidup yang benar. Oleh itu sesiapa yang memperlihat-kan kelemahan dan sikap tidak acuh terhadap perjuangan 'jihad', maka dapatlah dipastikan bahawa keimanannya bukanlah satu keimanan yang tulen, malah keimanannya masih diragui. Jika demikian bagaimana nanti sesuatu amalannya dapat memberi faedah kepadanya selepas itu?

"Usaha menegakkan kepimpinan yang soleh di bumi Allah merupakan suatu kepentingan asasi di dalam sistem Islam. Oleh sebab itu setiap orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, dan menganut agama yang benar, maka amalannya tidak terhenti setakat berusaha sedaya upaya mencorakkan hidupnya di dalam acuan Islam, dan kewajipannya tidak berakhir setakat ini sahaja, malah keimanannya mewajibkannya berjuang dengan menggunakan segala kekuatan dan daya usahanya untuk merampas teraju pentadbiran masyarakat dari tangan orang-orang yang tidak beriman, orang-orang yang tidak berakhlak dan orang-orang yang zalim hingga teraju itu dapat dipegang oleh tokoh-tokoh pemimpin yang soleh, yang bertaqwa kepada Allah dan mengingati hisab Allah dan sehingga satu sistem hidup yang benar dan diredhai Allah dapat ditegakkan di bumi Allah, yang menjadi asas kebaikan bagi seluruh urusan hidup dunia"[13].

Apabila Islam menyeru manusia supaya mengambil kuasa pentadbiran dari tangan-tangan manusia yang telah merampaskan kuasa dan memulangkannya semula kepada Allah, maka seruan itu adalah bertujuan untuk menyelamatkan insaniyah mereka dan membebaskan mereka dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia di samping menyelamatkan jiwa dan harta benda mereka dari kekuasaan hawa nafsu para Taghut. Islam meletakkan di atas bahu mereka kewajipan berjuang di bawah panji-panjinya untuk menentang para Taghut dengan segala pengorbanan yang wujud dalam perjuangan itu, tetapi dengan perjuangan itu Islam menyelamatkan mereka dari

---

[13] *Petikan-petikan dari muqaddimah buku* " الأسس الأخلاقية في الحركة الإسلامية" *oleh Abul 'Ala al-Maududi, Amir al-Jama'ah al-Islamiyah, Pakistan.*

pengorbanan yang lebih besar, lebih panjang masanya dan lebih hina. Ia menyeru mereka berjuang untuk menyelamatkan maruah, kehormatan dan sekaligus menyelamatkan keselamatan mereka. Oleh sebab itulah Syu'ayb a.s. berkata dengan suara yang lantang dan tegas:

قَدِ افْتَرَيْنَا عَلَى اللَّهِ كَذِبًا إِنْ عُدْنَا فِي مِلَّتِكُم بَعْدَ إِذْ نَجَّانَا اللَّهُ مِنْهَا ۚ وَمَا يَكُونُ لَنَا أَن نَّعُودَ فِيهَا

"Sesungguhnya kami telah melakukan pembohongan terhadap Allah jika kami kembali semula kepada agama kamu setelah Allah menyelamatkan kami darinya, sekali-kali tidaklah wajar bagi kami kembali semula kepadanya."(89)

Tetapi Syu'ayb a.s. yang mengangkat kepala dan suaranya setinggi itu ketika bersemuka dengan para Taghut yang angkuh dari kaumnya, telah merendahkan pula kepalanya dan menyerahkan dirinya ketika mengadap Allah Yang Maha Agung yang mengetahui segala-galanya. Beliau tidak bertegas dan tidak pula bercakap dengan kata-kata yang membayangkan kepastian ketika memperkatakan sesuatu di hadapan kehendak perencanaan Allah. Beliau menyerahkan terajunya kepada Allah dan mengumumkan kerendahan diri dan kepatuhannya kepada Allah:

إِلَّا أَن يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّنَا ۚ وَسِعَ رَبُّنَا كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا

"Kecuali Allah Tuhan kami menghendakinya kerana ilmu Tuhan kami meliputi segala sesuatu."(89)

Beliau menyerahkan kepada Allah segala urusan yang berhubung dengan masa depannya dan masa depan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya. Beliau hanya mampu menolak tawaran para Taghut kaumnya supaya kembali kepada agama mereka dan mengumumkan keazamannya dan keazaman orang-orang yang beriman bersamanya untuk tidak kembali kepada agama mereka, di samping mengumumkan sangkalannya yang mutlak terhadap dasar itu sendiri, tetapi beliau tidak menyatakan dengan penuh kepastian mengenai kehendak Allah, kerana seluruh urusan itu diserahkannya kepada kehendak Allah, kerana beliau dan para pengikutnya yang beriman tidak mengetahui. Hanya Allah sahaja yang mengetahui segala sesuatu. Oleh sebab itu mereka menyerah segala-galanya kepada ilmu dan kehendak iradat Allah.

Itulah adab sopan seorang hamba kesayangan Allah terhadap Allah, iaitu adab mematuhi perintah-Nya dan tidak ingin mengatakan dengan tegas terhadap kehendak dan perencanaan Allah dan tidak pula menyatakan keengganannya untuk menerima sesuatu yang kehendaki dan direncanakan Allah ke atasnya.

Di sini Syu'ayb a.s. meninggalkan para Taghut kaumnya tanpa menghiraukan ancaman ugutan mereka. Beliau terus berserah kepada Allah dengan penuh keyakinan dan berdo'a supaya Allah mengadili di antaranya dengan kaumnya dengan pengadilan yang benar:

عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا ۚ رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ ﴿٨٩﴾

"Kepada Allah kami berserah. Wahai Tuhan kami! Berilah keputusan di antara kami dan kaum kami dengan keputusan-Mu yang benar kerana Engkaulah sebaik-baik Pemberi keputusan."(89)

Di sini kita melihat satu pemandangan yang amat gemilang, iaitu pemandangan Tajalli hakikat Uluhiyah di dalam jiwa Waliyullah dan nabi-Nya. Beliau sedar di mana sumber kekuatan dan tempat perlindungannya, dan beliau yakin hanya Allah sahaja yang dapat mengadili dengan pengadilan yang benar dalam pertentangan di antara keimanan dan kezaliman. Hanya kepada Allah sahaja beliau berserah dalam menghadapi perjuangan yang diwajibkan ke atasnya dan ke atas pengikut-pengikutnya yang beriman, iaitu satu perjuangan yang tidak dapat dielakkannya kecuali dengan keputusan dan pertolongan dari Allah. Ketika inilah para pemimpin kaumnya yang kafir itu datang menemui orang-orang yang beriman kepada Syu'ayb lalu mengancam dan mengugut supaya meninggalkan agama yang dianuti mereka:

وَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن قَوْمِهِ لَئِنِ اتَّبَعْتُمْ شُعَيْبًا إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَاسِرُونَ ﴿٩٠﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir dari kaumnya: Jika kamu mengikut Syu'ayb tentulah kamu akan menjadi orang-orang yang rugi."(90)

Itulah bentuk-bentuk perjuangan da'wah yang berulang-ulang kali dan tidak pernah berubah. Para Taghut mula datang bersemuka dengan penda'wah supaya ia berhenti berda'wah, tetapi apabila mereka dapati penda'wah itu tetap berpegang dengan keimanannya dan tetap yakin kepada Allah serta berdiri teguh untuk memikulkan tugas amanah menyampaikan agama Allah dan menunaikan tanggungjawabnya tanpa takut dan gentar kepada ancaman penguasa-penguasa yang zalim yang memiliki segala sarana itu, mereka beralih pula kepada para pengikutnya untuk menindas mereka supaya meninggalkan agama yang dianuti mereka mula-mula dengan menggunakan ancaman dan ugutan kemudian menggunakan tindakan-tindakan kejam yang menyeksakan mereka. Penguasa-penguasa yang zalim tidak mempunyai hujjah-hujjah yang kuat untuk mempertahankan kepercayaan mereka yang karut, tetapi mereka mempunyai alat-alat penyeksaan dan ancaman. Mereka juga tidak mampu meyakinkan hati manusia terhadap konsep-konsep jahiliyah mereka terutama hati-hati manusia yang telah mengenal agama yang benar dan memandang rendah kepada kepercayaan yang karut,

tetapi mereka mampu melakukan penindasan-penindasan yang kejam terhadap orang-orang yang degil mempertahankan keimanan mereka dan menumpukan keta'atan mereka kepada Allah dan mengi'tirafkan seluruh kuasa itu terletak di tangan Allah.

Tetapi telah menjadi adat Sunnatullah apabila kebenaran dan kebathilan terserlah dengan nyata dan keduanya berdiri berhadapan muka dengan ciri-ciri perpisahan yang total, maka berlakulah Sunnatullah yang tidak pernah mungkir:

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دَارِهِمْ جَٰثِمِينَ ﴿٩١﴾

"Kemudian mereka ditimpa gempa bumi dan jadilah mereka rebah mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka."(91)

Gempa dan rebah mati bergelimpangan merupakan balasan yang setimpal terhadap ancaman dan kelancangan lidah mereka, terhadap keganasan tangan mereka yang menindas dan meng'azabkan orang-orang yang beriman.

Kemudian ayat yang berikut menjawab perkataan mereka:

لَئِنِ ٱتَّبَعْتُمْ شُعَيْبًا إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿٩٠﴾

"Jika kamu mengikut Syu'ayb tentulah kamu akan menjadi orang-orang yang rugi."(90)

Inilah perkataan yang diucapkan mereka ketika mengancam orang-orang yang beriman bahawa mereka akan di timpa kerugian yang besar. Oleh itu dalam ayat yang berikut dijelaskan dengan sendaan yang terbuka bahawa kerugian itu bukannya habuan pengikut-pengikut Syu'ayb, malah habuan golongan yang lain:

ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ شُعَيْبًا كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا۟ فِيهَا ۚ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ شُعَيْبًا كَانُوا۟ هُمُ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٩٢﴾

"Orang-orang yang mendustakan Syu'ayb seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di negeri itu. Orang-orang yang mendustakan Syu'ayb merekalah orang-orang yang rugi."(92)

Dalam sekelip mata sahaja kita melihat mereka rebah dan mati bergelimpangan di rumah-rumah mereka, mereka menjadi mayat-mayat yang tidak bernyawa dan bergerak seolah-olah mereka tidak pernah tinggal di rumah-rumah ini dan tidak meninggalkan kesan-kesan mereka yang jelas.

Tergulunglah lembaran sejarah hidup mereka yang penuh dengan kecaman, penghinaan, pengabaian dan perpisahan dengan Rasul mereka yang dahulunya menjadi saudara mereka, kemudian ia tidak ikut jalan mereka menyebabkan nasibnya tidak sama dengan nasib mereka yang malang, dan dia tidak merasa sedih terhadap nasib mereka yang malang itu dan terhadap kebinasaan mereka bersama-sama kaum-kaum yang telah berlalu:

فَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰقَوْمِ لَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّى وَنَصَحْتُ لَكُمْ ۖ فَكَيْفَ ءَاسَىٰ عَلَىٰ قَوْمٍ كَٰفِرِينَ ﴿٩٣﴾

"Kemudian Syu'ayb meninggalkan mereka dan berkata: Wahai kaumku, aku telah pun menyampaikan kepada kamu perutusan Tuhanku dan aku telah memberi nasihat kepada kamu. Oleh itu bagaimana aku harus bersedih terhadap kaum yang kafir?"(93)

Beliau dari golongan yang mengikut agama Allah dan mereka dari golongan yang mengikut jahiliyah. Beliau merupakan satu umat dan mereka merupakan satu umat yang lain walaupun di antara beliau dengan mereka ada hubungan keturunan dan kaum, tetapi hubungan-hubungan itu tidak diambil kira di dalam agama ini dan tidak mempunyai apa-apa nilai di dalam neraca Allah. Hubungan yang kekal abadi ialah hubungan melalui agama ini dan pertalian yang dikira wujud di antara manusia ialah pertalian yang berpegang pada tali agama Allah yang kukuh.

(Tamat Juzu' Yang Kelapan)

JUZU' KE-9

SURAH AL-A'RAF

JUZU' YANG KESEMBILAN

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kata Pengantar)

Juzu' yang kesembilan ini terdiri daripada dua bahagian: Bahagian pertama ialah baki Surah al-A'raf yang diturunkan di Makkah dan ia merupakan tiga perempat dari juzu' ini, dan bahagian yang kedua ialah separuh hizb yang pertama dari Surah al-Anfal yang diturunkan di Madinah dan ia merupakan satu perempat yang baki dari juzu' ini.

Di sini kami hanya mengemukakan huraian secara umum bagi bahagian yang pertama sahaja dan menangguhkan huraian bahagian yang kedua pada tempatnya yang akan datang, di mana kami akan mengemukakan kata pengantar bagi Surah al-Anfal Insya'Allah mengikut methodologi yang kami ikuti dalam memperkenalkan surah-surah Al-Qur'an.

* * * * * *

Di dalam juzu' yang kelapan di bahagian Surah al-A'raf yang kami huraikan di sana telah berlalu kisah-kisah para rasul, risalah-risalah dan kaum-kaum yang hidup selepas Adam a.s. Di sana telah kami tayangkan angkatan iman dalam bentuk kisah-kisah Nuh, Hud, Soleh, Lut dan Syu'ayb a.s. dan peristiwa-peristiwa kebinasaan yang menimpa kaum-kaum mereka dan peristiwa-peristiwa keselamatan golongan Mu'minin dari kaum mereka.

Sekarang juzu' ini dimulakan dengan menamatkan kisah Syu'ayb a.s. Kami telah memilih untuk meletakkan kisah itu hingga ke penghabisan juzu' yang kelapan untuk menamatkan kisah itu di sana.

Kemudian penjelasan ayat surah ini berhenti seketika untuk mengulaskan kisah-kisah itu - mengikut methodologi surah ini - dan dalam ulasan-ulasan ini diperlihatkan langkah-langkah perencanaan Allah terhadap kaum-kaum yang mendustakan da'wah dan bagaimana mereka di timpa malapetaka supaya hati mereka sedar dan lembut, juga supaya mereka kembali kepada Allah dan tunduk kepada-Nya. Dan apabila hati-hati itu tidak juga sedar dan terbuka, tidak mengambil pengajaran dari ujian Allah, maka Allah akan menurunkan bala dalam bentuk kesenangan dan ini merupakan satu ujian yang lebih berat dari ujian dengan malapetaka sehingga apabila mereka bertambah lalai dan memandang hidup ini sebagai permainan dan hiburan, maka ketika itulah mereka dibinasakan Allah secara mendadak tanpa disedari mereka:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا فِي قَرۡيَةٖ مِّن نَّبِيٍّ إِلَّآ أَخَذۡنَآ أَهۡلَهَا بِٱلۡبَأۡسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ لَعَلَّهُمۡ يَضَّرَّعُونَ ٩٤

ثُمَّ بَدَّلۡنَا مَكَانَ ٱلسَّيِّئَةِ ٱلۡحَسَنَةَ حَتَّىٰ عَفَواْ وَّقَالُواْ قَدۡ مَسَّ ءَابَآءَنَا ٱلضَّرَّآءُ وَٱلسَّرَّآءُ فَأَخَذۡنَٰهُم بَغۡتَةٗ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ٩٥

"Dan Kami tidak utuskan seorang nabi dalam sebuah negeri melainkan Kami timpakan kesusahan dan kesengsaraan ke atas penduduknya supaya mereka tunduk merendahkan diri (94). Kemudian Kami tukarkan kesusahan itu dengan kesenangan sehingga bilangan mereka bertambah ramai dan kehidupan mereka bertambah mewah lalu mereka berkata: Datuk nenek kami juga pernah di timpa kesusahan dan mendapat kesenangan. Lalu Kami binasakan mereka secara mendadak sedangkan mereka tidak sedar."(95)

Di sini juga huraian ayat-ayat ini mendedahkan adanya hubungan di antara nilai-nilai keimanan dan undang-undang Allah yang mengenakan balasan ke atas manusia, iaitu di sana tidak ada perpisahan di dalam langkah-langkah perencanaan Allah di antara undang-undang Allah dengan nilai-nilai keimanan walaupun hubungan ini tidak ketara kepada orang-orang yang lalai kerana kesan-kesannya mungkin tidak kelihatan dalam masa yang dekat, tetapi ia tetap berlaku dalam masa yang panjang:

وَلَوۡ أَنَّ أَهۡلَ ٱلۡقُرَىٰٓ ءَامَنُواْ وَٱتَّقَوۡاْ لَفَتَحۡنَا عَلَيۡهِم بَرَكَٰتٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ وَلَٰكِن كَذَّبُواْ فَأَخَذۡنَٰهُم بِمَا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ٩٦

"Sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami bukakan kepada mereka rezeki-rezeki yang berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka telah mendustakan rasul-rasul lalu Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka."(96)

Kemudian pendedahan itu mengulas mengenai langkah-langkah perencanaan Allah terhadap golongan-golongan manusia yang mendustakanpara rasul atau mengenai Sunnatullah dan hubungannya dengan nilai-nilai keimanan di dalam kehidupan manusia, iaitu penjelasan dalam bentuk ancaman-ancaman dan ugutan-ugutan yang menggoncangkan hati, juga dalam bentuk tarikan-tarikan perhatian kepada peristiwa-peristiwa kebinasaan golongan-golongan pendusta yang menyedarkan orang-orang yang lalai:

أَفَأَمِنَ أَهۡلُ ٱلۡقُرَىٰٓ أَن يَأۡتِيَهُم بَأۡسُنَا بَيَٰتٗا وَهُمۡ نَآئِمُونَ ٩٧

أَوَأَمِنَ أَهۡلُ ٱلۡقُرَىٰٓ أَن يَأۡتِيَهُم بَأۡسُنَا ضُحٗى وَهُمۡ يَلۡعَبُونَ ٩٨

أَفَأَمِنُوا مَكْرَ اللَّهِ ۚ فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩٩﴾
أَوَلَمْ يَهْدِ لِلَّذِينَ يَرِثُونَ الْأَرْضَ مِن بَعْدِ أَهْلِهَا أَن لَّوْ نَشَاءُ أَصَبْنَاهُم بِذُنُوبِهِمْ ۚ وَنَطْبَعُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾

"Apakah penduduk negeri-negeri itu merasa aman dari di timpa 'azab Kami di waktu malam ketika mereka sedang tidur nyenyak?(97). Atau apakah penduduk negeri-negeri itu merasa aman dari di timpa 'azab Kami di waktu pagi ketika mereka sedang asyik bermain-main? (98) Apakah mereka telah merasa aman dari rancangan pembalasan Allah? Tiada orang yang merasa aman dari rancangan pembalasan Allah kecuali golongan manusia yang rugi (99). Atau apakah belum jelas kepada orang-orang yang mewarisi negeri itu setelah penduduknya dibinasakan Allah bahawa jika Kami kehendaki tentu Kami berkuasa menimpakan malapetaka ke atas mereka kerana dosa-dosa mereka dan menutup mata hati mereka menyebabkan mereka tidak dapat lagi mendengar (pengajaran dan nasihat)?"(100)

Ulasan ini berakhir dengan menarik perhatian Rasulullah s.a.w. kepada kisah-kisah para rasul dan menyaringkan keadaan kaum-kaum yang telah mendustakanpara rasul sebelum ini, memerikan sifat-sifat mereka yang sebenar yang telah melupakan perjanjian dengan Allah yang berjanji mengi'tirafkan Uluhiyah dan Wahdaniyah-Nya, dan seterusnya membuat kesimpulan tidak ada gunanya ayat-ayat, bukti-bukti yang jelas dan mu'jizat-mu'jizat yang telah dibawa olehpara rasul kepada mereka kerana fitrah mereka tidak berfungsi dan hati mereka telah lalai:

تِلْكَ الْقُرَىٰ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنبَائِهَا ۚ وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا بِمَا كَذَّبُوا مِن قَبْلُ ۚ كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ الْكَافِرِينَ ﴿١٠١﴾
وَمَا وَجَدْنَا لِأَكْثَرِهِم مِّنْ عَهْدٍ ۖ وَإِن وَجَدْنَا أَكْثَرَهُمْ لَفَاسِقِينَ ﴿١٠٢﴾

"Itulah negeri-negeri (yang telah binasa), yang Kami ceritakan sebahagian dari cerita-ceritanya kepada kamu dan sesungguhnya penduduk-penduduk (negeri itu) telah didatangi oleh rasul-rasul mereka membawa berbagai-bagai bukti yang nyata, tetapi mereka tidak sekali-kali beriman kepada apa yang telah didustakan mereka sebelum ini. Demikianlah Kami menutup matahati orang-orang yang kafir (101). Dan Kami tidak dapati kebanyakan mereka menepati perjanjian. Sesungguhnya Kami dapati kebanyakan mereka fasiq belaka."(102)

* * * * * *

Selepas berhenti seketika untuk membuat ulasan terhadap peristiwa-peristiwa kebinasaan kaum Nuh, kaum Hud, kaum Soleh, kaum Lut dan kaum Syu'ayb, maka tibalah pula kisah Musa a.s., mula-mula dengan Seri Maharaja Fir'aun dan kuncu-kuncunya, kemudian dengan kaum beliau sendiri iaitu Bani Israel. Kisah Nabi Musa a.s. di dalam surah ini mengambil ruang yang lebih luas dan besar dari ruang-ruang yang telah diambilnya dalam satu surah yang lain dari seluruh surah-surah Al-Qur'an. Babak-babak kisah Bani Israel telah disebut di pelbagai surah yang lain dan babak-babak ini tidak termasuk singgungan-singgungan pendek yang termuat di tempat-tempat yang lain. Kisah Bani Israel merupakan kisah yang paling banyak disebut di dalam seluruh Al-Qur'an. Mungkin huraian yang begitu terperinci mengenai kisah Bani Israel ini mempunyai hikmat-hikmat sebagaimana telah kami huraikannya di dalam juzu' yang keenam tafsir Fi Zilal ini seperti berikut:

"Di antara sudut-sudut hikmat itu ialah Bani Israel merupakan golongan pertama yang menentang da'wah Islamiyah dengan perseteruan, tipudaya dan peperangan di Madinah dan di Semenanjung Tanah Arab seluruhnya. Mereka menentang kelompok Muslimin sejak hari pertama lagi. Merekalah yang mendokong budaya Munafiq dan menghasut kaum Munafiqin di Madinah. Mereka telah membekalkan kaum Munafiqin dengan sarana-sarana tipu daya untuk menggugatkan 'aqidah Islamiyah dan mengancam kaum Muslimin. Mereka menghasut kaum Musyrikin dan mengadakan perjanjian dan pakatan sulit dengan mereka untuk menentang kelompok Muslimin. Merekalah yang mendalangi perang propaganda dan fitnah dan melakukan berbagai-bagai tipudaya yang jahat dalam barisan Muslimin di samping mendalangi usaha-usaha menaburkan kekeliruan, keraguan dan bibit penyelewengan di sekitar 'aqidah Islam dan kepimpinan Rasulullah s.a.w., mereka telah melakukan semuanya itu sebelum mereka membuka muka mereka secara terang-terangan di dalam peperangan yang terbuka. Oleh sebab itu hakikat mereka yang sebenar perlu didedahkan kepada kelompok Muslimin agar mereka mengenal siapa musuh mereka? Bagaimana tabi'at mereka? Bagaimana sejarah mereka? Dan apakah hakikat perjuangan yang diharungi kelompok Muslimin terhadap mereka?

"Allah S.W.T. mengetahui bahawa Bani Israel akan terus menjadi musuh umat Muslimin di sepanjang sejarah mereka di samping menjadi musuh agama Allah di sepanjang zaman silam mereka. Oleh sebab itu Allah membentangkan kepada umat Muslimin rahsia mereka agar segala tindak-tanduk mereka terdedah dan sarana-sarana tipudaya mereka terbuka.

"Di antara sudut-sudut hikmat itu lagi ialah Bani Israel adalah pendokong-pendokong agama Allah yang akhir sebelum kedatangan agama Allah yang terakhir. Sejarah mereka sebelum Islam telah mengambil masa sejarah yang amat panjang, di mana

berbagai-bagai penyelewengan telah berlaku dan di mana mereka berulang-ulang kali merombakkan perjanjian dengan Allah. Kesan dari penyelewengan dan kemungkiran janji itu telah mengubahkan kehidupan mereka di samping mengubahkan akhlak dan tradisi-tradisi mereka. Oleh sebab itu sejarah mereka perlu diketahui oleh umat Muslimin selaku pewaris seluruh risalah dan pendokong seluruh 'aqidah Rabbaniyah. Mereka perlu mengetahui perkembangan sejarah Bani Israel dan mengenal tempat-tempat gelincir di perjalanan mereka serta mengetahui akibat-akibatnya yang buruk yang dapat di lihat dalam kehidupan dan akhlak mereka agar pengalaman-pengalaman Bani Israel di bidang 'aqidah dan kehidupan itu dapat ditokokkan ke dalam tabung pengalaman kelompok Muslimin untuk dimanfa'atkan di sepanjang zaman, dan agar mereka dapat menghindari tempat-tempat gelincir di perjalanan, menjauhi pintu-pintu syaitan dan mengenal petanda-petanda awal penyelewengan dengan berpandukan pengalaman-pengalaman yang pertama itu.

"Di antara sudut-sudut hikmat itu lagi ialah Bani Israel mempunyai berbagai-bagai lembaran pengalaman dalam sejarah mereka yang amat panjang itu. Allah S.W.T. mengetahui bahawa masa yang amat panjang yang dilalui oleh umat-umat manusia itu akan membuat hati mereka menjadi keras dan membuat generasi-generasi kemudian mereka menyeleweng dan sesat. Umat Muslimin juga akan melintasi zaman sejarah mereka yang panjang sehingga hari Qiamat dan mereka juga akan menempuh zaman-zaman yang sama dengan zaman-zaman yang ditempuh oleh sejarah hidup Bani Israel, oleh sebab itu Allah meletakkan di hadapan pemimpin-pemimpin umat Muslimin dan tokoh-tokoh mujaddid da'wah dari berbagai-bagai generasi mereka contoh-contoh penyakit yang telah menimpa umat-umat yang sama agar melalui contoh-contoh ini mereka dapat mengetahui bagaimana cara mengubati penyakit-penyakit itu setelah mengenal tabi'at-tabi'atnya. Ini ialah kerana hati yang paling degil untuk menerima hidayat dan kembali kepada istiqamah ialah hati yang telah mengenal hidayat kemudian menyeleweng, sedangkan hati-hati yang lalai lebih mudah menyambut dan menerima hidayat, kerana hati-hati ini dapat dikejutkan semula oleh da'wah dengan mengemukakan sesuatu yang baru yang dapat menggerakkan dan menyedarkan mereka dan menyapu sampah-sarap yang menutupinya. Hati-hati yang seperti ini mudah tertarik dan terpesona dengan sesuatu yang baru yang mengetuk fitrah mereka bagi pertama kalinya. Adapun hati-hati yang pernah dida'wahkan sebelum ini, maka da'wah yang kedua tidak lagi memberi sesuatu yang baru kepadanya. Ia tidak lagi menarik dan mengoncangkannya. Ia tidak dapat membuat hati-hati ini merasa ada sesuatu yang hebat dan baru. Justeru itu hati yang seperti ini memerlukan usaha-usaha da'wah yang berlipat-ganda dan kesabaran yang lama masanya."

Hingga akhirnya ....

Babak-babak kisah Musa a.s. dan kisah Bani Israel telah pun diceritakan sebelum ini di dalam tafsir ini. Babak-babak ini diatur mengikut tertib surah-surah di dalam mushaf bukannya diatur mengikut tertib nuzul, iaitu diceritakan dalam Surah al-Baqarah, Surah Aali-'Imran, Surah An-Nisa', Surah al-Ma'idah dan Surah al-An'am, tetapi jika dikira mengikut tertib nuzul, maka babak-babak yang diceritakan di sini di dalam Surah al-A'raf yang diturunkan di Makkah itu adalah mendahului babak-babak yang diceritakan di dalam surah-surah Madaniyah.

Cara pembentangan babak-babak itu di sana dan di sini sangat jelas, iaitu pembentangannya di sini untuk tujuan bercerita, sedangkan pembentangan di sana untuk tujuan menghadapi dan mencabar Bani Israel, juga untuk mengingatkan mereka terhadap peristiwa-peristiwa yang telah berlaku kepada mereka dan bagaimana sikap mereka dalam menghadapi peristiwa-peristiwa itu.

Kisah Musa a.s. telah disebut lebih dari tiga puluh tempat dalam seluruh Al-Qur'an sama ada yang diturunkan di Makkah atau di Madinah, tetapi penceritaan yang panjang lebar hanya didapati di sepuluh tempat atau sepuluh surah sahaja, di antaranya enam tempat yang memuatkan penceritaan yang lebih terperinci. Penceritaan yang disebut dalam Surah al-A'raf merupakan penceritaan terperinci yang pertama yang mengambil ruang-ruang yang paling luas walaupun babak-babak yang diceritakannya dalam ruang yang luas itu lebih sedikit dari babak-babak yang diceritakan di dalam Surah Taha.[1]

Kisah itu dimulakan di sini dengan babak Nabi Musa a.s. menghadapi Fir'aun untuk menyampaikan perutusan Allah, sementara dalam Surah Taha ia dimulakan dengan babak seruan Ilahi kepada Musa a.s. di pinggir Bukit Tur, kemudian dalam Surah al-Qasas ia dimulakan dengan babak kelahiran Musa a.s. di zaman penindasan Fir'aun ke atas Bani Israel.

Selaras dengan suasana dan matlamat-matlamat surah mengikut cara Al-Qur'an membentangkan kisah-kisah, maka di sini kisah Musa a.s. dimulakan dengan arahan supaya melihat kepada akibat kebinasaan yang telah menimpa Fir'aun dan para pembesarnya kerana mendustakan Rasul. Arahan itu dibuat sejak detik pertama dibentangkan kisah itu:

ثُمَّ بَعَثْنَا مِنۢ بَعْدِهِم مُّوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِيْهِۦ فَظَلَمُوا۟ بِهَا ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿١٠٣﴾

---

[1] *Lihat bab* "القصة في القرآن" *dalam buku* "التصوير الفني في القرآن"

"Kemudian Kami utuskan Musa selepas rasul-rasul itu untuk membawa ayat-ayat Kami kepada Fir'aun dan para pembesarnya, tetapi mereka telah menzalimi ayat-ayat Kami. Oleh itu lihatlah akibat kebinasaan yang telah menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan."(103)

Kemudian babak-babak dan pemandangan-pemandangan kisah itu terus ditayangkan, mula-mula babak menghadapi Fir'aun dan para pembesarnya dan pada akhirnya ialah babak-babak menghadapi Bani Israel dengan segala putar-belit, kesesatan dan penyelewengan mereka.

Oleh sebab Kami akan membentangkan kisah Musa selepas ini dengan terperinci, maka dalam muqaddimah ini cukuplah kami berhenti di hadapan ciri-cirinya yang pokok dan babak-babaknya yang memberi saranan-saranan yang umum sahaja:

- Musa a.s. menghadapi Fir'aun dan para pembesarnya dan menyatakan kepada mereka bahawa beliau adalah utusan dari Allah Tuhan semesta alam:

وَقَالَ مُوسَىٰ يَٰفِرْعَوْنُ إِنِّى رَسُولٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٤﴾

حَقِيقٌ عَلَىٰٓ أَن لَّآ أَقُولَ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْحَقَّ ۚ قَدْ جِئْتُكُم بِبَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَأَرْسِلْ مَعِىَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿١٠٥﴾

"Dan ujar Musa: Wahai Fir'aun, sesungguhnya saya adalah utusan dari Allah Tuhan semesta alam (104). Sudah semestinya saya tidak harus mengatakan dengan menggunakan nama Allah melainkan sesuatu yang benar. Saya telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Oleh itu bebaskanlah kaum Bani Israel pergi bersama saya."(105)

Apabila perlawanan berlaku di antara Musa a.s. dengan ahli-ahli sihir Fir'aun, maka mereka telah tewas kepada Musa dan mereka terus mengaku beriman kepada Allah Tuhan semesta alam:

وَأُلْقِىَ ٱلسَّحَرَةُ سَٰجِدِينَ ﴿١٢٠﴾

"Dan ahli-ahli sihir itu dengan segera merebahkan diri sujud."(120)

قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٢١﴾

"Seraya berkata: Kami beriman kepada Tuhan semesta alam."(121)

رَبِّ مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ﴿١٢٢﴾

"Iaitu Tuhan Musa dan Harun."(122)

Apabila ahli-ahi sihir itu diancam Fir'aun dengan hukuman yang dahsyat, mereka lantas berdo'a kepada Allah dan mengumumkan bahawa mereka tetap kembali kepada Allah sama ada mereka hidup atau mati atau dibangkitkan kembali, malah mereka tetap kembali kepada Allah dalam segala urusan mereka:

قَالُوٓاْ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ﴿١٢٥﴾

وَمَا تَنقِمُ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا لَمَّا جَآءَتْنَا ۚ رَبَّنَآ أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ ﴿١٢٦﴾

"Jawab mereka: Sesungguhnya kami tetap kembali kepada Tuhan kami (125). Sebenarnya Engkau tidak membalas dendam terhadap kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami ketika ia datang kepada kami 'Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran ke atas kami dan wafatkanlah kami selaku orang-orang Muslimin.'"(126)

Ketika mengajar kaumnya di berbagai-bagai tempat, Musa a.s. memperkenalkan kepada mereka Tuhan mereka yang sebenar. Oleh sebab itu apabila Fir'aun mengumumkan bahawa dia akan mengulangi penindasan terhadap Bani Israel dengan membunuh setiap bayi lelaki yang dilahirkan mereka dan hanya bayi-bayi perempuan sahaja yang akan dibenarkan hidup, maka Musa a.s. bersabda kepada kaumnya:

قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ٱسْتَعِينُواْ بِٱللَّهِ وَٱصْبِرُوٓاْ ۖ إِنَّ ٱلْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۖ وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٢٨﴾

قَالُوٓاْ أُوذِينَا مِن قَبْلِ أَن تَأْتِيَنَا وَمِنۢ بَعْدِ مَا جِئْتَنَا ۚ قَالَ عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُهْلِكَ عَدُوَّكُمْ وَيَسْتَخْلِفَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٢٩﴾

"Ujar Musa kepada kaumnya: Pohonlah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah. Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah. Dialah yang berkuasa mewariskannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari para hambaNya dan kesudahan yang baik itu disediakan Allah untuk orang-orang yang bertaqwa (128). Mereka berkata: Kami telah pun ditindas sebelum engkau datang kepada kami lagi dan setelah engkau datang kepada kami. Jawab Musa: Semoga Tuhan kamu membinasakan musuh kamu dan mengangkatkan kamu menjadi pemerintah di bumi kemudian Dia akan memerhati bagaimana tindak-tanduk kamu."'(129)

Setelah Musa a.s. membawa mereka menyeberangi lautan, mereka menemui satu kaum sedang menyembah berhala-berhala mereka, lalu mereka meminta Musa mengadakan berhala untuk mereka sembah sebagaimana kaum itu menyembah berhala-berhala mereka:

قَالَ إِنَّكُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿١٣٨﴾

"Jawab Musa: Sesungguhnya kamu ini adalah satu kaum yang jahil."(138)

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ مُتَبَّرٌ مَّا هُمْ فِيهِ وَبَٰطِلٌ مَّا كَانُواْ

يَعْمَلُونَ ﴿١٣٩﴾
قَالَ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْغِيكُمْ إِلَٰهًا وَهُوَ فَضَّلَكُمْ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٤٠﴾

"Sesungguhnya mereka akan dibinasakan bersama-sama berhala yang disembahkan mereka dan segala amalan yang dilakukan mereka adalah hilang sia-sia (139). Ujar Musa lagi: Apakah wajar bagiku mencarikan tuhan untuk kamu selain Allah, sedangkan Dialah yang memberi kelebihan-kelebihan kepada kamu yang mengatasi sekalian manusia (yang sezaman dengan kamu)?"(140)

Inilah nas-nas Al-Qur'an mengenai kisah Musa. Ia menjelaskan hakikat agama yang dibawa oleh Nabi Musa a.s. dan hakikat kepercayaan dan i'tiqad yang dibentukkan oleh hakikat agama ini. Inilah kefahaman yang betul yang dibawa oleh Islam dan didokong oleh agama Allah dalam semua kerasulan. Begitu juga nas-nas ini membuktikan kepalsuan teori-teori dan andaian-andaian yang dikemukakan oleh para pengkaji sejarah agama-agama yang terdiri dari sarjana-sarjana Barat dan orang-orang yang mengikut methodologi dan hasil kajian mereka yang terdiri dari para penulis yang menulis tentang evolusi agama.

Seterusnya nas-nas ini juga membuktikan pelbagai bentuk penyelewengan yang terdapat dalam sejarah Bani Israel dan tabi'at mereka yang berbelit-belit itu sehingga selepas dibangkitkan Nabi Musa a.s. seperti permintaan mereka kepada Musa:

يَٰمُوسَى ٱجْعَل لَّنَآ إِلَٰهًا كَمَا لَهُمْ ءَالِهَةٌ

"Wahai Musa, buatlah satu berhala untuk kami sebagaimana berhala-berhala yang disembah mereka."(138)

Juga seperti perbuatan mereka menyembah patung anak lembu semasa pemergian Musa ke Bukit Tursina untuk memenuhi masa munajatnya dengan Allah, juga seperti permintaan mereka hendak melihat Allah secara terang-terangan, jika tidak, mereka tidak, akan beriman. Tetapi penyelewengan-penyelewengan ini tidak menggambarkan hakikat 'aqidah yang dibawa oleh Musa dari Allah, malah ia hanya merupakan penyelewengan-penyelewengan dari 'aqidah yang benar. Bagaimana mungkin penyelewengan-penyelewengan itu dikira sebagai 'aqidah itu sendiri? Kemudian dikatakan pula bahawa penyelewengan-penyelewengan itu akhirnya berkembang kepada agama tauhid?

- Pertentangan Musa dengan Fir'aun dan para pembesarnya juga mendedahkan hakikat konflik di antara seluruh agama Allah dengan seluruh jahiliyah, di samping mendedahkan bagaimana Taghut memandang kepada agama Allah, bagaimana ia merasa agama Allah itu sebagai ancaman terhadap kewujudannya dan seterusnya ia mendedahkan bagaimana kaum Mu'minin menyedari dan memahami hakikat perjuangan di antara mereka dengan Taghut.

Dengan penegasan Musa a.s. kepada Fir'aun:

يَٰفِرْعَوْنُ إِنِّى رَسُولٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٤﴾

"Wahai Fir'aun, sesungguhnya saya adalah utusan dari Allah Tuhan semesta alam"(104)

حَقِيقٌ عَلَىٰٓ أَن لَّآ أَقُولَ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْحَقَّ ۚ قَدْ جِئْتُكُم بِبَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَأَرْسِلْ مَعِىَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿١٠٥﴾

"Sudah semestinya saya tidak harus mengatakan dengan menggunakan nama Allah melainkan sesuatu yang benar. Saya telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Oleh itu bebaskanlah kaum Bani Israel pergi bersama saya"(105)

menjelaskan bahawa maksud da'wah kepada Tuhan semesta alam ialah memulangkan seluruh kuasa itu kepada Allah dengan memulangkan 'Ubudiyah seluruh alam kepada Tuhan semesta alam, dan berdasarkan pengertian ini Musa menuntut Fir'aun membebaskan Bani Israel, kerana jika Allah merupakan Tuhan semesta alam, maka tentulah tiada layak bagi seorang hamba seperti Fir'aun yang zalim itu memperhambakan manusia kepada dirinya, kerana mereka bukannya hamba-hamba kepada yang lain dari Allah Tuhan seluruh alam. Memulangkan seluruh kuasa Rububiyah kepada Allah S.W.T. bermakna memulangkan seluruh kuasa Hakimiyah kepada Allah, kerana kuasa Hakimiyah itu merupakan sesuatu fenomena dari kuasa Rububiyah Allah terhadap manusia yang merupakan sebahagian dari semesta alam. Kuasa Hakimiyah itu dapat di lihat pada keadaan seluruh alam yang tunduk kepada Allah Yang Maha Esa. Oleh sebab itu manusia tidak dikira mengi'tirafkan kuasa Rububiyah Allah kecuali apabila mereka tunduk dan patuh kepada Allah sahaja, kecuali apabila mereka tumpukan 'Ubudiyah mereka kepada Rububiyah Allah atau dengan ungkapan yang lain kepada kuasa Hakimiyah Allah sahaja. Jika tidak, maka ertinya mereka ingkarkan kuasa Rububiyah Allah terhadap mereka apabila mereka tunduk kepada kuasa Hakimiyah yang lain dari Allah, iaitu mereka tidak berhakimkan kepada syari'at Allah.

Fir'aun dan para pembesarnya sedar kepada bahaya konsep da'wah kepada Tuhan semesta alam. Mereka sedar bahawa konsep tauhid Rububiyah bermakna merampas kuasa Fir'aun dan kuasa para pembesarnya yang diambil dari kuasa Fir'aun. Oleh sebab itu mereka mengungkapkan bahaya itu dengan mengatakan bahawa Musa mahu mengusirkan mereka keluar dari negeri mereka:

قَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِ فِرْعَوْنَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٩﴾

يُرِيدُ أَن يُخْرِجَكُم مِّنْ أَرْضِكُمْ ۖ فَمَاذَا تَأْمُرُونَ ﴿١١٠﴾

"Ujar para pembesar dari kaum Fir'aun: Sesungguhnya orang ini (Musa) seorang ahli sihir yang amat pintar.(109) Dia mahu mengeluarkan kamu dari negeri kamu. Oleh itu apakah bicara kamu?"(110)

وَقَالَ ٱلۡمَلَأُ مِن قَوۡمِ فِرۡعَوۡنَ أَتَذَرُ مُوسَىٰ وَقَوۡمَهُۥ لِيُفۡسِدُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَيَذَرَكَ وَءَالِهَتَكَۚ

"Dan berkatalah para pembesar dari kaum Fir'aun: Apakah tuanku akan membiarkan Musa dan kaumnya melakukan kerosakan di bumi serta meninggalkan tuanku dan tuhan-tuhan tuanku?"(127)

Tujuannya ialah mereka mahu meyakinkan Fir'aun bahawa da'wah kepada Tuhan semesta alam itu hanya mempunyai satu makna sahaja, iaitu mencabut kuasa dari tangan manusia yang berkuasa dan memulangkannya semula kepada Allah selaku Pemiliknya yang sebenar. Inilah maksud istilah melakukan "kerosakan di bumi" menurut pandangan mereka. Istilah ini sama dengan istilah yang digunakan di dalam undang-undang jahiliyah moden untuk menentang da'wah yang sama, iaitu istilah percubaan mengubahkan sistem pemerintahan. Da'wah ini di katakan sebagai sesuatu percubaan mengubahkan sistem pemerintahan mengikut pandangan penguasa-penguasa jahiliyah yang merampas kuasa Rububiyah Allah dan mengambil alih bidang-bidang kuasa-Nya walaupun hal ini tidak diucapkan oleh lidah mereka, kerana sistem pemerintahan di dalam budaya-budaya jahiliyah ditegakkan di atas konsep ketuanan manusia terhadap manusia, sedangkan konsep da'wah kepada Tuhan semesta alam ditegakkan di atas konsep Rububiyah Allah terhadap manusia yang diciptakan Allah. Oleh sebab itulah Fir'aun berkata kepada ahli-ahli sihir yang terpesona kepada agama yang benar lalu mereka beriman kepada Allah Tuhan seluruh alam dan mencabut belenggu 'Ubudiyah kepada Fir'aun dari leher mereka melalui pengumuman keimanan mereka, iaitu baginda berkata kepada mereka bahawa mereka sedang mengatur rencana yang jahat untuk mengusir keluar penduduk-penduduk dari bandar kediaman mereka dan baginda mengancam menghukum mereka dengan hukuman keseksaan yang paling berat:

قَالَ فِرۡعَوۡنُ ءَامَنتُم بِهِۦ قَبۡلَ أَنۡ ءَاذَنَ لَكُمۡۖ إِنَّ هَٰذَا لَمَكۡرٞ مَّكَرۡتُمُوهُ فِي ٱلۡمَدِينَةِ لِتُخۡرِجُواْ مِنۡهَآ أَهۡلَهَاۖ فَسَوۡفَ تَعۡلَمُونَ ١٢٣
لَأُقَطِّعَنَّ أَيۡدِيَكُمۡ وَأَرۡجُلَكُم مِّنۡ خِلَٰفٖ ثُمَّ لَأُصَلِّبَنَّكُمۡ أَجۡمَعِينَ ١٢٤

"Fir'aun berkata (kepada ahli-ahli sihir yang beriman): Apakah kamu telah beriman kepadanya (Musa) sebelum aku memberi keizinan kepada kamu? Ini adalah satu rancangan jahat yang kamu aturkan di bandar ini untuk menghalaukan penduduknya keluar darinya. Oleh itu kamu akan mengetahui akibatnya (123). Demi sesungguhnya aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan berselang kemudian aku akan memalangkan kamu sekalian."(124)

Dari aspek yang lain, ahli-ahli sihir yang beriman kepada Allah Tuhan seluruh alam, yang menyerahkan diri mereka kepada Allah sahaja dan mengisytiharkan keluar dari 'Ubudiyah palsu kepada kuasa Taghut yang merampas hak Rububiyah Allah dan mengambil alih bidang-bidang kuasa, adalah mengetahui tentang hakikat konflik di antara mereka dengan kuasa Taghut itu, iaitu konflik 'aqidah, kerana 'aqidah ini mengancam kuasa para Taghut sebaik sahaja penganutnya mengisytiharkan 'Ubudiyah mereka kepada Allah Tuhan seluruh alam, malah sebaik sahaja diumumkan Allah sebagai Tuhan seluruh alam. Oleh sebab itu mereka berkata kepada Fir'aun sebagai jawapan terhadap tuduhannya yang menuduh mereka sebagai penderhaka-penderhaka yang mengatur rancangan jahat di bandar itu dengan tujuan untuk mengusir keluar penduduk-penduduk darinya, iaitu satu tuduhan yang sama dengan tuduhan yang dibuat oleh jahiliyah-jahiliyah moden terhadap siapa sahaja yang mengisytiharkan Allah sebagai Tuhan semesta alam dengan ertinya yang sebenar, iaitu mereka dituduh sebagai pihak yang berjuang untuk mengubahkan sistem pemerintahan:

وَمَا تَنقِمُ مِنَّآ إِلَّآ أَنۡ ءَامَنَّا بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا لَمَّا جَآءَتۡنَاۚ

"Sebenarnya engkau tidak membalas dendam terhadap kami melainkan semata-mata kerana kami beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami ketika ayat-ayat itu datang kepada kami."(126)

Kemudian mereka berlindung pada Allah Tuhan yang diimani mereka dan menolak 'Ubudiyah kepada yang lain dari-Nya seraya berkata:

رَبَّنَآ أَفۡرِغۡ عَلَيۡنَا صَبۡرٗا وَتَوَفَّنَا مُسۡلِمِينَ ١٢٦

"Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran ke atas kami dan wafatkanlah kami selaku orang-orang Muslimin."(126)

Inilah furqan atau kefahaman yang membezakan di antara yang hak dan yang batil yang telah disematkan Allah ke dalam hati mereka sebaik sahaja hakikat Islam atau konsep penyerahan diri kepada Allah itu menjejak hati mereka.

- Dari tayangan mu'jizat-mu'jizat yang ditunjukkan oleh Musa kepada Fir'aun dan para pembesarnya dan berbagai-bagai malapetaka yang di timpakan Allah ke atas mereka seperti kemarau, kemerosotan hasil buah-buahan dan berbagai-bagai penyakit yang melanda mereka dan semuanya dihadapi mereka dengan penuh kedegilan dan putar belit sehingga akhirnya mereka dibinasakan Allah seperti yang dinyatakan dalam firman-Nya:

وَلَقَدۡ أَخَذۡنَآ ءَالَ فِرۡعَوۡنَ بِٱلسِّنِينَ وَنَقۡصٖ مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمۡ يَذَّكَّرُونَ ١٣٠

فَإِذَا جَآءَتۡهُمُ ٱلۡحَسَنَةُ قَالُواْ لَنَا هَٰذِهِۦۖ وَإِن تُصِبۡهُمۡ
سَيِّئَةٞ يَطَّيَّرُواْ بِمُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓۗ أَلَآ
إِنَّمَا طَٰٓئِرُهُمۡ عِندَ ٱللَّهِ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ
لَا يَعۡلَمُونَ ﴿١٣١﴾
وَقَالُواْ مَهۡمَا تَأۡتِنَا بِهِۦ مِنۡ ءَايَةٖ لِّتَسۡحَرَنَا بِهَا فَمَا
نَحۡنُ لَكَ بِمُؤۡمِنِينَ ﴿١٣٢﴾
فَأَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِمُ ٱلطُّوفَانَ وَٱلۡجَرَادَ وَٱلۡقُمَّلَ
وَٱلضَّفَادِعَ وَٱلدَّمَ ءَايَٰتٖ مُّفَصَّلَٰتٖ فَٱسۡتَكۡبَرُواْ
وَكَانُواْ قَوۡمٗا مُّجۡرِمِينَ ﴿١٣٣﴾
وَلَمَّا وَقَعَ عَلَيۡهِمُ ٱلرِّجۡزُ قَالُواْ يَٰمُوسَى ٱدۡعُ لَنَا رَبَّكَ
بِمَا عَهِدَ عِندَكَۖ لَئِن كَشَفۡتَ عَنَّا ٱلرِّجۡزَ
لَنُؤۡمِنَنَّ لَكَ وَلَنُرۡسِلَنَّ مَعَكَ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ﴿١٣٤﴾
فَلَمَّا كَشَفۡنَا عَنۡهُمُ ٱلرِّجۡزَ إِلَىٰٓ أَجَلٍ هُم بَٰلِغُوهُ
إِذَا هُمۡ يَنكُثُونَ ﴿١٣٥﴾
فَٱنتَقَمۡنَا مِنۡهُمۡ فَأَغۡرَقۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡيَمِّ بِأَنَّهُمۡ كَذَّبُواْ
بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُواْ عَنۡهَا غَٰفِلِينَ ﴿١٣٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah menimpakan kaum Fir'aun malapetaka kemarau dan kemerosotan hasil buah-buahan supaya mereka mengambil pengajaran (130). Kemudian apabila mereka didatangi kesenangan mereka berkata: Ini adalah hasil usaha kami dan jika mereka di timpa kesusahan mereka mengatakan malapetaka itu berpunca dari Musa dan para pengikutnya. Ketahuilah! Malapetaka yang menimpa mereka adalah ditetapkan di sisi Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (131). Dan mereka berkata: Walau apa pun mu'jizat yang engkau bawa untuk mempesonakan kami dengannya, maka kami tetap tidak akan beriman kepadamu (132). Lalu Kami lepaskan banjir yang besar, angkatan-angkatan belalang, kutu, katak-katak dan darah menyerang mereka sebagai bukti-bukti yang jelas tetapi mereka tetap berlagak angkuh. Dan mereka adalah kaum yang berdosa (133). Dan apabila 'azab itu menimpa mereka, mereka berkata: Wahai Musa! Berdo'alah kepada Tuhanmu untuk keselamatan kami dengan perantaraan pangkat istimewa yang dikurniakan kepadamu, dan (kami berjanji) jika engkau berjaya menghapuskan 'azab ini, kami akan beriman kepadamu dan kami akan membebaskan Bani Israel pergi bersamamu (134). Kemudian apabila Kami telah menghapuskan 'azab itu dari mereka sehingga kepada tempoh yang ditentukan kepada mereka tiba-tiba mereka memungkiri janji (135). Kemudian Kami timpakan balasan Kami terhadap mereka lalu Kami tenggelamkan mereka di dalam lautan dengan sebab mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka selama ini tidak menghiraukannya."(136)

Dari semua tayangan mu'jizat ini ternyatalah sejauh mana kedegilan Fir'aun mempertahankan kebatilan dan menolak kebenaran dan sejauh mana kegigihannya menentang da'wah yang mengajak manusia beriman kepada Tuhan seluruh alam. Ini adalah kerana Dia yakin bahawa da'wah ini sendiri merupakan satu perisytiharan perang ke atas dirinya, iaitu satu perisytiharan menolak legality kewujudannya dari asasnya lagi. Dan tentulah Fir'aun tidak mungkin membenarkan perisytiharan prinsip " لا اله الا الله" atau konsep "Rabbul-'Alamin" kecuali slogan-slogan kata ini telah hilang maknanya yang sebenar dan menjadi kata-kata kosong yang tidak bermakna. Dan dalam keadaan yang seperti ini tentulah kata-kata itu tidak menggugatkan kedudukannya kerana ia tidak ditujukan kepadanya, sebaliknya jika ada sekumpulan manusia mengambil slogan-slogan kata ini dengan pengertiannya yang haqiqi, maka sudah tentu penguasa Taghut yang menjalankan hak Rububiyah Allah atau menjalankan kuasa Hakimiyah Allah dengan undang-undang dan peraturan yang bukan dari Allah atau memperhambakan manusia dengan kuasa Hakimiyah ini tanpa memulangkan mereka kepada Allah.... sudah tentu ia tidak dapat menerima kumpulan itu sama seperti Fir'aun tidak dapat menerima da'wah Musa yang mengajak manusia beriman kepada Allah Tuhan semesta alam, juga tidak sanggup menerima pengumuman ahli-ahli sihir yang mengaku beriman kepada Allah "Rabbul-'Alamin", dan sama seperti Fir'aun dan para pembesarnya terus berdegil menolak da'wah ini walaupun berbagai-bagai mu'jizat telah ditunjukkan kepada mereka dan berbagai-bagai bala dan malapetaka telah di timpa kan ke atas mereka seperti bencana-bencana kemarau, penyakit-penyakit, kebuluran dan sebagainya. Semua bencana ini - pada hemat mereka - adalah lebih ringan dan lebih mudah dari menerima konsep "Rububiyah Allah yang menguasai seluruh alam" kerana konsep ini mengandungi makna yang jelas dan terus terang iaitu memecat mereka dari kuasa palsu yang dirampaskan mereka dari Allah dan menggunakannya untuk memperhambakan manusia kepada yang lain dari Allah "Rabbul-'Alamin."

Dari semua tayangan mu'jizat-mu'jizat ini juga ternyata langkah-langkah perencanaan Allah untuk menghukum golongan manusia yang menolak da'wah Rasul, iaitu mula-mula dengan menimpakan 'azab kesusahan dan keseksaan, kemudian menimpakan bala dalam bentuk kesenangan dan kemudahan, kemudian pada akhirnya menurunkan 'azab yang membinasakan mereka di samping mengurniakan kedudukan yang kukuh kepada golongan manusia yang beriman yang selama ini ditindas dan dihina:

وَأَوْرَثْنَا ٱلْقَوْمَ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ يُسْتَضْعَفُونَ مَشَٰرِقَ ٱلْأَرْضِ وَمَغَٰرِبَهَا ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا ۖ وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ ٱلْحُسْنَىٰ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ بِمَا صَبَرُوا۟ ۖ وَدَمَّرْنَا مَا كَانَ يَصْنَعُ فِرْعَوْنُ وَقَوْمُهُۥ وَمَا كَانُوا۟ يَعْرِشُونَ ﴿١٣٧﴾

"Dan Kami telah mewariskan kepada kaum Bani Israel yang telah tertindas itu negeri-negeri di Timur dan di Barat yang Kami berkatinya dengan kesenangan-kesenangan. Dan kini telah terlaksanalah keputusan-keputusan yang baik dari Tuhanmu terhadap Bani Israel kerana kesabaran mereka dan Kami telah membinasakan apa yang telah dibuat oleh Fir'aun dan kaumnya dan apa yang dibinakan mereka."(137)

• Tetapi kaum Bani Israel telah dikongkong oleh tabi'at dan perilaku mereka yang berbelit-belit dan buruk. Akibatnya mereka telah menyeleweng dari perintah Allah sebagaimana dijelaskan oleh Al-Qur'an. Mereka telah melakukan berbagai-bagai perbuatan tipu helah, putar belit dan mengelakkan diri dari tugas dan tanggungjawab yang menyusahkan dan menyulitkan nabi mereka, pemimpin mereka dan penyelamat mereka Musa a.s. Mereka melanggar perintah dan mengingkari ni'mat-ni'mat, mereka tidak jujur dan tidak bersyukur, dan perbuatan-perbuatan yang buruk ini dilakukan mereka berulang-ulang kali selepas diampunkan Allah sekali demi sekali sehingga akhirnya mereka dibinasakan Allah:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَن يَسُومُهُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ ۗ إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ ٱلْعِقَابِ ۖ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٧﴾

"Dan kenangilah ketika Tuhanmu mengumumkan bahawa Dia akan membangkitkan kepada mereka sehingga hari Qiamat kaum-kaum yang akan meng'azabkan mereka dengan 'azab keseksaan yang seburuk-buruknya. Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas menimpakan 'azab-Nya dan Dia juga Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(167)

Ancaman Allah amat benar dan tepat dan kebenaran-kebenarannya pasti dapat di lihat pada hari yang mendatang. Itulah pusingan-pusingan atau giliran-giliran yang akan berlaku kepada mereka di dalam sejarah sehingga apabila mereka bertindak keterlaluan dan sewenang-wenang, melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan masyarakat manusia dan berlagak angkuh dan bermaharajalela, maka Allah akan mengirim kepada mereka kaum yang akan meng'azabkan mereka dengan keseksaan yang seburuk-buruknya sehingga hari Qiamat.

• Akhirnya, surah ini ialah Surah Makkiyah, di mana diceritakan tentang penyelewengan-penyelewengan, putar belit, penderhakaan dan tabi'at-tabi'at Bani Israel yang buruk, sedangkan golongan orientalis Yahudi dan Kristian mendakwa bahawa Muhammad s.a.w. pada mulanya tidak pernah menyerang kaum Yahudi melalui Al-Qur'an melainkan setelah beliau hilang harapan sewaktu berada di Madinah untuk mendapat sambutan dari kaum Yahudi di sana. Semasa beliau berada di Makkah beliau memberi layanan yang baik kepada kaum Yahudi begitu juga semasa di peringkat awal beliau berada di Madinah. Menurut dakwaan mereka dalam tempoh-tempoh tersebut beliau tidak menyampaikan ayat-ayat Al-Qur'an yang menyerang kaum Yahudi, malah Al-Qur'an menceritakan kepada mereka tentang pertemuan keturunan bangsa Arab dengan keturunan bangsa Yahudi melalui moyang mereka Nabi Ibrahim a.s. kerana mengharap mereka memeluk agama Islam. Tetapi setelah beliau hilang harapan terhadap mereka, barulah beliau mula menyerang mereka dengan hebat. Apa yang didakwakan mereka adalah bohong semata-mata kerana Surah Makkiyah (Surah al-A'raf ini) telah pun memuat cerita yang benar mengenai kaum Yahudi. Tidak ada beza di antara cerita mereka yang disebut dalam surah ini (Surah Makkiyah) dengan cerita mereka yang disebut dalam Surah al-Baqarah (Surah Madaniyah). Kebenaran cerita-cerita itu tidak berubah. Apabila kita lewati ayat-ayat dari ayat (163) hingga ayat (170) dalam surah ini yang disifatkan sebagai ayat-ayat yang diturunkan di Madinah, di mana terdapat ayat yang menerangkan pemberitaan dari Allah bahawa Dia akan menghantar kepada Bani Israel kaum-kaum yang akan menimpakan ke atas mereka seburuk-buruk 'azab keseksaan sehingga hari Qiamat. Ayat-ayat sebelum ayat-ayat ini dan ayat-ayat selepasnya merupakan ayat-ayat yang tidak syak lagi diturunkan di Makkah, telah pun memuat cerita yang betul tentang tabi'at Bani Israel, dan di dalam ayat-ayat ini juga disebut cerita mereka menyembah patung anak lembu dan cerita mereka meminta kepada Nabi Musa supaya mengadakan sebuah berhala untuk disembah mereka, sedangkan mereka di waktu itu dalam perjalanan keluar dari negeri Mesir atas perintah Allah Yang Maha Esa, juga cerita mereka digegarkan dengan gempa kerana mereka enggan beriman kecuali mereka dapat melihat Allah secara terang-terangan, juga cerita mereka menukarkan perkataan dari Allah yang diajar kepada mereka semasa memasuki sebuah negeri dan lain-lain cerita dari cerita-cerita yang menolak dakwaan dan pemandangan golongan orientalis yang telah membohongi sejarah setelah membohongi Allah dan rasul-Nya. Tokoh-tokoh orientalis inilah yang telah dijadikan sebagai mahaguru-mahaguru sejarah oleh setengah-setengah penulis-penulis Islam yang menulis tentang Islam.

Setakat ini cukuplah huraian mengenai ciri-ciri pokok dalam kisah Musa sehingga kita hadapi nas-nasnya dengan penjelasan yang terperinci.

* * * * * *

Jika kisah Musa yang panjang itu diceritakan dalam surah ini - semasa ditayangkan angkatan iman - untuk memperlihatkan langkah-langkah perencanaan hukuman Allah terhadap golongan manusia yang mendustakan Rasul dan untuk menggambarkan hubungan di antara nilai-nilai keimanan dengan Sunnatullah di dalam kehidupan manusia, maka kisah ini juga diceritakan untuk maksud menerangkan tabi'at keimanan dan tabi'at kekufuran yang digambarkan menerusi watak-watak cerita dan adegan-adegannya. Kisah ini diakhiri dengan pemandangan upacara perjanjian Allah dengan Bani Israel di bawah ancaman 'azab Allah yang besar, yang dapat di lihat dengan jelas:

وَإِذْ نَتَقْنَا ٱلْجَبَلَ فَوْقَهُمْ كَأَنَّهُۥ ظُلَّةٌ وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُۥ وَاقِعٌۢ بِهِمْ خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱذْكُرُوا۟ مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧١﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami mengangkat Bukit (Tursina) ke atas mereka (Bani Israel) seolah-olah kelihatan seperti payungan awan dan mereka yakin bukit itu akan jatuh menimpa mereka lalu Kami berfirman: Ambillah dan peganglah kitab Taurat yang Kami kurniakan kepada kamu dengan sekuat-kuatnya dan ingatlah segala isi kandungannya supaya kamu bertaqwa."(171)

Oleh sebab itu selepas upacara perjanjian ini diiringi pula dengan upacara perjanjian Allah dengan fitrah seluruh manusia:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَٰذَا غَٰفِلِينَ ﴿١٧٢﴾

أَوْ تَقُولُوٓا۟ إِنَّمَآ أَشْرَكَ ءَابَآؤُنَا مِن قَبْلُ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِّنۢ بَعْدِهِمْ ۖ أَفَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿١٧٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam dari sulbi mereka dan menjadikan mereka sebagai saksi terhadap diri mereka sendiri (seraya bertanya:) Benarkah Aku ini Tuhan kamu? Jawab mereka: 'Ya benar! Kami mengaku,' supaya kamu tidak berdalih pada hari Qiamat (dengan mengatakan): Sesungguhnya Kami tidak tahu menahu tentang hal ini (172). Atau kamu berdalih (dengan mengatakan): Yang sebenarnya datuk nenek kamilah yang telah melakukan perbuatan syirik itu sebelum ini, sedangkan kami hanya zuriat keturunan yang datang selepas mereka. Oleh itu (wahai Tuhanku) apakah Engkau hendak membinasakan kami kerana perbuatan syirik yang telah dilakukan oleh datuk nenek kami yang sesat itu?"(173)

Selepas pemandangan ini diiringi pula dengan pemandangan seorang tokoh (Bani Israel) yang telah melucutkan dirinya dari perjanjian itu di samping melucutkan dirinya dari pengetahuan mengenai ayat-ayat Allah yang telah ditunjukkan Allah kepadanya. Pemandangan ini amat menarik. Ia mengandungi saranan-saranan yang kuat supaya menjauhkan diri dari perbuatan melucut atau menghindarkan diri dari perjanjian atau pengetahuan dan supaya mengingati akibat buruknya yang dapat disaksikan dengan mata kepala:

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ٱلَّذِىٓ ءَاتَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا فَٱنسَلَخَ مِنْهَا فَأَتْبَعَهُ ٱلشَّيْطَٰنُ فَكَانَ مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿١٧٥﴾

وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَٰهُ بِهَا وَلَٰكِنَّهُۥٓ أَخْلَدَ إِلَى ٱلْأَرْضِ وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ ۚ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرُكْهُ يَلْهَث ۚ ذَّٰلِكَ مَثَلُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا ۚ فَٱقْصُصِ ٱلْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾

سَآءَ مَثَلًا ٱلْقَوْمُ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَأَنفُسَهُمْ كَانُوا۟ يَظْلِمُونَ ﴿١٧٧﴾

"Dan bacalah kepada mereka cerita seorang tokoh yang Kami kurniakan pengetahuan mengenai ayat-ayat Kami (Taurat) kemudian dia menghindarkan diri darinya lalu ia diikuti syaitan dan akhirnya ia termasuk ke dalam golongan orang-orang yang sesat (175). Dan jika Kami kehendaki nescaya Kami mengangkatkan darjatnya dengan ilmu pengetahuan itu, tetapi (sayang) dia telah mengabdikan (kecintaannya) kepada dunia dan mengikut hawa nafsu, oleh itu bandingannya sama seperti anjing. Jika engkau usirkannya ia menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah dan jika engkau membiarkannya ia tetap juga menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah. Itulah bandingan golongan manusia yang suka mendustakan ayat-ayat Kami. Oleh sebab itu ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir (176). Amatlah buruk bandingan golongan manusia yang mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka adalah orang yang menzalimi diri mereka sendiri."(177)

Kemudian diiringi pula dengan pernyataan mengenai tabi'at keimanan dan tabi'at kekufuran, di mana dijelaskan bahawa kekufuran itu adalah berpunca dari kerosakan dalam peralatan fitrah dan kerosakan inilah yang menghalangkan seorang dari menerima hidayat Allah dan pada akhirnya ia akan membawa kerugian yang amat besar:

مَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِى ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٧٨﴾

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا

يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ
لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۚ أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ
أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

"Sesiapa yang dikurniakan Allah hidayat, maka dialah orang yang mendapat hidayat dan sesiapa yang disesatkan Allah, maka merekalah orang-orang yang rugi (178). Dan sesungguhnya Kami menciptakan untuk Neraka Jahannam sebilangan besar dari umat-umat jin dan manusia, iaitu mereka mempunyai hati (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk berfikir, mereka mempunyai mata (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk melihat dan mereka mempunyai telinga (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk mendengar. Mereka sama seperti binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi. Merekalah orang-orang yang lalai."(179)

Kemudian penjelasan ini diiringi pula dengan satu peringatan untuk menarik perhatian kaum Musyrikin yang menentang dan menolak da'wah Islam di Makkah. Mereka menyalahgunakan nama-nama Allah dan dari nama-nama itu mereka keluarkan nama-nama untuk menamakan tuhan-tuhan palsu mereka, juga untuk mengancam mereka dengan bala istidraj dari Allah, juga untuk mengajak mereka supaya berfikir secara mendalam dan jauh dari dorongan hawa nafsu tentang kawan mereka Muhammad s.a.w. yang mengajak mereka menerima hidayat Allah, iaitu orang yang mereka buruk-burukkannya sebagai orang gila dan seterusnya mengajak mereka berfikir dan meneliti kejadian-kejadian di langit dan di bumi, meneliti bukti-bukti yang membawa keimanan yang terdapat di merata lembaran alam buana dan mengingatkan mereka terhadap kedatangan maut yang sentiasa mengawasi mereka, sedangkan mereka tidak sedar:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ
فِي أَسْمَائِهِ ۚ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾
وَمِمَّنْ خَلَقْنَا أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِالْحَقِّ وَبِهِ يَعْدِلُونَ ﴿١٨١﴾
وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٢﴾
وَأُمْلِي لَهُمْ ۚ إِنَّ كَيْدِي مَتِينٌ ﴿١٨٣﴾
أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا ۗ مَا بِصَاحِبِهِم مِّن جِنَّةٍ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا
نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١٨٤﴾
أَوَلَمْ يَنظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا
خَلَقَ اللَّهُ مِن شَيْءٍ وَأَنْ عَسَىٰ أَن يَكُونَ قَدِ اقْتَرَبَ
أَجَلُهُمْ ۖ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٥﴾
مَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ ۚ وَيَذَرُهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ
يَعْمَهُونَ ﴿١٨٦﴾

"Allah mempunyai nama-nama yang paling indah. Oleh itu berdo'alah dengan nama-nama ini. Dan tinggallah orang-orang yang menyalahgunakan nama-nama Allah. Mereka akan dikenakan balasan (yang setimpal) terhadap perbuatan yang dilakukan mereka (180). Dan di antara (umat-umat) yang Kami telah ciptakan ialah satu umat yang memberi hidayat dengan agama yang benar dan dengan agama ini mereka menegakkan keadilan (181). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami akan Kami tarikkan mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) dari arah yang tidak diketahui mereka (182). Dan Aku memberi tempoh yang cukup kepada mereka. Sesungguhnya rancangan pembalasan-Ku amat rapi (183). Apakah mereka tidak berfikir bahawa sahabat mereka (Muhammad) itu tidak sekali-kali mengidap penyakit gila. Dia tidak lain melainkan seorang rasul yang menyampaikan amaran yang jelas (184). Apakah mereka tidak melihat dengan teliti kerajaan-kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang telah diciptakan Allah dan memikirkan kemungkinan dekatnya ajal mereka. Oleh itu penjelasan yang mana lagi yang mahu dipercayai mereka selepas penjelasan Allah (185). Sesiapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang sanggup memberi hidayat kepadanya dan Allah akan membiarkan mereka meraba-raba dalam kesesatan mereka."(186)

Kemudian diikuti pula dengan persemukaan dengan kaum Musyrikin yang menolak hari Qiamat dan mengemukakan pertanyaan: Bilakah Qiamat itu akan berlaku? Persemukaan ini bertujuan untuk menjelaskan betapa besarnya urusan Qiamat dan betapa dahsyat huru-haranya yang dipandang kecil oleh mereka, di samping menjelaskan tabi'at risalah, tabi'at Rasul, hakikat Uluhiyah dan ciri-cirinya yang tertentu bagi Allah sahaja dan di antaranya ialah pengetahuan mengenai urusan ghaib dan penentuan masa Qiamat:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ
رَبِّي ۖ لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ ۚ ثَقُلَتْ فِي السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ ۚ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً ۗ يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا ۖ
قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ اللَّهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا
يَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾
قُل لَّا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ ۚ
وَلَوْ كُنتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَاسْتَكْثَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ
وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ ۚ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ
يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٨﴾

"Mereka menanyakan engkau tentang hari Qiamat, bilakah waktu berlakunya? Jawablah: Pengetahuan mengenai waktu kedatangan Qiamat ini hanya tersimpan di sisi Tuhanku sahaja. Tiada siapa yang dapat menjelaskannya kecuali Dia. Kedatangannya melahirkan akibat yang amat berat di langit dan di bumi dan ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mendadak. Mereka bertanya engkau seolah-olah engkau benar-benar mengetahui kedatangan hari Qiamat itu. Katakanlah kepada mereka: Sesungguhnya pengetahuan tentang kedatangan Qiamat itu hanya tersimpan di sisi Allah sahaja, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (187). Katakanlah: (Wahai Muhammad) aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu kemanfa'atan kepada diriku dan tidak pula berkuasa menolak sesuatu kemudharatan dari diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan jika Aku mengetahui urusan ghaib tentulah aku berusaha untuk mendapatkan sebanyak-banyak kebajikan dan tentulah Aku tidak pernah disentuh oleh sesuatu kesusahan. Sebenarnya aku ini tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran dan menyampaikan berita gembira kepada golongan orang-orang yang beriman."(188)

Selepas persemukaan dengan kaum Musyrikin itu diiringi pula dengan penjelasan tentang tabi'at syirik, tentang sebab-sebab penyelewengan dari perjanjian fitrah yang mengaku mentauhidkan Allah dan bagaimana penyelewengan itu berlaku di dalam jiwa manusia. Penjelasan ini seolah-olah menggambarkan penyelewengan yang berlaku kepada kaum Musyrikin di masa itu, sedangkan datuk nenek mereka di zaman dahulu berpegang teguh dengan agama tauhid yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s.:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا ۖ فَلَمَّا تَغَشَّىٰهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا فَمَرَّتْ بِهِۦ ۖ فَلَمَّآ أَثْقَلَت دَّعَوَا ٱللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ ءَاتَيْتَنَا صَٰلِحًا لَّنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٨٩﴾ فَلَمَّآ ءَاتَىٰهُمَا صَٰلِحًا جَعَلَا لَهُۥ شُرَكَآءَ فِيمَآ ءَاتَىٰهُمَا ۚ فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٩٠﴾ أَيُشْرِكُونَ مَا لَا يَخْلُقُ شَيْـًٔا وَهُمْ يُخْلَقُونَ ﴿١٩١﴾ وَلَا يَسْتَطِيعُونَ لَهُمْ نَصْرًا وَلَآ أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٢﴾

"Dialah yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu dan darinya dia menciptakan isterinya supaya ia dapat bermesra dengannya. Kemudian apabila ia mencampuri isterinya, ia pun hamil dengan kandungan yang ringan dan ia terus berkembang dengannya, kemudian apabila kandungannya dirasa berat, lantas kedua-duanya berdo'a kepada Allah Tuhan mereka: (Wahai Tuhan kami!) Jika Engkau kurniakan kepada kami anak yang soleh, nescaya jadilah kami dari golongan orang-orang yang bersyukur (189). (Tetapi) apabila Allah mengurniakan kepada mereka anak yang soleh, mereka pun mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah sehubungan dengan anak yang dikurniakan Allah kepada mereka. Maha Suci Allah dari sekutu-sekutu yang diada-adakan mereka (190). Apakah wajar mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak pernah menciptakan kejadian apa pun, sedangkan sekutu-sekutu itu sendiri diciptakan Allah (191). Dan sekutu-sekutu itu tidak berkuasa menolong mereka dan tidak pula dapat menolong diri sendiri."(192)

Ayat-ayat ini menggambarkan generasi-generasi manusia yang bersilih ganti dengan gambaran keadaan-keadaan yang berturut-turut berlaku pada diri manusia yang satu, iaitu satu gambaran yang mempunyai makna-makna yang menarik dari segi kebenaran dan keindahannya.

Oleh sebab tujuan ayat-ayat ini untuk menggambarkan keadaan kaum Musyrikin yang dihadapi oleh Al-Qur'an, maka ayat-ayat yang berikut berpindah secara langsung dari cara membuat perbandingan kepada bercakap secara langsung dengan mereka, dan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mencabar mereka dan Tuhan mereka:

وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَتَّبِعُوكُمْ ۚ سَوَآءٌ عَلَيْكُمْ أَدَعَوْتُمُوهُمْ أَمْ أَنتُمْ صَٰمِتُونَ ﴿١٩٣﴾ إِنَّ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ عِبَادٌ أَمْثَالُكُمْ ۖ فَٱدْعُوهُمْ فَلْيَسْتَجِيبُوا۟ لَكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٩٤﴾ أَلَهُمْ أَرْجُلٌ يَمْشُونَ بِهَآ ۖ أَمْ لَهُمْ أَيْدٍ يَبْطِشُونَ بِهَآ ۖ أَمْ لَهُمْ أَعْيُنٌ يُبْصِرُونَ بِهَآ ۖ أَمْ لَهُمْ ءَاذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا ۗ قُلِ ٱدْعُوا۟ شُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنظِرُونِ ﴿١٩٥﴾ إِنَّ وَلِۦِّىَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾ وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَكُمْ وَلَآ أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٧﴾ وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَسْمَعُوا۟ ۖ وَتَرَىٰهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ وَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٩٨﴾

"Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan yang betul, nescaya mereka tidak dapat mengikut kehendak kamu. Sama sahaja hasilnya kepada kamu sama ada kamu menyeru mereka atau kamu tinggal diam membisu (193). Sesungguhnya sekutu-sekutu yang kamu pohon selain dari Allah itu adalah hamba-hamba (makhluk-makhluk) yang sama seperti kamu (jika tidak) silalah kamu pohon kepada mereka dan biarlah mereka menyambut permohonan kamu jika kamu orang-orang yang benar (194). Apakah mereka (sekutu-sekutu) itu mempunyai kaki-kaki yang dapat mereka berjalan dengannya atau mempunyai tangan yang dapat mereka memukul dengannya atau mempunyai mata-mata yang dapat mereka melihat dengannya atau mempunyai telinga-telinga yang dapat mereka mendengar dengannya. Katakanlah (wahai Muhammad): Panggillah sekutu-sekutu kamu itu kemudian lakukanlah angkara tipudaya terhadapku (dengan segera) dan janganlah kamu memberi sebarang tangguhan kepada aku (195). Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh (196). Dan sekutu-sekutu yang kamu pohon pertolongan selain dari Allah itu tidak berkuasa menolong kamu dan tidak pula berkuasa menolong diri mereka sendiri (197). Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan hidayat nescaya mereka tidak dapat mendengarnya dan engkau memandang mereka melihat kepada kamu, sedangkan sebenarnya mereka tidak dapat melihat."(198)

* * * * * *

Di akhir surah ini, pembicaraan ditujukan kepada Rasululah s.a.w. dan kepada umat Muslimin. Beliau diarah supaya berlapang dada terhadap manusia semasa berda'wah dan mengawal diri dari perasaan marah kerana sesuatu kecuaian atau sesuatu bantahan dan bangkangan yang keluar dari mereka, juga diarah memohon perlindungan kepada Allah dari kejahatan syaitan yang merangsangkan perasaan marah, bosan dan dendam:

خُذِ ٱلْعَفْوَ وَأْمُرْ بِٱلْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿١٩٩﴾ وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ ۚ إِنَّهُۥ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٠٠﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ إِذَا مَسَّهُمْ طَٰٓئِفٌ مِّنَ ٱلشَّيْطَٰنِ تَذَكَّرُوا۟ فَإِذَا هُم مُّبْصِرُونَ ﴿٢٠١﴾ وَإِخْوَٰنُهُمْ يَمُدُّونَهُمْ فِى ٱلْغَىِّ ثُمَّ لَا يُقْصِرُونَ ﴿٢٠٢﴾ وَإِذَا لَمْ تَأْتِهِم بِـَٔايَةٍ قَالُوا۟ لَوْلَا ٱجْتَبَيْتَهَا ۚ قُلْ إِنَّمَآ أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ مِن رَّبِّى ۚ هَٰذَا بَصَآئِرُ مِن رَّبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠٣﴾

"Ambillah sikap memberi kemaafan dan suruhlah (mereka) melakukan amalan yang ma'ruf dan berpalinglah dari orang-orang yang jahil (199). Dan jika engkau diganggu godaan dari syaitan, maka hendaklah engkau mencari perlindungan pada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (200). Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa apabila mereka diganggu sesuatu fikiran yang buruk dari syaitan-syaitan, mereka terus teringat kepada Allah dan lantas mereka dapat melihat jalan yang benar (201). Sedangkan saudara-saudara syaitan (orang-orang kafir dan fasiq) dibantu oleh syaitan di dalam kegiatan-kegiatan yang sesat itu dan mereka tidak berhenti memberi bantuan itu (202). Dan jika engkau tidak membawa kepada mereka sesuatu mu'jizat mereka berkata: Mengapa engkau tidak membuat mu'jizat itu sendirian? Jawablah: Sesungguhnya aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepada aku dari Tuhanku. Al-Qur'an ini adalah wawasan-wawasan dari Tuhan kamu dan (sumber) hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman."(203)

Arahan ini mengingatkan kita kepada arahan yang disebut di permulaan surah:

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيْكَ فَلَا يَكُن فِى صَدْرِكَ حَرَجٌ مِّنْهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad) oleh itu janganlah ada sesuatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya menjadi peringatan kepada orang-orang yang beriman."(2)

Ayat ini menyarankan betapa beratnya tugas mengajak manusia kepada agama Allah dan menghadapi keladak-keladak di dalam jiwa mereka dalam bentuk berbagai-bagai penyakit, penyelewengan-penyelewengan, kepentingan-kepentingan diri, keinginan-keinginan hawa nafsu, kelalaian, kebebalan dan kecuaian yang memerlukan kesabaran, langkah-langkah yang memberi kemudahan dan kejujuran menyusur jalan yang betul.

Kemudian diiringi dengan arahan menyediakan bekalan-bekalan yang tertentu untuk menghadapi kesukaran-kesukaran di perjalanan, iaitu mendengar bacaan Al-Qur'an dengan teliti, mengingati Allah pada setiap masa dan suasana, berwaspada dari kelalaian dan mencontohi para malaikat yang Muqarrabin di dalam mengingati Allah dan mengerjakan ibadat:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾ وَٱذْكُر رَّبَّكَ فِى نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ ٱلْجَهْرِ مِنَ ٱلْقَوْلِ بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْءَاصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴿٢٠٥﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسْجُدُونَ ۩ ﴿٢٠٦﴾

"Apabila dibacakan Al-Qur'an, maka hendaklah kamu dengar dan perhatikannya dengan tenang supaya kamu

dicucurkan rahmat (204). Dan ingatilah Tuhanmu di dalam hatimu dengan rasa rendah diri dan takut dan tanpa menyaringkan sebutan perkataan di waktu awal pagi dan petang dan janganlah engkau jadi dari golongan orang-orang yang lalai (205). Sesungguhnya para malaikat yang berada di sisi Tuhanmu tidak berlagak angkuh untuk beribadat kepada-Nya dan mereka sentiasa bertasbih dan sujud kepada-Nya."(206)

Itulah bekalan dalam perjalanan da'wah, itulah adab beribadat dan itulah jalan para malaikat Muqarrabin menyampaikan kepada Allah.

Setakat ini cukuplah dengan penjelasan sepintas lalu ini agar kita dapat mengkaji nas-nas selanjutnya surah ini dengan terperinci : [2]

قَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ لَنُخْرِجَنَّكَ يَٰشُعَيْبُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَكَ مِن قَرْيَتِنَآ أَوْ لَتَعُودُنَّ فِى مِلَّتِنَا ۚ قَالَ أَوَلَوْ كُنَّا كَٰرِهِينَ ﴿٨٨﴾

قَدِ ٱفْتَرَيْنَا عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا إِنْ عُدْنَا فِى مِلَّتِكُم بَعْدَ إِذْ نَجَّىٰنَا ٱللَّهُ مِنْهَا ۚ وَمَا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّعُودَ فِيهَآ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّنَا ۚ وَسِعَ رَبُّنَا كُلَّ شَىْءٍ عِلْمًا ۚ عَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا ۚ رَبَّنَا ٱفْتَحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِٱلْحَقِّ وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْفَٰتِحِينَ ﴿٨٩﴾

وَقَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ لَئِنِ ٱتَّبَعْتُمْ شُعَيْبًا إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿٩٠﴾

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دَارِهِمْ جَٰثِمِينَ ﴿٩١﴾

ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ شُعَيْبًا كَأَن لَّمْ يَغْنَوْا۟ فِيهَا ۚ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ شُعَيْبًا كَانُوا۟ هُمُ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٩٢﴾

فَتَوَلَّىٰ عَنْهُمْ وَقَالَ يَٰقَوْمِ لَقَدْ أَبْلَغْتُكُمْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّى وَنَصَحْتُ لَكُمْ ۖ فَكَيْفَ ءَاسَىٰ عَلَىٰ قَوْمٍ كَٰفِرِينَ ﴿٩٣﴾

[2] *Ayat-ayat ini yang menjadi kumpulan awal juzu' yang kesembilan telahpun dihurai dan ditafsirkan di akhir juzu' yang kelapan untuk menyempurnakan penceritaan kisah Syu'ayb.*

(Kumpulan ayat-ayat 94 - 102)

وَمَآ أَرْسَلْنَا فِى قَرْيَةٍ مِّن نَّبِىٍّ إِلَّآ أَخَذْنَآ أَهْلَهَا بِٱلْبَأْسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ لَعَلَّهُمْ يَضَّرَّعُونَ ﴿٩٤﴾

ثُمَّ بَدَّلْنَا مَكَانَ ٱلسَّيِّئَةِ ٱلْحَسَنَةَ حَتَّىٰ عَفَوا۟ وَّقَالُوا۟ قَدْ مَسَّ ءَابَآءَنَا ٱلضَّرَّآءُ وَٱلسَّرَّآءُ فَأَخَذْنَٰهُم بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٩٥﴾

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا۟ فَأَخَذْنَٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

أَفَأَمِنَ أَهْلُ ٱلْقُرَىٰٓ أَن يَأْتِيَهُم بَأْسُنَا بَيَٰتًا وَهُمْ نَآئِمُونَ ﴿٩٧﴾

أَوَأَمِنَ أَهْلُ ٱلْقُرَىٰٓ أَن يَأْتِيَهُم بَأْسُنَا ضُحًى وَهُمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩٨﴾

أَفَأَمِنُوا۟ مَكْرَ ٱللَّهِ ۚ فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٩٩﴾

أَوَلَمْ يَهْدِ لِلَّذِينَ يَرِثُونَ ٱلْأَرْضَ مِنۢ بَعْدِ أَهْلِهَآ أَن لَّوْ نَشَآءُ أَصَبْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ ۚ وَنَطْبَعُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾

تِلْكَ ٱلْقُرَىٰ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآئِهَا ۚ وَلَقَدْ جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَمَا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوا۟ بِمَا كَذَّبُوا۟ مِن قَبْلُ ۚ كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٠١﴾

وَمَا وَجَدْنَا لِأَكْثَرِهِم مِّنْ عَهْدٍ ۖ وَإِن وَجَدْنَآ أَكْثَرَهُمْ لَفَٰسِقِينَ ﴿١٠٢﴾

"Dan Kami tidak utuskan seorang nabi di dalam sesebuah negeri melainkan Kami timpakan kesusahan dan kesengsaraan ke atas penduduknya supaya mereka tunduk merendahkan diri (94). Kemudian Kami tukarkan kesusahan itu dengan kesenangan sehingga bilangan mereka bertambah ramai dan kehidupan mereka bertambah mewah lalu mereka berkata: "Datuk nenek kami juga pernah di timpa kesusahan dan pernah mendapat kesenangan" Lalu Kami binasakan mereka secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar (95). Sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami bukakan kepada mereka rezeki-rezeki yang berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka telah mendustakan Rasul, lalu Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka (96). Apakah penduduk negeri-negeri itu telah merasa aman dari di timpa 'azab Kami di waktu malam ketika mereka sedang tidur nyenyak? (97) Atau apakah penduduk negeri-negeri itu telah merasa aman dari di timpa 'azab Kami di waktu pagi ketika mereka sedang asyik bermain-main?(98). Apakah mereka telah merasa aman dari rancangan pembalasan Allah? Tiada yang merasa aman dari rancangan pembalasan Allah kecuali golongan manusia yang rugi (99). Apakah belum jelas kepada orang-orang yang mewarisi negeri itu setelah penduduknya dibinasakan Allah bahawa jika Kami kehendaki tentulah Kami berkuasa menimpakan malapetaka ke atas mereka kerana dosa-dosa mereka dan menutup matahati mereka menyebabkan mereka tidak dapat lagi mendengar (pengajaran dan nasihat)(100). Itulah negeri-negeri (yang telah binasa) yang Kami ceritakan sebahagian dari cerita-ceritanya kepada kamu dan sesungguhnya penduduk-penduduknya telah didatangi oleh rasul-rasul mereka membawa berbagai-bagai bukti yang nyata, tetapi mereka tidak sekali-kali beriman kepada apa yang telah didustakan mereka sebelum ini. Demikianlah Kami menutup matahati orang-orang kafir.(101) Dan Kami tidak dapati kebanyakan mereka menepati perjanjian. Sesungguhnya Kami dapati kebanyakan mereka fasiq belaka."(102)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah satu lagi tempat perhentian dalam penjelasan surah ini untuk mengemukakan ulasan dan komentar ke atas kisah-kisah kaum Nuh, kaum Hud, kaum Soleh, kaum Lut dan kaum Syu'ayb yang silam untuk menjelaskan perjalanan Sunnatullah yang ditentukan oleh kehendak iradat Allah dan direalisasikan oleh perencanaan-Nya terhadap kaum-kaum yang mendustakanpara rasul di setiap negeri. Dimaksudkan dengan kata-kata "قرية" di dalam Al-Qur'an ialah bandar besar atau bandar pusat sesebuah negeri. Itulah Sunnatullah yang sama yang menghukumkan kaum-kaum yang mendustakan rasul dan mencorakkan sejarah manusia dalam aspeknya yang kuat, iaitu ia menghukumkan kaum-kaum pendusta itu dengan menimpakan kesusahan dan keseksaan ke atas mereka dengan harapan supaya hati mereka yang keras itu menjadi lembut dan kembali kepada Allah, juga supaya hati mereka mengenal hakikat Uluhiyah Allah dan hakikat 'Ubudiyah manusia kepada hakikat Uluhiyah Allah Yang Maha Kuasa itu, tetapi apabila mereka tidak juga insaf dan menyambut da'wah, maka Allah akan menghukum mereka dengan bala kesenangan dan kemewahan hidup, di mana pintu-pintu rezeki yang melimpah ruah dibukakan kepada mereka. Dia membiarkan mereka membiak subur dan bilangan mereka bertambah ramai serta kehidupan mereka bertambah mewah. Semuanya ini untuk menguji mereka sehingga apabila kesenangan dan kemewahan itu membawa mereka lupa daratan, berkelakuan sewenang-wenang dan bebas lepas, lalai, cuai dan tidak peduli serta berfikir bahawa segala urusan kehidupan manusia itu berlaku secara serampangan sahaja tanpa apa-apa tujuan dan matlamat dan pada hemat mereka perubahan kesenangan kepada kesusahan merupakan perkara biasa yang tidak mempunyai apa-apa hikmat dan tujuan ujian, di sebaliknya apa yang dilakukan kepada mereka adalah berlaku kepada datuk nenek mereka sebelum ini kerana beginilah caranya urusan kehidupan manusia itu berlalu tanpa di tadbir dan direncanakan oleh sesiapa, mereka berkata: "Datuk nenek kami juga pernah di timpa kesusahan dan pernah mendapat kesenangan... apabila fikiran mereka sampai ke tahap ini, maka mereka akan dibinasakan Allah secara mendadak, sedangkan mereka mengelamun di dalam kelalaian. Mereka tidak memahami hikmat Allah yang menguji mereka dengan kesenangan dan kesusahan. Mereka tidak memikirkan hikmat kebijaksanaan Allah yang mengaturkan perubahan-perubahan di dalam kehidupan manusia. Mereka tidak takut dan bimbang kepada kemurkaan Allah terhadap golongan manusia yang berkelakuan sewenang-wenang dan lalai cuai. Mereka hidup seperti haiwan ternakan, malah lebih sesat lagi sehingga mereka dibinasakan Allah. Seandainya mereka beriman dan bertaqwa kepada Allah tentulah keadaan kehidupan mereka berubah, tentulah mereka akan dicucuri Allah dengan berbagai-bagai kebajikan dan keberkatan hidup, tentulah Allah akan melimpahkan rezeki-Nya ke atas mereka dari langit dan bumi dan tentulah Allah akan mengurniakan kepada mereka ni'mat-ni'mat kesenangan hidup yang penuh berkat yang membuat hidup mereka aman dan tenteram dan tidak bertukar kepada kesengsaraan dan kebinasaan.

Kemudian Allah mengingatkan orang-orang yang mewarisi sesuatu negeri setelah dibinasakan penduduk asalnya supaya jangan lalai dan terpedaya dan supaya mereka sentiasa sedar dan bertaqwa. Allah menarik perhatian mereka supaya mengambil pengajaran dari kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum yang lampau, yang telah mewarisi negeri-negeri tertentu setelah dibinasakan penduduk asalnya. Mereka harus ingat bahawa Sunnatullah yang tidak pernah berubah itu sedang menunggu mereka. Itulah Sunnatullah yang mencorak dan mengubahkan sejarah manusia di sepanjang abad.

Kemudian perhentian ini di akhiri dengan sebuah pernyataan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w.:

بِمَا كَذَّبُوا مِن قَبْلُ ۚ كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ الْكَافِرِينَ ﴿١٠١﴾

"Itulah negeri-negeri (yang telah binasa), yang Kami ceritakan sebahagian dari cerita-ceritanya kepada kamu dan sesungguhnya penduduk-penduduk (negeri itu) telah didatangi oleh rasul-rasul mereka membawa berbagai-bagai bukti yang nyata, tetapi mereka tidak sekali-kali beriman kepada apa yang telah didustakan mereka sebelum ini. Demikianlah Kami menutup matahati orang-orang yang kafir"(101)

untuk menunjukkan kepada beliau bagaimana Sunnatullah telah bertindak ke atas negeri-negeri itu dan menjelaskan hakikat negeri-negeri itu dan penduduk-penduduknya:

وَمَا وَجَدْنَا لِأَكْثَرِهِم مِّنْ عَهْدٍ ۖ وَإِن وَجَدْنَا أَكْثَرَهُمْ لَفَاسِقِينَ ﴿١٠٢﴾

"Dan Kami tidak dapati kebanyakan mereka menepati perjanjian. Sesungguhnya Kami dapati kebanyakan mereka fasiq belaka."(102)

Selaku Rasul terakhir, Nabi Muhammad s.a.w. dan umatnya merupakan pewaris-pewaris seluruh risalah Allah dan merekalah yang dapat mengambil faedah dari kisah-kisah para rasul dan pengajaran-pengajarannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 94 - 96)

وَمَا أَرْسَلْنَا فِي قَرْيَةٍ مِّن نَّبِيٍّ إِلَّا أَخَذْنَا أَهْلَهَا بِالْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ لَعَلَّهُمْ يَضَّرَّعُونَ ﴿٩٤﴾ ثُمَّ بَدَّلْنَا مَكَانَ السَّيِّئَةِ الْحَسَنَةَ حَتَّىٰ عَفَوا وَّقَالُوا قَدْ مَسَّ آبَاءَنَا الضَّرَّاءُ وَالسَّرَّاءُ فَأَخَذْنَاهُم بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٩٥﴾ وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

"Dan Kami tidak utuskan seorang nabi dalam sebuah negeri melainkan Kami timpakan kesusahan dan kesengsaraan ke atas penduduknya supaya mereka tunduk merendahkan diri (94). Kemudian Kami tukarkan kesusahan itu dengan kesenangan sehingga bilangan mereka bertambah ramai dan kehidupan mereka bertambah mewah lalu mereka berkata: 'Datuk nenek kami juga pernah di timpa kesusahan dan mendapat kesenangan,' lalu Kami binasakan mereka secara mendadak sedangkan mereka tidak sedar (95). Sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami bukakan kepada mereka rezeki-rezeki yang berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka telah mendustakan rasul-rasul lalu Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka."(96)

Penjelasan ayat-ayat berikut bukan menceritakan tentang suatu kejadian atau peristiwa, malah ia menjelaskan perjalanan Sunnatullah, ia juga bukannya menayangkan perilaku sesuatu kaum, malah ia mengumumkan langkah-langkah perencanaan pembalasan Allah. Dari sini ternyatalah bahawa di sana terdapat satu undang-undang atau Sunnatullah yang mengendalikan urusan-urusan alam dan mengikut undang-undang inilah berlakunya segala peristiwa di alam ini dan bergeraknya sejarah manusia di bumi ini. Risalah itu sendiri - walaupun kedudukannya amat besar - merupakan salah satu saranan untuk merealisasikan undang-undang itu. Jadi undang-undang itu adalah lebih besar dan lebih syumul dari risalah, dan segala urusan alam tidaklah berlangsung secara serampangan, dan manusia bukanlah berdiri di atas kaki sendiri di muka bumi ini sebagaimana yang difikirkan oleh golongan atheis yang menolak Allah di zaman ini. Dan segala sesuatu yang berlaku di alam ini adalah berlaku mengikut pentadbiran Ilahi dan muncul dari hikmat kebijaksanaan Ilahi dan menuju ke arah suatu matlamat yang tertentu, dan di sana pada akhirnya terdapat Sunnatullah yang berkuat kuasa dan berjalan mengikut iradat Allah yang mutlak, dan iradat inilah yang mengaturkan Sunnatullah dan menghendaki undang-undang itu.

Menurut Sunnatullah yang berjalan mengikut kehendak masyi'ah-Nya yang bebas inilah berlakunya kebinasaan negeri-negeri yang mendustakan rasul-rasul sebagaimana diceritakan oleh rangkaian ayat-ayat yang silam dan berlakunya apa yang berlaku kepada negeri-negeri yang lain darinya.

Iradat dan harakat manusia - mengikut kefahaman Islam - merupakan faktor yang penting dalam pergerakan sejarahnya dan dalam pentafsiran sejarah, tetapi iradat dan harakat manusia adalah berlaku dalam frem kehendak masyi'ah Allah yang mutlak dan perencanaan-Nya yang aktif, dan ilmu Allah adalah meliputi segala sesuatu. Iradat dan harakat manusia yang bergerak dalam frem kehendak masyi'ah Allah yang mutlak dan perencanaan-Nya yang aktif itu adalah berinteraksi dengan alam buana seluruhnya. Keduanya menerima dan memberi kesan di alam buana ini. Di sana terdapat berbagai faktor dan alam-alam yang turut mengerakkan sejarah manusia, dan di sana juga terdapat bidang-bidang harakat manusia yang amat luas dan mendalam yang membuat teori-teori "pentafsiran ekonomi terhadap sejarah", "pentafsiran biologi terhadap sejarah", "pentafsiran geografi terhadap sejarah" dan sebagainya kelihatan seperti bintik-bintik yang kecil dalam satu lembaran yang besar dan seperti satu permainan yang kecil dari permainan-permainan manusia yang kerdil.

Manusia Diuji Dengan Kesusahan Dan Kesenangan

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا فِي قَرۡيَةٖ مِّن نَّبِيٍّ إِلَّآ أَخَذۡنَآ أَهۡلَهَا بِٱلۡبَأۡسَآءِ وَٱلضَّرَّآءِ لَعَلَّهُمۡ يَضَّرَّعُونَ ﴿٩٤﴾

"Dan Kami tidak utuskan seorang nabi dalam sebuah negeri melainkan Kami timpakan kesusahan dan kesengsaraan ke atas penduduknya supaya mereka tunduk merendahkan diri."(94)

Oleh itu bukanlah sesuatu permainan - Maha Suci Allah dari-Nya - jika Allah menimpakan kesusahan ke atas manusia, ke atas tubuh badan mereka, ke atas rezeki-rezeki mereka dan ke atas harta benda mereka. Dan tindakan itu bukannya bertujuan untuk melepaskan kemarahan dan geram atau membalas dendam sebagaimana disifatkan oleh dongeng-dongeng paganisme terhadap tuhan-tuhannya yang kejam dan pendendam[3].

Tujuan Allah menimpakan kesusahan dan kesengsaraan ke atas kaum-kaum yang mendustakan rasul-rasul itu ialah kerana tabi'at ujian dengan kesusahan itu dapat membangkit dan menyedarkan fitrah yang masih diharapkan kembali menjadi baik dan dapat melembutkan hati yang keras, yang telah sekian lama tersesat jika ia masih mempunyai saki baki yang dapat diperbaiki. Ujian itu seterusnya dapat mengembalikan insan-insan yang lemah kepada Penciptanya Yang Maha Kuat agar mereka merendahkan diri kepada Allah dan memohon rahmat dan keampunan-Nya. Dan dengan sifat kerendahan diri ini mereka dapat melahirkan 'Ubudiyah mereka kepada Allah, kerana 'Ubudiyah kepada Allah merupakan matlamat kewujudan makhluk insan. Walaupun Allah tidak memerlukan kepada kerendahan diri insan dan kepada pengumuman 'Ubudiyah mereka kepada-Nya:

وَمَا خَلَقۡتُ ٱلۡجِنَّ وَٱلۡإِنسَ إِلَّا لِيَعۡبُدُونِ ﴿٥٦﴾ مَآ أُرِيدُ مِنۡهُم مِّن رِّزۡقٖ وَمَآ أُرِيدُ أَن يُطۡعِمُونِ ﴿٥٧﴾ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلرَّزَّاقُ ذُو ٱلۡقُوَّةِ ٱلۡمَتِينُ ﴿٥٨﴾

"Dan Aku tidak menciptakan makhluk jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri mereka kepada Aku (56). Aku tidak sekali-kali berkehendak kepada sebarang rezeki dari mereka dan tidak pula berkehendak supaya mereka memberi makan kepada-Ku (57). Kerana sesungguhnya Allah itulah Pemberi rezeki (kepada sekalian makhluk) yang mempunyai kekuatan dan kekuasaan yang maha teguh."(58)

(Surah az-Zariat)

ولو اجتمع الإنس والجن – على قلب رجل واحد – على طاعة الله ما زاد هذا في ملكه شيئاً. ولو اجتمع الإنس والجن – على قلب رجل واحد – على معصيته – سبحانه – ما نقصوا في ملكه شيئاً

"Jika seluruh manusia dan jin bersatu padu sebagai hati seorang lelaki untuk menta'ati Allah, maka keta'atan ini tidak menambahkan sesuatu apa pun kepada kebesaran kerajaan-Nya dan jika seluruh manusia dan jin bersatu padu sebagai hati seorang lelaki untuk menderhakakan-Nya - Maha Suci Allah - maka mereka tidak mengurangkan sesuatu apa pun kepada kebesaran kerajaan-Nya."

(Hadith Qudsi)

Tetapi kerendahan diri manusia dan pengumuman 'Ubudiyah mereka kepada Allah hanya memberi kebaikan kepada mereka sahaja, ia memberi kebaikan kepada hidup dan kehidupan mereka. Oleh sebab itu apabila manusia mengisytiharkan 'Ubudiyah mereka kepada Allah, maka ini bererti mereka telah membebaskan diri mereka dari 'Ubudiyah kepada yang lain dari Allah, iaitu mereka membebaskan diri dari 'Ubudiyah kepada syaitan yang sentiasa berusaha untuk menyesatkan mereka sebagaimana diterangkan di awal Surah, membebaskan diri dari 'Ubudiyah kepada hawa nafsu mereka dan membebaskan diri dari 'Ubudiyah kepada sesama manusia yang serupa dengan mereka. Mereka seterusnya merasa malu untuk mengikut jejak-jejak syaitan dan merasa segan untuk melakukan sesuatu perbuatan atau niat yang tidak baik yang membawa kepada kemurkaan Allah, sedangkan di masa kesusahan mereka menghadap Allah dan berdo'a kepada-Nya dengan khusyu' dan rendah diri. Mereka akan berdiri teguh dan jujur mengikut jalan Allah yang telah membebaskan dan membersihkan jiwa mereka serta menyelamatkan mereka dari 'Ubudiyah kepada hawa nafsu dan 'Ubudiyah kepada sesama manusia.

Oleh sebab itulah kehendak masyi'ah Allah memutuskan untuk menimpakan kesusahan ke atas penduduk mana-mana negeri yang mendustakan rasul yang diutuskan kepada mereka. Kesusahan itu akan menyeksakan hati dan jiwa mereka, merosakkan tubuh badan mereka dan merugikan harta kekayaan mereka agar dengan kesusahan itu hati mereka kembali insaf dan sedar, kerana kesusahan dan penderitaan ini merupakan sebaik-baik guru dan pendidik, sebaik-baik dinamit yang memecahkan matair-matair kebajikan yang tersembunyi, sebaik-baik pengasah kepekaan di dalam hati nurani yang hidup dan sebaik-baik pemandu yang membawa kepada naungan rahmat yang menghembuskan bayu-bayu kerehatan dan angin 'afiat kepada orang-orang yang sedang sengsara dan menderita di sa'at-sa'at kesulitan dan kesempitan.

لَعَلَّهُمۡ يَضَّرَّعُونَ ﴿٩٤﴾

"Supaya mereka tunduk merendahkan diri."(94)

---

[3] *Lihat bahagian pertama dari buku* "خصائص التصور الإسلامي" *bab* "تيه وركام" *dan bab* "الإيجابية"

ثُمَّ بَدَّلْنَا مَكَانَ ٱلسَّيِّئَةِ ٱلْحَسَنَةَ

"Kemudian Kami tukarkan kesusahan dengan kesenangan."(95)

Maksudnya, kesenangan mengambil tempat kesusahan, kemudahan mengambil tempat kepayahan, ni'mat mengambil tempat penderitaan-penderitaan, 'afiat mengambil tempat kemudharatan, zuriat yang subur mengambil tempat kemandulan, bilangan yang ramai mengambil tempat bilangan yang kecil dan keamanan mengambil tempat-tempat ketakutan. Seluruh situasi bertukar kepada kesenangan, kemewahan, keni'matan, bilangan yang ramai dan keturunan yang subur, tetapi dalam kacamata hakikat semuanya ini merupakan ujian dan dugaan belaka.

Ujian dengan kesusahan kadang-kadang membuat ramai orang tahan menderitanya dan sanggup memikul bebannya yang berat, kerana kesusahan merangsangkan daya-daya melawan dan bertahan, kadang-kadang ia membuat seseorang itu ingat kepada Allah jika dalam hatinya masih ada kesediaan yang baik - lalu terus mengadap Allah dan berdo'a kepada-Nya dengan khusyu' dan rendah diri, dia merasa tenteram berada di bawah naungan Allah dan di pekarangan rahmat-Nya yang luas. Ia menaruh harapan yang penuh akan terselamat dan tetap bergembira dengan janji Allah. Sebaliknya ujian dengan kesenangan dan kemewahan membuat tidak ramai orang yang sanggup bersabar menghadapinya, kerana kesenangan menyebabkan seorang itu mudah lupa daratan, kemewahan mengakibatkan seorang itu cepat lalai, kekayaan membawa seorang itu cenderung bertindak di luar batasan atau keterlaluan. Oleh sebab itu hanya sebilangan kecil sahaja dari manusia yang tahan menghadapi ujian ini:

ثُمَّ بَدَّلْنَا مَكَانَ ٱلسَّيِّئَةِ ٱلْحَسَنَةَ حَتَّىٰ عَفَوا۟
وَّقَالُوا۟ قَدْ مَسَّ ءَابَآءَنَا ٱلضَّرَّآءُ وَٱلسَّرَّآءُ

"Kemudian Kami tukarkan kesusahan itu dengan kesenangan sehingga bilangan mereka bertambah ramai dan kehidupan mereka bertambah mewah lalu mereka berkata: 'Datuk nenek kami juga pernah di timpa kesusahan dan mendapat kesenangan.'"(95)

Maksudnya, sehingga bilangan mereka bertambah ramai dan berselerak di merata pelosok dan kehidupan mereka bertambah senang dan mewah. Kini mereka tidak lagi merasa keberatan atau serba salah atau takut-takut dalam segala tindak-tanduk yang dilakukan mereka. Kata "عفوا" selain dari membawa erti "bertambah banyak" ia juga menyaran dan membayangkan satu keadaan jiwa yang tertentu iaitu sikap tidak peduli, sikap memandang ringan dan sewenang-wenang, sikap memandang mudah kepada segala perkara, mudah mengikut perasaan hati dan mudah bertindak. Inilah keadaan dan sikap yang lumrah diperhatikan di dalam kalangan orang-orang yang hidup dalam kesenangan dan kemewahan di dalam masa yang panjang, sama ada individu-individu atau bangsa-bangsa, seolah-olah kepekaan hati mereka telah menjadi lemah dan menyebabkan mereka tidak menghiraukan sesuatu apa atau tidak menghitungkan sesuatu apa pun. Oleh sebab itulah mereka mudah berbelanja, mudah bersenang-senang dan berfoya-foya, mudah bertindak sewenang-wenang. Mereka sanggup melakukan dosa-dosa besar yang menggigilkan badan dan mencemas hati dengan mudah dan tenang, kerana mereka tidak takut kepada kemurkaan Allah dan kepada kecaman manusia. Segala sesuatu terbit dari mereka dengan begitu mudah dan gampang, tanpa keberatan dan tanpa peduli sesuatu apa. Mereka tidak pernah memikirkan tentang Sunnatullah yang bertindak di alam ini dan tidak pula memikirkan tentang ujian-ujian dan dugaan-dugaan Allah terhadap umat manusia. Oleh sebab itulah mereka memandang segala perjalanan yang berlaku di alam ini adalah berlaku secara serampangan sahaja tanpa sebab dan tujuan tertentu:

وَّقَالُوا۟ قَدْ مَسَّ ءَابَآءَنَا ٱلضَّرَّآءُ وَٱلسَّرَّآءُ

"Lalu mereka berkata: 'Datuk nenek kami juga pernah di timpa kesusahan dan pernah mendapat kesenangan.'"(95)

Maksudnya, kami telah mengambil giliran kami hidup menderita dan sekarang tibalah pula giliran kami hidup senang. Hidup berjalan begitu tanpa akibat apa-apa. Ia berlangsung begitu secara serampangan sahaja. Dan ketika mereka berada di dalam kelalaian, kelupaan dan dalam perilaku yang sewenang-wenang tibalah akibatnya mengikut Sunnatullah:

فَأَخَذْنَٰهُم بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٩٥﴾

"Lalu Kami binasakan mereka secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar."(95)

Inilah balasan kerana mereka lupakan daratan, terpedaya dengan kemewahan, menjauhkan diri dari Allah dan melepaskan hawa nafsu mereka dengan bebas hingga mereka tidak segan-segan melakukan apa sahaja yang disukai mereka, dan kerana perasaan taqwa kepada Allah tidak pernah terlintas di dalam hati mereka.

Beginilah selama-lamanya tindakan Sunnatullah mengikut kehendak masyi'ah Allah terhadap para hamba-Nya, dan beginilah juga cara sejarah manusia bergerak dengan iradat dan tindakan manusia dalam kerangka Sunnatullah dan kehendak masyi'ah-Nya. Di sini Al-Qur'an menjelaskan perjalanan Sunnatullah kepada manusia dan mengingatkan mereka terhadap kepesonaan ujian Allah yang menduga manusia dengan kesusahan dan kesenangan. Seterusnya menyedarkan mereka supaya sentiasa berhati-hati, berwaspada dan menghindarkan diri dari akibat balasan Allah yang tidak pernah mungkir, iaitu satu

balasan yang setimpal dengan arah tujuan dan usaha mereka. Oleh sebab itu sesiapa yang terus tidak sedar, tidak segan dan silu malu dan tidak bertaqwa, maka dialah yang menzalimi diri sendiri dan mendedahkannya kepada 'azab Allah yang tidak dapat ditahan, dan setiap orang tidak akan dizalimi Allah barang sedikit pun.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

"Sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami bukakan kepada mereka rezeki-rezeki yang berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka telah mendustakan rasul-rasul lalu Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka."(96)

Ini adalah satu bahagian yang lain dari perjalanan Sunnatullah, iaitu jika penduduk negeri-negeri itu beriman sebagai ganti mendustakan Rasul dan bertaqwa sebagai ganti bertindak sewenang-wenang nescaya Allah akan melimpahkan ke atas mereka berbagai-bagai kebajikan dan keberkatan dari langit dan bumi. Semuanya dibuka kepada mereka tanpa batas perkiraan sama ada dari atas kepala mereka atau dari bawah kaki mereka. Ungkapan Al-Qur'an yang begitu menyeluruh dan syumul menggambarkan kelimpahan dan kemakmuran rezeki dan makanan yang tidak terbatas dengan kadar-kadar yang diketahui manusia.

Di hadapan ayat ini dan ayat sebelumnya kita menghadapi salah satu hakikat dari hakikat 'aqidah dan hakikat-hakikat hidup manusia dan alam, juga kita menghadapi salah satu dari faktor-faktor yang berkesan dan berpengaruh di dalam sejarah manusia yang diabai dan ditolak sekeras-kerasnya oleh teori-teori aliran positivisme.

'Aqidah yang beriman dan bertaqwa kepada Allah bukanlah suatu persoalan yang terpisah dari realiti hidup dan dari garis sejarah manusia.

Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah melayakkan manusia menerima limpahan berbagai kebajikan dan keberkatan dari langit dan bumi. Ini adalah suatu perjanjian dari Allah dan siapa lagi yang lebih menepati janjinya dari Allah?

Sebagai orang-orang yang beriman kepada Allah kita menyambut janji Allah dengan hati seorang Mu'min. Kita mempercayainya dari detik pertama lagi tanpa mempersoalkan alasan-alasan dan sebab-sebabnya. Kita tidak meragui kebenarannya walaupun sedetik. Kita beriman kepada Allah – kepada yang ghaib – dan kita percaya kepada janji-Nya berlandaskan keimanan ini.

Kemudian kita memikirkan janji Allah itu dengan mendalam dan teliti sebagaimana yang dituntut oleh keimanan kita dan di sana kita menemui alasan dan sebabnya iaitu:

Keimanan kepada Allah merupakan bukti wujudnya daya hidup pada fitrah seorang insan, juga bukti bahawa alat-alat penerimaan fitrahnya berada dalam keadaan yang baik, bukti kebenaran pemahamannya, bukti wujudnya daya-daya yang dinamis di dalam struktur dirinya dan bukti keluasan bidang tanggapan dan kefahamannya terhadap hakikat-hakikat alam, dan semuanya ini merupakan syarat-syarat kelayakan untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan di alam kenyataan.

Keimanan kepada Allah merupakan kekuatan pendorong yang kuat yang mengumpulkan seluruh aspek diri manusia dan menjuruskannya ke satu hala, di mana ia mengambil kekuatannya dari kekuatan Allah dan berusaha ke arah merealisasikan kehendak Allah dalam urusan pemerintahan dan pembangunan bumi, juga dalam urusan menyelamat bumi dari kerosakan dan huru-hara, di samping memaju dan mengembangkan hayat, dan semuanya merupakan syarat-syarat kelayakan untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan di alam realiti.

Keimanan kepada Allah juga merupakan kebebasan dari 'Ubudiyah kepada hawa nafsu dan 'Ubudiyah kepada manusia, dan tidak syak lagi bahawa insan yang bebas dan mengabdikan dirinya kepada Allah lebih mampu dan lebih cekap mentadbirkan bumi dengan pemerintahan yang betul dan maju dari insan yang mengabdikan diri kepada hawa nafsu dan kepada sesama sendiri.

Ketaqwaan kepada Allah merupakan suatu kesedaran yang dapat mengawal seseorang dari melakukan tindakan-tindakan yang terburu-buru, tindakan-tindakan yang keterlaluan, tindakan-tindakan yang liar dan menyeleweng dan tindakan yang sombong dan bongkak dalam langkah-langkah bergerak dan hidup. Ketaqwaan kepada Allah juga mengarah dan mengawal kegiatan manusia supaya berhati-hati dan hemat, iaitu mengawal seorang dari menceroboh, dari bertindak liar dan melampau batas-batas kegiatan yang baik.

Apabila hidup seorang itu berjalan selaras di antara daya-daya pendorong dan daya-daya pengawal di dalam dirinya, apabila hidupnya aktif di bumi dan menjulang ke langit, apabila hidupnya bebas dari hawa nafsu dan keterlaluan manusia dan apabila hidupnya menyembah Allah dengan khusyu', maka hidupnya akan menuju ke arah yang baik dan menjadi produktif yang wajar menerima pertolongan-pertolongan dari Allah selepas mencapai keredhaan-Nya. Oleh sebab itu hidupnya tetap di kelilingi keberkatan dan di selubungi kebajikan dan tetap mencapai kejayaan. Dari aspek ini, persoalan ini merupakan satu persoalan yang berlaku dan dapat di lihat di alam kenyataan di samping wujudnya kehalusan kurnia Allah yang tersembunyi, ia merupakan satu persoalan yang berlaku yang mempunyai alasan-alasan dan sebabnya yang nyata,

di samping wujudnya perencanaan Allah yang ghaib dan memang dijanjikan.

Keberkatan-keberkatan yang dijanjikan Allah dengan penuh ketegasan dan keyakinan kepada orang-orang yang beriman dan bertaqwa itu adalah beraneka jenis yang tidak dihurai dan ditentukan oleh ayat itu, tetapi saranannya menggambarkan keberkatan yang turun dan mengalir melimpah-ruah di setiap tempat tanpa di tentu, di hurai dan di jelaskan, iaitu keberkatan dari segala jenis dan rupa bentuk yang diketahui dan dikhayalkan oleh manusia dan keberkatan-keberkatan yang tidak pernah diketahui mereka sama ada alam kenyataan atau di alam imaginasi. Orang-orang yang menganggap keimanan dan ketaqwaan kepada Allah itu sebagai masalah ta'abbudiyah semata-mata, yang tidak ada hubungan dengan realiti manusia di bumi adalah orang-orang yang belum lagi mengenal hakikat keimanan dan hakikat hayat. Mereka sewajarnya melihat bahawa hubungan itu memang wujud dan disaksikan oleh Allah. Pemerhatian yang mendalam juga dapat membuktikan kewujudan hubungan itu dengan sebab-sebabnya yang dapat difahami oleh manusia:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا۟ فَأَخَذْنَٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

"Sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami bukakan kepada mereka rezeki-rezeki yang berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka telah mendustakan rasul-rasul lalu Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa yang dilakukan mereka."(96)

Kadang-kadang setengah-setengah orang melihat keadaan umat-umat di dunia lalu mereka berkata: Umat ini adalah umat Islam, tetapi punca-punca rezeki mereka picik mereka sentiasa dilanda kemarau dan kebinasaan. Kemudian mereka melihat pula umat-umat yang tidak beriman dan tidak bertaqwa, tetapi rezeki mereka mewah, di samping mempunyai kekuatan dan pengaruh pula, lalu mereka tertanya-tanya: Di manakah Sunnatullah yang tidak pernah mungkir itu?

Ini adalah tanggapan-tanggapan yang salah yang di lihat dari keadaan-keadaan yang lahir sahaja. Sebenarnya orang-orang yang disifatkan mereka sebagai orang-orang Islam itu bukanlah orang-orang yang beriman dan bertaqwa yang sebenar. Mereka tidak menumpukan 'Ubudiyah mereka kepada Allah dan tidak merealisasikan maksud pengakuan "La ilaha Illallah" itu di dalam realiti hidup mereka. Mereka masih menyerahkan leher mereka kepada sesama manusia yang berlagak sebagai Tuhan yang mengadakan undang-undang, peraturan-peraturan atau nilai-nilai dan tradisi-tradisi untuk mereka. Mereka bukanlah orang-orang Mu'min yang sebenar, kerana seorang Mu'min yang tulen tidak akan membiarkan sesiapa pun berlagak sebagai Tuhan terhadap dirinya, tidak akan memandang sesiapa pun sebagai Tuhannya yang berhak mengatur kehidupannya dengan undang-undang dan perintah dari-Nya. Ketika datuk dari nenek orang-orang yang mengaku beriman itu menjadi orang Islam yang sebenar di zaman lampau, maka dunia tunduk kepada mereka dan hidup mereka dilimpahi berbagai-bagai kesenangan dan keberkatan dari langit dan bumi dan janji Allah kepada mereka ditepati.

Adapun umat-umat yang mendapat rezeki yang mewah maka inilah Sunnatullah:

ثُمَّ بَدَّلْنَا مَكَانَ ٱلسَّيِّئَةِ ٱلْحَسَنَةَ حَتَّىٰ عَفَوا۟ وَّقَالُوا۟ قَدْ مَسَّ ءَابَآءَنَا ٱلضَّرَّآءُ وَٱلسَّرَّآءُ

"Kemudian Kami tukarkan kesusahan itu dengan kesenangan sehingga bilangan mereka bertambah ramai dan kehidupan mereka bertambah mewah lalu mereka berkata: 'Datuk nenek mereka juga pernah ditimpa kesusahan dan mendapat kesenangan."'(95)

Itulah ujian dengan ni'mat kesenangan sebagaimana telah dihuraikan sebelum ini. Ujian ini lebih berat dari ujian dengan kesusahan. Perbezaan di antara kesenangan ini dengan keberkatan-keberkatan yang dijanjikan Allah kepada orang-orang yang beriman itu ialah keberkatan itu kadang-kadang tercapai dengan rezeki yang sedikit jika digunakan dengan sebaik-baiknya. Ia akan membawa kebaikan, keamanan, kerelaan, kepuasan dan keriangan. Berapa banyak umat yang kaya dan kuat, tetapi hidup dalam keadaan yang malang, keamanan mereka terancam, hubungan kemesraan di antara mereka putus dan musnah. Orang ramai berada di dalam kegelisahan dan menunggu keruntuhan. Mereka umat yang kuat, tetapi tidak meni'mati keamanan. Mereka umat yang hidup senang, tetapi tidak menghayati kerelaan dan kepuasan. Mereka umat yang mewah tanpa meni'mati kebaikan, mereka umat yang gemilang di masa kini, tetapi sedang ditunggu masa depan yang buruk dan malang. Itulah ujian dengan kesenangan yang akan diiringi dengan kesengsaraan dan penderitaan. [4]

Keberkatan yang dicapai melalui keimanan dan ketaqwaan ialah keberkatan yang meliputi segala benda, keberkatan-keberkatan di dalam jiwa dan perasaan, keberkatan-keberkatan dalam kesenangan hidup dan keberkatan yang menyubur dan memajukan hayat. Keberkatan bukannya semata -

---

[4] *Lihat bab* "تخبط واضطراب" *dalam buku* "الإسلام ومشكلات الحضارة" *oleh pengarang dan lihat bab* "شهادة التاريخ" , *bab* "شهادة القرن العشرين" *dalam buku* التطور والثبات في حياة البشرية *oleh Muhammad Qutb.*

mata hidup mewah yang disertai kecelakaan dan keruntuhan akhlak .

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 97 - 100)

Setelah ayat-ayat yang lepas menjelaskan proses Sunnatullah yang telah disaksikan oleh sejarah negeri-negeri yang lampau, dan di sa'at-sa'at perasaan dan hati kita menggeletar melihat kebinasaan-kebinasaan yang menimpa golongan-golongan manusia pendusta yang tidak beriman dan bertaqwa dan terpedaya dengan kesenangan dan kemewahan hidup mereka sehingga lalai dari memikirkan hikmat ujian Allah terhadap mereka, maka di sa'at inilah ayat-ayat yang berikut menghalakan pandangannya kepada golongan insan yang lalai cuai itu untuk menggerakkan rasa kewaspadaan mereka terhadap kemungkinan mereka di timpa 'azab Allah pada bila-bila masa sahaja sama ada malam atau siang, iaitu ketika mereka sedang tidur nyenyak, sedang asyik berhibur dan bermain dan sedang berpoya-poya di dalam keni'matan dan kesenangan:

أَفَأَمِنَ أَهْلُ ٱلْقُرَىٰٓ أَن يَأْتِيَهُم بَأْسُنَا بَيَٰتًا وَهُمْ نَآئِمُونَ ﴿٩٧﴾

أَوَأَمِنَ أَهْلُ ٱلْقُرَىٰٓ أَن يَأْتِيَهُم بَأْسُنَا ضُحًى وَهُمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩٨﴾

أَفَأَمِنُوا۟ مَكْرَ ٱللَّهِ ۚ فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٩٩﴾

أَوَلَمْ يَهْدِ لِلَّذِينَ يَرِثُونَ ٱلْأَرْضَ مِنۢ بَعْدِ أَهْلِهَآ أَن لَّوْ نَشَآءُ أَصَبْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ ۚ وَنَطْبَعُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿١٠٠﴾

"Apakah penduduk negeri-negeri itu merasa aman dari di timpa 'azab Kami di waktu malam ketika mereka sedang tidur nyenyak?(97). Atau apakah penduduk negeri-negeri itu merasa aman dari di timpa 'azab Kami di waktu pagi ketika mereka sedang asyik bermain-main?(98). Apakah mereka telah merasa aman dari rancangan pembalasan Allah? Tiada yang merasa aman dari rancangan pembalasan Allah kecuali golongan manusia yang rugi (99). Apakah belum jelas kepada orang-orang yang mewarisi negeri itu setelah penduduk-penduduknya dibinasakan Allah bahawa jika Kami kehendaki tentu Kami berkuasa menimpakan malapetaka ke atas mereka kerana dosa-dosa mereka dan menutup matahati mereka menyebabkan mereka tidak dapat lagi mendengar (pengajaran dan nasihat)?"(100)

Itulah Sunnatullah yang menguji manusia dengan kesusahan dan kesenangan dengan penderitaan dan kemewahan, dan itulah kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum pendusta yang lalai, yang dulunya tinggal di negeri-negeri itu kemudian mereka mengganti dan mengambil alih tempat mereka. Apakah pendusta negeri-negeri itu telah merasa aman dari di timpa 'azab Allah di sa'at-sa'at kelalaian dan keterpesonaan mereka dengan kesenangan dan kemewahan? Apakah mereka telah merasa aman dari ditimpa kebinasaan dari 'azab Allah ketika mereka sedang nyenyak tidur? Orang yang sedang tidur itu tidak mempunyai kekuatan dan kemahuan, tidak mempunyai rasa kewaspadaan dan tidak mampu mempertahankan diri dari serangan seekor serangga yang kecil, apatah lagi untuk mempertahankan diri dari 'azab Allah Yang Maha Perkasa yang tidak mampu dihadapi oleh manusia walaupun di sa'at-sa'at di mana ia berada dalam keadaan yang paling siap-sedia, paling waspada dan paling kuat!

Apakah merasa aman dari ditimpa 'azab Allah di waktu pagi di mana mereka sedang asyik bermain, sedangkan permainan itu menelan seluruh keadaan jaga dan siap-sedia dan melalaikannya dari bersedia dan berwaspada? Seorang yang sedang asyik bermain dan berhibur tidak mampu mempertahankan diri dari sesuatu serangan, apatah lagi hendak mempertahankan diri dari serangan 'azab Allah yang tidak sanggup dihadapi oleh manusia walaupun di sa'at-sa'at di mana ia berada di kemuncak persediaan untuk bertahan!

'Azab Allah itu terlalu hebat untuk dihadapi manusia sama ada dalam keadaan tidur atau jaga, tetapi Al-Qur'an hanya menggambarkan detik-detik kelemahan manusia untuk menyedarkan jiwa mereka dengan kuat dan untuk merangsangkan kewaspadaan dan kesiap-siagaan mereka ketika menunggu kemungkinan kedatangan 'azab yang besar dan merata di sa'at-sa'at kelemahan, ketidaksedaran dan kemendadakan. Dan dia tidak akan terselamat dalam menghadapi 'azab Allah sama ada ia berada dalam keadaan waspada dan sedar atau dalam keadaan lalai dan tidak sedar.

أَفَأَمِنُوا۟ مَكْرَ ٱللَّهِ ۚ

"Apakah mereka telah merasa aman dari rancangan pembalasan Allah?"(99)

Dan dari pentadbiran-Nya yang halus dan tidak nyata terhadap manusia supaya mereka menjaga diri dan berwaspada?

فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٩٩﴾

"Tiada orang yang merasa aman dari rancangan pembalasan Allah kecuali golongan manusia yang rugi."(99)

Maksudnya, tiada di sebalik keamanan, kelalaian dan sikap tidak peduli itu kecuali hanya kerugian dan tiada orang yang lalai dari rancangan pembalasan Allah kecuali mereka yang wajar menerima kerugian.

Apakah mereka telah merasa aman dari rancangan pembalasan Allah, sedangkan mereka mewarisi negeri itu setelah penduduk-penduduknya hapus kerana dibinasakan Allah dengan sebab dosa-dosa yang telah

dilakukan mereka, juga dengan sebab kelalaian mereka? Mengapakah kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka tidak menjadi pengajaran yang dapat memberi hidayat kepada mereka dan menerangi jalan yang dilalui mereka?

"Atau apakah belum jelas kepada orang-orang yang mewarisi negeri itu setelah penduduknya dibinasakan Allah bahawa jika Kami kehendaki tentu Kami berkuasa menimpakan malapetaka ke atas mereka kerana dosa-dosa mereka dan menutup matahati mereka menyebabkan mereka tidak dapat lagi mendengar (pengajaran dan nasihat)?"(100)

Proses Sunnatullah itu tidak pernah mungkir dan meleset, dan kehendak masyi'ah Allah tidak pernah terhenti. Oleh itu apakah sebab yang membuat mereka merasa aman dari dibinasakan Allah dengan sebab dosa-dosa mereka sebagaimana Allah telah membinasakan kaum sebelum mereka? Apakah yang menyebabkan mereka merasa aman dan ditutup matahati hingga mereka tidak lagi mendapat hidayat selepas itu, malah tidak lagi dapat memahami bukti-bukti hidayat Allah dan akhirnya mereka mendapat balasan menjadi sesat di dunia dan Akhirat?

Sepatutnya kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa kaum sebelum mereka dan warisan mereka terhadap negeri itu dan proses Sunnatullah (yang berlaku di hadapan mereka)... sepatutnya semuanya ini menjadi sebaik amaran dan peringatan kepada mereka agar menjaga diri dan berwaspada, agar membuang perasaan merasa aman yang palsu itu, membuang perilaku yang sewenang-wenang dan sikap lalai dan cuai yang membinasakan mereka dan agar mengambil i'tibar dengan segala apa yang berlaku kepada kaum-kaum sebelum mereka supaya mereka tidak termasuk dalam golongan kaum-kaum tersebut sekiranya mereka dapat mendengar.

Tujuan Amaran Allah

Allah sama sekali tidak bermaksud dengan amaran yang dijelaskan di dalam kitab suci Al-Qur'an ini supaya mereka sentiasa hidup dalam ketakutan dan kegelisahan kerana bimbang di timpa kebinasaan dan kehancuran pada bila-bila masa sahaja, sama ada malam atau siang, kerana ketakutan yang berterusan kepada sesuatu yang majhul atau kegelisahan yang berterusan terhadap masa depan, atau kecemasan menunggu kedatangan kebinasaan pada setiap masa itu akan melumpuh dan menghancurkan tenaga manusia dan kadang-kadang akan mengakibatkan mereka menjadi putus asa dari berusaha menghasilkan pengeluaran, mengembang dan memajukan kehidupan dan melaksanakan pembangunan-pembangunan di bumi, malah apa yang dimaksudkan Allah dengan amaran dan peringatan itu ialah supaya mereka sedar dan peka, supaya mereka bertaqwa dan mengawasi diri sendiri, supaya mereka mengambil pengajaran dari pengalaman-pengalaman manusia lain, supaya mereka melihat faktor-faktor yang menggerakkan sejarah manusia, supaya mereka sentiasa berhubung dengan Allah dan supaya mereka tidak terpesona dengan kesenangan dan kemewahan hidup.

Allah telah berjanji untuk mengurniakan kepada manusia keamanan, ketenteraman, kepuasan dan keberuntungan di dunia dan di Akhirat apabila mereka menajamkan kepekaan mereka terhadap Allah, apabila mereka mengikhlaskan 'Ubudiyah mereka kepada Allah dan apabila mereka bertaqwa kepada Allah dan menghindarkan diri dari perbuatan yang mencemarkan hidup mereka. Pendeknya, Allah mengajak manusia mencari keamanan dengan mendampingkan diri dengan-Nya, bukannya mendampingkan diri dengan ni'mat-ni'mat kebendaan yang mempesonakan mereka. Allah mengajak mereka supaya yakin kepada kekuatan dan kekuasaan-Nya, bukannya yakin kepada kekuatan kebendaan mereka yang fana. Allah mengajak mereka supaya yakin dan tenang kepada limpah rahmat yang tersimpan di sisi-Nya, bukannya yakin dan tenang kepada harta kekayaan hidup yang dimiliki mereka.

Orang-orang Mu'minin dari angkatan salaf atau angkatan pertama dahulu telah menunjukkan keimanan dan ketaqwaan mereka yang tidak pernah merasa aman dari perencanaan balasan Allah dan tidak pernah menunjukkan keyakinan dan ketenangan kepada yang lain dari Allah. Hati mereka sentiasa dipenuhi keimanan dan ketenangan dengan mengingati Allah, sentiasa menentang hasutan syaitan dan dorongan hawa nafsu mereka, sentiasa berusaha mengislahkan masyarakat dengan hidayat Allah tanpa menaruh ketakutan kepada manusia, kerana pada hemat mereka Allah itulah yang paling wajar ditakuti.

Demikianlah maksud yang seharusnya kita fahami dari amaran Allah yang berterusan supaya manusia jangan merasa aman dari di timpa 'azab Allah yang tidak mampu ditolak itu, dan dari perencanaan balasan Allah yang tidak diketahui itu, supaya kita benar-benar sedar bahawa amaran Allah itu bukanlah bertujuan mengajak mereka supaya meletakkan diri dalam keadaan ketakutan dan kegelisahan, malah mengajak mereka supaya berwaspada dan bersikap tenang. Ia bukanlah bertujuan untuk melumpuhkan kegiatan hidup, malah bertujuan supaya manusia jangan bersifat sewenang-wenang, tidak peduli dan keterlaluan.

Dengan cara ini, methodologi Al-Qur'an mengubati peringkat-peringkat pengidapan hati manusia yang

berubah-ubah, dan mengubati peringkat-peringkat penyelewengan umat-umat dan berbagai-bagai kelompok manusia yang lain dengan perubatan yang sesuai dengan penyakit dan tepat dengan waktunya. Oleh sebab itu ia memberi air penawar keamanan, kepercayaan dan ketenteraman apabila mereka mendampingkan diri kepada Allah ketika mereka takut kepada kuasa-kuasa yang bermaharajalela di bumi dan kepada pancaroba-pancaroba yang berlaku dalam hidup mereka, dan memberi air penawar yang merangsangkan kebimbangan, kewaspadaan dan berhati-hati terhadap kemungkinan di timpakan 'azab Allah ketika mereka cenderung dan terpengaruh kepada kuasa-kuasa yang bermaharajalela di bumi dan terpesona kepada keni'matan-keni'matan hidup yang menggiurkan mereka. Dan sesemangnya Allah Maha Arif dengan makhluk yang diciptakannya, Maha Halus dan Maha Mendalam Ilmu-Nya.[5]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 101 - 102)

Setelah menjelaskan perjalanan Sunnatullah dan menggerakkan hati manusia supaya mengingatinya dengan mengemukakan pernyataan-pernyataan yang penuh saranan itu, maka kini ayat-ayat yang berikut berbicara dengan Rasulullah s.a.w. untuk menerangkan kepada beliau tentang kesimpulan umum dari hasil ujian Allah terhadap negeri-negeri itu dan hakikat-hakikat yang terserlah darinya mengenai tabi'at kekufuran, tabi'at keimanan dan akhirnya tabi'at kebanyakan manusia sebagaimana yang dapat di lihat pada kaum-kaum yang telah dibinasakan Allah itu:

تِلْكَ ٱلْقُرَىٰ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآئِهَا ۚ وَلَقَدْ جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَمَا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوا۟ بِمَا كَذَّبُوا۟ مِن قَبْلُ ۚ كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٠١﴾

وَمَا وَجَدْنَا لِأَكْثَرِهِم مِّنْ عَهْدٍ ۖ وَإِن وَجَدْنَآ أَكْثَرَهُمْ لَفَٰسِقِينَ ﴿١٠٢﴾

"Itulah negeri-negeri (yang telah binasa) yang Kami ceritakan sebahagian dari cerita-ceritanya kepada kamu dan sesungguhnya penduduk-penduduk (negeri itu) telah didatangi oleh rasul-rasul mereka membawa berbagai-bagai bukti yang nyata, tetapi mereka tidak sekali-kali beriman kepada apa yang telah didustakan sebelum ini. Demikianlah Kami menutup matahati orang-orang yang kafir (101). Dan Kami tidak dapati kebanyakan mereka menepati perjanjian. Sesungguhnya Kami dapati kebanyakan mereka fasiq belaka."(102)

Itulah kisah-kisah yang diturunkan dari Allah, sedangkan Rasulullah s.a.w. tidak mengetahui (sebelum ini), malah kisah-kisah itu adalah wahyu Allah dan penjelasannya.

وَلَقَدْ جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ

"Dan sesungguhnya penduduk-penduduk (negeri itu) telah di datangi oleh rasul-rasul mereka membawa berbagai-bagai bukti yang nyata."(101)

Tetapi malangnya bukti-bukti yang nyata itu tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka, mereka tetap menolongnya sebagaimana mereka telah menolongkannya sebelum ini. Mereka tetap tidak beriman kepada da'wah yang telah mereka tolak sebelum dikemukakan bukti-bukti yang nyata kepada mereka. Oleh sebab itu bukti-bukti yang jelas dan nyata itu tidak dapat membawa pendusta-pendusta da'wah kepada keimanan, kerana selama ini mereka sebenarnya bukannya kekurangan bukti-bukti yang jelas, tetapi puncanya yang sebenar mereka tidak mempunyai hati yang terbuka dan perasaan yang peka di samping tidak mempunyai tujuan untuk mencari hidayat. Sebenarnya apa yang tidak ada pada mereka ialah fitrah yang hidup dan bersedia untuk menyambut dan menyahut, fitrah yang boleh dirangsangkan emosi dan perasaannya. Oleh sebab mereka tidak membuka hati mereka kepada bukti-bukti yang menyarankan hidayat dan dalil yang membawa kepada keimanan, maka hati mereka terus ditutup Allah, dan sejak itu ia tidak lagi bersedia untuk menyambut da'wah dan tidak lagi dapat dirangsangkan emosi dan perasaannya:

كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿١٠١﴾

"Demikianlah Kami menutup matahati orang-orang yang kafir."(101)

Pengalaman-pengalaman silam membuktikan kebanyakan manusia mempunyai tabi'at seperti yang diterangkan dalam ayat yang berikut:

وَمَا وَجَدْنَا لِأَكْثَرِهِم مِّنْ عَهْدٍ ۖ وَإِن وَجَدْنَآ أَكْثَرَهُمْ لَفَٰسِقِينَ ﴿١٠٢﴾

"Dan Kami tidak dapati kebanyakan mereka menepati perjanjian. Sesungguhnya Kami dapati kebanyakan mereka fasiq belaka."(102)

Janji yang dimaksudkan di sini mungkin perjanjian Allah dengan fitrah manusia yang disebut di akhir surah ini:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ

---

[5] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam bab* "خطوط متقابلة في النفس الإنسانية" *dalam buku* "منهج التربية الإنسانية" *dan buku* "دراسات في النفس البشرية" *oleh Muhammad Qutb.*

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam dari sulbi mereka dan menjadikan mereka saksi di atas diri mereka sendiri seraya berkata: Benarkah Aku ini Tuhan kamu? Jawab mereka: Ya, benar kami mengaku."(172)

Dan mungkin pula dimaksudkan dengan perjanjian iman yang diberikan oleh datuk nenek mereka yang telah beriman kepada rasul-rasul yang di utuskan kepada mereka, kemudian generasi-generasi yang kemudian telah menyeleweng dari perjanjian itu sebagaimana yang berlaku di dalam setiap jahiliyah di mana generasi-generasi dari kaum-kaum itu menyeleweng sedikit demi sedikit dan pada akhirnya terus terkeluar dari perjanjian iman dan kembali semula kepada jahiliyah.

Walau apa pun perjanjian yang dimaksudkan di sini, namun ternyata bahawa kebanyakan penduduk negeri-negeri ini tidak berpegang dengan perjanjian itu dan tidak menepatinya, mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka yang berubah-ubah dan hanyut dengan tabi'at yang tidak sabar dan jujur memikul beban-beban perjanjian.

وَإِن وَجَدْنَآ أَكْثَرَهُمْ لَفَٰسِقِينَ ﴿١٠٢﴾

"Sesungguhnya Kami dapati kebanyakan mereka fasiq belaka." (102)

Maksudnya, kebanyakan mereka menyeleweng dari agama Allah dan dari perjanjian Allah yang lama itu. Inilah akibat pendirian yang tidak tetap, perbuatan melanggar perjanjian dan mengikut hawa nafsu. Sesiapa yang tidak mengawasi dirinya mematuhi perjanjiannya dengan Allah, tidak mengikuti jalan Allah dengan jujur dan teguh, tidak berpedoman hidayat Allah, maka sudah tentu ia akan sesat jalan, sudah tentu ia akan menyeleweng dan menjadi fasiq. Itulah yang telah berlaku kepada penduduk negeri-negeri itu dan itulah nasib kesudahan mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 103 - 137)

ثُمَّ بَعَثْنَا مِنۢ بَعْدِهِم مُّوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ
وَمَلَإِي۟هِۦ فَظَلَمُوا۟ بِهَا ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿١٠٣﴾
وَقَالَ مُوسَىٰ يَٰفِرْعَوْنُ إِنِّى رَسُولٌ مِّن رَّبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٤﴾
حَقِيقٌ عَلَىٰٓ أَن لَّآ أَقُولَ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْحَقَّ ۚ قَدْ جِئْتُكُم
بِبَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَأَرْسِلْ مَعِىَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿١٠٥﴾
قَالَ إِن كُنتَ جِئْتَ بِـَٔايَةٍ فَأْتِ بِهَآ إِن كُنتَ
مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿١٠٦﴾
فَأَلْقَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِىَ ثُعْبَانٌ مُّبِينٌ ﴿١٠٧﴾
وَنَزَعَ يَدَهُۥ فَإِذَا هِىَ بَيْضَآءُ لِلنَّٰظِرِينَ ﴿١٠٨﴾
قَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِ فِرْعَوْنَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ
عَلِيمٌ ﴿١٠٩﴾
يُرِيدُ أَن يُخْرِجَكُم مِّنْ أَرْضِكُمْ ۖ فَمَاذَا تَأْمُرُونَ ﴿١١٠﴾
قَالُوٓا۟ أَرْجِهْ وَأَخَاهُ وَأَرْسِلْ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ﴿١١١﴾
يَأْتُوكَ بِكُلِّ سَٰحِرٍ عَلِيمٍ ﴿١١٢﴾
وَجَآءَ ٱلسَّحَرَةُ فِرْعَوْنَ قَالُوٓا۟ إِنَّ لَنَا لَأَجْرًا إِن كُنَّا
نَحْنُ ٱلْغَٰلِبِينَ ﴿١١٣﴾
قَالَ نَعَمْ وَإِنَّكُمْ لَمِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿١١٤﴾
قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِمَّآ أَن تُلْقِىَ وَإِمَّآ أَن نَّكُونَ نَحْنُ
ٱلْمُلْقِينَ ﴿١١٥﴾
قَالَ أَلْقُوا۟ ۖ فَلَمَّآ أَلْقَوْا۟ سَحَرُوٓا۟ أَعْيُنَ ٱلنَّاسِ
وَٱسْتَرْهَبُوهُمْ وَجَآءُو بِسِحْرٍ عَظِيمٍ ﴿١١٦﴾
وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنْ أَلْقِ عَصَاكَ ۖ فَإِذَا هِىَ تَلْقَفُ مَا
يَأْفِكُونَ ﴿١١٧﴾
فَوَقَعَ ٱلْحَقُّ وَبَطَلَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١١٨﴾
فَغُلِبُوا۟ هُنَالِكَ وَٱنقَلَبُوا۟ صَٰغِرِينَ ﴿١١٩﴾
وَأُلْقِىَ ٱلسَّحَرَةُ سَٰجِدِينَ ﴿١٢٠﴾
قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٢١﴾
رَبِّ مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ﴿١٢٢﴾
قَالَ فِرْعَوْنُ ءَامَنتُم بِهِۦ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ إِنَّ
هَٰذَا لَمَكْرٌ مَّكَرْتُمُوهُ فِى ٱلْمَدِينَةِ لِتُخْرِجُوا۟ مِنْهَآ
أَهْلَهَا ۖ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿١٢٣﴾

لَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ ثُمَّ
لَأُصَلِّبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ ١٢٤
قَالُوٓا۟ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ١٢٥
وَمَا تَنقِمُ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا لَمَّا جَآءَتْنَا
رَبَّنَآ أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ ١٢٦
وَقَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِ فِرْعَوْنَ أَتَذَرُ مُوسَىٰ وَقَوْمَهُۥ
لِيُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَيَذَرَكَ وَءَالِهَتَكَ قَالَ سَنُقَتِّلُ
أَبْنَآءَهُمْ وَنَسْتَحْىِۦ نِسَآءَهُمْ وَإِنَّا فَوْقَهُمْ
قَٰهِرُونَ ١٢٧
قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ٱسْتَعِينُوا۟ بِٱللَّهِ وَٱصْبِرُوٓا۟ إِنَّ
ٱلْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ وَٱلْعَٰقِبَةُ
لِلْمُتَّقِينَ ١٢٨
قَالُوٓا۟ أُوذِينَا مِن قَبْلِ أَن تَأْتِيَنَا وَمِنۢ بَعْدِ مَا جِئْتَنَا
قَالَ عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُهْلِكَ عَدُوَّكُمْ وَيَسْتَخْلِفَكُمْ
فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ١٢٩
وَلَقَدْ أَخَذْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ بِٱلسِّنِينَ وَنَقْصٍ
مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ١٣٠
فَإِذَا جَآءَتْهُمُ ٱلْحَسَنَةُ قَالُوا۟ لَنَا هَٰذِهِۦ وَإِن تُصِبْهُمْ
سَيِّئَةٌ يَطَّيَّرُوا۟ بِمُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓ أَلَآ
إِنَّمَا طَٰٓئِرُهُمْ عِندَ ٱللَّهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ
لَا يَعْلَمُونَ ١٣١
وَقَالُوا۟ مَهْمَا تَأْتِنَا بِهِۦ مِنْ ءَايَةٍ لِّتَسْحَرَنَا بِهَا فَمَا
نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ١٣٢
فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ ٱلطُّوفَانَ وَٱلْجَرَادَ وَٱلْقُمَّلَ
وَٱلضَّفَادِعَ وَٱلدَّمَ ءَايَٰتٍ مُّفَصَّلَٰتٍ فَٱسْتَكْبَرُوا۟

وَكَانُوا۟ قَوْمًا مُّجْرِمِينَ ١٣٣
وَلَمَّا وَقَعَ عَلَيْهِمُ ٱلرِّجْزُ قَالُوا۟ يَٰمُوسَى ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ
بِمَا عَهِدَ عِندَكَ لَئِن كَشَفْتَ عَنَّا ٱلرِّجْزَ
لَنُؤْمِنَنَّ لَكَ وَلَنُرْسِلَنَّ مَعَكَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ١٣٤
فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُمُ ٱلرِّجْزَ إِلَىٰٓ أَجَلٍ هُم بَٰلِغُوهُ
إِذَا هُمْ يَنكُثُونَ ١٣٥
فَٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ فِى ٱلْيَمِّ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا۟
بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُوا۟ عَنْهَا غَٰفِلِينَ ١٣٦
وَأَوْرَثْنَا ٱلْقَوْمَ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ يُسْتَضْعَفُونَ
مَشَٰرِقَ ٱلْأَرْضِ وَمَغَٰرِبَهَا ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا وَتَمَّتْ
كَلِمَتُ رَبِّكَ ٱلْحُسْنَىٰ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ بِمَا
صَبَرُوا۟ وَدَمَّرْنَا مَا كَانَ يَصْنَعُ فِرْعَوْنُ وَقَوْمُهُۥ
وَمَا كَانُوا۟ يَعْرِشُونَ ١٣٧

"Kemudian Kami utuskan Musa selepas rasul-rasul ini untuk membawa ayat-ayat Kami kepada Fir'aun dan para pembesar-pembesarnya, tetapi mereka telah menzalimi ayat-ayat Kami. Oleh itu lihatlah akibat kebinasaan yang telah menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan (103). Dan ujar Musa: 'Wahai Fir'aun, sesungguhnya saya adalah utusan dari Allah Tuhan semesta alam' (104). Sudah semestinya saya tidak harus mengatakan dengan menggunakan nama Allah melainkan sesuatu yang benar. Saya telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Oleh itu bebaskanlah kaum Bani Israel pergi bersama saya (105). Jawab Fir'aun: 'Jika benar engkau datang dengan membawa sesuatu mu'jizat, maka silalah engkau tunjukkan jika engkau dari golongan orang-orang yang bercakap benar' (106). Lalu Musa mencampakkan tongkatnya, maka tiba-tiba tongkat itu menjadi seekor ular yang sangat jelas (107). Dan Musa mengeluarkan tangannya tiba-tiba tangannya kelihatan putih berseri, kepada orang yang melihatnya (108). Ujar para pembesar dari kaum Fir'aun: Sesungguhnya orang ini (Musa) seorang ahli sihir yang amat pintar (109). Dia mahu mengeluarkan kamu dari negeri kamu. Oleh itu apakah bicara kamu? (110) Jawab mereka: Tangguhkanlah perkara Musa dan saudaranya ini (hingga ke suatu masa dan sementara itu) utuskanlah (pegawai-pegawai kita) ke bandar-bandar untuk mengumpulkan (ahli-ahli sihir) (111). Nescaya mereka akan membawa kepada tuanku semua ahli sihir yang bijak (112). Dan datanglah ahli-ahli sihir menghadap Fir'aun lalu berkata: Apakah kami akan mendapat upah jika kami menang?(113) Jawab Fir'aun: Ya, dan kamu sekalian akan menjadi orang-orang yang hampir kepadaku (114). Mereka berkata: Apakah engkau yang mula mencampakkan (tongkat engkau) atau kami yang mula mencampakkannya? (115) Jawab

Musa: Silalah kamu campakkan dahulu! Dan apabila mereka mencampakkan (tongkat-tongkat dan tali-tali sihir itu) mereka telah mempesonakan mata khalayak ramai dan menggerunkan mereka. Mereka telah menunjukkan kepandaian sihir yang amat besar (116). Lalu Kami wahyukan kepada Musa: Campakkanlah tongkatmu! Maka tiba-tiba tongkat itu menelan segala hasil sihir mereka yang palsu (yang dicampakkan mereka) (117). Lalu tegaklah kebenaran dan lenyaplah segala apa yang dilakukan mereka (118). Mereka telah dikalahkan di sana dan pulang dengan kecewa dan hina (119). Kemudian ahli-ahli sihir merebahkan diri sujud (120). Seraya berkata: Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam (121). Iaitu Tuhan Musa dan Harun (122). Fir'aun berkata (kepada ahli-ahli sihir yang beriman): Apakah kamu telah beriman kepadanya (Musa) sebelum aku memberi keizinan kepada kamu. Ini adalah satu rancangan jahat yang kamu aturkan di bandar ini untuk menghalaukan penduduknya keluar darinya. Oleh itu kamu akan mengetahui akibatnya (123). Demi sesungguhnya aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan berselang kemudian aku akan memalangkan kamu sekalian.(124) Jawab mereka: Sesungguhnya kami tetap kembali kepada Tuhan kami.(125) Sebenarnya engkau tidak membalas dendam terhadap kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami setelah ia datang kepada kami. Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran ke atas kami dan wafatkanlah kami selaku orang-orang Muslimin (126). Dan berkatalah para pembesar dari kaum Fir'aun: Apakah tuanku akan membiarkan Musa dan kaumnya melakukan kerosakan di bumi serta meninggalkan tuanku dan tuhan-tuhan tuanku? Jawab Fir'aun: Kita akan membunuh (sekali lagi) anak-anak lelaki mereka dan membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup dan kita tetap menguasai mereka (127). Ujar Musa kepada kaumnya: Pohonlah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah. Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah. Dialah yang berkuasa mewariskannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya dan kesudahan yang baik itu disediakan Allah untuk orang-orang yang bertaqwa (128). Mereka berkata: Kami telah pun ditindas sebelum engkau datang kepada kami dan (ditindas lagi) setelah engkau datang kepada kami. Jawab Musa: Semoga tuhan kamu membinasakan musuh kamu dan mengangkat kamu menjadi pemerintah di bumi kemudian Dia akan memerhati bagaimana tindak-tanduk kamu (129). Sesungguhnya Kami telah menimpakan kaum Fir'aun tahun-tahun kemarau dan kemerosotan hasil buah-buahan supaya mereka mengambil pengajaran (128). Mereka berkata: Kami telah pun ditindas sebelum engkau datang kepada kami dan (ditindas lagi) setelah engkau datang kepada kami. Jawab Musa: Semoga tuhan kamu membinasakan musuh kamu dan mengangkat kamu menjadi pemerintah di bumi kemudian Dia akan memerhati bagaimana tindak-tanduk kamu (129). Sesungguhnya Kami telah menimpakan kaum Fir'aun tahun-tahun kemarau dan kemerosotan hasil buah-buahan supaya mereka mengambil pengajaran (130). Kemudian apabila mereka didatangi kesenangan mereka berkata: Ini adalah hasil usaha kami, dan jika mereka ditimpa kesusahan, mereka mengatakan malapetaka itu berpunca dari Musa dan para pengikutnya. Ketahuilah! Malapetaka yang menimpa mereka adalah ditetapkan di sisi Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (131). Dan mereka berkata: Walau apa pun mu'jizat yang engkau bawa untuk mempesonakan kami dengannya, maka kami tetap tidak akan beriman kepadamu (132). Lalu Kami lepaskan banjir besar, angkatan belalang, kutu-kutu, katak-katak dan darah menyerang mereka sebagai bukti-bukti yang jelas, tetapi mereka tetap berlagak angkuh dan mereka adalah kaum yang berdosa (133). Dan apabila 'azab itu menimpa mereka, mereka berkata: Wahai Musa! Berdo'alah kepada Tuhanmu untuk keselamatan kami dengan perantaraan pangkat istimewa yang dikurniakan kepadamu dan (kami berjanji) jika engkau berjaya menghapuskan 'azab ini, kami akan beriman kepadamu dan kami akan membebaskan Bani Israel pergi bersamamu (134). Kemudian apabila Kami telah menghapuskan 'azab itu dari mereka sehingga kepada tempoh yang ditentukan kepada mereka, tiba-tiba mereka memungkiri janji (135). Kemudian Kami timpakan balasan Kami terhadap mereka lalu Kami tenggelamkan seluruh mereka di dalam lautan dengan sebab mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan kerana mereka selama ini tidak menghiraukannya (136). Dan Kami telah mewariskan kepada kaum Bani Israel yang telah tertindas itu negeri-negeri di Timur dan di Barat yang Kami berkatinya dengan kesenangan-kesenangan, dan kini telah terlaksanalah keputusan-keputusan yang baik dari Tuhanmu terhadap Bani Israel kerana kesabaran mereka dan Kami telah membinasakan apa yang telah dibuat oleh Fir'aun dan kaumnya dan apa yang dibinakan mereka.(137)

(Latar belakang ayat dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini mengandungi kisah Musa a.s. dengan Fir'aun dan para pembesarnya yang dimulakan dari babak Fir'aun dicabarkan dengan konsep Rububiyah Allah yang merangkumi setiap alam, dan diakhiri dengan babak Fir'aun dan bala tenteranya ditenggelamkan di dalam lautan. Dan di antara dua babak itu diselingi dengan babak perlawanan Musa dengan ahli-ahli sihir Fir'aun, dan di dalam perlawanan itu kebenaran menang dan kebatilan mengalami kekalahan teruk menyebabkan ahli-ahli sihir itu beriman kepada Tuhan semesta alam yang diimani oleh Musa dan Harun, juga babak ahli-ahli sihir itu diancam dengan hukuman mati dengan keseksaan yang amat berat dan bagaimana kebenaran itu terserlah di dalam hati mereka hingga mereka sanggup mengumumkan kesediaan mereka untuk menghadapi ancaman itu dan bagaimana kecintaan mereka, kepada 'aqidah yang benar mengatasi kecintaan mereka kepada hidup, kemudian diiringi pula dengan babak penindasan dan penyeksaan Fir'aun terhadap bani Israel, kemudian babak Fir'aun dan kuncu-kuncunya ditimpa kemarau dan kemerosotan hasil buah-buahan, kemudian diserang banjir besar, belalang, kutu-kutu, katak dan darah. Setiap kali mereka dilanda malapetaka, mereka meminta Musa berdo'a kepada Tuhannya supaya megangkatkan malapetaka itu dari mereka, tetapi apabila malapetaka itu terangkat dari mereka, mereka kembali semula kepada kekufuran mereka dan mengumumkan bahawa mereka tidak akan beriman walau apa pun mu'jizat-mu'jizat yang ditunjukkan oleh Musa a.s. kepada mereka, dan akhirnya terlaksanalah keputusan Allah menenggelamkan mereka di dalam lautan kerana mendustakan ayat-ayat Allah dan kerana kelalaian mereka dari memikirkan hikmat ujian-Nya, dan keputusan itu selaras dengan kehendak Sunnatullah yang lebih dahulu menguji manusia dengan kesusahan dan kesenangan sebelum mereka dijatuhkan hukuman

musnah dan binasa! Kemudian babak kaum Musa dikurniakan kuasa memerintah negeri-negeri di bumi sebagai balasan atas kesabaran dan kejayaan mereka menempuh ujian kesusahan yang akan diiringi pula dengan ujian dengan kesenangan dan kemewahan.

Kami telah memilih bahagian kisah (Musa dengan Fir'aun) ini sebagai satu pelajaran, dan bahagian akhir kisah Musa a.s. dengan kaumnya selepas itu sebagai satu pelajaran pula kerana tabi'at dan bidang kedua-dua bahagian kisah itu berlain-lainan.

Di sini kisah-kisah Musa dimulakan secara ringkas dari mula hingga akhir, di mana disarankan tujuan kisah itu ditayangkan dalam surah ini:[6]

ثُمَّ بَعَثْنَا مِنۢ بَعْدِهِم مُّوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِيْهِۦ فَظَلَمُوا۟ بِهَا ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿١٠٣﴾

"Kemudian Kami utuskan Musa selepas rasul-rasul ini untuk membawa ayat-ayat Kami kepada Fir'aun dan para pembesar-pembesarnya, tetapi mereka telah menzalimi ayat-ayat Kami. Oleh itu lihatlah akibat kebinasaan yang telah menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan."(103)

Ayat ini dengan jelas menerangkan tujuan kisah ini diceritakan di tempat ini, iaitu untuk mengajak manusia berfikir terhadap akibat-akibat yang telah menimpa kaum-kaum yang telah melakukan kerosakan di bumi. Dan selepas penceritaan yang ringkas yang menjelaskan tujuannya, ditayangkan pula babak-babaknya yang dapat memenuhi tujuan itu, di mana dihuraikan dengan terperinci.

Kisah itu dibahagi-bahagi kepada adegan-adegan yang hidup, penuh dengan pergerakan dan dialog, penuh dengan emosi-emosi dan watak-watak dan diselingi dengan arahan-arahan supaya mengambil pengajaran dan i'tiqad di tempat-tempat yang tertentu, di samping menjelaskan tabi'at perjuangan di antara da'wah kepada "Rabbul-'Alamin" dengan golongan Taghut yang menguasai manusia dan mendakwa memiliki hak Rububiyah selain dari Allah. Dan di dalam perjuangan ini juga dapat dilihat dengan jelas keindahan 'aqidah yang sebenar ketika ia diumumkan dengan berani tanpa menggentari kuasa golongan Taghut dan tanpa mempedulikan ancaman dengan hukuman-hukuman yang berat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 103)

ثُمَّ بَعَثْنَا مِنۢ بَعْدِهِم مُّوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِيْهِۦ فَظَلَمُوا۟ بِهَا ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ

"Kemudian Kami utuskan Musa selepas rasul-rasul ini untuk membawa ayat-ayat Kami kepada Fir'aun dan para pembesar-pembesarnya, tetapi mereka telah menzalimi ayat-ayat Kami. Oleh itu lihatlah akibat kebinasaan yang telah menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan."(103)

Setelah selesai menceritakan tentang penduduk negeri-negeri yang mendustakan rasul-rasul dan kebinasaan yang telah menimpa mereka, maka dikemukakan pula kisah kebangkitan Nabi Musa a.s. Rangkaian ayat-ayat bahagian ini menayangkan kisah ini dari babak-babak, di mana Musa memperkenalkan dirinya kepada Fir'aun dan para pembesarnya sebagai utusan dari Allah dan dengan pantas terus menceritakan tentang bagaimana sambutan mereka terhadap kerasulan Musa dan keputusan akhir yang telah diambil oleh mereka terhadapnya, iaitu mereka telah menzalimi ayat-ayat yang telah dibawa oleh Musa, yakni mereka menolak dan mengingkarkan ayat-ayat ini. Pengungkapan Al-Qur'an banyak menggunakan kata-kata "zalim" dan kata-kata "fasiq" sebagai ganti kata-kata "kufur' dan kata-kata "syirik". Dan ini bukan salah satu dari tempat-tempat yang banyak menggunakan kata-kata itu dalam pengungkapan Al-Qur'an. Ini disebabkan kerana "syirik" dan "kufur" itu merupakan sekeji-keji perbuatan yang zalim dan seburuk-buruk perbuatan yang fasiq. Orang-orang yang mengkufur dan mensyirikkan Allah bererti mereka menzalimi hakikat agung, iaitu hakikat Uluhiyah dan hakikat tauhid di samping menzalimi diri sendiri kerana menjerumuskannya ke dalam kebinasaan di dunia dan di Akhirat, juga menzalimi orang ramai kerana mengeluarkan mereka dari 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa kepada 'Ubudiyah kepada golongan berbagai-bagai Taghut dan tuhan-tuhan palsu. Tidak ada perbuatan yang lebih zalim dari perbuatan ini, oleh sebab itulah perbuatan kufur merupakan perbuatan yang zalim:

وَٱلْكَٰفِرُونَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

"Dan orang-orang yang kafir itulah orang-orang yang zalim."

(Surah Al-Baqarah: 254)

Begitu juga orang yang mengkufur dan mensyirikkan Allah itu bererti menyeleweng dan keluar dari jalan Allah yang lurus kepada jalan-jalan yang tidak membawa kepada Allah, malah membawa ke jalan Neraka.

Fir'aun dan para pembesarnya telah menzalimi ayat-ayat Allah, iaitu mereka mengingkari dan menolak ayat-ayat Allah.

فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿١٠٣﴾

"Oleh itu lihatlah akibat kebinasaan yang telah menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan."(103)

Akibat ini akan diterangkan dalam konteks ini sebentar lagi. Adapun sekarang marilah kita melihat

[6] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam bab* " القصّة في القرآن " *dalam buku* " التصوير الفني في القرآن "

kepada pengertian kata-kata "المفسدين" yang mempunyai pengertian yang sama dengan kata-kata "الكافرين" atau "الظالمين" di tempat ini. Mereka telah menzalimi ayat-ayat Allah, yakni mereka mengkufur dan mengingkarkan ayat-ayat Allah, oleh itu lihatlah akibat yang telah menimpa ke atas mereka yang melakukan kerosakan itu.

Mereka dicapkan sebagai orang-orang yang melakukan kerosakan kerana mereka telah menzalimi, yakni "mereka mengkufur dan mengingkar" kerana kekufuran merupakan seburuk-buruk kerosakan dan sekeji-keji perbuatan yang mendatangkan kerosakan. Kehidupan manusia tidak akan menjadi betul dan baik kecuali ia ditegakkan di atas landasan iman kepada Allah Yang, Maha Esa dan di atas landasan 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa. Bumi ini akan menjadi rosak dan porak-peranda jika 'Ubudiyah itu tidak ditumpukan kepada Allah sahaja di dalam kehidupan manusia. 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa sahaja memberi makna bahawa manusia hanya mempunyai satu tuan sahaja dan kepadanya mereka tumpukan amalan ibadat dan 'Ubudiyah mereka. Mereka ta'at dan tunduk kepada undang-undang Allah sahaja, dan ini menyelamatkan hidup mereka dari tunduk dan ta'at kepada kehendak keinginan manusia yang sering berubah-ubah dan kepada hawa nafsu mereka yang remeh. Kerosakan akan menimpa pemikiran dan kefahaman manusia di samping menimpa kehidupan kemasyarakatan mereka jika di sana terdapat berbagai-bagai tuhan selain dari Allah yang menguasai leher manusia. Bumi tidak akan menjadi betul dan baik kecuali pada ketika mereka menumpukan 'Ubudiyah mereka kepada Allah Yang Maha Esa sahaja. Sama ada dalam bidang aqidah dan ibadat atau dalam bidang undang-undang dan peraturan. Manusia tidak akan mendapat kebebasan yang sebenar kecuali di bawah naungan Rububiyah Allah Yang Maha Esa. Oleh sebab itulah Allah S.W.T. berkata kepada Fir'aun dan para pembesarnya:

فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿١٠٣﴾

"Oleh itu lihatlah akibat kebinasaan yang telah menimpa orang-orang yang melakukan kerosakan."(103)

Setiap Taghut yang memaksa manusia tunduk kepada undang-undang dan peraturan dari ciptaannya dan membuang syari'at Allah, maka ia termasuk dalam golongan manusia yang melakukan kerosakan di bumi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 104 - 112)

Pembukaan penceritaan kisah Nabi Musa a.s. dengan cara itu merupakan salah satu cara Al-Qur'an membentangkan kisah-kisah. Dan cara ini sesuai dengan penjelasan surah ini dan selaras dengan paksi pembicaraan, di mana kisah-kisah itu beredar di sekitarnya, kerana cara ini terus memperlihatkan akibat kisah itu dari detik-detik pertama penceritaannya untuk merealisasikan tujuan penceritaan kisah ini, kemudian barulah dihuraikan secara terperinci selepas diceritakannya secara umum. Di sini dapatlah kita melihat jalan ceritanya sehingga sampai akhirnya.

Oleh itu apakah yang berlaku di antara Musa dengan Fir'aun dan para pembesarnya?

Di sinilah dimulakan adegan pertama dari peristiwa-peristiwa yang berlaku di antara mereka:

وَقَالَ مُوسَىٰ يَٰفِرۡعَوۡنُ إِنِّي رَسُولٞ مِّن رَّبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٠٤﴾

حَقِيقٌ عَلَىٰٓ أَن لَّآ أَقُولَ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلۡحَقَّۚ قَدۡ جِئۡتُكُم بِبَيِّنَةٖ مِّن رَّبِّكُمۡ فَأَرۡسِلۡ مَعِيَ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ﴿١٠٥﴾

قَالَ إِن كُنتَ جِئۡتَ بِـَٔايَةٖ فَأۡتِ بِهَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿١٠٦﴾

فَأَلۡقَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ ثُعۡبَانٞ مُّبِينٞ ﴿١٠٧﴾

وَنَزَعَ يَدَهُۥ فَإِذَا هِيَ بَيۡضَآءُ لِلنَّٰظِرِينَ ﴿١٠٨﴾

قَالَ ٱلۡمَلَأُ مِن قَوۡمِ فِرۡعَوۡنَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ عَلِيمٞ ﴿١٠٩﴾

يُرِيدُ أَن يُخۡرِجَكُم مِّنۡ أَرۡضِكُمۡۖ فَمَاذَا تَأۡمُرُونَ ﴿١١٠﴾

قَالُوٓاْ أَرۡجِهۡ وَأَخَاهُ وَأَرۡسِلۡ فِي ٱلۡمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ﴿١١١﴾

يَأۡتُوكَ بِكُلِّ سَٰحِرٍ عَلِيمٖ ﴿١١٢﴾

"Dan ujar Musa: Wahai Fir'aun, sesungguhnya saya adalah utusan dari Allah Tuhan semesta alam (104). Sudah semestinya saya tidak harus mengatakan dengan menggunakan nama Allah melainkan sesuatu yang benar. Saya telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Oleh itu bebaskanlah kaum Bani Israel pergi bersama saya (105). Jawab Fir'aun: jika benar engkau datang dengan membawa sesuatu mu'jizat, maka silalah engkau tunjukkan jika engkau dari golongan orang-orang yang bercakap benar (106). Lalu Musa mencampakkan tongkatnya, maka tiba-tiba tongkat itu menjadi seekor ular yang sangat jelas (107). Dan Musa mengeluarkan tangannya tiba-tiba tangannya kelihatan putih berseri kepada orang yang melihatnya (108). Ujar para pembesar dari kaum Fir'aun: Sesungguhnya orang ini (Musa) seorang ahli sihir yang amat pintar (109). Dia mahu mengeluarkan kamu dari negeri kamu. Oleh itu apakah bicara kamu? (110) Jawab mereka: Tangguhkanlah perkara Musa dan saudaranya ini (hingga ke suatu masa dan sementara itu) utuskanlah (pegawai-pegawai kita) ke bandar-bandar untuk

mengumpulkan (ahli-ahli sihir) (111). Nescaya mereka akan membawa kepada tuanku semua ahli sihir yang bijak."(112)

Itulah pemandangan pertemuan pertama di antara kebenaran dan kebatilan, diantara keimanan dan kekufuran. Itulah pemandangan pertemuan pertama di antara da'wah kepada "Rabbul-Alamin" dengan Taghut yang mendakwa dan mengakui kuasa Rububiyah selain dari Allah Tuhan semesta alam.

وَقَالَ مُوسَىٰ يَا فِرْعَوْنُ إِنِّي رَسُولٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٠٤﴾

حَقِيقٌ عَلَىٰ أَن لَّا أَقُولَ عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ ۚ قَدْ جِئْتُكُم بِبَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَأَرْسِلْ مَعِيَ بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿١٠٥﴾

"Dan ujar Musa: Wahai Fir'aun, sesungguhnya saya adalah utusan dari Allah Tuhan semesta alam (104). Sudah semestinya saya tidak harus mengatakan dengan menggunakan nama Allah melainkan sesuatu yang benar. Saya telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu. Oleh itu bebaskanlah kaum Bani Israel pergi bersama saya."(105)

Musa berkata: "Wahai Fir'aun!" Beliau tidak berkata: "Wahai tuan hamba" sebagaimana yang dikatakan oleh orang-orang yang tidak mengenal tuan yang benar, tetapi beliau memanggil Fir'aun dengan gelaran yang benar dengan sopan santun dan hormat. Beliau memanggil baginda dengan tujuan untuk memperkenalkan hakikat tugasnya di samping menerangkan hakikat-hakikat alam al-wujud yang paling besar:

إِنِّي رَسُولٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٠٤﴾

"Sesungguhnya saya adalah utusan dari Allah Tuhan semesta alam."(104)

Agama Samawi Bukannya Hasil Dari Evolusi Kepercayaan

Nabi Musa a.s. telah mengemukakan hakikat ini kepada Fir'aun, iaitu satu hakikat yang telah dikemukakan oleh setiap Rasul yang diutuskan Allah sebelumnya, iaitu hakikat Rububiyah Allah Yang Maha Esa terhadap seluruh alam, hakikat Uluhiyah yang tunggal dan hakikat Uluhiyah yang mutlak, bukannya seperti teori-teori yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana pengkaji agama-agama dan pengikut mereka mengenai "evolusi agama" seluruhnya tanpa kecuali termasuk agama-agama Samawi yang dibawa oleh sekalian Rasul dari Allah, sedangkan 'aqidah atau agama yang dibawa oleh para Rasul itu adalah satu 'aqidah yang tetap dan sama, iaitu 'aqidah yang (sejak dari awal lagi) menegakkan konsep Uluhiyah yang tunggal bagi semesta alam. Ia bukannya hasil perkembangan atau evolusi dari kepercayaan kepada banyak tuhan kemudian perlahan-lahan berkembang kepada kepercayaan kepada dua tuhan dan akhirnya berkembang kepada kepercayaan kepada satu tuhan. Tetapi agama-agama jahiliyah ciptaan manusia yang menyeleweng dari 'aqidah Rabbaniyah telah berkembang secara simpang-siur yang tidak terbatas di antara kepercayaan-kepercayaan kepada Totem, kepercayaan kepada roh-roh, hantu-hantu dan semangat-semangat, kepercayaan kepada berbagai-bagai tuhan, kepercayaan-kepercayaan menyembah matahari, kepercayaan kepada dua tuhan dan kepercayaan kepada satu tuhan yang bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan paganisme dan sebagainya dari semua jenis kepercayaan-kepercayaan jahiliyah. Oleh sebab itu tidak seharusnya dicampuradukkan di antara agama-agama Samawi yang seluruhnya di bawa oleh para Rasul untuk menegakkan konsep tauhid yang betul, iaitu menegakkan konsep Tuhan Yang Maha Esa yang menguasai seluruh alam, dengan kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang karut yang menyeleweng dari agama Allah yang betul.

Nabi Musa a.s. telah mencabar Fir'aun dan kuncu-kuncunya dengan mengemukakan hakikat 'aqidah Islam yang tunggal yang dikemukakan oleh setiap Nabi sebelum atau selepasnya untuk mencabar 'aqidah-'aqidah jahiliyah yang karut. Beliau mencabar Fir'aun dengan hakikat 'aqidah ini sedangkan beliau sedar bahawa 'aqidah ini merupakan suatu pemberontakan terhadap Fir'aun, terhadap para pembesarnya, terhadap kerajaan dan sistem pemerintahannya kerana konsep Rabbaniyah Allah terhadap seluruh alam dari awal-awal lagi membawa erti memansuh dan membatalkan legality mana-mana undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintahan yang lain dari syari'at Allah dan perintah-Nya, juga membawa erti mengenyahkan setiap Taghut dari memperhambakan manusia kepada kekuasaannya dan menundukkan mereka kepada undang-undang dan perintahnya yang lain dari Allah. Beliau mencabar Fir'aun dengan hakikat yang besar ini dengan sifatnya sebagai utusan dari Tuhan semesta alam yang berkewajipan dan dipastikan supaya mengatakan sesuatu hakikat yang benar atas nama Allah yang mengutuskannya:

حَقِيقٌ عَلَىٰ أَن لَّا أَقُولَ عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقَّ ۚ

"Sudah semestinya saya tidak harus mengatakan dengan menggunakan nama Allah melainkan sesuatu yang benar."(105)

Maksudnya, tidak seharusnya bagi seorang Rasul yang mengetahui hakikat Allah untuk mengatakan sesuatu atas namanya kecuali sesuatu yang benar, kerana ia mengetahui darjah Allah dan menghayati hakikat Allah di dalam hatinya:

قَدْ جِئْتُكُم بِبَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ

"Saya telah membawa kepada kamu keterangan yang jelas dari Tuhan kamu"(105)

untuk membuktikan kebenaran saya kepada kamu bahawa saya adalah utusan dari Tuhan semesta alam.

Atas nama hakikat yang agung itu, iaitu hakikat Rububiyah yang merangkumi semesta alam, Musa a.s.

menuntut dari Fir'aun supaya membebaskan Bani Israel agar mereka dapat meninggalkan negeri Mesir bersamanya.

Oleh sebab kaum Bani Israel itu merupakan hamba-hamba kepada Allah Yang Maha Esa, maka tidaklah sepatutnya bagi Fir'aun menjadikan mereka sebagai hambanya, kerana seorang itu tidak boleh berkhidmat kepada dua tuan dan tidak pula boleh menyembah dua Tuhan. Siapa yang menjadi hamba Allah, maka ia tidak boleh menjadi hamba kepada yang lain dari Allah. Dan jika Musa telah mengumumkan bahawa Tuhan semesta alam itu ialah Allah, maka pengumuman hakikat ini dengan sendiri membatalkan legality perbuatan Fir'aun yang memperhambakan Bani Israel.

Pengisytiharan konsep Rububiyah Allah yang merangkumi semesta alam itu sendiri merupakan pengisytiharan pembebasan manusia, iaitu pembebasan dari tunduk, patuh, mengikut dan mengabdikan diri kepada yang lain dari Allah, juga pembebasan dari undang-undang dan peraturan manusia, pembebasan dari hawa nafsu, pembebasan dari tradisi-tradisi manusia dan dari pemerintahan manusia.

Pengumuman konsep Rububiyah Allah yang merangkumi semesta alam itu tidak boleh berkumpul dengan amalan seorang yang tunduk kepada yang lain dari Allah dan tidak pula boleh berkumpul dengan kuasa Hakimiyah seorang yang mengamalkan undang-undang dari ciptaannya sendiri. Orang-orang yang membanggakan diri mereka sebagai orang-orang Islam yang sebenar, sedangkan mereka tunduk kepada undang-undang ciptaan manusia – yakni tunduk kepada Rububiyah yang lain dari Rububiyah Allah – adalah salah dan meleset jika mereka fikirkan diri mereka sebagai kaum Muslimin yang tulen! Sebenarnya mereka tidak berada dalam agama Allah yang sebenar, kerana pemerintah mereka bukannya Allah dan undang-undang yang dijunjung mereka bukannya syari'at Allah. Malah mereka berada dalam agama pemerintah mereka, malah mereka berada dalam agama pemerintah itu bukan dalam agama Allah yang benar.

Berdasarkan hakikat inilah, Nabi Musa a.s. diperintah menuntut dari Fir'aun supaya membebaskan kaum Bani Israel:

يَـٰفِرْعَوْنُ إِنِّى رَسُولٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿١٠٤﴾

"Wahai Fir'aun! Sesungguhnya saya adalah utusan dari Allah Tuhan semesta alam."(104)

فَأَرْسِلْ مَعِىَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿١٠٥﴾

"Oleh itu bebaskanlah kaum Bani Israel pergi bersama saya."(105)

Kedua-dua ayat merupakan muqaddimah dan natijah yang tidak berpisah atau bercerai.

Fir'aun dan para pembesarnya juga mengerti maksud dari pengumuman Musa yang menjelaskan Rububiyah Allah yang merangkumi seluruh alam itu. Mereka mengerti bahawa pengumuman itu secara halus mengertikan penggulingan kedaulatan Fir'aun, penumbangan sistem pemerintahannya, penolakan terhadap legalitinya dan pendedahan terhadap, perbuatan-perbuatannya yang sewenang-wenang dan zalim, tetapi Fir'aun dan para pembesarnya masih mempunyai peluang di hadapannya untuk menggambarkan Musa sebagai seorang pembohong kerana mengaku dirinya sebagai utusan Allah Tuhan semesta alam tanpa bukti dan dalil:

قَالَ إِن كُنتَ جِئْتَ بِـَٔايَةٍ فَأْتِ بِهَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّـٰدِقِينَ ﴿١٠٦﴾

"Jawab Fir'aun: Jika benar engkau datang dengan membawa sesuatu mu'jizat, maka silalah engkau tunjukkannya jika engkau dari golongan orang-orang yang bercakap benar."(106)

Fir'aun tahu jika ternyata kepadanya bahawa dakwaan Musa yang mengaku dirinya sebagai utusan Allah Tuhan semesta alam itu adalah satu dakwaan yang dusta, maka dengan sendirinya dakwaannya itu gugur dan tidak penting lagi, dan da'wahnya yang berat itu tidak lagi berbahaya, malah ternyatalah bahawa Musa adalah seorang pembohong yang tidak mempunyai apa-apa bukti dan dalil yang benar, tetapi Musa menjawab:

فَأَلْقَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِىَ ثُعْبَانٌ مُّبِينٌ ﴿١٠٧﴾
وَنَزَعَ يَدَهُۥ فَإِذَا هِىَ بَيْضَآءُ لِلنَّـٰظِرِينَ ﴿١٠٨﴾

"Lalu Musa mencampakkan tongkatnya, maka tiba-tiba tongkat itu menjadi seekor ular yang sangat jelas (107). Dan Musa mengeluarkan tangannya tiba-tiba tangannya kelihatan putih berseri kepada orang yang melihatnya."(108)

Adalah satu perkara yang amat memeranjatkan Fir'aun kerana tongkat Musa tiba-tiba berubah menjadi seekor ular yang sebenar dan jelas yang tidak diragui, lagi sebagaimana diterangkan di dalam surah yang lain:

فَأَلْقَىٰهَا فَإِذَا هِىَ حَيَّةٌ تَسْعَىٰ ﴿٢٠﴾

"Tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang bergerak dan menjalar."

(Surah Taha: 20)

Kemudian tangan Musa yang berkulit sawo matang itu tiba-tiba menjadi putih berkilat apabila beliau mengeluarkannya dari bajunya, dan warna putih itu bukannya warna kerana menghidap sesuatu penyakit, malah suatu mu'jizat yang memeranjatkan, tetapi apabila beliau memasukkan tangannya semula ke dalam bajunya, maka kulit tangannya kembali kepada warna sawo matang.

Inilah bukti dan dalil kebenaran dakwaan Musa yang mengaku dirinya sebagai utusan dari Allah Tuhan semesta alam.

Fir'aun Menghadapi Konsep Rububiyah Semesta Alam

Tetapi apakah Fir'aun dan para pembesarnya sanggup menerima dakwaan Musa yang berat itu? Apakah mereka sanggup menerima konsep Rububiyah Allah yang merangkumi seluruh alam? Di atas landasan apakah pula nanti hendak ditegakkan singgahsana Fir'aun, mahkotanya, kerajaan dan pemerintahannya? Dan di atas asas apakah pula nanti hendak diletakkan kedudukan para pembesar kaumnya dan darjah-darjah mereka yang selama ini dikurniakan oleh Fir'aun mengikut tradisi-tradisi pemerintahannya? Semuanya ini hendak ditegakkan di atas landasan apakah nanti jika Rububiyah Allah itu merangkumi semesta alam?.

Jika Allah itu "Tuhan semesta alam", maka semua pemerintahan harus ditegakkan di atas syari'at Allah dan seluruh keta'atan harus ditumpukan kepada perintah Allah. Jadi ke mana nanti perginya undang-undang dan dekri-dekri Fir'aun kerana ia tidak dilandaskan di atas syari'at Allah dan tidak bersandar kepada perintah-perintah Allah? Jika orang ramai bertuhankan Allah, tentulah mereka tidak mempunyai tuhan yang lain yang disembah mereka, dijunjungkan perintahnya dan dipatuhi undang-undang dan peraturannya. Orang ramai selama ini tunduk dan patuh kepada undang-undang dan peraturan-peraturan Fir'aun, kerana mereka menganggap Fir'aun tuhan mereka. Oleh sebab itu pemerintah yang memerintah orang ramai dengan undang-undang dan peraturan dari ciptaannya, maka dialah seolah-olah tuhan mereka dan mereka dikira berpegang dengan agamanya walau dalam bentuk apa sekalipun.

Tetapi sekali-kali tidak begitu, Taghut Fir'aun tidak akan beralah sedekat itu. Ia tidak akan menerima pembatalan kuasa dan penafian terhadap kesahihan pemerintahannya semudah itu. Fir'aun dan para pembesarnya juga tidak tersilap dalam memahami hakikat Uluhiyah Allah yang besar yang diisytiharkan oleh Musa itu, malah mereka menjelaskan secara terbuka, tetapi dengan mengalihkan pandangan mereka dari pengertian yang serius, iaitu dengan melemparkan tuduhan kepada Musa sebagai seorang ahli sihir yang bijak:

قَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِ فِرْعَوْنَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٩﴾

يُرِيدُ أَن يُخْرِجَكُم مِّنْ أَرْضِكُمْ فَمَاذَا تَأْمُرُونَ ﴿١١٠﴾

"Ujar para pembesar dari kaum Fir'aun: Sesungguhnya orang ini (Musa) seorang ahli sihir yang amat pintar.(109) Dia mahu mengeluarkan kamu dari negeri kamu. Oleh itu apakah bicara kamu?"(110)

Secara terus-terang mereka menjelaskan kesimpulan besar dari hasil pengumuman hakikat Uluhiyah Allah yang amat luas itu, iaitu pengumuman itu memberi kesimpulan bahawa Fir'aun dan kuncu-kuncunya akan diusir keluar dari negeri ini, kekuasaannya akan hapus, undang-undang dan peraturannya akan termansuh begitu sahaja, atau ia memberi kesimpulan bahawa pergerakan dan perjuangan Musa adalah bertujuan menukarkan corak pemerintahan, mengikut istilah moden.

Negeri ini milik Allah dan manusia juga milik Allah. Oleh sebab itu apabila kuasa Hakimiyah di negeri ini dipulangkan kepada Allah, maka para Taghut yang memerintah dengan undang-undang dan peraturan yang bukan dari syari'at Allah itu sudah tentu akan terusir dari negeri ini, atau tokoh-tokoh yang berlagak selaku tuhan-tuhan yang mempraktikkan ciri-ciri Uluhiyah dengan memperhambakan orang ramai mengikut undang-undang dan peraturan mereka akan tersisih keluar dari negeri ini, dan turut keluar bersama mereka ialah para pembesar yang dilantikkan mereka untuk mengisi berbagai-bagai jawatan yang penting kerana para pembesar inilah yang bekerja dan berusaha menundukkan orang ramai kepada tokoh-tokoh yang berlagak selaku tuhan itu.

Demikianlah kesedaran dan kefahaman Fir'aun dan para pembesarnya terhadap da'wah Musa yang serius itu. Dan beginilah juga kesedaran dan kefahaman golongan para Taghut di setiap zaman! Seorang lelaki Arab biasa telah berkata secara spontan apabila dia mendengar Rasulullah s.a.w. mengajak orang ramai kepada pengakuan "Tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad utusan Allah": "Perkara ini tidak disukai raja-raja". Dan seorang Arab yang lain pula berkata kepada beliau secara spontan juga: "Jadi, anda akan diperangi oleh orang-orang Arab dan orang-orang bukan Arab". Kedua-duanya faham bahawa pengakuan "Tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad pesuruh Allah" merupakan suatu pengumuman pemberontakan terhadap pemerintah-pemerintah yang memerintah dengan undang-undang dan peraturan yang bukan diturunkan dari Allah, sama ada mereka orang-orang Arab atau orang-orang bukan Arab. Pengertian syahadat La ilaha Illallah mempunyai pengertian yang amat serius dalam perasaan kedua-dua orang Arab ini, kerana mereka memahami pengertian kata-kata bahasa mereka dengan baik. Tiada seorang pun dari keduanya yang memahami ungkapan syahadat itu berfikir bahawa pengakuan La ilaha Illallah itu boleh berkumpul dalam sebuah hati atau dalam sebuah negeri dengan sistem pemerintahan yang memerintah dengan undang-undang dan peraturan yang bukan dari syari'at Allah, dengan erti di sana wujudnya tuhan-tuhan yang lain di samping Allah. Tiada seorang pun dari keduanya yang memahami konsep syahadat La ilaha Illallah itu dengan kefahaman yang karut, pudar dan remeh seperti yang difahami hari ini oleh orang-orang yang mendakwa diri mereka sebagai "orang-orang Muslimin".

Perkataan mereka sama dengan perkataan para pembesar kaum Fir'aun ketika bermesyuarat dengan Fir'aun:

قَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِ فِرْعَوْنَ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٩﴾
يُرِيدُ أَن يُخْرِجَكُم مِّنْ أَرْضِكُمْ ۖ فَمَاذَا تَأْمُرُونَ ﴿١١٠﴾
قَالُوٓا۟ أَرْجِهْ وَأَخَاهُ وَأَرْسِلْ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ﴿١١١﴾
يَأْتُوكَ بِكُلِّ سَٰحِرٍ عَلِيمٍ ﴿١١٢﴾

"Ujar para pembesar dari kaum Fir'aun: Sesungguhnya orang ini (Musa) seorang ahli sihir yang amat pintar (109). Dia mahu mengeluarkan kamu dari negeri kamu. Oleh itu apakah bicara kamu?(110). Jawab mereka: Tangguhkanlah perkara Musa dan saudaranya ini (hingga ke suatu masa dan sementara itu) utuskanlah (pegawai-pegawai kita) ke bandar-bandar untuk mengumpulkan (ahli-ahli sihir) (111). Nescaya mereka akan membawa kepada tuanku semua ahli sihir yang bijak."(112)

Ilmu Sihir Dalam Kepercayaan Paganisme

Di negeri Mesir masa itu terdapat ramai para kahin yang tinggal di kuil-kuil. Merekalah orang-orang yang melakukan kerja-kerja sihir. Hampir dalam seluruh kepercayaan paganisme, agama digandingkan dengan ilmu sihir. Para kahin yang menjadi kepala agama-agama dan penjaga berhala-berhala itulah yang mengamalkan ilmu sihir, dan gejala inilah yang dipungut oleh para ilmuan agama-agama, hingga setengah-setengah mereka memperkatakan ilmu sihir sebagai satu fasa dari fasa-fasa perkembangan agama dan di antara mereka terdapat pengkaji-pengkaji yang tidak percaya kepada kewujudan Allah lalu mereka berkata bahawa agama akan terus wujud selama wujudnya ilmu sihir, dan sains akan menamatkan zaman agama sebagaimana ia telah menamatkan zaman ilmu sihir dan sebagainya dari pernyataan-pernyataan yang bersifat meraba-raba yang mereka namakannya sebagai pandangan-pandangan "sains".

Para pembesar kaum Fir'aun telah mengambil keputusan supaya Fir'aun menangguhkan persoalan Musa hingga ke suatu masa yang tertentu dan supaya baginda mengirimkan pegawai-pegawai baginda ke merata pelosok negeri Mesir untuk mengumpulkan ahli-ahli sihir yang terkemuka untuk menghadapi "ilmu sihir Musa" – mengikut tanggapan mereka – dengan kepandaian silir yang sama.

Walau sejauh mana kezaliman-kezaliman Fir'aun yang dikenali di zaman itu, namun tindak-tanduk kekejaman dan kezalimannya tidak sampai ke tahap kekejaman dan kezaliman sebilangan besar para Taghut di abad dua puluh yang menentang da'wah para penda'wah Islam yang mengajak manusia beriman dengan konsep Rububiyah Allah yang merangkumi semesta alam, kerana konsep yang serius ini mengancam kuasa-kuasa palsu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 113 - 114)

Ayat-ayat yang berikut melangkaui babak langkah-langkah yang telah diambil oleh Fir'aun dan para pembesarnya dalam usaha mengumpulkan ahli-ahli sihir dari merata pelosok negara dan terus melabuhkan tirainya ke atas adegan yang pertama itu, kemudian disingkapkannya semula untuk menayangkan adegan yang berikut. Itulah salah satu dari keindahan-keindahan tayangan kisah-kisah Al-Qur'an hingga ia kelihatan seolah-olah kejadian yang dapat di lihat dengan mata bukannya hikayat yang diceritakan.[7]

وَجَآءَ ٱلسَّحَرَةُ فِرْعَوْنَ قَالُوٓا۟ إِنَّ لَنَا لَأَجْرًا إِن كُنَّا نَحْنُ ٱلْغَٰلِبِينَ ﴿١١٣﴾
قَالَ نَعَمْ وَإِنَّكُمْ لَمِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿١١٤﴾

"Dan datanglah ahli-ahli sihir mengadap Fir'aun lalu berkata: Apakah kami akan mendapat upah jika kami menang?(113) Jawab Fir'aun: Ya, dan kamu sekalian akan menjadi orang-orang yang hampir kepada aku."(114)

Mereka adalah ahli-ahli sihir profesional. Mereka hidup dengan melakukan pertunjukan-pertunjukan kepandaian sihir sebagaimana para kahin hidup dengan kerja-kerja mentafsirkan rahsia-rahsia dan meramalkan perkara-perkara ghaib. Ganjaran dan upahan itulah yang menjadi matlamat kerjaya-kerjaya itu. Memberi khidmat-khidmat kepada pihak-pihak yang berkuasa dan golongan Taghut yang karut itulah kerja ahli-ahli agama yang profesional. Apabila keadaan menyeleweng, di mana penumpuan 'Ubudiyah kepada Allah dan penentuan kuasa Hakimiyah kepada Allah tidak lagi wujud dan di mana kuasa Taghut telah menggantikan kuasa syari'at Allah, maka di waktu inilah Taghut memerlukan kepada ahli-ahli agama profesional, dan khidmat-khidmat mereka dibayar dengan ganjaran tertentu, kedua-dua golongan saling bertukar kepentingan. Merekalah yang berusaha menegakkan kekuasaan Taghut atas nama agama. Mereka diberi habuan harta dan dijadikan pembesar-pembesar yang mempunyai kedudukan yang hampir dengan Taghut.

Fir'aun telah meyakinkan ahli-ahli sihir itu bahawa mereka akan diberi ganjaran atas khidmat kerjaya mereka dan di samping itu akan mengangkatkan mereka sebagai orang-orang yang dekat dengan baginda supaya tawaran itu lebih menarik dan lebih menggalakkan mereka menunjukkan kepandaian mereka dengan sedaya upaya mereka. Sedangkan

---

[7] *Lihat huraian yang panjang lebar dalam bab* "القصّة في القرآن" *dalam buku* "التصوير الفني في القرآن"

baginda dan ahli-ahli sihir itu tidak mengetahui bahawa situasi perlawanan ini bukanlah situasi menunjukkan kerjaya sihir atau menunjukkan kepandaian-kepandaian yang mengelirukan pandangan, malah situasi di sini ialah situasi mu'jizat, situasi kerasulan dan situasi perhubungan dengan kuasa Allah Yang Maha Gagah yang tidak dapat ditentang oleh ahli-ahli sihir dan pihak-pihak yang berkuasa manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 115 -126)

Temasya Pertandingan

Kini para ahli sihir merasa yakin akan memperolehi ganjaran yang telah dijanjikan oleh Fir'aun dan mereka memasang angan-angan untuk mendapat kedudukan yang hampir di sisi Srimaharaja Fir'aun. Kini mereka telah bersiap sedia untuk memulakan pertandingan. Mereka tampil menghadapi Musa a.s. untuk mencabarnya. Dan selepas itu berlakulah akibat yang baik yang telah ditetapkan Allah kepada mereka, iaitu akibat keimanan dan ganjaran dari Allah yang tidak pernah diduga mereka. Mereka mencabar Musa:

"Mereka berkata: Apakah engkau yang mula mencampakkan (tongkat engkau) atau kami yang mula mencampakkannya?"(115)

قَالَ أَلْقُوا

"Jawab Musa: Silalah kamu campakkan dahulu."(116)

Cabaran mereka amat ketara apabila mereka memberi pilihan kepada Musa. Begitu juga kepercayaan mereka kepada ilmu sihir mereka dan keyakinan mereka kepada kemampuan mereka untuk memenangi pertandingan ini dapat di lihat di sini dengan jelas. Pihak Musa juga memperlihatkan kepercayaannya yang tinggi dan memandang ringan kepada cabaran mereka dengan jawapannya, "Silalah kamu campakkan dahulu!" jawapan yang pendek ini membayangkan sikap kurang memandang berat di samping membayangkan kepercayaan yang tersemat di dalam hati Musa mengikut cara pengungkapan Al-Qur'an memberi sesuatu bayangan dengan menggunakan perkataan yang tunggal di kebanyakan tempat.

Tetapi Al-Qur'an secara tiba-tiba menceritakan kepada kita perasaan terperanjat yang dialami oleh Musa a.s.[8]

[8] *Perasaan yang dialami Musa ini tidak dijelaskan disini, tetapi dalam dijelaskan dalam Surah Taha, Ayat 67 – 68 yang bermaksud "ia menimbulkan perasaan bimbang di dalam hati Musa lalu Kami berfirman: Janganlah bimbang kerana engkaulah yang lebih tinggi" yakni yang akan menang mengatasi mereka.*

Ketika kita berada dalam situasi yang membayangkan sikap memandang ringan dan tidak peduli, tiba-tiba kita berdepan dengan pertunjukan sihir yang pintar yang merangsangkan perasaan takut dan cemas:

فَلَمَّا أَلْقَوْا سَحَرُوا أَعْيُنَ النَّاسِ وَاسْتَرْهَبُوهُمْ وَجَاءُوا بِسِحْرٍ عَظِيمٍ ﴿١١٦﴾

"Dan apabila mereka mencampakkan (tongkat-tongkat dan tali-tali sihir), mereka telah mempesonakan mata khalayak ramai dan menggerunkan mereka. Mereka telah menunjukkan kepandaian sihir yang amat besar."(116)

Bagi kita cukuplah dengan Pernyataan Al-Qur'an yang mengatakan bahawa sihir yang ditunjukkan oleh ahli-ahli sihir itu adalah cukup besar untuk kita memahami bagaimana kepandaian sihir yang ada pada mereka. Cukuplah bagi kita mengetahui dari pernyataan Al-Qur'an bahawa ahli-ahli sihir itu telah berjaya mempesonakan mata khalayak ramai dan menimbulkan perasaan-perasaan gerun di dalam hati mereka untuk kita memahami bentuk kepandaian ilmu sihir yang ada pada mereka. Kata-kata "استرهبوهم"(menggerunkan mereka) itu sendiri adalah satu kata-kata yang memberi gambaran yang jelas, iaitu mereka telah berjaya menimbulkan perasaan gerun dan takut yang terpaksa dialami mereka. Di samping itu cukuplah bagi kita mengetahui dari satu pernyataan Al-Qur'an yang lain di dalam Surah Taha yang menyatakan bahawa Musa a.s. juga merasa bimbang di dalam hatinya untuk kita memahami hakikat sihir yang ada pada mereka.

Walau bagaimanapun, di sana berlaku pula satu peristiwa lain yang amat memeranjatkan yang disaksikan oleh Fir'aun dan para pembesarnya, juga disaksikan oleh para kahin yang menjadi jaguh-jaguh sihir dan seterusnya disaksikan oleh seluruh khalayak ramai di gelanggang pertandingan yang besar itu, di mana mereka melihat ahli-ahli sihir menayangkan kepandaian sihir yang amat menakjubkan itu:

وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَلْقِ عَصَاكَ فَإِذَا هِيَ تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ ﴿١١٧﴾

فَوَقَعَ الْحَقُّ وَبَطَلَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١١٨﴾

فَغُلِبُوا هُنَالِكَ وَانْقَلَبُوا صَاغِرِينَ ﴿١١٩﴾

"Lalu Kami wahyukan kepada Musa: Campakkanlah tongkatmu! Maka tiba-tiba tongkat itu menelan segala hasil sihir mereka yang palsu (yang dicampakkan mereka) (117). Lalu tegaklah kebenaran dan lenyaplah segala apa yang dilakukan mereka (118). Mereka telah dikalahkan di sana dan pulang dengan kecewa dan hina."(119)

Ahli-ahli Sihir Fir'aun Menemui Nur Iman Dalam Mu'jizat Musa

Yang batil selalu berlagak handal dan sombong, mempesonakan mata-mata yang melihat,

menggerunkan hati yang menyaksi, membuat ramai percaya bahawa ia akan menang dan memusnahkan lawannya, tetapi sebaik sahaja ia berdepan dengan kebenaran yang tenang dan yakin, ia terus pecah seperti gelembung dan bebola air, terus menguncup seperti landak dan terus padam seperti api rumput kering, sedangkan kebenaran terus kuat, bertapak kukuh dan berakar tunjang yang dalam. Bayangan dari pengertian-pengertian ini disampaikan oleh pengungkapan Al-Qur'an "فوقع الحق" (maka tegaklah kebenaran) ketika ia menggambarkan kebenaran itu sebagai sesuatu benda yang kuat, teguh dan mantap dan kebatilan terus hilang dan tidak wujud lagi:

وَبَطَلَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١١٨﴾

"Dan lenyaplah segala apa yang dilakukan mereka."(118)

Kebatilan dan pendokong-pendokong kebatilan menerima kekalahan dengan penuh kecewa dan hina-dina.

Mereka menjadi kecut selepas berkembang indah dan mempesonakan mata-mata yang melihatnya:

فَغُلِبُوا۟ هُنَالِكَ وَٱنقَلَبُوا۟ صَـٰغِرِينَ ﴿١١٩﴾

"Mereka telah dikalahkan di sana dan pulang dengan kecewa dan hina."(119)

Tetapi peristiwa yang memeranjatkan ini belum lagi berakhir dan adegan ini masih membawa satu lagi peristiwa agung yang memeranjatkan:

وَأُلْقِىَ ٱلسَّحَرَةُ سَـٰجِدِينَ ﴿١٢٠﴾

"Kemudian ahli-ahli sihir merebahkan diri sujud."(120)

قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِرَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿١٢١﴾

"Seraya berkata: Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam."(121)

رَبِّ مُوسَىٰ وَهَـٰرُونَ ﴿١٢٢﴾

"Iaitu Tuhan Musa dan Harun."(122)

Itulah pengaruh kebenaran di dalam hati nurani. Itulah cahaya kebenaran yang terserlah di dalam perasaan manusia. Itulah belaian kebenaran yang mengusap hati manusia yang bersedia untuk menerima kebenaran dan menyambut sorotan nur dan keyakinan.

Ahli-ahli sihir itu merupakan orang-orang yang paling mengetahui tentang hakikat ilmu mereka dan sejauh mana pencapaian mereka. Mereka merupakan orang-orang yang lebih arif tentang apa yang ditunjukkan oleh Musa sama ada ia dari ilmu sihir atau dari kepandaian manusia atau dari kudrat kuasa ghaib yang berada di luar kemampuan manusia dan keupayaan kepandaian sihir. Seorang yang arif dan alim dalam bidang ilmunya merupakan seorang yang paling bersedia untuk menerima hakikat yang terserlah kepadanya, kerana ia lebih memahami hakikat ini dibandingkan dengan orang-orang yang hanya mengenal kulit luar ilmu ini. Bertolak dari hakikat inilah ahli-ahli sihir itu berubah secara mendadak dari sikap mereka yang mencabar Musa secara terbuka kepada mengaku kalah dan menyerah diri secara mutlak kepada kebenaran yang mereka dapati bukti-buktinya di dalam hati mereka dengan penuh keyakinan.

Tetapi golongan Taghut yang angkuh tidak memahami bagaimana cahaya keimanan meresap ke dalam hati manusia, bagaimana kemanisan iman mempegaruhi hati mereka dan bagaimana hati mereka diselar oleh kepanasan keimanan dan keyakinan. Oleh kerana mereka terlalu lama memperhambakan manusia, mereka berfikir bahawa mereka berkuasa mengubahkan jiwa dan hati manusia, sedangkan hati manusia terletak di antara dua jari kekuasaan Allah Yang Maha Penyayang. Dialah sahaja yang berkuasa mengubahkannya mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya. Oleh sebab itulah Fir'aun terperanjat besar apabila ahli-ahli sihir itu secara mendadak mengumumkan keimanan mereka. Dia tidak mengetahui bagaimana keimanan itu meniti ke dalam hati mereka. Dia tidak dapat mengikut jejak-jejak keimanan yang melangkah ke dalam hati mereka. Dia tidak tahu adanya pintu-pintu keimanan yang terletak di jalan-jalan hati nurani mereka. Kemudian dia digugatkan oleh peristiwa yang amat memeranjat-kannya, peristiwa yang menggoncangkan singgahsananya, iaitu peristiwa ahli-ahli sihir yang menyerah diri secara mendadak kepada Allah Tuhan semesta alam iaitu Tuhan Musa dan Harun, sedangkan mereka terdiri dari kahin-kahin yang menerajui kuil-kuil dan seluruh mereka adalah di kumpul dengan tujuan untuk menghapuskan da'wah Musa dan Harun yang mengajak manusia beriman kepada Allah Tuhan seluruh alam. Singgahsana dan kuasa merupakan segala sesuatu yang diperhitungkan di dalam kehidupan golongan Taghut. Segala jenayah halal dilakukan tanpa segan dan malu demi menyelamatkan kuasa mereka:

قَالَ فِرْعَوْنُ ءَامَنتُم بِهِۦ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ إِنَّ هَـٰذَا لَمَكْرٌ مَّكَرْتُمُوهُ فِى ٱلْمَدِينَةِ لِتُخْرِجُوا۟ مِنْهَآ أَهْلَهَا ۖ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿١٢٣﴾ لَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَـٰفٍ ثُمَّ لَأُصَلِّبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٢٤﴾

"Fir'aun berkata (kepada ahli-ahli sihir yang beriman): Apakah kamu telah beriman kepadanya (Musa) sebelum aku memberi keizinan kepada kamu. Ini adalah satu rancangan jahat yang kamu aturkan di bandar ini untuk menghalaukan penduduknya keluar darinya. Oleh itu kamu akan mengetahui akibatnya (123). Demi sesungguhnya aku akan

potong tangan dan kaki kamu dengan berselang kemudian aku akan memalangkan kamu sekalian."(124)

Demikianlah perkataan Fir'aun: "Apakah kamu telah beriman kepadanya (Musa) sebelum aku memberi keizinan kepada kamu?" Seolah-olah mereka wajib meminta keizinannya kerana kebangkitan hati mereka menerima da'wah yang benar, sedangkan mereka sendiri tidak dapat menguasai hati mereka, atau wajib meminta keizinannya supaya membenarkan hati mereka menggeletar menghadapi kebenaran, sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang kuasa di atas hati mereka, atau wajib meminta keizinannya supaya membenarkan jiwa mereka disinari cahaya keimanan, sedangkan mereka sendiri tidak berkuasa mengawal pintu-pintu jiwa mereka, atau seolah-olah mereka wajib menolak keimanan dan keyakinan yang sedang bercambah di lubuk hati mereka, atau wajib menghapuskan keimanan yang sedang mengalir di pendalaman hati mereka, atau wajib menghalangkan nur keimanan yang sedang memancar dari lorong-lorong keyakinan di dalam hati mereka.

Tetapi Taghut selama-lamanya bersifat jahil, bebal dan padam matahatinya, dan dalam waktu yang sama berlagak angkuh, sombong dan terperdaya. Dia selalu dilambung perasaan bimbang dan cemas terhadap keselamatan singgahsananya yang terancam dan kuasanya yang tergugat.

إِنَّ هَٰذَا لَمَكْرٌ مَّكَرْتُمُوهُ فِي ٱلْمَدِينَةِ لِتُخْرِجُوا۟ مِنْهَآ أَهْلَهَا ۖ

"Ini adalah satu rancangan jahat yang kamu aturkan di bandar ini untuk menghalaukan penduduknya keluar darinya."(123)

Dan di dalam ayat yang lain diungkapkan:

إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ ۖ

"Sesungguhnya dia (Musa) adalah ketua kamu yang mengajar ilmu sihir kepada kamu."

(Surah Taha: 71)

Persoalan di sini amat jelas, iaitu da'wah Musa yang mengajak manusia menyembah Allah Tuhan semesta alam itulah yang menimbulkan kebimbangan dan ketakutan kepada golongan Taghut, kerana mengikut konsep ini kekuasaan golongan Taghut tidak akan kekal dan selamat setelah wujudnya da'wah menyembah Allah Tuhan seluruh alam. Selama ini kekuasaan mereka ditegakkan di atas landasan memperkesampingkan Rububiyah Allah terhadap manusia dengan menolak syari'at Allah serta meletakkan diri mereka sebagai tuhan-tuhan kecil yang berhak mengadakan undang-undang dan peraturan untuk, manusia sesuka hati mereka dan memperhambakan manusia supaya tunduk kepada, undang-undang ciptaan mereka. Kedua-duanya merupakan dua cara hidup atau dua agama atau dua tuhan yang tidak mempunyai titik pertemuan. Hal ini memang disedari oleh Fir'aun dan para pembesarnya. Mereka selama ini takut dan bimbang kepada da'wah Musa dan Harun yang mengajak manusia menyembah Allah semesta alam. Dan sekarang mereka bertambah takut dan bimbang lagi setelah ahli-ahli sihir itu merebahkan diri sujud kepada Allah seraya berkata: "Kami telah beriman kepada Allah Tuhan semesta alam, iaitu Tuhan Musa dan Harun". Ahli-ahli sihir itu adalah terdiri dari kahin-kahin atau ketua-ketua agama paganisme yang mempertuhankan Fir'aun dan memaksa rakyat jelata Mesir tunduk kepada Fir'aun atas nama agama.

Lalu Fir'aun terus meluahkan ancamannya yang kejam dan ganas:

فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿١٢٣﴾

"Kamu akan mengetahui akibatnya."(123)

لَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ ثُمَّ لَأُصَلِّبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿١٢٤﴾

"Demi sesungguhnya aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan berselang kemudian aku akan memalangkan kamu sekalian."(124)

Hukuman yang berat dan penyeksaan yang kejam merupakan satu-satunya saranan yang digunakan oleh golongan Taghut untuk menentang da'wah yang benar, kerana mereka tidak berupaya menolak agama yang benar itu dengan kekuatan hujjah dan bukti. Itulah alat-alat senjata kebatilan untuk menentang kebenaran yang amat terang.

Tetapi apabila jiwa manusia sanggup mengumumkan hakikat keimanan yang tersemat di dalam lubuk hatinya, maka ia akan memandang rendah kepada kuasa dan kekuatan di bumi dan akan memandang kecil kepada tindakan-tindakan ganas penguasa-penguasa yang zalim, ia akan mengutamakan aqidah dari hidup, akan memandang enteng kepada kesenangan dan keni'matan yang fana di samping keni'matan yang kekal abadi. Ia tidak akan berhenti bertanya: Apakah yang akan diambil dan ditinggal? Apakah yang akan diterima dan dibayar? Apakah kerugian yang akan ditanggung dan keuntungan yang akan dicapai? Apakah kesulitan-kesulitan, duri-duri dan pengorbanan yang akan dihadapi di tengah jalan? Ia tidak akan berhenti dan bertanya apa-apa, kerana ufuk yang terang dan gemilang terbentang indah di hadapannya. Oleh sebab itu ia tidak melihat sesuatu yang lain di perjalanan.

قَالُوٓا۟ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ﴿١٢٥﴾ وَمَا تَنقِمُ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا لَمَّا جَآءَتْنَا ۚ رَبَّنَآ أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ ﴿١٢٦﴾

"Jawab mereka: Sesungguhnya kami tetap kembali kepada Tuhan kami (125). Sebenarnya engkau tidak membalas dendam terhadap kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami setelah ia datang kepada kami. Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran ke atas kami dan wafatkanlah kami selaku orang-orang Muslimin."(126)

Itulah keimanan yang tidak mengenal takut, keimanan yang kukuh tidak bergoyang, keimanan yang pantang tunduk dan menyerah, keimanan yang yakin dan redha dengan kesudahan perjalanan, keimanan yang merasa yakin dan tenang dengan kembalinya kepada Allah dan berada di samping-Nya:

قَالُوٓا۟ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ﴿١٢٥﴾

"Jawab mereka: Sesungguhnya kami tetap kembali kepada Tuhan kami."(125)

Seorang Mu'min yang mengetahui bahawa corak perjuangan di antaranya dengan Taghut itu ialah perjuangan kerana 'aqidah, maka ia tidak akan bersikap bermuka-muka dan berdolak-dalik, ia tidak mengharapkan ampun dan ma'af dari musuhnya yang tidak akan menerima darinya kecuali ia meninggalkan 'aqidah itu, kerana (sejak awal ia tahu) bahawa ia akan diperangi musuhnya kerana aqidah itu:

وَمَا تَنقِمُ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِـَٔايَٰتِ رَبِّنَا لَمَّا جَآءَتْنَا

"Sebenarnya engkau tidak membalas dendam terhadap kami melainkan semata-mata kerana kami telah beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami ketika ia datang kepada kami."(126)

Seorang Mu'min yang mengetahui ke mana arah tujuan perjuangan dan siapakah matlamat yang dituju olehnya tidak akan memohon keselamatan dari musuhnya, malah ia memohon kepada Allah agar mengurniakan kesabaran dan kegigihan dalam menghadapi ujian dan agar ia diwafatkan di atas agama Islam:

رَبَّنَآ أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ ﴿١٢٦﴾

"Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran ke atas kami dan wafatkanlah kami selaku orang-orang Muslimin."(126)

Kekuasaan yang zalim berdiri lemah di hadapan keimanan, di hadapan kesedaran hati nurani dan di hadapan ketenteraman hati yang beriman, di hadapan hati yang difikir dapat dikuasai olehnya sebagaimana ia dapat menguasai tubuh badan mereka. Tiba-tiba ia dapati hati itu sungguh keras dan degil kerana hati ini adalah dari urusan Allah dan tiada siapa yang dapat menguasainya selain Allah. Apakah yang dapat dibuat oleh kuasa yang zalim apabila hati ingin berdamping dengan Allah? Apakah yang dapat dilakukan oleh kuasa yang kejam apabila hati berpegang kepada Allah? Apakah yang dapat dibuat oleh kuasa insan apabila hati tidak berminat kepada pangkat kebesaran yang dimiliki kuasa insan?

Itulah salah satu dari situasi-situasi yang memberi penentuan dalam sejarah manusia. Itulah situasi penentu yang berlaku di antara Fir'aun dan para pembesarnya dengan para ahli sihir yang beriman kepada Allah.

Itulah situasi penentu dalam sejarah umat manusia, di mana aqidah lebih diutamakan dan nyawa, di mana keazaman dan kegigihan mengatasi penderitaan dan penyeksaan dan di mana insan dapat menewaskan syaitan.

Itulah situasi penentu dalam sejarah umat manusia, di mana diisytiharkan hari kelahiran kemerdekaan yang haqiqi, kerana kemerdekaan (dalam erti kata yang sebenar) ialah kemenangan 'aqidah yang suci menewaskan kuasa-kuasa yang angkuh dan zalim, kemenangan wawasan yang memandang kecil kepada kekuatan kebendaan yang dapat menguasai tubuh badan insan, tetapi tidak dapat menguasai hati dan jiwa mereka. Dan apabila kekuatan kebendaan tidak berupaya untuk menguasai hati insan, maka di waktu itulah lahirnya kemerdekaan yang haqiqi di dalam hati insan.

Itulah situasi penentu di dalam sejarah umat manusia, di mana kekuatan kebendaan diumumkan bankrap. Segolongan kecil ahli sihir yang baru sekejap tadi meminta upah dari maharaja Fir'aun jika mereka berjaya memenangi pertandingan di samping mereka berangan-angan untuk mendapat kedudukan yang dekat dengan maharaja itu, kini golongan inilah juga yang mencabar Fir'aun dan memandang sepi kepada ancaman dan ugutan baginda dan menjalani hukuman potong kaki, tangan dan palang yang dijatuhkan ke atas mereka dengan penuh kesabaran, sedangkan di sana tidak ada apa-apa perubahan dalam hidup mereka, juga tidak ada apa-apa perubahan di alam kebendaan di sekitar mereka. Apa yang telah terjadi ialah satu sentuhan Ilahi yang halus telah berlaku menggerakkan suis yang memasukkan planet yang terpisah sendirian ke dalam orbit yang besar dan membawa sebiji yang sesat kepada paksinya yang tetap, menghubungkan seorang insan yang fana dengan kekuatan Ilahi yang azali dan abadi. Sentuhan Ilahi ini telah berlaku mengubahkan pergerakan dan membuat hati itu menerima isyarat-isyarat Ilahi dan mendengar gema-gema hidayat. Ia membuat matahati itu menerima pancaran nur keimanan. Sentuhan Ilahi yang halus itu telah berlaku tanpa menunggu sebarang perubahan di alam kebendaan yang nyata, tetapi sentuhan itulah yang mengubahkan realiti alam kebendaan dan mengangkat insan ke ufuk-ufuk keimanan dan keluhuran yang tidak terimpi oleh daya imaginasi.

Kini ancaman dan ugutan Fir'aun menghilang dan lenyap, keimanan meneruskan perjalanannya tanpa berpaling kiri dan kanan, tanpa berlengah-lengah dan teragak-agak dan tanpa menyeleweng dari relnya yang lurus.

Penjelasan ayat-ayat bahagian ini melabuhkan yang menamatkan adegan ini setakat ini sahaja. Kehebatan

situasi adegan ini mencapai kemuncaknya dan sampai kepada garis penghabisannya dan di sinilah berlakunya titik pertemuan di antara keindahan seni pembentangan dengan matlamat kejiwaan kisah ini mengikut cara Al-Qur'an yang memperkatakan kesedaran keimanan dengan bahasa keindahan seni yang amat selaras yang tidak dapat dicapai oleh yang lain dari Al-Qur'an.[9]

* * * * * *

Tetapi kita yang sedang berada di dalam bayangan ayat-ayat ini harus berhenti sebenar di hadapan adegan yang gemilang dan menarik ini.

• Mula-mula marilah kita berhenti di hadapan kefahaman Fir'aun dan para pembesarnya bahawa keimanan ahli-ahli sihir kepada Tuhan Rabbul-'Alamin iaitu Tuhan Musa dan Harun merupakan suatu bahaya yang mengancamkan sistem pemerintahan mereka kerana wujudnya pertentangan dasar yang menjadi asas keimanan ini dan asas pemerintahan itu. Hal itu telah kami jelaskan sebelum ini. Di sini kami mahu jelas dan tekankan lagi hakikat ini, iaitu dalam sebuah hati, dalam sebuah negeri dan dalam satu sistem pemerintahan tidak mungkin berkumpul dua tanggapan, iaitu tanggapan Allah sebagai Tuhan semesta alam dan tanggapan kuasa mengendalikan kehidupan manusia diserahkan kepada mana-mana tokoh manusia yang melaksanakan tugas ini dengan mengadakan undang-undang dan peraturan dari ciptaannya sendiri. Dua tanggapan tidak mungkin bertemu kerana kedua-duanya merupakan dua agama yang berlainan.

• Selepas itu marilah kita berhenti pula di hadapan kefahaman ahli-ahli sihir – setelah hati mereka diterangi nur iman dan setelah diberikan kefahaman yang jelas, yang dapat membezakan di antara yang hak dan yang bathil – bahawa perjuangan di antara mereka dengan Fir'aun dan para pembesarnya ialah perjuangan aqidah. Fir'aun dan kuncu-kuncunya tidak membalas dendam terhadap mereka melainkan kerana mereka beriman kepada Allah Tuhan semesta alam. Keimanan yang sedemikian rupa akan mengancam keselamatan singgahsana Fir'aun dan kerajaannya, juga akan mengancam kedudukan para pembesar kaum Fir'aun dan kekuasaan mereka yang diambil dari kekuasaan Fir'aun – atau dengan kata-kata yang lain – yang diambil dari ketuhanan Fir'aun. Seterusnya keimanan ini akan mengancam nilai-nilai yang menjadi tapak asas bagi seluruh masyarakat paganisme. Kefahaman terhadap tabi'at atau corak perjuangan ini merupakan suatu keperluan bagi setiap orang yang memperjuangkan da'wah yang mengajak manusia beriman kepada Rububiyah Allah Yang Maha Esa sahaja, kerana kefahaman inilah yang menjadikan ahli-ahli sihir yang beriman itu memandang kecil kepada segala penderitaan yang dihadapi mereka. Mereka sanggup mati kerana mereka yakin bahawa merekalah orang-orang yang beriman kepada Allah Tuhan seluruh alam, di samping yakin bahawa musuh mereka berpegang dengan agama yang berlainan dari agama mereka. Oleh sebab musuh mereka mempraktikkan kuasa pemerintahan dan memperhambakan orang ramai mengikut perintahnya, maka ini bererti ia menafikan kuasa Rububiyah Allah Tuhan semesta alam dan ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa musuh mereka tergolong dalam golongan orang-orang yang kafir. Orang-orang yang beriman tidak mungkin meneruskan perjuangan menyeru manusia kepada Allah Rabbul-'Alamin, yang penuh dengan ancaman penderitaan dan keseksaan itu melainkan apabila mereka mempunyai keyakinan yang seperti ini iaitu keyakinan bahawa mereka adalah golongan Mu'minin dan musuh mereka adalah dari golongan Kafirin, di samping keyakinan bahawa mereka ditentang, diperangi dan dibalas dendam adalah semata-mata kerana agama.

• Setelah itu marilah kita berhenti pula di hadapan pemandangan yang hebat dan gemilang, di mana 'aqidah lebih diutamakan dari nyawa, keazaman yang kukuh mengatasi penderitaan dan penyeksaan, kegigihan insan mengatasi kekuatan syaitan. Ini adalah satu penerangan yang amat hebat dan kami mengaku tidak berupaya mengungkapkannya. Oleh kerana itu kami tinggalkannya sebagaimana yang digambarkan oleh ayat-ayat Al-Qur'anul-Karim.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 127)

Kemudian marilah kita kembali kepada penerangan ayat-ayat kisah Musa, di mana tirai telah disingkapkan untuk menayangkan adegan baru yang keempat, iaitu adegan yang memperlihatkan Fir'aun dan para pembesar sedang merancangkan tindakan-tindakan kejam dan jahat dan menyebarkan hasutan-hasutan setelah mereka mengalami kekalahan dan kekecewaan dalam perjuangan di antara keimanan dan kezaliman, juga pemandangan para pembesar Fir'aun yang merasa begitu tersinggung kerana melihat Musa dan pengikut-pengikutnya yang beriman berada dalam keadaan selamat, sedangkan pengikut yang beriman itu adalah terdiri dari keturunan kaum Musa sendiri. Mereka beriman dalam keadaan takut ditindas oleh Fir'aun dan kuncu-kuncunya sebagaimana diceritakan di tempat yang lain di dalam Al-Qur'an. Oleh sebab itu para pembesar Fir'aun bermesyuarat dan membincangkan tindakan-tindakan jahat. Mereka menghasut Fir'aun supaya bertindak ke atas Musa dan para pengikutnya. Mereka menakut-nakut dan mengingatkan Fir'aun terhadap akibat-akibat buruk jika baginda memandang ringan terhadap mereka. Mereka memberi amaran bahawa baginda akan hilang kedaulatan dan kekuasaannya apabila agama yang baru ini merebak dan berkembang, iaitu agama yang menegakkan kuasa Rububiyah Allah yang merangkumi seluruh alam ini. Akhirnya darah baginda

---

[9] التصوير الفني في القرآن

tersirap dan terus membuat ancaman-ancaman yang ganas. Ia begitu angkuh dengan kekuatannya yang zalim dan dengan kekuasaan kebendaannya yang menjadi alat pergantungannya:

وَقَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِ فِرْعَوْنَ أَتَذَرُ مُوسَىٰ وَقَوْمَهُۥ لِيُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَيَذَرَكَ وَءَالِهَتَكَ ۚ قَالَ سَنُقَتِّلُ أَبْنَآءَهُمْ وَنَسْتَحْىِۦ نِسَآءَهُمْ وَإِنَّا فَوْقَهُمْ قَٰهِرُونَ ﴿١٢٧﴾

"Dan berkatalah para pembesar dari kaum Fir'aun: Apakah tuanku akan membiarkan Musa dan kaumnya melakukan kerosakan di bumi serta meninggalkan tuanku dan tuhan-tuhan tuanku? Jawab Fir'aun: Kita akan membunuh (sekali lagi) anak-anak lelaki mereka dan membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup dan kita tetap menguasai mereka."(127)

Fir'aun tidak pernah mendakwa menjadi Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan alam ini atau mendakwa mempunyai kuasa di alam sebab-sebab yang mencetuskan pergerakan alam buana ini, malah dia hanya mendakwa menjadi tuhan kepada kaumnya yang lemah sahaja dengan erti dia menjadi pemerintah bangsanya dengan menggunakan undang-undang dan peraturan dari ciptaannya. Seluruh urusan mereka berlangsung dengan kehendak iradat dan perintahnya. Inilah yang didakwa oleh setiap pemerintah yang memerintah mengikut syari'at dan undang-undang ciptaannya sendiri. Segala urusan berjalan mengikut kemahuan dan perintahnya. Inilah Rububiyah dalam ertikata bahasa dan realiti. Begitu juga orang ramai atau rakyat jelata di negeri Mesir tidak pernah menyembah Fir'aun dalam ertikata mempersembahkan upacara-upacara ibadat kepadanya, kerana mereka mempunyai berhala-berhala yang disembah mereka dan Fir'aun juga mempunyai berhala-berhala yang disembah olehnya sebagaimana dapat difaham dari perkataan pembesarnya:

وَيَذَرَكَ وَءَالِهَتَكَ ۚ

"Dan Dia (Musa) meninggalkan tuanku dan tuhan-tuhan tuanku."(127)

Atau seperti yang diketahui umum dari sejarah Mesir di zaman pemerintahan Fir'aun. Mereka hanya menyembah Fir'aun dalam ertikata mereka tunduk dan patuh kepada segala kehendaknya. Mereka tidak melanggar perintahnya dan tidak membantah undang-undang dan peraturannya. Inilah ibadat dalam ertikata bahasa, realiti dan istilah. Oleh itu mana-mana golongan manusia yang menerima undang-undang dan peraturan hidupnya dari manusia dan mematuhinya, bererti mereka telah menyembahnya. Begitulah juga Rasulullah s.a.w. mentafsirkan firman Allah mengenai kaum Yahudi dan Nasara:

ٱتَّخَذُوٓا۟ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَٰنَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ

"Mereka jadikan ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka selaku tuhan selain Allah."

(Surah at-Taubah: 31)

Ketika 'Adi ibn Hatim – (seorang pemeluk Kristian) – mendengar ayat ini dari beliau semasa datang menemui beliau untuk menganut Islam, lalu dia menegur beliau dengan katanya: "Wahai Rasulullah! Mereka (pemeluk-pemeluk Kristian) tidak pernah menyembah ulama'-ulama' dan paderi-paderi mereka". Lantas dijawab oleh Rasulullah s.a.w.: "Sebenarnya mereka (ulama'-ulama' dan paderi-paderi) telah menghalalkan kepada mereka perkara perkara yang haram dan mengharamkan perkara-perkara yang halal, lalu mereka mengikut dan mematuhinya, dan itulah makna mereka menyembah mereka". (Di keluarkan oleh at-Tirmizi).

Adapun maksud perkataan Fir'aun kepada kaumnya:

مَا عَلِمْتُ لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِى

"Aku tidak pernah tahu kamu mempunyai Tuhan yang lain daripada aku"

(Surah al-Qasas: 38)

maka ia ditafsirkan oleh perkataannya yang lain yang diceritakan oleh Al-Qur'an (dalam Surah az-Zukhruf):

أَلَيْسَ لِى مُلْكُ مِصْرَ وَهَٰذِهِ ٱلْأَنْهَٰرُ تَجْرِى مِن تَحْتِىٓ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٥١﴾ أَمْ أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْ هَٰذَا ٱلَّذِى هُوَ مَهِينٌ وَلَا يَكَادُ يُبِينُ ﴿٥٢﴾ فَلَوْلَآ أُلْقِىَ عَلَيْهِ أَسْوِرَةٌ مِّن ذَهَبٍ أَوْ جَآءَ مَعَهُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مُقْتَرِنِينَ ﴿٥٣﴾

"Bukankah kerajaan Mesir kepunyaanku dan sungai-sungai ini mengalir di bawahku. Apakah kamu tidak melihatnya? (51) Bukankah aku lebih baik dari orang yang hina ini dan yang hampir-hampir tidak dapat menjelaskan perkataannya (52). Mengapa ia tidak disalutkan dengan gelang emas atau para malaikat datang bersama dengannya sebagai pengiring-pengiring."(53)

Di sini jelas Fir'aun membuat perbandingan di antara dia yang mempunyai kerajaan dan gelang-gelang emas yang menjadi hiasan raja dengan Musa yang tidak mempunyai kuasa dan hiasan. Oleh itu apa yang dimaksudkan Fir'aun dengan perkataan-perkataan berikut:

مَا عَلِمْتُ لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِى

"Aku tidak pernah tahu kamu mempunyai Tuhan yang lain daripada aku"

(Surah al-Qasas: 38)

ialah untuk menyatakan bahawa dia adalah pemerintah yang berkuasa mengerakkan mereka ke mana sahaja yang disukainya, pemerintah yang dijunjung titah perintahnya dan tiada sesiapa yang sanggup membantahnya. Kuasa Hakimiyah yang seperti ini sama dengan sifat Uluhiyah dari segi pengertian bahasa, malah dari segi realiti juga ia sama dengan sifat Uluhiyah, kerana kuasa ikhtisas Tuhan ialah mengadakan undang-undang dan peraturan hidup manusia dan menguatkuasakannya ke atas mereka sama ada ia melafazkannya atau tidak.[10] Berdasarkan penjelasan ini dapatlah kita memahami maksud perkataan para pembesar Fir'aun yang berikut:

أَتَذَرُ مُوسَىٰ وَقَوْمَهُۥ لِيُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَيَذَرَكَ وَءَالِهَتَكَ ۚ

"Apakah tuanku akan membiarkan Musa dan kaumnya melakukan kerosakan di bumi serta meninggalkan tuanku dan tuhan-tuhan tuanku?".(127)

Menurut hemat dan pandangan mereka perbuatan melakukan kerosakan itu ialah perbuatan berda'wah mengajak manusia beriman kepada konsep Rububiyah Allah sahaja, iaitu satu konsep yang membawa akibat secara automatik yang membatalkan kehalalan atau legaliti pemerintahan Fir'aun dan seluruh sistemnya, kerana sistem pemerintahan Fir'aun ditegakkan di atas Rububiyah Fir'aun terhadap kaumnya. Di sini jelaslah – mengikut tanggapan mereka – bahawa Musa mahu melakukan kerosakan dengan cara mengubahkan sistem pemerintahan dan mengubahkan undang-undang dan peraturan yang ditegakkan di atas landasan Rububiyah manusia terhadap sesama manusia, dan mengadakan satu peraturan yang lain yang bertentangan sama sekali dengan peraturan yang ada sekarang di mana ditegakkan Rububiyah Allah bukannya Rububiyah manusia. Oleh sebab itu mereka gandingkan perbuatan melakukan kerosakan dengan perbuatan Musa bersama kaumnya yang meninggalkan Fir'aun dan tuhan-tuhannya yang disembah olehnya dan kaumnya.

Fir'aun mendapat kedaulatan dan kekuasaannya dari agama yang menyembah tuhan-tuhan atau berhala-berhala itu dan mendakwa dirinya sebagai anak kesayangan tuhan-tuhan itu, iaitu hubungan anak secara simbolik bukannya hubungan fizikal kerana orang ramai benar-benar mengetahui bahawa Fir'aun ini dilahirkan dari ibu dan bapa dari bangsa manusia. Dari hubungan anak secara simbolik ini Fir'aun memperolehi kekuasaan dan kuasa Hakimiyahnya. Oleh sebab itu jika Musa dan kaumnya menyembah Allah Rabbul-Alamin dan meninggalkan berhala-berhala yang disembah oleh rakyat jelata Mesir, maka perbuatan ini bererti menghancurkan asas yang pokok, di mana Fir'aun mendapat kekuasaan dan kewibawaan spiritual terhadap rakyatnya yang jahil yang patuh dan ta'at kepada baginda, kerana mereka juga menyeleweng dan sesat dari agama Allah yang sebenar. Hal ini sama seperti yang diterangkan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya:

فَٱسْتَخَفَّ قَوْمَهُۥ فَأَطَاعُوهُ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٥٤﴾

"Dia (Fir'aun) telah memperbodohkan kaumnya lalu mereka patuh dan ta'at kepadanya kerana mereka adalah satu kaum yang menyeleweng."

(Surah az-Zukhruf: 54)

Inilah pentafsiran sejarah yang betul, kerana Fir'aun tidak mungkin memperbodohkan kaumnya hingga mereka ta'at dan patuh kepadanya jika kaumnya tidak menyeleweng dari agama Allah. Seorang yang beriman kepada Allah tidak mungkin diperbodohkan oleh Taghut dan tidak mungkin patuh dan ta'at kepada perintahnya jika ia mengetahui perintah itu bukan dari perintah Allah. Dari sinilah datangnya ancaman yang menggugat seluruh sistem pemerintahan Fir'aun dengan sebab da'wah Nabi Musa a.s. yang mengajak manusia beriman kepada Allah Tuhan semesta alam dan dengan sebab keimanan ahli-ahli sihir itu kepada agama ini, juga kerana keimanan segolongan kaum Musa yang menyembah Tuhan semesta alam, atau ancaman itu datang dari syahadat La ilaha Illallah itu sendiri apabila di faham dengan pengertiannya yang serius yang membawa seorang ke dalam agama Islam bukan dengan pengertiannya yang pudar dan kabur seperti yang di faham pada hari ini.

Dan dari sinilah kata-kata para pembesar itu telah menyirapkan darah Fir'aun hingga baginda benar-benar sedar kepada bahaya yang sebenar yang mengancam seluruh sistem pemerintahannya. Oleh sebab itulah baginda terus mengumumkan keazamannya yang ganas dan tamak:

سَنُقَتِّلُ أَبْنَآءَهُمْ وَنَسْتَحْىِۦ نِسَآءَهُمْ وَإِنَّا فَوْقَهُمْ قَٰهِرُونَ ﴿١٢٧﴾

"Kita akan membunuh (sekali lagi) anak-anak lelaki mereka dan membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup dan kita tetap menguasai mereka."(127)

Sebelum ini, iaitu di zaman kelahiran Musa, kaum Bani Israel telah pun mengalami pembunuhan yang ganas dan kejam itu dari Fir'aun dan kuncu-kuncunya sebagaimana dicerita kan Allah di dalam Surah al-Qasas:

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا يَسْتَضْعِفُ طَآئِفَةً مِّنْهُمْ يُذَبِّحُ أَبْنَآءَهُمْ وَيَسْتَحْىِۦ نِسَآءَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٤﴾

---

[10] *Lihat huraian yang panjang dalam buku* " المصطلحات الاربعة " *oleh Abul 'Ala al-Maududi.*

"Sesungguhnya Fir'aun telah bertindak angkuh dan sewenang-wenang di bumi dan menjadikan penduduk-penduduknya berpecah belah kepada berbagai-bagai golongan. Ia menindas segolongan dari mereka, menyembelih anak-anak lelaki mereka dan membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Sesungguhnya Fir'aun itu termasuk dalam golongan manusia perosak."

(Surah al-Qasas: 4)

Itulah perilaku kuasa-kuasa yang zalim di setiap tempat dan di setiap zaman. Cara-cara dan sarana-sarana yang digunakan oleh mereka pada hari ini tidak berbeza dari cara-cara dan sarana-sarana yang digunakan mereka di zaman-zaman puluhan abad dan tahun-tahun yang silam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 128 - 129)

Penjelasan ayat-ayat ini meninggalkan Fir'aun dan para pembesarnya berbincang untuk mengaturkan rancangan-rancangan yang jahat kemudian tirai dilabuhkan menamatkan adegan mengadakan pakatan jahat dan mengeluarkan ancaman yang menakutkan. Setelah itu tirai disingkapkan kembali untuk menayangkan adegan kelima dari kisah ini. Dari adegan ini kita dapat memahami bahawa Fir'aun telah melaksanakan ancaman-ancaman yang ganas itu. Adegan ini memperlihatkan Nabi Musa a.s. sedang bercakap dengan kaumnya, ia menjelaskan kepada mereka dengan hati dan bahasa seorang Nabi, dengan pengetahuan yang mendalam tentang hakikat Allah, undang-undang dan perancangan-Nya. Beliau menasihatkan mereka supaya menghadapi ujian ini dengan gigih, supaya bersabar menerima dugaan, supaya memohon pertolongan dari Allah dan seterusnya menerangkan kepada mereka tentang hakikat realiti yang universal, iaitu bumi adalah kepunyaan Allah. Dialah sahaja yang berkuasa mewariskannya kepada mana-mana hamba yang dikehendakinya dan akibat yang baik itu telah disediakan kepada orang-orang yang bertaqwa kepada Allah dan mereka tidak takut kepada sesiapa pun selain dari Allah.

Apabila kaum Bani Israel menyatakan kepada Musa bahawa penindasan kejam yang dihadapi mereka sekarang ini telah pun dihadapi mereka di masa yang silam, maka Musa melahirkan harapan kepada Allah supaya membinasakan musuh mereka dan melantikkan mereka menjadi pemerintah di bumi supaya Allah menguji mereka pula sejauh mana kejujuran dan amanah mereka dalam menjalankan urusan pemerintahan itu:

قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ٱسْتَعِينُوا۟ بِٱللَّهِ وَٱصْبِرُوٓا۟ ۖ إِنَّ ٱلْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ ۖ وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٢٨﴾

قَالُوٓا۟ أُوذِينَا مِن قَبْلِ أَن تَأْتِيَنَا وَمِنۢ بَعْدِ مَا جِئْتَنَا ۚ قَالَ عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُهْلِكَ عَدُوَّكُمْ وَيَسْتَخْلِفَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٢٩﴾

"Ujar Musa kepada kaumnya: Pohonlah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah. Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah. Dialah yang berkuasa mewariskannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya, dan kesudahan yang baik itu disediakan Allah untuk orang-orang, yang bertaqwa (128). Mereka berkata: Kami telah pun ditindas sebelum engkau datang kepada kami dan (ditindas lagi) setelah engkau datang kepada kami. Jawab Musa: Semoga Tuhan kamu membinasakan musuh kamu dan mengangkat kamu menjadi pemerintah di bumi kemudian dia akan memerhati bagaimana tindak-tanduk kamu."(129)

Itulah wawasan seorang "Nabi" terhadap hakikat Uluhiyah dan keterserlahannya yang terang di dalam hatinya, itulah wawasannya terhadap hakikat realiti yang universal dan terhadap kuasa yang sebenar yang bertindak di alam ini, dan seterusnya itulah wawasan seorang "Nabi" terhadap hakikat Sunnatullah dan hakikat apa yang diharapkan darinya oleh orang-orang yang sabar.

Para penda'wah yang mengajak manusia kepada Allah Tuhan semesta alam tidak mempunyai tempat pelindungan selain dari Allah. Itulah satu-satunya tempat perlindungan yang aman, kukuh dan kuat. Oleh sebab itu mereka harus bersabar sehingga Allah perkenan mengurniakan pertolongan dan kemenangan pada masanya yang tepat mengikut pertimbangan ilmu dan kebijaksanaan-Nya. Mereka tidak seharusnya bersikap terburu-buru kerana mereka tidak mengetahui urusan ghaib dan tidak pula mengetahui urusan kebaikan.

Bumi ini dimiliki Allah, sedangkan Fir'aun dan kuncu-kuncunya tidak lebih dari tetamu-tetamu yang berhenti sebentar di sana, dan hanya Allah yang berkuasa mewariskan bumi ini kepada mana-mana hamba yang disukai-Nya mengikut undang-undang dan hikmat kebijaksanaan-Nya. Oleh sebab itu para penda'wah yang mengajak manusia kepada Allah Tuhan seluruh alam tidak seharusnya memandang kepada gambaran lahir yang menunjukkan golongan Taghut mempunyai kuasa yang teguh dan tidak tergugat di bumi. Hanya Allah selaku Pemilik dan Tuan Empunya bumi sahaja yang berkuasa menentukan bilakah masa hendak menghalaukan mereka keluar dari bumi itu.

Akibat atau kesudahan yang baik itu lambat-laun akan dicapai oleh orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu penda'wah-penda'wah yang mengajak manusia kepada Allah Tuhan seluruh alam tidak seharusnya merasa gelisah terhadap nasib perjuangannya yang akhir, dan kedudukan orang-orang kafir yang senang-lenang dan bebas di bumi ini tidak seharusnya

membuat hati mereka merasa dan menyangka bahawa orang-orang kafir itu akan tetap menjadi golongan yang kekal.

Itulah pandangan atau wawasan "Nabi" terhadap hakikat-hakikat alam yang besar. Tetapi Bani Israel tetap Bani Israel:

قَالُوٓا۟ أُوذِينَا مِن قَبْلِ أَن تَأْتِيَنَا وَمِنۢ بَعْدِ مَا جِئْتَنَا

"Mereka berkata:'Kami telah pun ditindas sebelum engkau datang kepada kami dan (ditindas lagi) setelah engkau datang kepada kami."'(129)

Itulah kata-kata yang membayangkan perasaan bosan di sebaliknya. Mereka bermaksud mengatakan: "Kami telah pun ditindas sebelum kedatangan engkau dan keadaan ini sama sahaja, tidak berubah apa-apa selepas kedatangan engkau", di mana penindasan terus berlarutan hingga kelihatan seolah-olah tidak ada kesudahannya.

Nabi Musa a.s. terus berda'wah mengikut caranya. Beliau mengingatkan Allah kepada mereka dan menggantungkan harapan mereka pada Allah dan membangkitkan cita-cita mereka agar musuh mereka dibinasakan Allah dan agar mereka dijadikan pemerintah di bumi dan sekaligus memberi peringatan agar mereka berwaspada terhadap ujian menjadi pemerintah.

قَالَ عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُهْلِكَ عَدُوَّكُمْ وَيَسْتَخْلِفَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٢٩﴾

"...Jawab Musa: Semoga tuhan kamu membinasakan musuh kamu dan mengangkat kamu menjadi pemerintah di bumi kemudian Dia akan memerhati bagaimana tindak-tanduk kamu "(129).

Musa a.s.melihat semuanya dengan hati seorang nabi. Beliau melihat Sunnatullah berjalan mengikut sebagaimana yang dijanjikan kepada orang-orang yang sabar dan orang-orang yang ingkar. Beliau melihat bagaimana Sunnatullah membinasakan Fir'aun dan keluarganya dan mengangkat orang-orang yang sabar, yang sentiasa memohon pertolongan dari Allah menjadi pemerintah di bumi. Beliau menolak kaumnya berjalan di atas jalan yang betul agar mereka dibawa oleh Sunnatullah ke arah yang dikehendaki Allah sambil mengingatkan mereka sejak awal lagi bahawa ni'mat menjadi pemerintah-pemerintah bumi ini bukanlah disebabkan kerana mereka anak-anak Allah dan orang-orang kesayangan yang berteduh di bawah naungan sebagaimana yang difikirkan mereka dan oleh kerana itulah mereka tidak diseksa atau dikenakan azab dengan sebab dosa-dosa mereka! Perlantikan itu bukanlah perlantikan serampangan yang tidak mempunyai tujuan dan bukanlah pula suatu perlantikan yang kekal tanpa batas waktu, malah ia adalah sesuatu perlantikan untuk dijadikan batu ujian:

فَيَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٢٩﴾

"...Kemudian Dia akan memerhatikan tindak-tanduk kamu."(129)

Allah S.W.T. memang mengetahui apa yang akan berlaku sebelum ia berlaku, tetapi itulah undang-undang dan keadilan Allah yang tidak mempertanggungjawabkan manusia mengenai sesuatu perbuatan melainkan setelah perbuatan itu berlaku dan menjadi kenyataan, sedangkan perbuatan di alam ghaib yang tersembunyi itu telah sedia diketahui oleh ilmu-Nya yang qadim.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 130 - 137)

Penjelasan ayat-ayat ini meninggalkan Musa bersama kaumnya, dan dari sudut yang lain tirai diangkat untuk menayangkan adegan yang keenam, iaitu adegan Fir'aun dan kaumnya ditimpakan akibat kezaliman dan tindakan-tindakan mereka yang keterlaluan.

Di sini apa yang dijanjikan Musa kepada kaumnya dan apa yang diharap-harapkan beliau dari Allah telah terlaksana. Begitu juga amaran Musa yang memayungi suasana surah ini telah berlaku dengan tepat dan seluruh kisah diceritakan untuk membenarkan amaran dan peringatan itu.

Adegan ini dimulakan dengan peristiwa-peristiwa ringan, tetapi dalam peristiwa-peristiwa itu ribut taufan mulai berhembus kencang sedikit demi sedikit, dan tidak lama sebelum dilabuhkan tirai, ribut taufan menyerang sekencang-kencangnya membinasakan dan mencabutkan segala-segalanya hingga permukaan bumi bersih dari Taghut dan kuncu-kuncunya. Kini kita mengetahui bahawa Bani Israel telah berjaya menunjukkan kesabaran mereka dan mereka telah mendapat balasannya yang baik. Di samping itu kita juga mengetahui bahawa Fir'aun dan kaumnya telah bertindak ganas dan kejam dan mereka telah dibinasakan Allah sebagai balasan atas kezaliman dan keganasan mereka. Kini segala janji dan amaran Allah telah terbukti kebenarannya dan kini proses Sunnatullah telah berlaku, di mana golongan manusia yang mendustakan Rasul telah dibinasakan Allah setelah dikenakan ujian dengan kesusahan dan dengan kesenangan ke atas mereka:

وَلَقَدْ أَخَذْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ بِٱلسِّنِينَ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٣٠﴾

فَإِذَا جَآءَتْهُمُ ٱلْحَسَنَةُ قَالُوا۟ لَنَا هَٰذِهِۦ ۖ وَإِن تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَطَّيَّرُوا۟ بِمُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓ ۗ أَلَآ إِنَّمَا طَٰٓئِرُهُمْ عِندَ ٱللَّهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٣١﴾

وَقَالُوا۟ مَهْمَا تَأْتِنَا بِهِۦ مِنْ ءَايَةٍ لِّتَسْحَرَنَا بِهَا فَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٢﴾

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ ٱلطُّوفَانَ وَٱلْجَرَادَ وَٱلْقُمَّلَ وَٱلضَّفَادِعَ وَٱلدَّمَ ءَايَـٰتٍ مُّفَصَّلَـٰتٍ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ وَكَانُوا۟ قَوْمًا مُّجْرِمِينَ ﴿١٣٣﴾

وَلَمَّا وَقَعَ عَلَيْهِمُ ٱلرِّجْزُ قَالُوا۟ يَـٰمُوسَى ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ بِمَا عَهِدَ عِندَكَ ۖ لَئِن كَشَفْتَ عَنَّا ٱلرِّجْزَ لَنُؤْمِنَنَّ لَكَ وَلَنُرْسِلَنَّ مَعَكَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿١٣٤﴾

فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُمُ ٱلرِّجْزَ إِلَىٰٓ أَجَلٍ هُم بَـٰلِغُوهُ إِذَا هُمْ يَنكُثُونَ ﴿١٣٥﴾

فَٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَـٰهُمْ فِى ٱلْيَمِّ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا وَكَانُوا۟ عَنْهَا غَـٰفِلِينَ ﴿١٣٦﴾

وَأَوْرَثْنَا ٱلْقَوْمَ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ يُسْتَضْعَفُونَ مَشَـٰرِقَ ٱلْأَرْضِ وَمَغَـٰرِبَهَا ٱلَّتِى بَـٰرَكْنَا فِيهَا ۖ وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ ٱلْحُسْنَىٰ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ بِمَا صَبَرُوا۟ ۖ وَدَمَّرْنَا مَا كَانَ يَصْنَعُ فِرْعَوْنُ وَقَوْمُهُۥ وَمَا كَانُوا۟ يَعْرِشُونَ ﴿١٣٧﴾

"Sesungguhnya Kami telah menimpakan kaum Fir'aun tahun-tahun kemarau dan kemerosotan hasil buah-buahan supaya mereka mengambil pengajaran.(130) Kemudian apabila mereka didatangi kesenangan mereka berkata: Ini adalah hasil usaha kami dan jika mereka ditimpa kesusahan, mereka mengatakan malapetaka itu berpunca dari Musa dan para pengikutnya. Ketahuilah! Malapetaka yang menimpa mereka adalah ditetapkan di sisi Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (131). Dan mereka berkata: Walau apa pun mukjizat yang engkau bawa untuk mempesonakan kami dengannya, maka kami tetap tidak akan beriman kepadamu (132). Lalu Kami lepaskan banjir besar, angkatan belalang, kutu-kutu, katak-katak dan darah menyerang mereka sebagai bukti-bukti yang jelas, tetapi mereka tetap berlagak angkuh dan mereka adalah kaum yang berdosa (133). Dan apabila 'azab itu menimpa mereka, mereka berkata: Wahai Musa! Berdo'alah kepada Tuhanmu untuk keselamatan kami dengan perantaraan pangkat istimewa yang dikurniakan kepadamu dan (kami berjanji) jika engkau berjaya menghapuskan 'azab ini, kami akan beriman kepadamu dan kami akan membebaskan Bani Israel pergi bersamamu (134). Kemudian apabila Kami telah menghapuskan 'azab itu dari mereka sehingga kepada tempoh yang ditentukan kepada mereka, tiba-tiba mereka memungkiri janji (135). Kemudian Kami timpakan balasan Kami terhadap mereka lalu Kami tenggelamkan seluruh mereka di dalam lautan dengan sebab mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan kerana mereka selama ini tidak menghiraukannya (136). Dan Kami telah mewariskan kepada kaum Bani Israel yang telah tertindas itu negeri-negeri di Timur dan di Barat yang Kami berkatinya dengan kesenangan-kesenangan, dan kini telah terlaksanalah keputusan-keputusan yang baik dari Tuhanmu terhadap Bani Israel kerana kesabaran mereka dan Kami telah membinasakan apa yang telah dibuat oleh Fir'aun dan kaumnya dan apa yang dibinakan mereka."(137)

Fir'aun dan para pembesarnya telah berlalu dengan perilaku dan tindak-tanduk mereka yang angkuh dan sewenang-wenang. Fir'aun telah melaksanakan ancamannya yang kejam terhadap Bani Israel, di mana kaum lelaki mereka dibunuh dan hanya kaum perempuan mereka sahaja yang dibenarkan hidup. Cerita Musa dan kaumnya juga telah berlalu, di mana mereka menanggung penindasan Fir'aun dengan gigih dan mengharapkan Allah menyelamatkan mereka dan mereka telah menunjukkan kesabaran mereka menghadapi ujian itu. Dan tepat pada waktu ini, di mana situasi kelihatan begitu jelas, iaitu keimanan lawan kekufuran, kezaliman lawan kesabaran dan kekuatan manusia di bumi mencabar kekuasaan Allah... tepat pada waktu inilah kekuatan Ilahi yang agung bertindak campur tangan secara terbuka di dalam perjuangan di antara golongan yang zalim dan golongan yang sabar itu:

وَلَقَدْ أَخَذْنَآ ءَالَ فِرْعَوْنَ بِٱلسِّنِينَ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٣٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah menimpakan kaum Fir'aun tahun-tahun kemarau dan kemerosotan hasil buah-buahan supaya mereka mengambil pengajaran."(130)

Isyarat amaran yang pertama ialah bencana kemarau dan kemerosotan hasil buah-buahan negara. Ia berlaku di bumi Mesir yang terkenal subur dan kerana itu ia merupakan satu gejala yang menarik perhatian umum, membimbangkan hati mereka dan menimbulkan kegelisahan mereka dan seterusnya ia mendorong mereka sedar dan berfikir, tetapi malangnya Fir'aun dan kaumnya yang telah diperbodohkan olehnya dengan sebab mereka menyeleweng dari agama Allah lalu ta'at kepada Fir'aun dengan membuta tuli itu tidak mahu berfikir dengan mendalam, tidak mahu melihat tangan kekuasaan Allah dalam bencana kemarau dan kemerosotan hasil buah-buahan negara itu. Mereka tidak mahu mengingatkan Sunnatullah, janji-janji dan amaran-amaran Allah. Mereka tidak mahu mengaku bahawa di sana ada hubungan yang amat rapat di antara nilai-nilai keimanan dengan realiti-realiti kehidupan yang praktikal, kerana hubungan ini

adalah dari urusan alam ghaib, sedangkan perasaan mereka begitu kasar dan hati mereka begitu jahil untuk melihat adanya sesuatu di sebalik realiti yang dapat ditanggap oleh pancaindera, iaitu realiti yang dapat dilihat dan dirasa oleh haiwan. Dan seandainya mereka melihat sesuatu dari alam ghaib, mereka tidak merujukkannya kepada proses Sunnatullah yang berjalan mengikut kehendak masyi'ah Allah yang bebas, malah mereka hubungkannya kepada kejadian-kejadian kebetulan yang berlaku secara mendadak yang tidak mempunyai sebarang hubungan dengan undang-undang alam[11].

Demikianlah kaum Fir'aun tidak dapat memahami sentuhan atau isyarat halus yang merangsangkan kesedaran dan membuktikan bahawa Allah Maha Penyayang terhadap sekalian hamba-Nya walaupun mereka kafir dan jahat. Kepercayaan wataniah atau paganisme dan dongeng-dongengnya telah merosakkan fitrah mereka dan memutuskan hubungan di antara mereka dengan kefahaman terhadap undang-undang Ilahi yang halus dan betul yang mengendalikan perjalanan alam dan kehidupan manusia, iaitu undang-undang yang tidak dapat dilihat dan difahami hakikatnya melainkan oleh orang-orang yang beriman kepada Allah dengan keimanan yang betul dan menginsafi bahawa alam ini bukannya diciptakan tanpa tujuan dan bukannya berjalan tanpa undang-undang, malah ia dikendalikan oleh undang-undang yang tegas dan benar. Inilah "mentaliti Ilmiyah" yang sebenar, iaitu mentaliti yang tidak mengingkari "urusan-urusan Allah yang ghaib", kerana di sana tidak ada percanggahan di antara hakikat-hakikat "Ilmiyah" yang sebenar dengan "hakikat-hakikat yang ghaib." Mentaliti ini juga tidak mengingkari hubungan yang wujud di antara nilai-nilai keimanan dengan realiti-realiti kehidupan, kerana hubungan ini diatur oleh Allah yang menciptakan segala sesuatu mengikut tujuan yang dikehendaki-Nya. Dia menghendaki para hamba-Nya beriman di samping menghendaki mereka menerajui urusan pemerintahan khilafah di bumi, dia mengatur untuk mereka undang-undang dan peraturan yang selaras dengan undang-undang alam agar keselarasan itu berlaku di antara pergerakan hati dan pergerakan mereka di bumi.

Kaum Fir'aun tidak dapat memahami wujudnya hubungan di antara kekufuran dan penyelewengan mereka dari agama Allah dengan bencana kemarau dan kemerosotan hasil buah-buahan negara yang ditimpakan Allah ke atas mereka di negeri Mesir yang terkenal subur itu. Kemerosotan hasil yang menyebabkan negeri Mesir tidak dapat membekalkan, buah-buahan yang cukup kepada penduduk-penduduknya adalah berlaku kerana penduduk-penduduk negeri itu menyeleweng dari agama Allah dan kerana Allah mahu menguji mereka supaya mereka mengambil pengajaran.

Mereka tidak dapat memahami gejala ini, yang ditonjolkan Allah dengan limpah rahmat-Nya kepada mata manusia, malah sebaliknya apabila mereka mendapat kesenangan dan kemewahan, mereka fikir kemewahan itu sebagai hak mereka yang wajar dan apabila mereka ditimpa kesusahan dan kemarau mereka hubungkan perkara ini kepada kesialan Musa dan para pengikutnya:

فَإِذَا جَآءَتۡهُمُ ٱلۡحَسَنَةُ قَالُواْ لَنَا هَٰذِهِۦۖ وَإِن تُصِبۡهُمۡ سَيِّئَةٞ يَطَّيَّرُواْ بِمُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓۗ

"Kemudian apabila mereka didatangi kesenangan mereka berkata: Ini adalah hasil usaha kami, dan jika mereka ditimpa kesusahan, mereka mengatakan malapetaka itu berpunca dari Musa dan para pengikutnya."(131)

Apabila fitrah manusia menyeleweng dari keimanan kepada Allah, maka mereka tidak lagi nampak tangan Kudrat Allah mengendalikan alam ini, juga tidak lagi nampak perancangan Allah yang menciptakan segala kejadian dan segala peristiwa itu. Dan di waktu inilah fitrah manusia kehilangan daya kefahaman dan daya kepekaannya terhadap undang-undang alam yang kukuh dan aktif itu. Inilah punca yang menyebabkan manusia mentafsirkan peristiwa-peristiwa alam dengan pentafsiran yang berasingan, terpisah dan tidak ada hubungan di antara satu sama lain, tidak berlandaskan sesuatu kaedah dan pertalian. Pentafsiran-pentafsiran itu meraba-raba bersama dongeng-dongeng di liku-liku jalan yang berbelit-belit, bersimpang-siur dan tidak mempunyai titik-titik pertemuan pada sesuatu kaedah dan sistem yang tertentu. Ia adalah sama dengan pentafsiran Khrushchev pejuang "sosialisme Ilmiyah" terhadap kemerosotan hasil pertanian di Rusia dan negeri-negeri komunis seluruhnya dengan mengatakan bahawa kemerosotan ini adalah hasil dari gangguan Nature, malah sama dengan pendapat-pendapat mereka yang berpegang dengan aliran "Ilmiyah" yang palsu dalam mentafsirkan kejadian yang seumpama ini. Mereka mengingkarkan perencanaan-perencanaan Allah. Dan di antara mereka ada orang-orang yang masih mengaku dirinya seorang Muslim walaupun mereka menolak urusan-urusan Allah yang ghaib dan menolak kewujudan-Nya yang merupakan sebagai prinsip-prinsip keimanan kepada Allah.

Begitulah Fir'aun dan kaumnya mentafsirkan kejadian-kejadian yang berlaku di alam. Segala yang baik, yang diperolehi mereka adalah dari nasib mereka yang baik, yang wajar diterima mereka dan segala yang buruk dan tidak baik yang menimpa mereka adalah disebabkan oleh kesialan Nabi Musa

---

[11] *Apabila berlaku kemerosotan hasil pertanian di negeri Rusia dan di negeri blok komunis seluruhnya, maka Perdana Menteri Rusia Nikita Sergeyevich Khrushchev tidak dapat memberi apa-apa komen selain dari berkata: "Nature mengganggu kita". Beliau seorang tokoh yang memperjuangkan "sosialisme Ilmiyah" dan menolak kepercayaan alam ghaib. Itulah wawasan yang buta yang tidak dapat melihat tangan Qudrat Allah yang amat jelas, jika tidak apakah hakikat "nature" yang dikatakan mempunyai keinginan dan kemahuan mengganggu manusia itu?*

a.s. dan para pengikutnya serta mereka yang berada di bawah mereka.

Asal kepercayaan sial yang diambil dari kata-kata Arab "التطير" (meramal buruk baik atau untung celaka dari arah penerbangan burung) adalah berpunca dari kepercayaan orang-orang Arab jahiliyah yang menyembah berhala dan mempersekutukan Allah dan jauh dari kebolehan memahami undang-undang Allah dan perencanaan-Nya. Apabila seorang dari mereka hendak melakukan sesuatu perkara, ia akan pergi ke tempat sarang burung dan mengertakkannya supaya burung itu terbang. Jika ia terbang ke arah kanan orang itu - yang berhasrat untuk bersafir - maka itulah suatu alamat baik baginya lalu ia meneruskan persafirannya. Sebaliknya jika burung itu terbang ke arah kirinya, maka itulah suatu alamat yang tidak baik lalu ia membatalkan niatnya. Islam menghapuskan kepercayaan dan pemikiran tahyul yang seperti ini dan menggantikannya dengan pemikiran "Ilmiyah" yang betul dan mengembalikan segala perkara kepada undang-undang atau Sunnatullah yang mengendalikan alam ini dan kepada perencanaan Allah yang merealisasikan undang-undang ini. Islam menegakkan segala perkara di atas landasan-landasan Ilmiyah, di mana niat seseorang, tindakan, pergerakan dan segala usahanya dikira dan dipertanggungjawabkan dan diletakkan pada tempatnya yang sebenar dalam frem kehendak masyi'ah Allah yang bebas dan perencanaan-Nya yang lulus dan syumul:

أَلَآ إِنَّمَا طَـٰٓئِرُهُمۡ عِندَ ٱللَّهِ وَلَـٰكِنَّ أَكۡثَرَهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ﴿١٣١﴾

"Ketahuilah! Malapetaka yang menimpa mereka adalah ditetapkan di sisi Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(131)

Maksudnya, segala apa yang berlaku kepada mereka adalah terbit dari satu sumber sahaja, iaitu dari keputusan Allah. Dari sumber inilah mereka dikurniakan kesenangan dan dikenakan kesusahan untuk tujuan menguji mereka:

وَنَبۡلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلۡخَيۡرِ فِتۡنَةٗۖ وَإِلَيۡنَا تُرۡجَعُونَ ﴿٣٥﴾

"Dan Kami dugakan kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai ujian. Dan kepada Kami kelak kamu akan dikembalikan."

(Surah al-Anbia': 35)

Dan mereka akan menerima balasan 'azab (apabila mereka gagal dalam ujian itu), tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui. Mereka sama dengan orang-orang yang ingkarkan urusan-urusan Allah yang ghaib dan perencanaan-Nya di zaman ini atas nama "mentaliti Ilmiyah", juga sama dengan orang-orang komunis yang menghubungkan gangguan yang menyebabkan merosotnya hasil buah-buahan kepada nature atas nama "sosialisme Ilmiyah". Seluruh mereka adalah jahil dan tidak mengerti belaka.

Kaum Fir'aun terus bergerak dalam tindak-tanduk mereka yang angkuh dan zalim. Mereka merasa bangga dengan tindak-tanduk mereka yang jahat dan berdosa itu. Semakin diuji semakin degil dan keras kepala:

وَقَالُواْ مَهۡمَا تَأۡتِنَا بِهِۦ مِنۡ ءَايَةٖ لِّتَسۡحَرَنَا بِهَا فَمَا نَحۡنُ لَكَ بِمُؤۡمِنِينَ ﴿١٣٢﴾

"Dan mereka berkata: Walau apa pun mu'jizat yang engkau bawa untuk mempesonakan kami dengannya, maka kami tetap tidak akan beriman kepadamu."(132)

Itulah tabi'at liar yang tidak dapat diasuh dengan peringatan dan pengajaran, tidak dapat dikembalikan ke pangkal jalan dengan alasan dan bukti. Mereka tidak mahu berfikir apa-apa lagi kerana mereka telah mengumumkan sikap mereka yang tetap menolak sebelum mereka berdepan dengan dalil-dalil yang akan dikemukakan kepada mereka kerana enggan memberi laluan kepada dalil-dalil. Itulah keadaan jiwa manusia-manusia angkuh apabila mereka ditumbangkan oleh kebenaran, dicabar oleh bukti yang jelas dan diburu oleh dalil-dalil yang kukuh, sedangkan keinginan hawa nafsu mereka, kepentingan, kerajaan dan kekuasaan mereka semuanya berada di pihak yang salah bukan di pihak yang benar yang mempunyai bukti dan dalil yang jelas.

Tepat pada waktu inilah datangnya kekuatan agung Ilahi campur tangan secara terbuka dengan sarana-sarananya yang gagah:

فَأَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِمُ ٱلطُّوفَانَ وَٱلۡجَرَادَ وَٱلۡقُمَّلَ وَٱلضَّفَادِعَ وَٱلدَّمَ ءَايَـٰتٖ مُّفَصَّلَـٰتٖ

"Lalu Kami lepaskan banjir besar, angkatan belalang, kutu-kutu, katak-katak dan darah menyerang mereka sebagai bukti-bukti yang jelas"(133)

untuk memberi amaran dan menguji mereka. Bukti-bukti itu diperincikan dengan jelas dan terang maksudnya. Ia disusun begitu teratur selangkah demi selangkah, satu lepas satu, di mana bukti yang kemudian membenarkan bukti yang silam.

Penjelasan ayat ini mengumpulkan semua bukti terperinci yang jelas itu yang ditunjukkan kepada mereka sebabak demi sebabak, satu lepas satu. Dan setiap kali mereka ditimpa malapetaka, mereka memohon kepada Musa a.s. supaya berdo'a kepada Tuhannya agar menyelamatkan mereka dari malapetaka itu sambil berjanji untuk membebaskan kaum Bani Israel jika mereka terselamat dari bencana itu dan jika Allah mengangkatkan 'azab itu dari

mereka, iaitu suatu 'azab yang tidak mampu ditolak oleh mereka:

وَلَمَّا وَقَعَ عَلَيْهِمُ ٱلرِّجْزُ قَالُوا۟ يَٰمُوسَى ٱدْعُ لَنَا رَبَّكَ بِمَا عَهِدَ عِندَكَ ۖ لَئِن كَشَفْتَ عَنَّا ٱلرِّجْزَ لَنُؤْمِنَنَّ لَكَ وَلَنُرْسِلَنَّ مَعَكَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿١٣٤﴾

"Dan apabila 'azab itu menimpa mereka, mereka berkata: Wahai Musa! Berdo'alah kepada Tuhanmu untuk keselamatan kami dengan perantaraan pangkat istimewa yang dikurniakan kepadamu dan (kami berjanji) jika engkau berjaya menghapuskan 'azab ini, kami akan beriman kepadamu dan kami akan membebaskan Bani Israel pergi bersamamu."(134)

Tetapi setiap kali mereka berjanji setiap kali pula mereka membatalkan perjanjian mereka dan kembali semula kepada keadaan mereka yang lama sebelum dihapuskan 'azab itu dari mereka selaras dengan perencanaan Allah yang mengerakkan mereka hingga ke suatu masa yang telah ditetapkan untuk mereka:

فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُمُ ٱلرِّجْزَ إِلَىٰٓ أَجَلٍ هُم بَٰلِغُوهُ إِذَا هُمْ يَنكُثُونَ ﴿١٣٥﴾

"Kemudian apabila Kami telah menghapuskan 'azab itu dari mereka sehingga kepada tempoh yang ditentukan kepada mereka, tiba-tiba mereka memungkiri janji."(135)

Penjelasan ayat ini mengumpulkan semua bukti yang jelas itu seolah-olah bukti-bukti itu datang kepada mereka sekaligus sahaja dan seolah-olah kemungkiran janji mereka hanya berlaku sekali sahaja. Ini disebabkan kerana maksud ujian-ujian itu hanya satu sahaja dan akibatnya juga satu sahaja, dan ia salah satu cara yang diikuti oleh Al-Qur'an ketika membentangkan kisah-kisah di mana dikumpulkan permulaan-permulaan dan penghabisan-penghabisan kisah-kisah itu memandang kepada titik-titik persamaan yang terdapat dalam kisah-kisah itu, juga disebabkan kerana hati insan yang tertutup menerima berbagai-bagai ujian itu seolah-olah ia menerima satu ujian sahaja tanpa memberi apaapa faedah dan contoh teladan kepadanya.

Adapun cara bukti-bukti yang jelas itu berlaku kepada mereka, maka kami tidak mempunyai apa-apa keterangan yang lain selain dari keterangan Al-Qur'an, dan kami juga tidak menemui hadith-hadith yang marfu' kepada Rasulullah s.a.w. mengenainya. Kami tetap mengikuti cara kami dalam tafsir Fi Zilal ini, di mana kami berhenti setakat keterangan nas-nas Al-Qur'an sahaja di tempat-tempat yang seperti ini dan kami tidak mempunyai jalan yang lain untuk mengolahkannya selain dari jalan Al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih dengan tujuan untuk menghindari riwayat-riwayat Israeliyat, pendapat-pendapat dan keterangan tanpa sumber yang betul yang telah meresap masuk ke dalam semua kitab-kitab tafsir yang lama hingga tidak ada satu tafsir pun yang terselamat dari riwayat-riwayat yang seperti itu. Hingga tafsir-tafsir yang amat bernilai seperti tafsir Al-Imam Ibn Jarir At-Tabari dan tafsir Ibn Kathir juga turut tidak terselamat dari gejala yang berat dan serius ini.

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat-riwayat dari Ibn Abbas Said ibn Jubayr, Qatadah dan Ibn Ishaq mengenai bukti-bukti yang jelas itu yang disebut oleh Abu Ja'afar ibn Jarir di dalam buku sejarahnya dan dalam tafsirnya, dan salah satu dari riwayat-riwayat itu ialah:

"Kami telah diceritakan oleh Ibn Humayd katanya: Kami telah diceritakan oleh Ya'kub Al-Qummi daripada Ja'afar ibn Al-Mughirah, dari Sa'id ibn Jubayr katanya: Apabila, Musa mengadap Fir'aun, beliau berkata kepada baginda: 'Bebaskan kaum Bani Israel keluar dari negeri bersama saya'. Fir'aun menolak permintaan itu, lalu Allah menimpakan bencana banjir yang besar dengan menurunkan hujan yang lebat ke atas mereka. Kaum Fir'aun merasa bimbang banjir itu merupakan 'azab Allah ke atas mereka, lalu mereka berkata kepada Musa: 'Wahai Musa! Berdo'alah kepada Tuhanmu supaya menghentikan hujan yang lebat itu. Kami berjanji akan beriman kepada engkau dan akan membebaskan kaum Bani Israel keluar bersama engkau'. Lalu Musa a.s. berdo'a kepada Allah, tetapi mereka tidak juga beriman kepadanya dan tidak pula membebaskan kaum Bani Israel keluar bersamanya. Kemudian pada tahun itu juga Allah menumbuhkan tanam-tanaman, pokok-pokok buahan dan rumput-rampai yang amat subur yang belum pernah berlaku sebelum ini. Lalu mereka berkata: 'Inilah yang menjadi angan-angan kami'. Lalu Allah melepaskan angkatan belalang memakan rumput-rampai yang subur itu. Apabila mereka melihat kesan serangan belalang ke atas rumput-rampai itu mereka yakin tanaman mereka akan musnah lalu mereka berkata kepada Musa: 'Wahai Musa! Berdo'alah kepada Tuhanmu supaya hapuskan serangan belalang dari kami dan kami berjanji akan beriman kepada engkau dan membebaskan kaum Bani Israel pergi bersama engkau.' Musa pun berdo'a kepada Allah lalu Allah hapuskan bencana serangan belalang dari mereka, tetapi mereka tidak juga beriman dan tidak pula membebaskan kaum Bani Israel. Kemudian mereka melakukan kerja memukul pokok-pokok gandum dan menyimpankan di rumah-rumah mereka, lalu mereka berkata bangga: 'Semua hasil tanaman kami selamat disimpan'. Tidak lama kemudian Allah menghantar angkatan kutu iaitu serangan bubuk yang keluar dari biji-biji gandum lalu merosakkannya hingga jika seorang membawa sepuluh gantang untuk dikisar, maka hanya tiga cupak sahaja yang dapat diambil (yakni kira-kira tiga persepuluh sahaja dari biji-biji gandum yang dirosakkan oleh bubuk itu dapat diambil apabila dikisar)! Lalu mereka merayu kepada Musa dan berkata: 'Wahai Musa! Berdo'alah kepada Tuhanmu supaya menghapuskan bencana bubuk dari kami. Dan kami berjanji akan beriman kepada engkau dan membebaskan kaum Bani Israel pergi bersama

engkau'. Musa sekali lagi berdo'a kepada Allah, lalu Allah hapuskan bencana itu dari mereka, tetapi mereka tetap enggan membebaskan kaum Bani Israel.

"(Pada suatu hari) ketika Musa duduk di hadapan Fir'aun, tiba-tiba beliau mendengar suara katak lalu beliau berkata kepada Fir'aun: 'Anda dan kaum anda tidak akan sanggup menghadapi bala ini'. Jawab Fir'aun: 'Apakah pula bala ini?' Apabila menjelang waktu petang setiap orang dari kaum Fir'aun duduk dengan dikerumuni katak-katak hingga ke paras dagunya. Apabila ia membuka mulut hendak bercakap katak-katak itu terus merempuh ke dalam mulutnya. Lalu mereka merayu kepada Musa dan berkata: 'Wahai Musa! Berdo'alah kepada Tuhanmu supaya menghapuskan bala katak-katak ini dari kami. Kami berjanji akan beriman kepada engkau dan membebaskan kaum Bani Israel pergi bersama engkau.' Tetapi seperti biasa mereka tidak juga beriman. Lalu Allah menimpakan bala darah ke atas mereka, menyebabkan semua air yang diambil mereka dari sungai-sungai dan perigi-perigi dan semua air yang tersimpan di dalam tempayan-tempayan mereka menjadi darah yang segar. Lalu mereka sekali lagi datang menemui Musa dan berkata: 'Wahai Musa! Berdo'alah kepada Tuhanmu supaya menghapuskan bala darah ini dari kami. Kami berjanji akan beriman kepada engkau dan membebaskan kaum Bani Israel keluar bersama engkau'. Musa berdo'a kepada Allah, lalu Allah hapuskan bala darah itu dari mereka, tetapi mereka tidak juga beriman dan tidak pula membebaskan kaum Bani Israel keluar bersamanya."

Allah sahaja yang mengetahui manakah riwayat yang benar. Gambaran bagaimana cara bukti-bukti yang jelas atau mukjizat-mukjizat ini datang yang diceritakan oleh riwayat-riwayat yang berlainan itu tidaklah menjejaskan hakikat bukti-bukti yang jelas itu sendiri, kerana Allah menghantarkan bukti-bukti yang jelas itu sekadar yang tertentu sahaja pada sesuatu masa yang tertentu untuk menguji sesuatu kaum yang tertentu mengikut undang-undang-Nya yang menguji golongan manusia yang menolak da'wah dengan kesusahan dan penderitaan supaya mereka tunduk dan merendah diri kepada Allah.

Kaum Fir'aun yang hidup dengan kepercayaan paganisme dan budaya jahiliyah serta diperbodohkan oleh Fir'aun kerana mereka menyeleweng dari agama yang benar sentiasa mendapatkan Nabi Musa a.s. supaya beliau berdo'a kepada Allah kerana kedudukannya yang istimewa di sisi Allah supaya menghapuskan bala yang sedang menimpa mereka walaupun selepas itu pihak berkuasa memungkiri janji mereka, kerana kerajaan mereka ditegakkan di atas prinsip kepercayaan bahawa Fir'aun itu adalah tuhan mereka, atau kerana kerajaan takut kepada kepercayaan bahawa Allah itulah Tuhan mereka yang sebenar, kerana akibatnya akan meruntuhkan sistem pemerintahan mereka yang berlandaskan kuasa Hakimiyah Fir'aun bukannya kuasa Hakimiyah Allah.

Adapun umat jahiliyah moden, apabila Allah menimpakan penyakit-penyakit yang membinasakan tanam-tanaman mereka, maka mereka tetap tidak mahu kembali kepada Allah. Dan seandainya kaum petani mereka merasa bahawa penyakit-penyakit yang membinasakan tanaman itu merupakan sesuatu pembalasan dari Allah - iaitu satu perasaan semulajadi yang tercetus di sa'at-sa'at kesusahan dan penderitaan walaupun di dalam hati insan-insan yang kafir - lalu mereka berdo'a supaya Allah menghapuskan kesusahan itu dari mereka, maka golongan bijak pandai mereka yang berpegang dengan aliran pemikiran Ilmiyah yang palsu akan mengatakan kepada mereka bahawa kepercayaan itu adalah suatu dongeng atau suatu kepercayaan kepada kuasa-kuasa ghaib yang tidak wujud di alam kenyataan mereka. Mereka mentertawa dan mempersenda-sendakan kaum tani itu dengan tujuan untuk mengembalikan mereka kepada kekufuran yang lebih buruk dari kekufuran umat yang menganut kepercayaan paganisme.

Kemudian tibalah babak penghabisan kisah - sesuai dengan Sunnatullah yang membinasakan kaum pendusta setelah selesai diuji dengan kesusahan dan kesenangan - dan berlakulah keputusan Allah membinasakan Fir'aun dan kuncu-kuncunya setelah diberi tempoh yang cukup kepada mereka, dan terlaksanalah janji Allah yang sanggup menolong orang-orang Mu'min yang lemah dan sabar setelah dibinasakan golongan manusia yang zalim dan angkuh:

فَٱنتَقَمۡنَا مِنۡهُمۡ فَأَغۡرَقۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡيَمِّ بِأَنَّهُمۡ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُواْ عَنۡهَا غَٰفِلِينَ ١٣٦ وَأَوۡرَثۡنَا ٱلۡقَوۡمَ ٱلَّذِينَ كَانُواْ يُسۡتَضۡعَفُونَ مَشَٰرِقَ ٱلۡأَرۡضِ وَمَغَٰرِبَهَا ٱلَّتِي بَٰرَكۡنَا فِيهَاۖ وَتَمَّتۡ كَلِمَتُ رَبِّكَ ٱلۡحُسۡنَىٰ عَلَىٰ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ بِمَا صَبَرُواْۖ وَدَمَّرۡنَا مَا كَانَ يَصۡنَعُ فِرۡعَوۡنُ وَقَوۡمُهُۥ وَمَا كَانُواْ يَعۡرِشُونَ ١٣٧

"Kemudian Kami timpakan balasan Kami terhadap mereka lalu Kami tenggelamkan seluruh mereka di dalam lautan dengan sebab mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan kerana mereka selama ini tidak menghiraukannya (136). Dan Kami telah mewariskan kepada kaum Bani Israel yang telah tertindas itu negeri-negeri di Timur dan di Barat yang Kami berkatinya dengan kesenangan-kesenangan, dan kini telah terlaksanalah keputusan-keputusan yang baik dari Tuhanmu terhadap Bani Israel kerana kesabaran mereka dan Kami telah membinasakan apa yang telah dibuat oleh Fir'aun dan kaumnya dan apa yang dibinakan mereka."(137)

Ayat-ayat ini hanya menceritakan peristiwa yang kelima itu dengan ringkas sahaja di sini. Ia tidak menghuraikannya secara terperinci seperti di dalam surah-surah yang lain, kerana suasana di sini ialah suasana pelaksanaan hukuman yang tegas setelah diberi tempoh yang panjang. Oleh itu ia tidak memerlukan kepada penceritaan yang detil kerana hukuman yang pantas di sini lebih berkesan dan menakutkan:

فَٱنتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَٰهُمْ فِى ٱلْيَمِّ

"Kemudian Kami timpakan balasan Kami terhadap mereka lalu Kami tenggelamkan seluruh mereka di dalam lautan."(136)

Dengan sekali hentam sahaja, tiba-tiba seluruh mereka binasa semuanya. Mereka jatuh menjunam dari kemuncak keangkuhan dan kesombongan ke dasar gaung kebinasaan yang amat dalam. Itulah balasan yang setimpal dengan dosa-dosa mereka:

بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُوا۟ عَنْهَا غَٰفِلِينَ ﴿١٣٦﴾

"Dengan sebab mereka mendustakan ayat-ayat Kami, dan kerana mereka selama ini tidak menghiraukannya."(136)

Di dalam ayat ini perbuatan mendustakan ayat-ayat atau bukti-bukti yang nyata dan perbuatan tidak mempedulikan bukti-bukti itu dihubungkan dengan balasan kebinasaan yang ditimpakan ke atas mereka untuk menjelaskan bahawa peristiwa-peristiwa itu bukanlah berlaku secara serampangan atau di luar dugaan seperti yang difikirkan oleh orang-orang yang hanyut di dalam kelalaian.

Untuk diselaraskan dengan suasana pelaksanaan hukuman yang tegas itu, ayat yang berikut dengan segera menayangkan lembaran sebelah lagi, iaitu lembaran perlantikan kaum yang lemah menjadi khalifah di bumi, atau perlantikan Bani Israel menjadi pemerintah di zaman mereka berada dalam keadaan yang agak baik dan sebelum mereka sesat dan menyeleweng dari agama Allah hingga mereka diterapkan dengan kehinaan dan hidup berselerak di sana sini. Mereka menjadi pemerintah bukan di negeri Mesir dan bukan mengambil alih tempat Fir'aun dan kuncu-kuncunya, malah perlantikkan itu berlaku di negeri Syam, iaitu selepas puluhan tahun dari peristiwa tenggelamnya Fir'aun, juga selepas kewafatan Nabi Musa a.s. dan selepas empat puluh tahun mengembara di padang-padang Sahara sebagaimana diceritakan di dalam surah-surah yang lain, tetapi ayat-ayat ini menjangkau zaman-zaman dan peristiwa-peristiwa itu dan terus menayangkan babak perlantikan menjadi khalifah untuk diselaraskan di antara dua lembaran sejarah yang bertentangan itu:

وَأَوْرَثْنَا ٱلْقَوْمَ ٱلَّذِينَ كَانُوا۟ يُسْتَضْعَفُونَ مَشَٰرِقَ ٱلْأَرْضِ وَمَغَٰرِبَهَا ٱلَّتِى بَٰرَكْنَا فِيهَا ۖ وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ ٱلْحُسْنَىٰ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ بِمَا صَبَرُوا۟ ۖ وَدَمَّرْنَا مَا كَانَ يَصْنَعُ فِرْعَوْنُ وَقَوْمُهُۥ وَمَا كَانُوا۟ يَعْرِشُونَ ﴿١٣٧﴾

"Dan Kami telah mewariskan kepada kaum Bani Israel yang telah tertindas itu negeri-negeri di Timur dan di Barat yang Kami berkatinya dengan kesenangan-kesenangan, dan kini telah terlaksanalah keputusan-keputusan yang baik dari Tuhanmu terhadap Bani Israel kerana kesabaran mereka dan Kami telah membinasakan apa yang telah dibuat oleh Fir'aun dan kaumnya dan apa yang dibinakan mereka."(137) [12]

Sebagai manusia yang bersifat fana dan terikat dengan batas zaman, maka kita menggunakan kata-kata "sebelum" dan "kemudian" atau "selepas" kerana kita menandakan tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa dengan masa berlakunya peristiwa itu. Oleh sebab itulah kita berkata bahawa peristiwa perlantikkan Bani Israel menjadi pemerintah adalah berlaku selepas tenggelamnya Fir'aun di dalam lautan, kerana itulah yang dapat difahamkan oleh kita manusia tetapi bagi kewujudan Allah yang mutlak dan bagi ilmu Allah yang mutlak, maka di sana tidak ada "sebelum" dan "kemudian". Seluruh lembaran peristiwa itu terdedah sama sahaja kepada-Nya. Ia terbentang jelas tanpa dilindungi zaman dan tempat. Allah mempunyai sifat Yang Maha Tinggi:

وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

"Dan kamu tidak dikurniakan Ilmu pengetahuan kecuali sedikit sahaja."

(Surah al-Isra': 85)

Demikianlah tirai dilabuhkan menutup pemandangan kebinasaan di satu sudut, dan di satu sudut yang lain menutup pemandangan perlantikan Bani Israel menjadi khalifah dan menerajui pembangunan di bumi Allah. Kini Seri Maharaja Fir'aun yang zalim dan bala tenteranya telah ditenggelamkan di dalam lautan. Segala apa yang dibuat oleh Fir'aun dan kaumnya untuk memajukan kehidupan, segala bangunan indah yang ditegakkan di atas tiang-tiang yang besar dan segala para pokok anggur dan buah-buahan seluruhnya telah musnah di dalam sekelip mata sahaja atau dalam beberapa kalimat yang pendek sahaja.

Kisah ini merupakan suatu kisah perbandingan yang dikemukakan Allah kepada sekumpulan kecil kaum Mu'minin di Makkah yang diburu dan ditindas oleh kaum Musyrikin. Ia juga merupakan satu pemandangan yang memperlihatkan ufuk saujana bagi setiap jamaah Muslimin yang menghadapi penindasan dari orang-orang yang seperti Fir'aun dan Taghutnya, atau penindasan yang telah dihadapi oleh Bani Israel yang menderita di bumi Allah lalu Allah

---

12 "يعرشون" *bererti "membina". Mungkin yang dimaksudkan di sini ialah membina tembok kebun-kebun dan kebanyakannya ialah membuat para-para pokok anggur.*

mengurniakan kepada mereka ni'mat memerintah negeri-negeri di Timur dan di Barat yang diberkati Allah sebagai balasan atas kesabaran mereka, juga untuk menguji mereka bagaimana tindak-tanduk mereka dalam meni'mati kurnia yang besar ini.

(Kumpulan ayat-ayat 138 - 171)

وَجَٰوَزۡنَا بِبَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٱلۡبَحۡرَ فَأَتَوۡاْ عَلَىٰ قَوۡمٖ يَعۡكُفُونَ عَلَىٰٓ أَصۡنَامٖ لَّهُمۡۚ قَالُواْ يَٰمُوسَى ٱجۡعَل لَّنَآ إِلَٰهٗا كَمَا لَهُمۡ ءَالِهَةٞۚ قَالَ إِنَّكُمۡ قَوۡمٞ تَجۡهَلُونَ ﴿١٣٨﴾

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ مُتَبَّرٞ مَّا هُمۡ فِيهِ وَبَٰطِلٞ مَّا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿١٣٩﴾

قَالَ أَغَيۡرَ ٱللَّهِ أَبۡغِيكُمۡ إِلَٰهٗا وَهُوَ فَضَّلَكُمۡ عَلَى ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٤٠﴾

وَإِذۡ أَنجَيۡنَٰكُم مِّنۡ ءَالِ فِرۡعَوۡنَ يَسُومُونَكُمۡ سُوٓءَ ٱلۡعَذَابِ يُقَتِّلُونَ أَبۡنَآءَكُمۡ وَيَسۡتَحۡيُونَ نِسَآءَكُمۡۚ وَفِي ذَٰلِكُم بَلَآءٞ مِّن رَّبِّكُمۡ عَظِيمٞ ﴿١٤١﴾

وَوَٰعَدۡنَا مُوسَىٰ ثَلَٰثِينَ لَيۡلَةٗ وَأَتۡمَمۡنَٰهَا بِعَشۡرٖ فَتَمَّ مِيقَٰتُ رَبِّهِۦٓ أَرۡبَعِينَ لَيۡلَةٗۚ وَقَالَ مُوسَىٰ لِأَخِيهِ هَٰرُونَ ٱخۡلُفۡنِي فِي قَوۡمِي وَأَصۡلِحۡ وَلَا تَتَّبِعۡ سَبِيلَ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿١٤٢﴾

وَلَمَّا جَآءَ مُوسَىٰ لِمِيقَٰتِنَا وَكَلَّمَهُۥ رَبُّهُۥ قَالَ رَبِّ أَرِنِيٓ أَنظُرۡ إِلَيۡكَۚ قَالَ لَن تَرَىٰنِي وَلَٰكِنِ ٱنظُرۡ إِلَى ٱلۡجَبَلِ فَإِنِ ٱسۡتَقَرَّ مَكَانَهُۥ فَسَوۡفَ تَرَىٰنِيۚ فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُۥ لِلۡجَبَلِ جَعَلَهُۥ دَكّٗا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقٗاۚ فَلَمَّآ أَفَاقَ قَالَ سُبۡحَٰنَكَ تُبۡتُ إِلَيۡكَ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١٤٣﴾

قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ إِنِّي ٱصۡطَفَيۡتُكَ عَلَى ٱلنَّاسِ بِرِسَٰلَٰتِي وَبِكَلَٰمِي فَخُذۡ مَآ ءَاتَيۡتُكَ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

وَكَتَبۡنَا لَهُۥ فِي ٱلۡأَلۡوَاحِ مِن كُلِّ شَيۡءٖ مَّوۡعِظَةٗ وَتَفۡصِيلٗا لِّكُلِّ شَيۡءٖ فَخُذۡهَا بِقُوَّةٖ وَأۡمُرۡ قَوۡمَكَ يَأۡخُذُواْ بِأَحۡسَنِهَاۚ سَأُوْرِيكُمۡ دَارَ ٱلۡفَٰسِقِينَ ﴿١٤٥﴾

سَأَصۡرِفُ عَنۡ ءَايَٰتِيَ ٱلَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِ بِغَيۡرِ ٱلۡحَقِّ وَإِن يَرَوۡاْ كُلَّ ءَايَةٖ لَّا يُؤۡمِنُواْ بِهَا وَإِن يَرَوۡاْ سَبِيلَ ٱلرُّشۡدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلٗا وَإِن يَرَوۡاْ سَبِيلَ ٱلۡغَيِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلٗاۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُواْ عَنۡهَا غَٰفِلِينَ ﴿١٤٦﴾

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُواْ بِـَٔايَٰتِنَا وَلِقَآءِ ٱلۡأٓخِرَةِ حَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡۚ هَلۡ يُجۡزَوۡنَ إِلَّا مَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿١٤٧﴾

وَٱتَّخَذَ قَوۡمُ مُوسَىٰ مِنۢ بَعۡدِهِۦ مِنۡ حُلِيِّهِمۡ عِجۡلٗا جَسَدٗا لَّهُۥ خُوَارٌۚ أَلَمۡ يَرَوۡاْ أَنَّهُۥ لَا يُكَلِّمُهُمۡ وَلَا يَهۡدِيهِمۡ سَبِيلًاۘ ٱتَّخَذُوهُ وَكَانُواْ ظَٰلِمِينَ ﴿١٤٨﴾

وَلَمَّا سُقِطَ فِيٓ أَيۡدِيهِمۡ وَرَأَوۡاْ أَنَّهُمۡ قَدۡ ضَلُّواْ قَالُواْ لَئِن لَّمۡ يَرۡحَمۡنَا رَبُّنَا وَيَغۡفِرۡ لَنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

وَلَمَّا رَجَعَ مُوسَىٰٓ إِلَىٰ قَوۡمِهِۦ غَضۡبَٰنَ أَسِفٗا قَالَ بِئۡسَمَا خَلَفۡتُمُونِي مِنۢ بَعۡدِيٓۖ أَعَجِلۡتُمۡ أَمۡرَ رَبِّكُمۡۖ وَأَلۡقَى ٱلۡأَلۡوَاحَ وَأَخَذَ بِرَأۡسِ أَخِيهِ يَجُرُّهُۥٓ إِلَيۡهِۚ قَالَ ٱبۡنَ أُمَّ إِنَّ ٱلۡقَوۡمَ ٱسۡتَضۡعَفُونِي وَكَادُواْ يَقۡتُلُونَنِي فَلَا تُشۡمِتۡ بِيَ ٱلۡأَعۡدَآءَ وَلَا تَجۡعَلۡنِي مَعَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٥٠﴾

قَالَ رَبِّ ٱغۡفِرۡ لِي وَلِأَخِي وَأَدۡخِلۡنَا فِي رَحۡمَتِكَۖ وَأَنتَ أَرۡحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿١٥١﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ ٱلۡعِجۡلَ سَيَنَالُهُمۡ غَضَبٞ مِّن رَّبِّهِمۡ وَذِلَّةٞ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۚ وَكَذَٰلِكَ نَجۡزِي ٱلۡمُفۡتَرِينَ ﴿١٥٢﴾

وَٱلَّذِينَ عَمِلُواْ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ثُمَّ تَابُواْ مِنۢ بَعۡدِهَا وَءَامَنُوٓاْ إِنَّ رَبَّكَ مِنۢ بَعۡدِهَا لَغَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿١٥٣﴾

وَلَمَّا سَكَتَ عَن مُّوسَى ٱلۡغَضَبُ أَخَذَ ٱلۡأَلۡوَاحَۖ وَفِي نُسۡخَتِهَا هُدٗى وَرَحۡمَةٞ لِّلَّذِينَ هُمۡ لِرَبِّهِمۡ يَرۡهَبُونَ ﴿١٥٤﴾

وَٱخۡتَارَ مُوسَىٰ قَوۡمَهُۥ سَبۡعِينَ رَجُلٗا لِّمِيقَٰتِنَاۖ فَلَمَّآ أَخَذَتۡهُمُ ٱلرَّجۡفَةُ قَالَ رَبِّ لَوۡ شِئۡتَ أَهۡلَكۡتَهُم مِّن قَبۡلُ وَإِيَّٰيَۖ أَتُهۡلِكُنَا بِمَا فَعَلَ ٱلسُّفَهَآءُ مِنَّآۖ إِنۡ هِيَ إِلَّا فِتۡنَتُكَ تُضِلُّ بِهَا مَن تَشَآءُ وَتَهۡدِي مَن تَشَآءُۖ أَنتَ وَلِيُّنَا فَٱغۡفِرۡ لَنَا وَٱرۡحَمۡنَاۖ وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلۡغَٰفِرِينَ ﴿١٥٥﴾

وَٱكۡتُبۡ لَنَا فِي هَٰذِهِ ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ إِنَّا هُدۡنَآ إِلَيۡكَۚ قَالَ عَذَابِيٓ أُصِيبُ بِهِۦ مَنۡ أَشَآءُۖ وَرَحۡمَتِي وَسِعَتۡ كُلَّ شَيۡءٖۚ فَسَأَكۡتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلَّذِينَ هُم بِـَٔايَٰتِنَا يُؤۡمِنُونَ ﴿١٥٦﴾

ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِيَّ ٱلۡأُمِّيَّ ٱلَّذِي يَجِدُونَهُۥ مَكۡتُوبًا عِندَهُمۡ فِي ٱلتَّوۡرَىٰةِ وَٱلۡإِنجِيلِ يَأۡمُرُهُم بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَىٰهُمۡ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَ وَيَضَعُ عَنۡهُمۡ إِصۡرَهُمۡ وَٱلۡأَغۡلَٰلَ ٱلَّتِي كَانَتۡ عَلَيۡهِمۡۚ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِهِۦ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَٱتَّبَعُواْ ٱلنُّورَ ٱلَّذِيٓ أُنزِلَ مَعَهُۥٓ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

قُلۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنِّي رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيۡكُمۡ جَمِيعًا ٱلَّذِي لَهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحۡيِۦ وَيُمِيتُۖ فَـَٔامِنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ ٱلنَّبِيِّ ٱلۡأُمِّيِّ ٱلَّذِي يُؤۡمِنُ بِٱللَّهِ وَكَلِمَٰتِهِۦ وَٱتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمۡ تَهۡتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

وَمِن قَوۡمِ مُوسَىٰٓ أُمَّةٞ يَهۡدُونَ بِٱلۡحَقِّ وَبِهِۦ يَعۡدِلُونَ ﴿١٥٩﴾

وَقَطَّعۡنَٰهُمُ ٱثۡنَتَيۡ عَشۡرَةَ أَسۡبَاطًا أُمَمٗاۚ وَأَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ إِذِ ٱسۡتَسۡقَىٰهُ قَوۡمُهُۥٓ أَنِ ٱضۡرِب بِّعَصَاكَ ٱلۡحَجَرَۖ فَٱنۢبَجَسَتۡ مِنۡهُ ٱثۡنَتَا عَشۡرَةَ عَيۡنٗاۖ قَدۡ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٖ مَّشۡرَبَهُمۡۚ وَظَلَّلۡنَا عَلَيۡهِمُ ٱلۡغَمَٰمَ وَأَنزَلۡنَا عَلَيۡهِمُ ٱلۡمَنَّ وَٱلسَّلۡوَىٰۖ كُلُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقۡنَٰكُمۡۚ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَٰكِن كَانُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ يَظۡلِمُونَ ﴿١٦٠﴾

وَإِذۡ قِيلَ لَهُمُ ٱسۡكُنُواْ هَٰذِهِ ٱلۡقَرۡيَةَ وَكُلُواْ مِنۡهَا حَيۡثُ شِئۡتُمۡ وَقُولُواْ حِطَّةٞ وَٱدۡخُلُواْ ٱلۡبَابَ سُجَّدٗا نَّغۡفِرۡ لَكُمۡ خَطِيٓـَٰٔتِكُمۡۚ سَنَزِيدُ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿١٦١﴾

فَبَدَّلَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡهُمۡ قَوۡلًا غَيۡرَ ٱلَّذِي قِيلَ لَهُمۡ فَأَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِمۡ رِجۡزٗا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ

بِمَا كَانُوا۟ يَظْلِمُونَ ﴿١٦٢﴾

وَسْـَٔلْهُمْ عَنِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَتْ حَاضِرَةَ ٱلْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِى ٱلسَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ ۚ كَذَٰلِكَ نَبْلُوهُم بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

وَإِذْ قَالَتْ أُمَّةٌ مِّنْهُمْ لِمَ تَعِظُونَ قَوْمًا ٱللَّهُ مُهْلِكُهُمْ أَوْ مُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا ۖ قَالُوا۟ مَعْذِرَةً إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٦٤﴾

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦٓ أَنجَيْنَا ٱلَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ ٱلسُّوٓءِ وَأَخَذْنَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ بِعَذَابٍۭ بَـِٔيسٍۭ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿١٦٥﴾

فَلَمَّا عَتَوْا۟ عَن مَّا نُهُوا۟ عَنْهُ قُلْنَا لَهُمْ كُونُوا۟ قِرَدَةً خَٰسِـِٔينَ ﴿١٦٦﴾

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَن يَسُومُهُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ ۗ إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ ٱلْعِقَابِ ۖ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٧﴾

وَقَطَّعْنَٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أُمَمًا ۖ مِّنْهُمُ ٱلصَّٰلِحُونَ وَمِنْهُمْ دُونَ ذَٰلِكَ ۖ وَبَلَوْنَٰهُم بِٱلْحَسَنَٰتِ وَٱلسَّيِّـَٔاتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٦٨﴾

فَخَلَفَ مِنۢ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ وَرِثُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ يَأْخُذُونَ عَرَضَ هَٰذَا ٱلْأَدْنَىٰ وَيَقُولُونَ سَيُغْفَرُ لَنَا وَإِن يَأْتِهِمْ عَرَضٌ مِّثْلُهُۥ يَأْخُذُوهُ ۚ أَلَمْ يُؤْخَذْ عَلَيْهِم مِّيثَٰقُ ٱلْكِتَٰبِ أَن لَّا يَقُولُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْحَقَّ وَدَرَسُوا۟ مَا فِيهِ ۗ وَٱلدَّارُ ٱلْـَٔاخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦٩﴾

وَٱلَّذِينَ يُمَسِّكُونَ بِٱلْكِتَٰبِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُصْلِحِينَ ﴿١٧٠﴾

وَإِذْ نَتَقْنَا ٱلْجَبَلَ فَوْقَهُمْ كَأَنَّهُۥ ظُلَّةٌ وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُۥ وَاقِعٌۢ بِهِمْ خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱذْكُرُوا۟ مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧١﴾

"Dan Kami telah membawa Bani Israel menyeberangi laut (Merah dan di sebelah sana) mereka menemui satu kaum yang sedang menyembah berhala-berhala mereka (dengan khusyu'). Lalu mereka berkata: Wahai Musa, buatlah satu berhala untuk kami seperti berhala-berhala yang disembahkan mereka. Jawab Musa: 'Sesungguhnya kamu ini adalah satu kaum yang jahil' (138). Sesungguhnya mereka (kaum itu) akan dibinasakan bersama-sama berhala yang disembahkan mereka dan sia-sialah segala apa yang dilakukan mereka (139). Ujar Musa: "Apakah aku mencari untuk kamu Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan Dia telah mengurniakan kepada kamu kelebihan-kelebihan mengatasi kaum-kaum yang lain (140). Dan (kenangilah) ketika Kami menyelamatkan kamu dari kaum Fir'aun yang telah meng'azabkan kamu dengan 'azab yang amat kejam, mereka membunuh anak-anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu sahaja yang hidup. Peristiwa itu adalah sesuatu ujian yang besar dari Tuhan kamu (141). Dan Kami telah berjanji (untuk mengurniakan Taurat) kepada Musa selepas berlalunya tiga puluh malam dan Kami sempurnakannya dengan sepuluh malam lagi dan dengan itu genaplah masa perjanjian Tuhannya selama empat puluh malam, lalu berkatalah Musa kepada saudaranya Harun: "Gantilah aku dalam memimpin kaumku dan islahkan mereka dan janganlah engkau ikuti jalan orang-orang yang melakukan kerosakan (142). Dan apabila Musa datang menepati waktu temujanji dengan Kami dan Tuhannya bercakap dengannya lalu ia berkata: "Wahai Tuhanku, perlihatkanlah diri-Mu kepadaku supaya aku dapat melihat-Mu". Allah menjawab: Engkau tidak akan dapat melihat diri-Ku, tetapi lihatlah (lebih dahulu) kepada bukit itu. Jika ia berdiri mantap di tempatnya, nescaya engkau akan dapat melihat diri-Ku. Kemudian apabila Tuhannya bertajalli kepada bukit itu, maka ia menjadikannya ranap dan hampir hancur lebur lalu Musa jatuh pengsan. Kemudian setelah sedar kembali ia pun berkata: "(Ya Allah) Maha Sucilah Engkau. Aku bertaubat kepada-Mu dan akulah orang yang pertama dari golongan orang-orang yang beriman (143). Allah berfirman: Wahai Musa! Sesungguhnya Aku telah mengutamakan pilihan-Ku terhadapmu di atas sekalian manusia untuk membawa perutusan-Ku dan berbicara dengan-Ku (secara langsung). Oleh itu ambillah segala apa yang telah dikurniakan oleh-Ku dan hendaklah engkau jadikan dirimu dari golongan orang-orang yang bersyukur (144). Dan Kami telah rakamkan untuknya segala sesuatu di dalam luh-luh (Taurat) sebagai pengajaran dan penjelasan yang terperinci mengenai segala sesuatu. Oleh sebab itu hendaklah kamu pegangkannya dengan kuat dan suruhlah

kaummu mengambil segala sesuatu yang paling baik darinya. Aku akan memperlihatkan kepada kamu negeri kaum yang fasiq (145). Aku akan palingkan hati orang-orang yang berlagak angkuh di bumi Allah tanpa alasan yang benar dari memahami ayat-ayat-Ku. Jika mereka melihat segala ayat sekali pun, mereka tidak akan beriman kepadanya dan jika mereka melihat segala jalan hidayat sekali pun, mereka tidak akan mengambilnya sebagai jalan yang diikutinya dan (sebaliknya) jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka akan mengambilnya sebagai jalan yang diikutinya. Balasan yang sedemikian disebabkan kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan kerana mereka selama ini tidak menghiraukannya (146). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan pertemuan pada hari Akhirat, maka binasalah segala amalan mereka. Mereka tidak akan diberi balasan kecuali di atas amalan-amalan yang dilakukan mereka (147). Kaum Musa - selepas pemergiannya ke Bukit Tursina - telah membuat dari perhiasan-perhiasan emas mereka sebuah patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara. Apakah mereka tidak berfikir bahawa patung lembu itu tidak dapat berbicara dengan mereka dan tidak pula dapat menunjukkan jalan yang betul kepada mereka? (Namun begitu, mereka mengambilnya sebagai Tuhan). Dan mereka adalah orang-orang yang zalim(148). Dan setelah mereka menyesali perbuatan mereka dan mengetahui bahawa mereka telah sesat mereka pun berkata: Jika Tuhan kita tidak mengasihani kita dan tidak memberi keampunan kepada kita tentulah kita termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi (149). Setelah Musa kembali kepada kaumnya dalam keadaan marah dan sedih ia pun berkata: "Alangkah buruknya perbuatan yang telah kamu lakukan sepeninggalanku. Apakah kamu hendak mempercepatkan balasan Tuhan kamu? (Terhadap kamu)?" Lalu Musa melemparkan luh-luh Taurat dan memegang kepala saudaranya (Harun) dan menarik kepadanya lantas Harun berkata: "Wahai anak ibuku, sebenarnya kaum ini telah membuat aku menjadi lemah dan mereka hampir-hampir membunuhku. Oleh itu janganlah engkau membuat musuhku bergembira melihat keadaanku dan janganlah engkau masukkan aku ke dalam golongan orang-orang yang zalim (150). Musa pun berdo'a: 'Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan kepada aku dan kepada saudaraku dan masukkanlah kami ke dalam rahmat-Mu dan sesungguhnya Engkau Paling Pengasih di antara para pengasih (151). Sesungguhnya orang-orang yang menyembah patung anak lembu itu akan mendapat kemurkaan dari Tuhan mereka dan kehinaan dalam kehidupan dunia. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang membuat pembohongan (terhadap Allah) (152). Dan orang-orang yang telah melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat, kemudian mereka bertaubat selepas itu dan beriman, maka sesungguhnya Tuhanmu selepas itu Maha Pengampun dan Maha Penyayang (153). Apabila kemarahan Musa menjadi tenang, ia mengambil kembali luh-luh Taurat (yang tercampak itu) dan dalam tulisan-tulisannya terkandung hidayat dan rahmat kepada orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka (154). Dan Musa telah memilih tujuh puluh orang lelaki dari kaumnya untuk menepati temujanji dengan Kami. Kemudian apabila mereka disambar gegaran petir, Musa pun merayu: 'Wahai Tuhanku! Jika Engkau kehendaki tentulah Engkau telah membinasakan mereka dan aku sebelum ini lagi. Apakah Engkau hendak membinasakan kami dengan sebab perbuatan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang bodoh dari kami? 'azab yang ditimpakan Engkau itu tidak lain melainkan hanya suatu ujian dari-Mu, dengan perantaraannya Engkau sesatkan mereka yang Engkau kehendaki dan Engkau hidayatkan mereka yang Engkau kehendaki. Engkaulah Pelindung kami. Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik para pengampun (155). Dan tuliskanlah untuk kami kebajikan di dunia ini dan di Akhirat. Sesungguhnya kami telah kembali kepada-Mu". Lalu Allah berfirman: Aku timpakan 'azab-Ku itu ke atas mereka yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku meliputi segala sesuatu. Oleh itu Aku akan tuliskan rahmat-Ku itu untuk orang-orang yang bertaqwa dan menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami (156). Iaitu orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi, yang mereka dapati namanya tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Nabi itu menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang ma'ruf dan melarang mereka dari melakukan perbuatan yang mungkar, dia menghalalkan kepada mereka segala yang baik dan mengharamkan ke atas mereka segala yang keji, dia menghapuskan dari mereka beban-beban berat dan belenggu-belenggu yang memberatkan mereka. Oleh sebab itu orang-orang yang beriman kepada Rasul ini, memulia dan membantunya, merekalah orang-orang yang beruntung (157). Katakanlah: Wahai manusia! Sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kamu sekalian iaitu Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia, yang menghidup dan yang mematikan. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya seorang Nabi yang ummi, yang beriman kepada Allah dan kalimat-kalimat-Nya dan ikutilah dia supaya kamu mendapat hidayat (158). Dan dari kaum Musa terdapat satu umat yang memberi hidayat kepada manusia dengan agama yang benar dan dengannya mereka berlaku adil(159). Dan Kami membahagikan mereka (Bani Israel) kepada dua belas suku yang membentuk berbagai-bagai umat dan Kami wahyukan kepada Musa ketika kaumnya meminta bekalan air darinya: Pukullah batu ini dengan tongkatmu! Lalu terpancarlah darinya dua belas mata air. Setiap suku mengetahui tempat minum mereka masing-masing. Dan Kami payungkan mereka dengan awan dan menurunkan kepada mereka manna dan burung puyuh. Kami berfirman: Makanlah dari makanan-makanan yang baik dari rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu. Mereka tidak menzalimi tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri (160). Dan (kenangilah) ketika dikatakan kepada mereka: Tinggallah sahaja di negeri ini dan makanlah dari hasil buminya di mana sahaja kamu suka dan berdo'alah: Gugurkanlah dosa-dosa dari kami, dan masuklah pintu kota itu dengan (melakukan harakat) sujud nescaya Kami ampunkan kesalahan-kesalahan kamu dan Kami akan tambahkan pahala kepada para Muhsinin (161). Kemudian orang-orang yang zalim dari kalangan mereka telah menukarkan perkataan itu dengan perkataan yang tidak diajarkan kepada mereka, lalu Kami lepaskan ke atas mereka 'azab dari langit dengan sebab kezaliman yang telah dilakukan mereka (162). (Wahai Muhammad!) Tanyalah mereka (Bani Israel) tentang penduduk negeri yang terletak berdekatan dengan laut, ketika mereka melanggar peraturan hari Sabtu (yang melarang bekerja), pada hari itu ikan-ikan tangkapan mereka datang kepada mereka dan menimbul di permukaan air, sedangkan pada hari bukan Sabtu yang dimuliakan mereka ikan-ikan itu tidak kelihatan datang kepada mereka. Demikian Kami uji mereka dengan sebab penyelewengan-penyelewengan yang telah dilakukan mereka (163). Dan (kenangilah) ketika suatu kumpulan dari kalangan mereka berkata:[13] Mengapa kamu memberi nasihat kepada golongan yang akan dibinasakan Allah atau akan di'azabkan Allah dengan 'azab yang amat berat?

---

[13] *Kepada kumpulan penasihat yang melarang kumpulan yang melakukan tipu helah untuk menangkap ikan-ikan yang menimbul pada hari Sabtu itu.*

Mereka menjawab: 'Nasihat kami itu sebagai tanggungjawab kami kepada Tuhan kamu dan supaya mereka bertaqwa' (164). Dan apabila mereka telah melupakan nasihat-nasihat yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan mereka yang melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat dan Kami hukumkan orang-orang yang zalim itu dengan 'azab yang amat berat dengan sebab penyelewengan yang telah dilakukan mereka (165). Kemudian apabila mereka berlagak angkuh terhadap perbuatan yang dilarang mereka melakukannya. Kami berkata kepada mereka: Jadilah kamu kera-kera yang hina (166). Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengumumkan bahawa sesungguhnya Dia akan membangkitkan kepada mereka sehingga hari Qiamat kaum-kaum yang akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang seburuk-buruknya. Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih (167). Dan Kami telah membahagikan mereka di dunia ini kepada berbagai-bagai golongan. Di antara mereka ada golongan yang soleh dan ada pula golongan yang lebih rendah dari mereka dan Kami ujikan mereka dengan ni'mat-ni'mat yang baik dari dengan kesusahan-kesusahan supaya mereka kembali ke pangkal jalan (168). Kemudian selepas mereka, datang pula generasi (yang menyeleweng) yang mewarisi kitab Taurat. Mereka mengambil harta benda dunia yang rendah ini dan berkata: "(Tidak mengapa kali ini) kami akan dikurniakan keampunan" sedangkan apabila datang kepada mereka harta benda dunia yang sebanyak itu pula nescaya mereka akan mengambilnya juga. Bukankah mereka telah diikatkan dengan perjanjian Taurat bahawa mereka tidak akan mengatakan sesuatu terhadap Allah kecuali yang benar? Dan bukankah mereka telah mempelajari segala apa yang terkandung di dalam kitab itu? Dan bukankah negeri Akhirat lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Apakah kamu tidak berfikir? (169) Dan orang-orang yang berpegang teguh dengan kitab Taurat dan mendirikan solat (akan mendapat ganjaran) kerana sesungguhnya Kami tidak mempersia-siakan ganjaran orang-orang yang melakukan amalan yang baik.(170) Dan (kenangilah) ketika Kami mengangkat Bukit (Tursina) ke atas mereka (Bani Israel) seolah-olah kelihatan seperti payungan awan dan mereka yakin bukit itu akan jatuh menimpa mereka lalu Kami berfirman: Ambillah dan peganglah kitab Taurat yang Kami kurniakan kepada kamu dengan sekuat-kuatnya dan ingatlah segala isi kandungannya supaya kamu bertaqwa."(171)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam pelajaran ini kisah Nabi Musa a.s. terus berlangsung dalam satu babak yang lain bersama kaumnya Bani Israel setelah mereka diselamatkan Allah dari musuh mereka, iaitu setelah Fir'aun dan bala tenteranya ditenggelamkan dan segala apa yang dibuat dan dibinakan mereka di hancur dan dibinasakan. Kini Nabi Musa a.s. tidak lagi berdepan dengan Taghut Fir'aun dan para pembesar-pembesarnya, malah beliau pada hari ini berdepan dengan "jiwa manusia" yang dikarati keladak-keladak jahiliyah dan keladak-keladak kehinaan diri yang telah merosakkan tabi'at dan perilaku Bani Israel. Kehinaan diri telah memenuhkan jiwa mereka dengan tabi'at-tabi'at suka bertindak berbelit-belit dalam satu aspek, tabi'at kejam dan ganas dalam satu aspek, tabi'at pengecut dan lemah dari memikul tanggungjawab dalam aspek yang lain pula, dan inilah yang menjadikan jiwa mereka terumbang-ambing di antara berbagai-bagai aspek kecenderungan yang keji itu. Tidak ada faktor yang lebih merosakkan jiwa manusia dari faktor kehinaan dan kerendahan diri kerana terlalu lama tertindas di bawah pemerintahan yang kejam atau kerana terlalu lama hidup di bawah bayang ancaman, ketakutan yang menimbulkan budaya menyembunyi diri dan berkelakuan suka berbelit-belit untuk menghindarkan diri dari kemerbahayaan-kemerbahayaan dan keseksaan-keseksaan, juga menimbulkan budaya bergerak dan bertindak dalam gelap dan perasaan selalu cemas dan menunggu-nunggu di timpa malapetaka.

Bani Israel hidup menderita begitu lama di dalam 'azab ini. Mereka hidup di bawah pemerintahan yang menindas dan di bawah naungan kepercayaan paganisme Fir'aun. Mereka hidup di bawah kerajaan Fir'aun yang membunuh anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan sahaja yang hidup. Apabila suasana penindasan yang kejam ini mereda, mereka hidup dalam situasi hina diri dan merasa diburu setiap waktu.

Jiwa dan tabi'at mereka rosak, fitrah dan kefahaman mereka menyeleweng dan sesat, hati mereka dipenuhi perasaan pengecut dan hina dalam satu aspek dan dipenuhi perasaan dendam dan ingin bertindak kejam dalam satu aspek yang lain pula. Kedua-dua aspek ini bertaut rapat dalam jiwa manusia apabila ia terdedah begitu lama kepada keganasan dan kezaliman.

Khalifah 'Umar ibn al-Khattab r.a. memandang sesuatu dengan nur Allah. Oleh kerana itu ia dapat melihat struktur jiwa manusia dan tabi'atnya. Apabila beliau menyampaikan amanahnya kepada para gabenor yang memerintah negeri-negeri bahagian supaya mereka melayani rakyat jelata dengan layanan yang baik, di antaranya beliau berkata: "Janganlah kamu memukul kulit mereka kerana perbuatan itu menghinakan mereka", beliau mengetahui bahawa perbuatan memukul kulit badan manusia itu suatu perbuatan yang menghinakan manusia, kerana prinsip keislaman yang tersemat di dalam hati beliau telah mendorong beliau agar tidak ada manusia yang dihinakan di dalam kerajaan Islam dan di dalam kerajaan Allah, kerana manusia dalam pandangan kerajaan Allah adalah mulia dan mereka pastilah dipandang mulia dan para pemerintah tidak boleh memukul mereka kerana perbuatan itu menghinakan mereka dan kerana mereka bukannya hamba abdi para pemerintah, malah mereka adalah para hamba Allah yang harus dipandang mulia di sisi pihak-pihak yang lain dari Allah.

Kulit kaum Bani Israel telah dipukul dan disebat dalam kerajaan Fir'aun yang zalim menyebabkan mereka terhina, malah hukuman dipukul merupakan hukuman yang paling ringan yang dihadapi mereka di zaman-zaman kesenangan. Orang-orang Mesir sendiri juga telah dipukul pihak berkuasa Fir'aun hingga

mereka juga merasa terhina dan diperbodohkan oleh Fir'aun. Mereka dipukul dan disebat di zaman pemerintahan Fir'aun kemudian dipukul dan disebat pula di zaman pemerintahan Roman yang zalim. Tiada siapa yang dapat menyelamatkan mereka dari kehinaan ini kecuali Islam, iaitu pada hari kedatangan Islam yang membawa kemerdekaan kepada mereka, di mana mereka dibebaskan dari 'Ubudiyah kepada manusia dan digantikan dengan prinsip 'Ubudiyah kepada Allah. Apabila putera 'Amru ibn al-'As - penakluk dan gabenor Muslim yang memerintah negeri Mesir - memukul belakang anak seorang Qibti dari rakyat negeri Mesir - boleh jadi kesan cemati orang-orang Roman masih wujud di atas belakangnya - maka orang Qibti itu terus marah kerana anaknya telah disebat oleh anak seorang penakluk dan gabenor negeri Mesir. Dia telah mengembara selama sebulan mengenderai untanya untuk menemui khalifah 'Umar ibn al-Khattab (di Madinah) dan mengadu kepada beliau kerana anaknya telah dipukul sekali oleh anak gabenor Mesir, sedangkan beberapa tahun dahulu di zaman pemerintahan Roman dia sanggup dipukul beberapa kali. Inilah mu'jizat Islam yang telah membangkitkan kesedaran di dalam hati orang-orang Qibti di Mesir dan hati manusia yang lain di merata tempat walaupun mereka tidak memeluk agama Islam. Inilah mu'jizat Islam yang telah menyelamatkan jiwa manusia yang tertindih selama ribuan tahun di bawah timbunan perasaan rendah diri atau hina diri yang lama, lalu mereka melompat bangkit membela kehormatan diri mereka yang telah ditiup oleh Islam di dalam jiwa mereka, dan tiada yang lain dari Islam yang dapat membangkitkan kesedaran ini di dalam jiwa mereka.

Proses memperbaiki jiwa Bani Israel dari perasaan rendah diri akibat kezaliman pemerintahan Fir'aun inilah yang akan dihadapi oleh Nabi Musa a.s. selepas beliau membawa keluar Bani Israel dari negeri Mesir dan memindahkan mereka ke seberang laut Merah. Dari kisah-kisah Al-Qur'an ini kita dapat melihat jiwa Bani Israel yang menghadapi zaman kebebasan dengan keladak-keladak perasaan rendah diri dan menghadapi agama Allah dengan keladak-keladak jahiliyah yang menodai jiwa mereka. Dan Nabi Musa a. s. terpaksa menghadapi tabi'at-tabi'at putar belit, menyeleweng, tidak berakhlak, kejahilan dan kebebalan yang telah mendap di dalam jiwa mereka itu dalam masa yang begitu lama.

Kita akan melihat kepenatan-kepenatan yang dialami Musa a.s. dalam usaha-usahanya yang besar (untuk memperbaiki jiwa Bani Israel) dan menghadapi tabi'at-tabi'at mereka yang begitu cinta kepada hidup dunia sejak beberapa zaman yang lama hingga mereka tidak mahu bangkit dari lumpur dunia, di mana mereka bergelimang sekian lama dan mengirakannya sebagai perkara biasa sahaja.

Dan kepenatan-kepenatan yang dilalui Musa a.s. ini, kita dapat melihat pula kepenatan-kepenatan setiap pendakwa yang menghadapi manusia-manusia yang berjiwa rendah diri dalam masa yang begitu lama hingga mereka merasa enak hidup hina-dina di bawah penindasan kuasa Taghut, terutama jika golongan manusia ini pernah mengenal agama yang benar yang dida'wahkan oleh penda'wah itu, kemudian apabila mereka dilalui masa yang lama, maka gambaran agama yang benar itu menjadi pudar kepada mereka dan seterusnya kembali menjadi agama yang tidak berjiwa.

Usaha penda'wah dalam situasi yang seumpama ini merupakan usaha yang berlipat kali ganda beratnya, oleh sebab itu ia memerlukan kesabaran yang berlipat kali ganda juga. Dia harus sabar menghadapi tabi'at-tabi'at putar belit dan menyeleweng, harus sabar menghadapi tabi'at-tabi'at mereka yang degil dan minat-minat mereka yang rendah dan enteng. Dia harus sabar menghadapi kejatuhan atau keterbalikan yang mendadak yang berlaku kepada manusia-manusia yang seperti ini pada setiap peringkat da'wah dan harus sabar menghadapi kecenderungan mereka yang terburu-buru ke arah jahiliyah ketika muncul petandanya yang pertama.

Barangkali inilah sebahagian dari hikmat Allah membentangkan kisah Bani Israel kepada umat Muslimin dalam bentuknya yang terperinci dan berulang-ulang kali supaya mereka dapat melihat dan mempelajari pengalaman ini sebagaimana telah kami tegaskan sebelum ini, semoga pengalaman ini dapat memberi bekalan contoh teladan kepada penda'wah-penda'wah yang mengajak manusia kepada agama Allah dalam setiap generasi.

(Pentafsiran ayat-ayat 138 - 141)

وَجَٰوَزْنَا بِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْبَحْرَ فَأَتَوْا۟ عَلَىٰ قَوْمٍ يَعْكُفُونَ عَلَىٰٓ أَصْنَامٍ لَّهُمْ ۚ قَالُوا۟ يَٰمُوسَى ٱجْعَل لَّنَآ إِلَٰهًا كَمَا لَهُمْ ءَالِهَةٌ ۚ قَالَ إِنَّكُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿١٣٨﴾

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ مُتَبَّرٌ مَّا هُمْ فِيهِ وَبَٰطِلٌ مَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٣٩﴾

قَالَ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْغِيكُمْ إِلَٰهًا وَهُوَ فَضَّلَكُمْ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٤٠﴾

وَإِذْ أَنجَيْنَٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ ۖ يُقَتِّلُونَ أَبْنَآءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَآءَكُمْ ۚ وَفِى ذَٰلِكُم بَلَآءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿١٤١﴾

"Dan Kami telah membawa Bani Israel menyeberangi laut (Merah dan di sebelah sana) mereka menemui satu kaum yang sedang menyembah berhala-berhala mereka (dengan khusyu'). Lalu mereka berkata: Wahai Musa, buatlah satu berhala untuk kami seperti berhala-berhala yang disembahkan mereka. Jawab Musa: Sesungguhnya kamu ini adalah satu kaum yang jahil (138). Sesungguhnya mereka (kaum itu) akan dibinasakan bersama-sama berhala yang disembahkan mereka dan sia-sialah segala apa yang dilakukan mereka (139). Ujar Musa: Apakah aku mencari untuk kamu Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan Dia telah mengurniakan kepada kamu kelebihan-kelebihan yang mengatasi kaum-kaum yang lain (140). Dan (kenangilah) ketika Kami menyelamatkan kamu dari kaum Fir'aun yang telah meng'azabkan kamu dengan 'azab yang amat kejam, mereka membunuh anak-anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu sahaja yang hidup. Peristiwa itu adalah suatu ujian yang besar dari Tuhan kamu."(141)

Itulah adegan ketujuh dalam kisah Musa a.s., iaitu adegan Bani Israel selepas menyeberangi laut Merah, dan di sini kita berdepan dengan tabi'at kaum Bani Israel yang suka menyeleweng dan sukar diperbetulkan akibat dari keladak-keladak yang tidak sihat yang mendap di dalam jiwa mereka sejak zaman-berzaman.

Masa mereka ditindas di bawah naungan paganisme jahiliyah Fir'aun dan para pembesarnya baru sahaja berlalu, dan masa mereka diselamatkan oleh pemimpin dan nabi mereka Musa a.s. atas nama Allah Yang Maha Esa Tuhan sekalian alam dari buruan Fir'aun dan bala tenteranya juga-belum lama berlalu, di mana Allah membinasakan musuh mereka, membelah laut untuk laluan mereka dan menyelamatkan mereka dari penindasan yang kejam dan ganas yang dialami mereka. Mereka terus keluar dengan pantas dari negeri Mesir dan dari paganisme tetapi sebaik sahaja mereka menyeberangi lautan dan berjalan di seberang sana tiba-tiba mereka terpandang satu kaum paganis yang sedang khusyu' menyembah berhala-berhala mereka dan sedang asyik melakukan upacara-upacara ibadat paganisme mereka, lalu mereka meminta Musa selaku utusan Allah Tuhan sekalian alam yang telah mengeluarkan mereka dari negeri Mesir atas nama Islam dan 'aqidah tauhid supaya mengadakan satu berhala untuk disembahkan mereka kembali.

وَجَٰوَزْنَا بِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْبَحْرَ فَأَتَوْا۟ عَلَىٰ قَوْمٍ يَعْكُفُونَ عَلَىٰٓ أَصْنَامٍ لَّهُمْ ۚ قَالُوا۟ يَٰمُوسَى ٱجْعَل لَّنَآ إِلَٰهًا كَمَا لَهُمْ ءَالِهَةٌ ۚ

"Dan Kami telah membawa Bani Israel menyeberangi laut (Merah dan di sebelah sana) mereka menemui satu kaum yang sedang menyembah berhala-berhala mereka (dengan khusyu'). Lalu mereka berkata: Wahai Musa, buatlah satu berhala untuk kami seperti berhala-berhala yang disembahkan mereka."(138)

Kaum Bani Israel Berpatah Balik Kepada Paganisme

Itulah jangkitan kuman yang menyerang jiwa di samping menyerang tubuh badan, tetapi ia tidak berjangkit kecuali jiwa itu mempunyai kesediaan untuk menerimanya. Tabi'at Bani Israel seperti yang ditayangkan oleh Al-Qur'anul-Karim dengan tayangan yang begitu tepat, halus dan amanah dalam segala situasi adalah satu tabi'at yang mempunyai keazaman yang lembut dan goyah dan mempunyai jiwa yang lemah; Baru sebentar menerima hidayat, tiba-tiba sesat pula, baru sebentar naik tiba-tiba jatuh pula, baru sebentar menyusur jalan yang lurus tiba-tiba patah balik dan berpusing ke belakang pula. Semuanya berpunca dari hati yang keras, sikap yang degil dan perasaan yang kasar. Mereka kini kembali kepada tabi'at lama mereka. Baru sebentar mereka melihat kaum yang lain menyembah berhala, tiba-tiba mereka lupakan pengajaran yang diperolehinya selama lebih dari dua puluh tahun, iaitu sejak Musa a.s. membawa 'aqidah tauhid kepada mereka. Setengah riwayat menyebut bahawa Nabi Musa a.s. berada di negeri, Mesir selama dua puluh tiga tahun mulai dari masa beliau mencabar Fir'aun dan para pembesarnya dengan risalah Ilahi sehingga kepada hari beliau keluar dari Mesir membawa Bani Israel menyeberangi Laut Merah, malah mereka lupakan mu'jizat di sa'at itu yang telah menyelamatkan mereka dari Fir'aun dan bala tenteranya dan membinasakan mereka semuanya. Fir'aun dan kaumnya adalah penganut-penganut kepercayaan paganisme yang menyembah berhala, dan atas nama paganisme mereka menindas dan menghinakan Bani Israel sehingga para pembesar Fir'aun pernah menghasut baginda supaya bertindak tegas terhadap Musa dan para pengikutnya:

أَتَذَرُ مُوسَىٰ وَقَوْمَهُۥ لِيُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَيَذَرَكَ وَءَالِهَتَكَ ۚ

"Apakah tuanku akan membiarkan Musa dan kaumnya melakukan kerosakan di bumi serta meninggalkan tuanku dan tuhan-tuhan tuanku?...."(127)

Mereka lupakan semuanya ini hingga mereka tergamak memohon kepada Nabi mereka Musa a.s. selaku utusan Allah Tuhan semesta alam supaya beliau sendiri mengadakan berhala untuk mereka. Seandainya mereka sendiri yang mengadakan berhala-berhala itu untuk disembahkan mereka, tentulah keganjilannya tidak sebesar tindakan mereka memohon kepada utusan Allah Tuhan semesta alam supaya beliau sendiri mengadakan berhala untuk disembahkan mereka. Tetapi Bani Israel tetap Bani Israel.

Hanya Si Tolol Sahaja Yang Menolak Tauhid

Musa a.s. telah menunjukkan kemarahan yang berapi-api, iaitu kemarahan seorang utusan Allah Tuhan semesta alam. Beliau marah kerana Allah,

kerana cemburu kepada Uluhiyah Allah yang mahu disekutukan kaumnya dengan berhala-berhala. Oleh sebab itu beliau mengeluarkan perkataan cemuhan yang amat sesuai dengan permintaan mereka yang ganjil itu:

قَالَ إِنَّكُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿١٣٨﴾

Jawab Musa: "Sesungguhnya kamu adalah satu kaum yang jahil."(138)

Nabi Musa a.s. tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan kata-kata kejahilan itu supaya kata-kata itu kekal dengan pengertiannya yang umum, iaitu kejahilan yang syumul dan mutlak, kejahilan dengan pengertian "tidak mengerti" yang menjadi kata lawan kepada kata-kata "mengerti dan berilmu pengetahuan", atau kejahilan dengan pengertian "bebal" dan tidak berakal yang menjadi kata lawan kepada kata-kata "berakal" dan "berfikiran". Pendeknya pengertian yang terbit dari perkataan itu ialah kejahilan dan kebebalan yang menjangkau batas-batasnya yang maksima, juga supaya dengan kata-kata itu dapat menyarankan bahawa penyelewengan dari kepercayaan tauhid kepada kepercayaan syirik itu adalah berpunca dari kejahilan, kebebalan dan ketololan, sedangkan ilmu pengetahuan yang betul dan fikiran yang waras dapat membawa manusia kepada Allah Yang Maha Esa. Tidak ada ilmu pengetahuan dan fikiran yang waras yang membawa manusia ke jalan yang lain dari jalan tauhid ini.

Ilmu pengetahuan dan akal fikiran menghadapi alam buana serta undang-undang dan peraturannya yang membuktikan kewujudan pencipta yang mentadbirkan perjalanannya, juga membuktikan sifat keesaan pencipta dan pentadbirnya, kerana unsur perencanaan yang halus dan pentadbiran yang rapi dapat di lihat dengan jelas di dalam undang-undang dan peraturan alam ini begitu juga ciri keesaan dan persamaan dapat di lihat dengan terang di dalam undang-undangnya dan kesan-kesannya jika di fikir dan diteliti mengikut methodologi yang betul. Hanya orang-orang yang jahil dan tolol sahaja yang tidak dapat melihat atau enggan melihat hakikat ini walaupun mereka mendakwa berfikir secara ilmiyah sebagaimana yang didakwa oleh kebanyakan mereka.

Musa a.s. menjelaskan kepada kaumnya tentang akibat buruk permintaan mereka dengan menunjukkan akibat buruk yang akan menimpa kaum yang di lihat mereka sedang asyik menyembah berhala-berhala hingga menggerakkan keinginan mereka untuk meniru cara ibadat kaum itu:

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ مُتَبَّرٌ مَّا هُمْ فِيهِ وَبَٰطِلٌ مَّا كَانُواْ يَعْمَلُونَ ﴿١٣٩﴾

"Sesungguhnya mereka (kaum itu) akan dibinasakan bersama-sama berhala yang disembahkan mereka dan sia-sialah segala apa yang dilakukan mereka."(139)

Maksudnya, kepercayaan syirik yang dianuti kaum ini, ketekunan mereka menyembah, berhala-berhala, kehidupan mereka yang berlandaskan kepercayaan syirik yang menyembah bermacam-macam tuhan atau berhala dan para dalang yang berada di sebalik berhala-berhala itu yang terdiri dari sami-sami dan kahin-kahin yang menjaga berhala-berhala itu, juga pihak-pihak pemerintah yang mengambil kuasa mereka dari kepercayaan yang bercampuraduk ini dan sebagainya dari kesan-kesan penyelewengan dari 'aqidah tauhid itu seperti kefahaman-kefahaman yang karut dan cara-cara hidup yang rosak, semuanya itu akan lenyap dan sia-sia belaka dan setiap perbuatan yang sia-sia akan berakhir dengan kebinasaan.

Kemudian nada cemburu kedengaran meninggi di dalam perkataan Musa yang berikut. Beliau menaruh perasaan cemburu dan marah kerana Allah S.W.T. dan beliau merasa hairan bagaimana kaumnya sanggup melupakan ni'mat Allah yang begitu ketara kepada mereka:

قَالَ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْغِيكُمْ إِلَٰهًا وَهُوَ فَضَّلَكُمْ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٤٠﴾

"Ujar Musa: Apakah wajar aku mencari untuk kamu Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan Dia telah mengurniakan kepada kamu kelebihan-kelebihan yang mengatasi kaum-kaum yang lain?"(140)

Ni'mat-ni'mat Allah kepada Bani Israel yang melebihi umat-umat yang lain yang sezaman dengan mereka dapat di lihat dengan jelas apabila mereka dipilih di antara kaum-kaum Musyrikin untuk mendokong agama tauhid. Tidak ada ni'mat yang lebih besar dari ni'mat ini dan tidak ada kurnia yang dapat ditanding dengan kurnia yang agung ini. Di samping itu mereka dipilih pula untuk mewarisi tanah suci Baitul-Maqdis yang berada ketika itu dalam penguasaan kaum Musyrikin. Dengan ni'mat-ni'mat dan limpah kurnia Allah yang begitu besar, bagaimana mungkin mereka tergamak mengemukakan tuntutan kepada Nabi Musa a.s. supaya mengadakan untuk mereka Tuhan yang lain dari Allah, sedangkan mereka berpoya-poya dalam limpahan ni'mat-Nya?

Mengikut cara biasa Al-Qur'an yang menyambung cerita para aulia' Allah dengan cerita dari Allah, maka ayat yang berikut secara langsung mengemukakan firman Allah yang bersambung dengan percakapan Musa a.s. yang juga ditujukan kepada kaumnya:

وَإِذْ أَنجَيْنَٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ يُقَتِّلُونَ أَبْنَآءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ نِسَآءَكُمْ وَفِى ذَٰلِكُم بَلَآءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿١٤١﴾

Dan (kenangilah) ketika Kami menyelamatkan kamu dari kaum Fir'aun yang telah meng'azabkan kamu dengan 'azab yang amat kejam, mereka membunuh anak-anak lelaki kamu dan membiarkan anak-anak perempuan kamu sahaja yang hidup. Peristiwa itu adalah suatu ujian yang besar dari Tuhan kamu.(141)

Cara Al-Qur'anul-Karim yang menyambung percakapan Allah dengan percakapan para aulia'nya tidak syak merupakan satu penghormatan yang amat tinggi kepada para aulia' Allah.

Ni'mat dan limpah kurnia yang dibangkitkan Allah kepada Bani Israel dalam ayat ini memang tersemat dalam fikiran dan perasaan mereka. Ni'mat dan limpah kurnia ini sahaja sudah cukup untuk mendorong mereka mengenang budi dan berterima kasih. Di dalam ayat ini Allah menyedarkan hati mereka supaya mengambil i'tibar dari ujian penindasan kerajaan Fir'aun yang telah dialami mereka dan dari ujian keselamatan yang sedang dihayati mereka, iaitu mengambil i'tibar dari ujian dengan kesusahan dan dari ujian dengan kesenangan.

وَفِي ذَٰلِكُم بَلَاءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿١٤١﴾

"Peristiwa itu adalah sesuatu ujian yang besar dari Tuhan kamu."(141)

Peristiwa itu bukanlah berlaku secara serampangan dan tanpa perencanaan yang tertentu, malah peristiwa itu merupakan sesuatu ujian untuk diambil pengajaran dan diberi peringatan, juga untuk maksud pembersihan dan latihan dan seterusnya untuk mewujudkan alasan-alasan yang wajar sebelum dihukum dengan hukuman yang amat berat setelah ujian itu gagal memperbaiki hati mereka.

(Pentafsiran ayat 142)

Setelah adegan di antara Musa dan kaumnya berakhir, maka dimulakan pula dengan adegan yang kelapan, iaitu adegan selanjutnya yang memperlihatkan Musa a.s. sedang bersiap sedia untuk mengadap Allah Yang Maha Agung, iaitu persediaan untuk pengadapan agung dengan Allah di dalam kehidupan dunia ini. Adegan ini juga memperlihatkan bagaimana beliau menyampaikan pesanannya kepada saudaranya a.s. sebelum beliau berangkat untuk pertemuan yang agung itu:

وَوَاعَدْنَا مُوسَىٰ ثَلَاثِينَ لَيْلَةً وَأَتْمَمْنَاهَا بِعَشْرٍ فَتَمَّ مِيقَاتُ رَبِّهِ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ۚ وَقَالَ مُوسَىٰ لِأَخِيهِ هَارُونَ اخْلُفْنِي فِي قَوْمِي وَأَصْلِحْ وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ ﴿١٤٢﴾

"Dan Kami telah berjanji (untuk mengurniakan Taurat) kepada Musa selepas berlalunya tiga puluh malam dan Kami sempurnakannya dengan sepuluh malam lagi dan dengan itu genaplah masa perjanjian Tuhannya, selama empat puluh malam, lalu berkatalah Musa kepada saudaranya: Harun: Gantilah aku dalam memimpin kaumku dan islahkan mereka dan janganlah engkau ikuti jalan orang-orang yang melakukan kerosakan."(142)

Musa a.s. Bersedia Untuk Bermunajat Dengan Allah

Fasa pertama pelaksanaan tugas yang telah ditetapkan Allah kepada Musa telah berakhir, iaitu tugas menyelamatkan Bani Israel dari kehidupan yang hina dina kerana ditindas dan di'azab oleh Fir'aun dan para pembesarnya, atau tugas menyelamatkan mereka dari negeri Mesir yang menghina dan menindas mereka dan membawa mereka ke padang sahara yang bebas dalam perjalanan menuju ke tanah suci Baitul-Maqdis. Namun begitu kaum Bani Israel belum lagi bersedia untuk memikul tugas yang agung itu, iaitu tugas menegakkan pemerintahan yang berlandaskan agama Allah. Kita telah melihat bagaimana jiwa manusia masih cenderung kepada kepercayaan menyembah berhala atau paganisme dan masih tertarik kepada kepercayaan syirik sebaik sahaja mereka melihat satu kaum yang sedang menyembah berhala dengan khusyu' dan menyebabkan 'aqidah tauhid yang dibawa oleh Musa a.s. terus menjadi goyah, sedangkan masanya belum lama berlalu. Oleh sebab itu satu perutusan yang terperinci perlu diturunkan untuk mendidik dan menyediakan mereka untuk melaksanakan tugas agung mereka di masa akan datang. Dan untuk maksud menurunkan perutusan yang terperinci inilah ditentukan masa temujanji untuk mengadap Allah dan menerima perutusan dari-Nya. Masa temujanji itu bertujuan untuk memberi kesempatan kepada Musa menyediakan dirinya menjelang masa pengadapan yang agung itu untuk menerima perutusan dari Allah.

Masa penyediaan diri itu ialah selama tiga puluh malam dan ditambah dengan sepuluh malam lagi menjadikan jumlahnya genap empat puluh malam semuanya. Dalam masa ini Musa melatihkan dirinya dengan ibadat puasa menjelang pertemuan yang dijanjikan itu, di mana beliau mengasingkan dirinya dari kesibukan-kesibukan hidup dan seluruh waktunya ditumpukan kepada seruan dan bisikan-bisikan suci dari langit, beliau memisahkan dirinya dari manusia agar seluruh waktunya dihabiskan dalam munajat dengan Allah Yang Maha Mulia, agar jiwanya menjadi jernih, hening, halus dan bercahaya, dan agar keazamannya bertambah kuat dan kukuh dalam menghadapi situasi yang ditunggu-tunggu dan memikul perutusan Ilahi yang dijanjikan itu.

Musa a.s. telah menyampaikan pesanannya kepada saudaranya Harun a.s. sebelum beliau meninggalkan kaumnya atau sebelum beliau mengasingkan diri dan beri'tikaf:

وَقَالَ مُوسَىٰ لِأَخِيهِ هَارُونَ اخْلُفْنِي فِي قَوْمِي وَأَصْلِحْ وَلَا تَتَّبِعْ سَبِيلَ الْمُفْسِدِينَ ﴿١٤٢﴾

"Lalu berkatalah Musa kepada saudaranya Harun: Gantilah aku dalam memimpin kaumku dan islahkan mereka dan janganlah engkau ikuti jalan orang-orang yang melakukan kerosakan."(142)

Musa a.s. memang mengetahui bahawa Harun juga seorang nabi yang diutuskan Allah bersama beliau, tetapi setiap Muslim berkewajipan memberi nasihat kepada Muslim yang lain kerana nasihat merupakan hak dan kewajipan seorang Muslim terhadap sesama Muslim. Di samping itu Musa a.s. menyedari betapa beratnya tugas yang dihadapinya, kerana beliau mengetahui tabi'at kaum Bani Israel yang cerewet itu. Harun menerima nasihat itu dengan segala senang hati. Hanya hati orang-orang yang jahat sahaja yang merasa berat menerima nasihat, kerana nasihat menyekat kebebasan mereka. Hanya hati manusia-manusia yang angkuh dan sombong sahaja merasa berat menerima nasihat kerana mereka menganggap nasihat itu menjatuhkan darjat mereka. Hanya orang-orang yang kerdil sahaja yang menolak tangan anda yang ingin menolongnya untuk menunjukkan egonya besar.

Penjelasan mengenai tiga puluh malam yang ditambah dengan sepuluh malam itu telah disebut oleh ibn Kathir di dalam tafsirnya seperti berikut:

"Allah S.W.T. menyebut bahawa Dia telah membuat temujanji dengan Musa selama tiga puluh malam (sebulan). Menurut para Mufassirin, Musa a.s. telah berpuasa selama masa itu dan setelah genap masa temujanji, beliau bersugi dengan kulit kayu, kemudian beliau diperintah supaya menggenapkan masa empat puluh hari itu dengan menambahkan sepuluh hari lagi."

(Pentafsiran ayat-ayat 143 - 147)

Ayat-ayat yang berikut menayangkan adegan yang kesembilan, iaitu adegan yang unik yang dikhususkan Allah kepada Nabi Musa a.s. sahaja, iaitu adegan dialog secara langsung di antara Allah Yang Maha Besar dengan salah seorang dari para hamba kesenangan-Nya, adegan yang memperlihatkan suatu pemandangan di mana insan yang terbatas dan fana dapat berhubung dengan Allah yang azali dan abadi tanpa perantaraan dan di mana ia dapat menerima perutusan dari Penciptanya yang abadi, sedangkan ia masih berada di bumi ini. Kita tidak mengetahui cara perhubungan itu, dan kita juga tidak mengetahui bagaimana kalam Allah disampaikan kepada Musa a.s. Kita seterusnya tidak mengetahui dengan deria mana atau dengan anggota mana atau dengan alat mana Musa a.s. menerima kalam Allah. Kita manusia tidak berupaya menggambarkan situasi ini dengan gambaran yang sebenar, kerana kita telah dijadikan dengan daya tanggapan dan pengalaman-pengalaman yang terbatas, akan tetapi dengan perantaraan daya halus yang diambil dengan roh ciptaan Allah yang ada di dalam diri kita, kita dapat mencium bau dan melihat ufuk yang jauh dan terang itu. Kita hanya berhenti setakat melihat dari jauh sahaja dan tidak cuba merosakkannya dengan pertanyaan tentang bagaimana caranya ia berlaku, kerana kita mahu memahaminya dengan perantaraan daya tanggapan kita yang dekat dan terbatas:

وَلَمَّا جَآءَ مُوسَىٰ لِمِيقَٰتِنَا وَكَلَّمَهُۥ رَبُّهُۥ قَالَ رَبِّ
أَرِنِىٓ أَنظُرْ إِلَيْكَ ۚ قَالَ لَن تَرَىٰنِى وَلَٰكِنِ ٱنظُرْ
إِلَى ٱلْجَبَلِ فَإِنِ ٱسْتَقَرَّ مَكَانَهُۥ فَسَوْفَ تَرَىٰنِى ۚ
فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُۥ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُۥ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ
صَعِقًا ۚ فَلَمَّآ أَفَاقَ قَالَ سُبْحَٰنَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا۠
أَوَّلُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٣﴾
قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ إِنِّى ٱصْطَفَيْتُكَ عَلَى ٱلنَّاسِ بِرِسَٰلَٰتِى
وَبِكَلَٰمِى فَخُذْ مَآ ءَاتَيْتُكَ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾
وَكَتَبْنَا لَهُۥ فِى ٱلْأَلْوَاحِ مِن كُلِّ شَىْءٍ
مَّوْعِظَةً وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَىْءٍ فَخُذْهَا بِقُوَّةٍ وَأْمُرْ
قَوْمَكَ يَأْخُذُوا۟ بِأَحْسَنِهَا ۚ سَأُو۟رِيكُمْ دَارَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿١٤٥﴾
سَأَصْرِفُ عَنْ ءَايَٰتِىَ ٱلَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِى ٱلْأَرْضِ
بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَإِن يَرَوْا۟ كُلَّ ءَايَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا۟ بِهَا
وَإِن يَرَوْا۟ سَبِيلَ ٱلرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِن
يَرَوْا۟ سَبِيلَ ٱلْغَىِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ
كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُوا۟ عَنْهَا غَٰفِلِينَ ﴿١٤٦﴾
وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَلِقَآءِ ٱلْـَٔاخِرَةِ حَبِطَتْ
أَعْمَٰلُهُمْ ۚ هَلْ يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٤٧﴾

"Dan apabila Musa datang menepati waktu temujanji dengan Kami dan Tuhannya bercakap dengannya lalu ia berkata: Wahai Tuhanku, perlihatkanlah diri-Mu kepada aku supaya aku dapat melihat-Mu.' Allah menjawab: Engkau tidak akan dapat melihat diri-Ku, tetapi lihatlah (lebih dahulu) kepada bukit itu, jika ia berdiri mantap di tempatnya, nescaya engkau akan dapat melihat diri-Ku. Kemudian apabila Tuhannya bertajalli kepada bukit itu, maka Ia menjadikannya ranap dan hancur lebur lalu Musa jatuh pengsan. Kemudian setelah sedar kembali ia pun berkata: (Ya Allah) Maha Sucilah Engkau. Aku bertaubat kepada-Mu dan akulah orang yang pertama dari golongan orang-orang yang beriman. (143) Allah berfirman: Wahai Musa! Sesungguhnya Aku telah mengutamakan pilihan-Ku

terhadapmu di atas sekalian manusia untuk membawa perutusan-Ku dan berbicara dengan-Ku (secara langsung). Oleh itu ambillah segala apa yang telah dikurniakan oleh-Ku dan hendaklah engkau jadikan dirimu dari golongan orang-orang yang bersyukur (144). Dan Kami telah rakamkan untuknya segala sesuatu di dalam luh-luh (Taurat) sebagai pengajaran dan penjelasan yang terperinci mengenai segala sesuatu. Oleh sebab itu hendaklah kamu pegangkannya dengan kuat dan suruhlah kaummu mengambil segala sesuatu yang paling baik darinya. Aku akan memperlihatkan kepada kamu negeri kaum yang fasiq (145). Aku akan palingkan hati, orang-orang yang berlagak angkuh di bumi Allah tanpa alasan yang benar dari memahami ayat-Ku. Jika mereka melihat segala ayat sekali pun, mereka tidak akan beriman kepadanya dan jika mereka melihat segala jalan hidayat sekali pun, mereka tidak akan mengambilnya sebagai jalan yang diikutinya dan (sebaliknya) jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka akan mengambilnya sebagai jalan yang diikutinya. Balasan yang sedemikian disebabkan kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan kerana selama ini mereka tidak menghiraukannya (146). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan pertemuan pada hari Akhirat, maka binasalah segala amalan mereka. Mereka tidak akan diberi balasan kecuali di atas amalan-amalan yang dilakukan mereka."(147)

Musa a.s. Bermunajat Dengan Allah

Kita perlu menghadirkan situasi yang unik itu dalam imaginasi kita, dalam saraf kita dan dalam diri kita seluruhnya supaya kita dapat melihat dan memahaminya dari dekat dan supaya kita dapat merasa sedikit apa yang dirasakan Musa a.s. dalam situasi itu.

وَلَمَّا جَآءَ مُوسَىٰ لِمِيقَٰتِنَا وَكَلَّمَهُۥ رَبُّهُۥ قَالَ رَبِّ أَرِنِىٓ أَنظُرْ إِلَيْكَ

"Dan apabila Musa datang menepati waktu temujanji dengan Kami dan Tuhannya bercakap dengannya lalu ia berkata: Wahai Tuhanku, perlihatkanlah diri-Mu kepadaku supaya aku dapat melihat-Mu."(143)

Itulah detik yang amat mengkagetkan ketika Musa menerima kalam Tuhannya dan ketika jiwanya mengamati, melihat dan merindui sesuatu .yang diingininya hingga membuat beliau lupa siapakah dirinya dan siapakah Tuhannya dan lantas memohon sesuatu yang tidak mungkin diberi kepada manusia dan sesuatu yang tidak mungkin dihadapi mereka selama mereka berada di bumi ini. Beliau memohon untuk melihat Allah ketika beliau sedang terpesona dalam suasana penuh rindu, penuh harapan, penuh kasih, penuh keinginan untuk melihat Tuhannya hingga beliau ditegur Allah dengan jawapan yang tegas:

قَالَ لَن تَرَىٰنِى

"Allah menjawab: Engkau tidak akan dapat melihat diri-Ku."(143)

Kemudian Tuhannya Yang Maha Agung menjelaskan sebabnya dengan lemah-lembut, iaitu dia tidak mampu melihatnya:

وَلَٰكِنِ ٱنظُرْ إِلَى ٱلْجَبَلِ فَإِنِ ٱسْتَقَرَّ مَكَانَهُۥ فَسَوْفَ تَرَىٰنِى

"Tetapi lihatlah (lebih dahulu) kepada bukit itu jika ia berdiri mantap di tempatnya nescaya engkau akan dapat melihat diri-Ku."(143)

Kedudukan bukit itu amat kuat dan teguh, namun demikian daya reaksi bukit itu lebih rendah dari daya reaksi diri manusia. Jadi, apa yang berlaku?

فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُۥ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُۥ دَكًّا

"Kemudian apabila Tuhannya bertajalli kepada bukit itu, maka ia menjadikannya ranap dan hancur lebur."(143)

Bagaimana cara tajalli Allah ini? Kita tidak berupaya menyifat dan memerikannya, malah kita tidak mampu memahami dan menggamatinya kecuali dengan perantaraan daya halus yang menghubungkan kita dengan Allah ketika jiwa kita jernih, bersih dan menumpu seluruh dirinya kepada Allah selaku sumbernya. Kita tidak dapat memindahkan sesuatu apa pun dari situasi tajalli ini dengan perantaraan rangkaian perkataan-perkataan semata-mata. Oleh sebab itu kami tidak cuba menggunakan rangkaian perkataan untuk menggambarkan situasi tajalli ini. Kami lebih cenderung menafikan semua riwayat mengenai tajalli yang disebut dalam mentafsirkan ayat ini kerana di antara riwayat-riwayat itu tidak terdapat satu riwayat yang sahih dari rasul yang ma'sum s.a.w. sendiri dan Al-Qur'an juga tidak berkata sepatah pun mengenainya.

فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُۥ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُۥ دَكًّا

"Kemudian apabila Tuhannya bertajalli kepada bukit itu, maka ia menjadikannya ranap dan hancur lebur."(143)

Maksudnya, bukit.itu hancur ranap dan sama rata dengan bumi. Di sini barulah Musa sedar betapa hebatnya situasi tajalli Allah dan kesannya yang menjalar ke dalam dirinya selaku makhluk insan yang lemah:

وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا

"Lalu Musa jatuh pengsan."(143)

فَلَمَّآ أَفَاقَ

"Kemudian setelah sedar kembali."(143)

Setelah ia kembali siuman dan memahami sejauh mana tenaga kekuatannya, beliau pun sedar bahawa beliau telah melampaui batas yang wajar ketika mengemukakan permohonannya itu:

قَالَ سُبْحَٰنَكَ

"Ia pun berkata: (Ya Allah!) Maha Sucilah Engkau."(143)

Maha Sucilah Engkau dari di lihat dengan mata.

Setelah menyedari keterlaluannya, beliau terus berkata:

تُبْتُ إِلَيْكَ

"Aku bertaubat kepada-Mu."(143)

Aku bertaubat atas kesalahanku membuat permohonan yang melampaui batas.

وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٣﴾

"Dan akulah orang yang pertama dari golongan orang-orang yang beriman."(143)

Para rasul selama-lamanya merupakan orang-orang yang pertama beriman kepada kebesaran dan keagungan Allah dan beriman kepada kalam Allah yang diturunkan kepada mereka. Allah menyuruh mereka supaya mengemukakan hakikat ini dan Al-Qur'anul-Karim menyebut pengumuman ini dari mereka di berbagai-bagai surah.

Kini Musa a.s. sekali lagi menyedari betapa limpahnya rahmat Allah terhadap beliau apabila beliau menerima berita baik dari-Nya, iaitu berita beliau dipilih dan dilantikkan menjadi rasul untuk menyampaikan perutusan kepada kaumnya selepas mereka diselamatkan dari penindasan Fir'aun. Perutusan Allah kepada Fir'aun dan kuncu-kuncunya adalah bertujuan untuk menyelamatkan mereka dari Fir'aun:

قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ إِنِّى ٱصْطَفَيْتُكَ عَلَى ٱلنَّاسِ بِرِسَٰلَٰتِى وَبِكَلَٰمِى فَخُذْ مَآ ءَاتَيْتُكَ وَكُن مِّنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

"Allah berfirman: Wahai Musa! Sesungguhnya Aku telah mengutamakan pilihan-Ku terhadapmu di atas sekalian manusia untuk membawa perutusan-Ku dan berbicara dengan-Ku (secara langsung). Oleh itu ambillah segala apa yang telah dikurniakan oleh-Ku dan hendaklah engkau jadikan dirimu dari golongan orang-orang yang bersyukur."(144)

Dari firman Allah kepada Musa a.s. yang berbunyi: "Sesungguhnya Aku mengutamakan pilihan-Ku terhadapmu di atas sekalian manusia," kita dapat memahami bahawa yang dimaksudkan dengan perkataan "an-Nas" (sekalian manusia) dalam ayat ini ialah manusia-manusia yang sezaman dengannya, kerana rasul-rasul itu ada yang di utuskan sebelum Musa dan ada pula yang di utuskan kemudiannya. Dengan ini bererti bahawa pemilihan itu dilakukan ke atas satu generasi manusia yang sezaman dengannya sahaja. Ni'mat berbicara secara langsung dengan Allah merupakan ni'mat istimewa kepada Nabi Musa a.s. sahaja. Perintah Allah yang menyuruh Musa supaya berpegang teguh dengan wahyu-wahyu yang dikurniakan kepadanya dan supaya bersyukur terhadap ni'mat-ni'mat pemilihan dan pemberian Allah merupakan perintah untuk mengajar dan membimbing manusia dan bagaimana cara untuk membalas ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka. Rasul-rasul a.s. merupakan contoh teladan dan ikutan kepada manusia. Dan seluruh manusia harus mencontohi mereka dan menerima segala apa yang dikurniakan kepada mereka dengan penuh kesyukuran untuk mendapat tambahan ni'mat, untuk membaiki hati, untuk menjauhi diri dari sifat angkuh dan untuk berhubung rapat dengan Allah.

Kemudian ayat yang berikut menerangkan isi kandungan perutusan Allah dan bagaimana perutusan itu dikurniakan kepada Musa a.s.:

وَكَتَبْنَا لَهُۥ فِى ٱلْأَلْوَاحِ مِن كُلِّ شَىْءٍ مَّوْعِظَةً وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَىْءٍ

"Dan Kami telah rakamkan untuknya segala sesuatu di dalam luh-luh (Taurat) sebagai pengajaran dan penjelasan yang terperinci mengenai segala sesuatu."(145)

Di sana terdapat berbagai riwayat dan berbagai-bagai pendapat ahli tafsir mengenai luh-luh ini. Setengah-setengah mereka memerikan luh-luh itu dengan sifat-sifat yang terperinci yang kami faqir dinukil dari cerita-cerita Israeliyat yang telah meresap dalam kitab-kitab tafsir. Tetapi dari semua keterangan itu kami tidak dapati satu penerangan pun dari Rasulullah s.a.w. sendiri. Oleh sebab itu kami terpaksa berhenti setakat apa yang diterangkan oleh Al-Qur'an yang benar ini sahaja tanpa melewatinya, kerana sifat-sifat itu tidak menambah atau mengurangkan sesuatu apa pun hakikat luh-luh ini. Adapun persoalan mengenai apakah hakikat luh-luh itu dan bagaimana ia ditulis, maka persoalan ini adalah suatu persoalan yang tidak kena mengena dengan kita sedikit pun, kerana di sana tidak ada penjelasan mengenainya dari nas-nas yang sahih. Yang penting di sini ialah isi kandungan yang dirakamkan di dalam luh-luh itu, di mana terdapat segala penjelasan mengenai maudhu' dan matlamat perutusan Ilahi, yang bertujuan membentangkan pernyataan-pernyataan Allah, undang-undang syari'at-Nya dan arahan-arahan yang diperlukan untuk mengislahkan umat Bani Israel dan tabi'at mereka yang telah dirosakkan oleh kompleks perasaan rendah diri kerana ditindas sekian lama.

فَخُذْهَا بِقُوَّةٍ وَأْمُرْ قَوْمَكَ يَأْخُذُوا۟ بِأَحْسَنِهَا

"Oleh sebab itu hendaklah engkau pegangkannya dengan kuat dan suruhlah kaummu mengambil segala sesuatu yang paling baik darinya."(145)

Perintah Allah Yang Maha Esa kepada Musa a.s. supaya mengambil luh-luh itu dengan kuat dan penuh keazaman dan menyuruh kaumnya supaya menjunjung segala tugas yang berat yang terkandung di dalamnya dan menyifatkannya sebagai tugas-tugas yang paling baik dan paling sesuai dengan keadaan mereka. Perintah yang sedemikian rupa selain dari menyarankan perlunya menggunakan cara ini untuk merangsangkan tabi'at Bani Israel yang telah dirosakkan oleh penindasan pemerintahan Fir'aun yang begitu lama supaya mereka sanggup memikul tugas-tugas agama dan khalifah yang dikurniakan kepada mereka dengan keazaman dan kesungguhan

yang kuat, juga menyarankan perlunya setiap umat itu berpegang teguh dengan 'aqidah yang diturunkan kepada mereka.

'Aqidah merupakan suatu urusan yang amat besar di sisi Allah S.W.T., juga suatu urusan yang amat penting dalam perhintungan alam ini dan dalam perencanaan Allah yang mengendalikan alam ini, dan seterusnya merupakan suatu faktor yang amat besar dalam perjalanan sejarah manusia dan dalam kehidupan mereka di dunia dan Akhirat. Sistem hidup yang digariskan oleh 'aqidah yang berlandaskan kepercayaan kepada Wahdaniyah Allah S.W.T. dan berlandaskan prinsip 'Ubudiyah manusia kepada Rububiyah Allah Yang Maha Esa adalah suatu sistem hidup yang mengubahkan seluruh corak dan cara hidup manusia dan menegakkan kehidupan mereka di atas satu cara yang berlainan dari cara hidup jahiliyah yang berlandaskan prinsip Rububiyah yang lain dari Rububiyah Allah S.W.T., iaitu cara hidup jahiliyah yang mempunyai sistem yang berlainan dari sistem hidup Rabbani yang lahir dari 'aqidah yang benar itu.

Urusan yang sedemikian penting di sisi Allah, yang sedemikian penting dalam perhitungan alam, yang sedemikian penting dalam tabi'at kehidupan dan dalam sejarah manusia wajarlah dipegang dengan sekuat-kuatnya dan diberi tempat yang serius di dalam hati dan dipeliharakan cirinya dengan terus terang dan tegas. Ia tidak sepatutnya dipegang dengan pegangan yang lemah dan goyah atau dipegang secara sambil lewa sahaja, kerana ia sendiri merupakan suatu urusan yang amat penting di samping tugas-tugas yang berat yang tidak sanggup di fikir oleh orang yang mempunyai tabi'at yang lemah, goyah dan sambil lewa atau dipegang dengan perasaan-perasaan yang seperti itu.

Tetapi ini bukanlah bererti bahawa urusan 'aqidah ini harus dilaksanakan dengan sikap yang keterlaluan, sikap yang memberat-berat dan memayah-mayahkan atau sikap mengetat dan menyulit-nyulitkan kerana sikap-sikap yang seumpama ini bukannya dari tabi'at agama Allah. Malah yang dimaksudkan di sini ialah urusan 'aqidah itu harus dilaksanakan dengan sikap yang serius, dengan semangat yang berkobar-kobar, dengan pendirian yang tegas dan terus terang. Sifat-sifat dan perasaan-perasaan ini adalah berlainan dari sifat-sifat dan perasaan yang suka memayah-mayahkan, memberat-beratkan diri dan menyulitkan-menyulitkannya.

Sebenarnya tabi'at Bani Israel khususnya yang telah rosak selepas sekalian lama ditindas dan diperhambakan di negeri Mesir, memerlukan kepada perintah dan arahan, tegas yang seperti ini. Oleh sebab itulah kita dapati semua perintah yang ditujukan kepada Bani Israel disertai dengan penekanan dan penegasan yang seperti ini dengan tujuan untuk mendidik tabi'at mereka yang lemah, goyah, menyeleweng dan kosong supaya menjadi teguh, jujur, serius, jelas dan terus terang.

Tabi'at yang sama dengan tabi'at Bani Israel ialah setiap tabi'at yang terdedah kepada penindasan dan perhambaan yang begitu lama seperti yang telah dialami oleh Bani Israel. Di negeri Mesir di mana mereka terpaksa tunduk kepada ancaman dan memperhambakan diri kepada Taghut, hingga muncul gejala-gejala penyakit jiwa yang suka berputar belit, melakukan tipu helah dan membuat apa yang mudah untuk mengelakkan diri dari kesukaran dan kesulitan, sebagaimana dapat di lihat pada kebanyakan kelompok manusia di zaman kita ini yang lari dari agama kerana mengelakkan diri dari agama dan tugas-tugasnya dan mengambil keputusan berjalan bersama gerombolan yang sesat kerana mengikut kerombolan sesat tidak membeban sesuatu apa.

Sebagai balasan kerana berpegang teguh dengan perintah itu, maka Allah menjanjikan Musa dan kaumnya untuk memberi tapak pemerintahan kepada mereka di bumi ini dan menyerahkan kepada mereka negeri kaum yang menyeleweng dari agama Allah:

سَأُوْرِيكُمْ دَارَ ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿١٤٥﴾

"Aku akan memperlihatkan kepada kamu negeri kaum yang fasiq."(145)

Bagaimana Bani Israel Memasuki Baitul-Maqdis

Isyarat yang paling dekat bagi "negeri kaum yang fasiq" dalam ayat ini ialah bumi suci negeri Baitul-Maqdis, yang pada zaman itu berada di bawah kekuasaan kaum yang menyembah berhala. Ayat ini merupakan berita baik bagi Bani Israel bahawa satu hari nanti mereka akan memasuki negeri itu walaupun mereka tidak dapat memasukinya di zaman Musa a.s. kerana didikan yang diterima mereka belum lagi sempurna dan tabi'at mereka yang rosak itu belum lagi dapat dibaik pulihkan. Mereka terpaksa berhenti di hadapan negeri itu sambil berkata kepada Musa:

قَالُواْ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ فِيهَا قَوْمًا جَبَّارِينَ وَإِنَّا لَن نَّدْخُلَهَا حَتَّىٰ يَخْرُجُواْ مِنْهَا فَإِن يَخْرُجُواْ مِنْهَا فَإِنَّا دَٰخِلُونَ ﴿٢٢﴾

"Mereka menjawab: Wahai Musa di dalam negeri ini ada satu kaum yang gagah perkasa dan kami tidak akan memasukinya sehingga mereka keluar darinya dan jika mereka keluar darinya, maka barulah kami akan memasukinya."

(Surah al-Ma'idah: 22)

Apabila dua orang yang beriman dari kalangan mereka yang takut kepada Allah mendesak supaya mereka masuk dan menyerang negeri itu, mereka menjawab kepada Musa dengan jawapan seorang pengecut yang tidak tahu malu laksana kuda yang menendang tuannya:

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَآ أَبَدًا مَّا دَامُوا۟ فِيهَا ۖ فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

"Jawab mereka: Wahai Musa, Kami tidak akan memasukinya buat selama-lamanya selagi kaum itu masih berada di sana. Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhan engkau dan berperanglah dengan mereka. Kami hanya tetap menunggu di sini sahaja."

(Surah al-Ma'idah:24)

Inilah di antara ayat-ayat yang menggambarkan tabi'at Bani Israel yang lemah, cerewet, berbelit-belit yang sedang diubati oleh 'aqidah dan syari'at yang dibawa oleh Musa a.s., dan inilah juga sebabnya perintah Ilahi menyuruh mereka berpegang teguh dengan 'aqidah dan syari'at itu dan menyuruh mereka supaya sanggup memikul tugas-tugasnya yang berat.

Pada akhir adegan ini diiringi dengan pernyataan yang menerangkan akibat yang menimpa golongan manusia yang berlagak angkuh dan sombong di bumi Allah tanpa alasan yang benar dan mereka enggan menerima ayat-ayat Allah dan bimbingan-bimbingan-Nya. Pernyataan itu mengandungi gambaran yang halus tentang tabi'at golongan manusia yang seperti ini. Ia digambarkan dengan gambaran yang jelas dan dengan keindahan gambaran Al-Qur'an yang unik, yang melukiskan berbagai-bagai bentuk tabi'at dan pola-pola jiwa manusia.

سَأَصْرِفُ عَنْ ءَايَٰتِىَ ٱلَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَإِن يَرَوْا۟ كُلَّ ءَايَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا۟ بِهَا وَإِن يَرَوْا۟ سَبِيلَ ٱلرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا وَإِن يَرَوْا۟ سَبِيلَ ٱلْغَىِّ يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَكَانُوا۟ عَنْهَا غَٰفِلِينَ ﴿١٤٦﴾ وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَلِقَآءِ ٱلْءَاخِرَةِ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ ۚ هَلْ يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٤٧﴾

"Aku akan palingkan hati orang-orang yang berlagak angkuh di bumi Allah tanpa alasan yang benar dari memahami ayat-ayat-Ku. Jika mereka melihat segala ayat sekali pun, mereka tidak akan beriman kepadanya dan jika mereka melihat segala jalan hidayat sekali pun, mereka tidak akan mengambilnya sebagai jalan yang diikutinya dan (sebaliknya) jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka akan mengambilnya sebagai jalan yang diikutinya. Balasan yang sedemikian disebabkan kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan kerana selama ini mereka tidak menghiraukannya (146). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan pertemuan pada hari Akhirat, maka binasalah segala amalan mereka. Mereka tidak akan diberi balasan kecuali di atas amalan-amalan yang dilakukan mereka."(147)

Di dalam ayat ini Allah mengumumkan kehendak masyi'ah-Nya terhadap orang-orang yang bersikap bongkak di bumi Allah tanpa alasan yang benar. Iaitu orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah yang di lihat mereka dan tidak mengikut jalan-jalan hidayat yang ditemui mereka, tetapi sebaliknya jika mereka melihat jalan yang sesat, mereka terus mengikutnya .... Allah telah mengumumkan kehendak-Nya bahawa Dia akan memalingkan orang-orang yang seperti itu dari ayat-ayat-Nya, iaitu mereka tidak dapat mengambil apa-apa manfa'at darinya dan tidak dapat memberi sambutan yang positif kepadanya. Yang dimaksudkan dengan ayat-ayat Allah ialah ayat-ayat Allah yang terkandung dalam kitab alam buana yang dapat di lihat dengan mata dan ayat-ayat Allah yang terkandung dalam kitab-kitab suci yang diturunkan kepada para rasul-Nya. Pemalingan itu disebabkan kerana mereka mendustakan ayat-ayat itu dan kerana mereka tidak menghiraukannya.

Contoh manusia seperti itu tergambar dengan jelas dicelah-celah susunan kata ayat-ayat Al-Qur'an yang membuat kita seolah-olah nampak senyuman-senyuman dan gerakgeri-gerakgeri yang angkuh itu:

ٱلَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ

"Orang-orang yang berlagak angkuh di bumi Allah tanpa alasan yang benar."(146)

Orang-orang yang bernama hamba Allah tidak akan berlagak angkuh dan sombong, kerana sifat kebesaran dan keagungan itu hanya milik Allah sahaja dan Allah tidak menerima sifat itu dikongsikan oleh yang lain dari-Nya. Apabila seorang insan menunjukkan sifat angkuhnya di bumi Allah bererti ia menunjukkan sifat angkuh tanpa sesuatu alasan yang benar. Sifat angkuh yang paling jahat ialah sifat angkuh yang bererti mendakwa mempunyai kuasa Rububiyah di bumi Allah yang berhak menguasai manusia. Dan menggunakan kuasa ini dalam bentuk menggubal undang-undang dan peraturan-peraturan yang lain dari undang-undang dan peraturan yang diturunkan Allah dan mewajibkan manusia tunduk kepada undang-undang dan peraturan ciptaannya yang tidak sah. Keangkuhan dalam bentuk ini melahirkan berbagai-bagai jenis keangkuhan yang lain. Ia merupakan asas bagi seluruh kejahatan kerana darinya tercetus segala kejahatan. Oleh sebab itu ayat yang berikut menjelaskan ciri-ciri selanjutnya:

وَإِن يَرَوْا۟ كُلَّ ءَايَةٍ لَّا يُؤْمِنُوا۟ بِهَا وَإِن يَرَوْا۟ سَبِيلَ ٱلرُّشْدِ لَا يَتَّخِذُوهُ سَبِيلًا

"Dan jika mereka melihat segala jalan hidayat sekali pun, mereka tidak akan mengambilnya sebagai jalan yang diikutinya dan (sebaliknya) jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka akan mengambilnya sebagai jalan yang ikutinya."(146)

Itulah tabi'at menyeleweng dari jalan yang benar apabila dilihat olehnya, dan tabi'at cenderung

mengikut jalan yang sesat apabila terluang kepadanya. Seolah-olah tabi'at itu berjalan dengan kuasa automatik yang tidak pernah mungkir. Inilah sifat yang dilukiskan oleh Al-Qur'an sebagai ciri model insan yang angkuh, iaitu insan yang telah ditetapkan kehendak Allah untuk mengenakan balasan ke atasnya kerana sikapnya yang telah mendustakan ayat-ayat Allah dan tidak menghiraukannya, dan balasan itu adalah dalam bentuk memalingkan mereka dari ayat-ayat Allah buat selama-lamanya.

Seorang akan bersua dengan jenis insan yang mempunyai sifat-sifat dan perwatakan ini. Dia akan melihat insan ini seolah-olah sentiasa cenderung menjauhi keimanan dan mengikut kesesatan tanpa berusaha dan tanpa berfikir panjang. Dia tidak nampak jalan keimanan dan sentiasa menjauhkan diri darinya. Dia sentiasa senang dengan jalan yang sesat dan mengikutinya dengan selesa. Dan dalam waktu yang sama dia dipalingkan dari ayat-ayat Allah, iaitu dia tidak pernah memikir dan menelitinya. Hati dan fikirannya tidak pernah menangkap dan menerima saranan-saranan dan nada-nada dari ayat-ayat itu.

Subhanallah! Dari coretan-coretan pantas dalam pengungkapan Al-Qur'an yang menarik, ini gambaran model insan yang angkuh itu tiba-tiba menjelma dengan terang di hadapan mata dan membuat pembaca tiba-tiba menjerit-jerit: Ya, ya, saya kenal orang ini.... namanya si anu dialah orang yang disifatkan Allah dengan kata-kata ini!

Allah sekali-kali tidak menganiayai jenis insan ini dengan mengenakan balasan ini yang membawa kepada kebinasaan dunia dan Akhirat, malah itulah balasan yang setimpal terhadap insan yang mendustakan ayat-ayat Allah dan tidak menghiraukannya, berlagak angkuh di bumi Allah dan menjauhi jalan keimanan di mana sahaja dia melihatnya dan berkejar ke jalan kesesatan di mana sahaja ternampak kepadanya. Dia sebenarnya dibalas dengan balasan yang setimpal dan diheret ke jurang kebinasaan kerana tindak-tanduk dan perilakunya yang sesat:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَكَانُوا عَنْهَا غَافِلِينَ ﴿١٤٦﴾

"Balasan yang sedemikian disebabkan kerana mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan kerana mereka selama ini tidak menghiraukannya."(146)

Kesenian Amalan-amalan Orang-orang Yang Tidak Beriman

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَلِقَاءِ الْآخِرَةِ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ ۚ هَلْ يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٧﴾

"Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan pertemuan pada hari Akhirat, maka binasalah segala amalan mereka. Mereka tidak akan diberi balasan kecuali di atas amalan-amalan yang dilakukan mereka."(147)

Ungkapan "حبطت أعمالهم" (binasalah segala amalan mereka) adalah diambil dari ungkapan orang-orang Arab "حبطت الناقة" (unta itu binasa) apabila ia memakan tumbuh-tumbuhan beracun yang menyebabkan perutnya kembung dan akhirnya binasa atau mati. Keperihalan seperti ini dapat di lihat pada tabi'at perbuatan-perbuatan batil yang terbit dari orang-orang angkuh yang mendustakan ayat-ayat Allah dan pertemuan dengan Akhirat. Badannya kelihatan menggelembung dan membuncit hingga orang ramai menyangka bahawa gejala itu menunjukkan dia seorang yang berbadan besar dan gagah, tetapi akhirnya ia mati kekembungan sama seperti binasanya unta yang kekembungan kerana makan tumbuhan beracun.

Adalah satu balasan yang adil apabila amalan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dan pertemuan dengan hari Akhirat itu dibinasakan atau disia-siakan. Tetapi bagaimana amalan itu dibinasakan?

Dari segi i'tikad kita tetap mempercayai ancaman Allah itu walau apa pun gejala-gejala lahir yang kelihatan bercanggah dengan akibat yang telah ditetapkan ini. Oleh itu apabila seorang mendustakan ayat-ayat dan mendustakan pertemuan dengan Allah pada hari Akhirat, maka segala amalannya binasa dan sia-sia dan akhirnya musnah dan lenyap seolah-olah ia tidak pernah wujud.

Dan dari segi pandangan akal, kita dapati sebabnya begitu jelas di dalam kehidupan manusia iaitu orang yang mendustakan ayat-ayat Allah yang di bentang di lembaran-lembaran alam buana yang terbuka ini, atau ayat-ayat Allah yang menyertai risalah-risalah Ilahi, atau ayat-ayat Allah (mu'jizat) yang dibawa oleh para rasul, dan sebagai ekoran dari pendustaannya terhadap ayat-ayat Allah itu ia mendustakan pula pertemuan dengan Allah pada hari Akhirat, maka manusia yang terjerlus dalam lumpur ini merupakan satu roh yang sesat dan terpisah dari tabi'at alam buana yang beriman dan menyerah diri kepada Allah di samping terpisah dari undang-undangnya, iaitu ia tidak mempunyai apa-apa pertalian dengan alam buana. Dia tidak mempunyai kaitan dengan pendorong-pendorong yang mengerakkan harakat yang benar yang bersambung dengan matlamat alam dan arah tujuannya. Oleh itu setiap amalan dan tindakan yang terbit dari manusia yang terjerlus dalam lumpur dan terpisah itu adalah amalan yang binasa, sia-sia dan hilang lenyap walaupun amalan itu pada lahirnya kelihatan wujud dan berjaya, kerana amalan itu tidak tercetus dari pendorong-pendorong semulajadi yang wujud begitu mendalam di dalam struktur alam ini, juga kerana amalan itu tidak menjurus ke arah matlamat agung yang dituju oleh seluruh alam buana ini. Ia laksana parit yang terputus

dari matair utama dan lambat laun airnya akan kering dan lesap.

Orang-orang yang tidak melihat adanya hubungan yang kuat di antara nilai-nilai keimanan dengan harakat sejarah manusia, dan orang-orang yang memandang sepi kepada perencanaan-perencanaan Allah yang mengaturkan akibat-akibat yang buruk terhadap orang-orang yang menolak nilai-nilai keimanan ini adalah orang-orang yang lupa kepada pengumuman Allah yang telah memutuskan untuk memalingkan mereka dari melihat dan memikirkan ayat-ayat Allah dan undang-undang-Nya, sedangkan perencanaan Allah terhadap mereka hanya menunggu sa'at-sa'at kelalaian mereka sahaja.

Orang-orang yang tertipu dengan apa yang di lihat mereka dalam masa yang pendek itu, iaitu tertipu dengan kejayaan yang dicapai oleh setengah-setengah orang yang memandang sepi kepada nilai-nilai keimanan, mereka sebenarnya sama dengan orang-orang yang tertipu dengan perut binatang yang mengembung dan membuncit kerana ternakan rumput beracun, lalu mereka menyangka binatang itu benar-benar gemuk dan sihat, sedangkan binatang itu sebenarnya menunggu sa'at-sa'at kebinasaan dan kematiannya selepas diserang penyakit kembung itu.

Akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang telah silam merupakan satu bukti dan saksi yang benar, tetapi generasi-generasi kemudian yang mengambil tempat umat-umat ini tidak mahu mengambil i'tibar dan pengajaran dari malapetaka yang telah menimpa mereka. Mereka tidak memikirkan tentang tindakan Sunnatullah yang tidak pernah mungkir dan tentang proses perencanaan Allah yang terus berjalan tanpa berhenti itu. Kudrat dan ilmu Allah tepat meliputi dan merangkumi mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 148 - 149)

Ketika Musa a.s. sedang mengadap Allah dalam satu situasi yang unik, di mana hanya matahati sahaja yang dapat melihat dan jiwa sahaja yang dapat memahaminya, sedangkan mata kasar tidak nampak apa-apa dan fikiran-fikiran berada di dalam kebingungan.... tepat dengan ketika yang gemilang ini, kaum Bani Israel yang ditinggalkan Musa di belakangnya itu sedang menjatuhkan diri mereka dan menjunam terbalik songsang, mereka kini sedang mengadakan patung anak lembu yang berbadan dan bersuara tetapi tidak bernyawa untuk disembahkan mereka selain dari Allah.

Ayat yang berikut secara mendadak melakukan satu perpindahan yang jauh dari adegan yang kesembilan kepada adegan yang kesepuluh, iaitu berpindah dari suasana alam tinggi yang berseri-seri indah dan gemilang, penuh dengan pengucapan do'a-do'a kemesraan, kerinduan, rayuan-rayuan dan madah-madah yang suci kepada suasana yang amat rendah, suasana jatuh ke bawah yang penuh dengan penyelewengan dan tahyul-tahyul, suasana terbalik songsang dan mundur ke belakang:

وَٱتَّخَذَ قَوۡمُ مُوسَىٰ مِنۢ بَعۡدِهِۦ مِنۡ حُلِيِّهِمۡ عِجۡلٗا جَسَدٗا لَّهُۥ خُوَارٌۚ أَلَمۡ يَرَوۡاْ أَنَّهُۥ لَا يُكَلِّمُهُمۡ وَلَا يَهۡدِيهِمۡ سَبِيلًاۘ ٱتَّخَذُوهُ وَكَانُواْ ظَٰلِمِينَ ١٤٨

وَلَمَّا سُقِطَ فِيٓ أَيۡدِيهِمۡ وَرَأَوۡاْ أَنَّهُمۡ قَدۡ ضَلُّواْ قَالُواْ لَئِن لَّمۡ يَرۡحَمۡنَا رَبُّنَا وَيَغۡفِرۡ لَنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ١٤٩

"Kaum Musa - selepas pemergiannya ke Bukit Tursina - telah membuat dari perhiasan-perhiasan emas mereka sebuah patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara. Apakah mereka tidak berfikir bahawa patung anak lembu itu tidak dapat berbicara dengan mereka dan tidak pula dapat menunjukkan jalan yang betul kepada mereka? (Namun begitu) mereka mengambilnya sebagai Tuhan. Dan mereka adalah orang-orang yang zalim (148). Dan setelah mereka menyesah perbuatan mereka dan mengetahui bahawa mereka telah sesat mereka pun berkata: Jika Tuhan kita tidak mengasihani kita dan tidak memberi keampunan kepada kita tentulah kita termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(149)

Itulah tabi'at Bani Israel, baru sebentar mengatur langkah-langkah di jalan yang betul, tiba-tiba mereka menyeleweng kembali. Iaitu tabi'at yang baru sahaja terangkat dari tahap wawasan kebendaan dalam bidang kefahaman dan kepercayaan, tabi'at yang mudah jatuh kembali jika kurang dibekalkan dengan arahan dan bimbingan-bimbingan ke jalan yang betul.

Patung Anak Lembu Ciptaan As-Samiri

Sebelum ini mereka pernah merayu kepada nabi mereka Musa a.s. supaya mengadakan berhala untuk disembahkan mereka sebaik sahaja mereka melihat kaum penyembah berhala sedang bertungkus lumus menyembah berhala-berhala mereka. Tetapi beliau menolak permintaan mereka dan memberi jawapan yang keras dan tegas kepada mereka. Setelah mereka berada sendirian (selepas pemergian Musa) dan melihat patung anak lembu yang tidak bernyawa yang diperbuat dari emas oleh as-Samiri, seorang lelaki yang berasal dari negeri as-Samirah (kisahnya yang terperinci di sebut dalam Surah Taha) yang telah berjaya membuat patung itu dengan rupa bentuk lembu yang boleh mengeluarkan suara atau menguak, mereka datang mengerumuninya lalu as-Samiri berkata kepada mereka: "Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa", dan kerananya Musa keluar untuk menepati temujanji dengannya. Tetapi Musa telah terlupa masa temujanjinya itu. Ini mungkin kerana adanya tambahan baru sebanyak sepuluh malam yang terakhir kepada masa temujanji itu yang tidak

diketahui oleh kaumnya. Oleh sebab itu apabila masa melebihi tiga puluh malam, sedangkan Musa a.s. tidak juga kembali, maka as-Samiri terus berkata kepada mereka: "Musa telah lupa kepada perjanjiannya dengan tuhannya dan inilah tuhannya!" Di waktu ini mereka tidak teringat lagi kepada pesanan Musa a.s. sebelum ini supaya mereka menyembah Allah yang tidak dapat di lihat oleh mata mereka, iaitu Tuhan semesta alam, dan mereka juga tidak memikirkan secara mendalam tentang hakikat patung anak lembu itu yang dibuat dan direka bentuk oleh salah seorang dari kalangan mereka sendiri. Ini adalah satu gambaran yang hina bagi umat manusia yang diwakili di sini oleh kaum Bani Israel, iaitu satu gambaran yang menghairankan Al-Qur'anul-Karim ketika ia membentangkan kisah ini kepada kaum Musyrikin Makkah yang menyembah berhala-berhala.

أَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّهُۥ لَا يُكَلِّمُهُمْ وَلَا يَهْدِيهِمْ سَبِيلًا ۘ ٱتَّخَذُوهُ وَكَانُوا۟ ظَٰلِمِينَ ﴿١٤٨﴾

"Apakah mereka tidak berfikir bahawa patung anak lembu itu tidak dapat berbicara dengan mereka dan tidak pula dapat menunjukkan jalan yang betul kepada mereka? (Namun begitu) mereka mengambilnya sebagai Tuhan). Dan mereka adalah orang-orang yang zalim."(148)

Bukankah tidak ada yang lebih zalim dari orang yang menyembah patung yang dibuat oleh tangan manusia, sedangkan Allahlah yang telah menciptakan mereka dan segala apa yang dibuat oleh mereka?

Walaupun Harun a.s. berada bersama mereka, namun beliau tidak dapat menghalangkan mereka dari kesesatan yang karut itu, begitu juga dalam kalangan mereka terdapat orang-orang yang bijak dan berakal, tetapi mereka tidak berupaya memimpin majoriti yang sesat dan terpesona kepada patung anak lembu itu, apatah lagi ia diperbuat dari logam emas yang menjadi pujaan Bani Israel yang semulajadi.

Akhirnya kegemparan itu kembali tenang, hakikat yang sebenar terserlah jelas, kekarutan dan kesesatan ketara kepada mereka. Penyesalan di rasa dan pengakuan salah terus diluahkan.

وَلَمَّا سُقِطَ فِىٓ أَيْدِيهِمْ وَرَأَوْا۟ أَنَّهُمْ قَدْ ضَلُّوا۟ قَالُوا۟ لَئِن لَّمْ يَرْحَمْنَا رَبُّنَا وَيَغْفِرْ لَنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

Dan setelah mereka menyesali perbuatan mereka dan mengetahui bahawa mereka telah sesat mereka pun berkata: Jika Tuhan kita tidak mengasihani kita dan tidak memberi keampunan kepada kita tentulah kita termasuk, dalam golongan orang-orang yang rugi.(149)

Ungkapan "سقط في يده" (menyesal) pada asalnya bermakna "tangannya telah terkulai". Ungkapan ini digunakan untuk menggambarkan keperihalan seorang yang berada dalam keadaan tidak bermaya dan berupaya untuk menolak sesuatu yang dihadapinya. Apabila Bani Israel yang telah jatuh ke tahap pemikiran yang rendah menyedari bahawa mereka tidak dapat berbuat apa-apa lagi kerana perkara itu telah berlaku dan telah berakhir begitu, maka mereka pun mengaku salah dan memohon keampunan:

لَئِن لَّمْ يَرْحَمْنَا رَبُّنَا وَيَغْفِرْ لَنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

"Jika Tuhan kita tidak mengasihi kita dan tidak memberi keampunan kepada kita tentulah kita termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."(149)

Perkataan ini menunjukkan bahawa mereka setakat ini masih lagi mempunyai saki-baki kesediaan yang baik dan hati mereka belum lagi menjadi sekasar hati mereka selepas itu, iaitu hati yang disifatkan Allah - yang amat 'arif dengan tabi'at mereka - sebagai hati yang sekeras batu, malah lebih keras lagi. Apabila mereka mengetahui bahawa mereka telah sesat, mereka lantas menyesal dan sedar bahawa kini tiada sesuatu pun yang dapat menyelamatkan mereka dari akibat buruk perbuatan yang telah dilakukan mereka kecuali rahmat dan keampunan dari Allah. Ini merupakan pertanda baik bahawa fitrah mereka masih mempunyai saki-baki kesediaan yang baik.

(Pentafsiran ayat-ayat 150 - 153)

Semuanya itu berlaku ketika Musa sedang bermunajat dan berbicara dengan Allah, dan beliau sama sekali tidak mengetahui apa yang telah dilakukan kaumnya selepas pemergiannya kecuali jika ia diberi tahu oleh Allah. Di sini tirai disingkatkan untuk menayangkan adegan yang kesebelas:

وَلَمَّا رَجَعَ مُوسَىٰٓ إِلَىٰ قَوْمِهِۦ غَضْبَٰنَ أَسِفًا قَالَ بِئْسَمَا خَلَفْتُمُونِى مِنۢ بَعْدِىٓ ۖ أَعَجِلْتُمْ أَمْرَ رَبِّكُمْ ۖ وَأَلْقَى ٱلْأَلْوَاحَ وَأَخَذَ بِرَأْسِ أَخِيهِ يَجُرُّهُۥٓ إِلَيْهِ ۚ قَالَ ٱبْنَ أُمَّ إِنَّ ٱلْقَوْمَ ٱسْتَضْعَفُونِى وَكَادُوا۟ يَقْتُلُونَنِى فَلَا تُشْمِتْ بِىَ ٱلْأَعْدَآءَ وَلَا تَجْعَلْنِى مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٥٠﴾ قَالَ رَبِّ ٱغْفِرْ لِى وَلِأَخِى وَأَدْخِلْنَا فِى رَحْمَتِكَ ۖ وَأَنتَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿١٥١﴾

"Setelah Musa kembali kepada kaumnya dalam keadaan marah dan sedih ia pun berkata: Alangkah buruknya perbuatan yang telah kamu lakukan sepeninggalanku. Apakah kamu hendak mempercepatkan balasan Tuhan

kamu (terhadap kamu)? Lalu Musa melemparkan luh-luh Taurat dan memegang kepala saudaranya (Harun) dan menarik kepadanya lantas Harun berkata: Wahai anak ibuku, sebenarnya kaum ini telah membuat aku menjadi lemah dan mereka hampir-hampir membunuhku. Oleh itu janganlah engkau membuat musuhku bergembira melihat keadaanku dan janganlah engkau masukkan aku ke dalam golongan orang-orang yang zalim itu (150). Musa pun berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan kepada aku dan kepada saudaraku dan masukkanlah kami ke dalam rahmat-Mu dan sesungguhnya Engkau Paling Pengasih di antara para pengasih."(151)

Kini Musa a.s. telah kembali kepada kaumnya dengan kemarahan yang berkobar-kobar yang dapat di lihat dengan jelas pada percakapannya:

بِئْسَمَا خَلَفْتُمُونِى مِنۢ بَعْدِىٓ ۖ أَعَجِلْتُمْ أَمْرَ رَبِّكُمْ ۖ

"Alangkah buruknya perbuatan yang telah kamu lakukan sepeninggalanku, apakah kamu hendak mempercepatkan balasan Tuhan (terhadap kamu)?..."(150)

Dan kemarahan beliau juga dapat di lihat pada tindakannya yang merangkul kepala saudaranya Harun dan menarik ke arahnya sambil mengecamnya:

وَأَخَذَ بِرَأْسِ أَخِيهِ يَجُرُّهُۥٓ إِلَيْهِ ۚ

"Dan dia memegang kepala saudaranya (Harun) dan menarik kepadanya...." (150)

Kemarahan beliau memang pada tempatnya, kerana perbuatan kaumnya amat memeranjatkan dan perubahan mereka begitu jauh.

بِئْسَمَا خَلَفْتُمُونِى مِنۢ بَعْدِىٓ ۖ

"Alangkah buruknya perbuatan yang telah kamu lakukan sepeninggalanku...."(150)

Aku telah meninggalkan kamu dalam keadaan beriman tetapi kamu mengikut kesesatan sepeninggalanku. Aku telah meninggalkan kamu dengan amalan menyembah Allah tetapi kamu menyembah berhala anak lembu yang berbadan dan bersuara selepas, peninggalanku.

أَعَجِلْتُمْ أَمْرَ رَبِّكُمْ ۖ

"Apakah kamu hendak mempercepatkan balasan Tuhan kamu (terhadap kamu)?...."(150)

Maksudnya, apakah kamu hendak mempercepatkan hukuman Tuhan kamu ke atas kamu atau apakah kamu hendak mempercepatkan masa hukuman dan balasannya terhadap kamu?

وَأَلْقَى ٱلْأَلْوَاحَ وَأَخَذَ بِرَأْسِ أَخِيهِ يَجُرُّهُۥٓ إِلَيْهِ ۚ

"Lalu Musa melimparkan luh-luh (Taurat) dan memegang kepala saudaranya (Harun) dan lantas menarik kepadanya..."(150)

Pergerakan ini membayangkan kemarahan beliau yang berkobar-kobar. Luh-luh Taurat yang mengandungi kalam Allah itu tentulah tidak akan dicampakkan kecuali kerana beliau tidak dapat mengawal perasaan kerana terlalu marah, begitu juga tindakan beliau memegang dan menarik kepala saudaranya Harun, sedangkan Harun seorang hamba yang soleh dan baik.

Lantas Harun merangsangkan perasaan persaudaraan yang bertimbang rasa di dalam hati Musa untuk mententeramkan kemarahan beliau, dan merangsangkan keadaan yang sebenar bahawa beliau tidak pernah cuai memberi nasihat dan menunjukkan jalan yang betul kepada kaum Bani Israel selepas pemergiannya:

قَالَ ٱبْنَ أُمَّ إِنَّ ٱلْقَوْمَ ٱسْتَضْعَفُونِى وَكَادُوا۟ يَقْتُلُونَنِى

"Lantas Harun berkata: Wahai anak ibuku, sebenarnya kaum ini telah membuat aku menjadi lemah dan mereka hampir-hampir membunuhku...."(150)

Dari ayat ini kita dapat memahami bagaimana kaum Bani Israel bangkit dengan penuh semangat untuk menyembah patung anak lembu yang diperbuat dari emas itu hingga mereka hampir-hampir hendak membunuh Harun a.s. apabila beliau cuba menghalangkan dari kejatuhan dan terbalik songsang itu:

قَالَ ٱبْنَ أُمَّ

"Wahai anak ibuku,..."(150)

Demikian Harun mengguna seruan yang lemah-lembut untuk membangkitkan perasaan hubungan yang mesra dan kasihan belas.

إِنَّ ٱلْقَوْمَ ٱسْتَضْعَفُونِى وَكَادُوا۟ يَقْتُلُونَنِى

"Sebenarnya kaumku telah membuat aku menjadi lemah dan mereka hampir-hampir membunuhku."(150)

Demikian Harun menjelaskan hakikat kedudukannya yang sebenar.

فَلَا تُشْمِتْ بِىَ ٱلْأَعْدَآءَ

"Oleh itu janganlah engkau membuat musuhku bergembira melihat keadaanku."(150)

Ini satu lagi pernyataan Harun untuk merangsangkan rasa persaudaraan yang bersedia membantu satu sama lain jika di sana terdapat musuh-musuh yang mahu mengambil kesempatan bergembira atas kesusahannya.

وَلَا تَجْعَلْنِى مَعَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٥٠﴾

"Dan janganlah engkau masukkan aku ke dalam golongan orang-orang yang zalim."(150)

Iaitu golongan kaum yang sesat yang mengingkarkan Tuhan mereka yang sebenar, kerana aku tidak mengikut jalan yang sesat dan kufur bersama mereka. Aku tidak mempunyai apa kaitan dengan mereka!

Setelah mendengar penjelasan Harun yang lemah-lembut dan terang barulah kemarahan Musa menurun dan tenang, dan di waktu ini beliau terus

bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan untuk dirinya dan untuk saudaranya Harun serta memohon limpah rahmat Allah Yang Maha Penyayang:

قَالَ رَبِّ ٱغْفِرْ لِى وَلِأَخِى وَأَدْخِلْنَا فِى رَحْمَتِكَ ۖ وَأَنتَ أَرْحَمُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿١٥١﴾

"Musa pun berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan kepadaku dan kepada saudaraku dan masukkanlah kami ke dalam rahmat-Mu dan sesungguhnya Engkau Paling Pengasih di antara para pengasih."(151)

Di sini tibalah keputusan yang muktamad,dari Allah S.W.T. dan bersambunglah kalam Allah dengan madah nabi-Nya Musa a.s. yang dicerita oleh Al-Qur'an mengikut cara pengungkapan yang berulang-ulang kali digunakan di dalam Al-Qur'an:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ ٱلْعِجْلَ سَيَنَالُهُمْ غَضَبٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَذِلَّةٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُفْتَرِينَ ﴿١٥٢﴾

وَٱلَّذِينَ عَمِلُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ثُمَّ تَابُوا۟ مِنۢ بَعْدِهَا وَءَامَنُوٓا۟ إِنَّ رَبَّكَ مِنۢ بَعْدِهَا لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٥٣﴾

"Sesungguhnya-orang-orang yang menyembah patung anak lembu itu akan mendapat kemurkaan dari Tuhan mereka dan kehinaan dalam kehidupan dunia. Demikianlah Kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang membuat pembohongan (terhadap Allah) (152). Dan orang-orang yang telah melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat, kemudian mereka bertaubat selepas itu dan beriman, maka sesungguhnya Tuhanmu selepas itu Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(153)

Itulah hukuman dan janji dari Allah. Kaum yang menyembah patung anak lembu akan menerima kemurkaan dari Allah dan akan mendapat kehinaan di dalam kehidupan dunia, di samping mengemukakan satu prinsip yang tetap, iaitu orang-orang yang melakukan perbuatan-perbuatan yang keji kemudian mereka bertaubat kepada Allah, maka Allah dengan limpah rahmat-Nya akan mengampunkan mereka. Di sini jelas bahawa Allah mengetahui bahawa golongan yang menyembah berhala anak lembu itu tidak akan bertaubat kepada Allah dengan taubat berterusan, malah mereka akan bertindak melakukan perbuatan-perbuatan yang salah yang mengeluarkan mereka dari prinsip tadi. Beginilah yang telah berlaku. Bani Israel terus melakukan dosa demi dosa dan terus dimaafkan Allah sekali demi sekali sehingga akhirnya mereka mendapat kemurkaan Allah yang berterusan dan laknat Allah yang terakhir.

Janji Allah Dan Keputusan-Nya Ke Atas Bani Israel Hingga Hari Qiamat

وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُفْتَرِينَ ﴿١٥٢﴾

"Demikian Kami mengenakan balasan ke atas orang-orang yang membuat pembohongan (terhadap Allah)."(152)

Iaitu merangkumi seluruh mereka yang membuat pembohongan hingga ke hari Qiamat. Itulah balasan yang berulang-ulang setiap kali berulangnya perbuatan membuat pembohongan terhadap Allah sama ada dari kaum Bani Israel atau dari kaum bukan Bani Israel.

Punca Kegagalan Perjuangan Muslimin Di Palestin

Janji Allah tetap benar dan Allah telah pun menetapkan balasan kemurkaan dan balasan hidup yang hina ke atas golongan Bani Israel yang menyembah berhala lembu, dan keputusan balasan terakhir yang telah ditetapkan ke atas mereka ialah Allah akan terus membangkitkan umat-umat yang akan menimpakan 'azab kesengsaraan ke atas mereka hingga ke hari Qiamat. Seandainya dalam mana-mana tempoh sejarah, Bani Israel kelihatan dapat bertindak sewenang-wenang di bumi Allah dan dengan kekuatan pengaruh mereka dapat menguasai umat-umat yang lain atau ke atas kaum Guyim (kaum yang lain dari Bani Israel) mengikut istilah yang dipakai dalam kitab Talmud, mereka dapat menguasai sumber kewangan dunia atau menguasai media massa, mereka dapat menubuhkan kerajaan atau pemerintah-pemerintah boneka yang melaksanakan kehendak-kehendak mereka, mereka dapat menindas setengah-tengah hamba Allah dan mengusir mereka dari tanah tumpah darah mereka sendiri dengan ganas dan kejam serta dibantu oleh negara-negara sesat dan sebagainya yang dapat di lihat oleh kita di zaman ini, semuanya ini tidak bertentangan dengan janji-janji 'azab dan keputusan-keputusan yang telah ditetapkan Allah terhadap Bani Israel, kerana dengan sifat-sifat mereka yang buruk dan tindak-tanduk mereka yang kejam bererti mereka menyimpan dendam dan kemarahan di dalam hati manusia, mengumpulkan modal kebencian dan kemurkaan manusia yang akan membinasakan mereka. Mereka dapat bertindak sewenang-wenang dan angkuh di bumi Palestin, kerana orang ramai Palestin tidak lagi berpegang teguh dengan agama mereka dan mereka bukan lagi orang-orang Muslimin yang sebenar. Mereka berpecah belah dan berkelompok di bawah panji-panji perjuangan nasionalisme bukannya bersatu padu di bawah panji-panji 'aqidah Islam. Oleh sebab itu perjuangan mereka gagal dan mereka terus ditelan Israel, namun demikian situasi ini bukanlah satu situasi yang kekal. Ia merupakan zaman ketidaksedaran terhadap senjata Islam, iaitu satu senjata yang tunggal, satu sistem hidup yang tunggal dan satu panji-panji yang tunggal yang pernah memberi kemenangan kepada mereka selama seribu tahun. Dengan senjata inilah mereka menang dan tanpa

senjata inilah mereka kalah. Itulah zaman ketidaksedaran (terhadap Islam) akibat dari racun gerakan-gerakan Yahudi dan kesetiaan yang ditabur di dalam jiwa umat "Islam" dan dijaga, dikawal dan dipelihara oleh pertubuhan-pertubuhan dan institusi-institusi yang ditubuhkan mereka di negeri-negeri Islam. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak akan kekal buat selama-lamanya. Kebangkitan dari ketidaksedaran ini lambat laun akan tiba dan generasi-generasi muda umat Muslimin akan kembah kepada senjata generasi-generasi tua umat Muslimin. Siapakah tahu satu hari nanti seluruh umat manusia akan sedar terhadap kezaliman kaum Yahudi dan di waktu inilah terlaksananya janji Allah terhadap mereka. Dan andainya umat manusia tidak juga sedar, maka generasi-generasi muda umat Muslimin akan tetap sedar. Inilah keyakinan kami.

وَلَمَّا سَكَتَ عَن مُّوسَى ٱلْغَضَبُ أَخَذَ ٱلْأَلْوَاحَ وَفِى نُسْخَتِهَا هُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلَّذِينَ هُمْ لِرَبِّهِمْ يَرْهَبُونَ ﴿١٥٤﴾

"Apabila kemarahan Musa menjadi tenang, ia mengambil kembali luh-luh Taurat (yang tercampak itu) dan dalam tulisan-tulisannya terkandung hidayat dan rahmat kepada orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka."(154)

(Pentafsiran ayat 154)

Ayat yang silam merupakan perhentian sebentar di tengah-tengah adegan untuk mengulaskan nasib kesudahan yang akan menimpa golongan Bani Israel yang menyembah patung anak lembu dan membuat pembohongan terhadap Allah, kemudian ayat yang berikut menyambung semula adegan itu:

وَلَمَّا سَكَتَ عَن مُّوسَى ٱلْغَضَبُ أَخَذَ ٱلْأَلْوَاحَ وَفِى نُسْخَتِهَا هُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلَّذِينَ هُمْ لِرَبِّهِمْ يَرْهَبُونَ ﴿١٥٤﴾

"Apabila kemarahan Musa menjadi tenang, ia mengambil kembali luh-luh Taurat (yang tercampak itu) dan dalam tulisan-tulisannya terkandung hidayat dan rahmat kepada orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka."(154)

Hati Yang Paling Malang Dan Roh Yang Paling Sengsara

Di dalam ayat ini Al-Qur'an menggambarkan kemarahan itu seolah-olah satu watak yang hidup yang menguasai Musa, mendorong dan mengerakkannya sehingga apabila watak ini tenang dan meninggalkan Musa, barulah Musa dapat kembali kepada dirinya lalu mengambil kembali luh-luh Taurat yang telah dicampakkannya sebentar tadi kerana didorong perasaan marah yang menguasainya. Dan di dalam ayat ini Al-Qur'an sekali lagi menjelaskan bahawa di dalam luh-luh Taurat itu terkandung hidayat dan rahmat kepada insan-insan yang takut dan menghormati Allah, dan kerana itulah hati mereka terbuka untuk menyambut hidayat dan dengan hidayat ini mereka memperolehi rahmat dari Allah, malah hidayat itu sendiri merupakan rahmat. Tidak ada hati yang lebih malang dan sengsara dari hati sesat yang tidak dapat meni'mati nur hidayat, dan tiada roh yang lebih celaka dan sengsara dari roh yang berkelana dan mengembara tidak menentu tanpa hidayat dan keyakinan. Perasaan takut dan memandang hebat kepada Allah itulah yang membuka hati manusia kepada hidayat, menyedarkannya dari kelalaian dan menyediakannya untuk menyambut bimbingan hidayat dan berdiri teguh dan jujur di atas jalan hidayat. Allah yang menciptakan hati manusia itu sendiri yang menjelaskan hakikat ini dan tiada yang lebih arif tentang hati manusia dari Tuhan yang menciptakannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 155 - 157)

Ayat-ayat yang berikut terus menyambung kisah Musa a.s., dan kini kita berada di hadapan satu adegan yang baru, iaitu adegan yang kedua belas yang menayangkan pemandangan Musa bersama tujuh puluh orang yang dipilih untuk menemui Allah:

وَٱخْتَارَ مُوسَىٰ قَوْمَهُۥ سَبْعِينَ رَجُلًا لِّمِيقَٰتِنَا فَلَمَّآ أَخَذَتْهُمُ ٱلرَّجْفَةُ قَالَ رَبِّ لَوْ شِئْتَ أَهْلَكْتَهُم مِّن قَبْلُ وَإِيَّٰىَ أَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ ٱلسُّفَهَآءُ مِنَّآ إِنْ هِىَ إِلَّا فِتْنَتُكَ تُضِلُّ بِهَا مَن تَشَآءُ وَتَهْدِى مَن تَشَآءُ أَنتَ وَلِيُّنَا فَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْغَٰفِرِينَ ﴿١٥٥﴾

وَٱكْتُبْ لَنَا فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ إِنَّا هُدْنَآ إِلَيْكَ قَالَ عَذَابِىٓ أُصِيبُ بِهِۦ مَنْ أَشَآءُ وَرَحْمَتِى وَسِعَتْ كُلَّ شَىْءٍ فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلَّذِينَ هُم بِـَٔايَٰتِنَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٦﴾

ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِىَّ ٱلْأُمِّىَّ ٱلَّذِى يَجِدُونَهُۥ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ يَأْمُرُهُم بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَىٰهُمْ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ ٱلْخَبَٰٓئِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَٱلْأَغْلَٰلَ ٱلَّتِى كَانَتْ

عَلَيْهِمْ ۚ فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

"Dan Musa telah memilih tujuh puluh orang lelaki dari kaumnya untuk menepati temujanji dengan Kami. Kemudian apabila mereka disambar gegaran petir, Musa pun merayu: Wahai Tuhanku! Jika Engkau kehendaki tentulah Engkau telah membinasakan mereka dan aku sebelum ini lagi. Apakah Engkau hendak membinasakan kami dengan sebab perbuatan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang bodoh dari kami? 'azab yang di timpakan Engkau itu tidak lain melainkan hanya sesuatu ujian dari-Mu, dengan perantaraannya Engkau sesatkan mereka yang Engkau kehendaki dan Engkau hidayatkan mereka yang Engkau kehendaki. Engkaulah Pelindung kami. Oleh itu kurnia keampunan kepada kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik para pengampun (155). Dan tuliskanlah untuk kami kebajikan di dunia ini dan di Akhirat. Sesungguhnya kami telah kembali kepada-Mu. Lalu Allah berfirman: Aku timpakan 'azab-Ku itu ke atas mereka yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku meliputi segala sesuatu. Oleh itu Aku akan tuliskan rahmat-Ku itu untuk orang-orang yang bertaqwa dan menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami (156). Iaitu orang-orang yang mengikut rasul, Nabi yang ummi, yang mereka dapati namanya tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Nabi itu menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang ma'ruf dan melarang mereka dari melakukan perbuatan yang mungkar, dia menghalalkan kepada mereka segala yang baik dan mengharamkan ke atas mereka segala yang keji, dia menghapuskan dari mereka beban-beban berat dan belenggu-belenggu yang memberatkan mereka. Oleh sebab itu orang-orang yang beriman kepada rasul ini, memulia dan membantunya, merekalah orang-orang yang beruntung."(157)

Bani Israel Memohon Keampunan Allah

Riwayat-riwayat tidak sependapat tentang sebab dan tujuan pertemuan ini, Ia mungkin bertujuan untuk mengisytiharkan taubat dan memohon keampunan kepada Bani Israel kerana mereka telah melakukan kekufuran dan dosa yang besar. Di dalam Surah Al-Baqarah diterangkan bahawa cara menebuskan dosa yang diwajibkan ke atas Bani Israel ialah mereka hendaklah dibunuh oleh sesama mereka, iaitu yang ta'at membunuh yang menderhaka dan mereka telah menjunjung perintah ini hingga Allah mengizinkan mereka berhenti darinya dan menerima tebusan dosa mereka. Kumpulan tujuh puluh orang itu adalah terdiri dari ketua-ketua Bani Israel dan tokoh-tokoh pilihan mereka atau kumpulan itu merupakan kumpulan pilihan yang mewakili mereka. Rangkai kata yang menyebut:

"Dan Musa telah memilih tujuh puluh orang lelaki dari kaumnya untuk menepati temujanji dengan Kami..."(155)

telah menjadi kumpulan mereka sebagai ganti kaum Bani Israel seluruhnya dalam pemilihan itu.

Walaupun demikian, apakah pula yang telah berlaku kepada kumpulan pilihan ini? Mereka telah di timpa petir hingga menyebabkan mereka mati. Kejadian itu disebabkan kerana mereka - sebagaimana diceritakan dalam surah yang lain - telah meminta kepada Musa untuk melihat Allah secara terang-terangan sebagai syarat untuk mereka beriman kepada segala perintah yang terkandung dalam luh-luh Taurat itu.[14] Ini satu lagi bukti yang mendedahkan tabi'at Bani Israel yang merangkumi seluruh mereka baik golongan pilihan yang baik mahupun golongan yang jahat. Titik perbezaan di antara dua golongan ini tidak begitu besar. Dan yang paling menghairankan ialah golongan pilihan ini pula sanggup berkata begitu sedangkan mereka berada dalam situasi bertaubat dan memohon keampunan.

Musa a.s. terus bertawajjuh dan merayu kepada Allah. Beliau memohon keampunan dan rahmat dan mengumumkan penyertaan dirinya dan pengakuannya terhadap kudrat Allah:

فَلَمَّا أَخَذَتْهُمُ الرَّجْفَةُ قَالَ رَبِّ لَوْ شِئْتَ أَهْلَكْتَهُم مِّن قَبْلُ وَإِيَّايَ ۖ

"Kemudian apabila mereka disambar gegaran petir Musa pun merayu: Wahai Tuhanku! Jika Engkau kehendaki tentulah Engkau membinasakan mereka dan aku sebelum ini lagi...."(155)

Itulah penyerahan diri Musa yang mutlak kepada kudrat Allah yang mutlak sebelum ini dan selepasnya. Beliau mengumumkan penyerahan diri ini sebelum beliau berdo'a kepada Allah agar menghapuskan kemurkaan-Nya terhadap kaum Bani Israel, agar Allah menghindarkan ujian-Nya terhadap mereka dan agar Allah tidak membinasakan mereka dengan sebab perbuatan golongan yang bodoh dari mereka:

أَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ السُّفَهَاءُ مِنَّا ۖ

"Apakah Engkau hendak membinasakan kami dengan sebab perbuatan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang bodoh dari kami?..."(155)

---

[14] *Di dalam ayat ini tidak disebut tentang sebab petir itu, tetapi dalam kisah yang sama yang diceritakan di dalam Surah Al-Baqarah Ayat 55 hingga 56 yang bermaksud "Dan kenangilah ketika kamu berkata: Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah terang-terangan, lalu kamu disambar petir dan kamu melihat sendiri peristiwa itu.(55) Kemudian Kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati supaya kamu bersyukur (56)."*

Mengikut keterangan lahir ayat-ayat ini nyatalah bahawa kejadian itu adalah satu kejadian yang sama dan bukannya suatu kejadian yang lain di dalam sejarah Bani Israel dengan Musa a.s.

Di dalam ayat ini harapan diungkapkan dengan pertanyaan untuk menguatkan lagi permohonan menghindarkan kebinasaan seolah-olah ia berkata: "Ya Allah ya Tuhanku, amatlah jauh dari rahmat-Mu jika Engkau bertindak membinasakan kami dengan sebab perbuatan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang bodoh dari kami."

إِنْ هِيَ إِلَّا فِتْنَتُكَ تُضِلُّ بِهَا مَن تَشَاءُ وَتَهْدِي مَن تَشَاءُ

"'Azab yang ditimpakan Engkau itu tidak lain melainkan hanya suatu ujian dari-Mu dan dengan perantaraannya Engkau sesatkan mereka yang Engkau kehendaki dan Engkau hidayatkan mereka yang Engkau kehendaki...."(155)

Di dalam ayat ini Musa mengumumkan bahawa beliau menginsafi tentang hikmat di sebalik 'azab yang di timpakan Allah itu dan memahaminya sebagai suatu ujian dan dugaan dari Allah. Dan beliau sama sekali tidak lalai dari kehendak masyi'ah Allah dan tindakan-Nya sebagaimana yang berlaku kepada orang-orang yang lalai. Itulah hikmat yang berlaku dalam setiap peristiwa 'azab, di mana dengan peristiwa 'azab itu Allah memberi, hidayat kepada orang-orang yang memahami dan menganggapkannya sebagai dugaan yang di hadapinya dengan penuh kesedaran dan keyakinan, dan dengan peristiwa 'azab itu juga Allah menyesatkan mereka yang tidak memahami hakikat ini dan menghadapinya dengan penuh kelalaian dan mereka keluar dari peristiwa itu sebagai orang-orang yang sesat. Nabi Musa a.s. menjelaskan prinsip ini sebagai persediaan memohon pertolongan dari Allah untuk menghadapi ujian dan dugaan ini:

أَنتَ وَلِيُّنَا

"Engkaulah Pelindung kami...."(155)

Oleh itu kurniakanlah kepada kami pertolongan-Mu untuk menghadapi ujian-Mu dan untuk mendapat keampunan dan rahmat-Mu:

فَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا وَأَنتَ خَيْرُ الْغَافِرِينَ ﴿١٥٥﴾

"Oleh itu kurniakanlah keampunan kepada kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik para pengampun."(155)

وَاكْتُبْ لَنَا فِي هَٰذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ إِنَّا هُدْنَا إِلَيْكَ

"Dan tuliskanlah untuk kami kebajikan di dunia ini dan di Akhirat. Sesungguhnya kami telah kembali kepada-Mu...."(156)

Maksudnya, kami kembali kepada-Mu, kami berlindung di bawah naungan-Mu dan kami memohon pertolongan-Mu.

Demikianlah Musa a.s memohon keampunan dan cucuri rahmat Allah dengan lebih dahulu mengumumkan penyerahan dirinya kepada Allah dan pengi'tirafan terhadap hikmat yang wujud di sebalik ujian Allah kemudian mengakhirkannya dengan mengumumkan kepulangannya kepada Allah dan pelindungannya di bawah naungan Allah. Oleh sebab itu do'a beliau merupakan contoh adab sopan seorang hamba yang soleh terhadap Tuhannya Yang Maha Pemurah, di samping merupakan contoh do'a dengan permulaan kata dan akhir kata yang menarik.

Kemudian datang jawapan dari Allah:

قَالَ عَذَابِي أُصِيبُ بِهِ مَنْ أَشَاءُ وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ

"Lalu Allah berfirman: Aku timpakan 'azab-Ku ini ke atas mereka yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku meliputi segala sesuatu."(156)

Ayat ini menjelaskan kebebasan kehendak masyi'ah Allah yang mengaturkan undang-undang dengan bebas dan melaksanakannya dengan bebas. Allah tidak melaksanakan undang-undang ini melainkan dengan keadilan dan sebab yang benar untuk tujuan ujian, kerana keadilan adalah salah satu dari sifat-sifat Allah yang tidak pernah mungkir dalam segala tindakan yang diperlakukan oleh iradat-Nya kerana inilah yang dikehendaki oleh-Nya. Oleh sebab itu Allah mengenakan 'azab ke atas mereka yang wajar di sisi-Nya menerima 'azab. Beginilah yang diperlakukan oleh iradat-Nya. Ada pun rahmat-Nya adalah amat luas. Ia meliputi segala sesuatu dan ia dicapai oleh mereka yang wajar di sisi Allah mencapaikannya dan beginilah yang diperlakukan oleh iradat-Nya. Kehendak iradat Allah tidak menimpakan 'azab atau melimpahkan rahmat secara serampangan atau kebetulan sahaja, Maha Suci Allah dari bertindak sedemikian rupa.

Selepas menjelaskan prinsip yang besar itu, Allah memperlihatkan kepada Nabi Musa a.s sebahagian dari peristiwa ghaib yang akan berlaku di masa depan, iaitu peristiwa agama terakhir yang akan dilimpahkan dengan rahmat-Nya yang meliputi segala-galanya. Ia menjelaskan peristiwa itu dengan ungkapan yang menggambarkan rahmat Allah itu lebih luas dari alam buana yang besar yang diciptakannya, alam buana yang tidak dapat ditanggap oleh manusia sejauh mana perbatasannya. Alangkah luasnya rahmat Allah, tiada siapa yang mengetahui hujung sutnya melainkan Allah.

Allah Mengumumkan Berita Kerasulan rasul Terakhir Kepada Bani Israel

فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَالَّذِينَ هُم بِآيَاتِنَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٦﴾

"Oleh itu Aku akan tuliskan rahmat-Ku itu untuk orang-orang yang bertaqwa dan menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami."(156)

ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِيَّ ٱلْأُمِّيَّ ٱلَّذِي
يَجِدُونَهُۥ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِي ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ
يَأْمُرُهُم بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَىٰهُمْ عَنِ ٱلْمُنكَرِ
وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ ٱلْخَبَٰٓئِثَ
وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَٱلْأَغْلَٰلَ ٱلَّتِي كَانَتْ
عَلَيْهِمْ ۚ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِهِۦ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ
وَٱتَّبَعُوا۟ ٱلنُّورَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ مَعَهُۥٓ ۙ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

"Iaitu orang-orang yang mengikut rasul, Nabi yang ummi, yang mereka dapati namanya tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Nabi itu menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang ma'ruf dan melarang mereka dari melakukan perbuatan-perbuatan yang mungkar, dia menghalalkan kepada mereka segala yang baik dan mengharamkan ke atas mereka segala yang keji, dia menghapuskan dari mereka beban-beban berat dan belenggu-belenggu yang memberatkan mereka. Oleh sebab itu orang-orang yang beriman kepada rasul ini, memulia dan membantunya, merekalah orang-orang yang beruntung."(157)

Ini adalah satu berita masa depan yang amat besar, berita yang menjadi saksi bahawa Bani Israel telah mendapat berita yang diyakini kebenarannya tentang Nabi Muhammad yang ummi yang disampaikan menerusi nabi mereka Musa dan Isa a.s sejak zaman dahulu lagi. Mereka telah mendapat berita yang diyakini kebenarannya tentang kebangkitan Nabi itu, sifat-sifatnya, methodologi risalahnya dan ciri-ciri agamanya, iaitu dia seorang Nabi yang ummi, dia menyuruh manusia mengerjakan segala kebaikan dan melarang mereka melakukan segala kemungkaran, dia menghalalkan kepada mereka segala yang baik dan mengharamkan segala yang keji. Dia menghapuskan dari orang-orang yang beriman dengannya dari kaum Bani Israel beban-beban dan belenggu-belenggu kewajipan yang berat, yang Allah mengetahui akan diwajibkan ke atas mereka dengan sebab perbuatan mereka yang menderhakakan Allah. Beban-beban dan belenggu-belenggu yang berat akan diangkat dari mereka oleh Nabi yang ummi ini apabila mereka beriman kepadanya. Para pengikut Nabi ini sentiasa bertaqwa kepada Allah, mengeluarkan zakat harta benda mereka dan beriman kepada ayat-ayat Allah. Seterusnya kaum Bani Israel telah mendapat berita yang diyakini kebenarannya bahawa orang-orang yang beriman kepada Nabi yang ummi ini serta memulia dan menghormatinya, membantu dan menyokongnya dan mengikut nur hidayat yang dibawa olehnya **"Merekalah orang-orang yang beruntung."**

Dengan pengumuman awal kepada Bani Israel dengan perantaraan nabi mereka Musa a.s ini, Allah S.W.T telah memperlihatkan kepada mereka masa depan agama-Nya, pembawa panji-panji-Nya, cara hidup para pengikut-Nya dan tempat yang menjadi rahmat-Nya. Oleh sebab itu tidak ada apa-apa alasan lagi bagi pengikut-pengikut agama-agama yang silam untuk menolak agama yang dibawa olehnya selepas disampaikan pengumuman awal tentang berita yang diyakini kebenarannya itu.

Berita masa depan agama Allah yang diyakini kebenarannya, yang datang dari Allah kepada Musa *a.s ketika* beliau bersama dengan tujuh puluh orang pilihan kaumnya sedang berada di tempat temujanji dengan Allah itu juga mendedahkan betapa besarnya kesalahan Bani Israel (di zaman ke belakangan) yang telah menolak Nabi yang ummi ini dan agama yang dibawa olehnya, sedangkan agama itu mudah dan meringankan beban-beban kewajipan yang telah diwajibkan ke atas mereka di samping menyampaikan berita kejayaan dan keberuntungan yang akan diterima oleh orang-orang yang beriman.

Kesalahan yang telah dilakukan oleh Bani Israel terhadap Rasulullah s.a.w adalah kesalahan yang dilakukan dengan ilmu pengetahuan dan bukti-bukti yang jelas. Ia dilakukan dengan segala tenaga dan daya upaya. Sejarah telah merakamkan bahawa Bani Israel merupakan kaum yang paling jahat dan sengit menentang Rasulullah s.a.w dan agama yang dibawa olehnya. Pada mulanya penentangan itu dilakukan oleh orang-orang Yahudi kemudian pada akhirnya diikuti oleh orang-orang Kristian. Peperangan dan konflik yang dilancarkan mereka terhadap Nabi Muhammad s.a.w. terhadap agamanya dan terhadap pemeluk-pemeluknya adalah satu peperangan dan konflik yang amat jahat, licin, kejam dan ganas. Mereka lakukannya dengan berterusan dan penuh kedegilan sehingga hari ini.

Kepada orang yang hanya menyemak keterangan al-Qur'anul-Karim sahaja tentang penentangan yang dilancarkan oleh kaum Ahlil-Kitab terhadap Islam dan kaum Muslimin yang disebut sebelum ini di dalam Surah al-Baqarah, Aali 'Imran, an-Nisa' dan al-Ma'idah, akan melihat betapa luasnya ruang pertarungan yang diatur oleh mereka dengan penuh kedegilan terhadap agama Islam.

Penentangan Zionis Dan Kristian di Zaman Moden Terhadap Islam

Bagi orang yang menyemak sejarah selepas itu, iaitu sejak Islam disebar luas di Madinah dan berjaya menubuhkan kerajaan yang berdaulat dan sehingga kepada hari ini, akan melihat betapa degilnya dan konsistennya penentangan mereka terhadap agama Islam dan betapa kuatnya keazaman mereka untuk menghapuskan Islam dari alam al-wujud.

Pejuang-pejuang Zionis dan Kristian di zaman moden ini, telah menggunakan berbagai-bagai cara penentangan dan tipudaya yang licin, yang berlipat kali ganda lebih canggih dari cara-cara yang telah digunakan mereka di sepanjang abad-abad yang silam. Tepat pada masa itu, mereka sedang gigih berusaha untuk menghapuskan agama ini seluruhnya dan menganggap bahawa mereka sedang memasuki pertarungan muktamad yang terakhir dengan Islam. Oleh sebab itulah mereka menggunakan segala cara dan sarana yang pernah dicuba mereka di seluruh abad-abad yang silam di samping cara-cara dan sarana-sarana baru yang telah diadakan mereka sekarang.

Dalam waktu yang sama itu juga terdapat dalam kalangan penganut-penganut Islam golongan cerdik pandai yang menganjur agar diwujudkan kerjasama di antara penganut-penganut Islam dan penganut-penganut agama-agama yang lain sebagai satu front untuk menentang arus aliran kebendaan dan atheisme, sedangkan penganut-penganut agama-agama yang lain itulah yang membunuh penganut-penganut Islam di merata tempat, merekalah yang memerangi orang-orang Islam dengan kekejaman dan keganasan yang dilakukan mereka di dalam peperangan-peperangan salib dan mahkamah-mahkamah penyiasatan (inquisitions) di Andalusia sama ada dengan perantaraan agen-agen mereka secara langsung yang ditempatkan di Asia dan di Afrika atau dengan perantaraan pertubuhan-pertubuhan yang ditubuh dan dibantu oleh mereka di negeri-negeri Islam yang merdeka untuk mengambil tempat Islam dalam bentuk berbagai-bagai ideologi dan aliran-aliran pemikiran sekular, iaitu aliran-aliran yang menolak hakikat-hakikat ghaib atas nama "ilmiyah", aliran-aliran yang mahu mengubahkan akhlak (kaum Muslimin) supaya menjadi akhlak haiwan, di mana lelaki dan perempuan bercampur-baur dengan bebas, juga mengubah dan mempertingkatkan kemajuan perundangan Islam, dan untuk maksud ini mereka telah mengadakan muktamar-muktamar para orientalis dengan tujuan untuk menghalalkan riba, pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan dan segala perkara yang diharamkan Islam.

Itulah pertarungan dan pertentangan yang ganas dan kejam yang dilancarkan oleh umat-umat Ahlil-Kitab terhadap agama Islam, sedangkan mereka telah pun diberitakan Allah sejak zaman berzaman lagi tentang kedatangannya dan tentang Nabi yang membawanya, tetapi malangnya mereka telah menyambut kedatangannya dengan sambutan yang jahat dan degil.

(Pentafsiran ayat 158)

Sebelum huraian ayat-ayat ini menayangkan satu adegan baru bagi kisah Musa a.s, ia berhenti sebentar untuk menyampaikan pengumuman awal yang ditujukan kepada Nabi yang ummi s.a.w., di mana beliau diperintah mengisytiharkan da'wah Islamiyah kepada seluruh umat manusia tepat dan selaras dengan janji Allah yang lama:

Da'wah Islamiyah Ditujukan Kepada Seluruh Umat Manusia Di Semua Zaman

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ ٱلنَّبِىِّ ٱلْأُمِّىِّ ٱلَّذِى يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَكَلِمَٰتِهِۦ وَٱتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

"Katakanlah: Wahai manusia! Sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kamu sekalian, iaitu Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia, yang menghidup dan yang mematikan. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya seorang Nabi yang ummi, yang beriman kepada Allah dan kalimat-kalimat-Nya dan ikutilah dia supaya kamu mendapat hidayat."(158)

Itulah perutusan Allah yang akhir dan syumul yang tidak dikhususkan kepada sesuatu kaum atau sesuatu negeri atau sesuatu generasi, sedangkan perutusan-perutusan Allah sebelum ini merupakan perutusan-perutusan untuk setempat atau untuk satu kaum sahaja dan terbatas dengan sesuatu masa yang tertentu iaitu masa di antara dua rasul. Umat manusia di waktu itu menjalani kehidupan mereka mengikut perutusan-perutusan itu dengan langkah-langkah yang terbatas untuk melayakkan diri mereka menerima perutusan Allah yang akhir. Setiap perutusan yang datang mengandungi pindaan dan perubahan dari segi peraturan dan undang-undang sesuai dengan perkembangan umat manusia sehingga apabila datang risalah Allah yang terakhir, maka ia datang dengan prinsip-prinsipnya yang sempurna, yang dapat menerima tatbiq atau aplikasi yang baru dalam cabang-cabang syari'atnya. Risalah yang terakhir ini diturun untuk seluruh umat manusia kerana selepas risalah ini tidak ada lagi risalah-risalah Ilahi yang lain untuk kaum-kaum dan generasi-generasi tertentu di setiap tempat. Kedatangannya adalah sesuai dengan fitrah manusia dan merupakan satu titik yang dapat mempertemukan seluruh manusia. Oleh sebab itulah risalah yang akhir ini dibawa oleh Nabi yang ummi, yang mana tiada suatu yang masuk ke dalam fitrahnya yang bersih selain dari pengajaran Allah. Risalah ini keluar dari iradat Allah dan terus masuk ke dalam fitrahnya yang bersih yang tidak pernah dimasuki pengajaran dari bumi dan pemikiran-pemikiran manusia untuk membolehkan Nabi yang ummi ini membawa risalah Allah yang sesuai dengan fitrah seluruh manusia:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنِّى رَسُولُ ٱللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا

"Katakanlah: Wahai manusia! Sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kamu sekalian...."(158)

Peranan Keji Golongan Orientalis

Ayat ini yang memerintah Rasulullah s.a.w supaya menyampaikan risalahnya kepada seluruh umat manusia adalah ayat Makkiyah yang dimuat dalam Surah Makkiyah. Ayat ini mencabar pemalsu-pemalsu sejarah yang terdiri dari kaum Ahlil-Kitab yang mendakwa bahawa Nabi Muhammad s.a.w tidak pernah terlintas dalam hatinya semasa beliau berada di negeri Makkah untuk memanjangkan risalahnya kepada penduduk-penduduk negeri yang lain dari Makkah. Mula-mula beliau hanya berfikir untuk menyampaikan risalahnya kepada kaum Quraisy, kemudian beliau memanjang kepada orang-orang Arab yang lain kemudian da'wahnya menjangkau kepada Ahlil-Kitab, kemudian menjangkau ke Semenanjung Tanah Arab dan seterusnya menjangkau keluar dari perbatasan Semenanjung Tanah Arab. Semua peluasan itu berlaku setelah beliau terpesona dengan kejayaan-kejayaan yang telah dibawa kepada beliau oleh suasana-suasana ketika itu. Pandangan ini adalah suatu pembohongan sebagai ekoran dari perang yang dilancarkan mereka ke atas Islam dan pemeluk-pemeluknya, yang terus berlangsung sehingga sekarang.

Yang menjadi bala bukannya usaha kaum Ahlil-Kitab yang menumpukan angkara tipudaya mereka kepada Islam dan para pengikutnya. Begitu juga yang menjadi bala bukannya golongan orientalis yang menulis pembohongan-pembohongan ini dan bertindak sebagai barisan depan yang menyerang Islam dan para penganutnya, malah yang menjadi bala yang paling besar ialah wujudnya segolongan orang-orang Islam yang bersahaja, dungu dan tertipu yang telah mengambil orientalis-orientalis yang telah memalsukan sejarah nabi dan agama mereka serta memerangi mereka dan 'aqidah mereka sebagai mahaguru-mahaguru mereka. Dan dari mahaguru-mahaguru ini mereka mempelajari Islam, dan setiap pendapat yang ditulis mereka mengenai sejarah Islam dan hakikatnya dijadikan sebagai hujah dan rujukan. Kemudian golongan Muslimin yang bersahaja dan dungu ini mendakwa diri mereka sebagai golongan intelektual yang berpendidikan tinggi.

Kembali semula kepada ayat yang memerintah Rasulullah s.a.w supaya mengumumkan kerasulannya kepada seluruh manusia, di mana kita dapati ada lagi perintah yang ditujukan kepada beliau, iaitu perintah memperkenalkan kepada seluruh manusia Tuhan mereka yang sebenar:

ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ

"Iaitu Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia, yang menghidup dan mematikan."(158)

Maksudnya, Nabi Muhammad s.a.w adalah utusan dari Allah kepada seluruh manusia, iaitu Tuhan yang memiliki seluruh alam buana ini termasuk makhluk insan itu sendiri. Hanya Allah sahaja yang berhak dengan sifat Uluhiyah, sedangkan seluruh maujud yang lain adalah hamba-Nya belaka. Sifat Kudrat dan Uluhiyah Allah dapat di lihat dengan jelas pada kekuasaan-Nya yang menghidup dan mematikan.

Tuhan yang memiliki seluruh alam buana dan satu-satunya yang mempunyai sifat Uluhiyah ke atas seluruh makhluk di samping mempunyai kuasa menghidup dan mematikan manusia seluruhnya, itulah Tuhan yang wajar bagi seluruh manusia mengikuti agama-Nya yang disampaikan oleh utusan-Nya kepada mereka. Itulah perintah memperkenalkan Tuhan yang sebenar kepada seluruh manusia agar 'Ubudiyah mereka kepada Allah dan keta'atan mereka kepada Rasul-Nya berlandaskan pengenalan ini:

فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ ٱلنَّبِىِّ ٱلْأُمِّىِّ ٱلَّذِى يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَكَلِمَـٰتِهِۦ وَٱتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

"Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya seorang Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimat-Nya dan ikutilah dia supaya kamu mendapat hidayat...."(158)

Seruan beriman yang terakhir dalam ulasan ayat ini mengandungi beberapa tarikan perhatian yang halus yang segia bagi kita berhenti sejenak memikirkannya, iaitu:

• Mula-mula ia mengandungi perintah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, iaitu keimanan yang terkandung di dalam dua syahadat La Ilaha Illallah dan Muhammad Rasulullah, dan keimanan dalam satu bentuk yang lain dari bentuk-bentuk keimanan yang terkandung dalam dua syahadat yang menjadi asas iman dan Islam, iaitu beriman kepada Allah yang diterangkan sifat-Nya dalam ayat sebelumnya:

ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ يُحْىِۦ وَيُمِيتُ ۖ

"Iaitu Tuhan yang memiliki langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia, yang menghidup dan mematikan...."(158)

Maksudnya, perintah beriman di dalam ayat yang akhir itu ialah perintah beriman kepada Allah yang mempunyai sifat-sifat yang benar yang telah dijelaskan sebelum ini ketika memperkenalkan kerasulan Nabi Muhammad kepada seluruh umat manusia.

• Yang kedua seruan beriman itu menarik perhatian bahawa Nabi yang ummi s.a.w itu adalah seorang yang beriman kepada Allah dan kalimat-Nya, walaupun hakikat ini sangat jelas, namun tarikan perhatian ini mempunyai makna dan nilainya yang penting, iaitu penda'wah yang hendak menjalankan

da'wah itu pastilah lebih dahulu mempunyai kepercayaan yang kukuh, kefahaman yang jelas dan keyakinan yang teguh terhadap apa yang hendak dida'wahkannya itu. Oleh sebab itu Nabi yang ummi yang diutuskan kepada seluruh manusia itu disifatkan sebagai Nabi "yang beriman kepada Allah dan kalimat-kalimat-Nya" iaitu sama dengan keimanan yang menjadi matlamat da'wahnya.

• Pada akhirnya seruan ini juga menarik perhatian bahawa keimanan kepada Rasul itu memerlukan setiap orang mengikut apa yang diperintah dan disyari'atkan olehnya, juga mengikut sunnahnya dan amalan-amalannya. Hakikat ini dijelaskan di dalam firman-Nya:

وَٱتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ١٥٨

"Dan ikutilah dia supaya kamu mendapat hidayat."(158)

Orang ramai tidak boleh diharapkan beriman kepada pengajaran-pengajaran yang diserukan oleh Rasulullah kecuali dengan mengikut beliau dalam melaksanakan segala pengajaran itu. Mereka tidak cukup dengan hanya beriman kepada Rasul di dalam hati mereka sahaja malah keimanan itu pastilah diiringi dengan amalan-amalan, atau keimanan itu pastilah diikuti dengan Islam.

Agama Islam mendedahkan tabi'at dan hakikatnya dalam setiap situasi, kerana Islam bukanlah semata-mata 'aqidah yang disematkan di dalam hati, juga bukanlah semata-mata syi'ar dan upacara-upacara ibadat yang dilaksanakan, malah Islam ialah mengikut Rasulullah dengan ikutan yang sempurna dalam segala urusan yang disampaikan dari Allah dan dalam setiap perkara yang disyari'at dan disunatkan olehnya kerana Rasulullah tidak hanya menyuruh manusia supaya beriman kepada Allah dan Rasul-Nya sahaja, begitu juga beliau tidak hanya menyuruh mereka menjunjung syi'ar-syi'ar ibadat semata-mata, malah beliau menyampaikan kepada mereka syari'at Allah dengan perkataan dan amalannya kedua-dua sekali. Oleh sebab itu orang ramai tidak boleh diharapkan mendapat hidayat kecuali mereka mengikut Rasulullah dalam semua perkataan dan amalannya. Inilah gambaran agama Allah yang sebenar. Inilah satu-satunya gambaran Islam yang sebenar yang ditunjukkan oleh ayat ini selepas diperintah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya:

وَٱتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ١٥٨

"Dan ikutilah dia supaya kamu mendapat hidayat."(158)

Jika Islam hanya merupakan persoalan i'tikad sahaja tentulah firman Allah itu cukup setakat ini sahaja:

فَـَٔامِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ

"Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya."(158)

(Pentafsiran ayat-ayat 159 - 160)

Kemudian kisah Musa terus disambung selepas peristiwa gegaran petir yang telah menimpa pemimpin-pemimpin Bani Israel, tetapi huraian ayat-ayat ini tidak menyebut apakah yang telah terjadi kepada mereka selepas Nabi Musa a.s berdo'a dan merayu kepada Allah S.W.T. Tetapi kita dapat mengetahui dari kisah yang sama di dalam surah-surah yang lain bahawa Allah telah menghidupkan mereka kembali selepas mereka mati akibat ledakan petir yang mengegarkan itu. Kemudian mereka pulang kepada kaum mereka dengan hati yang penuh iman.

Sebelum huraian ayat ini masuk ke dalam babak yang baru, ia lebih dahulu mengemukakan hakikat mengenai kaum Musa iaitu mereka bukan semuanya sesat:

وَمِن قَوْمِ مُوسَىٰٓ أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِٱلْحَقِّ وَبِهِۦ يَعْدِلُونَ ١٥٩

"Dan dari kaum Musa terdapat satu umat yang memberi hidayat kepada manusia dengan agama yang benar dan dengannya mereka berlaku adil."(159)

Demikianlah keadaan mereka di zaman Musa, begitu juga segolongan dari mereka tetap mengikut jalan yang benar dan memerintah dengan adil selepas kewafatan Musa. Dan di antara mereka ialah orang-orang Yahudi yang menerima kerasulan Nabi Muhammad yang ummi di akhir zaman dengan penerimaan yang amat baik, kerana mereka telah mengetahui tentang kerasulannya di dalam kitab Taurat yang berada di tangan mereka semasa kebangkitan Rasulullah s.a.w., dan yang terulung dari mereka ialah Abdullah ibn Salam seorang sahabat besar Rasulullah s.a.w yang telah menghadapi orang-orang Yahudi di zamannya dengan keterangan nas-nas kitab Taurat yang ada pada mereka mengenai kerasulan Nabi yang ummi itu, juga dengan syari'at-syari'at yang ada pada mereka yang disahkan oleh syari'at-syari'at Islam.

Setelah menjelaskan hakikat itu, maka kisah Musa a.s disambung dengan peristiwa yang berlaku selepas ledakan petir yang dahsyat itu:

وَقَطَّعْنَٰهُمُ ٱثْنَتَىْ عَشْرَةَ أَسْبَاطًا أُمَمًا ۚ وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ إِذِ ٱسْتَسْقَىٰهُ قَوْمُهُۥٓ أَنِ ٱضْرِب بِّعَصَاكَ ٱلْحَجَرَ ۖ فَٱنۢبَجَسَتْ مِنْهُ ٱثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا ۖ قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ۚ وَظَلَّلْنَا عَلَيْهِمُ ٱلْغَمَٰمَ وَأَنزَلْنَا عَلَيْهِمُ ٱلْمَنَّ وَٱلسَّلْوَىٰ ۖ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا

رَزَقْنَٰكُمْۚ وَمَا ظَلَمُونَا وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١٦٠﴾

"Dan Kami membahagikan mereka (Bani Israel) kepada dua belas suku yang membentuk berbagai-bagai umat dan Kami wahyukan kepada Musa ketika kaumnya meminta bekalan air darinya: Pukullah batu ini dengan tongkatmu! Lalu terpancarlah darinya dua belas matair. Setiap suku mengetahui tempat minum mereka masing-masing. Dan Kami payungkan mereka dengan awan dan menurunkan kepada mereka manna dan burung puyuh. Kami berfirman: Makanlah dari makanan-makanan yang baik dari rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu. Mereka tidak menzalimi kami, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri."(160)

Bani Israel Dibahagikan Kepada Dua Belas Suku Kaum

Naungan dan perlindungan Allah terus memayungi Musa dan kaumnya selepas mereka menjadi kafir dan menyembah patung anak lembu. Kemudian mereka telah menebuskan dosa mereka sebagaimana diperintah oleh Allah lalu Allah menerima taubat mereka. Dan selepas mereka menuntut untuk melihat Allah dengan mata kepala, maka mereka terus dibinasakan dengan ledakan petir, kemudian Allah memperkenankan do'a dan rayuan Musa a.s lalu Dia menghidupkan mereka kembali. Naungan dan perlindungan Allah juga dapat di lihat dengan jelas apabila mereka disusun dan diatur mengikut cabang-cabang keturunan mereka kepada dua belas unit yang besar. Setiap unit dihubungkan dengan anak cucu moyang mereka Nabi Yaakub atau Israel a.s. Mereka menjaga asal-usul keturunan mereka mengikut peraturan suku:

وَقَطَّعْنَٰهُمُ ٱثْنَتَىْ عَشْرَةَ أَسْبَاطًا أُمَمًاۚ

"Dan Kami membahagikan mereka kepada dua belas suku yang membentuk berbagai-bagai umat...."(160)

Pembahagian itu kelihatan jelas apabila setiap suku ditentukan matair masing-masing untuk diminum mereka tanpa ceroboh-menceroboh terhadap satu sama lain.

وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ إِذِ ٱسْتَسْقَىٰهُ قَوْمُهُۥٓ أَنِ ٱضْرِب بِّعَصَاكَ ٱلْحَجَرَۖ فَٱنۢبَجَسَتْ مِنْهُ ٱثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًاۖ قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْۚ

"Dan Kami wahyukan kepada Musa ketika kaumnya meminta bekalan air darinya: Pukullah batu ini dengan tongkatmu! Lalu terpancarlah darinya dua belas matair, setiap suku mengetahui tempat minum mereka masing-masing."(160)

Naungan dan perlindungan itu dapat di lihat dengan jelas apabila Allah memayungkan, mereka dengan awan mega untuk melindungkan mereka dari panas matahari padang, sahara yang membakarkan itu dan menurunkan manna (sejenis madu) dan burung salwa (sejenis puyuh) untuk menjamin kemudahan bekalan makanan mereka selepas menjamin kemudahan bekalan air minum mereka:

وَظَلَّلْنَا عَلَيْهِمُ ٱلْغَمَٰمَ وَأَنزَلْنَا عَلَيْهِمُ ٱلْمَنَّ وَٱلسَّلْوَىٰۖ

"Dan Kami payungkan mereka dengan awan dan menurunkan kepada mereka manna dan burung puyuh."(160)

Naungan dan perlindungan itu jelas kelihatan apabila Allah mengharuskan segala makanan yang baik untuk mereka dan ketika itu belum ada satu pun makanan yang diharamkan kepada mereka dengan sebab penderhakaan mereka:

كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْۚ

"Makanlah dari makanan-makanan yang baik dari rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu."(160)

Semuanya itu menunjukkan naungan dan perlindungan Allah yang amat jelas terhadap kaum Bani Israel, namun demikian tabi'at mereka masih tetap degil untuk menerima hidayat Allah dan berjalan di atas jalan yang lurus sebagaimana dapat difahamkan dari keterangan akhir ayat ini, di mana disebut segala ni'mat dan segala mu'jizat seperti memecahkan matair untuk minuman mereka dari batu yang pejal dengan sekali pukulan tongkat Musa, juga seperti memayung mereka dengan awan mega di padang sahara yang tandus dan menyediakan makanan yang mewah untuk mereka iaitu madu manna dan burung puyuh:

وَمَا ظَلَمُونَا وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿١٦٠﴾

"Mereka tidak menzalimi Kami, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri."(160)

Huraian ayat-ayat yang berikut akan membentangkan contoh-contoh kezaliman mereka terhadap diri mereka sendiri dengan melanggar perintah Allah dan menyeleweng dari jalan-Nya yang lurus, sedangkan penyelewengan dan pelanggaran perintah yang dilakukan mereka sama sekali tidak menzalimi (menjejaskan) kebesaran Allah S.W.T., kerana Allah terkaya dari mereka dan dari alam seluruhnya. Kebesaran kerajaan Allah sama sekali tidak terkurang atau terjejas walaupun seluruh mereka dan seluruh alam bersatu padu melanggar perintah-Nya. Begitu juga kebesaran kerajaan Allah tidak akan bertambah sedikit pun walaupun seluruh mereka dan seluruh alam bersatu menta'ati-Nya, malah pelanggaran perintah dan penyelewengan yang dilakukan mereka hanya menzalimi diri mereka sendiri dunia dan Akhirat.

(Pentafsiran ayat-ayat 161 - 162)

Kini marilah kita melihat bagaimana kaum Bani Israel menerima naungan dan perlindungan Allah dan bagaimana langkah-langkah mereka menyeleweng di sepanjang jalan:

وَإِذْ قِيلَ لَهُمُ ٱسْكُنُوا۟ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةَ وَكُلُوا۟ مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ وَقُولُوا۟ حِطَّةٌ وَٱدْخُلُوا۟ ٱلْبَابَ سُجَّدًا نَّغْفِرْ لَكُمْ خَطِيٓـَٰٔتِكُمْ ۚ سَنَزِيدُ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٦١﴾

"Dan (kenangilah) ketika dikatakan kepada mereka: Tinggallah sahaja di negeri ini dan makanlah dari hasil buminya di mana sahaja kamu suka. Dan berdo'alah: Gugurkanlah dosa-dosa dari kami dan masuklah pintu kota itu dengan (melakukan harakat) sujud nescaya Kami ampunkan kesalahan-kesalahan kamu dan Kami akan tambahkan pahala kepada para Muhsinin."(161)

Contoh-contoh Penyelewengan Bani Israel

Allah telah mengampunkan mereka selepas mereka menyembah patung anak lembu, juga mengampunkan mereka selepas mereka di timpa ledakan ledakan yang menggegarkan bukit itu. Allah telah mengurniakan segala ni'mat itu kepada mereka, tetapi mereka masih terus diselewengi tabi'at mereka yang berbelit-belit dari jalan yang lurus, mereka terus melanggar perintah Allah, dan menukarkan nas-nas perintah Allah. Lihatlah apabila mereka diperintah memasuki sebuah negeri yang tertentu - Al-Qur'an tidak menyebut namanya kerana ia tidak menambah suatu apa dari segi tujuan penceritaan kisah ini - dan mereka diberi sepenuh kebebasan meni'mati segala makanan yang baik-baik yang terdapat di negeri ini, tetapi dengan syarat mereka membaca do'a yang tertentu ketika memasuki negeri ini dan melakukan harakat sujud ketika melintasi pintu kotarayanya sebagai tanda patuh kepada perintah Allah dan merendahkan diri di sa'at mendapat kemenangan sama seperti yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w ketika memasuki kota Makkah pada Tahun Penaklukan Makkah, di mana beliau sujud di atas kenderaannya. Sebagai balasan mematuhi perintah Allah, mereka telah dijanjikan Allah untuk mengampunkan dosa-dosa mereka dan menambahkan lagi ni'mat kebaikan kepada para Muhsinin dari kalangan mereka, tiba-tiba segolongan dari mereka menukar ungkapan do'a yang telah diajarkan kepada mereka dan menukarkan harakat sujud yang diperintah supaya dilakukan mereka ketika melintasi pintu kota negeri itu... Mengapa? Kerana menyambut dorongan tabi'at mereka yang menyelewengkan hati mereka dari kejujuran:

فَبَدَّلَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مِنْهُمْ قَوْلًا غَيْرَ ٱلَّذِى قِيلَ لَهُمْ

"Kemudian orang-orang yang zalim dari kalangan mereka telah menukarkan perkataan itu dengan perkataan yang tidak diajarkan kepada mereka."(162)

Ketika inilah Allah menimpakan ke atas mereka 'azab dari langit yang pernah menurunkan kepada mereka ni'mat makanan madu manna dan daging burung salwa dan pernah melindungi mereka dari kepanasan matahari dengan payung awan yang teduh.

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِجْزًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ بِمَا كَانُوا۟ يَظْلِمُونَ ﴿١٦٢﴾

"Lalu Kami lepaskan ke atas mereka 'azab dari langit dengan sebab kezaliman yang telah dilakukan mereka."(162)

Demikianlah perbuatan mereka yang kufur dan zalim itu telah menzalimi diri mereka sendiri kerana ditimpa 'azab Allah.

Al-Qur'an tidak menjelaskan apakah jenis 'azab yang ditimpakan ke atas mereka pada kali ini kerana tujuan penceritaan kisah ini telah tercapai tanpa menjelaskan jenis 'azab itu. Yang menjadi pokok tujuan di sini ialah menerangkan akibat melanggar perintah Allah, menerangkan kebenaran amaran Allah dan kebenaran melakukan balasan yang adil yang tidak dapat dihindari oleh setiap orang yang melanggar perintah Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 163 - 167)

Sekali lagi kaum Bani Israel terjerumus ke dalam maksiat dan dosa, tetapi pada kali ini kesalahan mereka bukanlah kerana melanggar perintah Allah secara terang-terangan, bahkan kerana mereka memutar belitkan perintah Allah untuk melepaskan diri darinya. Mereka ditimpakan ujian Allah, tetapi mereka tidak sabar menhadapinya kerana kesabaran menghadapi ujian itu memerlukan tabi'at yang kukuh dan padu untuk mengatasi dorongan nafsu dan keinginan-keinginan yang tamak.

وَسْـَٔلْهُمْ عَنِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَتْ حَاضِرَةَ ٱلْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِى ٱلسَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ ۙ لَا تَأْتِيهِمْ ۚ كَذَٰلِكَ نَبْلُوهُم بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

وَإِذْ قَالَتْ أُمَّةٌ مِّنْهُمْ لِمَ تَعِظُونَ قَوْمًا ۙ ٱللَّهُ مُهْلِكُهُمْ أَوْ مُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا ۖ قَالُوا۟ مَعْذِرَةً إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٦٤﴾

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦٓ أَنجَيْنَا ٱلَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ ٱلسُّوٓءِ وَأَخَذْنَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ بِعَذَابٍۭ بَـِٔيسٍۭ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿١٦٥﴾

فَلَمَّا عَتَوْا۟ عَن مَّا نُهُوا۟ عَنْهُ قُلْنَا لَهُمْ كُونُوا۟ قِرَدَةً خَـٰسِـِٔينَ ﴿١٦٦﴾

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَـٰمَةِ مَن يَسُومُهُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ ۗ إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ ٱلْعِقَابِ ۖ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٧﴾

"(Wahai Muhammad!) Tanyalah mereka (Bani Israel) tentang penduduk negeri yang terletak berdekatan dengan laut, ketika mereka melanggar peraturan hari sabtu (yang melarang bekerja), pada hari yang dimuliakan mereka itu ikan-ikan tangkapan mereka datang kepada mereka dan menimbul di permukaan air, sedangkan pada hari bukan sabtu yang dimuliakan mereka ikan-ikan itu tidak kelihatan datang kepada mereka. Demikian Kami uji mereka dengan sebab penyelewengan-penyelewengan yang telah dilakukan mereka (163). Dan (kenangilah) ketika suatu kumpulan dari kalangan mereka berkata: Mengapa kamu memberi nasihat kepada golongan yang akan dibinasakan Allah atau akan di'azabkan Allah dengan 'azab yang amat berat? Mereka menjawab: Nasihat kami itu sebagai tanggungjawab kami kepada Tuhan kamu dan supaya mereka bertaqwa (164). Dan apabila mereka telah melupakan nasihat-nasihat yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan mereka yang melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat dan Kami hukumkan orang-orang yang zalim itu dengan 'azab yang amat berat dengan sebab penyelewengan yang telah dilakukan mereka (165). Kemudian apabila mereka berlagak angkuh terhadap perbuatan yang dilarang mereka melakukannya, Kami berkata kepada mereka: Jadilah kamu kera-kera yang hina (166). Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengumumkan bahawa sesungguhnya Dia akan membangkitkan kepada mereka sehingga hari Qiamat kaum-kaum yang akan menyeksakan mereka dengan 'azab yang seburuk-buruknya. Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(167)

Penerangan ayat-ayat ini mengubahkan cara penceritaan, iaitu dari cara menceritakan peristiwa zaman silam Bani Israel kepada cara mencabar keturunan Bani Israel yang menentang Rasulullah s.a.w. di Madinah. Penjelasan ayat-ayat ini hingga kepada ayat 171 " وَإِذْ نَتَقْنَا الْجَبَلَ فَوْقَهُمْ كَأَنَّهُ ظُلَّةٌ " adalah ayat-ayat Madaniyah yang diturunkan untuk menghadapi kaum Yahudi yang berada di sana, kemudian ayat-ayat ini dimuatkan dalam Surah Makkiyah di tempat ini untuk melengkapkan cerita Bani Israel dengan nabi mereka Musa a.s.

Di sini Allah S.W.T menyuruh Rasulullah s.a.w bertanya kepada kaum Yahudi tentang satu peristiwa yang diketahui umum di dalam sejarah datuk nenek mereka di zaman dahulu. Allah hadapi mereka dengan peristiwa sejarah ini dengan sifat mereka sebagai satu umat yang mempunyai generasi-generasi yang terus bersambungan, juga dengan tujuan mengingatkan mereka terhadap kesalahan-kesalahan mereka di zaman dahulu yang telah mengakibatkan sebahagian dari mereka diubahkan kejadiannya, dan seterusnya mengakibatkan seluruh mereka diterapkan dengan kehinaan dan kemurkaan Allah yang abadi kecuali mereka yang mengikut Rasulullah s.a.w. Hanya mereka sahaja yang akan dihapuskan dari mereka beban-beban kewajipan yang berat dan belenggu-belenggu yang mengikat mereka.

Al-Qur'an tidak menyebut nama negeri yang berhampiran dengan laut itu kerana ia memang diketahui oleh orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka. Peristiwa itu sendiri telah dilakukan oleh sekumpulan Bani Israel yang tinggal di sebuah bandar yang terletak di tepi pantai. Sebelum ini Bani Israel telah menuntut agar ditetapkan untuk mereka satu hari kelepasan umum yang dapat dijadikan mereka sebagai hari raya untuk mengerjakan ibadat, iaitu hari cuti umum dari segala urusan kerja mencari rezeki. Lalu Allah tetapkan hari Sabtu sebagai hari liburan mereka. Kemudian Allah hadapi mereka dengan satu ujian untuk menunjuk dan mengajar mereka bagaimana perlunya kekuatan kemahuan mereka diperkuat dan dipertingkatkan untuk melawan godaan-godaan nafsu dan keinginan-keinginan yang tamak. Latihan ini amat perlu kepada kaum Bani Israel yang mempunyai syakhsiah dan tabi'at yang lemah dan goyah dengan sebab kompleks rendah diri atau rasa hina yang dialami mereka sebegitu lama. Kemahuan mereka perlu dibebaskan selepas mereka ditindas, dihina dan diperhamba-kan Fir'aun supaya mereka dapat membiasakan diri dengan sikap yang tabah dan gigih apatah lagi sifat-sifat ini amat diperlukan oleh setiap mereka yang memikul tugas menyebarkan da'wah Allah dan dipilih untuk melaksanakan amanah menegakkan pemerintahan Allah di bumi.

Ujian terhadap kekuatan kemahuan untuk mengatasi godaan nafsu merupakan ujian pertama yang dihadapkan kepada Adam dan Hawa. Kedua-duanya gagal menghadapi ujian itu dan mengaku kalah kepada godaan syaitan yang mempesonakan mereka dengan angan-angan hidup abadi dan kekuasaan yang tak kunjung hilang. Kemudian ujian itu terus dijadikan ujian yang harus ditempuh oleh setiap kelompok sebelum mereka diserahkan amanah menegakkan pemerintahan Allah di bumi. Di sini yang berubah hanya bentuk ujian dan yang tetap tidak berubah ialah tujuan ujian.

Pada kali ini golongan Bani Israel yang diuji itu telah gagal untuk menghadapi ujian yang telah ditetapkan Allah ke atas mereka dengan-sebab penyelewengan-

penyelewengan yang berulang-ulang kali dilakukan mereka sebelum ini. Allah telah menjadikan ikan-ikan itu kelihatan timbul di permukaan air laut pada setiap hari Sabtu, ia kelihatan mudah dipancing dan ditangkap, tetapi mereka terlepas peluang untuk menangkap ikan-ikan itu kerana pantang larang hari Sabtu yang dihormati mereka. Tetapi apabila hari Sabtu itu berlalu dan masuk hari-hari bebas yang lain, mereka dapati ikan-ikan itu tidak lagi muncul berhampiran pantai sebagaimana yang didapati mereka pada hari Sabtu. Inilah perkara yang diperintahkan Allah kepada Rasulullah s.a.w supaya mengingatkan mereka dengan peristiwa ini di sepanjang mengingatkan penipuan yang telah dilakukan mereka dan akibat buruk yang telah menimpa mereka:

وَسْـَٔلْهُمْ عَنِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِى كَانَتْ حَاضِرَةَ ٱلْبَحْرِ إِذْ يَعْدُونَ فِى ٱلسَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ ۚ كَذَٰلِكَ نَبْلُوهُم بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

"(Wahai Muhammad!) Tanyalah mereka (Bani Israel) tentang penduduk negeri yang terletak berdekatan dengan laut, ketika mereka melanggar peraturan hari Sabtu (yang melarang bekerja), pada hari yang dimuliakan mereka itu ikan-ikan tangkapan mereka datang kepada mereka dan menimbul di permukaan air, sedangkan pada hari bukan Sabtu yang dimuliakan mereka ikan-ikan itu tidak kelihatan datang kepada mereka. Demikian Kami uji mereka dengan sebab penyelewengan-penyelewengan yang telah dilakukan mereka."(163)

Kehendak Masyi'ah Allah Mengatasi Undang-undang Alam

Bagaimana peristiwa ini berlaku? Bagaimana ikan-ikan itu mengaturkan tindakan-tindakan yang sedemikian terhadap mereka? Itulah peristiwa luar biasa yang berlaku dengan keizinan Allah apabila dikehendaki oleh-Nya. Mereka yang tidak mengetahui akan menolak konsep kehendak Allah jika proses penguatkuasaan-Nya tidak berlaku dengan peraturan yang mereka namakan sebagai "undang-undang alam", sedangkan hakikat yang sebenar mengikut kefahaman Islam dan mengikut realiti adalah tidak begitu. Allah S.W.T. telah menjadikan alam ini dan mengadakan undang-undang yang mengaturkan perjalanannya mengikut kehendak Allah yang bebas, tetapi kehendak masyi'ah Allah tidak tertakluk kepada undang-undang alam ini dengan ertikata ia tidak boleh beroperasi kecuali mengikut undang-undang alam, malah kehendak masyi'ah Allah tetap bebas walaupun selepas wujudnya undang-undang alam ini. Inilah hakikat yang dilupakan oleh orang-orang yang tidak mengetahui. Jika hikmat dan rahmat Allah terhadap sekalian makluk-Nya menghendaki agar proses undang-undang alam itu berjalan dengan peraturan yang tetap, maka ini tidak bermakna bahawa undang-undang alam itu harus mengikat kebebasan kehendak masyi'ah Allah dan meletakkannya di dalam skop undang-undang alam. Oleh sebab itu apabila hikmat Allah menghendaki melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang alam yang berjalan dengan peraturan yang tetap itu, maka apa yang dikehendaki kehendak masyi'ah Allah yang bebas itulah yang berlaku. Di samping itu penguatkuasaan undang-undang alam pada setiap kali operasinya adalah berlaku dengan perencanaan Allah yang khusus dengannya. Ia bukannya berlaku secara automatik tanpa campurtangan perencanaan Allah. Sebagai undang-undang yang tetap, ia terus beroperasi mengikut peraturan itu selama kehendak masyi'ah Allah tidak menghendaki melaksanakannya dengan peraturan yang lain. Ini berlandaskan konsep bahawa segala apa yang berlaku - sama ada dari penguatkuasaan undang-undang yang tetap atau dari penguatkuasaan yang lain darinya - adalah berlaku dengan perencanaan Allah yang khusus dengannya, maka kedua-dua peristiwa mu'jizat dan undang-undang alam yang tetap adalah sama sahaja dari segi bahawa operasi dan penguatkuasaan kedua-duanya adalah berlaku dengan perencanaan Allah belaka. Tidak ada penguatkuasaan secara automatik yang berlaku dalam peraturan alam walaupun sekali sebagaimana yang difikirkan oleh orang-orang yang tidak mengetahui, dan kini mereka mulai menginsafi hakikat ini pada suku abad yang akhir ini.

Pengawal Undang-undang Yang Sebenar

Walau bagaimanapun peristiwa luar biasa itu telah berlaku kepada penduduk sebuah negeri yang berdekatan dengan laut dari kaum Bani Israel, di mana segolongan dari mereka telah dirangsangkan oleh perasaan tamak haloba (apabila melihat ikan-ikan yang menimbul di permukaan laut di tepi pantai itu pada setiap hari Sabtu itu) keazaman mereka (untuk mematuhi pantang larang hati Sabtu) itu telah patah dan mereka terus lupakan perjanjian mereka dengan Allah, lalu mereka bertindak mengaturkan tipu helah - mengikut cara orang-orang Yahudi - untuk menangkap ikan pada hari Sabtu. Dan alangkah banyaknya cara-cara tipu helah yang dapat dilakukan apabila hati telah menyeleweng, apabila rasa taqwa berkurangan dan apabila urusan itu ditangani dengan nas semata-semata dan bertujuan untuk menghindarkan diri dari terikat dengan kehendak-kehendak nas yang zahir itu, kerana undang-undang itu tidak dapat dikawal oleh nasnya semata-mata dan tidak dapat dipertahankan oleh penjaga-penjaga sahaja, malah pengawal undang-undang yang sebenar ialah hati yang bertaqwa, di mana perasaan taqwa dan takut kepada Allah tersemat di lubuk hati dan hati inilah yang sanggup mengawal dan mempertahankan undang-undang. Tidak ada undang-undang yang dapat dijaga dari diseleweng oleh manusia, tidak ada undang-undang yang hanya dapat dikawal oleh kekuatan kebendaan

dan pengawasan yang lahir sahaja. Kerajaan tidak akan berupaya - walau bagaimana kejam pemerintahannya - untuk mengadakan bagi setiap rakyat seorang pengawal yang sentiasa menjaganya untuk melaksanakan undang-undang dan mengawalnya selama perasaan takut kepada Allah tidak tersemat di dalam hati mereka dan selama mereka tidak bermuraqabah dengan Allah dalam keadaan yang sulit dan dalam keadaan yang terang.

Oleh sebab itulah gagalnya undang-undang dan peraturan yang tidak berlandaskan kawalan hati yang bertaqwa, dan gagalnya teori-teori dan aliran-aliran pemikiran ciptaan manusia yang tidak diizinkan Allah, dan dengan sebab yang sama lemahnya alat-alat ciptaan manusia untuk mengawal dan melaksanakan undang-undang dan seterusnya lemahnya langkah-langkah pengintipan dan pemerhatian manusia yang mengikuti urusan-urusan perjalanan undang-undang dari atas permukaannya yang lahir sahaja.

Demikianlah segolongan penduduk negeri yang terletak di tepi laut itu melakukan tipu helah untuk menangkap ikan pada hari Sabtu yang diharamkan kepada mereka. Menurut cerita, mereka mengadakan sekatan-sekatan untuk mengepung ikan yang menimbul pada hari Sabtu dan apabila tiba hari Ahad mereka menangkap ikan-ikan yang terkepung itu. Mereka berkata mereka tidak menangkap ikan-ikan itu pada hari Sabtu, kerana pada hari itu ikan-ikan masih berada di dalam air di belakang sekatan-sekatan itu dan belum lagi ditangkap.

Sementara sekumpulan yang lain melihat perbuatan itu sebagai tipu helah terhadap Allah lalu mereka memberi amaran kepada kumpulan yang melanggar larangan itu supaya mengingati akibat buruk dari penipuan mereka dan seterusnya mengecam tipu helah yang dilakukan mereka.

Di samping itu ada satu kumpulan ketiga yang berkata kepada golongan yang memberi nasihat kepada kumpulan yang pertama agar membuat perkara yang ma'ruf dan menjauhi perkara yang mungkar: Apakah gunanya kamu memberi nasihat kepada orang-orang yang melanggar perintah Allah itu kerana mereka tidak akan berpatah balik dari perbuatan-perbuatan jahat yang dilakukan mereka? Dan kerana mereka tetap akan di timpakan kebinasaan dan 'azab dari Allah?

وَإِذْ قَالَتْ أُمَّةٌ مِّنْهُمْ لِمَ تَعِظُونَ قَوْمًا ٱللَّهُ مُهْلِكُهُمْ أَوْ مُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا

"Dan (kenangilah) ketika suatu kumpulan dari kalangan mereka berkata (kepada kumpulan penasihat), mengapa kamu memberi nasihat kepada golongan yang akan dibinasakan Allah atau akan di'azabkan Allah dengan 'azab yang amat berat?"(164)

Maksudnya, tidak ada faedahnya memberi nasihat dan amaran kepada mereka setelah Allah memutuskan untuk menimpakan kebinasaan dan 'azab yang berat ke atas mereka dengan sebab mereka melanggar perintah Allah.

قَالُوا۟ مَعْذِرَةً إِلَىٰ رَبِّكُمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٦٤﴾

"Mereka menjawab: Nasihat kami ini sebagai tanggungjawab kami kepada Tuhan kamu dan supaya mereka bertaqwa."(164)

Maksudnya, nasihat kami itu merupakan suatu kewajipan kami kepada Allah, iaitu kewajipan menyeru manusia kepada kerja-kerja yang baik dan melarang mereka dari kerja-kerja yang mungkar, juga kewajipan memperingatkan manusia dari melanggar perintah-perintah Allah dengan tujuan untuk menyampaikan tanggungjawab kami kepada Allah agar Dia mengetahui bahawa kami telah menunaikan tanggungjawab kami, juga dengan tujuan agar nasihat itu dapat mempengaruhi hati-hati yang degil dan dapat merangsangkan perasaan taqwa mereka.

Demikianlah penduduk negeri yang berhampiran dengan laut itu berpecah kepada tiga golongan atau tiga umat. Pengertian kata-kata "umat" dalam istilah Islam ialah kumpulan manusia yang menganut 'aqidah yang sama, mempunyai kefahaman agama yang sama dan tunduk kepada kepimpinan yang sama. Pengertian ini berlainan dari ma'ruf "umat" di dalam tanggapan jahiliyah purba atau jahiliyah moden kerana mengikut tanggapan jahiliyah istilah "umat" ialah kumpulan manusia yang tinggal di satu kawasan bumi dan diperintah oleh satu kerajaan. Pengertian ini tidak dikenali dalam Islam, malah ia hanya dikenali sebagai salah satu dari istilah-istilah jahiliyah purba atau moden.[15]

Penduduk negeri itu telah berpecah kepada tiga golongan iaitu golongan penderhaka yang melakukan tipu helah, golongan yang menentang golongan penderhaka yang bertindak positif terhadap golongan penderhaka dengan membantah, mengecam, memberi tunjuk ajar dan nasihat yang baik dan golongan yang membiarkan golongan penderhaka

---

[15] *Di dalam Al-Qur'an kata-kata "umat" kadang-kadang dipakai dengan makna sekumpulan orang ramai secara umum seperti dalam firman Allah dalam Surah Al-Qasas, ayat 23 (* ولما ورد ماء مدين وجد عليه أمة من الناس يسقون *) yang bermaksud:* ***"Apabila ia (Musa) sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati sekumpulan orang ramai sedang memberi minum kepada binatang-binatang ternakan mereka"*** *dan kadang-kadang dipakai dengan makna kepimpinan atau imamah seperti dalam firman Allah dalam Surah an-Nahl, ayat 120 (* إن إبراهيم كان أمة قانتا لله حنيفا *) yang bermaksud* ***"Sesungguhnya Ibrahim adalah satu kepimpinan yang amat taat dan berpegang teguh dengan tauhid".*** *Di sini kata-kata 'umat' mengandungi makna bahawa Ibrahim walaupun ia seorang diri, namun ia merupakan satu kumpulan yang ramai. Pemakaian-pemakaian ini tidak menjejaskan pengertian 'umat' dalam istilah Islam iaitu sekumpulan orang ramai yang menganut 'aqidah dan kefahaman yang sama.*

dan kemungkaran yang dilakukan mereka. Golongan ini mengambil sikap negatif terhadap golongan penderhaka dan tidak melakukan apa-apa tindakan positif untuk membendungkan kemungkaran itu. Itulah beberapa cara berfikir dan bertindak yang menjadikan tiga golongan itu sebagai tiga umat yang berlainan.

Apabila nasihat tidak lagi berguna dan pengajaran tidak memberi apa faedah dan yang lalai terus terbenam di dalam kesesatan, maka berlakulah keputusan Allah dan terlaksanalah segala amaran-Nya, di mana golongan yang melarang dan menentang perbuatan yang jahat terselamat dari di timpa 'azab akibat yang buruk dan golongan penderhaka di timpa 'azab yang berat yang akan diterangkan nanti. Tetapi Al-Qur'an tidak menerangkan nasib yang menimpa golongan atau umat yang ketiga. Ini mungkin untuk memperkecilkan kedudukan mereka walaupun mereka tidak dikenakan 'azab, kerana mereka tidak bertindak secara positif membantah kemungkaran itu, malah cukup dengan membantah secara negatif sahaja. Oleh sebab itu mereka wajar diabaikan sahaja walaupun tidak dikenakan 'azab:

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦٓ أَنجَيْنَا ٱلَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ ٱلسُّوٓءِ وَأَخَذْنَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ بِعَذَابٍۭ بَـِٔيسٍۭ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿١٦٥﴾

"Dan apabila mereka telah melupakan nasihat-nasihat yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan mereka yang melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat dan Kami hukumkan orang-orang yang zalim itu dengan 'azab yang amat berat dengan sebab penyelewengan yang telah dilakukan mereka."(165)

فَلَمَّا عَتَوْا۟ عَن مَّا نُهُوا۟ عَنْهُ قُلْنَا لَهُمْ كُونُوا۟ قِرَدَةً خَـٰسِـِٔينَ ﴿١٦٦﴾

"Kemudian apabila mereka berlagak angkuh terhadap perbuatan yang dilarang mereka melakukannya, Kami berkata kepada mereka: Jadilah kamu kera-kera yang hina."(166)

Golongan Penderhaka Bani Israel Ditimpa 'Azab Menjadi Kera

'Azab yang berat yang menimpa golongan penderhaka sebagai balasan yang setimpal terhadap kedegilan mereka melanggar perintah Allah yang disifatkan oleh ayat ini sebagai perbuatan kufur yang kadang-kadang diungkapkan dengan perbuatan yang zalim (الظلم) dan kadang-kadang diungkapkan dengan perbuatan yang menyeleweng (الفسق) sebagaimana biasa didapati dalam Al-Qur'an apabila ia mengungkapkan perbuatan yang kufur dan syirik dengan kata-kata zalim (الظلم) dan menyeleweng (الفسق), iaitu satu pengungkapan yang berbeza dari pengertian istilah fiqhiyah di zaman kebelakangan mengenai kata-kata ini, kerana pengertian Al-Qur'an mengenai kata-kata ini tidak sama dengan pengertian yang lumrah dipakai dalam istilah fiqhiyah di zaman kebelakangan ini. Yang dimaksudkan dengan 'azab yang berat itu ialah 'azab perubahan kejadian dari bentuk rupa manusia kepada bentuk rupa kera. Mereka telah menolak sifat keinsanan mereka apabila mereka menolak ciri keinsanan mereka yang paling istimewa, iaitu ciri daya iradat atau kemahuannya yang mengawal keinginan nafsunya. Mereka kembali ke alam haiwan apabila mereka melucutkan diri dari ciri-ciri kemanusiaan lalu mereka diperintahkan Allah supaya mereka menjadi makhluk yang hina dan kembali ke alam haiwan yang mereka sukai.

Bagaimana mereka menjadi kera? Dan apakah yang telah berlaku kepada mereka selepas menjadi kera? Apakah mereka telah pupus sebagaimana pupusnya setiap makhluk yang keluar dari jenisnya? Apakah mereka beranak pinak selepas mereka menjadi kera? Dan lain-lain pertanyaan yang dibangkitkan oleh riwayat-riwayat pentafsiran. Semua pertanyaan-pertanyaan itu tidak diterangkan di dalam Al-Qur'anul-Karim. Begitu juga tidak ada sesuatu hadith dari Rasulullah s.a.w yang menjelaskan perkara-perkara ini. Oleh sebab itu kita tidak perlu mengharungi persoalan-persoalan yang seperti itu.

Jika kata-kata "Kun" merupakan perintah Allah yang mewujudkan sesuatu makhluk yang belum wujud, maka kata-kata itulah juga merupakan perintah Allah yang mengubahkan sesuatu makhluk yang telah wujud kepada makhluk yang lain.

قُلْنَا لَهُمْ كُونُوا۟ قِرَدَةً خَـٰسِـِٔينَ ﴿١٦٦﴾

"Kami berkata kepada mereka: jadilah kamu kera-kera yang hina"(166)

dan lantas mereka pun menjadi kera-kera yang hina. Itulah perintah yang tidak dapat ditolak dan tiada suatu yang dapat melemahkannya apabila dilafazkan oleh Allah S.W.T.

Seluruh Bani Israel Dikenakan Laknat Allah

Kemudian seluruh Bani Israel telah di timpa laknat Allah yang abadi kecuali mereka yang beriman kepada Nabi Muhammad yang ummi dan mengikuti ajarannya. Laknat itu ditimpakan ke atas mereka dengan sebab-sebab perbuatan-perbuatan maksiat yang tidak putus-putus dilakukan mereka. Iradat Allah telah menghukumkan mereka dengan hukuman yang tidak dapat ditolak dan disoal:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَـٰمَةِ مَن يَسُومُهُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ ۗ إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ ٱلْعِقَابِ ۖ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٧﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengumumkan bahawa sesungguhnya Dia akan membangkitkan kepada mereka sehingga hari Qiamat kaum-kaum yang akan menyaksikan mereka dengan 'azab yang seburuk-buruknya.

Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(167)

Itulah keizinan Allah yang abadi yang telah berkuat kuasa sejak ia dikeluarkan. Oleh sebab itu Allah telah menghantarkan kepada kaum Yahudi dari satu masa ke satu masa kaum-kaum yang menimpakan 'azab ke atas mereka dan keizinan ini akan terus berkuat kuasa, di mana Allah akan menghantarkan dari satu masa ke satu masa kaum yang akan menyeksa dan meng'azabkan mereka. Setiap kali mereka bangun dan bertindak angkuh dan sewenang-wenang, mereka diserang dan dihentam oleh kaum-kaum yang dihantarkan Allah untuk menumpaskan kaum yang zalim dan kejam itu, kaum yang sentiasa mengingkari janji dari melanggar perintah Allah, kaum yang keluar dari kawah maksiat untuk memasuki kawah maksiat yang lain, kaum yang pulang dari suatu penyelewengan untuk memasuki ke dalam penyelewengan yang lain.

Kadang-kadang ternampak bahawa laknat abadi ke atas kaum Yahudi itu telah terhenti dan mereka kini menjadi kuat dan angkuh kembali. Ini hanya suatu tempoh sementara sahaja dari tempoh-tempoh sejarah, dan tiada siapa yang mengetahui melainkan Allah kaum yang manakah akan menghentam mereka dalam pusingan yang seterusnya dan pusingan-pusingan akan datang hingga sampai kepada hari Qiamat.

Allah telah mengumumkan bahawa Laknat yang abadi ini akan berlaku kepada mereka sehingga datangnya hari Qiamat sebagaimana diceritakan Allah di dalam Al-Qur'an kepada nabi-Nya. Kemudian perkara ini diulaskan dengan menjelaskan sifat Allah S.W.T. dalam konteks 'azab dan rahmat-Nya:

إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٧﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu amat pantas balasan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(167)

Dengan kepantasan balasan-Nya, Allah menimpakan 'azab ke atas mereka yang telah diputuskan-Nya wajar menerima balasan 'azab itu sebagaimana Dia telah menimpakan 'azab ke atas penduduk negeri yang terletak di tepi pantai itu. Begitu juga dengan sifat-Nya Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih, Allah menerima taubat mereka yang bertaubat dari kaum Bani Israel yang mengikut Nabi Muhammad yang tercatat namanya di dalam kitab Taurat dan Injil. 'azab yang ditimpakan Allah ke atas Bani Israel itu bukanlah kerana membalas dendam, malah ia merupakan suatu balasan yang adil terhadap mereka yang benar-benar wajar menerimanya, sedangkan di sebalik balasan itu disediakan pula keampunan dan rahmat.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 168 - 170)

وَقَطَّعْنَٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أُمَمًا ۖ مِّنْهُمُ ٱلصَّٰلِحُونَ وَمِنْهُمْ دُونَ ذَٰلِكَ ۖ وَبَلَوْنَٰهُم بِٱلْحَسَنَٰتِ وَٱلسَّيِّـَٔاتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٦٨﴾ فَخَلَفَ مِنۢ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ وَرِثُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ يَأْخُذُونَ عَرَضَ هَٰذَا ٱلْأَدْنَىٰ وَيَقُولُونَ سَيُغْفَرُ لَنَا وَإِن يَأْتِهِمْ عَرَضٌ مِّثْلُهُۥ يَأْخُذُوهُ ۚ أَلَمْ يُؤْخَذْ عَلَيْهِم مِّيثَٰقُ ٱلْكِتَٰبِ أَن لَّا يَقُولُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْحَقَّ وَدَرَسُوا۟ مَا فِيهِ ۗ وَٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦٩﴾ وَٱلَّذِينَ يُمَسِّكُونَ بِٱلْكِتَٰبِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُصْلِحِينَ ﴿١٧٠﴾

"Dan Kami telah membahagikan mereka di dunia ini kepada berbagai-bagai golongan. Di antara mereka ada golongan yang soleh dan ada golongan yang rendah dari mereka, dan Kami ujikan mereka dengan ni'mat-ni'mat yang baik dan dengan kesusahan-kesusahan supaya mereka kembali ke pangkal jalan (168). Kemudian selepas mereka, datang pula generasi (yang menyeleweng) yang mewarisi kitab Taurat. Mereka mengambil harta benda dunia yang rendah ini dan berkata: '(Tidak mengapa kali ini) kami akan dikurniakan keampunan sedangkan apabila datang kepada mereka harta benda dunia yang banyak itu pula nescaya mereka akan mengambilnya juga. Bukankah mereka telah diikatkan dengan perjanjian Taurat bahawa mereka tidak akan mengatakan sesuatu terhadap Allah kecuali yang benar? Dan bukankah mereka telah mempelajari segala apa yang terkandung di dalam kitab itu? Dan bukankah negeri Akhirat lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Apakah kamu tidak berfikir? (169) Dan orang-orang yang berpegang teguh dengan kitab Taurat dan mendirikan solat (akan mendapat ganjaran) kerana sesungguhnya Kami tidak mempersia-siakan ganjaran orang-orang yang melakukan amalan islah."(170)

Inilah baki ayat-ayat Madaniyah yang dimuatkan dalam rangkaian ayat-ayat surah ini untuk menyambung kisah Bani Israel selepas kewafatan Musa a.s, di mana kaum Yahudi telah berpecah dan berselerak di merata negeri membentuk berbagai-bagai golongan dan kelompok yang berpegang dengan bermacam-macam mazhab dan kefahaman, berbagai aliran dan jalan, di antara mereka ada golongan yang soleh dan ada pula golongan yang lebih rendah dari mereka. 'Inayah Allah bertubi-tubi

mengenakan mereka dengan berbagai-bagai ujian, kadang-kadang mereka diuji dengan ni'mat kesenangan dan kadang-kadang pula diuji dengan bencana dan malapetaka supaya mereka pulang ke pangkal jalan menuju kepada Allah dan supaya mereka kembali siuman dan berjalan di atas jalan yang lurus:

وَبَلَوْنَٰهُم بِٱلْحَسَنَٰتِ وَٱلسَّيِّـَٔاتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٦٨﴾

"Dan Kami ujikan mereka dengan ni'mat-ni'mat yang baik dan dengan kesusahan-kesusahan supaya mereka kembali ke pangkal jalan."(168)

Ujian yang berturut-turut itu merupakan suatu rahmat dari Allah terhadap para hamba-Nya, ia merupakan peringatan yang berkekalan kepada mereka dan seterusnya Dia memelihara mereka dari kelupaan yang membawa kepada akibat terpedaya dan binasa.

فَخَلَفَ مِنۢ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ وَرِثُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ يَأْخُذُونَ عَرَضَ هَٰذَا ٱلْأَدْنَىٰ وَيَقُولُونَ سَيُغْفَرُ لَنَا وَإِن يَأْتِهِمْ عَرَضٌ مِّثْلُهُۥ يَأْخُذُوهُ ۚ

"Kemudian selepas mereka, datang pula generasi (yang menyeleweng) yang mewarisi kitab Taurat. Mereka mengambil harta benda dunia yang rendah ini dan berkata: '(Tidak mengapa kali ini) kami akan dikurniakan keampunan sedangkan apabila datang kepada mereka harta benda dunia yang banyak itu pula nescaya mereka akan mengambilnya juga."(169)

Keadaan generasi muda yang lahir selepas generasi tua dari kaum Musa ini ialah mereka mewarisi kitab suci dari Allah dan mempelajarinya, tetapi mereka tidak menyesuaikan diri mereka dengan ajaran-ajarannya. Hati dan perilaku mereka tidak terpengaruh kepada kitab suci itu. Hal ini sama sahaja dengan agama apabila ia berubah menjadi budaya dan ilmu pengetahuan yang dipelajari dan dihafal sahaja. Apabila mereka melihat harta kekayaan hidup dunia, mereka berkejar-kejaran untuk merebutkannya, kemudian mereka membuat ta'wilan untuk menjustifikasikan perbuatan mereka sambil berkata: "Tak apa, Allah akan mengampunkan kita". Demikianlah sikap mereka di setiap kali mereka mendapat harta kekayaan hidup dunia yang baru sekali lagi pula mereka berkejar-kejaran untuk merebutnya.

Kepada mereka dihadapkan pertanyaan yang mengandungi kecaman:

أَلَمْ يُؤْخَذْ عَلَيْهِم مِّيثَٰقُ ٱلْكِتَٰبِ أَن لَّا يَقُولُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْحَقَّ وَدَرَسُوا۟ مَا فِيهِ ۗ

"Bukankah mereka telah diikatkan dengan perjanjian Taurat bahawa mereka tidak akan mengatakan sesuatu terhadap Allah kecuali yang benar? Dan bukankah mereka telah mempelajari segala apa yang terkandung di dalam kitab itu?"(169)

Maksudnya, tidakkah mereka telah diikatkan dengan perjanjian Allah di dalam kitab Taurat bahawa mereka tidak akan mentakwilkan ayat-ayat Taurat atau mempermain-mainkan nas-nasnya dan tidak akan menceritakan sesuatu dari Allah melainkan yang benar. Mengapa mereka sanggup berkata: "Tidak mengapa, Allah akan mengampunkan kita?" Mengapa mereka berkejar-kejaran untuk merebut harta benda dunia? Mengapa mereka mengada-adakan alasan dusta untuk menjustifikasikan perbuatan mereka dengan mengatakan sesuatu yang bukan-bukan terhadap Allah dan menjamin bahawa Allah akan mengampunkan perbuatan mereka, sedangkan mereka benar-benar tahu bahawa Allah hanya memberi keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dengan taubat yang sebenar dan memberhentikan segala perbuatan melanggar perintah Allah. Tindak-tanduk mereka berlainan sama sekali. Mereka akan kembali melanggar perintah Allah setiap kali mereka melihat harta benda atau keni'matan-keni'matan hidup dunia, sedangkan mereka mempelajari kitab Taurat dan mengetahui segala isi kandungannya.

Sebenarnya pengajian kitab suci itu tidak berfaedah jika ia tidak berpijak di hati. Berapa banyak orang-orang yang mempelajari agama sedangkan hati mereka jauh darinya. Mereka mempelajarinya dengan tujuan mendapatkan ta'wilan-ta'wilan dan mempermainkan nasnya, mengubahkan nas-nas dari tempatnya yang sebenar dan mencari jalan-jalan keluar untuk mengeluarkan fatwa yang ada udang di sebalik batu, yang membolehkan mereka mendapat kepentingan-kepentingan hidup dunia. Tidakkah penyakit agama itu berpunca dari orang-orang yang mempelajarinya sebagai suatu kajian ilmiyah semata-mata tanpa menjadikannya suatu 'aqidah atau pegangan hidup mereka, tanpa bertaqwa dan takut kepada Allah?

Nilai Akhirat Dalam Hati Orang-orang Yang Bertaqwa

وَٱلدَّارُ ٱلْـَٔاخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٦٩﴾

"Sedangkan negeri Akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang, bertaqwa. Apakah kamu tidak berfikir?"(169)

Ya, itulah nilai negeri Akhirat dan nilainya di dalam hati orang-orang yang bertaqwa merupakan satu-satunya nilai yang amat penting, satu-satunya nilai yang dapat memelihara hatinya dari terpesona kepada kesenangan dan harta benda yang dekat di dunia ini. Hanya dengan mengingati nilai negeri Akhirat, hati dan kehidupan manusia menjadi baik. Hanya dengan mengingati hari Akhirat, jiwa dan kehidupan manusia akan berjalan di atas jalan yang lurus. Jika tidak apakah kekuatan yang dapat mengubahkan

keinginan hati manusia yang haloba untuk mencapai setiap keni'matan dunia yang ternampak kepadanya? Apakah kekuatan yang dapat menahan hati manusia dari bersikap tamak dan berlaku zalim? Apakah kekuatan yang dapat menenangkan gelora nafsu keinginan dan kegilaan perasaan tamak manusia? Apakah kekuatan yang dapat mententeramkan hati manusia dalam perjuangan hidup untuk mendapatkan sesuatu habuan yang tidak akan turut hilang dengan sebab hilangnya kehidupan dunia? Apakah kekuatan yang dapat menegakkan seorang dalam perjuangan di antara yang benar dan yang batil, di antara kebaikan dan kejahatan, sedangkan ni'mat kesenangan hidup dunia melarikan diri jauh darinya dan kejahatan berlagak angkuh dan kebatilan bermaharajalela?

Tiada kekuatan yang dapat menegakkan seseorang dalam menghadapi pancaroba-pancaroba hidup, menghadapi gelombang peristiwa-peristiwa dan perubahan-perubahan suasana dalam lautan hidup yang bergelora dan menghadapi perjuangan yang besar kecuali keyakinan dan keimanan yang kukuh kepada hari Akhirat, kerana kehidupan Akhirat merupakan kehidupan yang lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa, orang-orang yang bersikap pemaaf, orang-orang yang menjauhkan dirinya dari perbuatan-perbuatan yang keji, orang-orang yang teguh dalam perjuangan mempertahankan kebenaran dan kebaikan dan orang-orang yang sabar dan gigih menghadapi pancaroba-pancaroba zaman, ribut taufan, fitnah dan huru-hara, orang-orang yang mara terus dalam perjuangan mereka tanpa berpaling ke kanan dan ke kiri, berjuang dengan hati yang tenang dan penuh keyakinan.

Negeri Akhirat merupakan salah satu dari kepercayaan-kepercayaan terhadap alam ghaib yang mahu dihapuskan oleh pejuang-pejuang sosialisme ilmiyah dari hati kita, dari agama kita dan dari hidup kita, dan menggantikannya dengan suatu kefahaman yang kafir, jahil dan buta yang mereka namakannya sebagai "pemikiran ilmiyah" .

Percubaan yang begitu serius untuk menghapuskan kepercayaan terhadap alam Akhirat menyebabkan kehidupan dan hati manusia dilanda kerosakan, menyebabkan tercetusnya keinginan-keinginan liar yang tidak dapat dibendung melainkan dengan kepercayaan yang kukuh kepada hari Akhirat, iaitu tersebarnya budaya cuai, budaya tidak peduli dan budaya khianat di dalam segala bidang.

Pemikiran ilmiyah yang bertentangan dengan kepercayaan kepada alam ghaib merupakan suatu kejahilan dari kejahilan-kejahilan abad-abad yang kelapan belas dan abad yang kesembilan betas, iaitu suatu pemikiran yang jahil yang dibetulkan kemudian oleh ilmu manusia sendiri. Dan kini pemikiran yang jahil itu tidak lagi disebut-sebut di abad dua puluh ini kecuali oleh orang-orang jahil yang berfikir dengan kejahilan yang bercanggah dengan fitrah manusia. Oleh sebab itulah kehidupan manusia dilanda kerosakan yang mengancam umat manusia dengan kehancuran, tetapi itulah matlamat perancangan jahat gerakan Zionis yang mahu menghapuskan dari umat manusia kepercayaan kepada alam Akhirat yang menjadi asas kebaikan hidup mereka agar umat manusia pada akhirnya dapat di tunduk dengan mudah kepada kuasa dan pengaruh Zionis. (Aliran pemikiran jahil yang menolak hari Akhirat itu) hanya disuarakan di sana sini oleh burung-burung kakak tua, sementara pertubuhan-pertubuhan yang di wujud dan diselenggarakan oleh pergerakan Zionis di merata pelosok dunia terus bergerak-gerak melaksanakan rancangan-rancangannya yang jahat itu di sana sini.

Oleh sebab persoalan Akhirat dan persoalan taqwa merupakan dua isu asasi di dalam 'aqidah dan di dalam kehidupan, maka ayat yang berikut merujukkan orang-orang yang berkejaran untuk merebut keni'matan dunia itu kepada akal mereka:

وَٱلدَّارُ ٱلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَۚ أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ١٦٩

"Sedangkan negeri Akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Apakah kamu tidak berfikir?"(169)

Jika akal yang membuat keputusan bukannya hawa nafsu, jika ilmu pengetahuan yang sebenar dan bukannya kejahilan yang memakai nama ilmu yang membuat keputusan, tentulah negeri Akhirat itu lebih baik dari keni'matan dunia dan tentulah taqwa dijadikan bekalan untuk Akhirat dan dunia kedua-dua sekali:

وَٱلَّذِينَ يُمَسِّكُونَ بِٱلۡكِتَٰبِ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجۡرَ ٱلۡمُصۡلِحِينَ ١٧٠

"Dan orang-orang yang berpegang teguh dengan kitab Taurat dan mendirikan solat (akan mendapat ganjaran) kerana sesungguhnya Kami tidak mempersia-siakan ganjaran orang-orang yang melakukan amalan islah."(170)

Ayat ini menyindir orang-orang yang terikat dengan perjanjian Taurat dan mempelajari segala isi kandungannya kemudian mereka tidak berpegang dengan ajaran kitab suci yang telah dipelajarinya itu dan tidak mempraktikkannya dan seterusnya tidak menjadikan kitab itu sebagai hakim yang menentukan pemikiran, kefahaman dan gerak-geri mereka, menentukan perilaku dan kehidupan mereka, tetapi di sebalik sindiran ini ayat tersebut kekal dengan pengertiannya yang umum dan sempurna yang ditujukan sepenuhnya kepada setiap generasi manusia dan kepada setiap situasi.

Kata-kata "يمسكون" (berpegang teguh) menggambar-kan pengertian yang hampir-hampir dapat dirasa dan dilihat, iaitu gambaran memegang kitab dengan kuat, serius dan tegas, satu gambaran

yang disukai Allah agar kitab suci-Nya dan segala isi kandungannya dipegang sebegitu rupa, tetapi tanpa keterlaluan, tanpa menyempit-nyempit dan menyulitnyulitkan. Sifat pegangan yang serius, kuat dan tegas tidak sama dengan sifat pegangan yang keterlaluan, pegangan yang menyempit-nyempit dan menyulit-nyulitkan, kerana pegangan yang serius, kuat dan tegas tidak bertentangan dengan dasar kemudahan tetapi ia bertentangan dengan sikap yang goyah dan tidak tetap. Ia tidak bertentangan dengan dasar pandangan yang luas tetapi ia bertentangan dengan sikap sewenang-wenang dan tidak peduli. Ia juga tidak bertentangan dengan sikap melayani realiti tetapi ia bertentangan dengan sikap yang mahu menjadikan "realiti" sebagai hakim dalam melaksanakan syari'at Allah, malah realiti wajib ditundukkan kepada kehendak syari'at Allah.

Berpegang kuat, serius dan tegas dengan kitab Allah dan menegakkan solat iaitu – syi'ar-syi'ar ibadat merupakan dua bahagian dari sistem hidup Rabbani untuk kebaikan hidup manusia. Konsep berpegang teguh dengan kitab Allah dalam ayat ini yang digandingkan dengan syi'ar-syi'ar ibadat menyarankan satu pengertian yang khusus. Ia menyarankan agar kitab Allah dijadikan hakim di dalam kehidupan manusia demi mengislahkan kehidupan itu serta menegakkan syi'ar-syi'ar ibadat untuk mengislahkan hati manusia. Itulah dua aspek sistem hidup Rabbani yang boleh memberi kebaikan kepada kehidupan dan hati manusia. Kebaikan tidak akan tercapai tanpa sistem ini. Perkataan "إصلاح" di dalam ayat yang berikut:

إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ ٱلْمُصْلِحِينَ ﴿١٧٠﴾

"Kami tidak mempersia-siakan ganjaran orang-orang yang melakukan amalan islah"(170)

menudingkan kepada hakikat ini, iaitu amalan berpegang teguh dengan kitab Allah dan menegakkan syi'ar-syi'ar ibadat, kedua-duanya merupakan alat untuk mengislahkan manusia yang dijanjikan Allah bahawa Dia tidak akan melupakan ganjarannya kepada orang-orang yang melakukan amalan islah.

Seluruh kehidupan manusia tidak akan dilanda kerosakan dan keruntuhan melainkan apabila kedua-dua aspek sistem hidup Rabbani ini diabaikan mereka, iaitu mereka tidak berpegang teguh dengan kitab Allah dan tidak menjadikannya sebagai hakim di dalam kehidupan manusia dan mereka tidak mengerjakan amal ibadat yang mengislahkan hati manusia. Syari'at Allah wajib dilaksanakan dengan tepat tanpa menakwil dan mempermain-mainkan nas-nasnya seperti yang dilakukan oleh Ahlil-Kitab, dan seperti yang dilakukan oleh setiap umat yang menerima kitab Allah apabila hati mereka lemah mengerjakan ibadat yang mengakibatkan taqwa mereka kepada Allah turut menjadi lemah.

Sistem hidup Rabbani merupakan suatu sistem hidup yang sepadu yang menegakkan hukum di atas landasan kitab Allah dan membetulkan hati di atas landasan ibadat. Dengan cara ini hati bersepadu dengan kitab Allah dan menghasilkan hati mereka menjadi baik dan kehidupan mereka juga menjadi baik.

Itulah sistem hidup yang diciptakan Allah, yang tidak boleh ditukarkan dengan mana-mana sistem hidup yang lain, dan tiada yang sanggup menukar ganti akannya kecuali mereka yang telah diputuskan Allah akan di timpa kecelakaan dan menerima 'azab keseksaan-Nya.

(Pentafsiran ayat 171)

Pada akhir babak-babak kisah Musa a.s. di dalam surah ini diceritakan pula bagaimana Allah mengikat perjanjian dengan Bani Israel:

وَإِذْ نَتَقْنَا ٱلْجَبَلَ فَوْقَهُمْ كَأَنَّهُۥ ظُلَّةٌ وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُۥ وَاقِعٌۢ بِهِمْ خُذُوا۟ مَآ ءَاتَيْنَٰكُم بِقُوَّةٍ وَٱذْكُرُوا۟ مَا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٧١﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami mengangkat Bukit (Tursina) ke atas mereka (Bani Israel) seolah-olah kelihatan seperti payungan awan dan mereka yakin bukit itu akan jatuh menimpa mereka lalu Kami berfirman: Ambillah dan peganglah kitab Taurat yang Kami kurniakan kepada kamu dengan sekuat-kuatnya dan ingatlah segala isi kandungannya supaya kamu bertaqwa."(171)

Itulah upacara pemeteraian perjanjian yang tidak dilupai kerana ia disempurnakan dalam satu suasana yang tidak mungkin dilupai. Perjanjian itu dimeteraikan ketika Allah mengangkat Bukit Tursina ke atas kepala mereka dan ia kelihatan seakan-akan payung yang mengembang ke atas mereka. Di waktu itu mereka yakin bukit itu akan menimpa mereka, kerana pada hari itu mereka sengaja melengah-lengahkan untuk mengikatkan perjanjian itu, dan kini mereka terpaksa mengikatkan perjanjian itu dalam suasana luar biasa yang amat ngeri yang sewajarnya menghalang mereka dari kembali melanggar perintah Allah selepas itu. Mereka telah diperintah dalam suasana luar biasa yang amat kuat agar mereka menghormati dan berpegang dengan perjanjian itu dengan kuat, serius dan tegas, dan agar mereka tidak bersikap lemah, tidak memandang ringan dan tidak mengkhianati perjanjian itu, agar mereka sentiasa ingat kepada isi kandungan perjanjian itu supaya hati mereka sentiasa khusyu' dan bertaqwa kepada Allah, sentiasa berhubung dengan Allah dan tidak melupai-Nya.

Tetapi Israel tetap Israel, mereka telah melanggar perjanjian itu. Mereka lupakan Allah dan menjerumuskan diri di dalam maksiat sehingga mereka wajar menerima kemurkaan Allah dan laknat-Nya setelah mereka mendapat pilihan yang utama Allah S.W.T. dari antara umat-umat yang lain di zaman itu, di mana mereka telah dikurniakan berbagai-bagai ni'mat dan pemberian yang limpah,

namun begitu mereka tidak bersyukur, tidak menghormati dan mengingati perjanjian dan Allah S.W.T. sekali-kali tidak menganiayakan para hamba-Nya.

(Kumpulan ayat-ayat 172 - 198)

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَٰذَا غَٰفِلِينَ ﴿١٧٢﴾

أَوْ تَقُولُوٓا۟ إِنَّمَآ أَشْرَكَ ءَابَآؤُنَا مِن قَبْلُ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِّنۢ بَعْدِهِمْ ۖ أَفَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿١٧٣﴾

وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ وَلَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٧٤﴾

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ٱلَّذِىٓ ءَاتَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا فَٱنسَلَخَ مِنْهَا فَأَتْبَعَهُ ٱلشَّيْطَٰنُ فَكَانَ مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿١٧٥﴾

وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَٰهُ بِهَا وَلَٰكِنَّهُۥٓ أَخْلَدَ إِلَى ٱلْأَرْضِ وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ ۚ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرُكْهُ يَلْهَث ۚ ذَّٰلِكَ مَثَلُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا ۚ فَٱقْصُصِ ٱلْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾

سَآءَ مَثَلًا ٱلْقَوْمُ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَأَنفُسَهُمْ كَانُوا۟ يَظْلِمُونَ ﴿١٧٧﴾

مَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِى ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٧٨﴾

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٧٩﴾

وَلِلَّهِ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ فَٱدْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا۟ ٱلَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِىٓ أَسْمَٰٓئِهِۦ ۚ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengikat perjanjian dengan zuriat anak-anak Adam dengan mengeluarkan mereka dari belakang mereka dan menjadikan mereka sebagai saksi terhadap diri mereka sendiri (seraya bertanya): Benarkah Aku ini Tuhan kamu? Jawab mereka: "Ya, benar! kami mengaku" supaya kamu tidak dapat berdalih pada hari Qiamat (dengan mengatakan) sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang hal ini (172). Atau kamu berdalih (dengan mengatakan) yang sebenarnya datuk nenek kamilah yang telah melakukan perbuatan syirik itu sebelum ini, sedangkan kami hanya zuriat keturunan yang datang selepas mereka. Oleh itu (wahai Tuhanku!) apakah Engkau hendak membinasakan kami kerana perbuatan syirik yang telah dilakukan oleh datuk nenek kami yang sesat itu? (173) Dan demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami dan supaya mereka kembali (174). Bacalah kepada mereka cerita seorang tokoh yang Kami kurniakan pengetahuan mengenai ayat-ayat Kami (Taurat) kemudian dia menghindarkan diri darinya, lalu ia diikuti syaitan dan akhirnya ia termasuk ke dalam golongan orang-orang yang sesat (175). Dan jika Kami kehendaki nescaya Kami mengangkatkan darjatnya dengan ilmu pengetahuan ayat-ayat itu, tetapi (sayangnya) dia telah mengabadikan (kecintaannya) kepada dunia dan mengikut hawa nafsunya. Oleh itu bandingannya sama seperti anjing, jika engkau usirkannya ia menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah dan jika engkau membiarkannya ia tetap juga menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah. Itulah bandingan golongan manusia yang suka mendustakan ayat-ayat Kami. Oleh sebab itu ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir (176). Amatlah buruk bandingan golongan manusia yang mendustakan ayatayat Kami dan mereka adalah orang-orang yang menzalimi diri mereka sendiri (177). Sesiapa yang dikurniakan Allah hidayat, maka dialah orang yang mendapat hidayat dan sesiapa yang disesatkan Allah, maka merekalah orang-orang yang rugi (178). Dan sesungguh-nya Kami telah menciptakan untuk Neraka Jahannam sebilangan besar dari umat-umat jin dan manusia, iaitu mereka mempunyai hati (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk berfikir, mereka mempunyai mata (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk melihat dan mereka mempunyai telinga (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk mendengar. Mereka sama seperti binatang ternakan, malah mereka, lebih sesat lagi. Merekalah orang-orang yang lalai (179). Allah mempunyai nama-nama yang paling indah. Oleh itu berdo'alah dengan nama-nama ini dan tinggalkanlah mereka yang menyelewengkan nama-nama Allah. Mereka akan dikenakan balasan (yang setimpal) terhadap perbuatan yang dilakukan mereka."(180)

وَمِمَّنْ خَلَقْنَآ أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِٱلْحَقِّ وَبِهِۦ يَعْدِلُونَ ﴿١٨١﴾

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٢﴾

وَأُمْلِى لَهُمْ ۚ إِنَّ كَيْدِى مَتِينٌ ﴿١٨٣﴾

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا ۗ مَا بِصَاحِبِهِم مِّن جِنَّةٍ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١٨٤﴾

أَوَلَمْ يَنظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِن شَيْءٍ وَأَنْ عَسَىٰ أَن يَكُونَ قَدِ اقْتَرَبَ أَجَلُهُمْ ۖ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٥﴾

مَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ ۚ وَيَذَرُهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٨٦﴾

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ رَبِّي ۖ لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ ۚ ثَقُلَتْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً ۗ يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ اللَّهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾

قُل لَّا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ ۚ وَلَوْ كُنتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَاسْتَكْثَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ ۚ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٨﴾

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا ۖ فَلَمَّا تَغَشَّاهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا فَمَرَّتْ بِهِ ۖ فَلَمَّا أَثْقَلَت دَّعَوَا اللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ آتَيْتَنَا صَالِحًا لَّنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿١٨٩﴾

"Dan di antara (umat-umat) yang Kami telah ciptakan ialah satu umat yang memberi hidayat dengan agama yang benar dan dengan agama ini mereka menegakkan keadilan (181). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami akan Kami istidrajkan mereka perlahan-lahan ke jurang kebinasaan dari arah yang tidak diketahui mereka (182). Dan Aku memberi tempoh yang cukup kepada mereka. Sesungguhnya rancangan pembalasan-Ku amat rapi (183). Apakah mereka tidak berfikir bahawa sahabat mereka (Muhammad) itu tidak sekali-kali mengidap penyakit gila. Dia tidak lain melainkan seorang rasul yang menyampaikan amaran yang jelas (184). Apakah mereka tidak melihat dengan teliti kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang telah diciptakan Allah dan memikirkan kemungkinan dekatnya ajal mereka. Oleh itu dengan penjelasan yang mana lagi yang mahu dipercayai mereka selepas penjelasan Allah?(185). Sesiapa yang di sesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang sanggup memberi hidayat kepadanya dan Allah membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan mereka (186). Mereka menanyakan engkau tentang hari Qiamat, bilakah waktu berlakunya? Jawablah: Ilmu waktu kedatangannya hanya tersimpan di sisi Tuhanku sahaja. Tiada siapa yang dapat menjelaskannya kecuali Dia. Kedatangannya melahirkan akibat yang amat berat di langit dan di bumi dan ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mendadak. Mereka bertanya engkau seolah-olah engkau benar-benar mengetahui waktu kedatangannya. Katakanlah: Sesungguhnya ilmu waktu kedatangannya hanya tersimpan di sisi Allah sahaja, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (187). Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu kemanfa'atan kepada diriku dan tidak pula berkuasa menolak sesuatu kemudharatan dari diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan jika aku mengetahui urusan ghaib tentulah aku dapat memperbanyakkan segala yang baik dan tentulah aku tidak pernah disentuh sesuatu kesusahan. Sebenarnya aku ini tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran dan menyampaikan berita gembira kepada golongan orang-orang yang beriman (188). Dialah yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu dan darinya Dia menciptakan isterinya supaya ia dapat bermesra dengannya. Kemudian apabila ia mencampuri isterinya, ia pun hamil dengan kandungan yang ringan. Dan dia terus berkembang dengannya dan kemudian apabila kandungannya dirasa berat lantas kedua-duanya berdo'a kepada Tuhan mereka: (Wahai Tuhan kami), jika Engkau kurniakan kepada kami anak yang baik dan sempurna kejadiannya, nescaya kami akan tetap menjadi golongan orang-orang yang bersyukur".(189)

فَلَمَّا آتَاهُمَا صَالِحًا جَعَلَا لَهُ شُرَكَاءَ فِيمَا آتَاهُمَا ۚ فَتَعَالَى اللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٩٠﴾

أَيُشْرِكُونَ مَا لَا يَخْلُقُ شَيْئًا وَهُمْ يُخْلَقُونَ ﴿١٩١﴾

وَلَا يَسْتَطِيعُونَ لَهُمْ نَصْرًا وَلَا أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٢﴾

وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى الْهُدَىٰ لَا يَتَّبِعُوكُمْ ۚ سَوَاءٌ عَلَيْكُمْ أَدَعَوْتُمُوهُمْ أَمْ أَنتُمْ صَامِتُونَ ﴿١٩٣﴾

إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ عِبَادٌ أَمْثَالُكُمْ ۖ فَادْعُوهُمْ فَلْيَسْتَجِيبُوا لَكُمْ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٩٤﴾

أَلَهُمْ أَرْجُلٌ يَمْشُونَ بِهَا ۖ أَمْ لَهُمْ أَيْدٍ يَبْطِشُونَ بِهَا ۖ أَمْ لَهُمْ أَعْيُنٌ يُبْصِرُونَ بِهَا ۖ أَمْ لَهُمْ آذَانٌ

يَسْمَعُونَ بِهَا ۗ قُلِ ٱدْعُوا۟ شُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنظِرُونِ ﴿١٩٥﴾

إِنَّ وَلِـِّۧىَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَكُمْ وَلَآ أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٧﴾

وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَسْمَعُوا۟ ۖ وَتَرَىٰهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ وَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٩٨﴾

"(Tetapi) apabila Allah mengurniakan kepada mereka anak yang baik dan sempurna kejadiannya, lantas mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah sehubungan dengan anak yang dikurniakan kepada mereka. Maha Suci Allah dari sekutu-sekutu yang diada-adakan mereka (190). Apakah wajar mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak pernah menciptakan sesuatu apa pun, sedangkan sekutu-sekutu itu sendiri diciptakan Allah (191). Dan sekutu-sekutu itu tidak berkuasa menolong mereka dan tidak pula dapat menolong diri sendiri (192). Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan yang betul nescaya mereka tidak dapat mengikut kehendak kamu. Sama sahaja hasilnya kepada kamu sama ada kamu menyeru mereka atau kamu tinggal diam membisu (193). Sesungguhnya sekutu-sekutu yang kamu pohon selain dari Allah itu adalah hamba-hamba (makhlük-makhluk) yang sama seperti kamu (jika tidak) silalah kamu pohon kepada mereka dan biarlah mereka menyambut permohonan kamu jika kamu orang-orang yang benar (194). Apakah mereka (sekutu-sekutu) itu mempunyai kaki-kaki yang dapat mereka berjalan dengannya atau mempunyai tangan yang dapat mereka memukul dengannya atau mempunyai mata yang dapat mereka melihat dengannya atau mempunyai telinga-telinga yang dapat mereka mendengar dengannya. Katakanlah (wahai Muhammad): Panggillah sekutu-sekutu kamu itu kemudian lakukanlah angkara tipudaya terhadapku (dengan segera) dan janganlah kamu memberi sebarang tangguhan kepadaku (195). Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh (196). Dan sekutu-sekutu yang kamu pohon pertolongan selain dari Allah itu tidak berkuasa menolong kamu dan tidak pula berkuasa menolong diri mereka sendiri (197). Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan hidayat nescaya mereka tidak dapat mendengarnya dan engkau memandang mereka melihat kepadamu, sedangkan sebenarnya mereka tidak dapat melihat."(198)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Seluruh pelajaran ini berkisar di sekitar isu tauhid dan syirik setelah seluruh kisah yang lepas juga berputar di sekeliling isu yang sama dalam bentuk peringatan dan sekalian Rasul yang mengemukakan hakikat tauhid dan amaran mereka terhadap akibat syirik, kemudian amaran itu menjadi kenyataan selepas itu.

Kini isu tauhid dibentangkan di dalam pelajaran ini dari satu sudut yang baru dan mendalam, iaitu ia dibentangkan dari sudut fitrah semulajadi, yang mana di atas landasan fitrah inilah Allah ciptakan makhluk insan dan dengan fitrah ini juga Allah mengikatkan perjanjian dengan manusia dengan bersaksikan diri mereka dan kejadian diri mereka sendiri, sedangkan mereka di waktu ini masih di alam benih... ini bererti bahawa pengakuan terhadap Rububiyah Allah Yang Maha Esa itu merupakan suatu fitrah semulajadi di dalam diri manusia, iaitu suatu fitrah yang diciptakan Allah di dalam diri manusia dan dengan fitrah inilah manusia mengakui Rububiyah Allah dengan bersaksikan dirinya dan berdasarkan kewujudannya dan kesedarannya terhadap hakikat ini yang dirasakan di dalam lubuk hatinya, sementara risalah-risalah Ilahi yang dibawa oleh para rasul itu pula merupakan peringatan-peringatan dan amaran-amaran kepada manusia-manusia yang menyeleweng dari fitrah semulajadi mereka.Oleh sebab itulah mereka memerlukan peringatan dan amaran. Kepercayaan tauhid merupakan suatu perjanjian yang diadakan di antara fitrah manusia dengan Allah Pencipta manusia sejak mereka diwujudkan di alam ini. Mereka tidak mempunyai sebarang alasan untuk membatalkan perjanjian ini walaupun para rasul tidak di utuskan kepada mereka untuk memberi peringatan dan amaran kepada mereka, tetapi limpah rahmat Allah sahaja telah menghendaki agar manusia tidak dibiarkan kepada fitrah mereka sahaja kerana fitrah kadang-kadang boleh menyeleweng, dan tidak pula dibiarkan kepada akal mereka sahaja kerana akal yang dikurniakan kepada mereka juga kadang-kadang tersesat dan tersasul, dan oleh kerana itu rahmat Allah menghendaki agar Rasul-Rasul dihantarkan kepada mereka untuk menyampaikan berita-berita yang menggembirakan mereka dan untuk memberi amaran-amaran supaya mereka tidak mempunyai sebarang ulasan dan dalihan terhadap Allah selepas diutuskan Rasul-Rasul itu.

Dari sudut yang baru ini, di mana isu tauhid dibicarakan di dalam pelajaran ini, huraian ayat-ayat yang berikut menggunakan berbagai-bagai pendekatan dalam membincangkan isu yang amat besar ini.

Di antaranya ialah pendekatan melalui kisah mengenai sesuatu peristiwa yang disebut oleh setengah-setengah riwayat sebagai peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di dalam sejarah Bani Israel, tetapi mengikut pendapat yang lebih rajih, kisah-kisah itu merupakan satu contoh yang tidak berikat dengan masa dan tempat yang tertentu, malah ia menggambarkan suatu peristiwa yang berulang-ulang di dalam kalangan manusia dan di dalam sejarah. Apabila setengah orang dikurniakan ilmu pengetahuan, maka sepatutnya ilmu

pengetahuan itu dapat membimbing mereka ke arah kebenaran dan hidayat, tiba-tiba mereka terputus dari ilmu pengetahuan itu. Mereka tidak memanfa'atkan ilmu itu sedikitpun. Mereka mengikut jalan yang sesat sama seperti mereka yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan sedikitpun, malah mereka menjadi malang dan celaka dengan ilmu pengetahuan yang tidak mengandungi kemanisan iman itu, sedangkan kemanisan iman itulah yang dapat mengubahkan ilmu pengetahuan itu menjadi lampu yang menerangi jalan yang gelap.

Dan di antaranya ialah satu pendekatan lain yang juga melalui kisah yang menggambarkan langkah-langkah penyelewengan dari kepercayaan tauhid kepada kepercayaan syirik dalam bentuk cerita sepasang suami isteri yang menaruh cita-cita dan harapan yang besar terhadap bayi mereka yang bakal dilahirkan dengan fitrah mereka yang suci, mereka berdo'a kepada Allah dan berjanji akan menjadikan diri mereka dari golongan orang yang bersyukur jika mereka dikurniakan anak yang sempurna kejadiannya, tetapi hati mereka menyeleweng setelah Allah memperkenankan permintaan mereka. Mereka mempersekutukan Allah dengan sembahan-sembahan yang lain sehubungan dengan kejayaan mereka mendapat anak yang sempurna kejadiannya itu.

Di antaranya lagi ialah pendekatan yang menggunakan pemerian yang menggambarkan kerosakan alat-alat penerima di dalam diri manusia sehingga mengakibatkan mereka terjerumus ke dalam kesesatan yang menjatuhkan martabat mereka sebagai insan ke martabat haiwan ternakan dan menyebabkan mereka wajar menjadi bahan bakar api Neraka. Kejatuhan itu menjadikan mereka insan-insan yang mempunyai hati tetapi tidak menggunakannya untuk berfikir, mempunyai mata tetapi tidak menggunakannya untuk melihat, mempunyai telinga tetapi tidak menggunakannya untuk mendengar dan akibatnya mereka terhumban ke dalam kesesatan yang tidak dapat pulang ke pangkal jalan lagi.

Dan di antaranya pula ialah pendekatan yang menggunakan saranan-saranan untuk menghidupkan hati dan fitrah mereka yang rosak dan menggerakkannya supaya sedar dan berfikir dengan teliti terhadap kejadian-kejadian di langit dan di bumi dan segala sesuatu yang diciptakan Allah, dan seterusnya mencubit hati mereka supaya mengenangkan maut yang tersembunyi di sebalik ajal mereka dan supaya memikirkan dengan insaf terhadap da'wah Rasulullah yang mulia yang menyeru mereka kepada keimanan, sedangkan orang-orang yang sesat menuduh beliau sebagai orang gila.

Dan di antaranya pula ialah pendekatan yang menggunakan perdebatan terhadap tuhan-tuhan palsu yang disembahkan mereka, sedangkan sembahan-sembahan itu sama sekali tidak mempunyai ciri Uluhiyah, malah tidak mempunyai ciri-ciri hidup sedikit-pun.

Kemudian pendekatan-pendekatan itu di akhiri dengan perintah dan arahan agar Rasulullah s.a.w. mencabar mereka dan mencabar tuhan-tuhan sembahan mereka serta mengisytiharkan perpisahan beliau dari mereka, dari tuhan-tuhan mereka dan dari ibadat mereka, dan seterusnya mengumumkan bahawa beliau sentiasa berlindung di bawah naungan Allah, di mana tiada pelindung melainkan hanya Dia.

ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

"Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh."(196)

(Pentafsiran ayat-ayat 172 - 174)

Pemandangan yang menjadi penghabisan pelajaran yang silam mengenai kisah Bani Israel ialah pemandangan perjanjian yang diadakan Allah dengan mereka dalam suasana bukit yang diangkat dan diancam di atas kepala mereka, sementara pelajaran yang baru ini terus menyambung kisah itu dan memulakannya dengan isu perjanjian yang bebas yang diadakan Allah dengan fitrah manusia dalam satu pemandangan yang amat hebat dan menarik yang tidak dapat ditandingi oleh pemandangan bukit yang diangkat dan diancam di atas kepala Bani Israel itu:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَٰذَا غَٰفِلِينَ ﴿١٧٢﴾

أَوْ تَقُولُوٓا۟ إِنَّمَآ أَشْرَكَ ءَابَآؤُنَا مِن قَبْلُ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِّنۢ بَعْدِهِمْ ۖ أَفَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿١٧٣﴾ وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ وَلَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٧٤﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengikat perjanjian dengan zuriat anak-anak Adam dengan mengeluarkan mereka dari belakang mereka dan menjadikan mereka sebagai saksi terhadap diri mereka sendiri (seraya bertanya): Benarkah Aku ini Tuhan kamu? Jawab mereka: Ya, benar! kami mengaku' supaya kamu tidak dapat berdalih pada hari Qiamat (dengan mengatakan) sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang hal ini (172). Atau kamu berdalih (dengan mengatakan) yang sebenarnya datuk nenek kamilah yang telah melakukan perbuatan syirik itu sebelum ini, sedangkan kami hanya zuriat keturunan yang datang selepas mereka. Oleh itu (wahai Tuhanku!) apakah Engkau hendak membinasakan kami kerana perbuatan syirik yang telah dilakukan oleh datuk nenek kami yang sesat itu?(173). Dan demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami dan supaya mereka kembali."(174)

Itulah isu fitrah dan 'aqidah Islam yang dikemukakan oleh huraian ayat-ayat ini dalam bentuk satu pemandangan yang unik - mengikut cara biasa Al-Qur'an - iaitu pemandangan zuriat manusia yang tinggal di alam ghaib yang amat jauh dan tersimpan di belakang anak-anak Adam sebelum mereka dilahirkan ke alam nyata ini. Mereka dikumpulkan dalam genggaman Allah Pencipta dan Pemelihara Yang Maha Esa, lalu Allah bertanya kepada mereka: "Bukankah Aku Tuhan kamu?" Lantas mereka mengi'tirafkan Rububiyah Allah dan mengaku bahawa mereka adalah para hamba-Nya di samping mengi'tirafkan Wahdaniyah Allah, sedangkan mereka di waktu itu masih dalam keadaan bertaburan di alam benih dan terkumpul di dalam genggaman Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Agung.

Itulah satu pemandangan alam yang amat indah dan gemilang yang tidak diketahui ada tandingannya dalam pengungkapan dan kefahaman bahasa manusia. Ia merupakan satu pemandangan yang amat menarik dan unik apabila daya imaginasi cuba menkhayalkannya dengan sepenuh kemampuannya dan apabila ia cuba memahami bagaimana sel-sel benih insan yang tidak terhitung banyaknya itu di kumpul dan diletakkan dalam genggaman Allah kemudian dihadapkan percakapan kepada mereka sama dengan percakapan yang dihadapkan kepada orang yang berakal, kerana benih-benih itu mempunyai ciri-ciri rasional yang tersembunyi yang diciptakan Allah dan ini membolehkan benih-benih itu dapat menjawab pertanyaan sama seperti jawapan yang diberikan oleh makhluk-makhluk yang berakal, oleh sebab itulah benih-benih ini dapat membuat pengakuan dan pengi'tirafan dan dapat diikatkan dengan perjanjian dengannya di alam sulbi!

Hati manusia terharu dan bergementar sedalam-dalamnya apabila ia menghayati pemandangan yang indah, gemilang dan unik ini, apabila ia melihat abus-abus benih manusia yang terapung-apung itu, di mana dalam setiap selnya terdapat hayat, bakat dan kesediaan, di mana dalam setiap selnya terdapat satu makhluk insan yang sempurna sifatnya dan sedang menunggu keizinan Ilahi untuk berkembang subur dan lahir dalam rupa paras yang disimpankan untuknya dalam jantung alam yang majhul. Di samping itu benih itu juga telah mengikatkan diri masing-masing dengan perjanjian Allah sebelum mereka muncul ke alam nyata.

Al-Qur'anul-Karim telah menayangkan pemandangan yang indah, menarik dan unik yang menggambarkan hakikat yang agung dan amat mendalam itu, iaitu hakikat yang tersembunyi di dalam lubuk fitrah manusia dan lubuk alam yang maujud, ... Al-Qur'an menayangkan pemandangan ini sebelum empat belas abad yang lampau, di mana belum ada seorang manusia pun yang mengetahui tabi'at dan hakikat-hakikat kejadian manusia yang sebenar kecuali tanggapan-tanggapan yang karut sahaja dan selepas abad itu barulah manusia mengetahui sebahagian dari tabi'at-tabi'at dan hakikat-hakikat itu, di mana sains telah menjelaskan bahawa jina-jina (genes) atau sel-sel pembawa sifat-sifat warisan itulah yang menjaga rekod seseorang manusia dan di dalam sel-sel itulah tersimpannya ciri-ciri setiap individu manusia semasa berada dalam bentuk sel-sel yang tersimpan dalam sulbi. Kumpulan jina-jina yang menjaga rekod tiga ribu juta manusia dan menyimpan semua ciri-ciri mereka itu jika dikumpul, maka saiznya tidak melebihi satu sentimeter padu sahaja atau sepenuh sarung jari menjahit atau jidal sahaja. Jika pernyataan yang seperti ini di buat sebelum zaman turunnya Al-Qur'an tentulah orang yang membuat pernyataan itu dituduh sebagai orang gila atau di lamun khayal. Amatlah benar firman Allah Yang Maha Agung:

سَنُرِيهِمْ ءَايَـٰتِنَا فِى ٱلْـَٔافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ

"Kami akan memperlihatkan tanda-tanda kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam diri mereka sendiri hingga terserlah kepada mereka bahawa Al-Qur'an adalah benar"

(Surah Fussilat: 53)

Ibn Jarir dan lainnya telah mengeluarkan (hadith berikut) dengan isnadnya daripada Ibn Abbas katanya:

((مسح ربك ظهر آدم فخرجت كلّ نسمة هو خالقها إلى يوم القيامة .... فأخذ مواثيقهم وأشهدهم على أنفسهم)) أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ؟ قالُوا بَلَى شَهِدْنا

"Tuhanku telah menyapu belakang Adam lalu keluarlah seluruh roh (zuriat Adam) yang telah diciptakan-Nya sehingga hari Qiamat. Kemudian Dia mengikat perjanjian dengan mereka dan menjadikan mereka sebagai saksi terhadap diri mereka sendiri seraya berfirman: Bukankah Aku ini Tuhan kamu? Jawab mereka: "Ya, benar! Kami mengaku".

Hadith ini diriwayatkan sebagai hadith yang marfu', juga sebagai hadith yang mauquf di atas Ibn Abbas. Ujar Ibn Kathir: Riwayat yang mauquf itu lebih banyak dan lebih kukuh.

Adapun bagaimana cara pemandangan itu? Bagaimana cara Allah mengikat perjanjian dengan zuriat Adam yang dikeluarkan dari belakang Adam dan menjadikan mereka sebagai saksi terhadap diri mereka sendiri dan bagaimana cara Allah berfirman kepada mereka: Bukankah Aku ini Tuhan kamu? Dan bagaimana cara mereka menjawab: 'Ya, benar! Kami mengaku", maka jawapannya ialah: Cara-cara atau kaifiyat-kaifiyat penciptaan dan perbuatan Allah S.W.T. merupakan urusan ghaib yang sama dengan zat-Nya. Daya pemikiran manusia tidak mampu untuk memahami kaifiyat-kaifiyat perbuatan Allah selama mereka tidak mampu memahami hakikat zat Allah, kerana memahami kaifiyat merupakan cabang dari

memahami hakikat. Segala perbuatan yang dihubungkan kepada Allah sebagaimana yang diceritakan oleh firman-Nya sendiri seperti:

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ

"Kemudian dia menuju ke langit, sedangkan di waktu itu ia masih berupa asap"

(Surah Fussilat: 11)

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ

"Kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy"(54)

يَمْحُوا۟ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُ

"Allah menghapus dan menetapkan apa yang dikehendaki-Nya"

(Surah ar-Ra'd : 39)

وَٱلسَّمَٰوَٰتُ مَطْوِيَّٰتٌۢ بِيَمِينِهِۦ

"Dan langit-langit digulung dengan tangan kanan Kudrat kuasa-Nya"

(Surah az-Zumar: 67)

وَجَآءَ رَبُّكَ وَٱلْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ﴿٢٢﴾

"Dan apabila Tuhanmu tiba dan malaikat-malaikat turun berbaris-baris"

(Surah al-Fajr: 22)

مَا يَكُونُ مِن نَّجْوَىٰ ثَلَٰثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ

"Tiada percakapan rahsia di antara tiga orang melainkan Dialah yang keempatnya"

(Surah al-Mujadalah: 7)

dan sebagainya dari ayat-ayat yang menceritakan tentang perbuatan-perbuatan Allah, maka semuanya wajib diterima sebagai berlaku begitu tanpa berusaha memahami cara atau kaifiyat bagaimana ia berlaku, kerana sebagaimana Kami telah katakan, memahami kaifiyat merupakan cabang dari memahami hakikat. Dan tiada suatu yang serupa dengan Allah. Oleh sebab itu tiada jalan bagi kita untuk memahami zat Allah, begitu juga tiada jalan bagi kita untuk memahami kaifiyat, perbuatan Allah, kerana tiada jalan bagi kita untuk membandingkan perbuatan-perbuatan Allah dengan perbuatan sesuatu yang lain selama di sana tiada suatu pun yang serupa dengan Allah. Oleh sebab itu segala percubaan untuk memahami kaifiyat-kaifiyat perbuatan-perbuatan Allah dengan berlandaskan perbandingan dengan kaifiyat-kaifiyat perbuatan makhluk-Nya adalah suatu usaha yang membawa kepada kesesatan, kerana wujudnya perbezaan yang amat jauh di antara hakikat Allah dengan hakikat makhluk-Nya. Dan sebagai hasil dari perbezaan ini muncul pula perbezaan di antara kaifiyat-kaifiyat perbuatan Allah dengan kaifiyat-kaifiyat perbuatan makhluk-Nya. Adalah disifatkan jahil dan sesat perbuatan yang telah dilakukan oleh ahli-ahli falsafah dan ahli-ahli ilmu al-kalam yang cuba menyifatkan kaifiyat-kaifiyat perbuatan Allah dengan melakukan campur aduk yang amat mengelirukan.[16]

Namun begitu, di sana terdapat satu tafsiran mengenai ayat ini, iaitu perjanjian yang dimeteraikan Allah dengan zuriat anak Adam ialah perjanjian fitrah, iaitu Allah telah menciptakan mereka dengan fitrah yang mengi'tirafkan Rububiyah Allah Yang Maha Esa. Allah telah mengisikan pengi'tirafan ini di dalam fitrah mereka dengan erti kata bahawa fitrah manusia itu adalah diciptakan di atas landasan pengi'tirafan ini sehingga fitrah itu menyeleweng dari landasan ini dengan sebab sesuatu perbuatan yang merosakkan fitrah itu dan menyebabkannya menyeleweng dari sifat semulajadinya.

Ujar Ibn Kathir dalam tafsirnya: Ulama' Salaf dan Khalaf telah berkata bahawa yang dimaksudkan dengan kisah zuriat Adam telah dijadikan saksi terhadap diri mereka sendiri ialah fitrah mereka telah diciptakan dengan tabi'at mentauhidkan Allah sebagaimana telah dihuraikan ketika membicarakan hadith Abu Hurayrah dan 'Iyadh ibn Himar al-Mujasyi'i dan hadith dari riwayat al-Hasan al-Basri dari al-Aswad ibn Sura'i dan dengan hadith inilah al-Hassan tafsirkan ayat ini. Para ulama' itu berkata: Oleh sebab inilah Allah berfirman:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengikat perjanjian dengan zuriat anak-anak Adam."(172)

Bukannya berfirman: "من آدم" (dari Adam), juga berfirman: "من ظهورهم" (dari belakang mereka) bukannya berfirman: "من ظهره" (dari belakang Adam). "ذرياتهم" (zuriat-zuriat mereka) yang dimaksudkan dengan zuriat-zuriat ini ialah zuriat keturunan mereka yang dijadikan Allah generasi demi generasi, selapis demi selapis sama dengan firman Allah:

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ

"Dan Dialah yang telah menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi (dari satu generasi ke satu generasi)."

(Surah al-An'am: 165)

وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَآءَ ٱلْأَرْضِ

"Dan Dia jadikan kamu khalifah-khalifah di bumi (dari satu generasi ke satu generasi)."

(Surah an-Naml: 62)

Dan firman-Nya:

كَمَآ أَنشَأَكُم مِّن ذُرِّيَّةِ قَوْمٍ ءَاخَرِينَ ﴿١٣٣﴾

"Sebagaimana Dia telah menjadikan kamu dari zuriat keturunan kaum yang lain."

---

[16] *Lihat bab "hakikat uluhiyyah" dalam buku* " خصائص التصور الإسلامي ومقوماته " *bahagian yang kedua.*

(Surah al-An'am: 133)

Kemudian Allah berfirman:

وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا۟ بَلَىٰ

"Dan menjadikan mereka sebagai saksi terhadap diri mereka sendiri (seraya bertanya:) Benarkah Aku ini Tuhan kamu? Jawab mereka: Ya, benar! Kami mengaku."(172)

Maksudnya, Allah jadikan mereka mengakui Rububiyah Allah dengan kata-kata yang diucapkan mereka dengan lidah keadaan. Menurut para ulama': Pengakuan itu kadang-kadang diucapkan dengan kata-kata seperti dalam firman Allah:

قَالُوا۟ شَهِدْنَا عَلَىٰٓ أَنفُسِنَا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا وَشَهِدُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ كَـٰفِرِينَ ﴿١٣٠﴾

"Jawab mereka: Kami mengaku kesalahan diri kami. Dan mereka telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan mengaku kesalahan diri mereka sendiri bahawa mereka sebenarnya adalah orang-orang yang kafir."

(Surah al-An'am: 130)

Dan kadang-kadang pula diucap dengan lidah keadaan seperti dalam firman Allah:

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَن يَعْمُرُوا۟ مَسَـٰجِدَ ٱللَّهِ شَـٰهِدِينَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِم بِٱلْكُفْرِ

"Tiadalah wajar bagi orang-orang Musyrikin mengimarahkan masjid-masjid Allah, sedangkan keadaan mereka sendiri menyaksikan kekafiran diri mereka."

(Surah at-Taubah: 17)

Maksudnya, keadaan diri mereka sendiri mengaku bahawa mereka adalah orang yang kafir, bukannya mereka membuat pengakuan secara lisan. Begitu juga pengakuan yang tersebut dalam firman Allah:

وَإِنَّهُۥ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ﴿٧﴾

"Dan sesungguhnya manusia mengakui hakikat itu (dengan lidah keadaan mereka)."

(Surah al-'Adiyat: 7)

Begitu juga permohonan itu kadang-kadang dilafazkan dengan kata-kata dan kadang-kadang diungkapkan dengan lidah keadaan seperti dalam firman Allah:

وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ

"Dan Allah telah mengurniakan kepada kamu sebahagian dari segala permohonan yang dipinta oleh kamu."

(Surah Ibrahim: 34)

Para ulama' itu berkata lagi: Di antara dalil yang menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan pengakuan di dalam ayat ini ialah pengakuan dengan lidah keadaan ialah Allah telah menjadikan pengakuan ini sebagai hujah yang menentang kaum Musyrikin yang telah melakukan perbuatan syirik terhadap Allah. Sekiranya pengakuan dengan lisan ini telah berlaku sebagaimana yang di katakan oleh orang-orang yang berpendapat begitu tentulah setiap orang harus mengingatinya supaya pengakuan itu dapat menjadi hujah yang menentangnya. Jika ada orang yang berkata: Penerangan Rasulullah s.a.w. tentang pengakuan ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa pengakuan itu memang berlaku, maka perkataan itu bolehlah dijawab begini: Orang-orang yang mendustakan Rasul yang terdiri dari kaum Musyrikin itu adalah mendustakan segala apa sahaja yang dibawa oleh para rasul sama ada yang bersangkutan dengan pengakuan ini atau lainnya. Ini yang sebenarnya menjadi hujah yang menentang mereka. Dari keterangan ini ternyatalah bahawa pengakuan yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah pengakuan fitrah yang mengi'tirafkan Rububiyah Allah Yang Maha Esa. Dan di atas landasan fitrah inilah Allah menciptakan manusia. Oleh sebab itulah Allah berfirman:

أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَـٰذَا غَـٰفِلِينَ ﴿١٧٢﴾ أَوْ تَقُولُوٓا۟ إِنَّمَآ أَشْرَكَ ءَابَآؤُنَا

"Supaya kamu tidak dapat berdalih pada hari Qiamat (dengan mengatakan) sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang hal ini. Atau kamu berdalih (dengan mengatakan) yang sebenarnya datuk nenek kamilah yang telah melakukan perbuatan syirik itu sebelum ini."(172-173)

Maksudnya, supaya kamu tidak dapat berkata "pada hari Qiamat: Sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang hal ini. Atau kamu berdalih (dengan mengatakan): 'Yang sebenarnya datuk nenek kamilah yang telah melakukan perbuatan syirik itu sebelum ini."

Hadith-hadith yang diisyaratkan oleh Ibn Kathir di awal perenggan tadi ialah:

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim daripada Abu Hurayrah r.a katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

كل مولود يولد على الفطرة – وفي رواية – على هذه الملة، فأبواه يهودانه أو ينصرانه ويمجسانه كما تولد بهيمة جمعاء، هل تحسون فيها من جدعاء؟

"Setiap bayi itu dilahirkan, di atas fitrah yang beriman, dan dalam satu riwayat yang lain, di atas agama ini (Islam), kemudian dua ibubapanya itulah yang mempengaruhi bayi itu menjadi Yahudi, menjadi Nasrani dan menjadi Majusi. Sebagaimana setiap binatang itu dilahirkan dengan anggota-

anggota yang sempurna, apakah engkau dapati pada binatang itu telinga dan hidung yang terpotong?"

Tersebut dalam Sahih Muslim daripada 'Iyadh ibn Himar katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

((يقول الله إني خلقت عبادي حنفاء فجاءتهم الشياطين فاجتالتهم عن دينهم وحرمت عليهم ما أحللت لهم))

"Allah berfirman: Sesungguhnya Aku telah menciptakan hamba-hamba-Ku dengan fitrah yang berpegang dengan tauhid kemudian syaitan-syaitan datang kepada mereka lalu memalingkan mereka dari agama mereka dan mengharamkan apa yang telah Aku halalkan kepada mereka."

Ujar al-Imam Abu Ja'afar ibn Jarir Rahimahullah: Kami telah diceritakan oleh Yunus ibn Abdul-A'la, kami telah diceritakan oleh ibn Wahb katanya: Saya telah diberitakan oleh as-Sirr ibn Yahya bahawa al-Hasan ibn Abu al-Hasan telah menceritakan kepada mereka daripada al-Aswad bin Sura'i dari suku Sa'd katanya: Aku telah berperang bersama Rasulullah s.a.w. sebanyak empat peperangan. Katanya: (Dalam satu peperangan) para pejuang telah menawan kanak-kanak kaum Musyrikin setelah mereka membunuh orang-orang tua mereka yang berperang. Kemudian berita ini sampai kepada Rasulullah s.a.w. lalu beliau marah dan berkata: "Mengapa mereka menawan kanak-kanak?" Seorang lelaki menjawab: "Bukankah mereka anak kaum Musyirikin? Jawab beliau: "Orang-orang yang terpilih dari kamu berasal dari anak-anak kaum Musyrikin. Ingatlah tiada satu zuriat manusia pun yang lahir melainkan semuanya dilahirkan di atas fitrah yang beriman dan mereka akan tetap di atas fitrah itu sehingga lidah mereka bercerai darinya, kemudian dua ibubapa merekalah yang mempengaruhi mereka menjadi Yahudi atau Nasrani." Ujar al-Hasan: Allah telah berfirman di dalam kitab suci-Nya:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا۟ بَلَىٰ شَهِدْنَآ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَٰذَا غَٰفِلِينَ ﴿١٧٢﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu mengikat perjanjian dengan zuriat anak-anak Adam dengan mengeluarkan mereka dari belakang mereka, dan menjadikan mereka sebagai saksi terhadap diri mereka sendiri (seraya bertanya): Benarkah Aku ini Tuhan kamu? Jawab mereka: 'Ya, benar! Kami mengaku' supaya kamu tidak dapat berdalih pada hari Qiamat (dengan mengatakan) sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang hal ini".(172)

Kami tidak menolak bahawa pengakuan di dalam ayat ini ialah pengakuan menerusi kata-kata bukannya pengakuan dengan lidah keadaan, kerana pada hemat kami pengakuan itu adalah berlaku sebagaimana yang diceritakan oleh Allah S.W.T. dan di sana tiada satu sebab yang menghalang pengakuan itu berlaku sedemikian apabila dikehendaki Allah. Begitu juga kami tidak menolak ta'wilan yang dipilih oleh Ibn Kathir dan disebut oleh al-Hasan yang telah berdalilkan ayat ini. Allah sahaja yang mengetahui manakah satu yang benar.

Walau bagaimanapun dari kedua-dua kefahaman itu kita dapat mengambil kesimpulan bahawa di sana ada suatu perjanjian yang diadakan Allah dengan fitrah manusia supaya mentauhidkan-Nya, dan perjanjian itu menunjukkan bahawa hakikat tauhid itu adalah tertanam di dalam fitrah manusia dan dengan fitrah inilah setiap zuriat manusia dilahirkan ke alam nyata dan ia tidak berganjak darinya kecuali fitrahnya telah dicemari oleh faktor luaran, iaitu faktor yang mengeksploitasikan bakat kesediaan manusia yang boleh menjerumus ke arah keimanan dan kesesatan. Dan bakat kesediaan ini juga merupakan suatu yang tersembunyi, yang dilahirkan ke alam nyata oleh keadaan-keadaan dan situasi-situasi yang tertentu.[17]

Hakikat tauhid itu bukan sahaja tertanam di dalam fitrah "manusia" tetapi juga tertanam di dalam fitrah alam di sekelilingnya, dan sebenarnya fitrah manusia itu hanya sebahagian dari fitrah alam seluruhnya. Ia bersambung dan tidak terputus dati alam . Ia tunduk kepada undang-undang yang sama yang di patuhi oleh alam. Dan seterusnya fitrah manusia juga menerima gema-gema dan nada-nada alam yang mengungkapkan perasaan dan pengakuannya terhadap hakikat alam yang agung itu.

Undang-undang tauhid yang menguasai alam ini dapat di lihat kesannya dengan jelas dalam bentuk kejadian alam, dalam keselarasan perjalanannya, keseimbangan bahagianbahagiannya, kebiasaan undang-undangnya dan pergerakannya yang teratur mengikut undang-undang ini dan akhirnya dapat di lihat pada persamaan bahan yang membentuk atom-atom kejadian alam, iaitu radiasi yang menjadi titik berakhirnya semua benda apabila dileburkan atom-atomnya dan dilepaskan isi kandungannya mengikut sekelumit ilmu yang baru diperolehi manusia.

Hari demi hari manusia menemui aspek-aspek dari undang-undang kesatuan di dalam tabi'at alam ini, juga dalam tabi'at undang-undangnya yang mengendalikan perjalanan dan pergerakannya yang berlangsung bukan secara automatik, tetapi dengan perencanaan yang teratur dari Allah dan berulang-ulang mengikut kehendak masyi'ah Allah yang bebas. Tetapi kami tidak berpegang dengan ilmu pengetahuan manusia yang berasaskan andaian atau hypothesis yang tidak membawa ke tahap keyakinan dalam menjelaskan undang-undang itu kerana ia ditemui melalui sarana-sarana manusia, kami hanya sekadar bermesra dan menyambut baik ilmu yang

---

[17] *Lihat bab* "حقيقة الإنسان" *dalam buku* "خصائص التصور الإسلامي ومقوماته".

ditemui manusia, sedangkan pegangan kami yang utama mengenai hakikat alam yang mutlak itu ialah penjelasan yang disampaikan oleh Allah kepada kita selaku Pencipta yang amat mengetahui tentang segala makhluk ciptaan-Nya. Al-Qur'anul-Karim telah menjelaskan tanpa sebarang keraguan bahawa undang-undang yang mengendalikan alam buana ini ialah undang-undang kesatuan. Itulah undang-undang yang diwujudkan oleh kehendak masyi'ah yang satu dari Pencipta Yang Maha Esa. Begitu juga Al-Qur'anul-Karim telah menjelaskan tanpa sebarang keraguan bahawa seluruh alam buana ini adalah hamba kepada Allah Tuhannya, seluruhnya mengi'tirafkan Wahdaniyah Allah dan seluruhnya mengabdikan diri kepada Allah dengan cara yang diketahui oleh Allah, sedangkan kita tidak mengetahuinya kecuali sekadar yang diberitakan Allah kepada kita dan sekadar apa yang kita lihat dari kesan-kesan pengabdian alam dalam bentuk perjalanan dan pergerakannya yang teratur.[18]

Undang-undang yang mengendalikan seluruh alam buana ini yang berlangsung dengan perencanaan Allah yang teratur dan berulang-ulang mengikut kehendak Allah yang bebas itulah juga undang-undang yang mengendalikan diri manusia selaku salah satu dari makhluk Allah di alam buana ini. Ia tersemat di dalam fitrahnya dan ia tidak memerlukan kepada kesedaran akal untuk merasakannya. Oleh sebab itulah undang-undang ini boleh di faham dengan fitrah. Ia tertanam dalam jantung fitrah yang dapat merasakannya dengan sendiri sahaja dan bertindak mengikut kehendaknya selama fitrah itu tidak di timpa kerosakan yang mengakibatkannya menyeleweng dari pemahamannya sendiri dan berjalan mengikut telunjuk hawa nafsu bukannya berjalan mengikut undang-undang dalaman yang betul.

Undang-undang ini sendiri merupakan satu perjanjian yang diikatkan di antara fitrah dengan Allah Penciptanya, perjanjian yang tersimpan di dalam fitrah, tersimpan dalam setiap sel yang hidup sejak ia diwujudkan. Perjanjian ini lebih tua dari sejarah para rasul dan agama-agama, dan dalam perjanjian ini setiap sel mengi'tirafkan Rububiyah Allah yang mempunyai kehendak masyi'ah yang satu, Yang Maha Esa dan yang menciptakan undang-undang yang satu yang mengendalikan fitrah manusia. Oleh sebab itu tidak ada jalan untuk berdalih dan berhujah selepas termeterainya perjanjian fitrah dan pengakuannya sama ada dengan lidah keadaan atau dengan kata-kata sebagaimana yang diterangkan dalam setengah-setengah athar. Tiada siapa yang boleh berdalih bahawa dia tidak tahu menahu tentang adanya kitab Allah yang memimpin manusia kepada tauhid atau tidak tahu menahu tentang adanya risalah-risalah Allah yang menyeru manusia kepada tauhid atau berdalih dengan mengatakan: Apabila saya dilahirkan ke alam ini saya dapati datuk nenek saya telah mempersekutukan Allah dan saya tidak mendapat jalan yang lain untuk mengetahui kepercayaan tauhid. Datuk nenek sayalah yang telah meneroka jalan yang sesat menyebabkan saya turut tersesat bersama mereka. Merekalah satu-satunya pihak yang bertanggungjawab bukannya saya. Oleh sebab itulah ayat yang berikut mengulas pengakuan dan perjanjian itu:

أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَٰذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

"Supaya kamu tidak dapat berdalih pada hari Qiamat (dengan mengatakan: Sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang hal ini."(172)

أَوْ تَقُولُوا إِنَّمَا أَشْرَكَ آبَاؤُنَا مِن قَبْلُ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِّن بَعْدِهِمْ ۖ أَفَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ الْمُبْطِلُونَ ﴿١٧٣﴾

"Atau kamu berdalih (dengan mengatakan): Yang sebenarnya datuk nenek kamilah yang telah melakukan perbuatan syirik itu sebelum ini, sedangkan kami hanya zuriat keturunan yang datang selepas mereka. Oleh itu (wahai Tuhanku!) apakah Engkau hendak membinasakan kami kerana perbuatan syirik yang telah dilakukan oleh datuk nenek kami yang sesat itu?"(173)

Tetapi oleh sebab Allah kasihan belas terhadap para hamba-Nya kerana Dia mengetahui bahawa manusia mempunyai bakat kesediaan untuk menerima kesesatan apabila mereka di bimbing ke arah kesesatan dan mengetahui bahawa fitrah mereka sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai faktor penyelewengan - sebagaimana diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. - iaitu faktor-faktor dari permainan syaitan-syaitan, jin dan manusia yang bertapak pada titik-titik kelemahan manusia....

Oleh sebab Allah kasihan belas kepada para hamba-Nya, maka Allah tidak mempersalahkan manusia berdasarkan perjanjian fitrah ini sebagaimana Dia tidak mempersalahkan mereka berdasarkan daya akal yang dikurniakan kepada mereka kecuali setelah diutuskan para rasul kepada mereka dan diturunkan ayat-ayat yang memberi bimbingan-bimbingan yang terperinci untuk menyelamatkan fitrah mereka dari sampah sarap kesesatan dan untuk membetulkan kerosakan dan penyelewengannya, seterusnya untuk menyelamatkan akal fikiran mereka dari tekanan hawa nafsu, kelemahan dan keinginan-keinginan yang tidak sihat. Sekiranya Allah mengetahui bahawa fitrah dan akal sahaja sudah cukup untuk membimbing manusia ke arah keimanan tanpa memerlukan pengiriman para rasul dan perutusan-perutusan-Nya, juga tanpa memerlukan diberi perhatian dan amaran, tanpa memerlukan huraian dengan ayat-ayat yang terperinci, tentulah Allah mempersalahkan mereka dengan begitu sahaja, tetapi Allah amat kasihan belas terhadap mereka. Oleh

---

[18] *Lihat bab " حقيقة الكون " dalam sumber yang sama.*

sebab itulah Allah jadikan pengiriman rasul kepada mereka sebagai hujah untuk mempersalahkan mereka:

وَكَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ وَلَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٧٤﴾

"Dan demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat Kami dan supaya mereka kembali."(174)

Iaitu kembali kepada fitrah dan perjanjian mereka dengan Allah dan seterusnya kembali kepada daya kekuatan matahati dan ketahanan akal fikiran mereka yang sihat. Kepulangan mereka kepada daya-daya kekuatan yang tersembunyi ini sudah cukup untuk membangunkan hakikat tauhid di dalam hati mereka dan mengembalikan mereka ke pangkuan Pencipta mereka Yang Maha Esa yang telah memfitrahkan mereka di atas aqidah tauhid. Bertolak dari rahmat dan kasihan belas inilah Allah mengirimkan rasul-rasul kepada manusia membawa ayat-ayat penerangan yang jelas untuk memberi peringatan dan amaran yang sewajarnya kepada mereka.[19]

******

(Pentafsiran ayat-ayat 175 - 177)

Cerita Seorang Tokoh Agama Yang Dibandingkan Dengan Anjing

Orang yang menyeleweng dari fitrah yang lurus, orang yang membatalkan perjanjian yang dimeteraikan dengan Allah dan orang yang berpaling dari ayat-ayat Allah setelah ia melihat dan mengetahuinya adalah sama dengan orang yang dikurniakan Allah ayat-ayat-Nya. Ia mempunyai ruang untuk meneliti dan memikirkan ayat-ayat itu, tetapi ia sengaja melucut dan mencabutkan dirinya dan mengabdikan kecintaannya kepada kenikmatan dunia dan mengikut hawa nafsunya. Dia tidak berpegang dengan perjanjian fitrah yang pertama dan tidak pula berpegang dengan ayat-ayat Allah yang membawa kepada keimanan, oleh sebab itu ia dikuasai syaitan dan terusir dari naungan Allah, ia hidup tidak tenang, tidak tenteram dan tidak pernah mantap.

Tetapi cara penerangan Allah yang bermu'jizat itu tidak menggambarkan perbandingan itu dengan ungkapan yang seperti ini, malah ia menggambarkannya dengan satu pemandangan yang hidup, bergerak dengan harakat yang kuat, dengan sifat-sifat yang jelas, perwatakan yang menonjol, emosi-emosi yang ketara yang membawa nada-nada hidup yang realistik di samping nada-nada pengungkapan yang menarik:[20]

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ٱلَّذِىٓ ءَاتَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا فَٱنسَلَخَ مِنْهَا

فَأَتْبَعَهُ ٱلشَّيْطَٰنُ فَكَانَ مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿١٧٥﴾ وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَٰهُ بِهَا وَلَٰكِنَّهُۥٓ أَخْلَدَ إِلَى ٱلْأَرْضِ وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ ۚ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرُكْهُ يَلْهَث ۚ ذَّٰلِكَ مَثَلُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا ۚ فَٱقْصُصِ ٱلْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾ سَآءَ مَثَلًا ٱلْقَوْمُ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَأَنفُسَهُمْ كَانُوا۟ يَظْلِمُونَ ﴿١٧٧﴾

"Bacalah kepada mereka cerita seorang tokoh yang Kami kurniakan pengetahuan mengenai ayat-ayat Kami (Taurat) kemudian dia menghindarkan diri darinya, lalu ia diikuti syaitan dan akhirnya ia termasuk ke dalam golongan orang-orang yang sesat (175). Dan jika kehendaki nescaya Kami mengangkatkan darjatnya dengan ilmu pengetahuan ayat-ayat itu, tetapi (sayangnya) dia telah mengabadikan (kecintaannya) kepada dunia dan mengikut hawa nafsunya. Oleh itu bandingannya sama seperti anjing, jika engkau usirkannya ia menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah dan jika engkau membiarkan ia tetap juga menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah. Itulah bandingan golongan manusia yang suka mendustakan ayat-ayat Kami. Oleh sebab itu ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir (176). Amatlah buruk bandingan golongan manusia yang mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka adalah orang-orang yang menzalimi diri mereka sendiri."(177)

Itulah satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan yang menarik, satu pemandangan yang paling baru kepada khazanah kefahaman-kefahaman dan penggambaran-penggambaran di dalam bahasa Arab, satu pemandangan yang menggambarkan seorang insan yang dikurniakan Allah ayat-ayat Nya. Ia disalutkan dengan pakaian limpah kurnia-Nya dan dipakaikan dengan baju ilmu-Nya, ia dikurniakan peluang yang sempurna untuk meningkatkan keimanannya, untuk berhubung rapat dengan Allah dan meningkatkan martabat dirinya, tetapi ia mencabutkan dirinya dari semua pakaian itu dan menanggalkan dirinya dari ayat-ayat itu seolah-olah ayat-ayat itu kulit yang membalutkan dagingnya. Dia mencabutkan dirinya dari ayat itu dengan kuat, dengan bersungguh-sungguh dan penuh kesulitan sama dengan kesulitan orang yang hidup yang hendak menanggalkan dirinya dari kulit yang melekat di tubuhnya. Tidakkah diri manusia yang bersalut dengan pakaian iman kepada Allah itu sama dengan tubuh badan yang bersalut dengan kulit? Lihatlah insan yang malang ini mencabutkan dirinya dari ayat-ayat Allah dan menanggalkan badannya dari pakaian yang dapat memelihara keselamatan dirinya, dan menyeleweng dari keimanan untuk mengikut hawa

---

[19] *Lihat bab "* الوهية وعبودية *" dan bab "* حقيقة الإنسان *" dalam kitab "* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته *".*

[20] *Lihat huraiannya dalam bab "* طريقة القرآن *" dalam buku "* التصوير الفني في القرآن *".*

nafsu, untuk menjatuhkan dirinya dari kemuncak yang gemilang ke bumi yang kotor, di mana ia bergelumang di dalam lumpurnya dan terdedah kepada godaan syaitan yang tidak siapa dapat menyelamat dan melindungkannya darinya. Oleh sebab itu ia dikuasai syaitan dan menjadi pengikutnya yang setia. Kemudian secara tiba-tiba kita berada di hadapan satu pemandangan yang malang dan menakutkan, iaitu insan yang bergelumang di dalam lumpur itu tiba-tiba diubahkan kejadiannya kepada seekor anjing yang terus terjelir-jelir lidahnya sama ada dikejar atau tidak dikejar. Semua pemandangan yang bergerak itu ditayang bersambung-sambung dan membuat imaginasi kita mengikutinya dengan emosi yang cemas dan terharu. Dan apabila tayangan itu tiba pada pemandangan yang akhir, iaitu pemandangan anjing yang tidak berhenti-henti menjelirkan lidahnya, maka terdengarlah nada yang menakut dan menarik dari ayat yang berikut yang mengulas seluruh pemandangan itu:

ذَّٰلِكَ مَثَلُ ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا ۚ فَٱقْصُصِ ٱلْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾

"Itulah bandingan golongan manusia yang suka mendustakan ayat-ayat Kami. Oleh sebab itu ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir."(176)

سَآءَ مَثَلًا ٱلْقَوْمُ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَأَنفُسَهُمْ كَانُوا۟ يَظْلِمُونَ ﴿١٧٧﴾

"Amatlah buruk bandingan golongan manusia yang mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka adalah orang-orang yang menzalimi diri mereka sendiri."(177)

Itulah bandingan mereka. Ayat-ayat yang membawa kepada hidayat dan keimanan telah membaluti fitrah dan jiwa mereka, juga membaluti alam buana di sekeliling mereka, tiba-tiba mereka mencabut diri mereka dari balutan ayat-ayat itu kemudian secara mendadak rupa mereka telah diubah kepada rupa haiwan yang buruk dan dengan itu gugurlah mereka dari martabat insan kepada martabat haiwan, kepada martabat anjing yang bergelumang di dalam lumpur. Mereka telah dikurniakan sayap iman yang dapat menerbangkan mereka ke martabat yang tinggi, dan dengan fitrah mereka yang pertama mereka berada di maqam sebaik-baik kejadian, kemudian secara mendadak mereka jatuh ke maqam yang serendah-rendahnya!

سَآءَ مَثَلًا ٱلْقَوْمُ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَأَنفُسَهُمْ كَانُوا۟ يَظْلِمُونَ ﴿١٧٧﴾

"Amatlah buruk bandingan golongan manusia yang mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka adalah orang-orang yang menzalimi diri mereka sendiri."(177)

Tidak ada perbandingan yang lebih buruk dari ini. Tidak ada perbuatan yang lebih buruk dari perbuatan mencabut diri atau menelanjangi diri dari pakaian iman dan hidayat. Tidak ada perbuatan yang lebih buruk dari perbuatan bergelumang di dalam lumpur dan mengikut hawa nafsu. Tidak ada insan yang lebih zalim terhadap dirinya dari insan yang melakukan perbuatan yang merugikan ini, iaitu perbuatan membogelkan diri dari pakaian iman dan hidayat yang menyelamatkannya kemudian membiarkan dirinya dikuasai dan ditunggangi syaitan yang menjatuhkannya ke alam haiwan yang bergelumang di dalam lumpur, yang hidup dalam keadaan keluh-kesah, gelisah dan terjelir-jelir seperti anjing.

Tidak ada ungkapan yang berjaya menggambarkan keadaan jiwa insan yang seperti ini dengan gambaran yang menarik dan unik ini selain dari ungkapan Al-Qur'an yang sentiasa unik dan mengkagumi.

Kemudian... apakah ini suatu berita yang dibacakan kepada kita atau suatu perbandingan dalam bentuk berita kerana ia kerap berlaku, dan dari sudut ini apakah ia merupakan berita yang diceritakan kepada kita?

Setengah-setengah riwayat menyebut bahawa cerita ini ialah cerita seorang lelaki yang soleh di negeri Palestin sebelum diduduki Bani Israel. Riwayat-riwayat ini menceritakan dengan panjang lebar kisah penyelewengan dan kejatuhan lelaki itu. Ia diceritakan dalam bentuk cerita yang membuat orang yang arif dengan dongeng israeliyat yang banyak dimuatkan di dalam kitab-kitab tafsir itu tidak merasa aman bahawa cerita ini juga adalah salah satu dari cerita-cerita dongeng Israeliyat atau sekurang-kurangnya tidak begitu yakin dengan semua huraian cerita itu. Di samping itu di dalam riwayat-riwayat ini terdapat perselisihan-perselisihan dan ketidaktentuan yang memerlukan kita lebih berhati-hati. Menurut satu riwayat, lelaki itu adalah dari kaum Bani Israel iaitu Bal'am ibn Ba'ura'. Satu riwayat yang lain mengatakan lelaki itu adalah dari penduduk Palestin yang gagah perkasa. Satu riwayat yang lain lagi mengatakan lelaki itu adalah dari bangsa Arab iaitu Umayah ibn as-Salt. Satu riwayat yang lain pula mengatakan lelaki itu adalah seorang yang sezaman dengan kebangkitan Rasulullah s.a.w., iaitu Abu 'Amir al-Fasiq. Ada pula riwayat yang mengatakan lelaki itu adalah seorang yang sezaman dengan Nabi Musa a.s., dan seterusnya ada pula riwayat yang mengatakan lelaki itu hidup selepas Nabi Musa, iaitu di zaman Yusya' ibn Nun yang memimpin Bani Israel memerangi penduduk Palestin yang gagah perkasa selepas mengembara padang Sahara selama empat puluh tahun setelah Bani Israel enggan memasuki negeri Palestin, di mana mereka berkata kepada Musa a.s. seperti yang diceritakan oleh Al-Qur'anul-Karim:

فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

"Oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan perangilah mereka dan kami akan duduk menunggu di sini."

(Surah al-Ma'idah: 24)

Begitu juga perselisihan riwayat telah berlaku ketika mentafsirkan maksud ayat-ayat yang dikurniakan Allah kepada lelaki itu. Menurut satu riwayat, ayat-ayat itu ialah nama Allah Yang Maha Agung yang diguna dalam do'anya yang mustajab. Sementara menurut riwayat yang lain ayat-ayat itu ialah kitab suci yang diturunkan Allah dan lelaki itu ialah seorang nabi. Kemudian di sana terdapat berbagai-bagai perselisihan dalam huraian cerita itu.

Ahli-ahli Agama Yang Menyeleweng

Oleh sebab itulah kami mengambil keputusan mengikut methodologi kami dalam tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini untuk tidak membincangkan sesuatu apa pun mengenai cerita ini, kerana di sana tidak ada suatu nas di dalam Al-Qur'anul-Karim mengenai kisah ini begitu juga tidak ada suatu hadith yang marfu' kepada Rasulullah s.a.w. yang menyentuh cerita ini. Kami hanya mengambil sesuatu yang tersembunyi di sebalik cerita itu, iaitu ia menggambarkan keadaan dan keperihalan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah setelah mereka mengetahui dan mempelajarinya kemudian mereka tidak mengikutinya dengan teguh dan jujur. Alangkah banyaknya cerita yang seumpama ini berlaku di dalam kehidupan manusia. Alangkah banyaknya orang-orang yang dikurniakan ilmu tentang agama Allah kemudian mereka tidak berpandu dengannya, malah menggunakan ilmu ini sebagai alat untuk menyelewengkan ayat-ayat Al-Qur'an dari maksudnya yang sebenar, dan untuk mengikut hawa nafsunya dan nafsu pihak-pihak berkuasa yang dapat memberi - mengikut andaian mereka - kesenangan hidup dunia kepada mereka.

Berapa ramai orang alim yang mengetahui hakikat agama Allah kemudian mereka menyeleweng darinya dan mengumumkan hakikat yang lain darinya dan seterusnya menggunakan ilmu agamanya untuk melakukan penyelewengan-penyelewengan yang tertentu dan untuk memberi fatwa-fatwa yang diperlukan untuk menegakkan kuasa yang tidak kekal di bumi Allah, iaitu untuk menegakkan kuasa yang mencabul kuasa Allah dan undang-undang-Nya di bumi ini.

Kami dapati di antara mereka ada ulama' yang mengetahui dan berkata: Penggubalan undang-undang itu adalah dari bidang kuasa Allah S.W.T. dan sesiapa yang mendakwa berkuasa dalam bidang ini bererti ia telah mendakwa mempunyai kuasa Uluhiyah dan siapa yang mendakwa mempunyai kuasa Uluhiyah bermakna ia telah menjadi kafir dan siapa yang mengi'tirafkannya mempunyai kuasa Uluhiyah dan menta'atinya, maka dia juga menjadi kafir. Tetapi walaupun ulama ini mengetahui hakikat yang amat jelas dan asasi ini, namun ia masih menyokong para Taghut yang mendakwa mempunyai kuasa dalam bidang penggubalan undang-undang, sedangkan dengan dakwaan ini bermakna mereka mendakwa mempunyai kuasa Uluhiyah, di samping itu ia menamakan para Taghut sebagai orang-orang Islam sejati dan menggelarkan segala apa yang dipraktikkan mereka sebagai ajaran Islam yang tulen sedangkan dahulunya ia sendiri pernah menghukum mereka sebagai kafir. Kami juga dapati ada ulama' yang menulis mengharamkan semua jenis riba pada suatu tahun, kemudian pada tahun yang lain ulama' yang sama ini juga yang menulis menghalalkan riba. Seterusnya kami dapati ada ulama yang merestukan kejahatan dan kegiatan mengembangkan kejahatan di kalangan orang ramai, dan menutup lumpur kejahatan yang kotor itu dengan kain agama, lambang-lambang dan cogankata-cogankatanya.

Semuanya ini tepat dengan cerita Al-Qur'an yang mengisahkan tentang seorang tokoh yang telah dikurniakan ayat-ayat Allah kepadanya lalu ia mencabutkan dirinya dari ayat-ayat itu dan akibatnya ia dikuasai syaitan dan tergolong dalam kumpulan orang-orang yang sesat. Dan perubahan yang berlaku kepada ulama' itu sama dengan perubahan rupa yang berlaku kepada lelaki yang diceritakan oleh Al-Qur'an itu:

وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَٰهُ بِهَا وَلَٰكِنَّهُۥٓ أَخْلَدَ إِلَى ٱلْأَرْضِ وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ ۚ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرُكْهُ يَلْهَث ۚ

"Dan jika Kami kehendaki nescaya Kami mengangkatkan darjatnya dengan ilmu pengetahuan ayat-ayat itu, tetapi (sayangnya) dia telah mengabadikan (kecintaannya) kepada dunia dan mengikut hawa nafsunya. Oleh itu bandingannya sama seperti anjing, jika engkau usirkannya ia menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah dan jika engkau membiarkan ia tetap juga menjelirkan lidahnya dengan termengah-mengah."(176)

Maksudnya, jika Allah kehendaki tentulah lelaki ini diangkatkan ke darjat yang tinggi kerana ia mengetahui ayat-ayat Allah, tetapi Allah S.W.T. tidak berkehendak begitu kerana orang yang arif dengan ayat-ayat Allah itu lebih menyintai kenikmatan dunia dan mengikuti hawa nafsunya dan meninggalkan pengajaran ayat-ayat Allah.

Cerita ini merupakan suatu perbandingan bagi setiap orang yang mendapat ilmu pengetahuan dari Allah tetapi tidak mengambil manfa'at dari ilmu itu dan tidak mengikuti jalan keimanan dengan sikap yang teguh dan jujur dan menanggalkan dirinya dari nikmat ilmu Allah untuk menjadi pengikut syaitan yang hina-dina dan berakhir dengan perubahan yang menjatuhkannya ke martabat haiwan.

Kemudian apakah ertinya jeliran lidah yang tidak berhenti-henti itu?

Mengikut tanggapan kami - berdasarkan saranan dari nada-nada cerita itu dan gambaran-gambaran dari pemandangannya yang dibentangkan di dalam

Al-Qur'an - jeliran-jeliran ialah jeliran-jeliran kerana tamak mengejar kenikmatan hidup dunia. Kenikmatan dunia inilah yang mendorong orang-orang yang dikurniakan ayat-ayat Allah itu mencabutkan diri darinya. Itulah jeliran-jeliran akibat desakan perasaan gelisah dan keluh-kesah yang selama-lamanya tidak pernah tenteram dan tenang, itulah gelisah dan keluh-kesah yang tidak dapat dihindari olehnya sama ada anda memberi nasihat kepadanya atau tidak. Ia tetap berada dalam keadaan gelisah dan keluh-kesah buat selama-lamanya.

Kehidupan manusia tidak putus-putus menampilkan contoh-contoh insan yang seperti ini di setiap tempat, di setiap zaman dan di setiap masyarakat hingga melalui berbagai-bagai zaman, di mana mata kita tidak dapat melihat seorang alim melainkan beginilah sifatnya kecuali segelintir ulama' yang dilindungi Allah yang tidak pernah mencabutkan dirinya dari ayat-ayat Allah, tidak mengabdikan kecintaannya kepada kenikmatan dunia, tidak mengikut hawa nafsu, tidak ditunggangi syaitan dan tidak terjelir-jelir lidahnya kerana mengejarkan kenikmatan-kenikmatan yang berada dalam genggaman insan-insan yang berkuasa. Berita ini adalah suatu berita perbandingan yang sentiasa berlaku dan wujud. Ia bukannya tertentu kepada satu kisah yang telah berlaku di suatu zaman yang tertentu sahaja.

Allah S.W.T. telah memerintah rasul-Nya s.a.w. supaya membaca berita ini kepada kaumnya yang diturunkan ayat-ayat Allah kepada mereka, supaya mereka tidak mencabutkan diri dari ayat-ayat itu dan supaya orang-orang yang datang kemudian dari beliau terus membaca berita ini untuk mengingatkan orang-orang yang mengetahui sedikit sebanyak tentang ilmu Allah supaya hidup mereka tidak berakhir dengan kesudahan yang malang itu, supaya mereka tidak menjadi insan yang tidak putus-putus menjelirkan lidahnya dan supaya mereka tidak menzalimi diri sendiri dengan kezaliman yang tidak pernah dilakukan oleh seorang musuh terhadap musuhnya, kerana mereka menzalimi diri sendiri dengan nasib kesudahan yang malang.

Ya Allah, ya Tuhan kami! Lindungilah kami, teguhkan pendirian kami, curahkan kesabaran ke atas kami dan wafatkan kami sebagai orang-orang Muslimin!

* * * * * *

Marilah kita berhenti sekali lagi di hadapan berita ini, dan cara Al-Qur'an mengungkapkan berita ini adalah suatu perbandingan bagi ilmu pengetahuan yang tidak dapat memelihara seseorang dari dihimpit oleh dorongan keinginan hawa nafsu yang menyebabkannya begitu menyintai kenikmatan hidup dunia hingga ia tidak dapat melepaskan diri dari tekanan dan daya tarikannya, atau ilmu pengetahuan yang tidak dapat memelihara seseorang dari mengikut nafsu yang mengakibatkannya diburu dan dikongkongi syaitan, dan dengan menggunakan tali hidung nafsu inilah syaitan dapat mengheretkan ke arah kebinasaan.

Gambaran Islam Yang Dikemukakan Oleh Al-Qur'an

Oleh kerana ilmu semata-mata tidak dapat memelihara seseorang dari kejatuhan, maka methodologi Al-Qur'an memilih jalan ilmu untuk membentukkan jiwa Islamiyah dan hidup Islamiyah, iaitu ia menjadikan ilmu pengetahuan itu bukan semata-mata untuk tujuan mengetahui, malah ia jadikan ilmu pengetahuan itu sebagai akidah yang panas yang mempunyai daya pendorong yang menggerakkan seseorang ke arah merealisasikan tujuan dan makna ilmu itu di alam hati dan di alam kehidupan.

Methodologi Al-Qur'an tidak menampilkan akidah Islam dalam bentuk teori untuk dikaji dan dipelajari, kerana penampilan dalam bentuk teori itu merupakan semata-mata ilmu pengetahuan yang tidak membuahkan suatu natijah di alam hati dan di alam kehidupan. Ia, merupakan suatu ilmu pengetahuan yang dingin, yang tidak dapat melindungi seseorang dari godaan hawa nafsu dan tidak dapat melawan himpitan keinginan-keinginan dan hasutan syaitan yang berat, malah memudahkan jalan laluan syaitan.

Begitu juga methodologi Al-Qur'an tidak mengemukakan Islam dalam bentuk kajian-kajian mengenai "sistem hidup Islam", "perundangan Islam", "ekonomi Islam", "ilmu-ilmu kejadian alam" dan "ilmu-ilmu jiwa" atau dalam bentuk kajian-kajian ilmu pengetahuan yang lain, malah methodologi Al-Qur'an menampilkan Islam sebagai satu akidah yang mempunyai daya penggerak, daya pemulih, daya penyedar, daya pengangkat yang menjulang tinggi. Ia mendorong insan ke arah bergerak dan bertindak untuk merealisasikan konsep amali akidah itu sebaik sahaja ia menjejak hati dan akal seseorang. Ia memulihkan dan menghidupkan hati yang mati, lalu hati itu kembali berdenyut, bergerak dan bercita-cita. Ia menggerakkan alat-alat penerima dan penyambut dalam fitrah manusia, lalu fitrah itu kembali semula mengingati perjanjian Allah yang pertama dan kembali mempertingkatkan minat perhatiannya dan strategi-strategi hidupnya dan tidak lagi terpengaruh kepada tarikan kenikmatan hidup dunia dan tidak pula mengabdikan kecintaannya kepada kesenangan dunia.

Methodologi Al-Qur'an mengemukakan Islam sebagai satu sistem hidup untuk di fikir secara mendalam, satu sistem yang unik yang berbeza dari segala sistem ciptaan manusia, kerana ia datang untuk menyelamatkan manusia dari kelemahan-kelemahan, kesalahan-kesalahan dan penyelewengan-penyelewengan sistem-sistem mereka yang terpengaruh kepada permainan-permainan nafsu-nafsu jasmaniah dan godaan-godaan syaitan.

Ia mengemukakan Islam sebagai neraca kebenaran untuk membetulkan akal fikiran manusia dan kefahaman-kefahaman mereka. Oleh itu mana-mana arah tujuan, pergerakan dan kefahaman yang dapat diterima oleh neraca ini, maka ia dikira betul dan boleh diteruskan dan mana-mana yang tidak dapat diterima oleh neraca ini, maka ia dikira salah dan wajib ditinggalkannya.

Ia mengemukakan Islam sebagai satu sistem pergerakan yang memimpin manusia selangkah demi selangkah dalam perjalanannya mendaki kemuncak mengikut langkah-langkah manusia itu sendiri dan penilaian-penilaian mereka. Semasa di dalam pergerakan di alam kenyataan itu, Islam menggariskan peraturan hidup mereka, dasar-dasar perundangan mereka, prinsip-prinsip sosioekonomi dan politik mereka, kemudian selepas itu manusia dengan perantaraan akal fikiran mereka yang terkawal dengan prinsip-prinsip peraturan Allah dapat menggubalkan undang-undang dan peraturan yang diperlukan, dan seterusnya menyusun ilmu-ilmu yang berkaitan dengan alam buana dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan jiwa mereka dan segala ilmu yang diperlukan, oleh kegiatan hidup praktikal mereka di alam kenyataan.... Semuanya dapat digariskan oleh mereka dengan hati yang berkobar-kobar dengan semangat akidah yang kuat, dengan semangat syari'at yang sesuai dan realistik dan dengan dorongan keperluan-keperluan hidup di alam kenyataan dan orientasi-orientasinya.

Inilah methodologi Al-Qur'an dalam rangka usaha membentuk peribadi Muslim dan cara hidup Islamiyah. Adapun kajian-kajian secara teori untuk tujuan mengkaji semata-mata, maka inilah jenis ilmu pengetahuan yang tidak dapat melindungi manusia dari tertarik kepada godaan kenikmatan dunia, godaan nafsu keinginan dan godaan syaitan dan tidak dapat memberi kebaikan kepada kehidupan manusia.

(Pentafsiran ayat 178)

Langkah-langkah Manusia Di Antara Hidayat Dan Kesesatan

Kemudian ayat yang berikut berhenti sebentar untuk membuat ulasan dan kesimpulan terhadap perbandingan yang ditonjolkan di dalam pemandangan itu, iaitu perbandingan dengan seorang insan yang dikurniakan ayat-ayat Allah kemudian tiba-tiba ia mencabutkan diri darinya. Ulasan itu menekankan bahawa hidayat yang sebenar ialah hidayat dari Allah. Siapa yang mendapat hidayat dari Allah, maka dialah orang yang sebenar mendapat hidayat dan sesiapa yang disesatkan Allah, maka dialah orang yang sebenar rugi dan tidak mendapat apa-apa keuntungan pun:

مَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِى ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٧٨﴾

"Sesiapa yang dikurniakan Allah hidayat, maka dialah orang yang mendapat hidayat dan sesiapa yang disesatkan Allah, maka merekalah orang-orang yang rugi."(178)

Allah S.W.T. memberi hidayat kepada sesiapa yang berusaha dan berjuang untuk mendapat hidayat sebagaimana diterangkan oleh-Nya di dalam surah yang lain:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ

"Dan orang-orang yang bersungguh-sungguh dalam usaha mencari hidayat Kami, maka Kami akan menunjukkan jalan-jalan Kami kepada mereka."

(Surah al-Ankabut: 69)

Juga sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ

"Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan sikap di dalam jiwa mereka."

(Surah al-Ra'd: 11)

Juga seperti firman-Nya:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّىٰهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

"Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna, kemudian Allah menunjukkan kepadanya jalan kejahatannya dan jalan taqwanya. Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkan jiwanya dan sesungguhnya amat rugilah orang yang membenamkannya (dalam maksiat dan kekufuran)."

(Surah asy-Syams: 7-10)

Begitu juga Allah membiarkan seorang itu sesat apabila dia mengingini kesesatan itu dan berpaling dari ayat-ayat yang menunjukkan ke jalan hidayat dan menolak ayat-ayat yang menyarankan keimanan atau menutup pintu hatinya, pendengaran dan penglihatannya dari ayat-ayat itu, iaitu sama dengan apa yang diterangkan di dalam ayat selanjutnya:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٧٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan untuk Neraka Jahannam sebilangan besar dari umat-umat jin dan manusia, iaitu mereka mempunyai hati (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk berfikir, mereka mempunyai mata (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk melihat dan mereka mempunyai telinga (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk mendengar. Mereka sama seperti

binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi. Merekalah orang-orang yang lalai."(179)

Dan seperti firman-Nya:

فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ ٱللَّهُ مَرَضًا

"Di dalam hati mereka terdapat penyakit lalu Allah menambahkan mereka penyakit yang lain."

(Surah al-Baqarah: 10)

Juga seperti firman-Nya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَظَلَمُوا۟ لَمْ يَكُنِ ٱللَّهُ لِيَغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيَهُمْ طَرِيقًا ﴿١٦٨﴾ إِلَّا طَرِيقَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan zalim itu, Allah tidak akan mengampunkan mereka dan juga tidak akan menunjukkan kepada mereka kecuali jalan ke Neraka Jahannam, di mana mereka akan kekal abadi tinggal di dalamnya."

(Surah an-Nisa': 168-169)

Setelah memeriksa kumpulan nas-nas yang menyebut hidayat dan kesesatan, dan setelah menyelaraskan makna dan tujuannya, terserlahlah kepada kita bahawa nas-nas itu mempunyai maksud yang sama yang jauh dari apa yang diperdebatkan oleh ahli-ahli ilmu al-kalam dari golongan-golongan Islam dan oleh ahli-ahli ilmu ketuhanan dari golongan Kristian serta berbagai-bagai aliran ahli falsafah di sekitar isu qada dan qadar umumnya.

Kehendak masyi'ah Allah S.W.T. yang mengaturkan perencanaan-Nya terhadap makhluk insan ialah Allah telah menciptakan manusia dengan dua bakat kesediaan, iaitu kesediaan untuk menerima hidayat dan kesediaan untuk menerima kesesatan di samping menyimpan di dalam fitrahnya kesedaran dan kecenderungan terhadap hakikat Rububiah Allah Yang Maha Esa, dan mengurniakan kepadanya akal fikiran yang dapat membezakan di antara kesesatan dan hidayat, seterusnya menghantarkan kepada manusia rasul-rasul yang membawa perutusan-perutusan Ilahi yang jelas dan terang untuk menggerakkan fitrah manusia apabila ia tidak berfungsi dan memimpin akalnya apabila ia tersesat. Dan yang kekal selepas itu semua ialah wujudnya dua kesediaan untuk menerima hidayat dan kesesatan yang diciptakan Allah pada tabi'at manusia mengikut kehendak masyi'ah-Nya yang mengatur perencanaan-Nya.

Demikianlah kehendak masyi'ah Allah telah mengaturkan perencanaan-Nya untuk mengurniakan hidayat kepada insan-insan yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari hidayat dan menyesatkan insan-insan yang tidak menggunakan akal fikiran, daya-daya penglihatan dan pendengaran mereka untuk memikir dan memahami bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersebar di dalam lembaran-lembaran alam buana, juga memahami ayat-ayat Allah yang menyampaikan hidayat yang diturunkan kepada para rasul.

Yang lulus dan berkuatkuasa dalam segala situasi dan keadaan ialah kehendak masyi'ah Allah bukannya masyi'ah yang lain dari-Nya, dan segala apa yang berlaku adalah berlaku dengan perencanaan Allah bukan dengan kuasa yang lain dari-Nya. Tiada masyi'ah yang lain di alam buana ini yang memperlakukan segala urusan mengikut kehendaknya. Begitu juga di sana tiada kuasa yang lain yang mewujudkan peristiwa-peristiwa selain dari perencanaan Allah, dan dalam frem hakikat yang agung inilah manusia bergerak membawa dirinya dan berlaku kepadanya apa yang berlaku sama ada mendapat hidayat atau kesesatan.

Inilah kefahaman Islam yang dibentuk oleh berbagai-bagai nas Al-Qur'an yang diambil secara perbandingan dan keselarasan bukannya diambil secara berasingan mengikut kehendak nafsu golongan dan puak, dan bukannya menggunakan nas-nas itu untuk saling bertelagah dan bercanggah satu sama lain untuk tujuan berhujah dan berdebat.[21] Dalam ayat yang dihadapi kita sekarang:

مَن يَهْدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلْمُهْتَدِى ۖ وَمَن يُضْلِلْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿١٧٨﴾

"Sesiapa yang dikurniakan Allah hidayat, maka dialah orang yang mendapat hidayat dan sesiapa yang disesatkan Allah, maka merekalah orang-orang yang rugi."(178)

Dijelaskan bahawa sesiapa yang mendapat hidayat Allah mengikut peraturan dan undang-undang-Nya yang telah dihuraikan sebelum ini, maka dialah orang yang sebenar mendapat hidayat, orang yang sebenar sampai kepada Allah, orang yang sebenar mengetahui jalan Allah, orang yang sebenar berjalan di atas jalan Allah dan dialah orang yang sebenar mendapat keberuntungan pada hati Akhirat. Begitu juga sesiapa yang disesatkan Allah mengikut undang-undang dan peraturan-Nya, maka dialah insan yang rugi segala-galanya, dan tidak mendapat apa-apa keberuntungan biarpun sebanyak mana ia memilik dan mengambil. Semuanya debu-debu dan angin kosong belaka. Memang begitulah nasibnya apabila kita memandangnya dari sudut bahawa orang yang sesat itu ialah orang yang kehilangan dirinya, dan apakah yang dapat diambil dan diperolehi oleh orang yang kehilangan dirinya sendiri?

---

[21] *Lihat bab "* التوازن *", bab "* الشمول *" bahagian pertama buku: "* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته *" juga bab "* حقيقة الالوهية *", bab "* حقيقة الإنسان *" bahagian yang kedua dari buku yang sama.*

(Pentafsiran ayat 179)

Pendapat kami di dalam memahami ayat-ayat yang lepas disokong oleh ayat yang berikut:

Sebab Sebilangan Besar Jin Dan Manusia Menjadi Bahan Bakar Neraka Jahannam

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۚ أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan untuk Neraka Jahannam sebilangan besar dari umat-umat jin dan manusia, iaitu mereka mempunyai hati (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk berfikir, mereka mempunyai mata (tetapi) mereka tidak menggunakan-nya untuk melihat dan mereka mempunyai telinga (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk mendengar. Mereka sama seperti binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi. Merekalah orang-orang yang lalai."(179)

Ramai dari golongan jin dan manusia diciptakan untuk menjadi isi Neraka Jahannam dan mereka memang wajar dijadikan begitu, mengapa?

Di sana terdapat dua rasional:

Rasional yang pertama: Ilmu Allah yang azali mengetahui bahawa golongan jin dan manusia yang ramai ini akan berakhir ke Neraka. Dan ini tidak memerlukan perbuatan-perbuatan yang mewajarkan mereka masuk ke dalam Neraka itu muncul ke alam kenyataan, kerana ilmu Allah itu syumul dan merangkumi segala-galanya tanpa bergantung kepada sesuatu zaman, juga tanpa bergantung kepada sesuatu pergerakan yang melahirkan perbuatan itu di alam manusia yang baru.

Rasional yang kedua: Ilmu Allah yang azali yang tidak bergantung kepada sesuatu zaman dan sesuatu pergerakan di alam manusia yang baru itu bukannya ilmu itu yang menolak manusia ke jurang kesesatan yang mewajarkannya dimasukkan ke dalam Neraka, malah merekalah sendiri yang memilih kesudahan itu:

لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۚ

"Mereka mempunyai hati (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk berfikir, mereka mempunyai mata (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk melihat dan mereka mempunyai telinga (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk mendengar."(179)

Maksudnya, mereka tidak membuka hati yang dikurniakan kepada mereka untuk berfikir dan memahami, sedangkan bukti-bukti keimanan dan hidayat yang terbentang di alam buana dan di dalam perutusan-perutusan yang dibawa oleh rasul dapat difahami oleh hati yang terbuka dan matahati yang celik. Mereka tidak membuka mata mereka untuk melihat bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersebar di alam ini. Mereka tidak membuka telinga mereka untuk mendengar dengan telinga ayat-ayat Allah yang dibacakan kepada mereka. Mereka telah mempersia-siakan alat-alat deria dan matahati yang dikurniakan kepada mereka dan tidak menggunakan-nya. Mereka hidup cuai, lalai tanpa berfikir:

أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

"Mereka sama seperti binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi. Merekalah orang-orang yang lalai."(179)

Orang-orang yang lalai dari memerhati dan memikirkan tanda-tanda kekuasaan Allah yang terdapat di alam buana dan di dalam kehidupan, orang-orang yang lalai dari memerhati dan memikirkan segala peristiwa adanya pancaroba yang melanda mereka dan tidak melihat adanya tangan kudrat Allah yang mengendalikannya, mereka adalah sama dengan haiwan ternakan, malah mereka lebih sesat lagi, kerana haiwan ternakan mempunyai kesediaan-kesediaan semulajadi yang dapat memandu kehidupannya, tetapi jin dan manusia adalah dibekalkan dengan hati yang sedar, mata yang melihat dan telinga yang mendengar, namun begitu, jika mereka tidak membuka hati mata dan telinga mereka untuk berfikir dan memahami, jika mereka menempuh hidup ini dengan lalai, di mana hati mereka tidak dapat menangkap erti-erti dan tujuan-tujuan dari hidup mereka, dan mata mereka tidak dapat menghayati pemandangan-pemandangan di dalam hidup dan pengertian-pengertian di sebaliknya, dan telinga mereka tidak dapat mendengar nada-nada dan saranan-saranan dari hidup mereka, maka ini bererti mereka lebih sesat dari haiwan ternakan yang hidup dengan kesediaan-kesediaan semulajadi yang dapat memandu hidupnya. Kemudian mereka menjadi sebahagian dari isi Neraka Jahannam. Perencanaan Allah membawa mereka ke arah Neraka mengikut kehendak masyi'ah-Nya yang membekalkan mereka dengan kesediaan-kesediaan itu, dan inilah yang dijadikan Allah undang-undang balasan terhadap mereka. Oleh sebab itu mereka - mengikut ilmu Allah yang Qadim - menjadi bahan-bahan bakar api Neraka sejak itu.

(Pentafsiran ayat 180)

Selepas ditayangkan adegan perjanjian universal yang mengakui Wahdaniyah Allah dan selepas ditayangkan adegan insan yang menyeleweng dari perjanjian ini dan dari ayat-ayat Allah yang telah dikurniakan kepadanya, maka ayat yang berikut diiringi dengan satu arahan yang menyuruh supaya mengabaikan golongan yang menyeleweng, iaitu kaum Musyrikin yang menentang Islam dengan kepercayaan syirik. Mereka mengubah nama-nama Allah dan menyelewengkannya dan mereka gunakan

nama-nama itu untuk menamakan tuhan-tuhan sembahan mereka yang palsu:

Maksud Penyelewengan Terhadap Nama-nama Allah

وَلِلَّهِ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ فَٱدْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا۟ ٱلَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِىٓ أَسْمَـٰٓئِهِۦ ۚ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

"Allah mempunyai nama-nama yang paling indah. Oleh itu berdo'alah dengan nama-nama ini dan tinggalkanlah mereka yang menyelewengkan nama-nama Allah. Mereka akan dikenakan balasan (yang setimpal) terhadap perbuatan yang dilakukan mereka."(180)

Kata-kata "الحاد" dalam ayat ini bererti menyeleweng atau mengubah. Kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab telah mengubahkan nama-nama Allah yang amat indah untuk dijadikan nama bagi berhala-berhala yang disembah mereka. Mereka mengubahkan nama-nama "Allah" dan menamakan berhala mereka dengan "al-Laata". Mereka mengubahkan nama "al-'Aziz" dan menamakan berhala mereka dengan "al-'Uzza." Tujuan ayat ini ialah untuk menjelaskan bahawa nama-nama Allah yang amat indah itu hanya dipakai untuk Allah S.W.T. sahaja dan memerintah orang-orang yang beriman supaya menggunakan nama-nama itu untuk Allah sahaja tanpa diubah dan ditukar, dan seterusnya supaya mereka jangan menghiraukan orang-orang yang mengubah dan menyeleweng-kan nama-nama Allah itu kerana mereka telah melakukan penyelewengan. Hukuman terhadap mereka terserah kepada Allah dan mereka tetap akan menemui balasan yang sedang menunggu mereka. Alangkah ngerinya ancaman 'azab yang dijanjikan kepada mereka!

Perintah supaya mengabai dan jangan menghiraukan orang-orang yang mengubahkan nama-nama Allah itu tidak hanya terbatas pada suatu kejadian pengubahan yang berlaku di dalam sejarah Islam atau terbatas pada perbuatan mengubahkan nama-nama Allah dari segi lafaznya untuk menamakan berhala-berhala yang disembah, malah ia merangkumi seluruh mereka yang mengubah dan melakukan penyelewengan dalam kefahaman dan kepercayaan mereka terhadap hakikat Uluhiyah umumnya seperti mereka yang mendakwa Allah mempunyai anak, dan mereka mendakwa bahawa kehendak masyi'ah Allah terikat dengan undang-undang alam, juga seperti mereka yang mendakwa bahawa Allah S.W.T. hanya menjadi Tuhan di langit dan dalam urusan mengendalikan perjalanan alam dan dalam urusan hisab manusia di Akhirat sahaja, tetapi Allah tidak menjadi Tuhan di bumi dan dalam urusan mengendalikan kehidupan manusia! Menurut hemat mereka Allah tidak berhak menggariskan undang-undang dan peraturan untuk mengatur kehidupan manusia, malah manusialah berhak menggubalkan undang-undang dan peraturan untuk mengawal diri mereka dengan menggunakan daya akal fikiran mereka, pengalaman-pengalaman dan kehendak-kehendak kepentingan mereka mengikut apa sahaja yang dipandang baik oleh mereka. Pendeknya dalam urusan penggubalan undang-undang dan peraturan, manusia bebas bertindak selaku Tuhan kepada diri mereka sendiri atau selaku Tuhan terhadap satu sama lain. Semuanya ini merupakan perbuatan pengubahan dan penyelewengan terhadap Allah, terhadap sifat-sifat-Nya dan ciri-ciri Uluhiyah-Nya. Oleh sebab itu seluruh Muslimin diperintah supaya berpaling darinya dan mengabaikannya. Dan semua golongan penyeleweng akan menerima 'azab keseksaan dari Allah terhadap segala penyelewengan yang dilakukan mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 181 - 183)

Berbagai-bagai Golongan Manusia

Kemudian huraian ayat-ayat ini diteruskan dengan menghuraikan jenis-jenis manusia setelah diterangkan sebelum itu beberapa golongan dari mereka, iaitu golongan manusia yang diciptakan untuk menjadi isi Neraka Jahannam yang disifatkan sebagai golongan insan:

لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ

"Mereka mempunyai hati (tetapi) tidak menggunakannya untuk berfikir, mereka mempunyai mata (tetapi) tidak menggunakannya untuk melihat dan mereka mempunyai telinga (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk mendengar"(179)

dan golongan manusia yang mengubah dan menyelewengkan nama-nama Allah. Kemudian satu umat manusia yang berpegang teguh dengan agama yang benar dan menyeru orang lain supaya menganut agama itu, seterusnya mereka berhakimkan kepada agama itu dan tidak menyeleweng darinya. Dan sebagai lawan umat ini ialah umat manusia yang menolak agama yang benar dan mendustakan ayat-ayat Allah. Mengenai umat yang pertama, ayat yang berikut menjelaskan bahawa mereka mempunyai kedudukan yang kukuh, yang tidak diragui lagi kerana merekalah kumpulan pengawal agama yang benar ketika orang-orang lain menyeleweng dan sesat darinya dan ketika orang-orang lain mendustakan agama yang benar dan melemparkannya, mereka tetap berdiri teguh di atas agama yang benar. Sementara umat yang kedua pula, maka ayat yang berikut juga menjelaskan bahawa mereka akan menerima nasib kesudahan yang amat menakutkan dan rancangan pembalasan Allah terhadap mereka telah diatur begitu rapi dan kukuh:

وَمِمَّنْ خَلَقْنَآ أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِٱلْحَقِّ وَبِهِۦ يَعْدِلُونَ ﴿١٨١﴾

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ

لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٢﴾
وَأُمْلِي لَهُمْ إِنَّ كَيْدِي مَتِينٌ ﴿١٨٣﴾

"Dan di antara (umat-umat) yang Kami telah ciptakan ialah satu umat yang memberi hidayat dengan agama yang benar dan dengan agama ini mereka menegakkan keadilan (181). Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami akan Kami istidrajkan mereka perlahan-lahan ke jurang kebinasaan dari arah yang tidak diketahui mereka (182). Dan Aku memberi tempoh yang cukup kepada mereka. Sesungguhnya rancangan pembalasan-Ku amat rapi."(183)

Umat manusia tidak wajar dimuliakan jika tidak wujud selama-lamanya di kalangan mereka dan dalam suasana-suasana yang paling hitam satu kelompok yang digelarkan "umat" mengikut istilah Islam, iaitu satu jamaah yang berpegang dengan akidah yang satu dan bersatu padu di atas landasan akidah dan tunduk kepada satu kepimpinan yang ditegakkan di atas landasan akidah Islam. Inilah umat yang tetap teguh di atas agama yang benar dan mengamalkan agama ini pada setiap waktu, dan merekalah pengawal amanah Allah di muka bumi ini dan saksi yang menyaksikan perjanjian Allah dengan manusia, iaitu kesaksian yang menjadi hujah Allah terhadap golongan manusia yang sesat dan mengingkari perjanjiannya pada setiap generasi.

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan sifat umat ini:

أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِالْحَقِّ وَبِهِ يَعْدِلُونَ ﴿١٨١﴾

"Umat yang memberi hidayat dengan agama yang benar dan dengan agama ini mereka menegakkan keadilan."(181)

Umat Yang Sentiasa Memperjuangkan Agama Yang Benar

Maksudnya, sifat umat ini yang tidak pernah putus kewujudannya di bumi ini biar pun sebanyak mana bilangannya ialah mereka sentiasa menunjukkan agama yang benar kepada manusia. Mereka adalah penda'wah-penda'wah agama yang benar, mereka tidak pernah berhenti menyeru manusia kepada agama ini, mereka tidak mengasingkan diri mereka dan tidak pula menyorokkan agama yang benar yang diketahui mereka, malah mereka menunjukkannya kepada manusia. Mereka memegang teraju kepimpinan di kalangan orang-orang yang sesat dari agama yang benar ini dan mengingkari perjanjian itu. Mereka sentiasa melakukan kegiatan-kegiatan positif yang bukan sahaja berupa kegiatan mengenal agama yang benar, malah mereka bertindak lebih jauh lagi, iaitu menunjuk dan berda'wah kepada agama itu dan memimpin manusia atas nama agama itu.

"Dan dengan agama ini mereka menegakkan keadilan."(181)

Maksudnya, mereka bertindak lebih jauh dari sekadar mengenal agama yang benar dan hidayat sahaja, iaitu mereka bertindak menegakkan agama yang benar itu dalam kehidupan manusia dan mengadili mereka dengan undang-undangnya untuk merealisasikan keadilan yang tidak mungkin ditegakkan melainkan dengan undang-undang agama yang benar ini. Kedatangan agama yang benar ini bukan untuk dijadikan ilmu pengetahuan untuk kajian semata-mata atau untuk bahan nasihat dan pengajaran semata-mata, malah tujuan kedatangannya ialah untuk mengatur dan mengendalikan segala urusan hidup manusia, iaitu mengawal kefahaman, pemikiran dan i'tiqad-i'tiqad mereka dengan mengoreksi dan membetulkannya mengikut prinsip-prinsipnya, juga mengawal syiar-syiar ibadat mereka supaya ia benar-benar menjadi terjemahan kepada agama yang benar ini dalam perhubungan manusia dengan Allah, juga mengawal kegiatan-kegiatan hidup mereka di alam kenyataan dengan membetulkan undang-undang dan peraturannya mengikut sistem hidup Rabbani dan prinsip-prinsipnya agar seluruh kegiatan itu dikendalikan dengan undang-undang dan peraturan yang diambil dari syari'at Allah, juga mengawal adat-adat, tradisi-tradisi dan perilaku mereka agar ditegakkan di atas kefahaman-kefahaman yang betul yang diambil dari agama ini, juga mengawal methodologi pemikiran mereka, ilmu pengetahuan dan budaya mereka dengan menggunakan neraca ukuran agama ini. Dengan kawalan-kawalan yang sedemikian dapatlah agama yang benar ini ditegakkan dalam kehidupan manusia di samping dapat ditegakkan keadilan yang tidak mungkin direalisasikan kecuali dengan undang-undang agama yang benar ini. Inilah tugas-tugas yang dilaksanakan oleh umat ini selepas memperkenalkan agama yang benar dan hidayat.

Usaha-usaha Untuk Mengubahkan Tabi'at Islam

Tabi'at agama ini amat jelas dan tidak boleh dikelirukan, ia amat kukuh dan tidak boleh digoyang dan digoyah. Orang-orang yang mahu mengubahkan agama ini menemui kesulitan dan kesukaran untuk mengubahkannya dari tabi'atnya yang amat jelas dan amat kukuh itu. Oleh kerana itu mereka terpaksa menumpukan usaha-usaha yang gigih dan kempen-kempen yang tak pernah berhenti untuk menggugatkannya. Mereka menggunakan segala macam sarana dan alat, segala macam ujian dan pengalaman. Mereka membenteraskan dengan ganas dan kejam, segala tunas kebangkitan dan dinamika Islam di semua tempat di muka bumi ini dengan perantaraan pertubuhan-pertubuhan yang diada dan dibiayai mereka di seluruh negeri di dunia. Mereka memperalatkan ahli-ahli agama profesional untuk mengubahkan ayat-ayat Al-Qur'an dari pengertiannya yang sebenar, mereka menghalalkan apa yang diharamkan Allah dan melunak-lunakkan apa yang disyari'atkan Allah, mereka merestukan kejahatan dengan menggunakan bendera-bendera Islam dan lambang-lambangnya. Mereka menggelincirkan orang-orang Islam yang terpesona kepada tamadun-tamadun kebendaan dan tertarik kepada teori-teori

dan peraturan-peraturannya sebagai rangka usaha untuk menggelincirkan Islam supaya meniru teori-teori dan peraturan-peraturan itu dan mengibarkan lambang-lambangnya atau menerima pakai teori-teori, undang-undang, peraturan-peraturan dan methodologi-methodologi itu. Mereka menggambarkan Islam yang mengendalikan seluruh bidang kehidupan manusia sebagai suatu peristiwa dalam sejarah yang tidak mungkin berulang lagi. Mereka memberi sanjungan yang tinggi kepada keagungan-keagungan Islam di zaman silam untuk melalaikan perasaan orang-orang Islam dan dalam suasana kelalaian ini mereka berkata kepada orang-orang Islam bahawa Islam pada hari ini harus hidup dan bersemarak di dalam jiwa orang-orang Islam sebagai akidah dan ibadat sahaja bukan sebagai undang-undang dan sistem hidup. Cukuplah bagi Islam dan orang-orang Islam berbangga-bangga dengan keagungan-keagungan zaman purba yang bersejarah itu, jika tidak, agama Islam harus mengikut perkembangan zaman dan harus sanggup tunduk kepada realiti hidup manusia dan bersedia mengambil segala kefahaman dan segala undang-undang dan peraturan yang dibuat oleh mereka. Mereka menyerahkan kepada pertubuhan-pertubuhan yang diadakan mereka di negeri-negeri Islam teori-teori tertentu yang ditaja dalam bentuk akidah dan agama untuk mengambil tempat agama Islam yang lama itu! Mereka mewujudkan buku-buku untuk dibaca dan dikaji agar ia dapat menggantikan Al-Qur'an yang lama ini! Mereka juga cuba mengubahkan tabi'at masyarakat-masyarakat Islam di samping mengubahkan tabi'at agama Islam itu sendiri sebagai satu sarana terakhir supaya Islam tidak mungkin menemui insan-insan yang dapat diberi hidayat dan dengan itu mereka dapat mengubahkan masyarakat-masyarakat Islam kepada golongan-golongan insan yang tenggelam dalam lumpur kegiatan seks dan amalan-amalan yang keji, kumpulan-kumpulan insan yang sibuk mencari sesuap pagi dan sesuap petang yang tidak boleh dihasilkan kecuali dengan usaha-usaha yang sukar dan sungguh-sungguh agar mereka tidak lagi mempunyai peluang selepas sesuap makan dan memuas nafsu seks untuk mendengar hidayat atau untuk pulang kepada agama!

Itulah pertarungan dan penentangan sengit terhadap Islam dan umat Muslimin yang berpandukan ajaran Islam dan berjuang untuk menegakkan keadilan dengan undang-undang Islam. Itulah pertarungan yang berterus-terusan, di mana digunakan segala jenis senjata tanpa segan dan malu, segala macam sarana yang tidak terhitung kuantitinya. Itulah konflik yang mempergunakan segala kekuatan, segala kemampuan, segala alat media massa antarabangsa, mempergunakan agen-agen dan badan-badan antarabangsa yang dibiayai oleh organisasi-organisasi tertentu yang tidak mungkin hidup sehari pun tanpa pembiayaan antarabangsa ini.

Tetapi tabi'at agama Islam yang amat jelas dan amat kukuh itu tetap gigih menghadapi pertarungan yang sengit ini, begitu juga umat Muslimin yang berdiri teguh di atas agama yang benar ini walaupun bilangan mereka kecil dan perencanaan mereka lemah, namun mereka tetap teguh dan gigih menghadapi proses penghancuran yang ganas itu. Dan Allah tetap menguasai segala urusan-Nya.

وَٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٢﴾
وَأُمْلِى لَهُمْ ۚ إِنَّ كَيْدِى مَتِينٌ ﴿١٨٣﴾

"Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami akan Kami istidrajkan mereka perlahan-lahan ke jurang kebinasaan dari arah yang tidak diketahui mereka (182). Dan Aku memberi tempoh yang cukup kepada mereka. Sesungguhnya rancangan pembalasan-Ku amat rapi."(183)

Istidraj Ilahi ini merupakan satu kekuatan yang tidak pernah diperhitungkan ketika mereka melancarkan penentangan yang sengit terhadap agama Islam. Inilah kekuatan yang tidak pernah difikirkan oleh golongan manusia yang mendustakan ayat-ayat Allah. Mereka selama-lamanya tidak pernah memikirkan bahawa apa yang dilakukan mereka merupakan suatu istidraj Ilahi terhadap mereka dari arah yang tidak diketahui mereka. Mereka tidak pernah memperhitungkan bahawa istidraj itu suatu penangguhan 'azab Ilahi terhadap mereka untuk beberapa waktu. Mereka tidak percaya bahawa rancangan pembalasan Allah terhadap mereka telah diatur rapi dan kukuh. Mereka bekerjasama dan saling membantu di antara mereka dan mereka melihat kekuatan rakan-rakan setia mereka di bumi ini begitu ketara menyebabkan mereka lupa kepada kekuatan Ilahi Yang Maha Agung. Kekuatan istidraj Ilahi merupakan Sunnatullah dalam menghadapi golongan manusia yang mendustakan ayat-ayat Allah. Ia mengendurkan tali kekang untuk mereka dan menangguhkan hukuman 'azab terhadap mereka sebagai istidraj yang perlahan-lahan mengheret mereka ke jurang kebinasaan dan sebagai langkah meningkatkan rancangan pembalasan terhadap mereka. Siapakah yang mengaturkan rancangan pembalasan ini? Itulah Allah Yang Maha Gagah Perkasa, tetapi malangnya mereka tidak sedar, tetapi kesudahan yang baik tetap menjadi habuan golongan insan yang bertaqwa yang memberi hidayat dengan agama yang benar dan menegakkan keadilan dengan agama ini.

****

(Pentafsiran ayat-ayat 184 - 185)

Musuh-musuh Islam Diajak Mengguna Akal Fikiran Dan Pengamatan Deria-deria Yang Mendalam

Dengan ancaman yang ngeri tadi Al-Qur'an menghadapi golongan kaum Musyrikin yang mendustakan ayat-ayat Allah di negeri Makkah, tetapi pengertian nas Al-Qur'an selalunya menjangkau lebih jauh dari sesuatu peristiwa yang berlaku di waktu itu, di mana Al-Qur'an mengancam kaum Musyrikin kerana sikap mereka yang menentang jamaah Muslimin yang dinamakan "umat" mengikut istilah Islam, iaitu ancaman dalam bentuk penangguhan 'azab, istidraj dan perancangan balasan yang diatur dengan rapi dan kukuh. Kemudian dalam ayat yang berikut Al-Qur'an menyeru mereka supaya menggunakan akal fikiran, deria-deria penglihatan dan pendengaran agar mereka tidak menjadi penghuni Neraka jahannam dan orang-orang yang lalai. Ia menyeru mereka supaya memikirkan tentang rasul yang diutuskan kepada mereka, yang menyeru mereka kepada agama yang benar dan mengajak mereka berfikir tentang kejadian-kejadian di langit dan di bumi dan tentang bukti-bukti kekuasaan Allah yang terhambur di dalam kejadian-kejadian itu. Ia menyedarkan mereka tentang laluan waktu yang terus berlangsung, yang menyarankan bahawa mereka sedang mendekati ajal mereka yang majhul, sedangkan mereka terbenam di dalam kelalaian:

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا۟ ۗ مَا بِصَاحِبِهِم مِّن جِنَّةٍ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١٨٤﴾
أَوَلَمْ يَنظُرُوا۟ فِى مَلَكُوتِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ ٱللَّهُ مِن شَىْءٍ وَأَنْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ قَدِ ٱقْتَرَبَ أَجَلُهُمْ ۖ فَبِأَىِّ حَدِيثٍۭ بَعْدَهُۥ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٥﴾

"Apakah mereka tidak berfikir bahawa sahabat mereka (Muhammad) itu tidak sekali-kali menghidap penyakit gila. Dia tidak lain melainkan seorang rasul yang menyampaikan amaran yang jelas (184). Apakah mereka tidak melihat dengan teliti kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang telah diciptakan Allah dan memikirkan kemungkinan dekatnya ajal mereka? Oleh itu dengan penjelasan yang mana lagi yang mahu dipercayai mereka selepas penjelasan Allah?"(185)

Al-Qur'an menggerak dan menyedarkan mereka dari kelalaian dan menyelamatkan fitrah, akal dan perasaan mereka yang tertimbus di bawah timbunan sampah-sarap kepercayaan yang karut. Al-Qur'an berbicara dengan seluruh entiti manusia yang merangkumi alat-alat penerima dan penyambut yang ada padanya. Ia tidak mengemukakan kepada mereka satu perdebatan mental yang dingin, malah ia mahu menyelamatkan seluruh entiti mereka dan membersihkannya dari dalam lubuk hatinya:

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا۟ ۗ مَا بِصَاحِبِهِم مِّن جِنَّةٍ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١٨٤﴾

"Apakah mereka tidak berfikir bahawa sahabat mereka (Muhammad) itu tidak sekali-kali menghidap penyakit gila. Dia tidak lain melainkan seorang rasul yang menyampaikan amaran yang jelas."(184)

Dalam perang propaganda yang dilancarkan oleh pembesar-pembesar Quraisy terhadap Rasulullah s.a.w. untuk mempengaruhi orang ramai, mereka berkata: Muhammad itu menghidap penyakit gila dan oleh sebab itu ia mengeluarkan percakapan yang ganjil dan asing dari gaya pertuturan manusia biasa.

Rasulullah Dituduh Gila

Pembesar-pembesar Quraisy memang mengetahui bahawa apa yang dikatakan mereka terhadap Rasulullah s.a.w. itu adalah dusta. Menurut riwayat-riwayat yang saling mengukuh ternyata bahawa mereka memang tahu bahawa Rasulullah s.a.w. itu adalah, seorang yang benar dan mereka sendiri tidak dapat menahan diri mereka dari mendengar, Al-Qur'an dan terpengaruh kepadanya begitu mendalam. Kisah al-Akhnas ibn Surayq, Abu Sufyan ibn Harb, 'Amru ibn Hisyam atau Abu Jahl yang mendengar Al-Qur'an secara diam-diam selama tiga malam berturut-turut dan kesannya yang dirasakan dalam hati mereka memanglah suatu kisah yang terkenal. Begitu juga kisah 'Utbah ibn Rabi'ah yang telah mendengar bacaan Surah Fussilat dari Nabi s.a.w. sendiri dan terpesona dengan nada-nadanya yang menggoncangkan hati. Kisah yang sama dengan kisah ini ialah kisah mereka mengadakan komplot sebelum tiba musim haji untuk membuat tuduhan-tuduhan tertentu kepada Rasulullah s.a.w. dan bagaimana al-Walid ibn al-Mughirah mengambil keputusan untuk memberitahu rombongan orang-orang Arab yang datang berkunjung ke Baitullah bahawa Al-Qur'an yang dibawa oleh Muhammad itu adalah suatu sihir yang dinukilkan dari orang-orang yang dahulu. Semua riwayat membuktikan bahawa mereka bukannya jahil terhadap hakikat itu, cuma mereka merasa begitu angkuh untuk mengakuinya dan merasa bimbang bahawa kuasa dan kedudukan mereka akan tergugat dengan pengakuan La Ilaha Ilallah dan Muhammad itu pesuruh Allah, kerana pengakuan itu dengan sendirinya merampas hak mereka yang memperhambakan manusia kepada yang lain dari Allah dan mengancam seluruh Taghut yang berkulit manusia umumnya.

Oleh sebab itu mereka mempergunakan keunikan Al-Qur'an dan kelainannya dari pertuturan manusia yang biasa sebagaimana mereka mempergunakan kefahaman yang lumrah di kalangan mereka dan orang-orang yang sebelum mereka tentang wujudnya hubungan di antara orang yang mengeluarkan percakapan-percakapan yang mengandungi ramalan-ramalan dengan orang yang berpenyakit gila. Mereka hubungkan percakapan yang menggunakan kata-kata

dan lambang-lambang yang sulit itu kepada orang-orang yang gila mengikut bagaimana yang dikehendaki mereka dan mereka mendakwa bahawa percakapan yang sulit itu disampaikan kepada orang yang gila dari alam ghaib yang tidak dapat dilihat. Mereka mempergunakan semua tanggapan yang lumrah ini untuk menyarankan kepada orang ramai bahawa segala apa yang dituturkan oleh Muhammad itu adalah terbit dari penyakit gila yang dihidapinya. Dia mengeluarkan percakapan-percakapan yang aneh dan menarik itu kerana dia gila.

Al-Qur'an mengajak mereka berfikir dengan teliti tentang diri Muhammad yang pernah menjadi sahabat mereka, iaitu seorang yang, sangat dikenali mereka sebelum ini, seorang yang mereka benar-benar tahu tidak mempunyai sebarang cacat cela dan sebarang sifat yang abnormal, malah mereka akui kejujurannya dan sifatnya yang sentiasa bercakap benar, begitu juga mereka akui kebijaksanaannya hingga mereka bersetuju melantikkan beliau menjadi hakim untuk mengadili perbalahan mereka tentang siapakah yang wajar meletakkan Hajarul-Aswad di tempatnya. Mereka sebulat suara menerima keputusan pengadilannya yang dapat menghindarkan satu pergaduhan yang hampir tercetus di kalangan mereka. Mereka juga menjadikan beliau sebagai tempat simpanan barang-barang amanah mereka sehingga sampai kepada masa beliau berhijrah ke Madinah, di mana beliau berpesan supaya barang-barang simpanan yang diamanahkan mereka kepada beliau itu dikembalikan oleh sepupunya Saidina Ali Karramallahu wajhahu bagi pihak beliau.

Al-Qur'an mengajak mereka berfikir dengan teliti tentang diri sahabat mereka Muhammad yang terkenal kepada mereka seluruh masa silamnya, dan terdedah kepada mereka segala aktiviti hidupnya. Apakah beliau menghidap penyakit gila? Apakah ini perkataan orang gila dan apakah ini perbuatan orang gila? Tentulah tidak benar sama sekali!

مَا بِصَاحِبِهِم مِّن جِنَّةٍ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١٨٤﴾

"Sahabat mereka (Muhammad) itu tidak sekali-kali menghidap penyakit gila. Dia tidak lain melainkan seorang rasul yang menyampaikan amaran yang jelas."(184)

Maksudnya, dia bukannya seorang yang berfikir dengan akal yang tidak menentu, dan bukannya seorang yang bercakap dengan percakapan yang tidak berhujung pangkal, malah beliau adalah seorang rasul yang bertugas menyampaikan peringatan-peringatan dan amaran-amaran yang jelas. Percakapannya sama sekali tidak serupa dengan percakapan orang gila dan keadaannya juga sama sekali tidak sama dengan keadaan orang-orang gila. Kemudian....

أَوَلَمْ يَنظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِن شَيْءٍ

"Apakah mereka tidak melihat dengan teliti kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang telah diciptakan Allah."(185)

Usaha Melihat Dan Meneliti Alam Buana

Ini satu lagi goncangan untuk menyedarkan manusia di hadapan alam buana yang amat menakjubkan ini. Usaha melihat dan merenungi alam buana yang amat luas dan besar dengan hati yang terbuka dan dengan mata yang teliti sahaja sudah cukup untuk membangkitkan fitrah manusia yang tertimbus di bawah timbunan sampah-sarap kelalaian dan membuka jiwa mereka untuk memahami hakikat yang benar, yang tersembunyi di sebalik alam, memahami keindahan penciptaan dan ciri-cirinya yang melemahkan makhluk yang mana membuktikan kewujudan Khaliq Yang Maha Esa dan Maha Berkuasa. Usaha melihat dan merenungi sesuatu yang diciptakan Allah - alangkah banyaknya sesuatu yang diciptakan Allah di langit dan di bumi - akan menakjubkan hati dan mengagumkan fikiran, akan mendorongkan akal untuk mencari, sumber yang menciptakan semua makhluk ini dan mencari iradat yang memutuskan untuk mengadakan makhluk-makhluk itu dengan peraturan yang dirancangkan begitu rapi.

Mengapa makhluk-makhluk itu tetap dalam keadaannya yang ada dan tidak dalam keadaan-keadaan lain yang tidak terhingga banyaknya? Mengapa makhluk-makhluk itu berjalan mengikut jalan ini sahaja dan tidak mengikut jalan-jalan lain yang mungkin dilalui? Mengapa makhluk-makhluk itu tetap teguh menjalani jalan itu dan siapakah yang mengawalnya begitu? Apakah rahsia di sebalik persamaan tabi'at makhluk-makhluk itu jika bukan kerana wujudnya undang-undang alam yang sama yang terbit dari satu iradat yang sama yang mengendalikan perencanaan yang teratur?

Jisim yang hidup, malah sel yang hidup merupakan suatu mu'jizat yang terus menerus menakjubkan sama ada dari aspek kewujudannya, struktur kejadiannya dan pergerakannya, dan juga proses-proses perubahan yang terus menerus berlaku pada jisim dan sel yang hidup pada setiap detik dan kebolehan sel-sel itu memelihara kewujudannya iaitu kebolehannya memelihara sarana pembaharuan pada zuriat keturunannya, juga kebolehannya mengenal tugas-tugasnya dan kesinambungannya pada zuriat-zuriat keturunannya. Sesiapa yang melihat dan merenungi pergerakan dan perkembangan sel yang satu ini, maka apakah boleh ia meyakinkan akalnya bahawa alam ini wujud tanpa Tuhan atau di sana ada tuhan-tuhan yang lain di samping Allah?

Kelanjutan dan kesinambungan-hayat melalui persetubuhan lelaki dan perempuan dan zuriat keturunan merupakan saksi yang menyarankan kepada setiap hati dan akal kewujudan pentadbiran Allah Yang Maha Pencipta, Yang Maha Esa dan Maha Pentadbir. Jika tidak, siapakah yang memelihara hayat

melalui kewujudan lelaki dan perempuan yang berterusan pada zuriat keturunan dengan jumlah yang dapat melangsungkan perkahwinan itu? Mengapa hayat tidak pernah dilalui zaman, di mana hanya anak-anak lelaki sahaja atau anak-anak perempuan sahaja yang lahir? Seandainya ini berlaku tentulah zuriat keturunan manusia terputus setakat generasi ini sahaja. Oleh itu siapakah yang mengendalikan kemudi perimbangan yang berterusan itu pada seluruh generasi manusia?

Ciri keseimbangan dapat dilihat dengan jelas di dalam kejadian-kejadian di langit dan di bumi seluruhnya bukan sahaja di dalam kejadian-kejadian yang hidup sahaja, malah ia dapat dilihat dengan jelas dalam struktur atom dan galaksi, juga dalam perimbangan di antara kejadian-kejadian yang hidup dan kejadian benda-benda. Jika perimbangan ini rosak walaupun sekadar seurat rambut nescaya alam buana tidak mungkin mantap walau sedetik pun. Siapakah yang menerajui kemudi perimbangan yang agung di langit dan di bumi seluruhnya?[22].

Orang-orang Arab di Semenanjung Tanah Arab selaku orang-orang yang pertama kali dihadapkan Al-Qur'an ini kepada mereka tidak dapat memahami dengan ilmu pengetahuan yang ada pada mereka sejauh mana keseimbangan dan keselarasan yang wujud dalam kejadian-kejadian di langit dan di bumi seluruhnya dan dalam segala sesuatu yang diciptakan Allah, tetapi fitrah manusia sendiri bertemu dengan alam buana ini dalam lubuk hatinya dan berdialog dengannya melalui satu bahasa yang tidak dilafazkan kecuali dalam lubuk hati sahaja. Cukuplah bagi seseorang itu melihat dengan hati yang terbuka, dan dengan mata yang celik kepada alam buana ini supaya ia dapat menerima nada-nada dan saranan-saranannya yang mencetuskan inspirasi iman dan hidayat.

Manusia dengan daya fitrahnya dapat memahami - apabila ia menerima nada-nada inspirasi alam buana di dalam hatinya - bahawa alam ini mempunyai Tuhan. Hakikat ini tidak pernah hilang dari hatinya, ia hanya tersilap dalam menentukan sifat-sifat Allah yang sebenar sehingga dibangkitkan para rasul untuk menunjukkan kepadanya kefahaman dan tanggapan yang sebenar. [23]

Mengenai golongan atheis yang baru, iaitu pendukung-pendukung "sosialisme ilmiyah", mereka adalah golongan manusia yang berubah fitrah mereka, malah mereka menolak dan mengingkari fitrah itu sendiri dan menentang suara desakan fitrah yang terdapat dalam hati mereka. Apabila salah seorang angkasawan (Rusia) berada di angkasa dan melihat pemandangan alam yang amat indah dan gemilang iaitu pemandangan bumi terapung-apung di angkasa, maka fitrahnya lantas bersuara: Siapakah yang memegang bumi ini terapung-apung sedemikian rupa di angkasa? Tetapi apabila angkasawan ini turun semula ke bumi dan teringat kepada ancaman kerajaan, ia lantas berkata bahawa dia tidak menjumpai Allah di angkasa sana dan terus memendamkan suara fitrah yang bergema tadi di dalam hatinya ketika berdepan dengan keindahan kejadian-kejadian di langit dan bumi.

Allah yang berbicara kepada manusia dengan Al-Qur'an ini Dialah juga yang menciptakan manusia ini dan Dialah yang mengetahui fitrah manusia.

Manusia Disarankan Mengingati Kedatangan Ajal

Pada akhirnya ayat yang berikut mencubit hati mereka dengan menyebut kedatangan maut atau ajal dari alam ghaib yang majhul yang mungkin mendekati mereka tidak lama lagi, sedangkan mereka masih lalai:

وَأَنْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ قَدِ ٱقْتَرَبَ أَجَلُهُمْ

"Dan memikirkan kemungkinan dekatnya ajal mereka."(185)

Maksudnya, apakah mereka tahu bahawa ajal mereka sudah pun dekat? Mengapa mereka masih lalai, sedangkan mereka tidak dapat melihat urusan ghaib Allah dan tidak terlepas dari genggaman kekuasaan Allah?

Ayat yang mencubit hati agar mengingati ajal yang tidak nampak dan mungkin sudah pun hampir itu, merupakan suatu perkara yang amat menggoncangkan hati manusia supaya ia sedar, terbuka dan melihat. Allah yang menurunkan Al-Qur'an dan menciptakan makhluk insan memang mengetahui bahawa cubitan itu akan membuat tiada satu hati pun yang tinggal dalam keadaan lalai, tetapi setengah-setengah hati mungkin kembali berdegil dan berlagak angkuh selepas itu:

Cara Al-Qur'an Berbicara Dengan Manusia

"Oleh itu dengan penjelasan yang mana lagi yang mahu dipercayai mereka selepas penjelasan Allah."(185)

Tidak ada lagi penjelasan yang lain dari Al-Qur'an yang dapat menggoncang dan melembutkan hati manusia.

Sentuhan dan cubitan yang berkali-kali dibuat dalam satu ayat yang sama mendedahkan kepada kita bagaimana cara Al-Qur'an berbicara dengan hati manusia. Ia berbicara dengan manusia dari semua sudut dan tiada satu sudut pun yang ditinggalkan. Ia memetik semua tali ras manusia dan tiada satu tali pun yang ditinggalkan tanpa dipetik. Ia tidak berbicara dengan daya mental manusia, tetapi ia tidak mengabaikannya, malah ia mencubit dan menggerakkannya dalam rangka usaha menyedarkan

---

[22] *Lihat "* حقيقة الكون *" dan bab "* حقيقة الحياة *" dalam buku "* خصائص التصور الإسلامي ومقوماته *" bahagian yang kedua.*

[23] *Lihat bab "* الوهية وعبودية *" dan bab "* حقيقة الإنسان *" dalam sumber yang lepas.*

seluruh entiti manusia. Al-Qur'an tidak berbicara dengan manusia melalui perdebatan yang dingin, tetapi ia menghidupkan hati manusia supaya melihat dan berfikir dalam suasana di mana hati sedang mengalami denyut kepanasan hayat dan arusnya yang dirasa. Demikianlah cara yang seharusnya diikuti selamanya oleh methodologi da'wah kepada Allah, kerana manusia tetap manusia ia tidak pernah berubah kepada satu makhluk yang lain dan Al-Qur'an juga tetap Al-Qur'an selaku kalam Allah yang kekal dan selaku cara Allah berbicara dengan manusia yang tidak berubah itu walaupun setinggi mana ia belajar dan sejauh mana ia berkembang maju.

(Pentafsiran ayat 186)

Manusia Perlu Berusaha Untuk Menemui Hidayat

Di sini huraian ayat-ayat ini berhenti sejenak untuk membuat ulasan atau kesimpulan, di mana diterangkan perjalanan Sunnatullah mengenai hidayat dan kesesatan seseorang, iaitu mengikut kehendak iradat Allah yang memberi hidayat kepada mereka yang berusaha mencari hidayat dan menyesatkan mereka yang memalingkan hatinya dari memikirkan ayat-ayat Allah yang memberi hidayat dan inspirasi keimanan. Ini sesuai dengan apa yang telah diterangkan oleh rangkaian ayat-ayat ini sebelum ini mengenai golongan manusia yang dihadapkan dengan Al-Qur'an ini, iaitu mengikut cara dan kaedah Al-Qur'anul-Karim yang mengemukakan prinsip umum mengenai sesuatu contoh yang telah berlaku atau menerangkan Sunnatullah yang tetap sehubungan dengan sesuatu peristiwa yang telah berlalu:

مَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُۥ ۚ وَيَذَرُهُمْ فِي طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٨٦﴾

"Sesiapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang sanggup memberi hidayat dan Allah membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan mereka."(186)

Maksudnya, orang-orang yang sesat itu terjerumus di dalam kesesatan kerana mereka. lalai dari mengambil perhatian dan berfikir. Siapa yang lalai dari memerhati dan memikirkan ayat-ayat Allah akan disesatkan Allah dan siapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang dapat memberi hidayat kepadanya:

مَن يُضْلِلِ ٱللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُۥ ۚ

"Sesiapa yang disesatkan Allah, maka tiada siapa lagi yang sanggup memberi hidayat kepadanya."(186)

Maksudnya, siapa yang telah ditetapkan Allah menjadi sesat mengikut undang-undang-Nya yang tetap akan terus sesat dari jalan yang benar dan mereka akan terus meraba-raba di dalam kesesatan buat selama-lamanya:

وَيَذَرُهُمْ فِي طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٨٦﴾

"Dan Allah membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan mereka." (186)

Bukanlah suatu kezaliman apabila Allah membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan, kerana mereka sendiri yang telah menutup pintu hati dan penglihatan mereka, mereka sendiri yang menutup hati dan pancaindera mereka dan mereka sendiri yang tidak memerhati dan memikirkan keindahan makhluk-makhluk ciptaan Allah yang menakjubkan, tidak memikirkan rahsia-rahsia alam dan bukti-bukti dari kejadian alam, yang dihadapkan kepada mereka di dalam ayat yang lepas, sedangkan di mana sahaja mata memandang di alam itu, di sana ia melihat sesuatu yang menakjubkan, di mana sahaja ia membuka matanya, di sana ia melihat bukti kekuasaan Allah, di mana sahaja ia menoleh kepada dirinya atau kepada sesuatu yang berada di sekelilingnya ia akan melihat sesuatu yang mengkagumkannya dalam struktur kejadiannya dan segala sesuatu yang berada di sekelilingnya. Oleh sebab itu apabila seorang itu sengaja membutakan matanya dari melihat semua kejadian ini, maka Allah akan membiarkannya terus buta. Dan apabila ia terus sesat selepas itu dan terus melampaui jalan yang benar, maka Allah akan membiarkannya di dalam kesesatan sehingga ia binasa:

وَيَذَرُهُمْ فِي طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٨٦﴾

"Dan Allah membiarkan mereka meraba-raba di dalam kesesatan mereka."(186)

(Pentafsiran ayat-ayat 187 - 188)

Mereka yang lalai dan membutakan mata mereka dari melihat dan memikirkan kejadian-kejadian alam yang berada di sekeliling mereka tiba-tiba mengajukan pertanyaan kepada Rasulullah s.a.w. tentang waktu berlakunya Qiamat yang begitu jauh tersembunyi di alam ghaib yang majhul, mereka adalah sama dengan orang yang tidak pernah melihat apa yang ada di bawah tapak kakinya tiba-tiba ia mahu melihat apa yang ada di seberang ufuk yang jauh.

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلسَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَىٰهَا ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ رَبِّي ۖ لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَآ إِلَّا هُوَ ۚ ثَقُلَتْ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً ۗ يَسْـَٔلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا ۖ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ ٱللَّهِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾

قُل لَّآ أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَلَوْ كُنتُ أَعْلَمُ ٱلْغَيْبَ لَٱسْتَكْثَرْتُ مِنَ ٱلْخَيْرِ

وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٨﴾

"Mereka menanyakan engkau tentang hari Qiamat, bilakah waktu berlakunya? Jawablah: Ilmu waktu kedatangannya hanya tersimpan di sisi Tuhanku sahaja. Tiada siapa yang dapat menjelaskannya kecuali Dia. Kedatangannya melahirkan akibat yang amat berat di langit dan di bumi dan ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mendadak. Mereka bertanya engkau seolah-olah engkau benar-benar mengetahui waktu kedatangannya. Katakanlah: Sesungguhnya ilmu waktu kedatangannya hanya tersimpan di sisi Allah sahaja, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.(187) Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu kemanfa'atan kepada diriku dan tidak pula berkuasa menolak sesuatu kemudharatan dari diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan jika aku mengetahui urusan ghaib tentulah aku dapat memperbanyakkan segala yang baik dan tentulah aku tidak pernah disentuh sesuatu kesusahan. Sebenarnya aku ini tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran dan menyampaikan berita gembira kepada golongan orang-orang yang beriman."(188)

Kehidupan Alam Akhirat Merupakan Kepercayaan Asing Kepada Kaum Musyrikin Arab

Kepercayaan kepada hari Akhirat termasuk hisab dan balasan yang akan berlangsung pada hari itu telah memeranjatkan kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab. Mereka benar-benar terkejut, sedangkan kepercayaan ini merupakan rukun kepercayaan yang teguh di dalam agama Ibrahim dan Ismail a.s yang menjadi datuk nenek mereka, tetapi oleh sebab mereka telah dilalui masa yang begitu lama dan jarak di antara rukun-rukun kepercayaan dengan rukun-rukun kepercayaan Islam yang dipegang oleh Ibrahim dan Ismail itu menjadi begitu jauh hingga kepercayaan kepada hari Akhirat itu lenyap sama sekali di dalam pemikiran dan kefahaman mereka, malah kepercayaan kepada hari Akhirat dalam hemat mereka merupakan sesuatu yang amat asing dan amat jauh dari kefahaman mereka hingga mereka merasa hairan terhadap Rasulullah s.a.w. apabila beliau menceritakan kepada mereka tentang hidup selepas mati, iaitu tentang kebangkitan semula, perhimpunan di hadapan Allah, upacara hisab dan balasan sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an di dalam surah yang lepas:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا هَلْ نَدُلُّكُمْ عَلَىٰ رَجُلٍ يُنَبِّئُكُمْ إِذَا مُزِّقْتُمْ كُلَّ مُمَزَّقٍ إِنَّكُمْ لَفِي خَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿٧﴾ أَفْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَمْ بِهِ جِنَّةٌ ۗ بَلِ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ فِي الْعَذَابِ وَالضَّلَالِ الْبَعِيدِ ﴿٨﴾

"Orang-orang kafir berkata (sesama mereka) Apakah kamu suka kami tunjukkan kepada kamu seorang lelaki (Muhammad) yang menceritakan kepada kamu: Jika (kamu mati dan jasad kamu) menjadi hancur lebur, kamu akan diciptakan kembali, apakah dia berdusta terhadap Allah atau ia menghidap penyakit gila, malah orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat tetap dikenakan 'azab dan berada di dalam kesesatan yang amat jauh."

(Surah Saba': 7-8)

Allah S.W.T., mengetahui bahawa umat Muslimin yang bertugas memimpin umat manusia tidak berupaya memimpin mereka dan menjadi saksi terhadap mereka melainkan apabila kepercayaan kepada hari Akhirat cukup jelas dan kukuh di dalam hati nurani mereka. Kefahaman yang menanggap hidup ini sebagai suatu masa yang terbatas dengan batas-batas hidup di dunia dan batas-batas bumi yang kecil ini sahaja tidak mampu untuk mewujudkan satu umat yang bersifat dan bertugas seperti ini.

Kepercayaan Kepada Alam Akhirat Merupakan Keperluan Kepada Perjuangan

Kepercayaan kepada hari Akhirat membuktikan keluasan kefahaman dan kelapangan jiwa. Kesinambungan hayat dunia dengan hayat Akhirat itu merupakan suatu keperluan untuk membentuk jiwa manusia itu sendiri supaya benar-benar layak untuk memikul tugas da'wah yang amat besar itu, juga merupakan suatu keperluan untuk mengawal diri dari dorongan nafsu keinginannya yang kecil dan tamak halobanya yang terbatas, di samping merupakan suatu keperluan untuk meluaskan bidang bergerak dan bertindak supaya hati mereka tidak cepat berputus asa dengan hasil-hasil pencapaian yang sedikit dan tidak patah semangat dengan sebab pengorbanan yang besar untuk terus berjuang menyampaikan berita balasan-balasan Akhirat kepada mereka dan menggalakkan mereka melakukan kebaikan dan memimpin mereka ke arah kebaikan walaupun hasil pencapaiannya tidak seberapa sedangkan pengorbanannya amat pedih. Itulah sifat-sifat dan semangat yang di perlu untuk memikul tugas da'wah yang agung itu.

Kepercayaan kepada hari Akhirat merupakan persimpangan jalan di antara pandangan dan kefahaman yang luas dalam tanggapan "manusia" dengan pandangan yang, sempit dan terbatas dalam lingkungan pancaindera dalam tanggapan ala "haiwan', sedangkan tanggapan ala haiwan tidak layak untuk memimpin umat manusia dan memikul amanah Allah dalam menegakkan khilafah yang membawa ke jalan yang benar.

Oleh sebab itulah kepercayaan kepada hari Akhirat amat ditekankan dalam agama Allah seluruhnya. Di samping itu gambaran yang luas, mendalam dan jelas bagi alam Akhirat di dalam agama yang terakhir ini telah mencapai kemuncaknya sehingga kedudukan alam Akhirat di dalam hati umat Muslimin lebih kukuh dan jelas dari dunia yang dihayatinya sekarang. Dengan kepercayaan yang sedemikian teguh terhadap alam Akhirat, kaum Muslimin layak menerajui kepimpinan umat manusia, iaitu kepimpinan yang membawa manusia ke jalan yang benar, yang telah dirakam oleh sejarah manusia.

Dalam ayat yang berikut dari Surah al-A'raf ini kita sekarang berdepan dengan gambaran kaum Musyrikin yang menolak dan merasa aneh terhadap kepercayaan kepada hari Akhirat. Gambaran itu nampak jelas dalam pertanyaan mereka yang sinis, menolak dan tidak sopan.

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلسَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَىٰهَا ۖ

"Mereka menanyakan engkau tentang hari Qiamat, bilakah waktu berlakunya."(187)

Waktu Qiamat Tersimpan Dalam Ilmu Allah

Qiamat merupakan salah satu dari urusan-urusan ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Tiada siapa dari makhluk-Nya yang mengetahui waktu Qiamat, tetapi kaum Musyrikin bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai waktunya. Pertanyaan itu bermaksud menguji dan mencabar atau bermaksud menyatakan kehairanan dan rasa aneh atau bermaksud memandang enteng dan mempersenda-sendakan hari Akhirat:

أَيَّانَ مُرْسَىٰهَا ۖ

"Bilakah waktu berlakunya?"(187)

Yakni bilakah tiba waktunya?

Rasulullah s.a.w hanya seorang manusia. Ia tidak pernah mendakwa mengetahui sesuatu yang berada di luar kemampuan manusia. Ia tidak pernah melampaui batas-batas kemampuannya, malah beliau diperintah menyerahkan urusan itu kepada Allah dan memberitahu kepada manusia bahawa ilmu urusan ghaib itu adalah dari ciri-ciri Uluhiyah dan dia hanya seorang manusia yang tidak mengetahui sesuatu yang di luar kemampuan manusia dan tidak berkuasa melampaui batas-batas kemampuannya. Hanya Allah sahaja yang mengetahui waktu Qiamat ini dan Dialah yang mewahyukan kepadanya apa yang dikehendaki-Nya:

قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ رَبِّى ۖ لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَآ إِلَّا هُوَ ۚ

"Jawablah: Waktu kedatangannya hanya tersimpan di sisi Tuhanku sahaja. Tiada siapa yang dapat menjelaskannya kecuali Dia."(187)

Maksudnya, Allah sahaja yang mengetahui waktu Qiamat dan Dia tidak pernah menjelaskannya melainkan apabila tiba waktunya dan tiada siapa selain Allah yang dapat menjelaskannya.

Kemudian ayat yang berikut mengalih pandangan mereka dari minat mengemukakan pertanyaan tentang waktu Qiamat kepada minat memikirkan tentang tabi'at dan hakikat Qiamat dan menyedari kehebatan dan kedahsyatannya. Awaslah! Qiamat itu amat besar padanya, amat berat akibatnya, amat berat kesannya kepada langit dan bumi dan di samping itu pula Qiamat akan datang secara mendadak ketika manusia di lamun kelalaian:

ثَقُلَتْ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً ۗ

"Qiamat melahirkan akibat yang amat berat di langit dan di bumi dan ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mendadak."(187)

Oleh sebab itu perhatian lebih baik ditumpukan kepada usaha menyedia dan melengkapkan diri sebelum Qiamat datang mendadak, kerana apabila ia datang, maka segala langkah berwaspada tidak berguna lagi. Bersedialah dari sekarang ketika waktu masih ada dan ketika usia masih bersisa. Siapa tahu selepas ini Qiamat melanda.

Kemudian ayat yang berikut menyatakan kehairanan terhadap mereka yang bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang waktu Qiamat, kerana mereka tidak memahami tabi'at kerasulan dan hakikat rasul, juga tidak mengetahui hakikat Uluhiyah dan adab seseorang rasul di hadapan Allah Yang Maha Agung.

يَسْـَٔلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِىٌّ عَنْهَا ۖ

"Mereka bertanya engkau seolah-olah engkau benar-benar mengetahui waktu kedatangannya."(187)

Yakni seolah-olah engkau selalu bertanya Allah tentangnya, seolah-olah engkau ditugas Allah untuk memberitahu masa kedatangannya, sedangkan Rasulullah s.a.w. tidak akan mengemukakan pertanyaan kepada Allah jika perkara itu diketahuinya dari ikhtisas ilmu Allah sahaja:

قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِندَ ٱللَّهِ

"Katakan (kepada mereka) sesungguhnya pengetahuan tentang waktu kedatangan hari Qiamat itu hanya tersimpan di sisi Allah sahaja."(187)

وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾

"Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."(187)

Persoalan ini bukannya persoalan Qiamat sahaja, malah merangkumi segala urusan ghaib. Hanya Allah sahaja yang mengetahui urusan ghaib dan Allah tidak memperlihatkan urusan-urusan ghaib itu kecuali kepada orang yang dikehendaki-Nya sekadar yang dikehendaki-Nya dan di waktu yang dikehendaki-Nya. Oleh sebab itu manusia tidak berkuasa mendatangkan manfa'at dan mudharat ke atas dirinya. Kadang-kadang mereka melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu kebaikan kepada diri mereka, tetapi akibatnya ia ditimpa akibat yang buruk. Kadang-kadang mereka melakukan sesuatu dengan tujuan untuk menolakkan sesuatu keburukan, tetapi akibatnya yang ghaib menimpakan keburukan ke atas diri mereka. Kadang-kadang mereka melakukan sesuatu yang tidak disukainya, tiba-tiba akibatnya membawa kebaikan kepada mereka, dan kadang-kadang mereka melakukan sesuatu yang disukainya, tiba-tiba akibatnya membawa kemudharatan kepada mereka:

وَعَسَىٰٓ أَن تَكْرَهُوا۟ شَيْـًٔا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّوا۟ شَيْـًٔا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ ۗ

"Dan boleh jadi kamu bencikan sesuatu sedangkan ia mendatangkan kebaikan kepada kamu, dan boleh jadi kamu sukakan sesuatu, sedangkan ia mendatangkan keburukan kepada kamu."

(Surah al-Baqarah: 216)

Penyair (Ibn ar-Rumi) pernah bermadah.[24]

Sebelum aku pergi
Siapa dapat mempasti
Matlamat pemergianku ini
Dari mana mereka ketahui
Matlamat yang tersembunyi
Ia tidak mungkin diketahui
Kecuali sesudah pergi

Penyair ini menggambarkan kedudukan seseorang manusia menghadapi perkara ghaib yang majhul. Sejauh mana seseorang itu tahu dan setinggi mana ia belajar, namun kedudukannya dalam menghadapi pintu alam ghaib yang tertutup atau menghadapi tabir ghaib yang terlabuh itu tetap mengingatkan tentang hakikat kedudukan sebagai manusia yang dihijab dari alam ghaib yang tersembunyi.

Rasulullah s.a.w. yang mempunyai kedudukan yang begitu akrab dengan Allah telah diperintah mengumumkan kepada manusia bahawa dalam urusan menghadapi perkara alam ghaib, beliau adalah sama sahaja seperti manusia-manusia yang lain. Beliau juga tidak berkuasa mendatangkan manfa'at dan mudharat kepada dirinya kerana beliau tidak mengetahui perkara yang ghaib dan tidak pula mengetahui matlamat-matlamat sebelum pergi, beliau tidak mengetahui nasib kesudahan segala tindak lakunya. Oleh sebab itu beliau tidak berupaya untuk memilih akibat dari tindak lakunya, dalam erti jika beliau faqir perbuatannya boleh mendatangkan kebaikan beliau terus lakukannya, dan sebaliknya jika beliau fikir akibatnya buruk, beliau terus menahankan diri dari melakukannya. Beliau hanya bertindak, sedangkan akibatnya berlaku mengikut apa yang telah direncanakan Allah di alam ghaib-Nya yang tersembunyi:

قُل لَّآ أَمْلِكُ لِنَفْسِى نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَلَوْ كُنتُ أَعْلَمُ ٱلْغَيْبَ لَٱسْتَكْثَرْتُ مِنَ ٱلْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِىَ ٱلسُّوٓءُ ۚ

"Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu kemanfa'atan kepada diriku dan tidak pula berkuasa menolak sesuatu kemudharatan dari diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan jika aku mengetahui urusan ghaib tentulah aku dapat memperbanyakkan segala yang baik dan tentulah aku tidak pernah disentuh sesuatu kesusahan."(188)

Dengan pengumuman ini sempurnalah segala ciri pembersihan yang mutlak bagi akidah tauhid Islamiyah, iaitu pembersihan yang total dari segala bentuk syirik, dan sempurnalah keunikan zat Uluhiyah dengan ciri-ciri yang tidak disyarikati oleh manusia di dalam mana-mana aspek sekalipun walaupun manusia ini ialah Nabi Muhammad sendiri yang menjadi utusan-Nya, kekasih-Nya dan hamba pilihan-Nya. Ketika berada di ambang pintu alam ghaib, seluruh tenaga dan kemampuan manusia terhenti di bawahnya dan seluruh ilmunya juga terhenti di bawahnya, dan di perbatasan-perbatasan manusia inilah juga berdirinya Rasulullah s.a.w. dan di sinilah juga terbatasnya tugas beliau:

إِنْ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٨﴾

"Sebenarnya aku ini tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran dan menyampaikan berita gembira kepada golongan orang-orang yang beriman."(188)

Anak Kunci Kemanisan Dan Rahsia Al-Qur'an Ialah Keimanan

Rasulullah s.a.w. hanya seorang utusan yang bertugas memberi amaran dan menyampaikan berita gembira kepada seluruh manusia, tetapi hanya golongan orang-orang yang beriman sahaja yang mengambil manfa'at dari amaran dan berita gembira yang di sampaikan beliau. Merekalah sahaja yang memahami hakikat ajaran yang dibawa beliau, merekalah sahaja yang dapat memahami rahsia-rahsia di sebalik ajaran-ajaran yang dibawa olehnya. Merekalah kumpulan terpilih dari umat-umat manusia di samping kumpulan pilihan Rasulullah s.a.w. di antara seluruh individu-individu manusia yang lain."

Sesuatu perkataan yang benar itu tidak dapat menyampaikan maknanya yang haqiqi kecuali kepada hati yang terbuka, kecuali kepada akal yang menyambut dan menerimanya. Begitu juga Al-Qur'an, ia tidak membuka perbendaharaannya, tidak mendedahkan rahsia-rahsianya dan tidak menghidangkan buah-buahannya yang citarasa melainkan kepada golongan manusia yang beriman. Setengah-setengah sahabat Rasulullah s.a.w. telah menceritakan: Kami dikurniakan keimanan sebelum dikurniakan Al-Qur'an. Keimanan inilah yang membuat mereka dapat menghayati Al-Qur'an dengan citarasa yang murni, dapat memahami makna-maknanya dan tujuan-tujuannya dengan kefahaman yang tepat dan dapat menunjukkan kejayaan-kejayaan gemilang yang luar biasa dalam jangka waktu yang amat pendek.

Generasi sahabat yang unik itu dapat mengecapi kemanisan Al-Qur'an, dapat menikmati nurnya dan menghayati penjelasannya yang meletakkan titik perbezaan yang jelas di antara yang hak dan yang batil.... mereka dapat mengecapi kenikmatan-

[24] ألا من يريني غايتي قبل مذهبي * ومن أين والغاياتُ بعد المذاهبِ

kenikmatan yang tidak dapat dikecapi melainkan oleh orang-orang yang mempunyai keimanan yang setaraf dengan generasi mereka. Jika Al-Qur'an menjadi pendorong yang menarik jiwa mereka kepada keimanan, maka keimananlah yang menjadi anak kunci yang membuka rahsia-rahsia Al-Qur'an yang memang tidak dapat dibuka melainkan dengan keimanan.

Hidup Dengan Al-Qur'an Tanpa Dicampuri Kalam Manusia

Mereka hidup dengan Al-Qur'an dan kerana Al-Qur'an. Oleh sebab itulah mereka menjadi satu generasi Muslimin yang unik, dan tidak pernah berulang dengan bilangan mereka yang sebegitu ramai dan dengan darjat keimanan mereka yang sempurna dan setaraf di dalam seluruh sejarah Islam, kecuali dalam bentuk segelintir individu-individu di sepanjang sejarah Islam yang mengikuti jejak generasi sahabat yang luhur dan mengkagumkan itu.

Mereka telah memberi seluruh diri mereka kepada Al-Qur'an dalam jangka waktu yang lama, dan selama itu matair Al-Qur'an yang jernih itu tidak pernah dicampuri dengan kalam manusia kecuali kalam Rasulullah s.a.w. dan bimbingannya kerana kalam Rasulullah adalah dari matair Al-Qur'an itu sendiri. Oleh sebab itulah generasi sahabat yang unik itu dapat menunjukkan kejayaan-kejayaan yang luar biasa.

Langkah yang paling wajar bagi mereka yang ingin melaksanakan peranan yang dimainkan oleh generasi sahabat itu ialah mengikuti jejak langkah mereka, iaitu hidup dengan Al-Qur'an dan kerana Al-Qur'an dalam jejak waktu yang lama, di mana akal dan hati mereka tidak dicampuri dengan kalam manusia. Inilah jejak langkah yang membolehkan mereka dapat hidup seperti generasi sahabat.

(Pentafsiran ayat-ayat 189 - 198)

Rangkaian ayat-ayat yang berikut merupakan suatu pembicaraan baru mengenai isu tauhid yang dimulakan dengan kisah penciptaan manusia untuk menggambarkan langkah-langkah penyelewengan dari tauhid kepada syirik. Kisah ini seolah-olah kisah penyelewengan kaum Musyrikin Arab dari agama datuk nenek mereka Nabi Ibrahim a.s. kemudian diakhiri dengan kecaman terhadap perbuatan mereka yang karut, iaitu perbuatan menyembah berhala dan mempersekutukannya dengan Allah. Perbuatan ini adalah satu perbuatan yang terang-terang salah yang dapat dibuktikan dengan sekilas pandang dan sekelumit pemikiran. Kemudian kecaman itu disudahi dengan satu arahan supaya Rasulullah s.a.w. mencabar mereka dan berhala-berhala yang disembah mereka selain Allah serta mengumumkan pendiriannya bahawa ia sentiasa berlindung pada Allah Yang Maha Esa sahaja dan Dialah satu-satunya Pelindung dan Penolongnya.

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا ۖ فَلَمَّا تَغَشَّىٰهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا فَمَرَّتْ بِهِۦ ۖ فَلَمَّآ أَثْقَلَت دَّعَوَا ٱللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ ءَاتَيْتَنَا صَٰلِحًا لَّنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ١٨٩

فَلَمَّآ ءَاتَىٰهُمَا صَٰلِحًا جَعَلَا لَهُۥ شُرَكَآءَ فِيمَآ ءَاتَىٰهُمَا ۚ فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ١٩٠

أَيُشْرِكُونَ مَا لَا يَخْلُقُ شَيْـًٔا وَهُمْ يُخْلَقُونَ ١٩١

وَلَا يَسْتَطِيعُونَ لَهُمْ نَصْرًا وَلَآ أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ١٩٢

وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَتَّبِعُوكُمْ ۚ سَوَآءٌ عَلَيْكُمْ أَدَعَوْتُمُوهُمْ أَمْ أَنتُمْ صَٰمِتُونَ ١٩٣

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ عِبَادٌ أَمْثَالُكُمْ ۖ فَٱدْعُوهُمْ فَلْيَسْتَجِيبُوا۟ لَكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ١٩٤

أَلَهُمْ أَرْجُلٌ يَمْشُونَ بِهَآ ۖ أَمْ لَهُمْ أَيْدٍ يَبْطِشُونَ بِهَآ ۖ أَمْ لَهُمْ أَعْيُنٌ يُبْصِرُونَ بِهَآ ۖ أَمْ لَهُمْ ءَاذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا ۗ قُلِ ٱدْعُوا۟ شُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنظِرُونِ ١٩٥

إِنَّ وَلِـِّۧىَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ١٩٦

وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَكُمْ وَلَآ أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ١٩٧

وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَسْمَعُوا۟ ۖ وَتَرَىٰهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ وَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ١٩٨

"Dialah yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu dan darinya Dia menciptakan isterinya supaya ia dapat bermesra dengannya. Kemudian apabila ia mencampuri isterinya, iapun hamil dengan kandungan yang ringan. Dan dia terus berkembang dengannya dan kemudian apabila kandungannya dirasa berat lantas kedua-duanya berdo'a kepada Tuhan mereka: (Wahai Tuhan kami), jika Engkau kurniakan kepada kami anak yang baik dan sempurna kejadiannya, nescaya kami akan tetap menjadi golongan orang-orang yang bersyukur (189). (Tetapi) apabila Allah mengurniakan kepada mereka anak yang baik dan sempurna kejadiannya, lantas mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah sehubungan dengan anak yang dikurniakan kepada mereka. Maha Suci Allah dari sekutu-sekutu yang diada-adakan mereka (190). Apakah wajar mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak pernah menciptakan sesuatu apa pun, sedangkan sekutu-sekutu itu sendiri diciptakan Allah (191). Dan sekutu-sekutu itu tidak berkuasa menolong mereka dan tidak pula dapat menolong diri sendiri (192). Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan yang betul nescaya mereka tidak dapat mengikut kehendak kamu. Sama sahaja hasilnya kepada kamu sama ada kamu menyeru mereka atau kamu tinggal diam membisu (193). Sesungguhnya sekutu-sekutu yang kamu pohon selain dari Allah itu adalah hamba-hamba-Nya (makhluk-makhluk) yang sama seperti kamu (Jika tidak) silalah kamu pohon kepada mereka dan biarlah mereka menyambut permohonan kamu jika kamu orang-orang yang benar (194). Apakah mereka (sekutu-sekutu) itu mempunyai kaki-kaki yang dapat mereka berjalan dengannya atau mempunyai tangan-tangan yang dapat mereka memukul dengannya atau mempunyai mata-mata yang dapat mereka melihat dengannya atau mempunyai telinga-telinga yang dapat mereka mendengar dengannya. Katakanlah (wahai Muhammad): Panggillah sekutu-sekutu kamu itu kemudian lakukanlah angkara tipudaya terhadapku (dengan segera) dan janganlah kamu memberi sebarang tangguhan kepadaku (195). Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh (196). Dan sekutu-sekutu yang kamu pohon pertolongan selain dari Allah itu tidak berkuasa menolong kamu dan tidak pula berkuasa menolong diri mereka sendiri (197). Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan hidayat nescaya mereka tidak dapat mendengarnya dan engkau memandang mereka melihat kepadamu, sedangkan sebenarnya mereka tidak dapat melihat."(198)

Itulah pembicaraan mengenai kefahaman-kefahaman jahiliyah, dan apabila kefahaman ini menyeleweng diri konsep 'Ubudiyah kepada Allah Yang Maha Esa, maka ia tidak terhenti di batas kekarutan dan kesesatan sahaja, malah ia tidak akan kembali berfikir lagi. Ayat-ayat ini menggambarkan langkah-langkah yang dilalui oleh penyelewengan dari tangga pertama dan berakhir dengan kesesatan yang amat jauh.

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا ۖ فَلَمَّا تَغَشَّىٰهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا فَمَرَّتْ بِهِۦ ۖ فَلَمَّآ أَثْقَلَت دَّعَوَا ٱللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ ءَاتَيْتَنَا صَٰلِحًا لَّنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٨٩﴾

"Dialah yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu dan darinya Dia menciptakan isterinya supaya ia dapat bermesra dengannya. Kemudian apabila ia mencampuri isterinya, ia pun hamil dengan kandungan yang ringan. Dan dia terus berkembang dengannya dan kemudian apabila kandungannya dirasa berat lantas kedua-duanya berdo'a kepada Tuhan mereka: (Wahai Tuhan kami), jika Engkau kurniakan kepada kami anak yang baik dan sempurna kejadiannya, nescaya kami akan tetap menjadi golongan orang-orang yang bersyukur."(189)

Itulah kecenderungan fitrah semulajadi yang Allah fitrahkan manusia di atasnya, iaitu mereka dari semulajadi lagi bertawajjuh kepada Allah selaku Tuhan mereka dan mengi'tirafkan Rububiah Allah dengan pengi'tirafan yang bersih dari segala syirik ketika mereka berada di dalam suasana kebimbangan dan keinginan yang lahap terhadap sesuatu. Itulah gambaran fitrah yang bermula dari asal usul kejadian manusia dari struktur pasangan lelaki dan perempuan dan tabi'atnya:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا ۖ

"Dialah yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu dan darinya Ia, menciptakan isterinya supaya ia dapat bermesra dengannya."(189)

Hikmat Di Sebalik Pasangan Lelaki Dan Perempuan

Maksudnya, kejadian kamu adalah dari satu diri yang sama tabi'at strukturnya walaupun berlainan fungsinya di antara lelaki dan perempuan. Kelainan ini bertujuan mendorong suami merasa kasih mesra dan tenang tenteram terhadap isterinya. Inilah pandangan Islam terhadap hakikat manusia dan fungsi struktur hidup berpasangan. Pandangan ini adalah satu pandangan yang sempurna dan benar yang dibawa oleh agama ini sejak empat belas abad yang lampau, di mana agama-agama yang terpesong memandang kaum wanita sebagai punca malapetaka manusia dan menganggapkan mereka sebagai suatu laknat, sebagai suatu kekotoran dan sebagai perangkap kesesatan dan godaan yang harus diawasi sekeras-kerasnya, di mana-mana agama-agama yang menyembah berhala - hingga ke hari ini - memandang perempuan sebagai barang keciciran atau setinggi-tingginya sebagai pelayan yang lebih rendah darjatnya dari kaum lelaki dan ia sendiri pada umumnya tidak mempunyai apa-apa nilai.

Hikmat semulajadi pertemuan suami isteri ialah untuk mewujudkan ketenangan, ketenteraman, kasih mesra dan kestabilan perasaan agar suasana kerukunan dan aman damai menyelubungi rumahtangga, di mana lahir dan suburnya zuriat keturunan selaku produksi insan yang amat berharga dan di mana generasi baru dididik dan diasuh untuk melayakkannya menerima warisan tamadun manusia dan untuk terus memberi sumbangan tambahan kepadanya. Pertemuan suami isteri bukan dijadikan semata-mata untuk tujuan menikmati kelazatan yang berlalu sejenak dan memenuhi keinginan nafsu yang

mendadak, begitu juga ia bukan dijadikan untuk tujuan mewujudkan pertelingkahan dan pergeseran atau mewujudkan pertentangan dalam bidang tugas dan tanggungjawab. Atau mewujudkan pertindihan bidang tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang berlaku di dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah baik di zaman lama mahupun di zaman moden.

Pengurniaan Cahaya Mata Dibalas Dengan Amalan Syirik

Selepas itu ayat yang berikut mulakan kisah kesinambungan zuriat manusia dari babaknya yang pertama:

فَلَمَّا تَغَشَّىٰهَا حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا فَمَرَّتْ بِهِۦ

"Kemudian apabila ia mencampuri isterinya, ia pun hamil dengan kandungan yang ringan dan terus berkembang dengannya."(189)

Al-Qur'an mengungkapkan dengan gaya bahasa yang lembut dan halus ketika menggambarkan hubungan kelamin pertama di antara suami isteri:

فَلَمَّا تَغَشَّىٰهَا

"Kemudian apabila ia mencampuri isterinya."(189)

Pengungkapan itu bertujuan menyelaraskan gambaran hubungan kelamin dalam suasana mesra dan rukun, juga bertujuan menghaluskan gambaran aksi hubungan itu hingga seolah-olah ia kelihatan seperti suatu percampuran atau percantuman di antara dua pihak bukannya pertemuan atau persetubuhan dua badan. Gambaran ini juga bertujuan menyarankan kepada manusia cara hubungan kelamin cara insan yang lemah-lembut dan berbeza dari hubungan kelamin cara haiwan yang kasar. Begitu juga Al-Qur'an mengungkap-kan dengan gaya bahasa yang halus ketika menggambarkan fasa pertama kehamilan:

حَمَلَتْ حَمْلًا خَفِيفًا

"Hamil dengan kandungan yang ringan."(189)

Dan si ibu terus berkembang subur dengannya tanpa merasa berat, malah seolah - olah tidak dirasai apa-apa.

Kemudian tiba pula fasa yang kedua:

فَلَمَّآ أَثْقَلَت دَّعَوَا ٱللَّهَ رَبَّهُمَا لَئِنْ ءَاتَيْتَنَا صَٰلِحًا لَّنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٨٩﴾

"Apabila kandungannya dirasa berat lantas kedua-duanya berdo'a kepada Tuhan mereka (wahai Tuhan kami) Jika engkau kurniakan kepada kami anak yang baik dan sempurna kejadiannya nescaya kami tetap menjadi golongan orang-orang yang bersyukur."(189)

Maksudnya, apabila kehamilan telah ketara dan hati suami isteri meletak kasih sayang pada anak yang sedang dikandung itu dan masing-masing berharap dan bercita agar anak yang bakal lahir itu seorang anak yang baik dan sempurna kejadiannya atau sebagainya dari impian dan angan-angan indah ayah dan ibu terhadap anak mereka yang sedang di dalam perut ibu yang gelap dan di alam ghaib yang kelam. Ketika di lambung angan-angan dan harapan yang tinggi, fitrah manusia menjadi begitu sedar dan segar dan terus bertawajjuh kepada Allah dan mengi'tirafkan Rububiah-Nya Yang Maha Esa dan meletakkan seluruh harapannya kepada Allah sahaja kerana perasaan ladunninya benar-benar yakin bahawa Allah itulah satu-satunya sumber kekuatan, nikmat dan limpah kurnia di alam ini. Oleh sebab itulah mereka berdo'a: "Wahai Tuhanku, jika Engkau kurniakan kepada kami anak yang baik dan sempurna kejadiannya nescaya kami tetap menjadi golongan orang-orang yang bersyukur,"

فَلَمَّآ ءَاتَىٰهُمَا صَٰلِحًا جَعَلَا لَهُۥ شُرَكَآءَ فِيمَآ ءَاتَىٰهُمَا ۚ فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٩٠﴾

"(Tetapi) apabila Allah mengurniakan kepada mereka anak yang baik dan sempurna kejadiannya lantas mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah sehubungan dengan anak yang dikurniakan kepada mereka. Maha Suci Allah dari sekutu-sekutu yang diada-adakan mereka."(190)

Cerita Karut Yang Termuat Dalam Kitab-kitab Tafsir

Setengah-setengah riwayat dalam kitab-kitab tafsir menyebut kisah ini sebagai satu kisah yang sebenar berlaku kepada Adam dan Hawa ketika anak-anak mereka dilahirkan dengan rupa paras yang buruk. Kemudian syaitan datang menemui mereka lalu ia memujuk Hawa supaya menamakan anak yang sedang dikandung di dalam perutnya itu dengan nama "Abdul-Harith" sedangkan al-Harith ialah nama Iblis - supaya anaknya dilahirkan dengan rupa paras yang sempurna dan hidup, lalu Hawa pun memujuk Adam dan kedua-duanya terpedaya kepada syaitan.

Isi kandungan riwayat ini jelas sekali memperlihatkan ciri pemikiran kaum Bani Israel yang telah mengubahkan ajaran-ajaran agama mereka. Kefahaman Israel dan Kristian meletakkan tanggungjawab kesesatan dan godaan itu kepada Hawa, dan kefahaman ini amat bertentangan dengan kefahaman Islam yang betul.

Kita tidak perlu kepada cerita-cerita Israeliyat untuk mentafsirkan ayat ini. Ia menggambarkan kepada kita peringkat-peringkat penyelewengan di dalam jiwa manusia. Kaum Musyrikin di zaman Rasulullah s.a.w. dan sebelumnya telah bernazar memberikan setengah-setengah anak lelaki mereka kepada berhala-berhala atau untuk berkhidmat di kuil-kuil berhala dengan tujuan berdamping dengan Allah walaupun pada mulanya mereka bertawajjuh kepada Allah sahaja, tetapi setelah mereka tergelincir jatuh dari kemuncak tauhid ke dalam gaung kepercayaan

syirik yang menyembah berhala, mereka bernazar memberikan anak-anak mereka kepada berhala-berhala supaya anak-anak itu hidup, sihat dan terpelihara dari malapetaka, sama seperti amalan yang dilakukan oleh setengah-setengah manusia pada hari ini yang memberi sebahagian dari tubuh anak-anak mereka kepada wali-wali dan orang-orang suci seperti mengekalkan rambut kanak-kanak tanpa dicukur pada kali yang pertama melainkan di atas kubur Tok wali atau orang suci atau membiarkan anak-anak mereka tanpa dikhatankan kecuali di kubur wali atau orang suci. Walaupun orang-orang ini pada hari ini mengiktirafkan Allah Yang Maha Esa, namun selepas pengiktirafan itu mereka menjurus ke arah kepercayaan yang syirik. Manusia tetap manusia!

فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٩٠﴾

"Maha Suci Allah dari sekutu-sekutu yang diada-adakan mereka."(190)

Maha Suci Allah dari kepercayaan-kepercayaan syirik yang dipegang dan diamalkan mereka.

Walau bagaimanapun, kita melihat di zaman kita ini berbagai jenis dan bentuk amalan syirik dari mereka yang mendakwa mentauhidkan Allah dan berserah kepada-Nya. Amalan-amalan itu memberikan kita satu gambaran tentang peringkat-peringkat syirik yang dilukiskan oleh ayat-ayat ini.

Berhala-berhala Baru Di Zaman Moden

Manusia pada hari ini mendirikan berhala-berhala baru yang mereka namakan "bangsa", "negara" dan "rakyat" dan sebagainya dari nama-nama yang lain. Semuanya merupakan berhala-berhala tanpa lembaga seperti berhala-berhala biasa yang didirikan oleh penyembah-penyembah berhala. Semuanya merupakan sembahan-sembahan yang mempersekutukan Allah di kalangan makhluk-Nya. Semuanya merupakan sembahan-sembahan yang dinazar kepadanya anak-anak mereka sebagaimana dinazarkan kepada berhala-berhala di zaman dahulu, juga dikorbankan binatang-binatang sebagaimana binatang-binatang yang dikorbankan kepada kuil-kuil di merata tempat.

Manusia mengiktirafkan Allah sebagai Tuhan, tetapi mereka membuangkan perintah-perintah Allah dan syari'at-syari'at-Nya di belakang mereka dan dalam waktu yang sama mereka jadikan perintah-perintah dan kehendak-kehendak sembahan-sembahan yang baru ini sebagai sesuatu yang suci dan untuk melaksanakan kehendak-kehendak itu mereka sanggup menentang perintah-perintah dan syari'at-syari'at Allah, malah sanggup membuangkan semua sekali. Apakah yang dikatakan "sembahan-sembahan"? Apakah pula yang dikatakan syirik? Apakah pula yang dikatakan habuan berhala-berhala pada anak-anak, jika tidak seperti sembahan-sembahan, jika tidak seperti syirik dan jika tidak seperti habuan berhala yang diamalkan oleh jahiliyah moden ini?

Jahiliyah kuno lebih beradab dan bersopan santun terhadap Allah. Ia menyembah tuhan-tuhan yang lain selain Allah dan menampilkan berbagai-bagai persembahan kepadanya seperti membayar nazar dengan anak-anak, buah-buahan dan sembelihan dengan tujuan untuk mendekatkan manusia kepada Allah. Jadi pada hemat dan tanggapan jahiliyah kuno ia meletakkan Allah pada tempat yang paling tinggi, sedangkan jahiliyah moden meletakkan sembahan-sembahan yang lain pada tempat yang lebih tinggi dari Allah dan memandang suci segala perintah yang dikeluarkan oleh sembahan-sembahan itu dan sanggup membuang segala perintah yang dikeluarkan Allah.

Kita hanya menipu diri kita apabila kita mengenal paganisme dalam bentuknya yang bersahaja, iaitu dalam bentuk-bentuk berhala-berhala dan patung-patung yang lama dan upacara-upacara ibadat yang dilakukan mereka semasa menyembah berhala-berhala itu dan menjadikannya sebagai pemberi-pemberi syafa'at di sisi Allah. Rupa bentuk berhala dan paganisme itu sahaja yang berubah-ubah, begitu juga upacara-upacara ibadat sahaja yang bertambah canggih dengan menggunakan berbagai-bagai lambang yang baru, tetapi tabi'at syirik dan hakikatnya tetap teguh di sebalik rupa bentuk dan upacara-upacara yang berubah-ubah itu.

Inilah hakikat yang seharusnya tidak membuat kita terkeliru dari hakikat yang sebenar.

Allah S.W.T. menyuruh kita bersifat jujur, bersopan santun dan berpegang dengan, akhlak-akhlak yang mulia, tetapi prinsip "kebangsaan" atau dasar "pengeluaran negara" menyuruh kita mengeluarkan kaum wanita dari rumahtangga, menggalakkan mereka mendedahkan diri dengan pakaian-pakaian yang menarik dan bekerja sebagai penyambut-penyambut tamu di hotel-hotel seperti gadis-gadis gisya di negeri Jepun. Di sini siapakah tuhan yang dipatuhi perintah-perintahnya? Allah S.W.T. atau tuhan-tuhan palsu?

Allah S.W.T. menyuruh supaya 'aqidah dijadikan tali pengikat masyarakat, tetapi prinsip "kebangsaan" atau "negara" menyuruh kita mengetepikan agama dari dasar pembentukan masyarakat dan menjadikan bangsa atau kaum sebagai dasar masyarakat. Di sini siapakah tuhan yang dipatuhi perintahnya? Allah S.W.T. atau tuhan-tuhan palsu?

Allah S.W.T. menyuruh supaya syari'at-Nya dijadikan undang-undang yang memerintah, tetapi ada seorang manusia atau ada segelintir pemimpin "rakyat" berkata dengan lantang: Tidak! Rakyatlah yang berhak menggubalkan undang-undang dan undang-undang merekalah undang-undang yang berkuatkuasa dan berdaulat. Di sini siapakah tuhan yang dipatuhi perintahnya? Allah S.W.T. atau tuhan-tuhan palsu?

Inilah contoh-contoh yang berlaku di seluruh dunia hari ini, iaitu contoh-contoh yang lumrah diterima

oleh golongan manusia yang sesat, juga contoh-contoh yang mendedahkan hakikat paganisme yang dominan sekarang ini dan hakikat berhala-berhala baru yang disembah hari ini sebagai ganti paganisme yang menyembah berhala terus terang, juga sebagai ganti berhala-berhala kuno yang dapat dilihat dengan mata. Kita seharusnya jangan tertipu dengan rupa bentuk paganisme dan syirik yang berubah-ubah itu hingga mengelirukan kita dari hakikat yang sebenar.

Al-Qur'an telah mendebati penganut-penganut paganisme yang bersahaja dan pendukung-pendukung jahiliyah yang terus terang itu. Al-Qur'an berbicara dengan akal mereka selaku akal manusia untuk menyedarkannya dari kelalaian yang tidak layak dengan akal manusia - walau bagaimanapun tahap kebudakannya - kemudian setelah memberi contoh perbandingan kepada mereka dan menggambarkan peringkat-peringkat perkembangan syirik dalam jiwa manusia, maka ayat yang berikut mengemukakan pertanyaan:

أَيُشْرِكُونَ مَا لَا يَخْلُقُ شَيْئًا وَهُمْ يُخْلَقُونَ ﴿١٩١﴾ وَلَا يَسْتَطِيعُونَ لَهُمْ نَصْرًا وَلَا أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٢﴾

"Apakah wajar mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak pernah menciptakan sesuatu apa pun, sedangkan sekutu-sekutu itu sendiri diciptakan Allah (191). Dan sekutu-sekutu itu tidak berkuasa menolong mereka dan tidak pula dapat menolong diri sendiri."(192)

Tuhan yang berkuasa mencipta itulah Tuhan yang wajar disembah, sedangkan seluruh tuhan-tuhan palsu yang disembahkan mereka tidak berkuasa menciptakan suatu apa pun, malah tuhan itu sendiri diciptakan. Jadi bagaimana mereka mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan palsu itu? Bagaimana mereka jadikan tuhan-tuhan itu sekutu-sekutu Allah yang menguasai diri mereka dan anak-anak mereka?

Tuhan yang berkuasa menolong dan melindungi hamba-hamba-Nya dengan Qudrat-Nya itulah Tuhan yang wajar disembah, kerana daya kekuatan dan Qudrat kuasa itu merupakan ciri-ciri Uluhiyah dan sifat-sifat yang mewajibkan manusia mengabdikan diri kepada-Nya, sedangkan seluruh tuhan palsu mereka tidak mempunyai Qudrat kuasa dan seterusnya tidak berkuasa menolong mereka dan tidak pula berupaya menolong dirinya sendiri. Bagaimana mereka jadikan tuhan-tuhan palsu itu sekutu-sekutu Allah yang menguasai diri mereka dan anak-anak mereka?

Walaupun bukti penciptaan dan bukti Qudrat kuasa dijadikan hujah yang dihadapkan kepada pendukung-pendukung jahiliyah kuno yang bersahaja, namun bukti-bukti yang sama juga masih dapat dijadikan hujah yang dihadapkan kepada pendukung-pendukung jahiliyah di zaman sekarang. Mereka mengadakan berhala-berhala baru yang disembah dan dipatuhi mereka dan mereka jadikannya sekutu-sekutu Allah yang menguasai diri mereka, anak-anak mereka dan harta benda mereka, tetapi di antara tuhan-tuhan itu manakah tuhan yang berkuasa menciptakan sesuatu di langit dan di bumi? Manakah satu tuhan yang berkuasa menolong mereka atau menolong dirinya sendiri?

Akal manusia tidak dapat menerima pemikiran yang syirik ini jika ia diberi kebebasan menghadapi realiti ini, tetapi godaan hawa nafsu, pengaruh-pengaruh yang sesat dan mengeliru itulah yang membuat manusia - setelah dilalui empat belas abad dari masa diturunkan Al-Qur'an balik semula kepada jahiliyah dalam bentuk rupanya yang baru. Lalu mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak pernah menciptakan sesuatu apa pun, sedangkan sekutu-sekutu itu sendiri diciptakan Allah dan tidak berkuasa menolong mereka dan tidak pula dapat menolong diri sendiri.

Umat manusia pada hari ini amat memerlukan - sama seperti umat manusia di zaman dahulu - berbicara dengan Al-Qur'an sekali lagi. Mereka memerlukan pemimpin-pemimpin yang boleh memimpin mereka dari jahiliyah kepada Islam, mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada sinar nur dan menyelamatkan akal dan hati mereka dari paganisme moden, malah dari kekarutan-kekarutan baru yang membabitkan mereka sebagaimana Islam telah menyelamatkannya pada kali yang pertama.

Susunan kata pengungkapan Al-Qur'an dalam ayat berikut menyarankan bahawa Al-Qur'an turut mencela perbuatan mereka yang mempertuhankan sesama manusia:

أَيُشْرِكُونَ مَا لَا يَخْلُقُ شَيْئًا وَهُمْ يُخْلَقُونَ ﴿١٩١﴾ وَلَا يَسْتَطِيعُونَ لَهُمْ نَصْرًا وَلَا أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٢﴾

"Apakah wajar mereka mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak pernah menciptakan sesuatu apa pun, sedangkan sekutu-sekutu itu sendiri diciptakan Allah (191). Dan sekutu-sekutu itu tidak berkuasa menolong mereka dan tidak pula dapat menolong diri sendiri."(192)

Kerana huruf "و" dan "ن" (tanda jamak dalam perkataan يخلقون، يستطيعون dan ينصرون) memberi isyarat bahawa tuhan-tuhan palsu itu sekurang-kurangnya terdapat seorang manusia yang berakal yang diungkapkan dengan gantinama bagi yang berakal "العقلى". Kita tidak mengetahui bahawa orang-orang Arab semasa berada dalam agama paganisme mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan manusia dalam ertikata mereka mempercayai manusia-manusia itu sebagai tuhan-tuhan atau mereka melakukan upacara-upacara ibadat kepada mereka. Setahu kita mereka hanya mempersekutukan Allah dengan manusia-manusia seperti ini dalam

pengertian mereka memakai dan mematuhi undang-undang dan peraturan masyarakat ciptaan manusia, iaitu undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan masyarakat untuk menyelesaikan pertelingkahan-pertelingkahan atau lebih tepat undang-undang dan peraturan pemerintahan di bumi. Al-Qur'an mengungkapkan perbuatan ini sebagai perbuatan syirik dan menyamakan di antara syirik jenis ini dengan jenis syirik mereka yang satu lagi, iaitu syirik menyembah berhala dan patung-patung. Inilah pandangan Islam terhadap syirik jenis itu. Ia merupakan sejenis syirik yang sama dengan syirik i'tikad dan persembahan upacara ibadat, tiada beza di antara kedua-duanya, sama seperti Islam memandang orang-orang yang menerima dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang dibuat oleh pendita-pendita dan paderi-paderi itu sebagai tuhan dan tidak pula pernah mengadakan upacara-upacara persembahan dan ibadat kepada mereka. Semua perbuatan ini merupakan perbuatan syirik yang terkeluar dari tauhid yang menjadi asas agama Allah yang diungkapkan dengan syahadat لا إله إلا الله.[25] Ini adalah selaras dengan apa yang telah kami jelaskan tadi tentang syirik jahiliyah moden.

Pembicaraan mengenai kisah penyelewengan yang digambarkan dalam kisah suami isteri itu merupakan pembicaraan mengenai syirik yang merangkumi segala jenisnya.

Tujuan pembicaraan ini untuk mengingatkan kaum Musyrikin Arab yang ditujukan ayat ini kepada mereka bagi pertama kalinya tentang kekarutan kepercayaan syirik yang dianuti mereka dan tentang kebodohan mereka mempertuhankan makhluk-makhluk yang tidak berkuasa menciptakan suatu apa pun dan tidak berkuasa menolong mereka dan menolong dirinya sendiri sama ada tuhan-tuhan itu berupa manusia atau lainnya. Sesuai dengan arah tujuan huraian Al-Qur'an ini, maka ayat-ayat yang berikut berpindah secara langsung dari kisah itu atau dari uslub cerita kepada uslub menghadapi kaum Musyrikin Arab dan kepada uslub bercakap secara langsung dengan mereka seolah-olah sambungan kepada pembicaraan yang telah lepas mengenai tuhan-tuhan palsu itu.

وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَتَّبِعُوكُمْ ۚ سَوَآءٌ عَلَيْكُمْ أَدَعَوْتُمُوهُمْ أَمْ أَنتُمْ صَٰمِتُونَ ﴿١٩٣﴾ إِنَّ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ عِبَادٌ أَمْثَالُكُمْ ۖ فَٱدْعُوهُمْ فَلْيَسْتَجِيبُوا۟ لَكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿١٩٤﴾

"Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan yang betul nescaya mereka tidak dapat mengikut kehendak kamu. Sama sahaja hasilnya kepada kamu sama ada kamu menyeru mereka atau kamu tinggal diam membisu (193). Sesungguhnya sekutu-sekutu yang kamu pohon selain dari Allah itu adalah hamba-hamba-Nya (makhluk-makhluk) yang sama seperti kamu, (jika tidak) silalah kamu pohon kepada mereka dan biarlah mereka menyambut permohonan kamu jika kamu orang-orang yang benar."(194)

أَلَهُمْ أَرْجُلٌ يَمْشُونَ بِهَآ ۖ أَمْ لَهُمْ أَيْدٍ يَبْطِشُونَ بِهَآ ۖ أَمْ لَهُمْ أَعْيُنٌ يُبْصِرُونَ بِهَآ ۖ أَمْ لَهُمْ ءَاذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا ۗ

"Apakah mereka (sekutu-sekutu) itu mempunyai kaki-kaki yang dapat mereka berjalan dengannya atau mempunyai tangan-tangan yang dapat mereka memukul dengannya atau mempunyai mata-mata yang dapat mereka melihat dengannya atau mempunyai telinga-telinga yang dapat mereka mendengar dengannya.(195)

Kepercayaan paganisme kaum Musyrikin Arab adalah kepercayaan paganisme yang bersahaja, karut dan bodoh menurut kriteria akal manusia dari mana-mana peringkat perkembangannya, dan justeru itu Al-Qur'an merangsangkan akal kaum Musyrikin ketika ia mengecam kekarutan kepercayaan syirik yang diamalkan oleh mereka yang menyembah tuhan-tuhan yang palsu itu.

Berhala-berhala yang disembah mereka dengan rupa bentuk lahirnya yang tidak berkaki yang membolehkannya berjalan, tidak bertangan yang membolehkannya memukul, tidak bermata yang membolehkannya melihat dan tidak bertelinga membolehkannya mendengar, sedangkan anggota-anggota ini dimiliki mereka dengan sempurna. Oleh itu bagaimana mereka sembah batu-batu beku yang lebih rendah dari mereka?

Mereka menggunakan patung-patung ini sebagai lambang malaikat atau lambang datuk nenek, sedangkan malaikat dan datuk nenek itu juga adalah makhluk-makhluk Allah yang sama dengan mereka, iaitu mereka tidak berkuasa menciptakan sesuatu apa pun dan tidak pula berkuasa menolong mereka atau menolong diri sendiri.

Pada hemat kami perpasangan yang wujud dalam 'aqidah-'aqidah kaum Musyrikin Arab, iaitu perpasangan di antara patung-patung yang lahir dan perpasangan di antara lambang-lambang yang batin di sebalik patung-patung lahir merupakan sebab mengapa mereka dihadapkan dengan ungkapan yang seperti ini mengenai tuhan-tuhan yang disembah mereka, iaitu sekali dengan menggunakan ganti nama (yang berakal) yang mengisyaratkan kepada sembahan yang berakal, iaitu ganti nama yang ditujukan kepada lambang-lambang yang wujud di sebalik patung-patung itu, dan sekali pula dengan ungkapan yang ditujukan terus kepada patung-

[25] *Lihat hadith yang dikeluarkan oleh at-Turmizi mengenai pentafsiran Rasulullah s.a.w. terhadap firman Allah:* "إتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِن دُونِ اللَّهِ" *dalam bab* "التوحيد" *dalam buku* "خصائص التصور الإسلامي ومقوماته"

patung yang lahir itu sendiri yang tidak bernyawa dan bergerak. Semua tuhan-tuhan ini (yang berakal dan tidak berakal) adalah tuhan-tuhan palsu belaka mengikut logik akal manusia sendiri yang digerakkan oleh Al-Qur'an dan disedarkannya dari kelalaian yang hina itu.

Pada akhir ayat ini, Allah S.W.T. mengarah rasul-Nya s.a.w. supaya mencabar mereka dan berhala-berhala mereka yang lemah itu dan mengumumkan 'aqidahnya yang bersih terhadap Allah selaku satu-satu-Nya Tuhan yang menjadi Pelindungnya:

قُلِ ٱدْعُوا۟ شُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنظِرُونِ ﴿١٩٥﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Panggillah sekutu-sekutu kamu itu kemudian lakukanlah angkara tipudaya terhadapku (dengan segera) dan janganlah kamu memberi sebarang tangguhan kepadaku."(195)

إِنَّ وَلِـِّۧىَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَكُمْ وَلَآ أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٧﴾

وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَسْمَعُوا۟ ۖ وَتَرَىٰهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ وَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٩٨﴾

"Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh (196). Dan sekutu-sekutu yang kamu pohon pertolongan selain dari Allah itu tidak berkuasa menolong kamu dan tidak pula berkuasa menolong diri mereka sendiri (197). Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan hidayat nescaya mereka tidak dapat mendengarnya, dan engkau memandang mereka melihat kepadamu, sedangkan sebenarnya mereka tidak dapat melihat."(198)

Itulah perintah dari Allah tuanpunya da'wah supaya Rasulullah mencabar jahiliyah, dan perintah ini telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. tepat sebagaimana yang diperintahkan Tuhannya, di mana beliau mencabar kaum Musyrikin di zamannya dan tuhan-tuhan mereka yang palsu:

قُلِ ٱدْعُوا۟ شُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنظِرُونِ ﴿١٩٥﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Panggillah sekutu-sekutu kamu itu kemudian lakukanlah angkara tipudaya terhadapku (dengan segera) dan janganlah kamu memberi sebarang tangguhan kepadaku."(195)

Beliau melontar cabaran ini ke muka kaum Musyrikin dan ke muka tuhan-tuhan mereka yang palsu. Beliau menegaskan kepada mereka supaya berusaha habis-habisan melakukan segala angkara tipudaya terhadap dirinya tanpa menangguh dan menempuh, dan seterusnya berkata kepada mereka dengan nada seseorang yang begitu yakin kepada tempat sandaran dan tempat pelindungannya yang berkuasa melindunginya dari angkara tipudaya mereka:

إِنَّ وَلِـِّۧىَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

"Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh."(196)

Dalam ayat ini Rasulullah s.a.w. mengumumkan bahawa beliau tetap bersandar dan berlindung pada Allah Tuhan yang telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an yang membuktikan bahawa Allah benar-benar berkehendak agar rasul-Nya membentangkan isi kandungan Al-Qur'an yang benar itu kepada manusia seluruhnya, juga berkehendak agar ajarannya yang benar itu mengatasi ajaran yang batil yang diperjuangkan oleh pejuang-pejuang kebatilan, dan seterusnya Allah berkehendak untuk melindungi para hamba-Nya yang soleh yang menyampaikan ajaran-ajaran yang benar itu serta mendukung dan berpegang dengannya dengan penuh keyakinan.

"Katakanlah (wahai Muhammad): Panggillah sekutu-sekutu kamu itu kemudian lakukanlah angkara tipudaya terhadapku (dengan segera) dan janganlah kamu memberi sebarang tangguhan kepadaku."(195)

إِنَّ وَلِـِّۧىَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

"Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh."(196)

Setiap penda'wah kepada Allah harus melepaskan dirinya dari bersandar kepada kuasa-kuasa di bumi dan memandang kecil kepada kuasa-kuasa itu.

Kuasa-kuasa yang wujud di bumi itu sendiri lemah walaupun nampak kuat dan berkuasa:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَن يَخْلُقُوا۟ ذُبَابًا وَلَوِ ٱجْتَمَعُوا۟ لَهُۥ ۖ وَإِن يَسْلُبْهُمُ ٱلذُّبَابُ شَيْـًٔا لَّا يَسْتَنقِذُوهُ مِنْهُ ۚ ضَعُفَ ٱلطَّالِبُ وَٱلْمَطْلُوبُ ﴿٧٣﴾

"Wahai manusia, satu perbandingan telah dibuat. Oleh itu silalah dengar perbandingan itu. Sesungguhnya sembahan-sembahan yang kamu sembahkan selain Allah itu tidak akan berkuasa menciptakan seekor lalat walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama untuk menciptakannya, dan andainya lalat itu merampas sesuatu dari mereka, nescaya

mereka tidak berdaya mengambilnya kembali daripadanya. Yang menyembah pun lemah dan yang disembah juga lemah."

(Surah al-Haj: 73)

مَثَلُ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوْلِيَآءَ كَمَثَلِ ٱلْعَنكَبُوتِ ٱتَّخَذَتْ بَيْتًاۖ وَإِنَّ أَوْهَنَ ٱلْبُيُوتِ لَبَيْتُ ٱلْعَنكَبُوتِۚ لَوْ كَانُواْ يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Bandingan orang-orang yang mengambil pelindung selain dari Allah adalah sama dengan labah-labah yang membuat rumah-rumah, sedangkan rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah jika mereka mengetahui."

(Surah al-Ankabut: 41)

Para Penda'wah Tetap Mencari Perlindungan Pada Allah

Penda'wah kepada Allah hendaklah bersandar pada Allah. Apakah kuasa yang dimiliki pelindung-pelindung dan sandaran-sandaran yang lain dari Allah? Sekuat mana kuasa mereka pada tanggapannya walaupun ia diandai boleh menyakitinya? Namun mereka hanya boleh menyakitinya dengan keizinan Allah yang berkuasa melindunginya, bukannya kerana Allah lemah melindungkannya dari kekejaman mereka dan bukan pula kerana Allah berlepas tangan dari membantu hamba-hamba kesayangan-Nya, malah apa yang telah berlaku kepada para penda'wah-Nya merupakan ujian Allah terhadap para hambaNya yang soleh untuk mendidik, menduga dan melatih mereka, di samping merupakan istidraj Allah terhadap para hamba-Nya yang jahat untuk dijadikan alasan ditangguhkan 'azab dan diaturkan pembalasan yang rapi terhadap mereka.

Abu Bakar r.a. selaku seorang yang paling mulia selepas Rasulullah s.a.w. telah dipukul dengan kasut oleh orang-orang Musyrikin menyebabkan kedua mata dan mukanya lebam dan bengkak kemudian ia ditinggal begitu hingga tidak dapat dibezakan di mana mulut dan di mana mata, tetapi di sepanjang waktu ia dipukul dan diseksa, dia terus mengulang-ngulangkan rintihannya: "Tuhanku! Alangkah sabarnya Engkau! Alangkah sabarnya Engkau! Alangkah sabarnya Engkau!"

Dari lubuk hatinya, dia mengetahui kesabaran Allah di sebalik keseksaan yang diterimanya, kerana dia yakin bahawa Tuhannya bukannya tidak berkuasa untuk menghancurkan musuh-musuh-Nya di samping yakin bahawa Tuhannya bukannya berlepas tangan dari membantu para hamba yang disayangi-Nya.

Abdullah ibn Mas'ud r.a. juga pernah dibelasah oleh orang-orang Musyrikin apabila dia memperdengarkan bacaan Al-Qur'an di tempat perhimpunan mereka berhampiran rumah Ka'bah. Kemudian dia ditinggalkan mereka dalam keadaan terhuyung-hayang tidak dapat membetulkan dirinya, tetapi dia telah berkata dengan berani selepas menerima pembelasahan yang jahat itu: "Demi Allah, aku tidak pernah memandang mereka lebih hina dan kerdil di sisiku melainkan ketika mereka membelasahkan aku". Dia berkata begitu, kerana dia tahu mereka menentang Allah S.W.T. dan yakin bahawa siapa yang menentang Allah adalah seorang yang kalah dan hina di sisi Allah, dan orang yang seperti ini seharusnya pula dipandang hina dan kerdil di sisi para hamba yang disayangi Allah.

Apabila 'Uthman ibn Maz'un r.a. keluar dari perlindungan seorang musyrik yang bernama 'Utbah ibn Rabi'ah kerana ia merasa tidak sepatut berlindung diri di bawah naungan seorang kafir musyrik untuk menyelamatkan diri dari penindasan, sedangkan saudara-saudara seagama dengannya ditindas kerana menganut agama Allah, maka orang-orang Musyrikin pun berkumpul menyerangnya dan merosakkan sebelah matanya. Apabila 'Utbah melihat 'Uthman dalam keadaan yang menyedihkan, ia pun mengajaknya supaya kembali di bawah perlindungannya, tetapi 'Uthman menjawab: "Aku kini sedang berada di bawah perlindungan Allah yang lebih mulia dari engkau!" 'Utbah berkata lagi: "Wahai anak saudaraku! Sepatutnya matamu tidak jadi begini!" Jawab 'Uthman: "Tidak, demi, Allah! Mataku yang sebelah lagi ini lebih wajar mendapat kebaikan di dalam agama Allah". Dia berkata begitu kerana dia tahu bahawa berlindung di bawah perlindungan Allah lebih" mulia dan kuat dari berlindung di bawah perlindungan sesama manusia, dan kerana dia yakin bahawa Allah tidak akan membiarkannya begitu sahaja, walaupun dia kehilangan sebelah mata, namun ketinggian semangatnya memuncak ke ufuk yang menakjubkan: "Tidak, demi Allah! Mataku yang sebelah lagi ini lebih wajar mendapat kebaikan di dalam agama Allah."

Inilah contoh-contoh dari generasi sahabat yang luhur yang terdidik dengan Al-Qur'an dalam pangkuan Muhammad s.a.w. di bawah naungan bimbingan Rabbani yang mulia:

قُلِ ٱدْعُواْ شُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنظِرُونِ ﴿١٩٥﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Panggillah sekutu-sekutu kamu itu kemudian lakukanlah angkara tipudaya terhadapku (dengan segera) dan janganlah kamu memberi sebarang tangguhan kepadaku.(195)

إِنَّ وَلِـِّۧيَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

"Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh."(196)

Kemudian apakah yang telah berlaku selepas penindasan yang dialami oleh generasi sahabat dari kaum Musyrikin itu dan selepas mereka berpegang teguh dan mencari perlindungan pada Allah yang

telah menurunkan Al-Qur'an dan melindungi para sahabat yang soleh?

Sejauh yang diketahui sejarah, golongan (sahabat) yang disayangi Allah telah berjaya mencapai kemenangan yang gemilang, kedudukan yang mulia dan teguh, sedangkan golongan Taghut yang ditumpaskan oleh golongan (sahabat) yang solehin telah mendapat kekalahan, kehinaan dan kebinasaan. Sementara saki baki dari golongan Musyrikin dan Taghut yang dibukakan Allah pintu hati mereka dan memeluk Islam telah menjadi pengikut-pengikut yang setia kepada para sahabat yang menjadi pelopor-pelopor Islam yang telah menanggung penderitaan dan penindasan dengan kepercayaan yang tidak bergoyang dan keazaman yang tidak pernah luntur.

Para penda'wah kepada Allah di setiap zaman dan tempat tidak akan mencapai kejayaan melainkan dengan kepercayaan, keazaman dan keyakinan yang seperti itu:

إِنَّ وَلِـِّۧيَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

"Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh."(196)

Allah telah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya mencabar kaum Musyrikin lalu beliau mencabar mereka. Beliau juga diperintah supaya menerangkan kepada mereka kelemahan tuhan-tuhan mereka dan kekarutan kepercayaan syirik mereka lalu beliau menjelaskannya kepada mereka:

وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَكُمْ وَلَآ أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٧﴾ وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى ٱلْهُدَىٰ لَا يَسْمَعُوا۟ ۖ وَتَرَىٰهُمْ يَنظُرُونَ إِلَيْكَ وَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٩٨﴾

"Dan sekutu-sekutu yang kamu pohon pertolongan selain dari Allah itu tidak berkuasa menolong kamu dan tidak pula berkuasa menolong diri mereka sendiri (197). Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan hidayat nescaya mereka tidak dapat mendengarnya dan engkau memandang mereka melihat kepadamu, sedangkan sebenarnya mereka tidak dapat melihat."(198)

Jika penjelasan ini tepat dengan berhala-berhala kepercayaan paganisme yang bersahaja di dalam jahiliyah Arab yang kufur, maka ia juga tepat dengan semua tuhan palsu yang disembah di dalam jahiliyah moden.

Orang-orang yang mempersekutukan Allah di zaman moden ini mendewa-dewakan pemimpin-pemimpin yang mempunyai kuasa yang lahir di bumi Allah ini, sedangkan pemimpin-pemimpin itu sebenarnya tidak berkuasa menolong mereka, malah tidak berkuasa menolong diri sendiri apabila Allah melakukan perencanaan yang dikehendaki-Nya terhadap mereka pada masa yang telah ditetapkan-Nya.

Jika berhala-berhala kaum Musyrikin Arab yang bersahaja itu tidak dapat mendengar, dan mata mereka diperbuat dari manik-manik atau permata itu kelihatan melihat tetapi tidak nampak, maka setengah-setengah tuhan palsu di zaman moden ini juga tidak dapat mendengar dan melihat. Tanahair, bangsa, pengeluaran ekonomi, teori kepastian sejarah dan sebagainya dari tuhan-tuhan palsu yang disembah di zaman moden dan di antaranya terdapat tuhan-tuhan yang dapat mendengar dan melihat iaitu manusia-manusia yang berlagak seperti Tuhan yang diberikan sifat-sifat Uluhiyah yang berkuasa membuat undang-undang, peraturan dan memerintah, maka tuhan-tuhan ini juga tidak dapat mendengar dan mendengar. Mereka termasuk dalam kumpulan manusia yang disifatkan Allah:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٧٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan untuk Neraka Jahannam sebilangan besar dari umat-umat jin dan manusia, iaitu mereka mempunyai hati (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk berfikir, mereka mempunyai mata (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk melihat dan mereka mempunyai telinga (tetapi) mereka tidak menggunakannya untuk mendengar. Mereka sama seperti binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi. Merekalah orang-orang yang lalai."(179)

Setiap penda'wah kepada Allah hanya akan menemui satu keadaan sahaja dari jahiliyah yang berbagai-bagai rupa itu, dan dia harus bersedia untuk berkata sebagaimana yang diperintahkan Allah kepada rasul-Nya s.a.w. agar beliau berkata:

قُلِ ٱدْعُوا۟ شُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنظِرُونِ ﴿١٩٥﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Panggillah sekutu-sekutu kamu itu kemudian lakukanlah angkara tipudaya kamu terhadapku (dengan segera) dan janganlah kamu memberi sebarang tangguhan kepadaku."(195)

إِنَّ وَلِـِّۧيَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي نَزَّلَ ٱلْكِتَٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ لَا يَسْتَطِيعُونَ

نَصْرَكُمْ وَلَا أَنفُسَهُمْ يَنصُرُونَ ﴿١٩٧﴾
وَإِن تَدْعُوهُمْ إِلَى الْهُدَىٰ لَا يَسْمَعُوا ۖ وَتَرَاهُمْ يَنظُرُونَ
إِلَيْكَ وَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٩٨﴾

"Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an (kepadaku) dan Dialah yang melindungi orang-orang yang soleh (196). Dan sekutu-sekutu yang kamu pohon pertolongan selain dari Allah itu tidak berkuasa menolong kamu dan tidak pula berkuasa menolong diri mereka sendiri (197). Dan jika kamu menyeru mereka (sekutu-sekutu) supaya menunjukkan kamu ke jalan hidayat nescaya mereka tidak dapat mendengarnya dan engkau memandang mereka melihat kepadamu, sedangkan sebenarnya mereka tidak dapat melihat."(198)

Mereka tetap mereka juga di merata pelosok bumi dan di semua zaman!!

(Kumpulan ayat-ayat 199 - 206)

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾
وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ ۚ
إِنَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٠٠﴾
إِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا إِذَا مَسَّهُمْ طَائِفٌ مِّنَ الشَّيْطَانِ
تَذَكَّرُوا فَإِذَا هُم مُّبْصِرُونَ ﴿٢٠١﴾
وَإِخْوَانُهُمْ يَمُدُّونَهُمْ فِي الْغَيِّ ثُمَّ لَا يُقْصِرُونَ ﴿٢٠٢﴾
وَإِذَا لَمْ تَأْتِهِم بِآيَةٍ قَالُوا لَوْلَا اجْتَبَيْتَهَا ۚ قُلْ إِنَّمَا
أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ مِن رَّبِّي ۚ هَٰذَا بَصَائِرُ مِن رَّبِّكُمْ
وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠٣﴾
وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنصِتُوا
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾
وَاذْكُر رَّبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ
مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ
الْغَافِلِينَ ﴿٢٠٥﴾
إِنَّ الَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِ
وَيُسَبِّحُونَهُ وَلَهُ يَسْجُدُونَ ۩ ﴿٢٠٦﴾

"Ambillah sikap memberi kemaafan dan suruhlah (mereka) melakukan amalan yang ma'ruf dan berpalinglah dari orang-orang yang jahil (199). Dan jika engkau diganggu godaan dari syaitan, maka hendaklah engkau mencari perlindungan pada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (200). Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa apabila mereka diganggu suatu fikiran yang buruk dari syaitan, mereka terus teringat kepada Allah dan lantas mereka dapat melihat jalan yang benar (201). Sedangkan saudara-saudara syaitan (orang-orang kafir dan fasiq) dibantu oleh syaitan di dalam kegiatan-kegiatan yang sesat itu dan mereka tidak berhenti-henti menggoda mereka (202). Dan jika engkau tidak membawa kepada mereka sesuatu mu'jizat mereka berkata: Mengapa engkau tidak membuat mu'jizat itu sendiri? Jawablah: Sesungguhnya aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku dari Tuhanku. Al-Qur'an ini adalah pedoman-pedoman hati nurani dari Tuhan kamu, juga sebagai sumber hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman (203). Apabila dibacakan Al-Qur'an, maka hendaklah kamu dengar dan perhatikannya dengan tenang supaya kamu dicucurkan rahmat (204). Dan ingatlah Tuhanmu di dalam hatimu dengan rasa rendah diri dan takut dan tanpa menyaringkan sebutan perkataan di waktu awal pagi dan petang dan janganlah engkau jadi dari golongan orang-orang yang lalai (205). Sesungguhnya para malaikat yang berada di sisi Tuhanmu tidak berlagak angkuh untuk beribadat kepada-Nya dan mereka sentiasa bertasbih dan sujud kepada-Ny".(206)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pada akhir surah ini tibalah arahan-arahan Rabbani dari Allah S.W.T. kepada para hamba yang disayangi-Nya iaitu Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin yang berjuang bersamanya ketika mereka masih berada di negeri Makkah menghadapi jahiliyah yang wujud di sekeliling mereka di Semenanjung Tanah Arab dan di dunia seluruhnya. Arahan-arahan Rabbani yang ditujukan untuk menghadapi jahiliyah yang buruk, juga untuk menghadapi umat manusia yang sesat, menyeru Rasulullah s.a.w. selaku pemimpin da'wah supaya beliau bersikap lapang dada, mudah didekati, mengajak manusia melakukan amalan-amalan yang baik, jelas dan diakui oleh fitrah manusia yang jujur, tanpa memayah-mayah dan memberat-berat mereka, dan seterusnya bersikap tidak menghiraukan tindak-tanduk orang-orang yang berada dalam jahiliyah, iaitu jangan cepat-cepat menghukum mereka, jangan berdebat dengan mereka dan jangan pedulikan mereka. Dan jika mereka melampaui batas dan menimbulkan kemarahan beliau dengan sebab kedegilan dan keengganan mereka atau dengan sebab dirasukkan syaitan dengan fikiran-fikiran yang buruk dalam sa'at-sa'at kemarahan itu, maka hendaklah beliau mengucapkan أعوذ بالله من الشيطان الرجيم supaya ia, kembali tenang, tenteram dan sabar:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٩٩﴾
وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ ۚ
إِنَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٠٠﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْ إِذَا مَسَّهُمۡ طَٰٓئِفٞ مِّنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ تَذَكَّرُواْ فَإِذَا هُم مُّبۡصِرُونَ ٢٠١

"Ambillah sikap memberi kema'afan dan suruhlah (mereka) melakukan amalan yang ma'ruf dan berpalinglah dari orang-orang yang jahil (199). Dan jika engkau diganggu godaan dari syaitan, maka hendaklah engkau mencari perlindungan pada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (200). Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa apabila mereka diganggu suatu fikiran yang buruk dari syaitan-syaitan, mereka terus teringat kepada Allah dan lantas mereka dapat melihat jalan yang benar."(201)

Kemudian Allah memperkenalkan kepada beliau tabi'at orang-orang yang jahil itu dan bisikan-bisikan syaitan yang jahat di belakang mereka yang membantu mereka di dalam kegiatan menceroboh dan amalan-amalan yang sesat, di samping itu Allah menyebut sebahagian dari perilaku mereka terhadap Rasulullah s.a.w. dan bagaimana mereka menuntut beliau membuktikan kebenaran dengan kejadian yang luar biasa. Semuanya ini bertujuan untuk mengarah beliau menerangkan kepada mereka apa yang patut diterangkan agar mereka mengetahui tabi'at kerasulan dan hakikat tugas seseorang rasul supaya mereka dapat membetulkan kefahaman mereka terhadap kerasulan, tugas rasul dan hubungannya dengan Allah Yang Maha Pemurah:

وَإِخۡوَٰنُهُمۡ يَمُدُّونَهُمۡ فِي ٱلۡغَيِّ ثُمَّ لَا يُقۡصِرُونَ ٢٠٢ وَإِذَا لَمۡ تَأۡتِهِم بِـَٔايَةٖ قَالُواْ لَوۡلَا ٱجۡتَبَيۡتَهَاۚ قُلۡ إِنَّمَآ أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ مِن رَّبِّيۚ هَٰذَا بَصَآئِرُ مِن رَّبِّكُمۡ وَهُدٗى وَرَحۡمَةٞ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ٢٠٣

"Sedangkan saudara-saudara syaitan (orang-orang kafir dan fasiq) dibantu oleh syaitan di dalam kegiatan-kegiatan yang sesat itu dan mereka tidak berhenti-henti menggoda mereka (202). Dan jika engkau tidak membawa kepada mereka sesuatu mu'jizat mereka berkata: Mengapa engkau tidak membuat mu'jizat itu sendiri? Jawablah: Sesungguhnya aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku dari Tuhanku. Al-Qur'an ini adalah pedoman-pedoman hati nurani dari Tuhan kamu, juga sebagai sumber hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman."(203)

Sesuai dengan kenyataan ayat ini yang menyebut tentang ayat-ayat Al-Qur'an yang diwahyukan kepada beliau, maka ayat yang berikut memerintah orang-orang yang beriman agar mematuhi peradaban mendengar bacaan Al-Qur'an dan peradaban mengingati Allah sambil mengingatkan mereka supaya sentiasa mengingati Allah dan tidak lalai dari-Nya, kerana para malaikat yang tidak pernah melakukan kesalahan itu - sentiasa mengingati Allah, bertasbih dan sujud kepada-Nya, maka sudah tentu lebih wajar bagi manusia yang banyak melakukan kesalahan-kesalahan itu supaya tidak lalai dari mengingati Allah, bertasbih dan sujud kepada-Nya:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلۡقُرۡءَانُ فَٱسۡتَمِعُواْ لَهُۥ وَأَنصِتُواْ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ٢٠٤

وَٱذۡكُر رَّبَّكَ فِي نَفۡسِكَ تَضَرُّعٗا وَخِيفَةٗ وَدُونَ ٱلۡجَهۡرِ مِنَ ٱلۡقَوۡلِ بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ ٱلۡغَٰفِلِينَ ٢٠٥

إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسۡجُدُونَ ۩ ٢٠٦

"Apabila dibacakan Al-Qur'an, maka hendaklah kamu dengar dan perhatikannya dengan tenang supaya kamu dicucurkan rahmat (204). Dan ingatlah Tuhanmu di dalam hatimu dengan rasa rendah diri dan takut dan tanpa menyaringkan sebutan perkataan di waktu awal pagi dan petang dan janganlah engkau jadi dari golongan orang-orang yang lalai (205). Sesungguhnya para malaikat yang berada di sisi Tuhanmu tidak berlagak angkuh untuk beribadat kepada-Nya dan mereka sentiasa bertasbih dan sujud kepada-Nya."(206)

(Pentafsiran ayat-ayat 199 - 201)

خُذِ ٱلۡعَفۡوَ وَأۡمُرۡ بِٱلۡعُرۡفِ وَأَعۡرِضۡ عَنِ ٱلۡجَٰهِلِينَ ١٩٩ وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ نَزۡغٞ فَٱسۡتَعِذۡ بِٱللَّهِۚ إِنَّهُۥ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ٢٠٠

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوۡاْ إِذَا مَسَّهُمۡ طَٰٓئِفٞ مِّنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ تَذَكَّرُواْ فَإِذَا هُم مُّبۡصِرُونَ ٢٠١

"Ambillah sikap memberi kemaafan dan suruhlah (mereka) melakukan amalan yang ma'ruf dan berpalinglah dari orang-orang yang jahil (199). Dan jika engkau diganggu godaan dari syaitan, maka hendaklah engkau mencari perlindungan pada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (200). Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa apabila mereka diganggu suatu fikiran yang buruk dari syaitan, mereka terus teringat kepada Allah dan lantas mereka dapat melihat jalan yang benar."(201)

Batas-batas Sikap Berlapang Dada Dalam Islam

Maksudnya, ambillah sikap lapang dada dan suka memaaf yang memberi kemudahan dan keselesaan terhadap perilaku manusia di dalam pergaulan dan persahabatan dengan mereka, jangan menuntut kesempurnaan dari mereka, jangan memaksa mereka mengamalkan akhlak-akhlak yang sukar dan berat.

Maafkan kesalahan, kelemahan dan kekurangan mereka, tetapi semuanya ini hanya diamal di dalam bidang tatasusila perhubungan peribadi sahaja bukan dalam bidang 'aqidah agama dan kewajipan-kewajipan syarie kerana tidak ada tutup mata dan tolak ansur di dalam 'aqidah Islam dan dalam syari'at Allah, kerana dasar berlapang dada hanya diamal dalam tatasusila mengambil dan memberi, bersahabat dan berjiran sahaja supaya proses kehidupan dapat berlangsung dengan mudah dan lemah-lembut. Sikap menutup mata terhadap kelemahan manusia, sikap berlemah-lembut dan bertoleransi terhadap mereka merupakan kewajipan orang-orang besar yang kuat terhadap orang-orang kecil yang lemah. Sebagai pengawas, pemimpin, guru dan pendidik, Rasulullah s.a.w. merupakan orang yang paling wajar mengamalkan sikap berlapang dada, memandang enteng dan menutup mata, begitu juga Rasulullah s.a.w. tidak pernah marah kerana kepentingan dirinya. Tetapi perkara yang menyangkut kepentingan agama, maka tiada siapa yang dapat menahan kemarahannya. Setiap penda'wah diperintah menunjukkan sikap seperti yang diperintahkan kepada Rasulullah s.a.w. Tatasusila berinteraksi dengan hati manusia dalam rangka usaha memberi hidayat kepada mereka memerlukan dada yang lapang, sikap yang toleran, pendirian yang mudah dan memberi kemudahan tetapi jangan bersikap acuh tak acuh dan lalai cuai dalam perkara yang menyangkut agama Allah.

Amalan Ma'ruf

"Dan suruhlah (mereka) melakukan amalan ma'ruf."(199)

Iaitu amalan baik yang terkenal dan jelas yang tidak memerlukan diskusi dan perdebatan. Amalan ma'ruf ini diakui fitrah semulajadi yang sihat dan hati yang lurus. Hati yang biasa dengan amalan yang ma'ruf ini mudah dibimbing dan dipimpin dan seterusnya dapat melakukan berbagai kebaikan yang lain dengan mudah dan dengan sukarela tanpa keberatan. Tidak ada sesuatu yang lebih berat yang menghalangkan hati seseorang untuk melakukan kebaikan dari perbuatan menyulit-nyulit, memayah-mayah dan memberat-beratkan seseorang pada peringkat pertama ia diperkenalkan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan. Kerja melatih hati memerlukan dimula dengan tugas-tugas yang mudah dan senang di permulaan jalan sehingga ia dapat dipimpin dengan mudah dan terbiasa dengan sendirinya untuk melaksanakan tugas-tugas yang lebih berat dan mudah, dengan sukarela dan lemah-lembut.

"Dan berpalinglah dari orang-orang yang jahil."(199)

Arahan Supaya Menghalalkan Tindak-tanduk Dan Perkataan Orang-orang Yang Jahil

Kejahilan yang dimaksudkan di sini ialah kejahilan lawan hidayat dan kejahilan lawan ilmu. Kedua-dua pengertian ini sangat hampir. Yang dimaksudkan dengan ungkapan berpaling dalam ayat ini ialah meninggal dan mengabai, memandang ringan kepada tindak-tanduk dan perkataan mereka yang jahil dan bodoh atau mengambil sikap lalu melintasinya tanpa menoleh kepadanya dan mengelakkan diri dari berdebat dengan mereka, kerana perdebatan itu tidak akan membawa sesuatu hasil selain dari tarik menarik dan membuang waktu dan tenaga sahaja. Kadang-kadang tindakan mendiamkan diri dan tidak menghiraukan tindak-tanduk mereka yang bodoh dan jahil itu boleh melembut dan melatih hati sebagai ganti dari menggunakan jawapan-jawapan yang kesat, kasar dan degil. Andainya tindakan mendiamkan diri itu tidak dapat membawa apa-apa hasil kepada mereka, namun ia dapat mengasingkan mereka dari orang-orang yang lain yang mempunyai hati yang baik, kerana orang-orang ini melihat penda'wah itu sebagai orang yang sabar dan tidak suka membabitkan diri dalam perkara-perkara yang sia-sia dan melihat orang-orang yang jahil itu sebagai orang-orang yang bodoh dan tidak mengerti. Ini menyebabkan jatuhnya martabat mereka dan terpencilnya kedudukan mereka.

Alangkah wajarnya bagi setiap penda'wah mematuhi arahan Rabbani ini yang amat mengetahui segala isihati manusia.

Tetapi walau bagaimanapun Rasulullah s.a.w. adalah seorang manusia yang kadang-kadang merasa marah terhadap kebodohan, kekasaran dan ketololan yang ditunjukkan oleh orang-orang yang jahil dan bodoh itu. Dan andainya Rasulullah s.a.w. dapat mengawal perasaan ini, maka mungkin juga penda'wah-penda'wah yang datang selepas beliau tidak berupaya mengawalnya. Ketika dilambung perasaan marah, syaitan akan bertindak menggodakan hati seseorang dan menyebabkannya menjadi begitu marah dan tidak dapat dikawal lagi, justeru itu Allah menyuruh beliau supaya mengucap a'uzu Billah untuk memadamkan kemarahannya dan menutup jalan yang dilalui syaitan:

"Dan jika engkau diganggu godaan dari syaitan, maka hendaklah engkau mencari perlindungan pada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(200)

Cara Menghadapi Bisikan Syaitan

Kata ulasan "sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui" menjelaskan bahawa Allah mendengar segala kebodohan, kekasaran dan ketololan mereka dan mengetahui

segala penderitaan hatimu kerana tindak-tanduk mereka yang amat menyakiti itu. Sudah tentu penjelasan seperti ini dapat menghiburkan hati penda'wah. Cukuplah baginya apabila ia menginsafi bahawa Allah Yang Maha Mulia dan Maha Agung mendengar dan mengetahui segala kebodohan, kekasaran dan ketololan yang ditunjukkan oleh orang-orang yang jahil itu semasa ia mengajak mereka kepada agama Allah.

Kemudian ayat yang berikut mengambil satu jalan yang lain untuk menyarankan ke dalam hati penda'wah supaya menghadapi situasi ini dengan perasaan rela, menerima dan sentiasa mengingati Allah untuk menutup jalan laluan syaitan dan bisikan-bisikannya yang jahat:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ إِذَا مَسَّهُمْ طَٰٓئِفٌ مِّنَ ٱلشَّيْطَٰنِ تَذَكَّرُوا۟ فَإِذَا هُم مُّبْصِرُونَ ﴿٢٠١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa apabila mereka diganggu suatu fikiran yang buruk dari syaitan-syaitan, mereka terus teringat kepada Allah dan lantas mereka dapat melihat jalan yang benar."(201)

Ayat yang pendek ini mendedahkan saranan-saranan yang menarik dan hakikat yang mendalam yang terkandung dalam sepatah ungkapan Al-Qur'an yang indah dan bermu'jizat itu. Pengakhiran ayat dengan perkataan "dan lantas mereka dapat melihat (jalan yang benar)" menambahkan berbagai-bagai pengertian kepada maksud pokoknya, di mana tidak ada perkataan-perkataan yang setanding dengannya. Ia mengumumkan bahawa godaan syaitan boleh membutakan mata dan menutup pintu hati, tetapi bertaqwa, bermuraqabah dengan Allah dan perasaan takut kepada kemurkaan dan balasan-Nya merupakan tali yang menghubungkan hati manusia dengan Allah dan menyedarkan kelalaiannya dari hidayat Allah. Ia akan membuat para Muttaqin kembali insaf dan membuat pintu hatinya terus terbuka dan segala selaput yang menutup matanya terus hilang dan lantas mereka dapat melihat jalan yang benar. Jika godaan syaitan mengakibatkan kebutaan, maka pengingatan kepada Allah mengakibatkan mata yang buta itu kembali celik semula. Jika godaan syaitan membawa kegelapan, maka bertawajjuh kepada Allah membawa nur. Godaan syaitan dapat dihapuskan dengan taqwa kepada Allah, kerana syaitan tidak dapat menguasai orang-orang yang bertaqwa.

(Pentafsiran ayat-ayat 202 - 203)

Itulah kedudukan orang-orang yang bertaqwa

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ إِذَا مَسَّهُمْ طَٰٓئِفٌ مِّنَ ٱلشَّيْطَٰنِ تَذَكَّرُوا۟ فَإِذَا هُم مُّبْصِرُونَ ﴿٢٠١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa apabila mereka diganggu suatu fikiran yang buruk dari syaitan, mereka terus teringat kepada Allah dan lantas mereka dapat melihat jalan yang benar."(201)

Pernyataan ini datang sebagai selingan di antara ayat yang memerintah supaya berpaling dari orang-orang yang jahil dengan ayat yang mendedahkan apa dan siapa yang berada di belakang orang-orang yang jahil yang mendorong mereka ke arah kejahilan, kebodohan dan ketololan yang dilakukan mereka. Setelah selesai membuat ulasan ayat, maka ayat yang berikut kembali membicarakan tentang orang-orang yang jahil itu:

وَإِخْوَٰنُهُمْ يَمُدُّونَهُمْ فِى ٱلْغَىِّ ثُمَّ لَا يُقْصِرُونَ ﴿٢٠٢﴾ وَإِذَا لَمْ تَأْتِهِم بِـَٔايَةٍ قَالُوا۟ لَوْلَا ٱجْتَبَيْتَهَا ۚ قُلْ إِنَّمَآ أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ مِن رَّبِّى ۚ هَٰذَا بَصَآئِرُ مِن رَّبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠٣﴾

"Sedangkan saudara-saudara syaitan (orang-orang kafir dan fasiq) dibantu oleh syaitan di dalam kegiatan-kegiatan yang sesat itu dan mereka tidak berhenti-henti menggoda mereka (202). Dan jika engkau tidak membawa kepada mereka sesuatu mu'jizat, mereka berkata: Mengapa engkau tidak membuat mu'jizat itu sendiri? Jawablah: Sesungguhnya aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku dari Tuhanku. Al-Qur'an ini adalah pedoman-pedoman hati nurani dari Tuhan kamu, juga sebagai sumber hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman."(203)

Seorang Rasul Tidak Berkuasa Menciptakan Mu'jizat

Maksudnya, saudara-saudara orang-orang yang jahil yang membantu mereka dalam amalan-amalan yang sesat itu ialah syaitan-syaitan dari makhluk jin dan mungkin juga syaitan-syaitan dari makhluk manusia sendiri. Syaitan-syaitan inilah yang menambahkan kesesatan mereka. Syaitan-syaitan ini tidak pernah lemah dan jemu dan tidak pernah mendiamkan diri dan oleh sebab itulah orang-orang yang jahil itu terus bertindak bodoh dan tolol dan terus lalai dalam kebodohan mereka.

Kaum Musyrikin tidak berhenti-henti menuntut Rasulullah s.a.w. supaya membuktikan kebenarannya dengan kejadian-kejadian mu'jizat. Ayat yang berikut menceritakan setengah dari perkataan mereka yang menunjukkan bahawa mereka benar-benar jahil terhadap hakikat kerasulan dan tabi'at rasul:

وَإِذَا لَمْ تَأْتِهِم بِـَٔايَةٍ قَالُوا۟ لَوْلَا ٱجْتَبَيْتَهَا ۚ

"Dan jika engkau tidak membawa kepada mereka sesuatu mu'jizat mereka berkata: Mengapa engkau tidak membuat mu'jizat itu sendiri?"(203)

Maksudnya, mengapa engkau tidak mendesak Tuhanmu supaya menurunkan mu'jizat itu atau mengapa kamu tidak membuat mu'jizat itu sendiri? Bukankah engkau seorang nabi?

Mereka tidak memahami tabi'at seorang rasul dan tugas-tugasnya. Begitu juga mereka tidak mengetahui adab susila seorang rasul terhadap Tuhannya. Mereka tidak tahu bahawa tugas seorang rasul hanya menerima apa yang diberikan Tuhannya. Ia tidak boleh mendahului Tuhannya dan tidak boleh mencadangkan sesuatu kepada Tuhannya dan tidak pula boleh mengadakan sesuatu dengan sendirinya. Allah memerintah Rasulullah s.a.w. menerangkan hakikat ini kepada mereka:

قُلْ إِنَّمَآ أَتَّبِعُ مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ مِن رَّبِّي

"Jawablah: Sesungguhnya aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku dari Tuhanku."(203)

Yakni aku tidak boleh mencadang dan mereka, tidak boleh melakukan sesuatu kecuali apa yang diwahyukan oleh Tuhanku dan apa yang diperintahkan kepada aku.

Yang ternampak kepada mereka ialah gambaran palsu orang-orang yang mengaku menjadi nabi di zaman-zaman jahiliyah, sedangkan mereka tidak mempunyai kefahaman dan ilmu pengetahuan yang betul tentang hakikat kerasulan dan tabi'at seorang yang menjadi rasul.

Begitu juga Rasulullah s.a.w. diperintah menjelaskan kepada mereka isi kandungan Al-Qur'an yang dibawa olehnya kepada mereka, juga menjelaskan hakikat Al-Qur'an yang tidak diketahui mereka:

هَٰذَا بَصَآئِرُ مِن رَّبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠٣﴾

"Al-Qur'an ini adalah pedoman-pedoman hati nurani dari Tuhan kamu, juga sebagai sumber hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman."(203)

Maksudnya, Al-Qur'an ini merupakan pedoman-pedoman hati nurani yang memberi panduan kepada keimanan, juga merupakan sumber rahmat yang melimpah-ruah kepada orang-orang yang beriman kepadanya dan meni'mati kebaikan-kebaikannya yang makmur dan mewah.

Orang-orang Arab yang jahil dan hidup dalam jahiliyah telah menolak Al-Qur'an ini, dan sebaliknya menuntut Rasulullah s.a.w. membawa sesuatu mu'jizat dari mu'jizat-mu'jizat kebendaan sebagaimana yang diperlihatkan oleh rasul-rasul sebelum ini, ketika umat manusia masih berada dalam tahap kebudakan atau dalam tahap agama-agama setempat yang belum bercorak antarabangsa, iaitu mu'jizat yang hanya sesuai dengan zamannya dan tempatnya sahaja, mu'jizat yang hanya dapat dihadapkan kepada orang-orang yang melihatnya sahaja dan tidak dapat dihadapkan kepada generasi-generasi selepas mereka, juga tidak dapat dihadapkan kepada kaum-kaum yang lain yang tidak melihatnya.

Sedangkan mu'jizat yang dicapai oleh Al-Qur'an tidak dapat dicapai oleh mana-mana mu'jizat kebendaan dari mana-mana aspek sekalipun. Manusia di mana-mana zaman dan tempat sekalipun mahu melihat mu'jizat termasuk manusia di zaman dahulu dan lainnya hingga ke akhir zaman.

Di Antara Mu'jizat Kebendaan Dan Mu'jizat Al-Qur'an

Inilah mu'jizat Al-Qur'an dari segi uslub pengungkapan, dan mungkin aspek inilah merupakan aspek mu'jizat Al-Qur'an yang paling nyata kepada orang-orang arab yang berada di dalam jahiliyah, memandang mereka sangat menghargai seni pengungkapan itu dan bermegah-megah dengannya di pasar-pasar mereka. Aspek ini merupakan aspek mu'jizat Al-Qur'an bukan sahaja di zaman dahulu, malah kekal sampai ke zaman kini dan tiada seorang manusia pun yang sanggup mencabar-nya. Dengan aspek inilah Allah mencabar mereka dan cabaran ini masih tetap terbuka sehingga pada hari ini. Orang-orang yang berkebolehan dalam seni pengungkapan dan mengetahui sejauh mana tenaga manusia yang diperlukan di dalam menguasai bidang ini, merekalah orang yang paling arif bahawa uslub pengungkapan Al-Qur'an adalah uslub yang amat bermu'jizat sama ada mereka beriman kepada 'aqidah Islam atau tidak. Cabaran dalam aspek ini tetap wujud di atas asas-asas yang objektif sama ada kepada orang-orang yang beriman atau tidak beriman. Jika pembesar-pembesar Quraisy yang tidak beriman dan bencikan Islam itu dapati di dalam uslub pengungkapan Al-Qur'an daya tarikan yang tidak mampu ditepiskannya, maka begitu juga pada hari ini dan hari esok setiap manusia jahiliyah akan dapati dalam uslub pengungkapan Al-Qur'an daya tarikan yang kuat yang telah dialami oleh orang-orang jahiliyah di zaman dahulu.

Yang tetap kekal di sebalik itu ialah rahsia mu'jizat yang terkandung di dalam kitab suci Al-Qur'an yang unik itu... yang tetap kekal ialah pengaruhnya yang kuat di atas fitrah semulajadi manusia jika dibuka ruang bebas di antaranya dengan Al-Qur'an itu sebentar. Hingga kepada orang-orang yang mempunyai hati yang ditutup dengan karat-karat kekufuran dan ditimbus di bawah timbunan sampah-sarap yang berat, kadang-kadang hati mereka tiba-tiba tersentak dan menggeletar di bawah tekanan pengaruh yang kuat itu ketika mereka mendengar bacaan Al-Qur'an.

Orang-orang yang bijak bercakap itu memang ramai. Kadang-kadang mereka memperkatakan tentang dasar-dasar, aliran-aliran pendapat, fikiran-fikiran, trend-trend pemikiran, tetapi ciri yang unik dari al-Qur'an ialah kemampuannya mempengaruhi hati dan fitrah manusia mengenai sesuatu persoalan yang diperkatakan olehnya. Ia tetap kuat dan gagah dengan daya tarikannya yang berpengaruh. Dahulu pembesar-pembesar Quraisy pernah berkata kepada pengikut-pengikut mereka yang dianggap bodoh, sedangkan yang sebenarnya mereka berkata kepada diri mereka sendiri:

لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan ganggukannya (dengan fikiran-fikiran yang karut) supaya kamu dapat mengatasi mereka."

(Surah Fussilat: 26)

Mereka berkata begitu kerana mereka dapati hati mereka begitu tertarik kepada Al-Qur'an dan nada-nadanya yang menakjubkan dan tidak terlawan. Pembesar-pembesar manusia (yang menentang agama) di zaman ini juga masih terus berusaha untuk memalingkan hati manusia dari Al-Qur'an dengan penulisan-penulisan yang lain yang ditujukan untuk mengambil tempat Al-Qur'an, namun demikian Al-Qur'an tetap menang dan kuat. Apabila serangkai ayat atau beberapa rangkaian ayat Al-Qur'an diselit di dalam susunan perkataan-perkataan manusia, maka ayat-ayat itu membawa nada-nada yang berbeza dan unik yang menawan dan memikat hati para pendengarnya, ayat-ayat itu memperkesampingkan perkataan-perkataan yang lain darinya, iaitu menolak perkataan-perkataan manusia yang seni yang telah penat diucapkan oleh mereka.

Kemudian di sebalik uslub pengungkapan yang menakjubkan itu ialah bahan dan mauduk pembicaraan Al-Qur'an. Sebenarnya lembaran-lembaran selingan dari kitab Fi Zilalil-Qur'an ini tidak cukup untuk menghuraikan bahan dan mauduk Al-Qur'an itu kerana huraiannya tidak bersut dan bidang pembicaraannya tidak terhad.

Apakah yang dapat dihuraikan dalam lembaran-lembaran yang sedikit itu?

Methodologi Al-Qur'an yang berbicara dengan manusia mengenai hakikat-hakikat alam adalah satu Methodologi yang amat menarik, iaitu Methodologi yang berbicara dengan seluruh entiti manusia, di mana tiada satu aspek pun dari entitinya yang ditinggal tanpa berbicara dengannya dalam sesuatu huraiannya, tiada satu jendela pun dari jendela-jendela jiwa manusia yang ditinggal tanpa dimasukinya, tiada satu fikiran yang terlintas dalam hati manusia yang ditinggal tanpa berdialog dengannya dan tiada satu panggilan hati manusia yang ditinggal tanpa dijawab olehnya.

Methodologi Al-Qur'an adalah satu methodologi yang amat menarik ketika ia menangani isu-isu alam, di mana ia mendedahkan bagaimana fitrah insan, hatinya dan akalnya yang waras menerima hakikat-hakikat alam itu dengan penerimaan yang mutlak, sambutan yang dinamik dan visi yang jelas, juga mendedahkan hakikat-hakikat yang sesuai dengan keperluan-keperluan fitrah manusia di samping menggerakkan tenaga-tenaganya yang tersembunyi dan mengarahkannya ke jurusan yang betul.

Methodologi Al-Qur'an adalah satu methodologi yang amat menarik, kerana ia memimpin fitrah manusia selangkah demi selangkah, fasa demi fasa mendaki anak-anak tangga dengan lemah-lembut, dengan jejak-jejak yang dinamis dan penuh semangat, dengan pandangan dan wawasan yang jelas menuju ke kemuncak kecemerlangan ilmu pengetahuan, wawasan, perasaan, reaksi, penyesuaian diri, pendirian yang teguh dan jujur, keyakinan, kepercayaan, ketenangan dan ketenteraman hati dan jiwa terhadap hakikat-hakikat alam baik kecil mahupun besar.

Methodologi Al-Qur'an adalah satu methodologi yang amat menarik, kerana ia menyentuh fitrah manusia, di mana tiada seorang pun berfikir bahawa tempat yang disentuh itu adalah satu tempat yang sensitif dan responsif, tiba-tiba fitrah itu bangkit, mengeluarkan suara dan memberi reaksi. (Hal ini tidaklah menghairankan) kerana yang menurunkan Al-Qur'an ini ialah Pencipta manusia itu sendiri yang mengetahui segala rahsia makhluk yang diciptakannya, malah ia lebih hampir dengan manusia dari urat halkumnya sendiri.

Apakah yang menarik itu ialah methodologi Al-Qur'an? Atau bahan pembicaraan itu sendiri yang diulaskan oleh Al-Qur'an di dalam methodologi itu? Di sinilah terbentangnya ruang yang amat lebar dan amat luas yang tidak dapat dijejak oleh kata-kata pengungkapan.

قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾

"Katakanlah: Jika lautan itu dijadikan tinta untuk menghuraikan kalimat-kalimat Tuhanku nescaya akan keringlah lautan itu sebelum habis dihuraikan kalimat-kalimat Tuhanku walaupun sebanyak itu lagi Kami membawa tinta tambahan."

(Surah al-Kahfi: 109)

وَلَوْ أَنَّمَا فِى ٱلْأَرْضِ مِن شَجَرَةٍ أَقْلَٰمٌ وَٱلْبَحْرُ يَمُدُّهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَّا نَفِدَتْ كَلِمَٰتُ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٧﴾

"Dan jika segala pokok di bumi ini dijadikan pena dan lautan dijadikan tinta dan sesudah keringnya ditambahkan pula dengan tujuh lautan yang lain nescaya tidak juga habis dihuraikan kalimat-kalimat Allah (kalam Allah). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

(Surah Luqman: 27)

Al-Qur'an Membentangkan Pandangan-pandangan Yang Luas Dan Menyeluruh

Alhamdulillah penulis yang mencatatkan kalimat-kalimat Allah ini telah menghabiskan usia selama dua puluh lima tahun bersahabat rapat dengan kitab suci Al-Qur'an ini, mengingati, memahami, mengkaji dan menjelajah di merata pelosok hakikat-hakikat yang dibicarakan oleh kitab ini di dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan manusia, baik bidang-bidang yang telah diterokai mereka mahupun bidang-bidang yang belum diterokai mereka. Dan dalam waktu yang sama penulis membaca hasil kajian manusia di sekitar setengah-setengah aspek hakikat-hakikat itu dan seterusnya penulis melihat lautan ilmu pengetahuan yang begitu melimpah-ruah, begitu luas dan begitu lebar yang terkandung di dalam Al-Qur'an ini dan melihat di sampingnya tasik-tasik kecil ilmu pengetahuan manusia yang terpisah satu sama lain dan kubang-kubang pengetahuan yang kecil, juga melihat paya-paya pemikiran-pemikiran manusia yang busuk.

Penulis melihat pandangan Al-Qur'an yang menyeluruh terhadap alam al-wujud ini, tabi'atnya, hakikatnya dan segala aspeknya, asal usulnya, kejadian dan perkembangannya dan segala rahsia yang tersembunyi di sebaliknya, segala isi kandungannya dari makhlukmakhluk yang hidup dan benda-benda yang tidak bernyawa..... dan sebagainya dari pokok-pokok pembicaraan yang pernah dibicarakan sebahagian darinya oleh falsafah manusia.[26]

Penulis melihat pandangan Al-Qur'an yang menyeluruh terhadap makhluk insan, jiwa dan hati budinya, asal usulnya, kejadian dan perkembangannya, isi kandungan daya-daya dan tenaga-tenaganya yang tersembunyi, bidang-bidang aktiviti, tabi'at strukturnya, emosi-emosinya, reaksi-reaksinya, keperihalan-keperihalan dan rahsia-rahsianya dan sebagainya dari pokok-pokok pembicaraan yang pernah dibicarakan sebahagiannya oleh ilmu-ilmu kaji jiwa, ilmu pendidikan dan sosial, ilmu 'aqidah-'aqidah dan agama-agama.

Penulis melihat pandangan Al-Qur'an terhadap sistem hidup insan dan bidang-bidang aktivitinya yang wujud di alam kenyataan, bidang-bidang komunikasi dan pertembungan, bidang keperluan-keperluannya yang sentiasa membaharui dan pengurusan keperluan-keperluan itu dan sebagainya dari pokok-pokok pembicaraan yang dibicarakan sebahagiannya oleh teori-teori, aliran-aliran pemikiran sosioekonomi dan politik.[27]

Dalam setiap bidang kajian ini, seorang pengkaji yang hemat akan menemui di dalam Al-Qur'an ini berbagai-bagai ayat dan bimbingan-bimbingan yang kaya dan menakjubkan, dan selain dari kekayaan ini ialah fakta-faktanya yang tulin, tepat, mendalam, syumul dan halus!

Dalam mempelajari pokok pembicaraan Al-Qur'an yang asasi ini, saya tidak pernah merasa walau sekalipun bahawa saya memerlukan satu nas atau pendapat yang lain dari Al-Qur'an kecuali sabda rasul kerana ia merupakan sebahagian dari kesan-kesan Al-Qur'an, malah mana-mana pendapat yang lain dari Al-Qur'an kelihatan begitu kerdil walaupun betul dibandingkan dengan hasil-hasil fakta yang diperolehi oleh seorang pengkaji dari kitab Al-Qur'an yang amat menakjubkan ini.

Pernyataan-pernyataan ini adalah hasil dari pengalaman yang sebenar dan persahabatan yang begitu lama dengan Al-Qur'anul-Karim ketika didesak oleh keperluan mencari visi-visi, membuat kajian dan penelitian terhadap pokok-pokok pembicaraan Al-Qur'an yang asasi ini.... Saya tidak berupaya menyanjungi kitab Al-Qur'an ini. Siapakah saya dan siapakah seluruh manusia ini yang dapat menambahkan sesuatu kepada keagungan Al-Qur'an ini dengan kata-kata pujian yang dimiliki mereka.

Al-Qur'an Satu-satunya Sumber Ilmu Dan Kepimpinan Bagi Genarasi Sahabat

Kitab suci Al-Qur'an ini sejak awal lagi merupakan satu-satunya sumber ilmu pengetahuan, tarbiyah, bimbingan dan pembinaan insan bagi satu generasi manusia yang unik, satu generasi yang tidak pernah berulang di dalam sejarah manusia selepas itu dan tidak pernah wujud sebelum itu, iaitu generasi para sahabat yang mulia, yang telah menciptakan peristiwa besar yang mendalam dan jauh kesan-kesannya yang belum lagi dikaji dengan kajian yang benar sehingga sekarang.

Sumber inilah yang telah mewujudkan - dengan kehendak Allah dan perencanaan-Nya - mu'jizat yang sebesar ini di alam manusia, iaitu mu'jizat yang tidak dapat ditandingi oleh seluruh mu'jizat-mu'jizat dan peristiwa-peristiwa luar adat yang menemani sekalian rasul yang lain, iaitu mu'jizat yang dapat dilihat di alam kenyataan, yang membuktikan bahawa generasi sahabat yang unik itu merupakan satu fenomena sejarah yang unik.[28] Masyarakat yang terbentuk bagi pertama kali dari generasi sahabat ini dan masih terus bersinambung lebih dari seribu tahun iaitu masyarakat yang diperintah oleh undang-undang yang dibawa oleh Al-Qur'an, masyarakat yang ditegakkan di atas

---

[26] *Lihat buku:* "خصائص التصور الإسلامي ومقوماته" *dan buku* "هذا الدين", *buku* "الإسلام ومشكلات الحضارة", *buku* "معالم في الطريق", *oleh pengarang dan buku* "الإنسان بين المادية والإسلام", *buku* "", *buku* "التطور والثبات في حياة البشرية", *buku* "منهج التربية الإسلامية", *buku* "منهج الفن الإسلامي" *oleh Muhammad Qutb.*

[27] *Lihat buku* "نحو المجتمع اللإسلامي" *oleh penulis.*

[28] *Lihat bab* "جيل متفرد" *dan bab* "التصور الإسلامي والثقافة" *dalam buku* "معالم في الطريق"

landasan nilai-nilai Al-Qur'an, ukuran-ukurannya, panduan-panduannya, arahan-arahannya dan saranan-saranannya, masyarakat ini merupakan satu lagi mu'jizat di dalam sejarah manusia apabila dibandingkan dengan gambaran-gambaran masyarakat-masyarakat manusia yang lain, yang mengatasi masyarakat ini dari segi fungsi-fungsi kebendaan sebagai hasil dari kemajuan ujian manusia di alam kebendaan, namun demikian masyarakat-masyarakat itu tidak dapat menandingi masyarakat ini dari segi tamadun insaniyah.

Faktor-faktor Menghalangkan Manusia Dari Al-Qur'an Di Zaman Kini

Manusia yang hidup pada hari ini di dalam jahiliyah moden mencari keperluan-keperluan diri mereka, masyarakat mereka dan hidup mereka di luar panduan Al-Qur'an sama seperti manusia yang hidup di dalam jahiliyah Arab menuntut mu'jizat-mu'jizat yang lain dari Al-Qur'an. Mereka tidak dapat melihat mu'jizat-mu'jizat universal yang terdapat di dalam kitab suci Al-Qur'an yang amat menakjubkan ini kerana di halang oleh jahiliyah mereka yang dungu dan kejahilan mereka yang amat mendalam, juga dihalang oleh hawa nafsu dan kepentingan-kepentingan peribadi mereka. Sementara manusia yang hidup di dalam jahiliyah moden telah dihalangkan dari Al-Qur'an oleh sikap angkuh "ilmu manusia" yang telah dibukakan Allah kepada mereka di alam kebendaan, juga dihalang oleh keangkuhan kerana mempunyai peraturan dan bentuk-bentuk cara hidup yang canggih sebagai hasil dari kecanggihan hidup manusia pada hari ini atau kerana perkembangan dan kematangan mereka dari segi menyusun dan membentuk peraturan. Ini adalah satu fenomena biasa sebagai hasil kesinambungan hidup, pengalaman-pengalaman dan ujian-ujian manusia yang terus bersambung-sambung, kemunculan keperluan-keperluan yang baru yang semakin canggih.

Begitu juga mereka telah dihalangkan dari Al-Qur'an oleh angkara tipudaya selama lebih empat belas abad akibat dari dendam kesumat umat Yahudi dan Kristian yang tidak pernah berhenti walau sedetik pun dari memerangi Islam dan kitab sucinya yang lurus, juga dari berusaha melalaikan dan menjauhkan orang-orang Islam dari bimbingan dan arahan langsung dari Al-Qur'an, kerana pemimpin Yahudi dan Kristian sedar dari pengalaman-pengalaman mereka yang begitu lama bahawa mereka tidak berupaya menggugat pemeluk-pemeluk Islam selama mereka berpegang dengan Al-Qur'an seteguh yang dipegang oleh generasi Muslimin yang pertama bukan berpegang sekadar mendendangkan Al-Qur'an dengan bacaan-bacaan yang merdu, sedangkan hidup mereka jauh dari bimbingan Al-Qur'an. Itulah angkara tipudaya mereka yang jahat dan berterusan, dan hasilnya yang akhir ialah wujudnya kedudukan-kedudukan yang ada sekarang ini, di mana hidupnya orang-orang yang menamakan diri mereka sebagai kaum Muslimin, sedangkan mereka bukannya kaum Muslimin yang sebenar selama mereka tidak melaksanakan syari'at Allah di dalam kehidupan mereka. Di samping itu terdapat pula usaha-usaha yang lain di setiap tempat yang bertujuan menghapuskan kesan-kesan agama ini dan mengkaji buku undang-undang yang lain dari Al-Qur'an sebagai sumber rujukan untuk mengaturkan seluruh bidang kehidupan, juga sumber rujukan untuk mendapatkan prinsip-prinsip penyelesaian bagi setiap perselisihan dalam bidang penggubalan undang-undang dan peraturan untuk mengatur urusan kehidupan sebagaimana kaum Muslimin di zaman dahulu merujukkan segala urusan ini kepada kitab Allah.

Inilah Al-Qur'an yang tidak diketahui oleh umat Muslimin pada hari ini. Mereka tidak mengenali Al-Qur'an kecuali sekadar bacaan-bacaan yang merdu dan bacaan-bacaan untuk melindungi diri dari sesuatu yang tidak diingini setelah berabad-abad lamanya mereka dipalingkan dari Al-Qur'an oleh berbagai-bagai angkara tipudaya musuh, kejahilan yang memalukan, pengajian-pengajian yang salah, kerosakan fikiran dan hati yang syumul dan realiti-realiti yang malang dan buruk.

Inilah Al-Qur'an yang membuat orang-orang Arab yang hidup di dalam jahiliyah di zaman dahulu berusaha memalingkan orang ramai darinya dan menggesa mereka supaya menuntut Rasulullah s.a.w. menunjukkan mu'jizat kebendaan, juga membuat orang-orang yang hidup di dalam jahiliyah di zaman moden berusaha memalingkan orang ramai dari Al-Qur'an dengan bahan-bahan bacaan baru yang diada-adakan mereka, juga dengan berbagai-bagai alat media massa dan penerangan. Inilah Al-Qur'an yang disifatkan sendiri oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya:

"Al-Qur'an ini adalah pedoman-pedoman hati nurani dari Tuhan kamu, juga sebagai sumber hidayat dan rahmat kepada golongan orang-orang yang beriman."(203)

Yakni Al-Qur'an adalah pedoman-pedoman hati nurani yang menerangi jalan, sumber hidayat yang memberi bimbingan dan petunjuk dan sumber rahmat yang melimpah-ruah kepada golongan orang-orang yang beriman, dan hanya golongan inilah sahaja yang dapat menemui semuanya itu di dalam Al-Qur'anul-Karim itu.

(Pentafsiran ayat 204)

Oleh kerana Al-Qur'an mempunyai ciri-ciri yang seperti itu, maka ayat yang berikut secara langsung menyampaikan arahan kepada orang-orang yang beriman:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

"Apabila dibacakan Al-Qur'an, maka hendaklah kamu dengar dan perhatikannya dengan tenang supaya kamu dicucurkan rahmat."(204)

Ayat ini mengakhiri surah ini yang telah memulakan perbicaraannya dengan memperkatakan tentang Al-Qur'an:

Kewajipan Bacaan Al-Qur'an Dengan Teliti

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيْكَ فَلَا يَكُن فِى صَدْرِكَ حَرَجٌ مِّنْهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad). Oleh itu janganlah ada suatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya dengan perantaraannya engkau menyampaikan amaran (kepada manusia dan supaya menjadi) peringatan kepada orang-orang yang beriman." (2)

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat mengenai tempat yang diperintah seseorang itu mendengar dan memerhati dengan tenang apabila dibacakan Al-Qur'an. Setengah mereka berpendapat bahawa tempat yang diperintah mendengar dan memerhati dengan tenang itu ialah dalam solat fardhu, di mana imam membaca dengan suara yang lantang. Di sini wajiblah makmum mendengar bacaan imam dan memerhatikannya dengan tenang dan janganlah ia turut membaca serentak dengan bacaan imam yang lantang itu, iaitu janganlah ditandingi imam yang membaca Al-Qur'an. Pendapat ini sama dengan maksud hadith yang diriwayatkan oleh al-imam Ahmad dan ahli-ahli Sunnah yang lain. Ujar at-Tirmizi mengenai hadith ini: Ia adalah sebuah hadith Hasan. Sementara Abu Hatim ar-Razi pula menyifatkan hadith ini sebagai hadith Sahih, iaitu dari hadith az-Zuhri daripada Abu Akthamah al-Laythi daripada Abu Hurayrah katanya: Rasulullah s.a.w. beredar setelah selesai mengerjakan solat, di mana beliau membaca Al-Qur'an dengan lantang lalu beliau berkata: "Ada sesiapa tadi yang membaca serentak dengan aku?" Jawab seorang lelaki: "Ya, ada wahai Rasulullah". Lantas beliau bersabda: "Aku peringatkan, janganlah ditandingkan aku ketika aku membaca Al-Qur'an (jangan dibacakan Al-Qur'an serentak dengan bacaanku)". Orang ramai pun berhenti membaca Al-Qur'an serentak dengan bacaan Rasulullah s.a.w. di dalam sembahyang-sembahyang yang dibacakan Al-Qur'an dengan lantang sejak mereka mendengar teguran Rasulullah s.a.w. itu, juga sama dengan maksud hadith yang diriwayatkan oleb Ibn Jarir di dalam tafsirnya: Kami telah diceritakan oleh Abu Kurayb, kami telah diceritakan oleh al-Muharibi daripada Daud ibn Abu Hind, dari Bisyr ibn Jabir katanya: Ibn Mas'ud mengerjakan solat lalu ia mendengar para makmum membaca serentak dengan imam. Setelah selesai sembahyang dia berkata: "Sudahlah tiba waktunya kamu memahami, sudahlah tiba waktunya kamu mengerti firman Allah:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟

"Apabila dibacakan Al-Qur'an, maka hendaklah kamu dengar dan perhatikannya dengan tenang" (204) [29]

Hendaklah kamu memahaminya sebagaimana yang diperintahkan Allah.

Setengah pula berpendapat bahawa ayat ini bertujuan mengarahkan orang-orang Islam supaya jangan mengikuti perbuatan kaum Musyrikin yang mendatangi Rasulullah s.a.w. ketika beliau mengerjakan solat di Makkah, lalu mereka berkata terhadap satu sama lain:

لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan ganggukannya dengan (fikiran-fikiran yang karut) supaya kamu dapat mengatasi mereka."

(Surah Fussilat: 26)

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟

"Apabila dibacakan Al-Qur'an, maka hendaklah kamu dengar dan perhatikannya dengan tenang."(204)

Ujar al-Qurtubi: Ayat ini diturun mengenai (bacaan ayat-ayat Al-Qur'an) di dalam solat. Diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud, Abu Hurayrah, Jabir, az-Zuhri, 'Ubaydullah ibn 'Umayr, 'Ata' ibn Abi Rabah dan Sa'id ibn al-Musayab.

Ibn Jarir telah meriwayatkan sebab turunnya ayat ini katanya: Kami telah dicerita oleh Abu Kurayb, kami telah diceritakan oleh Abu Bakr ibn 'Iyash daripada 'Asim daripada al-Musayab ibn Raf'i. Ujar Ibn Mas'ud: Dulu kami memberi salam terhadap satu sama lain di dalam solat lalu turun ayat:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

---

[29] *Mazhab-mazhab tidak sependapat mengenai bacaan makmum. Satu pendapat mengatakan makmum tidak dikehendaki membaca di dalam solat jahriyah (bacaan lantang) atau dalam solat sirriyah (bacaan perlahan) kerana bacaan imam dikira sebagai bacaannya. Satu pendapat lagi mengatakan makmum tidak dikehendaki membaca (al-Fatihah) dalam solat jahriyah serentak dengan imam, tetapi ia dikehendaki membaca al-Fatihah semasa imam diam di antara bacaan al-Fatihah dan bacaan surah. Satu pendapat yang lain lagi mengatakan makmum tidak dikehendaki membaca dalam solat jahriyah, tetapi ia dikehendaki membaca di dalam solat sirriyah.*

Ujar al-Qurtubi di dalam tafsirnya: Kata Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi: Dulu apabila Rasulullah s.a.w membaca Al-Qur'an di dalam solat, maka para makmum di belakangnya mengikuti bacaannya. Apabila beliau membaca بسم الله الرحمن الرحيم mereka turut membaca seperti bacaannya sehingga tamat Surah al-Fatihah dan surah. Keadaan ini berlangsung selama yang dikehendaki Allah kemudian barulah turun ayat:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Ini menunjukkan bahawa tujuan mendengar itu ialah meninggalkan bacaan yang lantang seperti yang telah dilakukan mereka selama ini mengikut bacaan Rasulullah s.a.w.

Begitulah ujar al-Qurtubi. Sementara Qatadah pula berkata tentang ayat ini: Dulu apabila seorang datang hendak bersembahyang, sedangkan mereka sedang bersembahyang, maka ia bertanya kepada mereka: Berapa rakaat sudah kamu kerjakan? Atau tinggal berapa rakaat lagi? Lalu Allah turunkan ayat:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Dari Mujahid pula katanya: Dulu mereka bercakap-cakap di dalam solat jika ada sesuatu yang perlu lalu Allah turunkan ayat:

وَإِذَا قُرِئَ ٱلْقُرْءَانُ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥ وَأَنصِتُوا۟ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Mereka yang berpendapat bahawa ayat ini khusus dengan bacaan Al-Qur'an di dalam solat berpegang dengan dalil yang diriwayatkan oleh Ibn Jarir: Kami telah diceritakan oleh Humayd ibn Mas'adah, kami telah diceritakan oleh Bisyr ibn al-Mufadhdhal, kami telah diceritakan oleh al-Jariri, kami telah diceritakan oleh Talhah ibn 'Ubaydullah ibn Kurayz katanya: Saya melihat 'Ubayd ibn 'Umayr dan 'Ata' ibn Abi Rabah bercakap-cakap, sedangkan qari sedang membaca Al-Qur'an lalu saya berkata kepada mereka: "Hendaklah kamu mendengar bacaan Al-Qur'an supaya kamu mendapat rahmat yang dijanjikan Allah (dalam firmannya 'لعلكم ترحمون' supaya kamu mendapat rahmat). "Kata Talhah: Kedua-dua 'Ubayd dan 'Ata' menoleh kepada saya, kemudian mereka terus bercakap-cakap lagi. Kata Talhah: Saya ulangi perkataanku tadi, lalu kedua-duanya menoleh pula kepada saya, kemudian terus bercakap lagi. Kata Talhah: Saya ulangi lagi, lalu kedua-duanya menoleh kepada saya seraya berkata: "Perintah dalam ayat "وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ" itu ialah dalam sembahyang. Ujar Ibn Kathir ketika meriwayatkan cerita ini: Begitu juga kata Sufyan ath-Thauri dari Abu Hasyim Ismail ibn Kathir dari Mujahid mengenai perintah di dalam ayat "وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ" katanya: Perintah itu ialah dalam sembahyang. Begitu juga diriwayatkan oleh beberapa rawi dari Mujahid. Ujar Abdur- Razzaq daripada ath-Thauri, dari Layth daripada Mujahid katanya: "Tidak mengapa bercakap jika seseorang itu membaca Al-Qur'an di luar solat."

Setengah pula berpendapat bahawa perintah mendengar itu ialah di dalam sembahyang dan dalam khutbah Jumaat dan hari raya. Inilah pendapat Sa'id ibn Jubayr, Mujahid, 'Ata', 'Amru ibn Dinar, Yazid ibn Aslam, al-Qasim ibn Mukhaymirah, Muslim ibn Yasar, Syar ibn Hausyab dan Abdullah ibn al-Mubarak, tetapi ujar al-Qurtubi: "Pendapat ini dhaif, kerana ayat-ayat Al-Qur'an yang diselit di dalam khutbah-khutbah itu sedikit sedangkan seluruh khutbah wajib didengar". Ujar Ibn al-'Arabi dan an-Naqqasy: Ayat ini turun di Makkah, sedangkan khutbah dan solat jumaat belum ada lagi di Makkah.

Ujar al-Qurtubi dalam tafsirnya: Kata an-Naqqasy: "Ahli-ahli tafsir sepakat bahawa perintah mendengar (dalam ayat ini) ialah dalam sembahyang fardhu dan sembahyang bukan fardhu." Ujar an-Nahhas: "Dari segi bahasa, kewajipan mendengar merangkumi segala situasi kecuali ada dalil yang mengkhususkan dengan situasi."

Pada hemat kami, kami tidak melihat di dalam sebab-sebab nuzul ayat ini dalil yang mengkhususkan ayat ini dengan solat fardhu dan solat bukan fardhu sahaja berdasar-kan kaedah 'العبرة بعموم النص لا بخصوص السبب' (yang diambil kira ialah keumuman nas bukannya kekhususan sebab). Yang lebih dekat di faham ialah perintah mendengar bacaan Al-Qur'an ini merupakan satu perintah umum yang tidak dikhususkan dengan situasi, kerana mendengar Al-Qur'an dan memerhatikannya dengan khusyu' ketika ia dibaca adalah sangat wajar dengan kebesaran Al-Qur'an dan kebesaran Allah S.W.T. yang menurunkannya, dan apabila Allah berfirman hendaklah manusia mendengar Al-Qur'an dan memerhatikannya dengan tenang dan khusyu' dan menjanjikan rahmat kepada mereka لعلكم ترحمون ("supaya kamu mendapat rahmat"), maka apakah dalil yang mengkhususkan perintah ini dengan bacaan dalam solat sahaja? Apabila Al-Qur'an dibaca dan anda mendengarnya dengan hati yang khusyu', maka ini lebih memberi harapan yang baik kepada anda untuk mengingati dan menghayati Al-Qur'an, juga untuk mendapat rahmat dunia dan Akhirat.

Manusia akan mendapat sebesar-besar kerugian yang tidak terganti apabila mereka menjauhkan diri dari Al-Qur'an. Kadang-kadang sepotong ayat Al-Qur'an yang didengar dengan teliti itu dapat melahirkan berbagai-bagai kesan yang menakjubkan di dalam hati seseorang. Ia merangsangkan perasaan keterharuan, reaksi menyambut saranannya,

keinginan membetulkan diri. Ia memberi visi dan kefahaman, memberi ketenteraman dan ketenangan, ia membuat seseorang berpindah begitu jauh dalam ma'rifat yang memberi kesedaran dan suluhan batin yang tidak dapat di faham melainkan oleh mereka yang mengalami dan mengenalinya.

Usaha meneliti Al-Qur'an dengan penuh kesedaran dan perhatian, bukan dengan semata-mata membaca dan melagu-lagukannya dapat melahirkan dalam lubuk hati dan akal visi yang jelas dan jauh jangkauannya, melahirkan ma'rifat yang penuh yakin, melahirkan kesedaran yang hangat, dinamis dan bebas, melahirkan sikap positif dan keazaman yang kukuh, melahirkan kesan-kesan yang tidak dapat ditandingi oleh gerak riadhah yang lain atau oleh sesuatu ma'rifat atau pengalaman yang lain.

Melihat hakikat-hakikat alam al-wujud dan hakikat-hakikat hidup menerusi gambaran Al-Qur'an, melihat hidup manusia, tabi'at-tabi'atnya dan keperluan-keperluannya menerusi penjelasan-penjelasan Al-Qur'an, menghasilkan satu visi yang gemilang, jelas, halus dan mendalam, satu visi yang membawa seseorang menerima dan menanganinya dengan semangat yang lain dari semangatnya ketika ia menghadapi kefahaman-kefahaman dan pernyataanpernyataan yang dibuat oleh manusia.

Semuanya ini memberi harapan yang lebih baik kepada seseorang untuk mendapatkan rahmat Allah sama ada di dalam solat atau di luar solat. Di sana tidak terdapat apa-apa dalil yang mengkhususkan perintah umum Al-Qur'an ini dengan bacaan dalam solat sahaja sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Qurtubi diri an-Nahhas.

(Pentafsiran ayat-ayat 205 - 206)

Kewajipan Mengingati Allah Pada Setiap Ketika Dan Situasi

Kemudian surah ini diakhiri dengan arahan supaya mengingati Allah dalam seluruh keadaan sama ada di dalam solat atau di luar solat:

وَٱذْكُر رَّبَّكَ فِى نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ ٱلْجَهْرِ مِنَ ٱلْقَوْلِ بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْآصَالِ وَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْغَٰفِلِينَ ﴿٢٠٥﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسْجُدُونَ ۩ ﴿٢٠٦﴾

"Dan ingatlah Tuhanmu di dalam hatimu dengan rasa rendah diri dan takut dan tanpa menyaringkan sebutan perkataan di waktu awal pagi dan petang dan janganlah engkau jadi dari golongan orang-orang yang lalai (205). Sesungguhnya para malaikat yang berada di sisi Tuhanmu tidak berlagak angkuh untuk beribadat kepada-Nya dan mereka sentiasa bertasbih dan sujud kepada-Nya."(206)

Ujar Ibn Kathir dalam tafsirnya: Allah Taala menyuruh manusia agar banyak mengingati-Nya di awal siang hari dan di akhirnya di samping menyuruh mereka mengerjakan ibadat kepada-Nya dalam dua waktu ini di dalam firman-Nya:

فَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ ٱلشَّمْسِ وَقَبْلَ ٱلْغُرُوبِ ﴿٣٩﴾

"Hendaklah engkau bertasbih (mendirikan solat) seraya memuji Tuhanmu sebelum terbitnya matahari dan sebelum terbenamnya."

(Surah Qaf: 39)

Ini ialah sebelum difardhukan solat lima waktu pada malam Isra'. Ayat ini diturunkan di Makkah dan di sini Allah menyebut "الغدو" (waktu awal pagi) dan "الآصال" kata jama' dari (waktu petang) "أصيل" ia sama dengan bunyi aiman kata jama' "يمين" Maksud perkataan:

تَضَرُّعًا وَخِيفَةً

"Dengan rasa rendah diri dan takut."(205)

Maksudnya, ingatilah Tuhanmu dalam hatimu dengan perasaan penuh minat dan takut dan tanpa menyaringkan suara. Oleh sebab itu ia menyebut:

وَدُونَ ٱلْجَهْرِ مِنَ ٱلْقَوْلِ

"Tanpa menyaringkan sebutan perkataan."(205)

Demikianlah cara yang disunatkan ketika mengucap Zikrullah. Ia tidak dilakukan dalam bentuk seruan yang lantang dan nyaring. Oleh sebab itu apabila sahabat-sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w: Apakah Tuhan kita itu dekat dan kerana itu kita harus menyeru-Nya dengan suara yang membisik? Atau apakah Dia itu jauh dan kerana itu kita harus menyeru-Nya dengan suara yang nyaring? Lalu Allah turunkan ayat:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِى عَنِّى فَإِنِّى قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang diri-Ku, jawablah bahawa Aku amat dekat dan bersedia memperkenankan permohonan pendo'a apabila ia berdo'a kepada Aku."

(Surah al-Baqarah: 186)

Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Musa al-Asy'ari r.a katanya: Sahabat-sahabat telah berdo'a dengan suara yang lantang ketika dalam setengah-setengah persafiran, lalu Rasulullah bersabda kepada mereka:

يا أيها الناس أربعوا على أنفسكم فإنكم لا تدعون أصمّ ولا غائبا ، إنكم تدعون سميع قريب ، أقرب إلى أحدكم من عنق راحلته

"Wahai sekalian kamu! Kasihanilah diri kamu kerana kamu tidak berdo'a kepada Tuhan yang tuli dan tidak hadir, malah Tuhan yang kamu berdo'a kepada-Nya itu adalah Tuhan Yang Maha Mendengar dan Maha Dekat, iaitu lebih dekat kepada seseorang kamu dari leher kenderaannya."

Ibn Kathir menolak pendapat Ibn Jarir dan pendapat Abdur-Rahman bin Zayd bin Aslam sebelumnya bahawa maksud ayat ini ialah menyuruh pendengar bacaan Al-Qur'an ketika ia mendengarnya supaya menyebut bacaan itu tanpa menyaringkan suaranya. Ujar Ibn Kathir: Pendapat yang dikemukakan oleh kedua-duanya tidak mendapat sokongan, malah maksud ayat ini ialah menggalakkan para hamba supaya membanyakkan Zikrullah di waktu pagi dan petang supaya mereka tidak lalai. Oleh sebab itulah Allah memuji para malaikat yang tidak jemu-jemu bertasbih malam dan siang dan berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ

"Sesungguhnya para malaikat yang berada di sisi Tuhanmu tidak berlagak angkuh untuk beribadat kepada-Nya."(206)

Tujuan Allah menyebut para malaikat di sini supaya dijadikan contoh ikutan dari segi keta'atan dan ibadat mereka yang banyak kepada Allah.

Berdasarkan latar belakang dan hadith-hadith nabi yang dikemukakan oleh Ibn Kathir, kami dapat melihat sejauh mana kejayaan Al-Qur'an dan tarbiyah Nabawiyah memindahkan ma'rifat mengenai hakikat Allah kepada jiwa orang-orang Arab, juga hakikat alam al-wujud di sekeliling mereka. Berdasarkan pertanyaan mereka dan jawapan kepada pertanyaan mereka, kita dapat mengetahui sejauh mana perpindahan dan perubahan yang dilakukan oleh Islam terhadap mereka melalui Al-Qur'anul-Karim dan bimbingan Nabawiyah yang lurus. Itulah satu perpindahan dan perubahan yang amat jauh, yang membayangkan ni'mat dan rahmat Allah yang limpah terhadap mereka jika mereka mengetahui.

Selain dari itu, Zikrullah yang dimaksudkan oleh ayat-ayat ini bukanlah semata-mata zikir yang disebut oleh bibir mulut dan lidah sahaja, malah ialah Zikrullah dengan hati, kerana Zikrullah yang tidak mengocak dan menggegarkan jiwa dan hati, tidak disertai dengan perasaan rendah diri, perasaan takut dan bimbang tidak akan layak disebut sebagai Zikrullah, malah zikir yang seperti itu merupakan perbuatan biadab terhadap hak Allah, malah Zikrullah yang sebenar harus disertakan dengan bertaubat kepada Allah dengan merendahkan diri, dengan perasaan takut dan taqwa. Zikrullah yang sebenar ialah menghadirkan kebesaran Allah dan keagungan-Nya, menghadirkan perasaan takut kepada kemurkaan dan balasan-Nya dan seterusnya menghadirkan harapan yang baik terhadap Allah dan keinginan berlindung di bawah naungan rahmat-Nya agar roh seorang itu bersih dan berinteraksi dengan sumber laduni-Nya yang halus dan terang benderang.

Apabila lidah bergerak bersama hati dan apabila bibir mulut bermadah bersama jiwa, maka hendaklah tindakan itu berlangsung dalam bentuk yang tidak menjejaskan khusyu' dan menggugatkan perasaan rendah diri, iaitu berlangsung dengan suara yang rendah bukan dengan bersiul-siul dan bertepuk tangan, bukan dengan menjerit-jerit dan hiruk-pikuk, bukan dengan bernyanyi dan berdendang.

Keistimewaan Zikrullah Di Awal Pagi Dan Awal Petang

وَٱذۡكُر رَّبَّكَ فِي نَفۡسِكَ تَضَرُّعٗا وَخِيفَةٗ وَدُونَ ٱلۡجَهۡرِ مِنَ ٱلۡقَوۡلِ بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ

"Dan ingatlah Tuhanmu di dalam hatimu dengan rasa rendah diri dan takut dan tanpa menyaringkan sebutan perkataan di waktu awal pagi dan petang."(205)

Yakni di permulaan siang hari dan di akhirnya, di mana hati terus berhubung dengan Allah di awal dan di hujung siang, tetapi Zikrullah tidak terbatas pada dua waktu ini sahaja, malah ia harus berlangsung di dalam hati pada setiap waktu, sama seperti muraqabah dengan Allah harus berlangsung pada setiap detik, namun begitu, kedua-dua waktu itu merupakan waktu-waktu di mana hati kita dapat melihat dengan jelas perubahan permukaan alam buana, iaitu perubahan dari hari malam ke hari siang dan dari hari siang ke hari malam di samping perubahan-perubahan gejala-gejala alam dan situasi-situasinya. Di samping itu Allah S.W.T. mengetahui bahawa hati manusia yang berada dalam dua waktu itu lebih mudah menerima kesan dan menyambut saranan. Oleh sebab itulah di dalam Al-Qur'an terdapat banyak arahan supaya manusia mengingati Allah dan bertasbih dengan memuji-Nya di waktu-waktu tersebut, di mana seluruh alam buana turut serta mempengaruhi hati manusia, menghaluskan perasaan dan menajamkan kepekaan dan menggalakkannya berinteraksi dengan-Nya.

فَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ قَبۡلَ طُلُوعِ ٱلشَّمۡسِ وَقَبۡلَ ٱلۡغُرُوبِ ﴿٣٩﴾ وَمِنَ ٱلَّيۡلِ فَسَبِّحۡهُ وَأَدۡبَٰرَ ٱلسُّجُودِ ﴿٤٠﴾

"Oleh itu hendaklah engkau bersabar terhadap apa yang di katakan mereka dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu sebelum terbitnya matahari dan sebelum terbenamnya. Dan bertasbihlah di waktu malam dan selepas selesai mengerjakan solat."

(Surah Qaf: 39-40)

وَمِنْ ءَانَآيِٕ ٱلَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ ٱلنَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ ﴿١٣٠﴾

"Dan bertasbihlah di waktu-waktu malam dan di waktu-waktu siang hati supaya engkau bersenang hati."

(Surah Taha: 130)

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾ وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَٱسْجُدْ لَهُۥ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

"Dan sebutlah nama Tuhanmu pagi dan petang, dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang."

(Surah al-Insan: 25-26)

Tidak ada sebab untuk mengatakan bahawa perintah Zikrullah pada waktu ini adalah sebelum difardhukan solat fardhu pada waktu-waktunya yang tertentu hingga menyarankan bahawa dengan kefardhuan solat-solat fardhu itu, maka perintah Zikrullah pada waktu-waktu ini tidak lagi dikehendaki, kerana Zikrullah itu lebih syumul dari solat dan waktu-waktu Zikrullah itu pula tidak terbatas pada waktu-waktu solat fardhu, begitu juga Zikrullah dapat dilakukan dalam bentuk-bentuk yang lain dari solat fardhu dan solat bukan fardhu, iaitu dalam bentuk Zikrullah dengan hati atau dengan hati dan lisan tanpa lain-lain harakat solat, malah Zikrullah lebih syumul dari itu semuanya iaitu Zikrullah dalam bentuk mengingati Allah secara berterusan atau dalam bentuk sentiasa menghadirkan kebesaran dan keagungan Allah dan bermuraqabah dengan-Nya dalam keadaan rahsia atau terbuka, dalam perkara yang kecil dan besar, dalam keadaan bergerak dan diam, dalam keadaan bertindak atau berniat. Al-Qur'an menyebut waktu pagi petang dan malam itu kerana waktu-waktu ini mempunyai kesan-kesan tertentu yang diketahui Allah dapat mempengaruhi hati manusia, dan hanya Allah Penciptanya sahaja yang mengetahui fitrah semulajadinya dan tabi'at strukturnya!

"Dan janganlah engkau jadi dari golongan orang-orang yang lalai."(205)

Yakni lalai dari mengingati Allah... bukan lalai dari menyebut-Nya dengan bibir mulut dan lisan, tetapi lalai dari mengingati-Nya dengan hati iaitu Zikrullah yang mengocakkan hati yang membuat seseorang itu enggan mengikut mana-mana jalan yang tidak betul kerana ia merasa malu diketahui Allah, atau enggan melakukan sesuatu tindakan yang keji kerana ia merasa malu di lihat Allah, atau membuat seseorang itu merasa bahawa segala perbuatannya baik besar mahupun kecil adalah dihisabkan oleh Allah. Itulah Zikrullah yang dimaksudkan dalam perintah Allah dalam ayat ini. Jika tidak, maka apakah gunanya Zikrullah jika ia tidak membawa seseorang kepada keta'atan-keta'atan, amalan yang baik, perilaku yang bersih dan mengikuti jalan yang lurus?

Ingatilah Tuhanmu dan jangan sekali-kali lalai dari mengingati-Nya, jangan biarkan hatimu lalai dari bermuraqabah dengan Allah kerana seseorang insan amat perlu berhubung dengan Allah pada setiap waktu untuk mendapatkan kekuatan menentang godaan syaitan.

وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٠٠﴾

"Dan jika engkau diganggu godaan dari syaitan, maka hendaklah engkau mencari perlindungan pada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(200)

Cara Menghadapi Gangguan Syaitan

Sebelum ini, ayat-ayat awal surah ini merupakan pameran pertarungan di antara insan dan syaitan, di mana rangkaian ayat-ayat ini menayangkan angkatan keimanan (angkatan para rasul) dan barisan syaitan, manusia dan jin yang menghalangkan perjalanan angkatan ini, begitu juga ayat-ayat itu menyebut cerita seorang tokoh yang telah dikurniakan ilmu pengetahuan mengenai ayat-ayat Allah tetapi ia menjauhkan diri darinya lalu ia diikuti syaitan dan terus terjebak di dalam golongan orang-orang yang sesat. Kemudian ayat-ayat akhir surah ini menyebut tentang godaan syaitan dan arahan supaya insan memohon perlindungan dari godaan itu kepada Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Rangkaian ayat-ayat itu bersambung-sambung dan berakhir dengan perintah supaya manusia mengingati Allah dengan perasaan rendah diri dan takut dan melarang mereka dari kelalaian. Perintah dan larangan ini dikemukakan sehubungan dengan arahan Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau bersikap pemaaf, menyuruh insan melakukan amalan-amalan yang baik dan bersikap tidak peduli terhadap orang-orang yang jahil dan bodoh. Semuanya itu untuk menyempurnakan perletakan tanda-tanda jalan yang betul dan membekalkan penda'wah dengan bekalan-bekalan yang memungkinkannya mengatasi kesulitan-kesulitan di dalam perjalanan.

Kemudian Allah mengemukakan perbandingan dengan para malaikat yang mempunyai kedudukan yang amat hampir dengan-Nya, iaitu makhluk malaikat yang tidak pernah diganggu syaitan, kerana struktur kejadiannya tidak mempunyai tempat untuk syaitan dan mereka juga tidak pernah dikongkong oleh keinginan hawa nafsu. Namun demikian mereka sentiasa bertasbih kepada Allah dan mengingati-Nya, tidak berlagak angkuh dan jemu mengabdikan diri kepada Allah, sedangkan manusia lebih memerlukan Zikrullah, ibadat dan tasbih kepada Allah diri makhluk malaikat, kerana jalan yang dilaluinya itu amat sukar dan tabi'at semulajadinya terdedah kepada hasutan dan godaan syaitan, juga terdedah kepada kelalaian

yang menjatuhkannya ke dalam kesesatan, sedangkan daya dan tenaganya amat terbatas jika tidak kerana adanya bekalan-bekalan ini untuk menempuh jalan yang sukar itu:

إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسۡجُدُونَ ۩ ﴿٢٠٦﴾

"Sesungguhnya para malaikat yang berada di sisi Tuhanmu tidak berlagak angkuh untuk beribadat kepada-Nya dan mereka sentiasa bertasbih dan sujud kepada-Nya."(206)

Ibadat Dan Zikrullah Merupakan Unsur Asasi Methodologi Islam

Ibadat dan Zikrullah merupakan unsur asasi dalam methodologi Islam. Ia bukannya methodologi pengetahuan teori dan perbahasan ilmu ketuhanan, malah methodologi Islam ialah methodologi bertindak secara realistik untuk mengubahkan realiti manusia yang mempunyai akar umbinya dan stok tabi'at semulajadinya di dalam jiwa dan adat resamnya. Usaha mengubahkan realiti jahiliyah kepada realiti Rabbani yang dikehendaki Allah untuk kepentingan manusia sesuai dengan methodologinya adalah satu persoalan yang amat sukar, yang memerlukan usaha yang lama dan kesabaran yang mendalam, sedangkan tenaga penda'wah terbatas dan tidak mampu menghadapi kesukaran dan kesulitan itu tanpa mendapat bekalan dari Allah, tetapi bekalan itu bukannya ilmu dan ma'rifat sahaja, malah ialah beribadat kepada Allah dan mencari bekalan dari Allah. Itulah bekalan yang sebenar dan itulah bantuan yang sebenar untuk menempuh jalan yang amat sukar dan panjang.

Oleh sebab itulah Allah kemukakan arahan yang terakhir surah ini yang dimulakan dengan firman Allah kepada rasul-Nya yang mulia:

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ فَلَا يَكُن فِي صَدۡرِكَ حَرَجٞ مِّنۡهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٢﴾

"(Al-Qur'an) adalah sebuah kitab yang diturunkan kepadamu (Muhammad). Oleh itu janganlah ada suatu perasaan kesulitan terhadapnya di dalam dadamu supaya dengan perantaraannya engkau menyampaikan amaran (kepada manusia dan supaya menjadi) peringatan kepada orang-orang yang beriman"(2)

iaitu surah yang memuatkan ayat-ayat yang menayangkan angkatan keimanan yang dipimpin oleh kelompok para rasul yang mulia dan halangan-halangan yang mengganggu perjalanannya, iaitu halangan-halangan dari tipu daya syaitan-syaitan, jin dan manusia, juga halangan-halangan dari tentangan-tentangan penguasa-penguasa yang zalim di bumi Allah, tindasan-tindasan dari geng-geng Taghut yang membelenggu manusia.

Itulah bekalan di perjalanan dan itulah kelengkapan angkatan keimanan yang mulia untuk menempuh jalan ini.

* * * * * *